PENGARUH JEPUN TERHADAP BIDANG PENDIDIKAN DI TANAH MELAYU (MALAYSIA) 1941-1990-an.

Oleh

AHMAD SOHAIMI BIN LAZIM

Tesis yang diserahkan untuk

memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah

April 2008

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah, tuhan pencipta sekelian alam diatas rahmat dan petunjuknya yang mengizinkan aku meneruskan pengajian. Sukacita saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris yang memberikan peluang cuti belajar dan Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang menerima saya menyambung pengajian. Sepanjang tempoh pengajian, saya merasa amat terhutang budi kepada penyelia utama Prof. Abu Talib Ahmad yang mempamerkan mutu intelektual yang begitu tinggi serta menasihati dan membimbing saya dengan amat sabar dan cermat. Sikap prihatin dan teliti beliau menjadi teladan yang amat berguna bukan hanya dalam bidang pengajian akademik tetapi juga pada alam kerjaya. Terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Anbalakan Kailasam, penyelia kedua yang turut memberikan bimbingan dan nasihat berguna dalam mengatasi pelbagai masalah yang timbul semasa kajian dijalankan. Penghargaan juga ditujukan kepada dekan dan rakan-rakan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan khususnya di Jabatan Tamadun Islam dan Asia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim. Sokongan moral dan material yang dihulurkan akan dingati selagi hayat di kandung badan. Akhirnya kepada keluarga tersayang terutama isteri-ku yang tidak pernah jemu memberikan sokongan selain amat sabar menahan segala cabaran dan dugaan. Dedikasi ini juga ditujukan kepada anak-anakku Ashraf, Suraya, Amirah, Balqis, Najwa dan sikecil Amer Hakimi. Wajah dan karenah kalian merupakan sumber inspirasi kepada Abah. Belajar memberikan pelbagai pengalaman pahit dan manis namun hasil yang dikecapi tiada bandingannya. Semoga segala usaha ini dirahmati Allah dan memberi semangat kepada anak-anak Abah meneruskan perjuangan hidup.

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI SINGKATAN	vii
SENARAI LAMPIRAN	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xi
BAB SATU : PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Kajian-kajian Tentang Zaman Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan Hubungan Malaysia-Jepun Selepas 1957	3
Pernyataan Masalah	36
Matlamat dan Kepentingan Kajian	43
Ulasan Sumber	44
Batasan Kajian	47
Pembahagian Bab	48
BAB DUA: ZAMAN PEMERINTAHAN JEPUN 1941 – 1945: PENDIDIKAN DAN KESANNYA	
Pengenalan: Latar belakang Pendudukan Jepun di Tanah Melayu	51
Pendidikan Jepun di Tanah Melayu	57
Sumbangan dan Kesan Pendidikan Zaman Jepun	110
Keunikan Falsafah dan Sistem Pendidikan Jepun	116
Kesan Pendidikan Terhadap Pemikiran dan Sikap Masyarakat	121
Rumusan	136

BAB TIGA: HUBUNGAN MALAYSIA–JEPUN SELEPAS MERDEKA (1957–1970-an)

Pengenalan	139
Pemulihan dan Pengukuhan Hubungan 1957 – 1970-an	141
Hubungan Diplomatik	141
Perdagangan dan Pelaburan	171
Kerjasama Ekonomi dan Bantuan luar	191
Pendidikan dan Latihan	203
Rumusan	209

BAB EMPAT: HUBUNGAN MALAYSIA-JEPUN 1980-1990-an: PENGENALAN DASAR PANDANG KE TIMUR DAN KESANNYA

Pengenalan	213
Latar belakang dan Objektif Dasar Pandang Ke Timur	215
Mencontohi Etika Kerja dan Sistem Pengurusan Jepun	225
Sambutan Awal dan Kritikan Terhadap Dasar Pandang Ke Timur	232
Program Pendidikan dan Latihan di Bawah Dasar Pandang Ke Timur	266
Rumusan	285

BAB LIMA: PENGAJIAN DI JEPUN DI BAWAH DASAR PANDANG KE TIMUR: PENGALAMAN PELAJAR MALAYSIA

Pengenalan: Latar belakang Program Pengajian di Jepun 287

Penerapan Budaya Daripada Perspektif Konseptual 290

Kajian Terhadap Bekas Pelajar di Jepun di Bawah Program Dasar Pandang Ke Timur 301

Pengalaman Pelajar 312

Persepsi Pelajar Terhadap Budaya Masyarakat Jepun 333

Rumusan 356

BAB ENAM: BEKAS-BEKAS PELAJAR MALAYSIA DI JEPUN: PENGARUH DAN PENERAPAN ETIKA KERJA JEPUN DI ALAM KERJAYA

Pengenalan 359

Sikap dan Amalan Bekas Pelajar 360

Penilaian Terhadap Dasar Pandang Ke Timur dan Model Jepun 372

Dasar Pandang Ke Timur dan Perubahan Budaya Masyarakat 389

Masa Depan Dasar Pandang Ke Timur 396

Rumusan 404

BAB TUJUH: KESIMPULAN 406

BIBLIOGRAFI 412

LAMPIRAN 435

SENARAI JADUAL

Nombor Jadual	TajukJadual	M/S
3.1	Eksport Persekutuan Tanah Melayu ke Jepun Januari 1961, 1962 mengikut barang	172
3.2	Import Persekutuan Tanah Melayu dari Jepun Januari 1961, 1962 mengikut barang	172
3.3	Jumlah perdagangan import-eksport Malaysia-Jepun 1960-1970 (juta US $)	175
3.4	Pinjaman projek jangka panjang Jepun kepada Malaysia – 1968	197
3.5	Pinjaman projek jangka panjang Jepun kepada malaysia - 1969	197
3.6	Bantuan luar Jepun kepada Malaysia 1971-1980 (juta US $)	200
3.7	Bantuan luar Jepun kepada Asean 1971-1980 (juta US $)	201
3.8	Pelatih Malaysia ke Jepun mengikut bidang (1954-1968)	205
4.1	Jadual pengajian Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya 2005/06	281
5.1	Maklumat asas bekas pelajar di Jepun di bawah Dasar Pandang ke Timur	306-308
5.2	Pengalaman pelajar di Jepun	314
5.3	Pandangan pelajar Malaysia terhadap ciri-ciri dan sikap masyarakat Jepun	335
5.4	Sikap dan amalan bekas pelajar setelah bekerja	360
5.5	Penilaian bekas pelajar terhadap Dasar Pandang Ke Timur dan model Jepun	374

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Ungkapan sebenar
AAJ	Ambang Asuhan Jepun
ACM	Agriculture Chemical of Malaysia
ALEPS	Alumni of Look East Policy Society
ARF	Asean Regional Forum
ASEAN	Association of Southeast Asian Nation
AOTS	Association for Overseas Technical Scholarship
DAC	Development Assistance Committee
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPT	Dasar Pandang Ke Timur
EPTA	United Nation Expanded Program of Technical Assistance
FIDA	Federal Industrial Development Authority
GES	Government English School
IDA	International Development Association
IMF	International Moneytary Fund
JAF	Japan – Asean Forum
JAGAM	Japan Graduate Association of Malaysia
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JETRO	Japan External Trade Organisation
JICA	Japan International Cooperation Agency
KMM	Kesatuan Melayu Muda

LDP	Liberal Democratic Party
LEP	Look East Policy
LSKAR	Lingkungan Sekemakmuran Asia Raya
MAJECA	Malaysian – Japan Economic Association
MBAM	Masters Builders Association Malaysia
MCS	Malayan Civil Service
MSAJ	Malaysian Student Association of Japan
MMA	Malayan Military Administration
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
ODA	Overseas Development Assistance
OECD	Organisation for Economic Cooperation and Development
OECF	Overseas Economic Cooperation Fund
OTCA	Overseas Technical Cooperation Agency
QCC	Quality Control Circle
RPKJ	Rancangan Persediaan Khas Jepun
SSEAYP	Ship for Southeast Asia Youth Program
STABEX	Stabilization of Exports Earning

SENARAI LAMPIRAN

Nombor lampiran	Tajuk lampiran	Muka surat
1	Arahan dan panduan kepada guru pada zaman pemerintahan Jepun di Tanah Melayu.	435
11	Kemasukan pelajar ke sekolah rendah bagi tahun 1943-1944	437
111	Ikrar yang dilafazkan oleh pelatih-pelatih *Koa Kunrenjo*	440
IV	Senarai pelajar tajaan JPA bagi program Guru Bahasa Jepun di bawah Dasar Pandang Ke Timur.(1990-1994)	441
V	Jumlah penuntut tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam di bawah DPT di universiti Jepun.(1984-1994)	442
VI	Soal selidik bekas pelajar Malaysia di Jepun dibawah DPT	443

Pengaruh Jepun Terhadap Bidang Pendidikan di Tanah Melayu (Malaysia) 1941-1990-an

ABSTRAK

Banyak kajian telah dijalankan berkaitan dengan hubungan Malaysia-Jepun sejak Perang Dunia Kedua sehingga kini namun tumpuan masih kurang diberikan terhadap aspek pendidikan. Kajian ini cuba mengisi kekosongan tersebut dengan memberi tumpuan kepada dasar-dasar pendidikan Jepun dan kesannya kepada masyarakat Tanah Melayu semasa zaman pendudukan 1941-45 serta hubungan Malaysia-Jepun selepas 1957. Berasaskan sumber dokumen dan lisan, pengkaji cuba membongkar kembali pengalaman generasi 1940-an mengenai pengalaman suka duka mereka menerima pendidikan mengikut sistem dan cara Jepun. Walaupun sistem pendidikan ketika itu dipenuhi masalah dan kelemahan tetapi sedikit sebanyak faedahnya dapat juga dikecapi mereka lantaran penekanan yang diberikan kepada pendidikan nilai dan pembinaan disiplin diri. Selepas Tanah Melayu merdeka pada 1957, hubungan Malaysia–Jepun terus berjalan diatas dasar saling bergantung namun lebih menguntungkan Jepun terutamanya dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Pada tahun 1980-an, Malaysia melancarkan dasar meniru budaya kerja Jepun melalui Dasar Pandang Ke Timur bertujuan menjadikan Jepun sebagai model pembangunan. Di bawah dasar ini, pelajar dan pelatih dihantar belajar dan menjalani latihan di Jepun bagi membolehkan mereka mempelajari dan mengamalkan budaya kerja Jepun. Kajian yang dibuat dalam kalangan bekas pelajar menunjukkan mereka mendapat faedah belajar di sana kerana mempelajari dan dapat mengamalkan budaya dan etika kerja Jepun di alam kerjaya. Pengalaman mereka hampir sama dengan pengalaman generasi tahun 1940-an iaitu mempelajari nilai positif dan membentuk disiplin diri bagi membina pemikiran dan sikap yang baik ke arah kejayaan dalam hidup pada masa depan.

Japanese Influences in the Field of Education in Malaya (Malaysia) 1941-1990's

ABSTRACT

Numerous studies have been undertaken regarding the relationship between Malaya (later Malaysia) with Japan since Second World War. Nevertheless, there is a lack of focus on the educational aspect. The objective of this research is to study the Japanese education policies during and after the Second World War and its impacts on Malayan societies with special reference to the Malays. Based on documentary and oral sources, the experiences of those who had received Japanese education will be scrutinized. Although they faced problems in acquiring Japanese education, they still benefited from the system, notably its positive values. After independence in 1957, the relationship between Malaysia-Japan brought in more benefits to Japan than Malaysia. In the 1980s, Malaysia launched the Look East Policy (LEP) which emphasized on learning the Japanese work-culture and ethics as a development model. Under this policy, students and trainees were sent to Japan to learn and emulate the Japanese work-culture. An effort has been made here to evaluate the experience and work culture acquired by the ex-students of the LEP. The research shows that the students had gained significantly and were able to apply the positive side of Japanese work ethic in their profession. That aside it has also been shown in this research that there are similarities in experience of learning mode and acquisition of values and self discipline that enhanced the personality and desire towards excellence between this group and those who had studied under the Japanese educational system in the 1940s.

BAB SATU: PENDAHULUAN

Pengenalan

Dalam beberapa aspek tertentu hubungan Malaysia-Jepun sejak tahun 1941 sehingga kini boleh disifatkan berada dalam suasana masam-masam manis atau dipenuhi suka dan duka. Penjajahan Jepun ke atas Tanah Melayu selama tiga tahun lapan bulan (1941-1945) tentu sekali sukar dilupakan terutamanya dalam kalangan generasi yang hidup ketika itu. Sikap kejam dan ganas tentera Jepun ketika memerintah bukan rahsia lagi malahan merupakan satu kenangan pahit yang sukar dilupakan. Sungguh pun begitu di sebalik penderitaan dan kesengsaraan hidup yang dialami, rakyat belajar menjadi lebih inovatif, insaf dan mula meningkatkan kesedaran tentang perjuangan kebangsaan. Propaganda dan indoktrinasi Jepun yang dijalankan melalui sistem pendidikan dan media bertujuan mengagongkan mereka ditolak rakyat walaupun pada hakikatnya mereka tidak dapat mengelak daripada terlibat dengan program yang dianjurkan penjajah Jepun. Sebilangan kecil rakyat yang berpeluang belajar seterusnya bekerja dengan Jepun mengambil kesempatan mengumpul pengalaman untuk digunakan pada masa depan. Tidak syak lagi apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, golongan ini telah memainkan peranan penting sebagai pemimpin dalam lapangan politik, ekonomi dan sosial.

Hubungan diplomatik yang terjalin di antara Malaysia-Jepun selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan berbentuk saling bergantung memandangkan Jepun memerlukan bahan mentah dan pasaran Malaysia manakala negara ini menagih pelaburan asing dan bantuan ekonomi Jepun. Pada awal tahun 1980-an hubungan kedua negara ditingkatkan dengan pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur oleh Perdana Menteri keempat Dr. Mahathir Mohamad. Dasar ini bertujuan menjadikan Jepun sebagai model pembangunan bagi Malaysia. Mahathir percaya kejayaan Jepun dalam bidang ekonomi selepas Perang Dunia

Kedua adalah berpunca daripada amalan budaya kerja positif rakyatnya. Bagi menjayakan dasar ini, kerajaan melaksanakan program pendidikan dan latihan dengan kerjasama kerajaan Jepun bagi membolehkan rakyat Malaysia mempelajari teknologi dan meniru budaya kerja masyarakat Jepun. Berbagai tafsiran, sokongan dan kritikan telah dibuat terhadap dasar ini sejak pelancarannya. Golongan yang pro kerajaan terutamanya ahli-ahli politik menyokong dasar ini dan merasa yakin usaha meniru Jepun mampu dilakukan seterusnya mengubah budaya kerja rakyat Malaysia ke arah lebih positif. Para pengkritik pula yang sebahagian besarnya terdiri daripada ahli akademik dan aktivis masyarakat melahirkan kesangsian tentang kejayaan dasar ini memandangkan banyaknya halangan yang wujud dalam proses peniruan budaya. Mereka berhujah dasar ini lebih menguntungkan syarikat-syarikat Jepun yang mendapat banyak peluang perniagaan di Malaysia.. Golongan berikutnya pula yang terdiri daripada bekas pelajar dan pelatih yang berpeluang tinggal dan belajar di Jepun selama beberapa tahun memberikan pendapat mereka yang tersendiri tentang dasar ini. Sebagai golongan yang terlibat secara langsung dalam proses peniruan budaya, pengalaman mereka adalah penting diambilkira dalam menilai kejayaan Dasar Pandang Ke Timur. Apa pun hujah mereka, yang pasti ialah dasar ini telah mengukuhkan hubungan Malaysia Jepun dalam bidang pendidikan mulai era 1980-an yang seterusnya memberikan kesan kepada aspek lain seperti ekonomi dan politik.

Kajian-Kajian Tentang Zaman Pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1941-1945) dan Hubungan Malaysia-Jepun Selepas 1957.

Sehingga kini kajian-kajian khusus tentang topik yang diperkatakan iaitu pengaruh Jepun terhadap bidang pendidikan di Tanah Melayu dan Malaysia dalam tempoh pendudukan Jepun (1941-1945) dan selepas merdeka masih kurang dijalankan. Penulisan sejarah tentang zaman pendudukan Jepun berkisar kepada beberapa tema. Beberapa pengkaji menulis secara umum dengan melihat kepada keseluruhan suasana kehidupan politik, ekonomi dan sosial masyarakat semasa zaman tersebut. Penulisan mereka bersandar kepada berbagai sumber samada dalam bentuk dokumen atau lisan. Terdapat kajian yang tertumpu kepada pelaksanaan dasar pentadbiran Jepun dalam bidang politik, ekonomi dan sosial di Tanah Melayu dan Singapura. Isu-Isu tertentu yang melibatkan reaksi masyarakat majmuk Tanah Melayu terhadap pendudukan Jepun juga disentuh dalam beberapa kajian oleh penulis tertentu. Selain itu terdapat kajian yang memberi tumpuan kepada pendudukan Jepun di negeri-negeri tertentu. Tidak ketinggalan juga terdapat tokoh tempatan dan luar negara yang merakamkan pengalaman dan pandangan mereka semasa zaman ini melalui penulisan biografi atau memoir. Selepas negara mencapai kemerdekaan, kajian kontemporari pula lebih tertumpu kepada aspek ekonomi dan hubungan luar .

Antara karya yang menyentuh kesan pendudukan Jepun terhadap sosio ekonomi penduduk ialah tulisan Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945 A Social and Economic History* (1998)[1] yang dianggap tulisan terbaik setakat ini dalam

[1] Kratoska, Paul H., *The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1945: A Social and Economic History* (London: Hurst & Company, 1998). Karya ini amat baik kerana membincangkan secara terperinci kesan sosial dan ekonomi semasa pendudukan Jepun. Penulisnya telah menggunakan berbagai sumber kajian meliputi dokumentasi, sumber lisan serta fail-fail pentadbiran beberapa buah negeri dan daerah di Tanah Melayu selain sumber-sumber British dan Jepun yang telah diterjemah. Hasilnya ia memberi satu gambaran

konteks membincangkan kesan sosio-ekonomi pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Karya ini memberikan satu gambaran yang terperinci dengan menggunakan pelbagai sumber sejarah bagi memerihalkan kehidupan pada zaman tersebut.

Cheah Boon Kheng pula menghasilkan satu penulisan yang komprehensif tentang pendudukan Jepun dan implikasinya terhadap hubungan kaum di Tanah Melayu berjudul *"Red Star Over Malaya Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya 1941-1946".*[2] Tumpuan tulisannya lebih kepada gerakan penentangan terhadap pendudukan Jepun daripada kaum Cina yang diberi layanan buruk oleh Jepun. Turut diperkatakan adalah gerakan Bintang Tiga dan Komunis yang muncul selepas Jepun menyerah kalah. Chin Kee Onn juga menulis dalam tema yang hampir sama berjudul, *Malaya Upside Down* (1976)[3]. Karya yang hampir kepada sebuah memoir ini memberi gambaran secara menyeluruh suasana kehidupan pada zaman tersebut. Tulisan ini bukan sekadar mencatat pengalaman sejarah malahan turut memuatkan pandangan penulisnya terhadap berbagai peristiwa yang berlaku sepanjang tempoh pendudukan Jepun.

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu juga dibincangkan dalam beberapa tesis doktor falsafah dan sarjana. Horner Layton menghasilkan sebuah tesis pada peringkat Ph.D. manakala Halinah Bamadhaj dan Danker Sami Mehmet masing-masing menulis tesis pada

---

yang realistik tentang keadaan yang dialami oleh penduduk Tanah Melayu dan Singapura semasa pendudukan Jepun.

[2] Cheah Boon Kheng, *Red Star over Malaya: Resistance and Social Conflict during and after the Japanese Occupation 1941-1946* (Singapore: Singapore University Press, 1983) . Ini merupakan satu karya sejarah yang baik kerana bukan hanya mencatatkan pengalaman dan suasana semasa pendudukan Jepun tetapi turut menganalisa berbagai konflik yang berlaku. Pendudukan Jepun telah mencetuskan berbagai reaksi termasuk terhadap gerakan kebangsaan Melayu, kaum China dan British. Penulis telah membahagikan tulisannya kepada 2 bahagian. Bahagian pertama berkaitan dengan konflik dalam tempoh pendudukan Jepun 1941-1945 dan bahagian keduanya berkenaan dengan perkembangan yang berlaku dalam tempoh 1945-1946.

[3] Lihat Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down* (Kuala Lumpur: Federal Publication, 1976).Karya Chin Kee Onn ini bukanlah merupakan satu kajian sejarah yang berbentuk akademik seperti penulisan Kratoska atau Cheah Boon Kheng, namun ia menarik kerana dipersembahkan sebagai suatu penceritaan sejarah yang meliputi berbagai macam ragam dan pergolakan pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Penulisannya lebih berasaskan kepada pemerhatian peribadi penulisnya.

peringkat Sarjana (MA).[4] Ketiga-tiga tesis tersebut membincangkan persoalan pendudukan Jepun dan kesannya terhadap penduduk Tanah Melayu. Kajian Layton meliputi kawasan yang lebih luas melibatkan pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan Filipina. Antara tumpuan kajian beliau ialah terhadap corak dan bentuk pentadbiran yang dijalankan oleh Jepun di kedua-dua negara serta suasana dalam negeri ketika itu.[5] Kajian Halinah Bamadhaj pula berlatar belakang Tanah Melayu dengan tumpuan kepada dasar-dasar yang diamalkan Jepun serta perkembangan politik masyarakat Melayu. Kedua-dua tesis ini ditulis pada awal tahun 1970-an dan merupakan antara kajian yang awal tentang tajuk berkenaan. Lantaran itu tesis ini dapat menjadi panduan kepada penyelidik-penyelidik berikutnya yang berhasrat mengkaji tajuk berkaitan.[6]

Tesis Mehmet memberi perhatian kepada dasar-dasar yang diamalkan oleh Jepun di Tanah Melayu sebelum dan selepas perang. Perubahan-perubahan suasana politik serantau telah mempengaruhi dasar-dasar Jepun khususnya dalam hubungan dengan Malaysia. Keiko Soeda menulis tentang polisi Jepun terhadap kaum-kaum di Tanah Melayu dan

---

[4] Horner Layton,"Japanese Military Administration in Malaya and Filipina", tesis Ph.D. (University of Arizona, 1973).Lihat juga Halinah Bamadhaj,"The Impact of Japanese Occupation of Malaya on Malay Society and Politics 1941-1945",tesis MA(University of Auckland, New Zealand,1975).Danker Sami Mehmet,"Continuity and Change in Japanese Malaysian Relations Before and After Second World War", tesis MA (Universiti Sains Malaysia, 1985).

[5] Kajian Layton tentang pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu dan Filipina agak luas meliputi aspek ketenteraan, politik, ekonomi dan budaya. Disebabkan cakupan perbincangan yang luas ini maka tesis ini dapat memberi satu gambaran menyeluruh tentang operasi pentadbiran tentera Jepun di kedua-dua wilayah. Dapatan kajian ini juga memberi bantuan kepada penyelidik-penyelidik terkemudian yang berhasrat mengkaji topik berkaitan.

[6] Tesis Halinah Bamadhaj "The Impact of Japanese Occupation of Malaya on Malay Society and Politics 1941-1945" juga merupakan antara yang terawal dihasilkan oleh sarjana tempatan. Tesis ini menyentuh persoalan implikasi pentadbiran Jepun terhadap masyarakat Melayu khususnya. Antara aspek yang dibincangkan termasuklah layanan Jepun terhadap Sultan dan badan politik Melayu ketika itu. Pendidikan zaman Jepun turut disentuh oleh pengkaji. Kajian tesis ini menggunakan sumber-sumber yang terdapat di Arkib Negara selain merujuk fail-fail pentadbiran zaman Jepun di beberapa daerah di Tanah Melayu. Halinah telah memulakan satu usaha yang baik bagi meneroka peristiwa dan perkembangan sejarah zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

implikasinya kepada integrasi nasional.[7] Dasar yang berbeza terhadap tiga kaum utama di Tanah Melayu telah memberikan kesan buruk kepada hubungan mereka selepas 1945. Huraiannya mempunyai persamaan dengan persoalan yang telahpun disentuh oleh Cheah Boon Kheng,[8] Soeda turut memberi justifikasi terhadap tindakan-tindakan yang dilakukan tentera Jepun di Tanah Melayu dan Singapura di antara 1941-45 selain menghubungkan watak dan tindakan-tindakan tentera Jepun itu dengan latar belakang kebudayaan dan kepercayaan mereka.[9]

Tesis-Tesis ini pada keseluruhannya baik kerana memberikan gambaran tentang beberapa aspek dasar dan kesan pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu tetapi ruang perbincangannya hanya berkisar di sekitar waktu pendudukan (1941-1945). Kajian Mehmet walaupun memberi perhatian kepada soal dasar Jepun terhadap Tanah Melayu pada zaman pasca perang namun tumpuan lebih diberikan kepada aspek perdagangan sekitar tahun 1960-an. Tesis Halinah juga hanya menyentuh persoalan pendidikan dalam hubungan Malaysia Jepun sebagai sub topik tanpa satu pemerhatian yang mendalam.

Terdapat juga tesis tentang zaman Jepun yang ditulis pada peringkat pengajian ijazah pertama di beberapa buah institusi pengajian tinggi tempatan. Kajian-kajian ini memperkatakan tentang aspek-aspek tertentu semasa pentadbiran tentera Jepun termasuk

---

[7] Keiko Soeda, "Japanese Racial Policy in Malaya and Singapore During The Japanese Occupation, Its Impact on National Integration", tesis MA (National University of Singapore, 1996).

[8] Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After Japanese Occupation 1941-1945*, (Singapore: Singapore University Press, 1983).Karya ini turut membincangkan dasar-dasar yang diamalkan oleh Jepun terhadap masyarakat Melayu dan China khususnya. Layanan berbeza yang diterima oleh kedua-dua kaum tersebut telah mencetuskan berbagai reaksi daripada mereka. Gerakan seperti Bintang Tiga dan Komunis yang tercetus selepas tempoh pendudukan Jepun adalah reaksi terhadap dasar-dasar Jepun sebelumnya.Hal yang sama juga telah disentuh oleh Soeda dalam tesisnya.

[9] Soeda, *op.cit.*, m.s. 230-232. Kepercayaan dan ketaksuban orang Jepun terhadap Shinto misalnya telah mendorong mereka menjadi amat berani dan bersedia untuk berkorban untuk Shinto walaupun terpaksa mengorbankan nyawa. Budaya mereka seperti sifat setia, berdisiplin dan mementingkan kumpulan adalah dipengaruhi oleh keadaan geografi dan proses pemencilan yang telah mereka alami sejak sekian lama. Masyarakat Jepun beranggapan bahawa tamadun mereka adalah lebih tinggi daripada orang lain. Perasaan sedemikian mencetuskan rasa ego dan pentingkan diri di kalangan mereka. Soeda cuba membincangkan perkara ini untuk memberi kefahaman kepada orang lain tentang perwatakan dan tindakan orang Jepun.

nasionalisme Melayu dan peranan akhbar ketika itu.[10] Aspek kesusasteraan juga turut menarik perhatian para pengkaji. Selain akhbar dan majalah, perkembangan dan peranan cerpen pada zaman tersebut turut dikaji. Sepertimana media yang lain, cerpen turut menjadi alat propaganda Jepun.[11]Abdul Malek Hanafiah memperkatakan tentang sejarah perjuangan Kesatuan Melayu Muda (KMM), sebuah gerakan kebangsaan yang dianggap kiri dan peranan yang dimainkannya semasa pendudukan Jepun.[12] Kajian ini dapat memperjelaskan sejarah dan arah perjuangan gerakan nasionalisme Melayu semasa pendudukan Jepun (1941-1945) yang sebelumnya dikupas oleh pengkaji seperti W.R. Roff dan Radin Soenarno.[13]

---

[10] Antaranya ialah Angline Innasi,"Fenomena Nasionalisme Melayu Pada Zaman Pendudukan Jepun 1942-45: Satu Kajian keatas Majalah Fajar Asia Sebagai Saluran Membangkitkan Semangat Nasionalisme Melayu",Latihan Ilmiah Universiti Sains Malaysia, 1995.Rus'Ain Abdullah,"Surat Khabar dan Majalah Melayu di zaman Jepun 1942-45: Satu kajian keatas perkembangan dan peranan", Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988. Kedua-dua kajian ini menumpukan perhatian kepada peranan yang dimainkan oleh suratkhabar dalam membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan masyarakat Melayu semasa pendudukan Jepun. Akhbar dan majalah merakamkan setiap peristiwa semasa yang berlaku pada sesuatu zaman. Peristiwa-peristiwa penting semasa zaman pendudukan Jepun semestinya menjadi fokus akhbar. Cuma pada zaman tersebut, akhbar menjadi alat dan dikawal oleh Jepun. Persoalannya masih bolehkah mereka (akhbar) memainkan peranan meniupkan semangat nasionalisme. Tesis Innasi dan Rus Ain mengkaji isu ini dengan menganalisa kandungan beberapa akhbar dan majalah yang diterbitkan pada zaman ini. Mereka mendedahkan bagaimana penulis-penulis secara berselindung tetap menyuarakan hasrat dan perjuangan nasionalisme mereka. Dari segi pensejarahan, akhbar dan majalah yang dikaji ini adalah sumber penting yang telah merakamkan berbagai peristiwa yang berlaku. Kaedah ini membantu mempelbagaikan sumber-sumber dalam penerokaan dan kajian sejarah.

[11] Lihat Arena Wati, *Cerpen Zaman Jepun: Satu Kajian* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1968) dan Chua Soo Gim,"Cerpen Zaman Jepun (1942-1945) Satu Kajian", Tesis BA (Hons.),Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987. Kajian terhadap karya sastera seperti cerpen ini merupakan satu pendekatan untuk menganalisa suasana yang berlaku pada zaman Jepun. Cerpen pada zaman ini tidak terlepas daripada berperanan sebagai alat propaganda dan mengalami kawalan ketat Jepun dalam aspek kandungan dan penerbitannya. Penulis-Penulis zaman ini seperti A. Samad Ismail dan Ishak Hj. Muhamad terpaksa menyampaikan mesej perjuangan mereka secara berselindung bagi mengelakkan tindakan Jepun.Kajian-Kajian terhadap cerpen ini dapat memperjelaskan kreativiti sastera rakyat dan dasar Jepun mengenainya.

[12]Abdul Malik Hanafiah,"Sejarah Perjuangan Kesatuan Melayu Muda",Tesis BA(Hons.)Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974.

[13] Lihat William R. Roff, *Malay Nationalism* (U.S.A: Yale University Press, 1967) dan Radin Soenarno, "Malay Nationalism 1896-1945", *Journal of Southeast Asian Studies History*, Mac 1960, m.s. 1-28. Roff dan Soenarno mengkaji sejarah gerakan nasionalisme Melayu sejak penghujung abad ke 19 lagi manakala kajian Abdul Malek tertumpu kepada perjuangan KMM. Pada zaman pendudukan Jepun, KMM telah mengambil sikap bekerjasama dengan Jepun dengan harapan mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu bersama Indonesia. Kajian Abdul Malik merupakan satu kesinambungan kerja ilmiah yang telah dimulakan sebelumnya oleh mereka yang berkenaan.

Beberapa penulis pula memberikan perhatian kepada aspek-aspek khusus dalam dasar Jepun terhadap tanah jajahannya seperti Yoji Akashi dan Yoichi Itagaki.[14] Akashi menyentuh secara khusus soal dasar pendidikan Jepun di Tanah Melayu dan Singapura.[15] Kajian Akashi walaupun menarik tetapi hanya terbatas kepada zaman pendudukan Jepun (1941-1945) dan tidak meliputi zaman selepas merdeka. Satu lagi tulisan Akashi khusus membincangkan soal dasar dan layanan Jepun kepada masyarakat Cina di Tanah Melayu sepanjang tempoh pendudukan Jepun.[16] Soal pendidikan zaman Jepun turut disentuh dalam tulisan Abdul Rahim Hj. Awang Kechik.[17] Kajian ini menumpukan perhatian kepada

---

[14]Yoji Akashi dan Yoichi Itagaki misalnya banyak membuat pemerhatian terhadap dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Jepun semasa pentadbirannya. Antara karya Akashi yang baik untuk dijadikan rujukan ialah,"Japanese Military Administration in Malaya- Its Formation and Evolution in Reference To Sultans, The Islamic Religion, And The Moslem- Malays",*1941-1945,Asian Studies* 7(1) 1969,"Japanese Cultural Policy in Malaya and Singapore, 1942-1945"dalam Goodman, Grant K.(ed.),*Japanese Cultural Policies in Southeast Asia during World War Two* (Mc. Millan, 1991) dan "Bureaucracy and the Japanese Military Administration with Specific Reference to Malaya", dalam Newell, William (ed.), *Japan in Asia, 1942-1945* (Singapore: Singapore University Press, 1981). Karya beliau yang secara langsung menyentuh tentang dasar pendidikan dan indoktrinasi Jepun berjudul,"Education and Indoctrination Policy in Malaya and Singapore under the Japanese Rule, 1942-1945"*(Malaysian Journal of Education, Volume 13, Disember 1976).*Tulisan Yoichi Itagaki pula berjudul, "Some Aspects of the Japanese policy for Malaya Under the Occupation, with Special Reference to Nationalism", dalam K.G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History* (Singapore: University of Singapore Press, 1962). Kajian-Kajian Akashi dan Itagaki menjadi sumber rujukan yang baik kepada pengkaji negara lain kerana kedua-dua sarjana berkenaan mampu membuat rujukan daripada sumber Jepun.

[15] Lihat Akashi Yoji,"Education and Indoctrination Policy in Malaya and Singapore Under the Japanese Rule, 1942-45",dlm. *Malaysian Journal of Education,* Vol. 13. Disember 1976. Juga tulisannya,"The Japanese Occupation of Malaya: Interruption or Transformation ? dlm. Alfred W. Mc. Coy (ed.) *Southeast Asia under Japanese Occupation,* Monograph series No. 22 (Yale university for Southeast Asia Studies, 1980). Satu lagi tulisan beliau berjudul,"Japanese Cultural Policy in Malaya and Singapore 1942-1945" dlm. Grant K. Godman(ed.)*Japanese Cultural Policies in Southeast Asia During Second World War* (London: Mc. Millan Press, 1991) dan "The *Koa Kunrenjo*, 1942-1945 A Case Study Of Cultural Propagation And Conflict Under The Japanese Occupation Of Malaya",*Conference on Southeast Asian Studies*, 22-26 November 1977, Kota Kinabalu Sabah).Kajiannya ini secara langsung melihat peranan *Koa Kunrenjo* sebuah pusat latihan belia-belia nusantara pada zaman pendudukan Jepun sebagai pusat propaganda dan indoktrinasi Jepun. Kajian seumpama ini adalah yang pertama dilakukan dengan mengambil alumni pusat latihan ini sebagai respondennya. Dapatan kajian ini dapat menjadi panduan bagi melihat salah satu daripada keberkesanan sistem pendidikan Jepun di Tanah Melayu semasa pendudukannya.

[16] Lihat Yoji Akashi, "Japanese Policy Towards The Malayan Chinese 1941-1945",*Journal of Southeast Asian Studies* 1(2) (1970), m.s. 61-89. Tulisan ini menjelaskan latarbelakang hubungan Jepun-China sebelum meletusnya perang pada Disember 1941. Jepun mempunyai masalah dalam hubungannya dengan China di Tanah Melayu akibat perang Manchuria 1937. Pendekatan politk-ekonomi terhadap masyarakat China agak keras dan ganas dengan harapan membendung aktiviti penentangan terhadap Jepun. Bagaimanapun dasar keras ini lama kelamaan berubah atas kesedaran bahawa kerjasama orang China amat perlu diperlukan dalam bidang ekonomi.

[17] Abdul Rahim Hj. Awang Kechik,"Pendidikan Zaman British dan Jepun: Kes Jelutong Pulau Pinang", *Malaysia Dari Segi Sejarah* , (Journal Persatuan Sejarah Malaysia) April 1979.

sistem pendidikan zaman British dan Jepun di Jelutong, Pulau Pinang dan lebih bersifat tempatan.

Cheah Boon Kheng pula menulis tentang gerakan nasionalisme Melayu yang dipimpin oleh Ibrahim Yaakob semasa pendudukan Jepun . Tulisan beliau memperkatakan perjuangan Ibrahim Yaakob yang menjalin kerjasama dengan Jepun bagi mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu melalui gagasan "Melayu Raya". Tulisan ini merupakan satu analisis yang baik terhadap perkembangan gerakan nasionalis kiri pimpinan Ibrahim Yaakob yang menggunakan pendekatan bekerjasama dengan Jepun.[18] Zainal Abidin Wahid juga menulis isu yang hampir sama tetapi huraiannya bersifat umum berbanding tulisan Cheah Boon Kheng yang lebih berfokus kepada perjuangan Ibrahim Yaakob.[19]

Sarjana tempatan yang agak prolifik menghasilkan karya yang berkaitan dengan zaman pendudukan Jepun adalah Abu Talib Ahmad. Karya terbaru beliau, *The Malay Muslims Islam and The Rising Sun*[20] menyingkap kembali kenangan penduduk Tanah Melayu lewat pemerintahan Jepun. Monograf ini memaparkan isu-isu berkaitan dengan masyarakat Melayu dan agama Islam pada zaman pemerintahan Jepun berdasarkan sumber dokumen dari Pejabat Agama dan Pejabat Kadhi Johor. Ia turut memperkatakan tentang institusi kekeluargaan dan peranan birokrat agama pada zaman tersebut. Monograf karya Abu Talib Ahmad ini, *The Malay Muslims, Islam and The Rising Sun* mengandungi

---

[18] Lihat Cheah Boon Kheng,"The Japanese Occupation Of Malaya 1941-1945: Ibrahim Yaakob and The Struggle For Indonesia Raya" *(Indonesia* 28, Oktober 1979) m.s. 85-120.

[19] Zainal Abidin Abdul Wahid,"The Japanese Occupation and Nationalism", *Glimpses of Malaysian History* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970) m.s. 93-98.

[20] Abu Talib Ahmad, *The Malay Muslims, Islam and The Rising Sun*, Monograph No. 34 (Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society ,2003). Beberapa bab yang dibincangkan dalam monograf ini pernah diterbitkan sebelumnya. Perbincangan tentang pengalaman dan kenangan penduduk Tanah Melayu semasa pendudukan Jepun misalnya telah disiarkan dalam P. Lim Pui Huen dan Diana Wong (ed.), War and memory in Malaysia and Singapore (Singapore:*Journal Institute of Southeast Asian Studies*,1995). Tajuk tentang dasar Jepun terhadap birokrat Islam juga telah dibincangkan dalam penerbitan beliau yang terdahulu, "Japanese Policy Towards Islam in Malaya During the Occupation: A Reassestment" (Singapore: *Journal of Southeast Asian Studies*, Feb.2002). Tajuk-Tajuk ini telah dimantapkan dan dibincangkan semula dalam penerbitannya seperti di atas.

lima sub topik Pengenalan, Memori masyarakat Melayu dalam berbagai aspek kehidupan di zaman Jepun, Sikap menentang dan kerjasama masyarakat Melayu, Perkahwinan, perceraian dan suasana beragama dalam kalangan masyarakat Melayu Islam dan Birokrat agama dan hubungannya dengan gerakan propaganda Jepun. Kajian ini adalah berdasarkan sumber-sumber yang terdapat di Arkib tempatan termasuk dokumen daripada Pejabat Agama Islam Negeri Johor. Tajuk awal monograf ini, Memoir masyarakat Melayu serta sikap menentang dan kerjasama terhadap pemerintahan Jepun telah dibincangkan dalam beberapa kajian. Walau bagaimanapun dalam tulisannya ini, Abu Talib lebih banyak menyoroti pengalaman individu-individu yang merasai sendiri pengalaman hidup pada zaman Jepun.Ternyata bagi golongan yang kini telah lanjut usianya (70-an dan 80-an) namun mereka masih menyimpan berbagai kenangan pahit berkenaan kekejaman tentera Jepun, suasana ekonomi dan pendidikan pada zaman tersebut serta beberapa aspek kehidupan yang lain. Penggunaan sumber lisan melalui kaedah penceritaan semula menjadikan kejadian yang berlaku lebih daripada setengah abad itu dekat di hati pembaca. Perbincangan tentang masalah sosial masyarakat Melayu seperti perceraian dan penggunaan organisasi agama untuk tujuan propaganda Jepun lebih menarik kerana ia jarang dilakukan para sarjana. Tulisan tentang masalah perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu pada zaman pendudukan Jepun misalnya merupakan satu analisis yang menunjukkan bahawa bahang peperangan turut memberi kesan terhadap institusi keluarga Melayu. Seterusnya perbincangan tentang penggunaan institusi agama seperti Pejabat Kadhi, masjid dan surau bagi tujuan propaganda Jepun adalah satu kajian yang menarik kerana jarang diperkatakan. Walaupun Yoji Akashi menulis tentang dasar Jepun terhadap Islam dan Sultan dalam tulisannya,"Japanese Military Administration in Malaya, Its Formation and Evolution in Reference to Sultans, Islamic Religion and Moslem Malays

1941-1945" (*Asian Studies* 7 (1), 1969), namun tulisannya hanya menganalisis dasar Jepun terhadap kedudukan Sultan dan agama Islam. Tulisannya cuba memberi pandangan bahawa Jepun mengambil pendekatan yang diplomasi dan berhati-hati terhadap Sultan dan isu-isu agama. Ia mahu memberi gambaran bahawa Jepun tidaklah seburuk yang disangka dalam hal politik Melayu dan agama Islam. Tidaklah sukar untuk memahami bahawa tulisan beliau mencerminkan pendirian pentadbiran Jepun pada ketika itu (1941-1945). Tulisan Abu Talib pula dapat mengimbangi pandangan Akashi dalam beberapa aspek tertentu. Jepun dalam situasi yang sebaik manapun tetap akan mempergunakan semua kesempatan yang ada bagi tujuan politiknya. Dalam tulisannya ini yang berjudul "The Religious Bureaucracy and Japanese Propaganda" penulis telah menghuraikan tentang bagaimana Jepun menggunakan jentera organisasi agama bagi tujuan propagandanya di sebalik dasar mereka yang dikatakan *non-interference* dalam perkara tersebut. Hal ini penting diketahui bagi memberikan gambaran sebenar tentang sikap Jepun terhadap agama Islam. Terdapat juga suatu tulisan yang bersifat kritikal dan mempersoalkan tindakan-tindakan Jepun semasa pendudukannya di Tanah Melayu. Mohd Yusof Hassan mengambil pendekatan yang berbeza daripada penulis lain dengan mempersoalkan secara terbuka beberapa tindakan Jepun semasa pemerintahannya di Tanah Melayu.[21]

[21] Mohd. Yusof Hassan,"Implikasi Pemerintahan Jepun", *Buku Cenderamata Minggu Sejarah Kedah*, Alor Setar 250 tahun 1735-1985(Alor Setar: Kerajaan Negeri Kedah, 1990). Antara persoalan yang ditimbulkan oleh Mohd. Yusof Hassan dalam tulisannya ini ialah dakwaan-dakwaan tentera Jepun yang bertentangan dengan watak sebenar mereka.Mereka mendakwa bahawa bangsa Jepun mempunyai budaya lembah lembut tetapi sebenarnya mereka telah berlaku kasar dan bengis. Budaya dan nilai yang dibawa mereka jauh bertentangan dengan kepercayaan dan amalan masyarakat Melayu. Keyakinan mereka terhadap Bushido sehingga membawa kepada amalan membunuh diri adalah jauh bertentangan dengan agama Islam. (Lihat tulisannya yang berkenaan m.s.147-152).Mohd. Yusof juga mempertikaikan cita-cita Jepun untuk mewujudkan kawasan kemakmuran bersama Asia yang disifatkannya hanya berupa propaganda dan helah politik mereka semata-mata. Beliau ternyata melihat pendudukan Jepun di Tanah Melayu dari aspek yang negatif. Sungguhpun begitu ia membuka ruang kepada penilaian daripada individu lain.

Kajian tentang zaman pendudukan Jepun juga memberi perhatian kepada negeri-negeri atau kawasan tertentu seperti Terengganu,[22] Kedah[23] dan Johor.[24] Walaupun dasar pemerintahan tentera Jepun hampir sama di semua negeri namun terdapat isu-isu bersifat tempatan yang berjaya dihuraikan pengkaji yang mengkhusus kajian mereka terhadap negeri tersebut. Pentadbiran Jepun di negeri-negeri dan kawasan tertentu juga menjadi tema dalam penulisan tesis atau latihan ilmiah pada peringkat ijazah pertama.[25] Pendudukan Jepun di Sabah diperkatakan oleh Dalius Lucius Lobinjang. Sepertimana kebanyakan kajian tentang pendudukan Jepun di negeri-negeri, tumpuan kajian beliau adalah terhadap struktur pentadbiran, suasana ekonomi dan sosial di Sabah.[26] Terdapat dua lagi tesis menarik berkaitan dengan pendudukan Jepun di negeri-negeri iaitu penguasaan ekonomi Kedah oleh Jepun dan dasar politik dan pentadbiran Jepun di Melaka.[27] Selain memenuhi

---

[22] Abdullah Zakaria Ghazali, *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terengganu, 1942-1945* (Petaling Jaya: University Malaya Press, 1996).

[23] Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-45(Tumpuan di Negeri Kedah)* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).

[24] Ghazali Mayudin, *Johor Semasa Pendudukan Jepun 1942-1945*(Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia,1978).

[25] Antara tesis berkenaan termasuklah Mohd. Nasir Ismail,"Pendudukan Jepun di Terengganu",(Latihan Ilmiah Universiti Malaya,1996), Abd. Hamid Ghazali,"Dasar-Dasar Jepun dalam Kegiatan Ekonomi di Temerloh 1942-1945",(Latihan Ilmiah Universiti Sains Malaysia, 1995),Rosnani Ibrahim,"Pendudukan Jepun di Hulu Langat,Selangor",(Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1979),Abdullah Abdul Rahman, "Pendudukan Jepun:Satu Kenyataan Ringkas Tentang Pergolakan dan Perkembangan Kampung Sungai Choh", (Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1977). Secara umumnya kajian-kajian ini memperlihatkan keadaan dan suasana kehidupan masyarakat setempat. Terdapat persamaan dan juga perbezaan pengalaman yang dialami oleh penduduk-penduduk di kawasan yang dikaji.Dasar pemerintah Jepun adalah hampir sama dikebanyakan tempat. Perbezaannya Cuma bergantung kepada pendekatan yang diambil oleh pegawai yang berkuasa ketika itu. Penduduk di kebanyakan negeri atau daerah berkongsi pengalaman yang hampir sama, hidup menderita kerana kesukaran mendapat bekalan makanan dan keperluan asas yang lain. Bagaimanapun peringkat kesukaran hidup yang dialami ini berbeza-beza mengikut lokasi dan latar belakang ekonomi seseorang itu.

[26] Dalius Lucius Lobinjang,"Sabah Semasa Pendudukan Jepun 1942-1945",(Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia,1989).Tesis ini membekalkan beberapa maklumat yang berguna berkaitan dengan perkembangan bidang pendidikan khususnya di Sabah semasa pendudukan Jepun. Sebagai suatu kajian di peringkat tempatan, tesis ini menggunakan sumber-sumber utama yang terdapat di Arkib, sumber lisan dan dokumen.

[27] Azhar Raswan Din Wan Dean,"Penguasaan Ekonomi Kedah Oleh Tentera Jepun Semasa Perang Dunia Kedua 1941-1945",(Tesis BA(Hons) Universiti Sains Malaysia,1984) dan Zalfan Mohd. Rashid, "Pendudukan Jepun di Melaka 1942-1945 Politik dan Pentadbiran", (tesis BA (Hons) Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973. Kedua-dua tesis ini memberi tumpuan kepada penguasaan Jepun di Kedah dan di Melaka.

keperluan akademik kajian-kajian ini membantu masyarakat memahami dengan lebih dekat perkembangan yang berlaku semasa pendudukan Jepun di kawasan tertentu, cuma skop perbincangan yang dikemukakan agak terbatas kepada isu dan kawasan yang tertentu sahaja.

Pengalaman yang dilalui semasa zaman pendudukan turut dirakamkan dalam penulisan biografi atau memoir tokoh-tokoh tertentu yang terlibat secara langsung dalam zaman tersebut seperti Tunku Abdul Rahman[28], Aishah Ghani[29] dan Mustapha Hussin.[30] Aktiviti-aktiviti serta pengalaman Mustapha Hussin pada zaman pendudukan Jepun ini telah dirakamkan sebagai sebuah karya sejarah oleh anaknya Insun Sony Mustapha. Memoir ini memuatkan kisah hidup Mustapha Hussain sejak kecil sehingga dewasa. Ia meliputi zaman sebelum Perang Dunia Kedua, zaman pendudukan Jepun, kembalinya British sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Memoir ini menarik kerana menghuraikan perjalanan sejarah dari perspektif seorang individu yang pernah mengalami berbagai pengalaman pahit dan manis dalam beberapa zaman.Selain itu ia tidak semata-

---

Azhar Raswan menumpukan kajiannya kepada aspek penguasaan ekonomi Kedah oleh Jepun. Beliau berhujah bahawa walaupun Kedah telah diserahkan kepada Siam oleh Jepun pada penghujung tahun 1943 namun Jepun masih menguasai ekonomi negeri tersebut. Berdasarkan sumber-sumber daripada fail Setiausaha kerajaan negeri dan laporan jabatan-jabatan tertentu beliau membuktikan bagaimana tindakan-tindakan yang diambil oleh Jepun untuk menguasai sektor ekonomi seperti tanaman padi, pembalakan dan perlombongan. Pembongkaran yang dilakukan oleh Azhar mendedahkan niat sebenar Jepun memerintah negara ini. Tesis Zalfan Mohd. Rashid pula menumpukan perhatian kepada pendudukan Jepun di Melaka dengan fokus kepada aspek pentadbiran dan politik. Kajian ini adalah antara yang terawal dibuat (1973) di kalangan siswazah bidang sejarah universiti tempatan. Kandungan utama tesis ini adalah berkaitan dengan dasar-dasar pentadbiran Jepun dan pergolakan politik yang berlaku khususnya di Melaka. Menarik untuk diperhatikan ialah bagaimana pengkaji melihat masyarakat Melayu di sebuah negeri tanpa raja atau sultan (Melaka sebuah negeri Selat dalam pentadbiran Inggeris) menghadapi pemerintahan Jepun. Sebagai pengganti kepada raja atau pemerintah, Jepun telah menggunakan badan politik seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM) untuk menjadi penghubung dengan masyarakat Melayu di sana. Kajian ini membantu pembaca memahami pergolakan politik yang berlaku di negeri Melaka khususnya semasa pendudukan Jepun.

[28] Pengalaman Tunku semasa zaman Jepun dikisahkannya dalam tulisannya,"*As a Matter of Interest*" (Kuala Lumpur: Heinimann Book, 1981), m.s. 151-159 dan "Reminiscences of Tunku Abdul Rahman on the Japanese Occupation, 1941-1945 (Oral History Series on Japanese Occupation) (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1989).

[29] Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992)

[30] Lihat Insun Sony Mustapha, *Mustapha Hussin Pejuang Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999).

mata memerihalkan pengalaman peribadi beliau tetapi turut mengupas perkembangan sejarah yang berlaku dari semasa ke semasa. Mustapha belajar dan bekerja semasa penjajahan British sebelum perang Dunia Kedua kemudian terlibat dengan Kesatuan Melayu Muda (KMM) sebuah pertubuhan politik Melayu antara yang terawal dan dikatakan agak kiri. Beliau adalah Naib Presidennya. Semasa pendudukan Jepun, selaras dengan pendirian KMM yang bekerjasama dengan Jepun Mustapah turut terlibat dengan pasukan Fujiwara Kikan, sebuah badan perisikan Jepun. Apabila Jepun menyerah kalah, Mustapaha diburu Bintang Tiga dan ditahan oleh British kerana dikatakan menjadi agen Jepun. Banyak peristiwa belakang tabir telah diungkapkannya kembali sepanjang tempoh tahanannya ini. Apabila dibebaskan British, Mustapaha terus mempamirkan kecenderungan untuk berpolitik walaupun menghadapi banyak sekatan. Puncak penglibatannya dalam politik menjelang kemerdekaan ialah percubaannya bertanding jawatan sebagai Presiden UMNO menentang Tunku Abdul Rahman Putra bagi menggantikan Dato' Onn pada tahun 1951. Beliau hanya tewas dengan satu undi, satu perkara yang jarang diperkatakan orang Beliau mendapat 16 undi berbanding Tunku Abdul Rahman yang mendapat 17 undi. Hebat juga rupanya tokoh bernama Mustapha Hussain ini. Jika ditakdirkan beliau menang menewaskan Tunku Abdul Rahman sebagai Presiden UMNO, tentulah sejarah berubah. Penulisan memoir Mustapha Hussain ini merupakan satu tanda yang penting dalam rakaman sejarah negara kerana ianya mendedahkan kepada masyarakat peranan dan sumbangan golongan yang dianggap kiri dalam perjuangan membela bangsa dan negara. Penglibatan beliau sejak zaman sebelum perang Dunia Kedua lagi dalam gerakan nasionalisme Melayu menjadikan tajuk memoir ini amat bertepatan iaitu *Mustapha Hussain: Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*.

Terdapat juga memoir berkenaan mereka yang terlibat secara langsung dalam perjuangan menentang Jepun seperti Mejar (bersara) Ismail Babu[31] selain memoir pegawai-pegawai Inggeris yang hidup pada zaman Jepun [32] seperti Dr. T.J. Danaraj.[33] Pengalaman seorang bekas anggota *Penang and Province Welessly Volunteer Corp* tentang suka duka penduduk George Town semasa pendudukan Jepun dirakamkan oleh Ahmad Meah Baba Ahmad.[34] Bekas pegawai tinggi Perkhidmatan Awam, Tan Sri Datuk Abdul Aziz Zakaria juga menulis memoir mengenangkan kehidupannya pada zaman British, Jepun dan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Semasa pentadbiran Jepun, beliau berkhidmat sebagai pegawai pelatih di Perak.[35] Juga terdapat tulisan Mohd. Yusoff Hj. Ahmad, *Decades of Change* yang memaparkan perjalanan hidup beliau dalam beberapa dekad. Beliau merupakan lulusan Raffles College di Singapura, pernah berkhidmat sebagai guru dan pegawai MCS *(Malayan Civil Service)* pada zaman kolonial British. Semasa pentadbiran Jepun beliau bertugas sebagai Pegawai Daerah Alor Gajah di Melaka dan

---

[31] Ismail Babu (Mejar Bersara), *Kisah Seorang Perajurit* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,1990)

[32] Lihat Peter George James Dobree, *Hujan Panas Bawa Bencana* (terjemahan DBP), (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994) dan T.P.M. Lewis , *Changi: The Lost Years* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1989)

[33] Keterangan lanjut dalam T.J. Danaraj, *Japanese Invasion of Malaya and Singapore Memoirs of a Doctor* (Kuala Lumpur: Eagle Trading Sdn. Bhd. , 1990)

[34] Ahmad Meah Baba Ahmad, *Penaklukan Jepun Suka Duka di George Town* (Kuala Lumpur: Media Indah Sdn. Bhd., 1992).Karya bercorak catatan pengalaman ini ditulis oleh Ahmad Meah Baba Ahmad berdasarkan sumber utamanya catatan diari bapanya Kapten Baba Ahmad Bin Ahmad. Ia ditulis mengikut kronologi mengisahkan urutan peristiwa yang berlaku semasa zaman pendudukan Jepun khususnya di George Town. Keunikan karya ini bergantung kepada sumbernya yang merupakan catatan diari seorang individu yang merakamkan berbagai perkembangan yang berlaku pada zaman tersebut. Ia bukan semata-mata catatan peribadi malahan turut menerangkan berbagai perkara yang melibatkan politik, ekonomi dan sosial.

[35] Abdul Aziz Zakaria, *British, Japanese and Independent Malaysia A Memoir* (Kuala Lumpur: Intan, 1989). Semasa pentadbiran Jepun, Abdul Aziz berkhidmat sebagai pegawai pelatih di Perak. Menerusi pengalamannya beliau mendapati bahawa perkhidmatan awam ketika itu amat lemah dam banyak kekurangan. Moral pegawai-pegawai awam khususnya daripada kalangan warga tempatan jatuh. Mereka tidak bersemangat bekerja, datang ke pejabat lewat dan pulang lebih awal. Mereka juga terdedah kepada amalan rasuah. Beliau juga berpendapat bahawa "semakin lama Jepun memerintah Tanah Melayu, keadaan akan menjadi bertambah buruk". Lihat m.s. 18-20. Pengalaman Abdul Aziz khususnya semasa pendudukan Jepun memberi gambaran tentang perasaan dan penilaiannya terhadap berbagai pergolakan yang berlaku pada zaman tersebut. Sebagai seorang yang boleh dianggap berpendidikan (lulusan sekolah Inggeris) beliau tentulah mampu menilai sesuatu yang berlaku pada zaman tersebut dari kacamata seorang pegawai Melayu yang terlibat sendiri dalam pentadbiran.

pernah ditahan oleh Jepun kerana dicurigai.[36] Umumnya karya-karya yang diperkatakan lebih bersifat nostalgia lantaran memaparkan pengalaman peribadi penulisnya sepanjang mengharungi pahit manis kehidupan pada zaman Jepun. Turut disentuh ialah kesan yang timbul terhadap kehidupan masyarakat dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Isu-isu yang melibatkan pendidikan turut disentuh dalam penulisan ini namun perbincangan yang secara khusus membincangkan pengalaman dan kesan daripada pendidikan pada zaman tersebut masih kurang.

Tulisan Mohd. Nor Long (1999) berjudul *Tun Hamdan Guru Sepanjang Hayat* yang mengisahkan perjalanan hidup dan sumbangan tokoh berkenaan khususnya terhadap dunia pendidikan tanahair.[37]Tun Hamdan dilahirkan dalam keluarga yang amat menitikberatkan pelajaran berjaya membuktikan kebolehan dan kecerdasannya dalam bidang tersebut sejak di bangku sekolah sehingga ke peringkat tinggi. Biografi ini merupakan satu rakaman sejarah yang baik kerana memberi banyak pengajaran khususnya

---

[36] Mohd. Yusoff Hj. Ahmad, *Decades of Change* (Malaysia 1910-1970s), Kuala Lumpur: Art Printing Works Sdn. Bhd., 1983. Sepertimana Abdul Aziz Zakaria, Mohd. Yusof Ahmad juga merupakan segelintir anak Melayu yang berpeluang belajar di Sekolah Inggeris pada zaman sebelum perang. Beliau lulus Senior Cambridge pada tahun 1928 dan kemudiannya menyambung pengajian ke Raffles College di Singapura. Setelah tamat belajar di Raffles College,beliau menjadi guru di Government English School di Negeri Sembilan sebelum menyertai perkhidmatan Malayan Administration Services(MAS). Mengalami pengalaman pahit semasa pendudukan Jepun kerana pernah ditahan berdasarkan latar belakanganya yang pernah menjadi pegawai pentadbir zaman British. Semasa itu, beliau menjadi Pegawai Daerah Alor Gajah di Melaka. Nasibnya baik kerana dibebaskan oleh Jepun. Apabila British kembali memerintah, Mohd. Yusoff menyambung kembali perkhidmatannya sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Antara jawatan yang pernah disandangnya ialah Pengarah Jabatan Penuntut di London dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (1962). Beliau mengumpul banyak pengalaman sepanjang 32 tahun berkhidmat dengan kerajaan. Setelah bersara daripada perkhidmatan awam, beliau menyertai sektor swasta dengan menjadi pengarah syarikat pengeluaran tenaga elektrik dan ladang getah. Memoir beliau merakamkan peristiwa dan pengalaman peribadinya yang meliputi 4 zaman iaitu sebelum perang, semasa pendudukan Jepun, kembalinya British dan zaman merdeka. Berbagai perubahan yang meliputi aspek politik, ekonomi, sosial dan budaya berlaku dalam tempoh ini (1910-1970). Segala catatan yang ditulisnya adalah gambaran kepada perasaan dan penilaian yang telah dibuat terhadap berbagai peristiwa sejarah sepanjang tempoh tersebut. Penulisan beliau menarik untuk diikuti lantaran memuatkan analisa yang relevan dengan perjalanan sejarah negara.

[37] Catatan riwayat hidup bekas TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang ini ditulis oleh Mohd. Nor Long , *Tun Hamdan Guru Sepanjang Hayat* (Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.,1999). Tajuk yang amat sesuai dengan peranan dan sumbangan yang telah diberikan oleh Tun Hamdan terhadap dunia pendidikan tanahair. Beliau melalui berbagai peringkat pengalaman dan pencapaian dalam kerjaya perguruan daripada guru biasa sehingga kepada pegawai tadbir tertinggi di Kementerian Pelajaran, Naib Canselor di Universiti Sains Malaysia dan wakil negara di Unesco, Paris.

kepada generasi muda.[38]Pengajian Hamdan di Raffles College tergendala semasa Perang Dunia Kedua; walau bagaimanapun dengan semangat yang kuat, Hamdan mengambil peluang yang ditawarkan untuk mengikuti pendidikan di *Syonan Koakunrenjo*, sebuah institut latihan yang ditubuhkan Jepun bagi melatih anak-anak muda menjadi pegawai dalam pentadbiran mereka. Setelah menamatkan latihan selama 3 bulan, Hamdan kembali menjalani latihan perguruan lanjutan dan kemudiannya sebagai tenaga pengajar di Pusat Latihan Perguruan *Kyoin Yosei Jo* di Ipoh, Perak. Berdasarkan kepada kebolehan dan kecemerlangannya berkhidmat sebagai guru dan pentadbir sekolah, Hamdan sekali lagi dihantar menjalani kursus lanjutan di *Jokyu Shihan Gakko* di Singapura pada bulan Oktober 1943. Pengalaman mengikuti kursus dan bekerja dengan Jepun ini amatlah bermakna bagi Hamdan.[39]

---

[38] Tun Hamdan merupakan individu yang telah menunjukkan satu teladan yang baik untuk diikuti khususnya yang melibatkan bidang pendidikan. Walaupun ayahnya, Sheikh Tahir merupkan seorang intelek dan ulamak yang terkenal tetapi beliau telah memberi peluang kepada anaknya Hamdan dan adiknya Hamid untuk belajar di sekolah Inggeris. Beliau mungkin menyedari bahawa pelajaran Inggeris terutamanya pada waktu tersebut adalah penting untuk masa depan anaknya. Setelah tamat darjah 4 sekolah Melayu, Hamdan melanjutkan pengajiannya ke *Special Malay Class* di Sekolah Clifford Kuala Kangsar. Beliau agak kecewa kerana gagal memasuki Maktab Melayu Kuala Kangsar yang hanya menerima pelajar daripada kalangan bangsawan Melayu pada ketika itu. Walaubagaimanapun Hamdan adalah pelajar yang rajin, cerdas dan gigih. Pada peringkat awal pengajiannya di kelas Special Malay, Hamdan masih meneruskan pengajiannya di sekolah Melayu sehingga tamat darjah enam. Keadaan ini membolehkan beliau menguasai pelajaran bahasa Melayu dan asas pengajian agama dengan baik. Kemajuan pelajaran Hamdan di sekolah Clifford juga berjalan dengan baik. Beliau lulus Senior Cambridge pada tahun 1938 setelah 6 tahun bersekolah Inggeris. Kecemerlangan Hamdan dalam bidang akademik digambarkan oleh persaingan sihat yang berlaku antaranya dengan rakan sekelasnya Raja Mohar Raja Badiozzaman dalam menentukan tempat teratas dalm kelasnya. Beliau juga aktif dalam sukan dan pasukan pengakap. Seterusnya Hamdan telah melanjutkan pengajiannya ke Raffles College di Singapura bagi mendapatkan diploma. Pencapaian yang telah ditunjukkan Hamdan sepanjang tempoh pengajiannya adalah bukti bahawa anak Melayu zaman pra merdeka boleh mencapai kejayaan sekiranya diberikan peluang dan belajar bersungguh-sungguh.

39. Mohd. Nor Long, *Tun Hamdan Guru Sepanjang Hayat*, *ibid*, m.s. 43-55. Proses pengajian yang dilalui oleh Hamdan menarik untuk diperhatikan kerana melibatkan perubahan suasana politik dan sosial tanahair. Bagi kebanyakan orang, zaman pendudukan Jepun merupakan satu tempoh yang amat menakutkan. Kekejaman Jepun menjadi bualan di mana-mana. Bagi Hamdan walaupun menyedari bahawa kehidupan ketika itu penuh dengan risiko dan tidak menentu namun semangatnya yang kuat untuk belajar telah mendorongnya menyahut cabaran menyertai latihan dan berkhidmat dengan Jepun. "Hamdan amat bergembira kerana terpilih mengikuti kursus di akademi Shonan *Koa Kunrenjo*, dan kejayaannya itu memungkinkannya belajar membaca, menulis dan bercakap dalam bahasa Nippon. Dia sanggup menerima apa juga jenis latihan, sekalipun ala tentera, yang sudah pasti memerlukan pergerakan cergas tahan lasak, berdisiplin dan menepati waktu mengikut jadual waktu yang ketat serta patuh kepada arahan. Sebagai bakal

Berikutnya terdapat juga tulisan Ramlah Adam, *Senator Ibrahim Abdullah, Menabur Budi Menyokong Nusa.*[40] Ibrahim Abdullah guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) berpeluang mempelajari bahasa Jepun di Ipoh *(Perak Shu Shihan Gakko)* berpendapat pendidikan Jepun dapat membentuk disiplin dan sikap yang tegas. Sebagai guru lepasan MPSI, sebuah institusi pengajian tinggi yang merupakan tempat bercambahnya semangat kebangsaan Melayu, Ibrahim merasakan latihan yang diterimanya daripada Jepun semakin meningkatkan semangatnya. Abdullah Hussin menampilkan sebuah karya novel yang menarik mengisahkan pengalamannya sebagai anggota F Kikan dan kakitangan Jepun di Sumatera dan Acheh. Turut diceritakan ialah tentang pengajiannya di *Koakunrenjo* Singapura. Penulisan Abdullah berdasarkan pengalaman peribadinya turut merakamkan pelbagai peristiwa bersejarah yang disampaikannya secara begitu menarik.[41] Shaharom Husain juga menampilkan pengalamannya belajar dan berkhidmat dalam tempoh

---

pendidik dia memang faham akan makna latihan tegas penuh disiplin, tetapi segar dan bermotivasi tinggi, dengan tujuan menanam semangat apa yang dipanggil *seishin ippai* , bermaksud selalu berwaspada, pintar dan serba boleh dari segi mental, fizikal dan moral". *Ibid,*m.s. 47-48. Hamdan disifatkan sebagai "grand champion" dalam kelasnya di Shonan Koa Kunrenjo oleh Yoji Akashi dalam kajiannya "The *Koa Kunrenjo*, 1942-1945 A Case Study Of Cultural Propagation And Conflict Under The Japanese Occupation Of Malaya". Hamdan kini menguasai bahasa Jepun dengan baik selain bahasa Inggeris. Ternyata Hamdan telah mendapat faedah daripada latihan dan perkhidmatan yang disertainya bersama Jepun. Dalam konteks pembangunan kerjaya dan dirinya, pengalaman dididik oleh Jepun telah membantu beliau membentuk sikap dan peribadi yang unggul.

[40] Ramlah Adam, *Senator Ibrahim Abdullah Menabur Budi Menyokong Nusa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999)Karya Ramlah Adam ini memenangi Hadiah Istimewa Hadiah Biografi ESSO-GAPENA 1 anjuran Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) dan ESSO.

[41] Abdullah Hussin merupakan penulis dan sasterawan bergelar Sasterawan Negara. Beliau berketurunan Acheh tetapi ibu bapanya berhijrah dan menetap di Kedah. Semasa pendudukan Jepun ia menganggotai pasukan F Kikan (pasukan perisik Fujiwara Kikan) dan dihantar ke Sumatera bagi membantu Jepun di sana. Lihat novelnya, *Terjebak* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1965). Keunikan karya Abdullah Hussain terletak kepada penggunaan bahasanya. Beliau dikatakan menggunakan bahasa sebagai wahana atau mekanisme komunikasi sastera. Gaya bahasa yang digunakannya mirip kepada gaya kewartawanan baru(new journalism). Gaya kewartawanan baru adalah satu gaya penulisan yang istimewa kerana ianya mendedahkan kisah benar yang diolah secara cereka yang tentunya punya nilai estetika , rasa dan kebenaran yang tersendiri. Melalui novel "terjebak" ini pendekatan tersebut digunakan dengan amat berkesan sekali. Penggunaan gaya ini dalam novelnya adalah sumbangan besar Abdullah Hussain dalam dunia kesusasteraan.Lihat tulisan A.Rahim Abdullah tentang Abdullah Hussain dalam *Berita Minggu*, 12 Mac 1995.

pentadbiran tentera Jepun. Beliau merakamkan kenangan pahit manis menerima latihan daripada Jepun dan mendedahkan banyak pengajaran yang diperolehinya.[42]

Daripada memoir yang diperkatakan, banyak peristiwa menarik pada zaman pemerintahan Jepun dapat disingkap. Tokoh-Tokoh yang menjalani kehidupan pada zaman ini mengalami berbagai kenangan pahit dan manis dalam bidang pendidikan, sosial, ekonomi dan politik. Memoir mereka turut mendedahkan dasar-dasar yang diamalkan tentera Jepun pada zaman tersebut. Beberapa perkara menarik dapat diperkatakan apabila pengalaman mereka dianalisis seperti pengalaman menjalani pendidikan pada zaman tersebut. Bagi Jepun pendidikan merupakan satu senjata yang penting untuk tujuan propaganda. Walaupun menyedari perkara ini, orang-orang Melayu pula beranggapan pendidikan yang diterima meningkatkan semangat nasionalisme selain memperolehi sedikit keistimewaan dari tentera Jepun. Dengan mempelajari dan menguasai bahasa Jepun misalnya mereka berpeluang berkhidmat dengan pemerintah dan dapat melindungi diri daripada kekejaman Jepun. Berpandukan memoir ini, kajian yang lebih mendalam dapat dibuat berkaitan dengan sistem pendidikan Jepun di Tanah Melayu dalam tempoh pendudukannya.

Sehingga kini penulisan dan perbincangan tentang hubungan Malaysia Jepun era selepas perang Dunia Kedua atau selepas negara mencapai kemerdekaan lebih berbentuk artikel atau kertas seminar yang dibentangkan bagi membincangkan sesuatu isu yang khusus. Sebahagian besar tumpuan perbincangan adalah berkaitan bidang diplomatik,

---

[42] Shaharom Husain seorang guru yang dilatih di Sultan Idris Training College (SITC) 1938-1940, seorang yang membesar dalam suasana kesedaran nasionalisme yang kian meningkat di Tanah Melayu. Semasa zaman pendudukan Jepun, beliau mengikuti kursus guru di Maktab Perguruan Singapura di Beras Basah Road selama 3 bulan. Kursus ini mendedahkannya kepada berbagai jenis latihan ala Jepun yang meliputi pengajian bahasa Jepun, latihan jasmani, beberapa pelajaran umum dan *Nippon Seshin*. Kursus ini disifatkannya sebagai banyak memberi kesedaran dan pengajaran kepadanya. Lihat Shaharaom Husain, *Memoir Shaharom Husain Selingkar Kenangan Abadi*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996).

ekonomi dan perdagangan bersesuaian dengan dasar Jepun yang ingin memulihkan imejnya yang tercalar akibat Perang Dunia Kedua. Mohd. bin Samsudin menulis tentang hubungan Malaysia–Jepun dalam tempoh 10 tahun pertama kemerdekaan (1957-1967).[43] Tumpuan pemerhatian beliau adalah terhadap dasar-dasar dan tindakan yang diambil oleh kerajaan kedua-dua belah pihak dalam meningkatkan hubungan di antara satu sama lain. Terdapat sarjana seperti F.C. Langdon yang menulis tentang dasar luar Jepun pasca perang dengan memuatkan analisis berkaitan matlamat dan strategi yang dijalankan Jepun dalam konteks hubungannya dengan Asia.[44] Walaupun tulisan beliau tidak memberi tumpuan sepenuhnya kepada negara ini namun pengetahuan tentang prinsip asas dasar luar adalah penting kepada seseorang yang mahu memahami peranan Jepun di rantau ini. Seorang sarjana Jepun iaitu Masashi Nishihara menulis tentang peranan yang cuba dimainkan Jepun dalam mencari penyelesaian kepada konfrantasi yang tercetus antara Malaysia–Indonesia pada 1963. Walaupun Jepun gagal dalam usahanya namun inisiatif yang diambilnya menggambarkan kesediaannya memainkan peranan pada peringkat serantau yang didorong oleh kepentingan ekonomi.[45]

Selain soal pemulihan hubungan diplomatik, isu-isu ekonomi dan perdagangan menjadi perkara utama yang mendapat perhatian para pengkaji sepanjang dekad 1960-an

---

[43] Disiarkan dalam Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, *Malaysia dari segi Sejarah*, Bilangan 23, 1995.Tulisan ini memberi tumpuan kepada hubungan antara Malaysia dengan Jepun dalam tempoh 10 tahun pertama selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Penulisnya menghuraikan langkah-langkah yang telah diambil bagi memulihkan hubungan di antara kedua buah negara khususnya yang melibatkan hubungan politik dan ekonomi.Tidak dapat dinafikan bahawa Jepun telah mengambil beberapa tindakan bagi melenyapkan pengalaman pahit rakyat semasa zaman pendudukan dengan memperkenalkan dasar seperti bantuan ODA(Overseas Development Assistant) dan bantuan teknikal bagi menjalin hubungan lebih baik dengan kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman pada masa itu. Bagaimanapun tulisan ini tidak memberi perhatian kepada hubungan pendidikan kedua-dua negara dalam tempoh tersebut. Sumber rujukannya juga terhad kepada buku, laporan dan dokumen.

[44] Lihat F.C. Langdon, *Japan's Foreign Policy* (Vancouver: University of British Columbia Press, 1973).

[45] Masashi Nishihara, *The Japanese and Sukarno's Indonesia Tokyo-Jakarta Relations, 1951-1966*, Monograph of the Centre for Southeast Asian Studies, Kyoto University (Honolulu: University Press of Hawaii,1975).

dan 1970-an. Peranan Jepun sebagai pengeksport, pengimport, pelabur serta pemberi bantuan asing mendapat berbagai reaksi berupa sokongan, kritikan malahan cemuhan daripada berbagai-bagai golongan termasuk ahli akademik. Satu artikel menarik misalnya ditulis oleh Johan Saravanamuthu tentang peranan dan kesan pelaburan asing langsung Jepun di Malaysia yang menganalisis secara terperinci kesan positif dan negatif pelaburan Jepun di sini.[46] Walau bagaimanapun tulisan ini tidak memberi perhatian kepada isu pendidikan dan pembangunan sumber manusia dalam hubungan kedua negara. Lim Hua Sing, professor di Institut Pengajian Asia Pasifik Universiti Waseda, Jepun menghasilkan penulisan berjudul,"The Japan Malaysia Economic Relationship Towards the Twenty First Century",[47] Paridah Abdul Samad,[48] "Malaysian-Japan Relation Economics and Political Dimensions", Anuwar Ali [49] "Japanese Industrial Investment" dan Zakaria Hj. Ahmad dan K.C. Cheong[50] "Malaysia Japan Trade: Issue and Prospect for 1980s". Selain itu terdapat juga tulisan Chee Peng Lim dan Lee Poh Ping [51] berjudul "The Role of Japanese Direct Investment in Malaysia" .

Dalam konteks hubungan Malaysia-Jepun era selepas merdeka tulisan-tulisan ini memberi perhatian kepada isu-isu hubungan dua hala dalam bidang politik, ekonomi dan perdagangan. Tidak dapat dinafikan isu-isu seperti ini mendapat perhatian kerana Jepun merupakan rakan dagang dan di antara pelabur asing yang penting bagi Malaysia. Sedikit

---

[46] Lihat Johan Saravanamuthu, "The Role and Impact of Japanese Direct Investment in Malaysia", *Seminar on the Japanese Experience Lessons for Malaysia*, Pulau Pinang, 26-31 Mei 1983,

[47] Artikel ini disiarkan dalam Lim Hua Sing, *Japan Role in Asia* 3rd. edition terbitan Times Academic Press, Singapura, 2001.

[48] Disiarkan dalam Marie Soderberg dan Ian Reader, *Japanese Influences and Presences in Asia* (London : Curzon Press, 2000).

[49] Artikel ini disiarkan dalam *Japan and Malaysian Development in the Shadow of the Rising Sun* suntingan Jomo KS (London: Routledge, 1994)

[50] Disiarkan dalam *Asean- Japan Relations Trade and Development* suntingan Narongchai Akrasanee (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1983)

[51] Disiarkan sebagai Occasional Paper No. 60 (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1979)

kekurangan yang terdapat pada tulisan-tulisan ini ialah kerana ia tidak melihat aspek negatif dalam hubungan kedua-dua negara secara lebih terperinci bagi mendapatkan satu penjelasan yang lebih seimbang. Kecuali tulisan Johan Saravanamuthu yang lebih kritikal, keadaan ini terdapat samada pada tulisan Lim Hua Sing atau Faridah Samat. Kajian Lee Poh Ping dan Chee Peng Lim lebih komprehensif kerana melibatkan kajian lapangan dalam menggambarkan peranan pelaburan asing Jepun di Malaysia.[52]

Hubungan Malaysia-Jepun dalam berbagai bidang mengalami perubahan ketara apabila Dr. Mahathir yang menjadi Perdana Menteri keempat memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur pada tahun 1982. Dasar yang bertujuan mencontohi dan menjadikan Jepun sebagai model pembangunan negara ini mengundang reaksi pelbagai pihak. Terdapat kajian yang dibuat dengan perbincangan khusus terhadap Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir Mohamad. Satu kajian yang menarik berkaitan perkara ini dikemukakan Khadijah Md. Khalid dan Lee Poh Ping melalui karya berjudul, *Whither The Look East Policy* yang mengupas secara terperinci pelbagai aspek pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur dan masa depannya.[53] Kajian ini menggunakan sumber lisan

---

[52] Tulisan Lim misalnya,"The Japan Malaysia Economic Relationship towards the Twenty first Century" hanya menyingkap perhubungan perdagangan antara kedua-dua negara mulai pertengahan dekad 80-an sehingga kini. Tumpuan perbincangan beliau adalah terhadap isu pelaburan asing dan bantuan pembangunan yang diberikan Jepun kepada Malaysia. Tulisan ini membekalkan maklumat statistik yang komprehensif berkaitan dengan perkara tersebut. Walaubagaimanapun Lim tidak membincangkan aspek-aspek negatif dalam hubungan dagangan kedua-dua negara. Isu-Isu seperti defisit perdagangan dan keuntungan sebelah pihak yang sewajarnya turut diperkatakan tidak disentuh oleh beliau. Jika ini dapat dilakukan, tulisan ini akan menjadi lebih baik.Tulisan Faridah Samat,"Malaysia Japan Economic Relations Political Economic Dimensions" pula memberi perhatian kepada komitmen politik kerajaan Jepun dan Malaysia bagi menjayakan agenda ekonomi yang telah ditetapkan. Beliau tidak menyentuh secara terperinci tentang halangan–halangan yang terpaksa dihadapi kedua-dua negara bagi memastikan pencapaian matlamat dalam hubungan ekonomi.Kajian Lee Poh Ping dan Chee Peng Lim merupakan satu kajian lapangan yang baik kerana memberikan maklumat dan gambaran tentang peranan pelaburan asing langsung syarikat-syarikat Jepun di Malaysia. Ia melibatkan kajian kes meliputi 4 buah syarikat Jepun yang beroperasi di Malaysia. Kajian ini menerangkan secara jelas cirri-ciri umum pelaburan Jepun di Malaysia, aspek-aspek pekerjaan, latihan sumber manusia, pemindahan teknologi dan sub kontrak. Data-data dan maklumat daripada syarikat yang menjadi responden menjadi asas kajian ini.

[53]Khadijah Md.Khalid dan Lee Poh Ping, *Whither The Look East Policy*(Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,2003).Dr. Khadijah Md.Khalid merupakan pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran

dalam menilai keberkesanan DPT dengan mengambilkira pandangan tokoh-tokoh tertentu di Jepun dan Malaysia selain membincangkan dua aspek menarik dalam konteks hubungan Malaysia Jepun iaitu peranan pelobi Jepun dan faktor "Mahathir" dalam hubungan kedua negara pada dekad 1980-1990-an. Sungguhpun karya ini memuatkan analisis terperinci tentang model Jepun dan DPT namun tumpuannya lebih kepada aspek ekonomi tanpa perhatian khusus kepada soal pendidikan dan latihan. Sebuah lagi karya berkaitan ialah buku *The Sun Also Sets:Lessons in "Looking East"* yang secara khususnya membincangkan pelaksanaan dasar tersebut suntingan Jomo KS.[54] Artikel-artikel dalam buku ini keseluruhannya mengkritik aspek-aspek tertentu Dasar Pandang Ke Timur yang dikatakan lebih menguntungkan syarikat Jepun selain tentang elemen pengurusan Jepun yang tidak sesuai untuk dilaksanakan di negara ini.[55] Walau bagaimanapun koleksi artikel ini turut memuatkan pandangan Mahathir berkaitan dasar yang diperkenalkannya. Secara keseluruhannya koleksi tulisan ini merupakan pandangan yang kritis terhadap dasar berkenaan dengan hujah-hujah yang dikemukakan lebih bersifat mengkritik pandangan penggubal dasar.[56] Sungguhpun begitu tumpuan kritikan lebih tertumpu kepada isu-isu

---

Universiti Malaya sementara Profesor Lee Poh Ping bertugas di Institut Kajian Malaysia (IKMAS) Universiti Kebangsaan Malaysia.

[54] Buku ini Jomo KS (ed.),*The Sun Also Sets: Lessons for Looking East* (Kuala Lumpur: Institut Analisa Sosial (INSAN),1983). Edisi terjemahan Bahasa Malaysia diterbitkan pada 1992 *Suria Terbenam Jua: Ajaran Pandang Ke Timur* diterjemahkan oleh Rosli Omar dengan penyunting dan penerbit yang sama. Antara penulis artikel dalam buku ini ialah Kua Kia Soong dengan judul,"Dasar Pandang Ke Timur: Untuk Siapa? Mengapa Pandang Ke Timur ".Chandra Muzaffar dengan artikel berjudul,"Konsep Kesatuan Dalaman Tidak Patut Dipindahkan ke Malaysia" dan Lee Poh Ping dengan tajuk,"Syarikat Malaysia Sdn. Bhd:Pemerintah Melayan Kapitalis Swasta" dan "Dasar Penswastaan: Cabaran Untuk Pekerja dan Pengguna".

[55] Dalam artikel Dr. Chandra Muzaffar misalnya, Konsep kesatuan dalaman tidak patut dipindahkan ke Malaysia, beliau mempersoalkan tindakan kerajaan memperkenalkan konsep yang ditiru dari Jepun itu kerana disifatkan gagal memberi banyak kebaikan kepada golongan pekerja. Malahan sistem ini dikatakan telah menimbulkan banyak masalah di Jepun.

[56] Tulisan-Tulisan ini telah mengkritik pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur khususnya yang melibatkan keuntungan sebelah pihak yang diperolehi oleh firma Jepun berbanding dengan syarikat atau pekerja Malaysia. Ianya turut mendedahkan kelemahan-kelemahan dan keburukan dalam amalan pengurusan syarikat-syarikat Jepun yang jika ditiru tidak akan membawa banyak faedah kepada negara ini. Lihat misalnya tulisan Chandra Muzaffar, Konsep Kesatuan Sekerja Dalaman Tidak Patut Dipindahkan ke Malaysia" dan Lee Poh Ping," Syarikat Malaysia Sdn. Bhd: Pemerintah Melayan Kapitalis Swasta, Jomo K.S. (ed.), *op.cit.* Tulisan ini

ekonomi, pengurusan dan perniagaan . Tiada rujukan sewajarnya diberikan terhadap aspek pendidikan dan budaya. Sebuah buku kecil yang menyokong dan memberi justifikasi kepada DPT ditulis Harun Che Su, *Pandang Ke Timur Mengapa Jepun Jadi Pilihan.*[57] Hujah Harun selari dengan pandangan Mahathir yang mengaitkan kejayaan Jepun dengan keunikan sistem pengurusan serta sikap positif rakyatnya. Kelemahan tulisan Harun adalah kerana hujah-hujahnya dibuat secara ringkas tanpa rujukan konkrit malahan buku beliau tidak disertai bibliografi menjadikannya kurang layak diberikan status penulisan akademik.

Abu Talib Ahmad menulis dengan tajuk,"Changing Perceptions of Malaysian Toward Japan Since World War Two" menyentuh tentang perubahan persepsi masyarakat Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia terhadap Jepun sejak Perang Dunia Kedua.[58] Kajian ini melihat bagaimana wujudnya perubahan tanggapan dalam kalangan rakyat negara ini terhadap Jepun setelah melalui pengalaman menakutkan dalam tempoh 1941-1945. Perubahan tanggapan ini semestinya dipengaruhi berbagai perkembangan dan dasar baru yang diperkenalkan kedua-dua negara selepas perang.[59] Walaupun tulisan ini turut

---

dapat meluaskan pandangan pembaca dengan melihat isu yang diperkatakan secara kritis dan mendalam. Pandangan bersifat kontra dengan pihak penggubal dasar ini diharap dapat mewujudkan ruang perbincangan yang lebih terbuka dan luas.

[57] Harun Che Su, *Pandang Ke Timur Mengapa Jepun Menjadi Pilihan* (Kuala Lumpur: Moden Akademik, Institut Bena, 1982).

[58] Artikel ini bertajuk,"Changing Perceptions of Malaysians Toward Japan Since World War Two" *(Kajian Malaysia,* Jilid XVII, No. 1, Jun, 1999) m.s. 70-94 . Penulis cuba melihat perubahan persepsi rakyat terhadap Jepun bagi tempoh 1945-1999. Perbincangan tertumpu kepada tiga aspek utama iaitu warisan pendudukan Jepun dan membina semula hubungan, hubungan ekonomi dua hala dan persepsi masyarakat terhadap Jepun dalam tempoh 1945-1999.

[59] Tulisan Abu Talib menganalisis persepsi dan pandangan rakyat Malaysia terhadap Jepun sejak selepas perang sehingga ke tahun 90-an. Pengalaman pahit yang dialami rakyat negara ini semasa pendudukan Jepun ternyata tidak mudah dilupakan. Manifestasi perasaan mereka digambarkan melalui berbagai saluran seperti memoir, buku, filem dan akhbar yang kebanyakannya dihasilkan selepas perang tamat. Pengalaman pahit berhadapan dengan tindakan-tindakan kejam pemerintahan Jepun semestinya sukar dilupakan begitu sahaja. Walaupun mereka tidak mengambil sebarang tindakan yang boleh disifatkan sebagai membalas dendam namun persepsi negatif terhadap Jepun masih wujud. Hanya masa dapat mengubah keadaan . Hubungan baik yang terjalin selepas perang dikatakan hanya berlaku pada peringkat rasmi iaitu antara kerajaan dengan kerajaan. Pemulihan hubungan kedua-dua negara mengambil masa yang agak lama untuk diterima dengan

membincangkan isu-isu kontemporari seperti ekonomi dan Dasar Pandang Ke Timur dalam konteks hubungan kedua negara namun ia tidak menyentuh tentang kesan program dan dasar tersebut terhadap budaya rakyat negara ini. Penulis yang sama turut memperkatakan tentang hubungan Malaysia - Jepun dalam aspek kebudayaan melalui tulisannya,"Aspects of Malaysian-Japan Cultural Relations".[60] Tulisan beliau memberi penekanan kepada tiga aspek iaitu promosi terhadap Jepun dari segi penulisan akademik di Malaysia, perayaan budaya Jepun yang dibuat di negara ini dan persepsi pelajar universiti di negara ini terhadap Jepun yang berasaskan kajian lapangan penulis. Tulisan Abu Talib memberi gambaran tentang beberapa langkah yang diambil bagi memperkenalkan negara dan masyarakat Jepun kepada rakyat Malaysia termasuk memasukkan Jepun dalam pelajaran geografi dan sejarah di peringkat sekolah menengah atas dan pengajaran *Nippon-Go* di beberapa buah sekolah menengah berasrama penuh. Ini bermakna bagi kebanyakan rakyat Malaysia, negara Jepun bukanlah merupakan sesuatu yang asing bagi mereka berbanding dengan keadaan sebaliknya di Jepun di mana Malaysia belum dikenali secara meluas oleh rakyatnya. Kajian Lim Hua Sing misalnya menunjukkan Malaysia lebih dikenali dalam kalangan ahli perniagaan dan tokoh politik Jepun berbanding rakyat biasa.

Secara umumnya tulisan-tulisan kontemporari yang ada setakat ini lebih banyak membincangkan topik hubungan Malaysia-Jepun dengan tumpuan terhadap bidang kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan. Artikel-artikel ini belum memberi

---

baik oleh rakyat. Hanya pada tahun 1980-an dan 1990-an barulah imej Jepun agak pulih dalam kalangan rakyat Malaysia. Keadaan ini berikutan dengan meningkatnya aktiviti-aktiviti ekonomi Jepun di sini. Selain itu pelancaran Dasar Pandang Ke Timur pada awal tahun 1980-an telah secara tidak langsung mempertingkatkan hubungan kedua negara. Walaupun perkara ini juga tidak terlepas daripada kritikan beberapa pihak namun ianya telah berjaya mengurangkan sentimen lama rakyat terhadap Jepun. Kejayaan ekonomi yang dicapai oleh Jepun era pasca perang membolehkannya menghulurkan bantuan kepada banyak negara di Asia termasuk Malaysia. Bantuan-Bantuan dan subsidi seperti ini membantu mengubah persepsi rakyat negara ini daripada negatif kepada lebih positif.

[60] Dibentangkan dalam persidangan, "*6th International Conference on Japanese Studies 1999*, Japan-Southeast Asia Relations, Department of Japanese Studies, National University of Singapore, 1-2 Oct. 1999.

tumpuan atau perbincangannya kurang menyentuh soal hubungan pendidikan di antara kedua-dua negara. Kebanyakan pengkaji lebih tertarik dengan isu ekonomi, perdagangan atau pelaburan asing memandangkan ia merupakan aspek yang sering mendapat liputan meluas dalam konteks peranan Jepun di Asia. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan pendidikan juga mempunyai peranan yang penting dalam konteks hubungan Malaysia Jepun kerana ia merupakan satu alat kearah pemindahan teknologi dan budaya. Apabila Dasar Pandang Ke Timur dilancarkan pada tahun 1982 antara bentuk pengisiannya ialah program pendidikan yang diharap memberi lebih banyak peluang kepada pelajar Malaysia mempelajari ilmu dan teknologi dari Jepun. Kerajaan dan syarikat-syarikat Jepun di negara ini juga diharap dapat menyalurkan kemudahan-kemudahan bagi pemindahan teknologi dan kemahiran kepada pekerja tempatan. Walaupun rancangan ini telah berjalan namun apa yang berlaku ialah keberkesanannya dipersoalkan dalam beberapa aspek tertentu .

Beberapa kajian berkaitan membantu menjelaskan perkara ini. Antaranya ialah kajian Lim Hua Sing berjudul "Japanese Perspective on Malaysia's Look East Policy" [61] yang berkaitan dengan persepsi masyarakat Jepun terhadap Dasar Pandang ke Timur. Beliau meninjau pandangan rasmi kerajaan , sektor perniagaan, ahli akademik, media dan golongan pelajar berkenaan dengan dasar tersebut. Dalam pemerhatiannya, Lim mendapati kerajaan Jepun memberi perhatian yang serius terhadap dasar tersebut berikutan dengan janji dan komitmen politik yang dibuat oleh Perdana Menteri Nakasone kepada Dr. Mahathir. Golongan lain seperti pelajar kurang responsif terhadap dasar tersebut. Tulisan Lim lebih menumpukan perhatian kepada komitmen Jepun terhadap peningkatan aktiviti perdagangan dan bantuan teknikal sebagai reaksi kepada Dasar Pandang Ke Timur dan kurang memberi perhatian kepada aspek lain seperti pengalaman dan penghayatan budaya

[61] Lim Hua Sing, *Japan's Role in Asia* 3rd. edition (Singapore: Times Academic Press, 2001)m.s. 57-60

pelajar Malaysia yang berpeluang belajar di Jepun. Sungguhpun tulisan Lim disokong dengan statistik ekonomi dan perdagangan namun huraiannya agak mendatar dengan hanya melihat respon kerajaan dan sektor swasta Jepun terhadap Dasar Pandang Ke Timur. Ianya tidak menganalisa secara lebih mendalam faktor-faktor yang mungkin mendorong Jepun untuk meningkatkan penguasaan ekonominya di Asia dan khususnya di Malaysia.

Sarjana sosiologi dari Australia yang produktif menulis secara akademik tentang masyarakat Jepun ialah Wendy A. Smith.[62] Salah satu pandangannya yang menarik ialah kritikannya terhadap konsep masyarakat vertikal Jepun yang diperkenalkan sarjana Jepun Chie Nakane. Beliau menyifatkan konsep tersebut sebagai "utopia" dan ditulis tanpa berdasarkan pendekatan ilmiah malahan lebih merupakan pandangan peribadi Nakane terhadap masyarakat Jepun.[63] Tentang DPT pandangan kritis Wendy Smith boleh dilihat melalui tulisannya,"Japanese Cultural Images in Malaysia Implication of the Look East Policy".[64] Beliau memberi justifikasi tentang keperluan Dr. Mahathir memperkenalkan dasar ini. Keperluan utama seperti yang disebutkannya adalah bagi mencontohi cara dan budaya kerja Jepun supaya Malaysia dapat mencapai kemajuan ekonomi sepertimana dicapai oleh Jepun. Di sebalik kesan positif yang diharapkan Malaysia hasil pelaksanaan dasar ini, pengkaji mengulas tentang kemungkinan dasar ini gagal mencapai matlamatnya dalam beberapa aspek tertentu. Smith mengulas tentang etika kerja dan pengurusan Jepun

---

[62]Di antara tulisannya ialah,"A Japanese Factory in Malaysia Ethnicity as a management ideology", dibentangkan di *Asian Studies Association of Australia Malaysia Society's Third Colloqium*, 22-24 August 1981, University of Adelaide, Australia. Berikutnya tulisan beliau bertajuk, "Impact on Japanese management on Malaysian female factory workers",dibentangkan pada *Seminar Wanita dan Pekerjaan* anjuran APDC di Kuala Lumpur pada 16-17 April 1984.Satu lagi karya beliau berjudul,"Japanese Management in Malaysia", dibentangkan pada *International Conference on Models of Development, The Role of the Japanese Studies*, Petaling Jaya,18-19 Januari 1995.

[63] Lihat Wendy A. Smith dan Hironi Hata,"Nakane's *Japanese Society* as Utopian Thought",*Journal of Contemporary Asia*, Volume 13, 1983.

[64] Tulisan ini disiarkan dalam buku bertajuk *Japan and Malaysian Development in the Shadow of the Rising Sun* suntingan Jomo K.S. terbitan Routledge, London , 1994 .

yang ingin dijadikan contoh oleh Malaysia. Baginya tidaklah semudah yang dijangka untuk mencontohi model pengurusan Jepun lantaran mereka mempunyai sejarah dan latar belakang pengalaman yang tersendiri dan berbeza dengan masyarakat lain di dunia. Struktur masyarakat dan budaya Jepun jauh berbeza dengan Malaysia. Smith lebih melihat kepada realiti yang berlaku dalam konteks kesan pelaksanaan DPT terhadap negara ini dalam beberapa aspek tertentu. Baginya hasil daripada dasar tersebut ialah bertambahnya aktiviti-aktiviti masyarakat Jepun di Malaysia. Kehadiran semakin ramai ekspatriat dan peniaga Jepun ke Malaysia mendorong penubuhan lebih banyak kelab golf, restoran, pasaraya, bar dan dewan karaoke di bandar utama seperti Kuala Lumpur. Premis ini bukan hanya khusus kepada komuniti Jepun malahan berjaya menarik pelanggan daripada kelas menengah tempatan. Mengikut pengamatan Smith lagi, salah satu budaya menarik Jepun yang tersebar dengan meluas ialah karaoke .[65]

> *"Karaoke bars are perhaps Japan's most significant cultural export world wide in the past decade and the popularity in Malaysia is no exception . Karaoke bars arose from the custom of the salarymen from large companies drinking together regularly after work, one of the main leisure activities of males in Japan".*

Kini amalan berkaraoke mula diamalkan secara meluas di Malaysia. Ia bukan sahaja dilakukan di kelab yang tertentu malahan turut diamalkan di rumah terutamanya oleh golongan muda. Masyarakat kelas menengah sanggup berbelanja sehingga RM 15,000 untuk membeli peralatan karaoke di rumah.[66] Satu kajian yang dibuat di Jepun dan

---

[65] Budaya karaoke ini merupakan amalan pekerja-pekerja yang berehat selepas waktu bekerja untuk meredakan tekanan dengan berbual menikmati minuman sambil menyanyi dengan rakan-rakan sekerja. Di Jepun amalan ini dikatakan meliputi pekerja dari pelbagai kategori atau peringkat hierarki. Lihat Wendy A. Smith,"Japanese Cultural Images in Malaysia", m.s. 346.

[66] Wendy A Smith,"Japanese Cultural Images in Malaysia", m.s. 348 dalam Jomo K.S.(ed.), *Japan and Malaysian Development in The Shadow of The Rising Sun* (London: Routledge, 1994) .

Singapura tentang budaya berkaraoke dalam kalangan belia menyenaraikan sebab-sebab berikut sebagai dorongan kepada mereka menyukainya.[67]

1. memenuhi minat menyanyi.
2. meniru nyanyian artis popular bagi memenuhi fantasi.
3. satu cara mengatasi tekanan perasaan
4. mencari hiburan dan saluran komunikasi.

Kajian yang sama turut membincangkan isu tentang dakwaan sesetengah pihak yang menyifatkan penyebaran budaya karaoke sebagai perluasan penjajahan budaya Jepun ke atas masyarakat Asia. Walau bagaimanapun terdapat pendapat lain yang mendakwa Jepun hanya mengeksport teknologi yang berupa mesin dan alat muzik dan bukannya penyebaran budaya. Dalam konteks realitinya di Malaysia, kajian lebih terperinci perlu dibuat sebelum sebarang kenyataan tentang isu ini diberikan.

Peningkatan budaya konsumerisme yang diakibatkan oleh kemajuan dalam pendapatan dan pertumbuhan bandar turut membantu meluaskan pasaran dan penggunaan barangan pengguna keluaran Jepun di negara ini. Barangan elektrik berjenama Toshiba, National, Sony, Panasonic dan Sharp misalnya begitu popular dalam kalangan penduduk negara ini. Jenama keluaran syarikat Jepun ini menguasai pasaran tempatan sejak tahun 1980-an. Syarikat-Syarikat Jepun turut terlibat dalam perniagaan pasaraya di beberapa bandar utama negara ini seperti Sogo, Kimisawa, Jaya Jusco, Chujitsu dan Yaohan. Pelanggan utama yang disasarkan oleh pasaraya-pasaraya ini ialah golongan kelas sederhana dan menengah selain pelancong asing yang berminat dengan barangan berkualiti

[67] Lihat kajian Masaki Iljima dan Thang Leng Leng," Preliminary study of the 'karaoke culture' among youth in Singapore and Japan" dalam *Proceeding 6th International Conference on Japanese Studies* 1999, Japan-Southeast Asia Relations, Department of Japanese Studies, National Universiti of Singapore,1-2 Oct. 1999.m.s. 147-156. Masali Iljima dari Universiti Aichi Gakuan Jepun manakala Thang Leng Leng dari Universiti Nasional Singapura.

tinggi yang dijual. Malah pelancong dari Jepun sendiri berminat membeli di sini berbanding di negara mereka kerana harganya yang lebih murah. Dalam konteks pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur, peningkatan aktiviti-aktiviti perniagaan Jepun di negara ini menandakan semakin meningkatnya penglibatan mereka dalam kegiatan ekonomi di Malaysia.

Persoalannya bagaimana pula dengan matlamat dasar berkenaan yang ingin menerapkan budaya kerja dan etika masyarakat Jepun . Smith melihat perkara ini secara ironi dengan mengatakan bahawa :

> *"Ironically, the impact of the 'Look East' policy has been stronger in unintended areas, such as lifestyles, than in the concrete areas delineated under the original policy statements. In the case of the management practices, it has been quite difficult to transfer Japanese management elements such as job rotation systems, concensus decision making, egalitarian work rules and sophisticated merit-based reward based system, which are the key elements in the functioning of succesful large Japanese enterprise. This is because of the differences between Malaysia and Japan in workplace culture, labour legislation and the greater degree of social stratification in Malaysian society".* [68]

Memang tidak dinafikan kenyataan Smith bahawa kesan sebenar Dasar Pandang Ke Timur sebagaimana yang dihasratkan dalam objektif penggubalannya sukar dilihat. Usaha menerapkan sistem dan nilai yang terdapat dalam budaya pengurusan Jepun juga menghadapi masalah lantaran wujudnya perbezaan tertentu di antara kedua-dua negara. Amalan pengurusan Jepun yang dapat ditiru hanyalah sekadar memakai pakaian seragam, perjumpaan waktu pagi, slogan kempen, Kumpulan Kawalan Mutu(QCC) dan Kaizen. Dasar Pandang Ke Timur lebih memberi kesan terhadap budaya popular Jepun seperti *karaoke* berbanding budaya dan etika kerja yang sebenarnya lebih penting .

---

[68] Smith, *ibid*

Kajian Wendy Smith amat menarik kerana melihat pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur dari dimensi sosio-budaya. Rumusan beliau ialah hasrat sebenar dasar berkenaan untuk menerapkan nilai dan etika kerja Jepun dalam kalangan masyarakat Malaysia agak sukar kerana halangan tertentu. Beliau melihat lebih mudah melakukan peniruan bersifat teknikal daripada yang bersifat perubahan psikologi dan budaya. Walau bagaimanapun beliau tidak pula melakukan penelitian tentang setakat mana berkesannya program pendidikan Dasar Pandang Ke Timur dalam konteks perubahan budaya kerja para pelajarnya. Persoalan ini adalah satu isu penting yang sewajarnya ditangani dengan kajian lebih terperinci.

Satu lagi kajian yang menyentuh secara tidak langsung DPT dapat dilihat melalui karya Raduan Che Ros, *Japanese style management abroad: The Case of Malaysian subsidiaries.*[69] Tulisan pensyarah pengurusan di Universiti Putra Malaysia ini cuba menjawab persoalan tentang dasar dan amalan sumber manusia yang diamalkan firma Jepun yang beroperasi di Malaysia. Beliau memberi perhatian kepada empat aspek penting sistem pengurusan Jepun iaitu kerja sepanjang hayat, kenaikan gaji berdasarkan senioriti, kesatuan sekerja dalaman dan konsep perkongsian untung majikan-pekerja. Tujuan pengkaji ialah melihat sejauh manakah firma Jepun di Malaysia mengamalkan sistem pengurusan yang disifatkan unik dan mempengaruhi kejayaan mereka. Walaupun kajian ini tidak menumpukan perhatian kepada budaya kerja pekerja Malaysia di firma Jepun namun persoalan yang dibincangkannya begitu relevan dengan isu model Jepun yang mahu dicontohi Malaysia melalui DPT.

[69] Raduan Che Ros, *Japanese-style management abroad: The case of Malaysian subsidiaries* (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2002).

Peri pentingnya hubungan ekonomi, politik dan sosial antara Malaysia dengan Jepun dapat dilihat dengan adanya banyak persidangan, seminar dan wacana yang khususnya membincangkan tajuk yang berkaitan dengan Dasar Pandang Ke Timur. Melalui seminar yang diadakan, berbagai pandangan,analisis dan kritikan dibuat berkaitan dasar tersebut. Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia dengan kerjasama kementerian luar negeri Jepun mengadakan kolokium pertama Malaysia-Jepun pada 1984 yang antara lain membincangkan kertas kerja Lee Poh Ping dan Risuke Hayashi.[70] Lee Poh Ping menulis tentang,"Japan-Malaysia Relations and the Look East Policy" dengan memperkatakan kemungkinan berjaya atau gagalnya dasar ini. Beliau berhujah tentang kesukaran negara ini meniru sikap dan sistem pengurusan Jepun lantaran perbezaaan latar belakang kedua buah negara namun percaya Jepun boleh membantu melalui pendekatan tertentu bagi menjayakan dasar ini. Pandangan masyarakat Jepun terhadap Dasar Pandang Ke Timur pula dibincangkan oleh Risuke Hayashi editor akhbar Asahi yang turut memperkatakan persamaan dan perbezaan yang terdapat di antara ke dua negara selain mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjayakan dasar ini. Tulisan beliau walau bagaimanapun kurang memperincikan secara kritikal faktor-faktor yang memungkinkan kejayaan atau kegagalan dasar berkenaan. Berikutnya pada 1995 diadakan *Persidangan Antara Bangsa Model Pembangunan dan Peranan Jepun* yang membincangkan beberapa pandangan menarik termasuk daripada Norma Mansor,Tsuneo Lida dan Shamsul Amri Baharudin dan Wendy Smith.[71] Norma dari Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya menulis tentang "pembangunan sumber manusia di Jepun"

---

[70] *First Malaysia-Japan Colloquium*, Institute of Strategic and International Studies Malaysia,Hilton Petaling Jaya, 27-28 August 1984.

[71] *International Conference on "Models of Development: The Role of Japanese Studies"*, organized by the Faculty of Arts and Social Sciences, University Malaya, Petaling Jaya, 18-19 January 1995.

dengan huraian berkaitan sejarah dan pendekatan yang diambil pihak kerajaan dan swasta di Jepun bagi membangunkan tenaga manusia. Dengan melihat pembangunan sumber manusia daripada perspektif sejarah, kita dapat melihat bagaimana proses memajukan tenaga manusia di Jepun dijalankan secara berterusan melalui pendekatan tertentu. Pengalaman Jepun merupakan pengajaran yang baik kepada Malaysia. Tsuneo Lida dari Pusat Kajian Antara Bangsa Bagi Pengajian Jepun di Universiti Kyoto memperkatakan tentang *Japanese Models of Development*. Tulisan beliau tidak memberikan banyak pandangan baru hanya sekadar menjelaskan latar belakang dan pendekatan yang diambil oleh Jepun bagi memajukan ekonominya seperti menerangkan peranan sektor awam dan swasta dalam kegiatan ekonomi. Bagaimanapun dalam konteks menjadikan Jepun sebagai model pembangunan, tulisan Tsuneo Lida memberi beberapa pengajaran kepada negara lain. Memperkatakan topik yang hampir sama iaitu model Jepun, Shamsul Amri Baharudin dan Wendy Smith muncul dengan pandangan lebih kritikal melalui kertas kerja,"Japanese Model of Management: Some Facts and Fallacies From a Malaysian Experience".[72] Kedua-dua ahli akademik ini berhujah sistem pengurusan Jepun tidak sewenang-wenangnya dapat diterapkan dan diamalkan di negara lain kerana sistem tersebut terbina melalui sejarah dan ciri-cirinya yang tersendiri. Mereka memberikan contoh tentang perbezaan sejarah perburuhan di Jepun dengan Malaysia. Jepun yang tidak dijajah Barat secara rasminya dapat menggerakkan kekuatan tenaga manusianya bagi membangunkan ekonomi melalui sistem pengurusannya yang tersendiri yang mudah dilakukan kerana dokongan bangsa yang homogen dengan satu matlamat yang jelas. Sebaliknya kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia adalah tanah jajahan British yang perkembangan ekonominya sebelum merdeka dimajukan bagi memenuhi kepentingan penjajah. Di Tanah Melayu misalnya penjajah

[72] *International Conference on "Models of Development : The Role of Japanese Studies"*.

membawa masuk buruh dari Cina dan India bagi memenuhi keperluan tenaga kerja sektor perlombongan dan perladangan. Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan wujud kumpulan tenaga kerja yang berasingan dan berbeza dari segi bangsa, agama dan matlamat hidup. Situasi ini menimbulkan kerumitan bagi mewujudkan satu sistem pengurusan yang seragam dengan matlamat memperjuangkan kepentingan negara. Berdasarkan contoh yang diberikan Shamsul Amri dan Smith menegaskan bahawa perbezaan sejarah di antara ke dua negara merupakan antara halangan bagi mewujudkan sistem seperti diamalkan di Jepun. Kedua-dua pengkaji lebih cenderung mengesyorkan supaya Malaysia mempraktikkan amalan pengurusan yang bercorak tempatan berasaskan "multicultural management practices".[73]

Walaupun terdapat pandangan dan hujah yang mempersoalkan potensi model Jepun dan usaha peniruan yang mahu dilakukan namun terdapat juga pandangan yang melihat isu ini secara lebih optimis. Pada awal abad ke-21 misalnya, satu seminar yang khusus membincangkan soal Dasar Pandang ke Timur dan kesannya terhadap perkembangan ekonomi dan pendidikan di Malaysia telah dianjurkan oleh Universiti Malaya.[74] Pembentang-pembentang kertas kerja terdiri daripada ahli akademik dan tokoh-tokoh tertentu dari Jepun dan Malaysia. Antara tajuk yang disentuh dalam perbincangan ini termasuk soal keberkesanan dan masa depan program pengajian akademik pelajar Malaysia di Jepun. Program pengajian di Jepun telah berjalan melebihi dua puluh tahun maka satu

---

[73] Shamsul Amri Baharudin dan Wendy Smith, *International Conference on "Models of Developmen : The Role of Japanese Studies"*.

[74] Seminar berjudul, *Malaysia's Look East Policy: Challenge and Contribution* anjuran bersama Universiti Malaya, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Alumni Look East Policy (ALEPS) diadakan pada 22-23 April 2002. Matlamat penting seminar ini adalah untuk menilai dan mengkaji semula perjalanan dan keberkesanan program yang dijalankan dibawah Dasar Pandang ke Timur. Antara topik utama yang dibincangkan dalam pembentangan kertas kerja ialah berkaitan dengan kemajuan program penghantaran pelajar ke Jepun.Turut disentuh dalam perbincangan tersebut ialah berkaitan relevansi dasar tersebut untuk terus dilaksanakan pada masa hadapan .

penilaian perlu dilakukan untuk melihat keberkesanan pelaksanaannya.[75]Pengalaman pelajar-pelajar yang pernah melanjutkan pengajian di Jepun diimbas kembali untuk melihat semula proses pembudayaan yang mereka alami di sana.[76]Maklum balas yang dikemukakan pihak yang terlibat dalam penganjuran pengajian seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi Mara menyifatkan program tajaan mereka berjaya mencapai matlamatnya.[77] Kejayaan yang mereka maksudkan merujuk kepada keupayaan pelajar-pelajar terbabit mendapatkan pekerjaan dengan firma Jepun di Malaysia setelah tamat pengajian. Pandangan pihak swasta dalam seminar ini juga wajar diberi perhatian. Menurut pandangan *Matsushita Group of Companies*, antara syarikat Jepun yang menjadi majikan kepada pekerja Malaysia yang belajar di Jepun, graduan Jepun ini memainkan peranan yang aktif di tempat kerja. Mereka menerima dengan mudah budaya kerja Jepun yang diamalkan oleh syarikat. Mereka turut memainkan peranan sebagai penghubung antara pekerja tempatan dengan pekerja Jepun selain merupakan saluran perhubungan antara syarikat subsidiari dengan ibu pejabat.[78] Sumbangan ini amat penting bagi merapatkan jurang budaya di antara kedua

---

[75]Pihak penganjur telah mengundang beberapa pihak yang terlibat dalam program belajar di Jepun seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya, Persatuan Alumni Pelajar serta wakil majikan untuk memberikan pandangan mereka berhubung program ini.

[76]Antara kalangan bekas pelajar dibawah program Look East Policy ialah Dato' Zulkifli Abd. Malek yang membentangkan kertas kerja bagi mengimbas kembali pengalamannya belajar di Jepun. Secara peribadi Dato' Zulkifli menyifatkan bahawa ia dapat menerima dan menyerap banyak budaya kerja yang positif yang diamalkan oleh masyarakat Jepun hasil daripada pengalamannya selama lima tahun di sana. Kini beliau berkhidmat dengan sebuah firma kewangan Jepun di ibu negara.

[77] Institusi-institusi berkenaan mempunyai program khusus menghantar pelajar melanjutkan pengajian ke Jepun dibawah Dasar Pandang Ke Timur. Mereka menyediakan program persediaan seperti mempelajari bahasa Jepun sebelum menghantar pelajar ke sana. Universiti Malaya misalnya mempunyai sebuah pusat persediaan yang khusus bagi program ini iaitu Ambang Asuhan Jepun . Ambang Asuhan Jepun merupakan pusat persediaan dan pembelajaran peringkat awal sebelum pelajar berkenaan dihantar ke Jepun . Secara umumnya semua institusi ini menyifatkan program mereka menghantar pelajar ke Jepun sebagai berjaya. Bagaimanapun penelitian yang lebih mendalam perlu dilakukan yang melibatkan soal penerapan nilai budaya dan sikap di kalangan pelajar berkenaan.

[78] Kenyataan Hj. Ibrahim Zahari, Pegawai Sumber Manusia Matsushita Group Of Companies, Shah Alam semasa membentangkan kertas kerja bertajuk,"Impact of Look East Policy on Human Resources and

belah pihak. Seminar yang diadakan ini dapat mendedahkan kepada peserta maklumat tentang prospek dan cabaran dalam menjayakan hubungan pendidikan antara Malaysia dengan Jepun pada masa akan datang. Bagaimanapun rumusan yang dibuat adalah berdasarkan kepada tinjauan secara umum dan tidak melibatkan responden yang lebih meluas maka kajian yang lebih mendalam difikirkan perlu sebelum satu kesimpulan yang lebih tepat dapat dibuat.

Pernyataan Masalah

Hubungan di antara Tanah Melayu dengan Jepun telah bermula sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Ketika itu wujud aktiviti-aktiviti bercorak ekonomi yang melibatkan masyarakat Jepun di Tanah Melayu.[79] Walau bagaimanapun peristiwa yang benar-benar memberikan implikasi kepada penduduk Tanah Melayu ialah pendudukan Jepun yang berlaku pada tahun 1941-1945. Rata-ratanya masyarakat tempatan merasakan

---

Technological Transfer: A Case of Matsushita in Malaysia" pada seminar *Malaysia's Look East Policy : Challenges and Contributions*, Kuala Lumpur 22-23 April 2002.

[79] Dua buah tesis yang berkaitan dengan perkara ini telah dihasilkan. Lihat Kee Yeh Siew,"The Japanese in Malaya before 1942", tesis BA(Hons) Universiti Malaya yang diterbitkan dalam *Journal South Seas Society,* **Vol.** 17-20 (1965) m.s. 48-88.Tesis ini menghuraikan aktiviti-aktiviti masyarakat Jepun di Tanah Melayu meliputi kegiatan ekonomi, hubungan dengan kaum lain serta aktiviti-aktiviti sosial yang dilakukan. Bilangan orang-orang Jepun di Tanah Melayu telah meningkat dengan cepat dalam tempoh berkenaan sepertimana digambarkan oleh Setiausaha Tanah Jajahan,"among other nationalitist, I need only mention the Japanese who from a single individual in 1871 had increase to 1409 in 1911 and whose numbers have without doubt considerably further increased since" (m.s. 49). Bilangan mereka yang meningkat ini menggambarkan bertambahnya aktiviti yang telah dijalankan terutamanya sebelum serangan dilakukan terhadap Tanah Melayu. Tesis kedua ditulis oleh Yuen Choy Leng ,"Expansion of Japanese Interest in Malaya 1900-1941", M.A. (Universiti Malaya, 1973). Kajian ini membincangkan persediaan-persediaan yang telah dilakukan oleh Jepun sebelum menyerang Tanah Melayu. Sebilangan kecil orang-orang Jepun telah datang ke sini dengan bekerja sebagai tukang gunting rambut, pekedai runcit, nelayan, jurugambar dan tukang gigi bagi membolehkan mereka menyamar mendapatkan maklumat dan membantu strategi ketenteraan. Sebelum serangan pada 1941, orang-orang Jepun juga telah terlibat dalam sector ekonomi seperti perlombongan bijih timah dan ladang getah.Kedua-dua sektor ini menghasilkan komoditi yang amat diperlukan oleh negara Jepun. Tesis ini merumuskan bahawa dua matlamat utama kedatangan Jepun ke sini dalam tempoh berkenaan adalah bagi kepentingan ekonomi dan membantu serangan keatas Tanah Melayu.

satu kejutan dan mengalami pengalaman mengerikan berhadapan dengan pentadbiran tentera Jepun yang keras dan bengis.

Dalam bidang pendidikan, Jepun cuba melaksanakan sistem pendidikannya bagi menggantikan sistem British. Pada prinsipnya mereka mahu menonjolkan kebesaran kuasa dan pengaruh yang dikaitkan dengan matlamat menjadikan Jepun pemimpin Asia. Slogan "kawasan kemakmuran bersama Asia"[80] menjadi propaganda yang disebarkan secara meluas menjelang perluasan kuasa Jepun di Tanah Melayu. Bagi generasi yang pernah melalui pendidikan zaman Jepun, mereka merasa suatu kesan yang tertentu. Cara pendidikan yang dianggap sebagai keras dan memaksa membawa kesan yang besar terhadap pembentukan pemikiran dan sikap seseorang. Tempoh 3 tahun setengah pemerintahan Jepun bukanlah terlalu lama namun dasar dan kaedah pendidikan yang begitu menekankan *Nippon Seishin*[81] telah meninggalkan kesan yang mendalam bagi mereka yang pernah melaluinya. Sebilangan daripada mereka yang pernah mendapat pendidikan pada

---

[80] Lihat Zainal Abidin Abdul Wahid, Pendudukan Jepun *dalam. Malaysia Warisan dan Perkembangan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1996). Sebelum terlibat dalam perang Dunia keDua lagi Jepun telah menganjurkan dasar kemakmuran bersama Asia Timur Raya atau *Greater East Asia co-prosrerity sphere* ini. Melalui dasar ini, Jepun berhasrat untuk mewujudkan satu kawasan ekonomi bersama yang makmur dibawah naungan politik Jepun dengan mengenepikan penguasaan Barat. Kawasan ini dijangkakan akan terdiri daripada negara Jepun sendiri, China, Taiwan, Indo China, Thailand, Tanah Melayu, Borneo, Indonesia, Australia, New Zealand dan mungkin juga India. Sebelum Perang Dunia Kedua semua negara ini kecuali Thailand dikuasai oleh penjajah Barat. Bagi Jepun, pengenalan dasar ini lebih merupakan reaksi terhadap tekanan ekonomi yang dihadapi olehnya yang berpunca daripada kekurangan sumber dan pasaran daripada membebaskan Asia Timur dari penjajahan Barat. Golongan tentera dan ahli-ahli politik berhaluan kiri yang menguasai Jepun pada dekad 30-an percaya bahawa dasar menakluki Asia Timur ini akan membantu mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi Jepun.

[81] Keterangan lebih lanjut dalam hal ini boleh dilihat dalam Yoji Akashi, "The Japanese occupation of Malaya: interruption or transformation", dalam Alfred McCoy (penyunting), Education and Indoctrination Policy in Malaya and Singapore Under the Japanese Rule 1942-1945,Yale University for Southeast Asia Studies (1980), juga dalam Chin Kee Onn, *Malaya upside down* (1976). *Nippon Seishin* bermaksud semangat Jepun yang merupakan satu kaedah indoktrinasi yang dijalankan melalui institusi pendidikan.Ia menekankan beberapa aspek falsafah dan budaya seperti kecintaan kepada Maharaja Jepun (Tenno-Heika), kesetiaan kepada negara dan pemimpin serta kesediaan untuk berkorban dan berkhidmat kepada empayer Jepun apabila diperlukan.

zaman pendudukan Jepun kemudiannya menjadi tokoh-tokoh terkenal dalam pelbagai bidang selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.[82]

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu tamat pada bulan Ogos 1945. Era pasca Perang Dunia Kedua memperlihatkan banyak perubahan politik dan sosial yang berlaku di Tanah Melayu. Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, hubungan diplomatik dengan Jepun yang pernah menjajah negara ini dijalin seperti biasa. Sedikit masa diperlukan bagi mengubati luka lama akibat pengalaman ngeri semasa pendudukan Jepun. Walau bagaimanapun dengan dayausaha yang diambil oleh kedua-dua belah pihak bagi meningkatkan hubungan bilateral, kerjasama di antara kedua negara dalam bidang ekonomi, pelajaran dan sosial semakin meningkat mulai pertengahan tahun 1960-an.

Hubungan seterusnya menjadi semakin aktif semasa pentadbiran Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad (1981-2002) dengan pelancaran Dasar Pandang Ke Timur pada awal pentadbirannya.[83] Dasar ini dirangka bagi membolehkan Malaysia mencontohi budaya dan etika kerja Jepun yang disifatkan Dr. Mahathir membantu kemajuan ekonomi negara tersebut . Antara program penting di bawah dasar ini ialah menghantar pelajar secara bersiri untuk belajar di sana. Langkah ini boleh dianggap mengubah kebiasaan negara ini yang selalunya menghantar pelajar melanjutkan pengajian di Barat. Jika semasa Perang Dunia Kedua, Jepun memerintah Tanah Melayu dan menyusun sistem pendidikan mengikut matlamatnya tetapi kini Malaysia pula merancang program pendidikan bagi mencontohi dan menerapkan nilai, budaya dan etika kerja masyarakat Jepun. Dr. Mahathir merasa

---

[82] Antara tokoh-tokoh yang pernah mendapat latihan di *Koakunrenjo* termasuklah bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba, Menteri Pelajaran pada zaman Tunku Abdul Rahman, Tan Sri Khir Johari dan bekas Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang, Tun Sheikh Hamdan Sheikh Tahir.

[83] Dasar ini telah diumumkan oleh Dr. Mahathir dalam ucapan beliau semasa berucap di Persidangan Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA) pada 9 Februari 1982. Dalam ucapannya, antara lain beliau menyatakan bahawa tujuan Malaysia menumpukan perhatiannya ke timur ialah untuk mencari peluang bagaimana orang-orang Jepun dapat menanam nilai-nilai seperti sikap yang betul terhadap pekerjaan dan semangat kesetiaan kepada tempat kerja . Lihat Chamil Wariya, *Dasar luar era Mahathir,* m.s.63.

kagum dan melihat sifat tertentu yang terdapat pada bangsa Jepun telah membantu mereka mencapai kejayaan yang setanding dengan Barat. Program penghantaran pelajar ke Jepun di bawah Dasar Pandang Ke Timur telah berjalan melewati 20 tahun. Dalam tempoh tersebut hampir dua ribu penuntut telah dihantar ke sana bagi tujuan tersebut. Matlamat program tersebut bukan hanya bagi membolehkan pelajar berkenaan belajar bagi mendapat ijazah tetapi mempelajari budaya dan etika kerja masyarakat Jepun. Berbanding dengan Barat, Jepun diakui memiliki budaya dan cara hidupnya yang tersendiri. Jadi penghantaran pelajar-pelajar negara ini bagi melanjutkan pengajian ke negara matahari terbit menimbulkan beberapa persoalan penting seperti sejauh manakah keupayaan pelajar mempelajari budaya kerja masyarakat Jepun seterusnya mengamalkannya apabila kembali bekerja di tanah air. Persoalan ini merupakan matlamat penting penghantaran mereka ke sana.

Kalangan yang kurang bersetuju dan mengkritik Dasar Pandang Ke Timur menyifatkan usaha mencontohi budaya dan etika kerja Jepun bukanlah satu perkara yang mudah. Halangan utama kepada proses ini ialah perbezaan yang wujud di antara ke dua buah masyarakat dalam aspek seperti sejarah dan latar belakang budaya, agama dan struktur masyarakat. Di samping itu terdapat pula pihak lain yang merasa optimis etika kerja dan sistem pengurusan Jepun dalam beberapa aspek boleh dicontohi dan diamalkan di negara ini dengan melakukan sedikit pengubahsuaian. Satu kaedah yang boleh digunakan bagi menentukan kesahihan pendapat kedua-dua golongan ini ialah dengan menjalankan kajian yang melibatkan bekas pelajar di Jepun yang kini kembali dan bekerja di Malaysia. Melalui kajian ini, saya berharap mencatatkan pengalaman dan kesan pengajian di Jepun dalam kalangan bekas pelajar. Kajian berkaitan cuba menjawab persoalan penting seperti sejauh mana bekas pelajar dapat menyerapkan aspek-aspek tertentu daripada budaya kerja

dan etika masyarakat Jepun. Perkara ini perlu ditentukan kerana ia berkait rapat dengan matlamat menghantar mereka ke sana. Jika mereka hanya pulang ke tanah air dengan membawa kelulusan akademik semata-mata tanpa keupayaan mengamalkan budaya dan etika kerja positif masyarakat Jepun maka tentulah program menghantar mereka ke sana gagal mencapai matlamatnya. Persoalan yang ditimbulkan boleh dihuraikan melalui penceritaan semula pengalaman mereka. Kesimpulannya, pengalaman bekas-bekas pelajar ini (responden) adalah penting kerana ia secara tidak langsung memberi gambaran tentang kejayaan atau kegagalan Dasar Pandang Ke Timur khususnya dalam aspek pendidikan.

Dalam konteks pendidikan, sepanjang tempoh 1941 sehingga 1990-an hubungan Tanah Melayu dan Malaysia dengan Jepun boleh dibahagikan kepada dua zaman iaitu semasa zaman pendudukan Jepun dan selepas perang. Matlamat pendidikan pada kedua-dua zaman ini memperlihatkan perbezaan tertentu.[84] Semasa zaman pendudukannya (1941-1945), Jepun cuba melaksanakan sistem pendidikan bagi memenuhi matlamat politik mereka. Pendidikan dianggap alat propaganda bagi memperkuatkan kuasa dan pengaruh mereka dalam kalangan rakyat. Falsafah pendidikan Jepun adalah anti-Barat dan cuba menonjolkan konsep "Asia untuk Asia". Mereka cuba menjadikan bahasa Jepun sebagai *lingua franca* rantau ini. Bagi kebanyakan penduduk Tanah Melayu, sistem dan cara pendidikan yang cuba dilaksanakan Jepun mengandungi unsur-unsur paksaan, indoktrinasi serta keras. Bagi pihak Jepun pula, kaedah ini mungkin difikirkan bersesuaian dengan pentadbiran pada zaman perang dan selaras dengan matlamat politik yang ditetapkan.[85]

---

[84] Sistem dan dasar pendidikan pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu lebih menjurus kepada mencapai matlamat yang telah ditentukan olehnya. Pendidikan menjadi alat propaganda membesarkan kekuatan dan budaya Jepun Pada era 1980-an dan 1990-an di bawah program pendidikan Dasar Pandang Ke Timur, matlamatnya ditentukan oleh negara ini. Mencontohi dan menerapkan budaya kerja masyarakat Jepun.

[85] Dasar pelajaran yang cuba dilaksanakan adalah berorientasikan kepada mengagongkan Maharaja Jepun (Tenno Heika) serta menanamkan semangat Jepun (*Nippon Seishin*) dalam kalangan rakyat. Pengajaran dan

Walau bagaimanapun tanpa perancangan yang tersusun dan ketiadaan tenaga pengajar yang mencukupi sistem ini gagal berjalan dengan lancar. Walaupun pendudukan Jepun di Tanah Melayu hanya mengambil masa 3 tahun 8 bulan namun tidak dinafikan sistem pendidikan yang dijalankan telah meninggalkan kesan positif dan negatif kepada masyarakat. Beberapa persoalan yang timbul perlu diberikan jawapan yang sewajarnya. Tentulah menarik jika pengalaman mereka yang terlibat dapat diungkap dan dinilai semula. Bagaimanakah misalnya penerimaan mereka terhadap penggunaan bahasa Jepun (Nipponggo) serta tenaga pengajar yang mengendalikan pengajaran. Kaedah Jepun yang begitu menekankan soal disiplin dan latihan fizikal dalam sesi persekolahan tentunya menimbulkan berbagai reaksi. Persoalan lain yang lebih penting ialah bagaimanakah pengaruh sistem pendidikan ini terhadap pemikiran, budaya dan masa depan kerjaya mereka.[86] Mungkin bagi mereka yang hanya berpeluang mengikuti pendidikan asas, kesan

---

penggunaan Bahasa Jepun cuba diperluaskan untuk menggantikan Bahasa Inggeris serta menjadikannya lingua franca . Beberapa bentuk strategi untuk mengagongkan kuasa Jepun dilaksanakan di sekolah seperti menghormati bendera serta menyanyikan lagu kebangsaan negara Jepun, tunduk hormat kepada pegawai-pegawai Jepun serta berkomunikasi menggunakan bahasa Jepun. Jepun juga memperkenalkan mata pelajaran yang dianggap penting seperti pertanian sebagai usaha menggalakkan pertambahan pengeluaran bahan makanan. Beberapa penulisan yang berkaitan dengan pendudukan Jepun di Tanah Melayu menyentuh soal dasar pendidikan ini . Antaranya lihat Chin Kee Onn, *Malaya upside down* m.s. 136, Yoji Akashi, "The Japanese occupation of Malaya: interruption or transformation" suntingan Alfred Mc. Coy m.s. 67-69, Education and Indoctrination Policy in Malaya and Singapore under the Japanese Rule 1942-1945 (*Malaysia Journal of Education*, Disember 1976) , "Japanese Cultural Policy in Malaya and Singapore, 1942-45"dalam Grant K. Goodman (ed.), *Japanese Cultural Policies in Southeast Asia During World War Two* (London: Mc. Millan, 1991) dan Zainal Abidin Wahid, Pendudukan Jepun dalam *Malaysia Warisan dan Perkembangan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996) m.s. 260.

[86] Yoji Akashi telah menghasilkan beberapa penulisan tentang dasar dan pelaksanaan sistem pendidikan Jepun di Tanah Melayu dan Singapura. Satu daripadanya bertajuk, "Japanese Cultural Policy in Malaya and Singapore, 1942-45" dalam Grant K. Goodman (ed.), *Japanese Cultural Policies in Southeast Asia During World War Two*(London: Mc. Millan, 1991) m.s 117-192. Seterusnya tulisan beliau,"Education and Indoctrination Policy in Malaya and Singapore under the Japanese Rule, 1942-1945", *Malaysian Journal of Education*,Volume 13,Dicember1976.m.s. 1-46. Kedua-dua tulisannya ini menerangkan tentang falsafah,dasar serta pelaksanaan sistem pendidikan ala Jepun di Tanah Melayu dan Singapura. Tulisan beliau yang berikutnya," The Japanese Occupation of Malaya: Interruption or Transformation" terbit dalam Alfred Mc. Coy (ed.), *Southeast Asia Under Japanese Occupation*, Monograph Series No.22 (Yale University for Southeast Asian Studies, 1980) m.s. 65-90. Melalui tulisannya ini beliau telah mengemukakan satu kajian berkenaan dengan .kesan pendidikan di *Koakunrenjo* yang dibuat pada tahun 1976 dan 1977,"The Koakunrenjo and Tokubetsu Ryugakusei: a study of cultural propagation and conflict in Japanese occupied Malaya 1942-1945". Kajian ini memperlihatkan bagaimana bentuk latihan yang dijalani oleh peserta-peserta

ini tidak begitu besar berbanding dengan sebilangan kecil warga Tanah Melayu yang berpeluang mengikuti pengajian di peringkat lebih tinggi seperti di *Koakunrenjo*.[87] Sebilangan kecil daripada mereka kini merupakan bekas tokoh-tokoh masyarakat dalam pelbagai bidang. Sekiranya peluang dan kesempatan masih ada untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan daripada tokoh-tokoh ini maka ia merupakan satu bantuan yang amat berharga bagi kajian ini. Sebaliknya jika peluang tersebut telah luput masih terdapat catatan-catatan pengalaman mereka dalam bentuk penulisan riwayat hidup serta rakaman perbualan yang tersimpan. Sebagai generasi yang melalui dan merasai sendiri pengalaman belajar pada zaman pendudukan maka merekalah yang amat layak menghakimi segala baik dan buruk sistem tersebut dan apakah pengajaran yang dapat dipelajari generasi kini .

Rumusannya kajian ini dapat memberi gambaran tentang dua generasi yang berpeluang mengikuti pendidikan Jepun pada dua zaman dan situasi yang berbeza. Wujud kemungkinan tentang adanya persamaan atau perbezaan pengalaman kedua-dua generasi tersebut. Walaupun mereka hidup dan belajar pada dua zaman yang berbeza namun mereka masih berhadapan dengan mentor yang sama iaitu Jepun. Jepun yang memerintah Tanah Melayu pada tahun 1941-45 tentunya berbeza dengan Jepun yang menjadi kuasa ekonomi pada penghujung kurun ke-20 namun sifat-sifat tertentu yang terdapat pada bangsa ini masih merupakan satu keunikan kepada masyarakat luar. Perkara ini dapat diperhatikan secara lebih jelas apabila pengalaman dua generasi berkenaan dibongkar.

Koakunrenjo di Singapura.Latihan yang dijalankan dengan penuh disiplin bagi menanamkan semangat Jepun kepada mereka. Kesimpulan daripada kajiannya menunjukkan bahawa sebahagian besar bekas pelatih institut berkenaan mendapat kesan yang positif daripada latihan yang telah mereka jalani.

[87] Jepun telah menubuhkan *Koakunrenjo* atau Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda sebagai persediaan melatih pegawai-pegawai yang kelak akan berkhidmat dengannya di Tanah Melayu. Institut ini mengajar bahasa Jepun, semangat Jepun (*Seishin*) dan mata pelajaran am. Ia dihadiri oleh calon-calon pegawai awam yang berpotensi . Selepas menamatkan kursus selama 6 bulan, mereka akan ditempatkan di agensi-agensi kerajaan Jepun.

Matlamat dan Kepentingan Kajian

Secara umunya kajian ini bertujuan melihat hubungan, dasar dan pengaruh Jepun terhadap bidang pendidikan di Tanah Melayu kemudiannya Malaysia dalam tempoh 1941-1990-an. Hubungan dalam bidang pendidikan seperti dimaksudkan melibatkan dua zaman iaitu semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1941-45) dan semasa pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur pada tahun 1980-1990-an. Secara khususnya kajian yang melibatkan aspek pendidikan pada kedua-dua zaman mempunyai matlamat dan kepentingannya yang tersendiri. Pada zaman pendudukan Jepun, objektif kajian ialah untuk melihat bagaimana Jepun merencanakan sistem pendidikan bagi mencapai tujuan politiknya yang turut mempengaruhi masyarakat tempatan. Pengalaman generasi zaman Perang Dunia Kedua ini penting direkodkan secara bertulis kerana ianya memuatkan berbagai pengalaman pahit dan manis serta mengandungi berbagai pengajaran kepada generasi kini.

Hubungan kedua negara selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 lebih tertumpu kepada pengukuhan hubungan diplomatik, meningkatkan kerjasama ekonomi selain menekankan aspek pemindahan modal dan teknologi. Hubungan yang lebih rapat khususnya dalam bidang pendidikan bermula pada tahun 1980-an apabila Dr. Mahathir, Perdana Menteri keempat memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur yang bertujuan mencontohi kejayaan Jepun. Objektif kajian dalam perkara ini ialah melihat dan menilai keberkesanan program pengajian akademik di bawah dasar tersebut dari kacamata berbagai pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaannya. Secara khususnya ia bertujuan mengungkap kembali pengalaman pelajar Malaysia di Jepun dan menilai keupayaan mereka mengamalkan budaya dan etika kerja Jepun di Malaysia. Dapatan kajian ini dapat membantu menentukan kejayaan atau kegagalan program pendidikan akademik yang merupakan antara pakej penting Dasar Pandang Ke Timur.

Ulasan Sumber

Tumpuan kajian ini adalah terhadap pengalaman dan pengaruh yang diterima pelajar-pelajar negara ini dari Jepun pada dua zaman yang berbeza. Golongan pertama ialah generasi yang terlibat semasa tempoh pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1941-1945). Selepas merdeka, tumpuan diberikan kepada pelajar yang belajar di Jepun dibawah program Dasar Pandang ke Timur (1981-1990-an). Matlamat penting kajian ini adalah melihat bagaimana kesan pendidikan mempengaruhi pemikiran dan budaya mereka. Pendidikan yang dirancang oleh Jepun semasa pendudukannya di Tanah Melayu lebih bermatlamatkan kepada menonjolkan kebesaran dan keagongan mereka selain cuba menghapuskan pengaruh Barat dalam kalangan rakyat. Kandungan pelajaran yang diajar pada setiap tahap, rendah, menengah atau kolej lebih banyak diisi dengan propaganda yang dikaitkan dengan rancangan mewujudkan "kawasan kemakmuran bersama Asia Timur". Bahasa Jepun cuba dijadikan bahasa pengantar yang penting, beberapa matapelajaran yang berkaitan dengan kepentingan ekonomi seperti pertanian dan pertukangan cuba diajar di sekolah. Indoktrinasi dilakukan dengan penekanan kepada semangat Jepun atau *"Nippon Seshin"* satu usaha motivasi bagi menerapkan amalan budaya Jepun kepada rakyat tempatan. Hal yang begini merupakan satu kejutan dan paksaan tetapi telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada mereka yang terlibat. Sebahagian besar daripada mereka menyatakan bahawa pendidikan yang mengutamakan kekuatan mental dan fizikal telah memberi kesan positif kepada masa depan mereka. Bagi generasi berikutnya pada era merdeka, mereka dihantar untuk belajar ke Jepun di bawah program Dasar Pandang ke Timur. Matlamatnya selain mempelajari sesuatu bidang khusus mereka diharapkan dapat menerap dan mengamalkan budaya dan etika kerja masyarakat Jepun. Pencetus Dasar

Pandang ke Timur bekas Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad percaya bahawa budaya Jepun mempunyai kekuatannya yang tersendiri dalam membantu negara tersebut mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi. Walaupun kenyataan ini masih dibincangkan secara pro dan kontra namun pentadbiran Dr. Mahathir tetap berhasrat mencontohi pengalaman Jepun. Dalam kontreks ini, penghantaran pelajar kita ke sana mempunyai signifikan yang besar terhadap dasar tersebut. Budaya mereka sekembalinya ke Malaysia merupakan penentu sama ada dasar ini berjaya atau gagal. Ini merupakan isu pokok dalam kajian yang melibatkan mereka.

Berbagai sumber yang ada digunakan untuk kajian ini. Sepertimana sorotan yang dibuat, tidak dapat dinafikan bahawa sejak tahun 1960-an lagi kajian-kajian yang bersangkutan dengan sejarah pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah dilakukan . Sebahagiannya telahpun diterbitkan dalam bentuk buku, memoir, tulisan di jurnal ataupun masih tersimpan dalam koleksi tesis di institusi pengajian tinggi dan Arkib Negara. Maklumat yang diperlukan bagi kajian ini meliputi dua zaman iaitu semasa zaman pendudukan Jepun (1941-1945) dan zaman selepas merdeka dengan tumpuan pada masa Dasar Pandang ke Timur (1982-1990-an).

Bagi maklumat yang berkaitan dengan zaman pendudukan Jepun, pengkaji menggunakan sumber dokumen[88], buku dan memoir[89] serta sumber lisan yang diperolehi

[88] Sebahagian daripada maklumat yang menerangkan tentang dasar-dasar pentadbiran Jepun di Tanah Melayu diperolehi melalui rekod-rekod rasmi kerajaan yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia dan negeri tertentu. Akhbar juga merupakan sumber maklumat yang begitu penting bagi memberi gambaran tentang suasana pada ketika itu. Rujukan dibuat kepada akhbar-akhbar yang diterbitkan pada zaman tersebut seperti *Fajar Asia, Penang Shimbun, Warta Malai, Pancaran Matahari dan Shonan Times.* Koleksi akhbar-akhbar ini dapat diperolehi di Arkib Negara Malaysia.

[89] Beberapa memoir atau biografi yang ditulis bagi merakamkan pengalaman tokoh-tokoh yang pernah menempuh kehidupan di zaman pendudukan amat membantu kajian ini. Catatan-catatan peribadi yang terdapat dalam penulisan memoir ini seakan-akan temubual atau wawancara dengan tokoh yang berkenaan. Antara memoir yang boleh dikatakan mempunyai kaitan yang begitu relevan termasuklah Mohd. Nor Long, *Tun Hamdan: Guru Sepanjang Hayat* (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1999),Shaharom Husain, *Memoir Shaharom Husain:Selingkar Kenangan Abadi* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,1996), Insun

melalui temubual dan rakaman wawancara yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Temubual diadakan dengan beberapa orang tokoh terpilih yang bersedia menjadi responden kajian bagi mendapatkan rakaman pengalaman yang pernah dirasai sepanjang mengikuti persekolahan atau latihan semasa pendudukan Jepun.[90] Sumber sejarah lisan juga diperolehi daripada koleksi rakaman yang tersimpan di Arkib Negara.[91] Rakaman ini mengandungi temubual dengan tokoh dalam pelbagai bidang yang banyak menyumbang jasa kepada negara. Bahagian penting yang diberi perhatian dalam rakaman ini adalah yang berkaitan dengan pengalaman mereka pada zaman pendudukan Jepun.

Sumber lisan juga digunakan sebagai rujukan penting bagi menghuraikan hubungan kedua negara dalam bidang pendidikan selepas perang. Tumpuan diberikan kepada program pendidikan di bawah Dasar Pandang ke Timur. Sejak Dasar Pandang ke Timur dilaksanakan pada tahun 1982 sehingga tahun 1990-an terdapat lebih daripada dua ribu orang penuntut telah dihantar belajar ke Jepun. Mereka berada di sana dalam tempoh di antara 3 hingga 5 tahun bagi mengikuti pengajian dalam bidang teknikal dan pengurusan. Bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci, pengkaji menjalankan satu kajian yang melibatkan bekas pelajar yang kini bekerja di Malaysia dalam berbagai bidang. Sejumlah 200 set borang soal selidik dihantar kepada bekas pelajar. Temubual lisan juga dibuat bagi memantapkan maklumat yang diperolehi daripada sumber sebelumnya. Bekas pelajar

---

Sony Mustapha (ed.), *Memoir Mustapha Hussain: Kebangkitan Nasionalisme sebelum UMNO*(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka ,1999), Abdul Samad Ismail, *Memoir Abdul Samad Ismail di Singapura* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,1993),Abdul Aziz Zakaria,*British, Japanese and Independent Malaysia A Memoir* (Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara, 1989) dan Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984) dan Terjebak (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1965)

[90] Beberapa orang tokoh ditemubual sebagai responden kajian. Mereka dipilih daripada kalangan yang pernah menerima latihan di Institut *Koakurenjo*, Maktab Perguruan atau sekolah yang dikendalikan oleh pentadbiran Jepun .

[91] Koleksi rakaman ini disusun Aliza Ismail dan Hasnah Daud terbitan Arkib Negara Malaysia (1991). Ia memuatkan wawacancara dengan 286 orang tokoh dalam pelbagai lapangan. Mengikut pengamatan penulis terdapat sekurang-kurangnya 24 rakaman wawancara berkenaan yang sesuai untuk dirujuk kerana mempunyai kaitan yang rapat dengan tajuk kajian.

dikesan melalui pertubuhan ALEPS (*Alumni of Look East Policy Society)* yang mereka anggotai atau Jabatan Perkhidmatan Awam yang merupakan penaja utama rancangan pengajian di Jepun.

Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan melibatkan dua zaman berbeza yang mempengaruhi metodologi pengumpulan data dan maklumat. Maklumat pada zaman pendudukan Jepun sebahagian besarnya bergantung kepada sumber rasmi, akhbar, dokumen dan sumber lisan. Maklumat yang diperolehi khususnya daripada penerbitan pihak berkuasa ketika itu tidak dapat lari daripada melibatkan kepentingan pemerintah. Pandangan yang lebih seimbang diperolehi melalui perbandingan dengan sumber lain yang berkaitan. Pengkaji tidak berkesempatan menemui tokoh-tokoh penting Jepun yang memainkan peranan merancang dasar pendidikan di Tanah Melayu. Maklumat penting kebanyakannya diperolehi daripada tokoh-tokoh tanah air yang berpengalaman hidup pada zaman pendudukan Jepun. Walaupun fakta yang diberikan golongan ini banyak bergantung kepada ingatan mereka namun ia dianggap relevan kerana bersifat selari dengan bahan bertulis. Ketidakupayaan pengkaji memahami bahasa Jepun dengan baik juga menghalang pembacaan bahan bacaan dan dokumen yang ditulis dalam bahasa tersebut sebaliknya hanya tulisan pengkaji Jepun dalam bahasa Inggeris yang dapat dijadikan rujukan.

Kajian yang melibatkan bekas pelajar Malaysia di Jepun pula dilakukan di negara ini di mana mereka bekerja. Pengkaji tidak berkesempatan meninjau kehidupan sebenar mereka di Jepun. Maklumat kajian diperolehi daripada sebilangan kecil bekas pelajar yang dianggap dapat mewakili keseluruhan pelajar. Walaupun kajian berkaitan memberi perhatian kepada aspek mentaliti dan budaya kerja bekas pelajar Malaysia di Jepun namun ia lebih bersifat umum dan tertumpu kepada program pengajian akademik.

Kajian seterusnya wajar memberi perhatian kepada program lain seperti latihan sambil kerja atau program pengurusan.

Pembahagian Bab

Kajian ini dibahagikan kepada 7 bab. Bab pendahuluan menyentuh kajian-kajian terdahulu tentang latar belakang pendudukan Jepun di Tanah Melayu serta hubungan kedua negara selepas merdeka. Tumpuan perbincangan adalah berkaitan skop kajian yang dijalankan serta aspek-aspek tertentu yang belum diliputi secara lebih khusus. Sorotan kajian terdahulu atau *literature review* memberikan pengetahuan yang berguna dan memandu kajian berkaitan hubungan Malaysia-Jepun dalam bidang pendidikan ini. Bab dua membincangkan tentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu dalam tempoh 1941-45 dengan tumpuan kepada polisi dan sistem pendidikan serta pengaruhnya kepada penduduk Tanah Melayu. Fokus perbincangan termasuk menghuraikan pengalaman dan reaksi masyarakat yang terlibat dengan sistem pendidikan Jepun. Hal ini termasuk melihat pandangan mereka terhadap usaha indoktrinasi dan propaganda yang dijalankan Jepun. Bab ini turut membincangkan kesan pendidikan yang diterima tokoh-tokoh tertentu termasuk penilaian mereka tentang baik buruk pengalaman yang dirasai. Bab ketiga seterusnya memperkatakan hubungan kedua negara selepas Perang Dunia Kedua. Ketika ini tumpuan hubungan kedua buah negara lebih kepada bidang diplomatik, ekonomi dan perdagangan. Bab ini turut mengupas perkembangan serantau pada tahun 1960-an dan1970-an terutamanya yang melibatkan peranan Jepun di Asia Tenggara. Hubungan dalam bidang pendidikan dan latihan antara Malaysia- Jepun ketika ini merupakan sebahagian daripada program bantuan luar Jepun kepada negara ini.

Pengenalan Dasar Pandang ke Timur oleh Dr. Mahathir dibincangkan dalam bab keempat. Dalam konteks hubungan kedua buah negara dalam bidang pendidikan, bab ini penting kerana secara khusus membincangkan alasan-alasan kerajaan pimpinan Mahathir memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur. Kerajaan berhujah dasar ini berjaya meningkatkan hubungan kedua buah negara dalam berbagai bidang. Bagaimanapun pengkritik menyifatkan pelaksanaan dasar ini lebih menguntungkan syarikat-syarikat Jepun selain menyanggah pendekatan Mahathir untuk mencontohi etika kerja dan budaya Jepun. Reaksi golongan yang terlibat secara langsung dalam program pendidikan dan latihan turut dibincangkan.

Bab kelima merupakan kesinambungan daripada perbincangan bab sebelumnya dengan tumpuan kepada pengalaman pelajar di Jepun. Bab ini ditulis berdasarkan kajian lapangan yang dijalankan penyelidik yang melibatkan bekas pelajar dan individu yang terlibat secara langsung dengan program ini. Kemampuan pelajar-pelajar mempelajari dan mencontohi etika kerja Jepun sebagaimana yang diharapkan adalah penting bagi menentukan kejayaan dasar ini. Bab keenam seterusnya membincangkan kesan pengajian di Jepun terhadap budaya kerja bekas pelajar dari sana. Perbincangan dalam bab ini cuba menjawab persoalan tentang pengaruh budaya kerja Jepun terhadap pelajar Malaysia yang telah kembali bekerja di Malaysia. Perbincangan dalam bab ini juga adalah berdasarkan kajian lapangan yang dijalankan.

Bab ketujuh merupakan bab terakhir yang merumuskan kajian ini. Dua persoalan penting dibincangkan dalam bab ini. Pertama tentang kesan pendidikan pada zaman pendudukan (1941-45) terhadap anggota masyarakat yang berpeluang mengikutinya. Berkaitan program pendidikan dibawah Dasar Pandang ke Timur, bab ini menilai adakah program ini benar-benar dapat mencapai matlamat sepertimana diharapkan. Rakyat negara

ini berhadapan dengan masyarakat yang sama tetapi dalam zaman dan situasi yang berbeza. Kedua-dua zaman membawa impaknya yang tersendiri kepada negara ini dan hal ini mencetuskan perbincangan tentang aspek positif dan negatifnya. Mereka yang terlibat secara langsung dalam kedua-dua zaman dapat menjelaskan persoalan ini. Ketika zaman pendudukan di Tanah Melayu, Jepun mempunyai agenda politik yang tersendiri. Sungguhpun begitu tidak dapat dinafikan mereka telah menyemaikan benih kesedaran dan cuba menukar sikap rakyat melalui sistem pendidikan. Jepun kini bukanlah kuasa penjajah tetapi kejayaan mereka dalam bidang ekonomi cuba dicontohi negara ini. Budaya mereka yang unik dan membantu membina sikap positif cuba diterapkan kepada pelajar-pelajar yang dihantar ke sana. Apakah masyarakat Jepun dapat membantu usaha peniruan dan penerapan ini sepertimana indoktrinasi yang pernah mereka lakukan dahulu . Persoalan ini dijelaskan dalam bab ini .

BAB DUA : ZAMAN PEMERINTAHAN JEPUN DI TANAH MELAYU 1941-1945: PENDIDIKAN DAN KESANNYA

Pengenalan: Latar belakang Pendudukan Jepun di Tanah Melayu

Kekalahan British dan pasukan Berikat kepada Jepun di Tanah Melayu merupakan satu malapetaka besar dalam sejarah kolonialisme British. Jepun hanya mengambil masa lebih kurang 70 hari untuk menawan Tanah Melayu bermula dengan serangan di kampong Kuala Pak Amat[1] Pengkalan Chepa dan Gong Kedak pada malam 7 Disember 1941 dan berakhir di Bukit Timah, Singapura pada 15 Februari 1942.[2] Dengan kekalahan British maka bermulalah episod baru dalam kehidupan masyarakat berbilang bangsa di Tanah Melayu dan Singapura yang berada di bawah pentadbiran tentera Jepun selama 3 tahun 8 bulan.[3] Tanah Melayu kini dikenali sebagai *Marai* dan Singapura pula *Syonan To*.[4] Pada 16 Februari 1942, Radio Tokyo telah mengisytiharkan bahawa:

> "babak baru sejarah telah bermula.Mulai sekarang Singapura akan dikenali sebagai Syonan yang bererti cahaya selatan. Jepun merupakan pembebas Asia daripada cengkaman Barat dan sedang berjuang mewujudkan kawasan kemakmuran bersama Asia Timur .Kita juga berjuang melaksanakan doktrin Hakko Ichiu atau semangat persaudaraan sejagat". [5]

---

[1] Peristiwa serangan ini telah dirakamkan semula oleh Mohd. Rafdi Mohd. Taha,"Serangan dan Pendudukan Tentera Jepun Terhadap Kampung Pak Amat dan Pengkalan Chepa", *Kumpulan Esei Sejarah Malaysia oleh Pelajar-Pelajar U.S.M.* diselenggarakan oleh Paul H. Kratoska dan Abu Talib Ahmad (Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 1989) m.s. 91-97 .

[2] Lihat Cheah Boon Kheng,*Red Star Over Malaya Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya 1941-1946(* Singapore: University of Singapore Press,1987)m.s 18 -19. Lihat juga A. E. Percival, *The War in Malaya* (London: Eyre and Spottiswoode), Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down* (Kuala Lumpur: Federal Publications, 1977) dan Tsuji Masanabu, *Singapore, The Japanese Version* translated by Lake M.E.(Sydney: Ure Smith, 1960).

[3] Empat buah negeri Melayu utara iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu telah diserahkan oleh Jepun kepada Siam pada bulan September 1943.

[4] *Syonan* bererti cahaya selatan. Dengan memberikannya nama seperti demikian, kerajaan Jepun berharap ia akan membawa kemakmuran kepada seluruh penduduknya. *The Syonan Times*, 21 Februari, 1942 .

[5] Bryan C. Cooper, *Decade of Change Malaya and The Straits Settlements 1936-1945* (Singapore: Graham Brash,1998) m.s. 273 .

Kenyataan radio yang dikeluarkan di Tokyo itu amat bermakna bagi Jepun yang sedang merayakan kemenangannya menewaskan British di Tanah Melayu tetapi bertentangan dengan hakikat sebenar kehidupan rakyat setempat. Memang benar sejarah baru telah bermula namun sejarah tersebut merupakan pengalaman pahit dan ngeri akibat dasar dan perlakuan buruk tentera Jepun. Setelah mencapai kemenangan tentera Jepun mengambil sikap "bersultan di mata, beraja di hati", dengan bertindak ganas dan memerintah secara zalim. Masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu mengalami kejutan dan pengalaman pahit sepanjang pendudukan Jepun selama tiga tahun lapan bulan yang merupakan satu trauma seperti yang dikatakan Paul Kratoska.[6] Pengalaman berada dibawah pentadbiran tentera Jepun dipenuhi suka dan duka dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Walaupun kesan pemerintahan Jepun lebih bersifat negatif namun tidak dinafikan terdapat juga sedikit sebanyak kesan positif kepada masyarakat.

Berbeza dengan keghairahan dan kegembiraan tentera Jepun, perasaan rakyat khususnya orang Melayu bercampur baur antara gembira dan sedih. Umumnya terdapat tanggapan dalam kalangan orang Melayu sebelum meletusnya perang bahawa kedatangan Jepun menggantikan British adalah petanda baik dan dinanti-nantikan kerana akan membawa keuntungan.[7] Kalangan yang terpelajar dan sudah memahami soal politik pula menganggap kemenangan Jepun menewaskan British merupakan satu kemenangan moral bagi warga Asia keseluruhannya. Mustapha Hussain Naib Presiden Kesatuan Melayu Muda (KMM) menganggap kemenangan Jepun akan memberi laluan yang lebih baik kepada

---

[6] Kratoska Paul H., *The Japanese Occupation of Malaya A Social and Economic History* (London: C. Hurst & Co., 1998). Karya ini merupakan satu kajian sejarah yang baik kerana memaparkan berbagai pergolakan sosio politik ekonomi Tanah Melayu sepanjang pendudukan Jepun dengan merujuk berbagai sumber bertulis dan lisan.

[7] Temubual dengan Tan Sri Aziz Tapa, bekas tokoh politik di Melaka pada 8 Jun 2004. Temubual dengan Tuan Hj. Taha Abd. Rahman, 74 tahun, di Yan, Kedah pada 3 Oktober 2004. Juga rakaman temubual dengan Hj. Ahmad Hj. Hashim dan En. Ibrahim Ismail bertarikh 26 September 1994 . Rakaman ini terkandung dalam siri wacana Arkib Negara Malaysia berjudul *"Gebang-Gebang Jepun"*.

perjuangan KMM dan gerakan kebangsaan. Walau bagaimanapun harapannya tidak tercapai kerana KMM telah dibubarkan oleh Jepun pada bulan Jun 1942.[8] Perasaan sedih dan sayu rakyat juga tidak dapat dihindarkan apabila melihat kekejaman yang dilakukan oleh tentera Jepun semasa pendudukan mereka di sini. Masyarakat Tanah Melayu berhadapan dengan pengalaman pahit dan mengerikan sepanjang tempoh tersebut.[9] Kekejaman *kempetai* Jepun dan kuncu-kuncu tempatan mereka terhadap masyarakat awam telah digambarkan dengan begitu tragis melalui novel Ahmad Murad Nasruddin *Nyawa Di Hujung Pedang.*[10]

Pendudukan Jepun telah mempengaruhi suasana kehidupan rakyat yang menderita akibat kekurangan pendapatan dan bahan makanan. Hal ini digambarkan oleh Abdul Aziz Zakaria dalam memoirnya :

> "Hidup menjadi bertambah sukar kerana susah menjana pendapatan. Getah tidak ditoreh kerana tiada permintaan. Mereka yang bekerja di estet amat menderita. Mereka cuba menanam sayur tetapi tanah estet tidak sesuai. Padi yang ditanam terpaksa dijual kepada Jepun dengan harga yang murah." [11]

---

[8] Lihat Insun Sony Mustapha (Penyelenggara) *Memoir Mustapha Hussain, Kebangkitan Nasionalisme Melayu sebelum UMNO* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka ,1999). Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan pada 1938 dipimpin oleh Ibrahim Yaakob. Menjelang pendudukan Jepun di Tanah Melayu KMM mengambil pendekatan bekerjasama dengan Jepun dengan harapan Jepun akan memberikannya kemerdekaan Tanah Melayu bersama Indonesia. Walaubagaimanapun perkara ini tidak berlaku. Keterangan lanjut dalam Abd. Malek Hanafiah,"Sejarah Perjuangan KMM", tesis BA(Hons.), Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974.

[9] Peristiwa begini banyak digambarkan melalui penulisan memoir seperti Insun Sony Mustapha (Penyelenggara), *Memoir Mustapha Hussain: Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999),Shaharom Husain, *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996), T.J. Danaraj, *Japanese Invasion of Malaya and Singapore Memoirs of a Doctor* (Kuala Lumpur: Eagle Trading Sdn. Bhd., 1990), Abdul Aziz Zakaria, *British, Japanese and Independent Malaysia A Memoir* (Kuala Lumpur: INTAN, 1989) dan Mohd. Yusoff Hj. Ahmad, *Decades of Change (Malaysia 1910-1970's)* (Kuala Lumpur: Art Printing Works Sdn. Bhd., 1983)

[10] Ahmad Murad Nasruddin, *Nyawa Di Hujung Pedang* (Kuala Lumpur: Pejabat Perhubungan Raya Tanah Melayu,1946).Penulis adalah ketua bahagian penterjemahan di Sultan Idris Training College dan semasa pemerintahan Jepun berkhidmat sebagai ketua bahagian penapisan penerbitan Pejabat Propaganda Jepun di Ipoh.

[11] Abdul Aziz Zakaria, *British, Japanese and Independent Malaysia A Memoir* (Kuala Lumpur: INTAN, 1989), m.s. 16.

Suasana tidak tenteram yang menyelubungi masyarakat semasa pemerintahan Jepun melenyapkan impian rakyat yang mengharapkan kedatangan Jepun akan membawa kebahagian kepada mereka. Anggapan awal yang menganggap kedatangan Jepun lebih baik dari British dan harga barangan murah kini hanya tinggal impian. Kekejaman pemerintahan Jepun serta kesengsaraan yang dialami oleh rakyat melenyapkan segala harapan mereka. Kebencian terhadap Jepun semakin meningkat. Kesengsaraan dan penderitaan hidup tidak dapat diubati oleh gerakan propaganda Jepun yang menjanjikan sebuah negara yang makmur. Keluhan supaya British datang semula untuk memerintah kini mula kedengaran. Penduduk bersungut, "seburuk-buruk penjajah Inggeris, kita tidak kebuluran dan tidak makan ubi kayu".[12] Nasib penduduk Tanah Melayu seperti perumpamaan yang menyebut lari dari "mulut harimau masuk ke mulut buaya". Mereka berharap penjajahan British akan berakhir dengan kebahagiaan dengan pendudukan Jepun tetapi berlaku sebaliknya. Seorang pelajar dan guru pada zaman Jepun, Aziz Tapa memberi satu kenyataan yang menarik,"penjajah tetap penjajah walau berbangsa apa sekalipun, selagi orang Melayu dijajah dan tidak merdeka maka selama itulah mereka akan menjadi mangsa....". [13]

Dari perspektif sosial, pendudukan Jepun mencetuskan satu keadaan huru hara dan ketidaktentuan. Sistem pendidikan yang dilaksanakan Jepun adalah alat propaganda dan indoktrinasi yang bertujuan mencapai cita-cita politik Jepun. Walaupun terdapat unsur positif seperti kemahiran amali dan perubahan sikap yang mahu diterapkan melalui sistem pendidikan Jepun namun ianya kurang berkesan kerana tiada perancangan tersusun dan

[12] Temubual dengan Dato' Hj. Abdullah Ismail pada 12 Mei 2004. Beliau adalah seorang tokoh politik berpendidikan agama di Kedah. Semasa pendudukan Jepun, beliau belajar di sekolah agama di Padang Lumat Kedah.

[13] Temubual dengan Tan Sri Aziz Tapa pada 8 Jun 2004.

wujudnya berbagai masalah. Kepentingan memastikan keselamatan nyawa dan berusaha mencari nafkah hidup mengatasi kepentingan mendapatkan pendidikan. Hanya segelintir penduduk yang bernasib baik berpeluang mendapat pelajaran apalagi pada peringkat menengah dan kolej. Doktrin perubahan sikap melalui elemen *seishin (*semangat Jepun*)* bagi mencapai matlamat Lingkungan Sekemakmuran Asia Raya yang diperkenalkan Jepun gagal dihayati sepenuhnya oleh masyarakat tempatan. Walaupun sebilangan kecil daripadanya sedar tentang konsep ini namun mereka mempersoalkan kaedah pelaksanaannya kerana lebih bermotifkan kepentingan politik Jepun.[14]

Pada keseluruhannya jika dipandang sepintas lalu adalah sukar mencari kesan positif daripada pendudukan Jepun. Kesan negatif lebih menonjol samada dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Masyarakat mengenang penderitaan hidup mereka akibat sikap ganas tentera Jepun, kekurangan makanan, rasa takut dan terancam, kehilangan harga diri dan kecewa. Konsep "Lingkungan Sekemakmuran Asia Raya"(LSKAR) yang diperjuangkan Jepun jauh menyimpang daripada hakikat sebenar. Seorang pegawai perubatan dalam memoirnya menyebut tentang konsep LSKAR yang hanya memberikan peluang kepada pegawai-pegawai Jepun memiliki rumah besar dilengkapi perabot, kereta, makanan dan peluang perniagaan sementara rakyat menerima berbagai masalah.[15] Walau bagaimanapun setiap perkara yang buruk tentulah mempunyai sedikit kebaikan. Di sebalik kepahitan tentu terdapat sedikit penawar. Jika diteliti dengan mendalam barulah aspek positif pendudukan Jepun dapat dikesan. Individu yang berpeluang mendapat pendidikan dan latihan dengan Jepun dapat merasa pengalaman disuntik dengan *seishin*. Walaupun tujuannya adalah bagi mendewa-dewakan Jepun namun secara tidak langsung ia memberi

[14] Temubual dengan Tan Sri Aziz Tapa dan Tan Sri Mohamad Jamil

[15] T.J. Danaraj, *Japanese Invasion of Malaya and Singapore- Memoirs of a Doctor* (Kuala Lumpur: Eagle Trading Sdn. Bhd., 1990), m.s. 123.

kesan positif kepada mereka. Bagi penyelidik, pendudukan Jepun merupakan satu rahmat tersembunyi kerana mendorong dan menyemarakkan nasionalisme Melayu seperti yang disentuh oleh Radin Soenarno dan Zainal Abidin Abdul Wahid. Gerakan nasionalisme Melayu yang bercambah pada zaman sebelum perang telah berkembang secara tidak langsung dengan meningkatnya kesedaran untuk memperjuangkan kemerdekaan. Hasilnya gerakan ini menjadi semakin aktif bermula pada pertengahan tahun 1940-an.[16] Orang Melayu berpeluang membandingkan pemerintahan British dengan Jepun. Mustapha Hussain dalam memoirnya mengatakan bahawa sebelum pendudukan Jepun orang Melayu baru belajar mengenal politik. Keupayaan Jepun satu bangsa Asia yang tidak pernah dihiraukan Barat, menundukkan kuasa Barat yang gagah dari segi ketenteraan memberi keyakinan baru kepada orang Melayu. Orang Melayu setelah Perang Dunia Kedua menjadi bangsa yang berkemahuan baru, lebih yakin, lebih mempunyai harga diri dan lebih peka akan hak politik menentukan masa depan bangsa dan nusa.[17]

Matlamat Jepun dan British tidak banyak berbeza kecuali pendekatan yang diambil. Mereka mahu menguasai hasil bumi negara ini. Sungguhpun begitu budaya kedua-duanya berbeza. Sikap Jepun lebih agresif dan mahukan masyarakat tempatan mengikut cara mereka sementara Inggeris lebih sukakan orang Melayu kekal dengan cara hidupnya. Jepun mahukan orang Melayu membantunya mencapai matlamat mereka menjadi kuasa politik di Asia. Bagi mencapai matlamat ini, mereka melaksanakan indoktrinasi melalui sistem pendidikan. Rancangan jangka panjang ini tidak sempat dilaksanakan sepenuhnya apabila

[16] Lihat Zainal Abidin Abdul Wahid, "The Japanese Occupation and Natioanalism" dalam *Malaysia Warisan dan Perkembangan*(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1992)dan Radin Soenarno,"Malay Nationalism", *Journal of Southeast Asian Studies History*, Mac 1960.
[17] Insun Sony Mustapha, *Mustapha Hussain Pejuang Nasionalisme Melayu*, m.s. 102.

Jepun tewas kepada pihak Berikat pada Ogos 1945 namun ianya tetap meningggalkan kesan kepada penduduk Tanah Melayu.

Pendidikan Jepun di Tanah Melayu

Falsafah dan matlamat

Cita-Cita politik Jepun setelah berjaya menawan dan memerintah Tanah Melayu ialah melaksanakan gagasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Raya (*Daitoa Kyoeiken*) dan *Hakko Ichiu* atau persaudaraan sejagat yang dirancang sebelum kempen menakluki Tanah Melayu dimulakan.[18] Pelaksanaan konsep ini adalah bagi merealisasikan hasrat menjadikan Jepun kuasa politik yang berpengaruh khususnya di rantau Asia Timur. Bagi memperjuangkan pelaksanaan konsep tersebut, pendidikan dikenal pasti sebagai alat yang amat penting untuk tujuan indoktrinasi. Dasar pendidikan yang mempunyai falsafah dan matlamat tersendiri telah digubal untuk dilaksanakan di Tanah Melayu.[19] Falsafah pendidikan Jepun menekankan dua unsur penting iaitu pendidikan berteras kemahiran dan menanamkan *seishin* kepada penduduk tempatan. Paul H. Kratoska menyebut tentang matlamat sistem pendudukan Jepun yang bertujuan menggantikan semangat materialistik dan individualistik Barat dengan semangat Asia, meningkatkan disiplin, kesetiaan dan kerjasama serta menanamkan *seishin*.[20] Penyemaian semangat Jepun ini merupakan langkah permulaan bagi memperjuangkan konsep *Asia for Asian* dan *Hakko Ichiu*

---

[18]Lihat Yoji Akashi,"The Koa Kunrenjo, 1942-1945 A Case Study Of Cultural Propagation And Conflict Under The Japanese Occupation Of Malaya", *Conference on Southeast Asian Studies*, Kota Kinabalu, 1977, m.s. 3.

[19] Lihat *Fundamental Policy Concerning Education in the Southern Sphere.* Headquarters of the Southern Expeditionary Forces, Januari 12, 1942 dalam Yoji Akashi, "Education and Indoctrination policy in Malaya and Singapore under the Japanese Rule, 1942-1945" (Lampiran: Dokumen 1). Dokumen ini menyebut tentang perkara-perkara penting meliputi prinsip-prinsip asas dasar pendidikan yang akan dilaksanakan, pelaksanaan serta kemudahan-kemudahan yang diperlukan bagi memulakan satu sistem pendidikan yang baru.

[20] Kratoska Paul H., *The Japanese Occupation of Malaya*, m.s. 122.

bersandarkan kepada budaya dan nilai-nilai Jepun.[21] Konsep yang diperjuangkan ini perlu disebarkan secara meluas supaya ia dapat dirasai oleh semua golongan rakyat. Rakyat Tanah Melayu hendaklah bersedia menerima dan mengamalkan budaya Jepun sebagai alat menyatukan mereka. Hasil yang dikeluarkan oleh sistem persekolahan mesti berupa mereka yang bertenaga, pekerja industri dan warga negara yang setia kepada Jepun.[22] Perjuangan mereka juga adalah bagi mewujudkan sebuah masyarakat Asia baru yang bebas daripada cengkaman dan pengaruh Barat. Sistem pendididkan perlu disusun semula bagi mencapai cita-cita tersebut.

> "all Asiatic peoples should be taught to worship and follow the Japanese Imperial Way for the creation of a new order, which was based on true cooperation, performance of duty and one united spiritual foundation.This new order, they conceived, would be created through the reorganization of the western educational system and reform of the curricula, teaching of the Japanese spirit by meant of the Japanese language, cultural exchange programme and mass media propaganda". [23]

Berdasarkan hasrat menjadikan Jepun sebagai pemimpin yang akan menaungi kawasan selatan, dasar pendidikan yang digubal mempunyai matlamat berikut :

1. Menanamkan kepatuhan dan kesetiaan kepada Maharaja Jepun, pemimpin dan negara Jepun.
2. Menjadikan bahasa Jepun (*Nippon-go*) sebagai bahasa perantaraan utama Asia .

---

[21] Institute of The Total War yang ditubuhkan oleh General Tojo Hideki pada tahun 1940 telah menghasilkan dokumen Basic Plans for Establishing Greater East Asia Co-Prosperity Sphere menekankan bahawa ideologi kawasan kemakmuran bersama Asia Timur akan memperjuangkan prinsip-prinsip moral yang berdasarkan kepada keagongan Maharaja (Tenno Heika). Pemerintah Jepun mempunyai misi yang besar untuk mengemukakan satu gagasan moral yang baru bagi menggantikan nilai kebendaan dan individualisme Barat.Bagi mencapai matlamat ini, sistem pendidikan akan disusun semula dengan penekanan kepada pelajaran bahasa Jepun dan semangat Jepun (Nippon Seshin) .

[22] S. Banno, Penguasa Pelajaran Perak dalam ucapannya ketika melawat beberapa buah sekolah di sana. *Malai Sinpo*, Isnin, 15 Mac, 1943.

[23] Yoji Akashi, "Education and Indoctrination Policy in Malaya and Singapore", m.s. 2.

3. Menyemaikan semangat Jepun *(seishin)* kepada masyarakat.

4. Menyekat perkembangan pengaruh Barat terutamanya British daripada merebak.[24]

Jepun mahu menonjolkan kedudukan dan keagongan maharajanya yang perlu diberikan penghormatan tertinggi dan taat setia tidak berbelah bahagi. Pada mereka penghormatan dan taat setia kepada maharaja menjadi pendorong kepada terbinanya sifat-sifat seperti disiplin diri, berani, sedia berkorban serta taat kepada pemimpin. Doktrin yang menjadi pegangan masyarakat Jepun sejak zaman berzaman ini telah membentuk satu sistem budaya tersendiri yang kini cuba pula disebarkan kepada masyarakat di tanah jajahan mereka.[25]

Matlamat seterusnya yang diberi perhatian serius dalam sistem pendidikan Jepun ialah menyebar dan meluaskan penggunaan bahasa Jepun dengan angggapan penggunaan bahasa ini penting bagi melahirkan identiti dan perasaan bangga kepada bangsa dan negara.[26] Selain itu ia juga berperanan sebagai alat menyatukan rakyat untuk mencapai cita-cita besar Jepun iaitu mewujudkan "*Greater East Asia Co- Prosperity Sphere*" dan "*Hakko Ichiu.*"[27] Pengajaran bahasa Jepun perlu dijalankan secara meluas meliputi peringkat persekolahan, pusat-pusat latihan, pegawai kerajaan dan orang awam. Cita-cita besar mereka ialah menjadikan bahasa Jepun sebagai *lingua franca* di Asia Timur. [28]

Bagi memperkukuhkan semangat juang dan jati diri, sistem pendidikan Jepun memberi penekanan kepada *seishin* yang berupa satu kaedah indoktrinasi berbentuk fizikal dan mental yang bertujuan meningkatkan kekuatan fizikal dan semangat seseorang dalam

---

[24] Dokumen BMA PS / 412 , Japanese Military Administration: Educational Policy and Training m.s. 1

[25] Edwin Reschauer, *Japanese Today Changes and Continuity* (Harvard University Press, 1979) m.s. 230-232.

[26] Lihat dokumen berjudul, *Matter Relating to the Popularization of the Japanese in the Southern Region*, 28 september 1943 dalam Yoji Akashi, "Education and Indoctrination Policy",Apendix: Dokumen 9.

[27] Ibid

[28] Lihat Yoji Akashi,"Japanese Cultural Policy in Malaya and Singapore 1942-1945" dalam Grant K. Goodman (ed.), *Japanese Cultural Policies in Southeast Asia During World War Two* (London: Mac Millan, 1991) m.s. 121.

kehidupan.[29] *Seishin* mengandungi amalan seperti *saikere*, nyanyian lagu kebangsaan Jepun, tunduk hormat kepada pemimpin serta aktiviti fizikal yang bertujuan meningkatkan kecergasan. Menurut Yoji Akashi, *seishin* menekankan aspek disiplin diri, taat setia yang mutlak kepada Tenno Heika dan kesanggupan berkorban untuk negara.[30] *Seishin* menuntut tiada perdebatan tentang soal keagongan Maharaja kerana masyarakat Jepun percaya asal usulnya adalah dari Dewi Matahari walaupun ia hanya merupakan metos.[31] Penerapan unsur ini diharap dapat mengikis pengaruh British daripada terus menguasai kehidupan masyarakat. Sistem pendidikan disusun semula melibatkan latihan untuk guru dan pengenalan kurikulum baru bagi disesuaikan dengan falsafah dan matlamat pendidikan yang ditetapkan.[32]

Jepun turut mengambil kira matlamat pendidikan untuk memberi kemahiran lantas merancang pendidikan teknikal dan kemahiran bagi melengkapkan pelajar dengan pengetahuan amali yang dapat digunakan terus dalam bidang pekerjaan. Ia menyebut, *"it was clear that educational emphasis would be replace on industrialism and technical life on respect instruction adapted to practical labour".*[33] Mereka juga menggalakkan penduduk melakukan kerja kolar biru dan pertanian bagi meningkatkan aktiviti ekonomi.[34] Sekolah teknikal dan pusat latihan yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan, perkapalan dan pertanian didirikan untuk melatih penduduk tempatan. Kemahiran yang diperolehi daripada pelajaran teknikal ini diharap membantu mereka menceburi bidang pekerjaan

---

[29] *Nippon Seishin* adalah berteraskan kepada 3 aspek penting iaitu cinta yang mutlak kepada Maharaja, kesetiaan tidak berbelah bagi kepada negara dan kesanggupan untuk melakukan pengorbanan kepadanya. Bentuk indoktrinasi dan latihan adalah menjurus kepada pencapaian matlamat ini.

[30] Yoji Akashi, "Japanese Occupation of Malaya: Interruption or Transformation" dlm. Alfred Mc. Coy (ed.), *Southeast Asia Under Japanese Occupation*, Monograph No. 22 (New Heaven: Yale University,1980) m.s.67

[31] Chin Kee Onn, Malaya *Up Side Down*, m.s. 31.

[32] Fundamental Policy Concerning on Education in Southern Sphere, *op.cit.*

[33] Yoji Akashi, "Japanese Occupation of Malaya", m.s. 67

[34] *Fundamental Policy Concerning Education in the Southern Sphere*, Appendix dalam Yoji Akashi, "Education and Indoctrination Policy".

yang bersesuaian, namun hasrat sebenarnya ialah untuk membantu Jepun memenuhi keperluan tenaga buruh dalam bidang yang amat diperlukan.

Umumnya falsafah pendidikan Jepun di Tanah Melayu adalah selari dengan agenda sosio-politik yang dirancang bagi memperkuat pengaruh mereka dalam kalangan rakyat. Jepun bercita-cita menghapuskan segala warisan peninggalan British serta menyebarkan ideologi dan budaya mereka. Pada peringkat ini adalah sukar untuk menyatakan sama ada falsafah dan matlamat pendidikan yang diperkenalkan Jepun menguntungkan masyarakat tempatan atau sebaliknya namun penyelidik berpendapat Jepun cuba menggunakan pendidikan sebagai alat perang saraf bagi memenangi hati rakyat. Walaupun aspek-aspek tertentu dalam falsafah dan matlamat pendidikan mereka adalah baik tetapi pelaksanaannya menghadapi berbagai masalah. Perkara ini akan dibincangkan dalam bahagian yang berikutnya

Dasar dan Sistem Pendidikan

Jepun mewarisi sistem pendidikan yang diamalkan British di Tanah Melayu yang hanya bertujuan memberikan pendidikan asas kepada orang Melayu bagi memastikan wujudnya kesetabilan politik, mengekalkan status quo kegiatan ekonomi, menghasilkan pekerja-pekerja peringkat rendah dan menghapuskan buta huruf.[35] Walaupun terdapat sedikit kemajuan dalam perkembangan pendidikan Melayu mulai penghujung abad ke-19 namun kemajuan tersebut amatlah terbatas.[36] Sekolah-sekolah Vernakular Cina dan India

[35] Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980) m.s. 12.

[36] Lihat Francis H.K. Wong, *Official Report on education StraitsSettlements and The Federated Malay States, 1870-1939* (Singapore: Pan Pacific Book Distributors (S) Pte. Ltd., 1980) m.s. 2-9. Perkembangan pendidikan Melayu juga terdapat dalam tulisan D.D. Chelliah, *A History of The Educational Policy of The Straits Settlements With Recommendations for a New System Based on Vernaculars* Kuala Lumpur: Government Press, 1947) dan William R. Roff, *Malay Nationalism* (Kuala Lumpur: Penerbit University Malaya, 1974).

pula didirikan bagi menampung keperluan pendidikan kaum berkenaan. Kewujudan sekolah berasaskan kaum ini melebarkan lagi jurang hubungan kaum dalam kalangan masyarakat berbagai etnik di Tanah Melayu. British mempunyai kepentingan politik dan ekonomi dalam mengembangkan pendidikan kepada anak negeri. Ketiga-tiga kaum utama Melayu, Cina dan India diberi pendidikan dalam sistem yang berbeza yang tidak menggalakkan percampuran dan perpaduan. Jepun yang mewarisi keadaan ini berhasrat melakukan perubahan dengan menyatukan sekolah yang berbeza ini menjadikannya sekolah awam yang dapat disalurkan budaya dan semangat Jepun. Walaupun Jepun mempunyai helah politik dalam melaksanakan cadangan penyatuan sekolah ini namun Halinah Bamadhaj berpendapat cadangan Jepun ini mempunyai kebaikan dari segi memberi peluang kepada pelajar berbilang bangsa untuk bercampur. Bagaimanapun cadangan ini gagal dilaksanakan dengan sempurna kerana ketiadaan "blue print" yang sewajarnya.[37]

Jepun juga tidak terlepas daripada menyusun agenda dan dasar pendidikan bagi memenuhi matlamat politiknya. Jepun berhadapan dengan perang psikologi untuk menundukkan rakyat tempatan supaya menuruti kehendak mereka kerana sedar tidak semua kehendak dapat dicapai melalui perjuangan bersenjata. Bagi mencapai matlamat jangka panjang, usaha propaganda dan indoktrinasi dilakukan. Mereka menggubal dasar pendidikan yang selari dengan falsafah dan matlamat politik yang ingin dicapai iaitu menghapuskan segala unsur pendidikan British yang dianggap sebagai musuh Asia. Y.Fusimi, Pengarah Pelajaran Selangor ketika merasmikan penubuhan sekolah Pertukangan Selangor pada awal Januari 1943 menyatakan bahawa,"*on the outbreak of the Greater East Asia Co-Prosperity Sphere the principle of the Nippon education was clearly defined that is*

[37] Halinah Bamadhaj, "The Impact of The Japanese Occupation of Malaya on Malay Society and Politics", tesis MA, University of Auckland, 1975.

to eradicate all British education and to uphold the method adopted by Nippon". Sehubungan dengan itu, Jepun telah menyediakan 4 garis panduan sistem pendidikannya sepertimana berikut :[38]

1. Pendidikan mesti dapat merapatkan hubungan Tanah Melayu dengan Jepun kerana Tanah Melayu adalah sebahagian daripada kawasan kemakmuran bersama.
2. Pendidikan mesti mampu membantu mengatasi masalah ekonomi
3. Sekolah perlu menekankan aspek kecergasan fizikal pelajar.
4. *Nippon Seishin* perlu diterapkan di sekolah bagi membentuk pemikiran dan disiplin pelajar.

Dasar yang digubal oleh Jepun meliputi pendidikan peringkat rendah, menengah, pendidikan teknikal, latihan guru, latihan kepemimpinan dan pendidikan kepada pegawai-pegawai kerajaan dan orang awam. Dasar sekolah berasaskan kaum juga diputuskan selain peraturan dan garis panduan tentang pentadbiran sekolah, proses pengajaran dan pembelajaran, mata pelajaran dan hal-hal berkaitan persekolahan. Secara idealnya dasar pendidikan Jepun bertujuan menjalankan program *Nipponization* selain menyediakan pendidikan asas yang mengutamakan bidang kemahiran dan teknik. Matlamat dasar ini ialah menghapuskan semua unsur Inggeris daripada sistem yang lama bagi membolehkan mereka memasukkan unsur baru.

Pelaksanaan dasar baru pendidikan Jepun memperlihatkan beberapa perubahan . Pada peringkat rendah, sistem lama (sekolah vernakular) dikekalkan dengan mengubah status sekolah berkenaan kepada sekolah awam. Sekolah rendah Melayu, Cina dan India dikekalkan walaupun ketiga-tiganya beroperasi dengan masalah dan kemajuan yang

[38] Lihat *The Syonan Sinbun*, 9 Januari 1943.

berbeza. Sekolah Menengah Inggeris sama ada *Government English School* atau sekolah persendirian ditutup. Beberapa buah sekolah tinggi atau kolej yang beroperasi semasa pentadbiran Inggeris seperti Maktab Melayu Kuala Kangsar dan Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim juga ditutup. Turut mengalami nasib yang sama ialah Raffles College dan Kolej King Edward V11 di Singapura. Jepun sebaliknya menghidupkan kembali Kolej Teknik di Kuala Lumpur, Kolej Pertanian di Serdang dan *Koa Kunrenjo* (Institute for Young Leaders Training) di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang. Beberapa pusat latihan kemahiran dalam bidang perkapalan, perlombongan, pertanian, elektrik dan kejuruteraan juga telah dibuka di Singapura dan di beberapa buah bandar di Semenanjung.

Pelajaran bahasa Jepun diberi penekanan utama dalam dasar pendidikan Jepun kerana bahasa ini dirancang menjadi bahasa rasmi untuk kawasan Sekemakmuran Asia Timur Raya. Ia menjadi pelajaran utama di sekolah, kolej atau mana-mana pusat latihan. Pusat latihan bagi melatih guru-guru (Kelas Normal) dalam bahasa Jepun telah ditubuhkan. Institut latihan guru (*Shihan Gakko*) ditubuhkan di kebanyakan bandar besar dengan tujuan memberi latihan perguruan dan bahasa Jepun kepada guru. Dasar mengembangkan pembelajaran dan penggunaan bahasa Jepun turut menyentuh peranan yang dimainkan media massa dan media cetak. Jepun turut menubuhkan *Koa Kunrenjo* yang merupakan pusat latihan indoktrinasi bagi melatih para belia yang dipilih daripada seluruh kawasan Asia Tenggara. Matlamat latihan yang mereka ikuti selama 6 bulan adalah untuk menanam semangat Jepun kepada mereka selain kemahiran. Sebilangan kecil daripada mereka yang dilatih juga berpeluang melanjutkan pengajian ke Jepun dalam bidang tertentu melalui skim khas yang diwujudkan.

Pendidikan rendah

Dasar pendidikan peringkat rendah yang dilaksanakan Jepun bertujuan menanam pengaruh dan menyebarkan budayanya dalam kalangan penduduk tempatan di samping menghapuskan unsur Barat serta membasmi semangat anti Jepun. Pendidikan peringkat rendah menekankan pembelajaran bahasa Jepun serta menyemai unsur *seishin* bertujuan membentuk disiplin dan menjadikan mereka merasa bangga sebagai warga Asia. Dengan mengambil kira masalah ekonomi semasa, pendidikan peringkat rendah turut mengajar bidang kemahiran seperti pertanian dan pertukangan kepada pelajar.[39]

Serangan Jepun ke atas Tanah Melayu menyebabkan sistem persekolahan sedia ada mengalami kejutan dan kerosakan yang melibatkan bangunan sekolah dan peralatan. Sesetengah bangunan sekolah digunakan oleh Jepun untuk keperluan tentera. Bagi memulihkan semula sistem persekolahan tindakan segera diambil dalam keadaan yang tergesa-gesa dan serba kekurangan. Menjelang bulan Mac 1942 arahan dikeluarkan pihak pentadbiran tentera supaya semua sekolah mendaftar dengan pihak berkuasa pendidikan di tempat masing-masing. Arahan berikutnya meminta supaya pelajar mendaftar di sekolah yang berhampiran.[40] Pihak pentadbiran tentera juga mengarahkan supaya dilantik pegawai penguasa (*superintendent of education*) yang bertanggungjawab mengendalikan hal ehwal pendidikan pada peringkat negeri. Di Kedah penguasa pendidikan semasa kedatangan Jepun ialah Syed Mahdzir Fada'ak, Jepun kemudiannya telah melantik S Kodera sebagai penasihat pendidikan. Tunku Abdul Rahman pula dilantik sebagai penguasa pendidikan

[39] *Directives Concerning Education*, October 6, 1942, Tom Shusei Sho No. 269 . From Gunseikan (Superintendent Of Military Administration) to mayor and governors . Appendix: Yoji Akashi,"Education and Indoctrination Policy".

[40] *Matter Relating to Reopening of Primary Schools.* Tomi Shusei So No. 12, April 18, 1942, From Military Administrator to Mayor and Governors. Appendix, Yoji Akashi, "Education and Indoctrination Policy".

Kedah pada 11 Ogos 2603.[41] Di Pulau Pinang, notis rasmi pembukaan sekolah dikeluarkan pihak berkuasa pada 23 April 1942. Di sana terdapat 25 buah sekolah Melayu, 21 sekolah China dan 10 sekolah Tamil.[42] Mengikut catatannya pendaftaran pelajar di Pulau Pinang dibuat pada 25 April 1942. Pada 28 April satu raptai dibuat oleh pelajar-pelajar di George Town bagi upacara perarakan sempena hari keputeraan Maharaja Jepun. Upacara perarakan yang sebenar diadakan pada 29April1942 iaitu hari ulangtahun *Tenno Heika*. Pada pukul 8 pagi hari berkenaan, pelajar-pelajar berkumpul di Padang Datuk Keramat untuk berarak ke rumah Gabenor bagi mendengar ucapannya. Persekolahan hanya bermula pada 1 Mei 1942.

Di sesetengah negeri seperti Selangor, sekolah hanya mula dibuka pada pertengahan tahun 1942. Sekolah yang dibuka meliputi sekolah Jepun, Melayu, Cina dan India. Pada Julai 1942, 2 buah sekolah Jepun telah dibuka iaitu *Toa Kokumin Gakko* (bekas sekolah Inggeris) dan *Kajang Sho Gakko*. Jumlah pelajar kedua-dua sekolah ini pada penghujung tahun 1942 ialah seramai 174 orang dengan guru seramai 13 orang. Di daerah Hulu Langat terdapat 16 buah sekolah Melayu termasuk 2 buah sekolah perempuan. Sekolah Lelaki Kajang dibuka pada 20 April 1942 diikuti dengan sekolah Bukit Raya, Hulu Langat, Dusun Tua, Semenyih, Beranang, Sungai Jenderam dan Sekolah Perempuan Kajang pada Julai 1942. Sekolah Sungai Ramal, Cheras, Lubok Kelubi, Hulu Semenyih, Bukit Beranang, Bangi, Dengkil dan Dusun Tua memulakan pengajian pada 1 Ogos 1942. Terdapat juga 6 buah sekolah Cina di daerah Hulu Langat dengan 360 orang pelajar dan 12 orang guru pada penghujung 1942. Pada masa yang sama terdapat hanya sebuah sekolah Tamil dengan 41

[41]Lihat Secretary, Kedah. (1944) 943/2487 , Annual Report On Education In Syburi For The Year 2486 .
[42] Ahmad Meah Baba Ahmad, *Penaklukan Jepun Suka Duka di George Town* (Kuala Lumpur: Media Indah Sdn. Bhd., 1992) m.s. 51-52.

orang pelajar dan seorang guru.[43] Semua Sekolah Cina ditutup manakala bahasa Cina hanya dibenarkan diajar sebagai aktiviti luar bilik darjah.[44]

Walaupun Jepun berhasrat menyusun semula sistem pendidikan namun bagi melicinkan proses pembukaan semula sekolah mereka terpaksa mengekalkan sistem vernakular yang diamalkan oleh pihak British. Sekolah rendah Melayu, Cina dan India dibenarkan dibuka semula dengan menggunakan kurikulum yang baru. Walaubagaimanapun sekolah yang dikendalikan pihak mubaligh dan persendirian tidak dibenarkan beroperasi sehingga kebenaran diberi pada Oktober 1942.[45] Sekolah Inggeris dilarang sama sekali daripada dibuka semula kerana ia menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.[46] Jepun seboleh-bolehnya mahu menyekat penggunaan bahasa Inggeris bagi menjadikan bahasa Jepun sebagai *lingua franca*. Walaubagaimanapun bagi mengatasi masalah semasa, beberapa perubahan dilakukan. Bekas sekolah Inggeris, Melayu dan Tamil yang mempunyai kemudahan pembelajaran bolehlah disatukan berdasarkan kedudukannya yang berhampiran dan diberi nama baru.[47] Di Kuala Lumpur, Sekolah Cina Konfusian digabungkan dengan Sekolah Jalan Davidson menjadi Sekolah Konfusian. Guru besarnya berbangsa Cina iaitu Mr. Ng Kean Chee yang menjadi orang pertama menjadi guru besar yang bukan berbangsa Jepun. Sekolah Bukit Nanas pula

---

[43] Lihat Fail Selangor *Syuseityo Kanbo* 33/2603. Annual Report of the District Office, Ulu Langat.

[44] *Fundamental Policy Concerning Education in The Southern Sphere*, Principles for Implementation, Appendix ,Yoji Akashi ,"Education and Indoctrination Policy".Dasar yang lebih terperinci terhadap sekolah-sekolah China ini terkandung dalam dokumen *Education Policy Relative to the Malayan Chinese*, March 18, 1944. Malay Gunseikambu.

[45] Yoji Akashi, "Education and Indoctrination Policy", m.s. 4.

[46] Di Kelantan, perbincangan telah diadakan antara Timbalan Menteri Besar dengan *Chief Japanese Military Administration* dan mengambil keputusan untuk menutup sekolah Inggeris dan membuka sekolah Jepun. Lihat fail EOK/6/61 memo daripada Timbalan Menteri Besar Kelantan kepada Setiausaha Kerajaan Kelantan berkenaan perkara di atas. SUK Kelantan seterusnya telah mengutus surat kepada Penguasa Pendidikan meminta nama-nama pelajar yang akan belajar di sekolah Jepun. Lihat fail SUK 240/61, Setiausaha Kerajaan Kelantan.

[47] *Directives Concerning the Appellation of Primary Schools and Subjects*, Appendix : Yoji Akashi , "Education and Indoctrination Policy", Appellation of Schools.

bergabung dengan Sekolah Batu Road dan guru besarnya ialah N. Amamoto. Sekolah Bukit Petaling yang dahulunya dikenali sebagai Methodist Girl School kini dikenali sebagai Sulaiman School dengan pelajar seramai 600 orang dan guru besarnya ialah S. Kanagaratnam.[48] Sistem yang dilaksanakan oleh Jepun menampakkan usaha untuk mengekang unsur perkauman di sekolah. Jepun cuba menyatukan sekolah-sekolah yang berdasarkan kaum dan melarang penggunaan sebarang nama yang berkaitan dengan bangsa atau bahasa. Matlamat Jepun ialah mendapatkan taat setia setiap kaum kepada mereka dengan menjadikan bahasa Jepun dan *seishin* sebagai kurikulum penting di sekolah. Bagaimanapun faktor masa yang terhad menjadi penghalang kepada kejayaan sistem yang cuba dijalankan.

Pendidikan peringkat rendah dibahagikan kepada 7 gred melibatkan pelajar yang berumur di antara 6-14 tahun. Strukturnya adalah seperti berikut :[49]

Kelas	**Umur**
Gred 1	6-8
Gred 2	7-9
Gred 3	8-10
Gred 4	9-11
Gred 5	10-12
Gred 6	11-13
Gred 7	12 - 14

[48] *Malai Sinpo*, 18 Oktober 1943.
[49] *Matter relating to Reopening of Primary Schools*. School System . Appendix dokumen 2, Yoji Akashi, "Education and Indoctrination Policy".

Sistem yang disediakan ini adalah mengikut model yang digunakan di Jepun namun gagal berjalan sepenuhnya kerana beberapa masalah dan akhirnya menjadi panduan sahaja. Pada peringkat pelaksanaannya, pengubahsuaian terpaksa dilakukan bagi mengatasi masalah semasa. Di Kota Bharu Kelantan, sekolah Jepun dibuka di bilik menjahit Sekolah Perempuan Merbau di mana kelas dibahagikan kepada kelas A, B dan C. Kelas A adalah bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 15 tahun tetapi masih belajar atau sudah lulus darjah 3 Sekolah Melayu Merbau. Pelajar yang lulus darjah 3 dari mana-mana sekolah Melayu juga diterima masuk belajar. Selain itu kelas ini juga diperuntukkan kepada 10 orang guru Melayu dan bekas pelajar sekolah Ismail Kota Bharu. Pelajaran yang diajar adalah pertuturan, tulisan dan bacaan bahasa Jepun yang akan diajar selama 2 tahun. Kelas B pula mengambil pelajar yang berumur di antara 15-19 tahun yang telah lulus darjah 3 dalam mana-mana sekolah Melayu. Bekas pelajar sekolah Ismail juga diberi peluang belajar di sini. Pelajaran yang diajar hanyalah bahasa Jepun yang dipelajari selama 6 bulan dan ditambah dengan pelajaran yang lain dari masa ke semasa. Kelas C pula dikhususkan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang perlu belajar bahasa Jepun. Mereka belajar pada setiap Sabtu, Selasa dan Khamis dari pukul 4.30 hingga 6.30 petang selama 6 bulan.[50] Pendidikan formal di sekolah pada tahun-tahun 1940-an tidaklah terlalu terikat dengan sistem dan struktur yang disediakan. Dalam aspek umur misalnya terdapat pelajar yang telah berumur 10 tahun baharu memulakan pengajian dalam darjah 1. Dari segi kemajuannya pula, bukan semua pelajar menamatkan pengajian sehingga ke darjah 5. Salah seorang daripadanya ialah Shaari Saad. Beliau memulakan pengajian di Sekolah Melayu Dulang Kechil dalam darjah 1 ketika berumur 9 tahun. Beliau berada dalam darjah 3 ketika

[50] Lihat surat Penguasa Pelajaran Kelantan kepada Setiausaha Kerajaan Kelantan dalam No. (3) dalam E.O.K. 6/61 bertarikh 17 Muharram 1361.

Jepun mula memerintah. Semasa pemerintahan Jepun ini, Shaari berpeluang belajar di sekolah Jepun di Yan selama 3 tahun. Apabila perang tamat ia tidak lagi menyambung pengajiannya. Walaupun pendidikan sekolah Melayu yang diterima oleh Shaari hanya setakat darjah 3 dan selebihnya pendidikan di sekolah Jepun, namun Shaari mempunyai kelebihan tersendiri kerana dapat menguasai bahasa Jepun tulisan dan perbualan dengan agak baik sehingga kini. [51]

Pelajaran yang diajar adalah nyanyian, kerjatangan, bahasa Jepun, lukisan, latihan fizikal, ilmu hisab, pemahaman dan perkebunan. Walaupun pelajaran yang diperkenalkan berjumlah 8 namun kebanyakan sekolah hanya memberi tumpuan kepada pelajaran bahasa Jepun, nyanyian dan latihan fizikal. Bagi pembelajaran bahasa Jepun, pihak Jepun mencetak buku untuk digunakan di sekolah pada peringkat asas, pertengahan dan dewasa.[52] Bagaimanapun buku-buku yang dibekalkan tidak mencukupi yang mendorong pihak tertentu menulis dan menerbitkan buku bagi tujuan pembelajaran bahasa Jepun.[53] Usaha penerbitan buku ini antaranya diusahakan oleh Lt. K. Hani pegawai tentera laut Jepun di Pulau Pinang. Buku nahu bahasa Jepun ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh seorang pegawai Pejabat Pelajaran Pulau Pinang. Selain aktiviti mempelajari bahasa Jepun, murid-murid sekolah juga diajar menyanyi lagu Jepun dan menjalankan latihan fizikal seperti melakukan senaman dan berkawad. Lagu wajib yang dinyanyikan setiap pagi ialah lagu kebangsaan Jepun "Kimigayo" selain lagu-lagu yang memuja kebesaran Maharaja dan bangsa Jepun.[54] Disebabkan lagu-lagu ini dinyanyikan saban hari maka kebanyakan individu yang pernah belajar pada zaman pemerintahan Jepun masih dapat

[51] Temubual dengan Encik Shaari Saad, 74 tahun seorang penduduk di Kampung Sedaka, Yan Kedah pada 15 Februari 2005.
[52] *Malai Sinpo*, 23 April 1943.
[53] Lihat Abu Talib Ahmad, *The Malay Muslim, Islam dan The Rising Sun*, m.s. 57.
[54] Temubual dengan Hj. Ahmad Hj. Hashim dan Hj. Osman Bakar daripada Koleksi Sejarah Lisan Arkib Negara Malaysia berjudul *Gebang-Gebang Jepun* bertarikh 26 September 1994.

menyanyikannya sehingga masa kini. Keadaan ini menggambarkan salah satu daripada kesan pendidikan yang mereka telah terima. Jepun menggunakan pendekatan menyanyi bagi menanam pengaruh dan unsur propaganda kepada pelajar sekolah.[55] Bagi memenuhi falsafah "*respect for labour*" dan menyahut kempen "*grow more food*" pelajar juga diajar pelajaran perkebunan dengan menggunakan kawasan lapang di sekeliling sekolah. Namun hasrat Jepun ini dipertikaikan oleh sesetengah pelajar yang berpendapat tujuan sebenar Jepun menggalakkan aktiviti pertanian adalah bagi mengatasi masalah kekurangan makanan yang berpunca daripada peperangan. Imej pentadbiran tentera Jepun akan merosot dan jatuh jika masalah kekurangan makanan ini tidak dapat diatasi.[56]

Pengajaran dan penggunaan bahasa Jepun di sekolah amat diutamakan kerana mempelajari dan menguasai bahasa Jepun dianggap satu cara bagi seseorang menerapkan budaya Jepun selain mendapat pendidikan lebih baik, peluang ekonomi dan hubungan luar selain membantu menjadikan Jepun sebagai sebuah kuasa agong.[57] Walaubagaimanapun bahasa Melayu dan Tamil masih dibenarkan penggunaannya sebagai bahasa sampingan. Bahasa pengantar yang digunakan di sekolah adalah seperti berikut :

Sekolah Melayu - Bahasa Melayu dan Jepun

Sekolah Tamil - Bahasa Jepun dan Tamil

Lain-Lain Sekolah – Bahasa Melayu dan Jepun

Bahasa Jepun mendapat tempat pada semua jenis sekolah dan organisasi seperti yang digambarkan oleh Dr. T.J. Danaraj :

---

[55] Temubual dengan Encik Shaari Saad; lihat juga Shaballah Zainal Abidin,"Pendidikan dan nyanyian di zaman Jepun di Perlis sebagai satu propaganda" dalam Abu Talib Ahmad, *The Malay Muslim, Islam and The Rising Sun*, m.s. 54-55.

[56] Temubual dengan Tan Sri Aziz Tapa .

[57] The *Syonan Sinbun*, 23 Jun, 1943. Lihat juga Yoji Akashi, Japanese Cultural Policy, m.s. 119.

> *"in the school, children were brought up Emperor worship and taught Japanese language , music and song. English was replaced by the Japanese language as the primary language of instruction in school and it became a major subject in teacher training institutions. All official correspondence was in Nippon-Go and Japanese classes were held in government offices. Newspaper through their columns taught the public Japanese words and phraseology. Japanese katakana replaced English on all signboards of business premises, restaurant, cinemas and other public building".* [58]

Ini tidaklah menghairankan kerana hasrat Jepun adalah menjadikan bahasa tersebut *lingua franca* di Asia Tenggara. Objektif penting pengajarannya ialah untuk memberikan kemahiran dan kebolehan komunikasi kepada pelajar selain mengajar mereka asas menulis *katakana* dan membaca *hiragana.*

Hasrat Jepun tidaklah mudah dicapai kerana menghadapi berbagai masalah dan kekurangan. Suasana pengajaran dan pembelajaran di sekolah dipengaruhi oleh keadaan peperangan yang masih berlarutan. Masalah yang ketara timbul termasuk kekurangan guru yang terlatih, ketiadaan buku teks dan peralatan sekolah, kehadiran pelajar yang merosot serta tiada semangat belajar. Kekurangan guru terlatih untuk mengajar mempengaruhi kemajuan pendidikan semasa . Azahari Taib yang belajar bahasa Jepun di Sekolah Melayu di Sungai Korok, Alor Setar mengatakan Jepun terpaksa menggunakan khidmat askarnya yang tidak terlatih untuk mengajar bahasa Jepun. Mereka bersikap kasar dan tidak memahami kaedah mengajar. Pelajar hanya menumpukan perhatian semasa pengajaran kerana takutkan sikap mereka yang keras. Walau bagaimanapun Azahari mengakui bahawa

[58] Lihat T.J. Danaraj, *Japanese Invasion of Malaya and Singapore Memoirs of a Doctor* (Kuala Lumpur: Eagle Trading Sdn. Bhd., 1990) m.s. 117.

askar daripada angkatan laut Jepun lebih terpelajar dan lembut.[59] Guru juga tiada motivasi untuk mengajar kerana suasana pemerintahan Jepun yang buruk serta skim gaji yang rendah iaitu dalam lingkungan $50 sebulan. Terdapat kes di mana gaji yang mereka terima adalah lebih rendah dari masa sebelumnya. Sebilangan guru mengambil keputusan untuk berhenti mengajar bagi melakukan pekerjaan lain seperti bercucuk tanam bagi mengatasi masalah kekurangan makanan. Di Selangor misalnya, Cikgu Harun Yusof yang mengajar di sekolah Hulu Kelang memohon meletak jawatan kerana ingin pulang ke kampungnya di Batu Kikir Negeri Sembilan untuk mengerjakan tanahnya. Hal yang sama berlaku kepada Cikgu Md. Yasin Md. Ali yang bertugas di sekolah Dusun Tua. Beliau memohon meletak jawatan pada 1 September 1944 kerana ingin bercucuk tanam. Tiga orang lagi guru yang memohon meletak jawatan atas alasan yang sama ialah Cikgu Sulaiman Idris dari sekolah Sungai Lang, Cikgu Raja Hamzah Raja Jaafar dari sekolah Batu Laut dan Cikgu Zakaria Idris dari Sekolah Pasar Road.[60]

Masalah kekurangan bahan makanan dan penyakit turut memberi kesan kepada persekolahan. Tidak banyak tindakan yang diambil oleh Jepun bagi mengatasi atau mengurangkan masalah ini kerana tumpuan mereka ialah kepada pertahanan. Walau bagaimanapun sekolah tetap memainkan peranan sebagai pusat indoktrinasi yang mirip pusat latihan membina semangat daripada berfungsi sebagai pusat pengajian.[61] Perhatian

[59] Temubual dengan Tan Sri Azahari Taib pada 9 Januari 2005 dan temubual dengan Hj. Mohamad Jadi Lahom pada 3 Oktober 1988, Koleksi Sejarah Lisan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Hj. Mohamad Jadi pernah belajar bahasa Jepun selama 2 bulan di *Jokyo Shihan Gakko* di Melaka dan kemudiannya mengajar bahasa tersebut di Sekolah Melayu Jasin.

[60] Lihat fail Selangor Secretariat (*Syuseityo Kanbo*) 91/2602 , Establishment Lists Education Department Selangor- Statement of Resignation among Malai Teachers.

[61] Walaupun sekolah berjalan dalam keadaan serba kekurangan, namun soal disiplin dan *Seishin* tetap diberi perhatian penting. Hj. Abdul Rahman Hj. Osman yang mengajar di sekolah Seberang Perak (lelaki), Alor Setar semasa pendudukan Jepun menceritakan pengalamannya. Tugannya ialah mengajar nyanyian dan lakonan yang bertemakan memuja kebesaran Jepun dan meniupkan semangat anak muridnya. Setiap pagi mereka berbaris, tunduk hormat kepada bendera Jepun yang mengadap matahari terbit sambil menyanyi lagu kebangsaan Jepun kimigayo. Setiap bulan beliau akan membawa pelajarnya ke kubur askar-askar Jepun yang

utama diberi kepada pembentukan disiplin dalam kalangan pelajar dengan penekanan kepada sikap menghormati guru dan golongan yang lebih tua. Apabila guru atau pegawai tentera memasuki kelas, ketua kelas hendaklah mengarahkan semua murid supaya berdiri memberi hormat sehingga menerima arahan duduk. Arahan disampaikan dalam bahasa Jepun "*kiritsu*" (bangun), "*rei*" (tunduk hormat) dan "*chakuseki*" (duduk). Penerapan nilai-nilai disiplin aia Jepun ini dianggap penting dalam membentuk perwatakan pelajar.[62] Pelajar juga perlu menunjukkan rasa hormat kepada guru dengan tunduk hormat kepadanya apabila bertemu. Ketua inspektor sekolah menekankan pentingnya perkara ini :

> *"Boys and girls are to be trained strictly in accordance with the lofty spirit of Nippon etiquette and righteousness in future. All schools that emphasizes that Nippon Zin always show respect to their parent and elders. Customs, environment and education contribute to the shaping of fidelity and kindness".* [63]

Jadual waktu di sekolah diisi dengan acara berbaris, *saikere*, senaman *taisho*, menyanyi dan belajar bahasa Jepun. Pelajaran lain yang sepatutnya dipelajari gagal diajar secara sempurna kerana masalah kekurangan guru dan peralatan. Jepun berpendapat dalam suasana mereka masih menghadapi tentangan dari dalam dan luar negeri sokongan rakyat tempatan amatlah diperlukan. Sokongan ini dapat dijana melalui indoktrinasi sistem persekolahan. Percubaan Jepun untuk menerapkan nilai murni dan sikap berdisiplin dalam kalangan pelajar merupakan satu langkah yang baik namun sesuatu yang bertentangan dengan amalan mereka. Seorang penulis, Mohd. Yusof Hassan berkata Jepun bersikap,"cakap tidak serupa

---

terletak di Seberang Perak dan melakukan penghormatan dengan menyanyi dan tunduk hormat. Mengikut pemerhatiannya juga, ramai guru terpaksa melakukan pekerjaan sambilan kerana gaji yang tidak mencukupi. Temubual dengan Hj. Abdul Rahman Hj. Osman dalam siri wacana *Gebang-Gebang Jepun* anjuran Arkib Negara Malaysia, Alor Setar, 26 september 1994.

[62] Yoji Akashi,"Japanese Cultural Policy in Malaya and Singapore 1942-45" dalam Grant K. Goodman (ed.), *Japanese Cultural Policies in Southeast Asia During World War Two* (London: Mac Millan, 1991) m.s. 126.

[63] *The Syonan Times*, 8 Oktober, 1942.

bikin" kerana mereka mahukan rakyat berdisiplin dan menghormati orang lain tetapi mereka sendiri tidak menghormati masyarakat tempatan dengan berkelakuan ganas dan bertindak sumbang, walaupun perbuatan sumbang ini tidak melibatkan semua orang Jepun tetapi ianya menjejaskan imej baik mereka yang ingin mengubah sikap masyarakat Melayu. Budaya kasar dan bengis yang dibawa Jepun jauh bertentangan dengan budaya masyarakat tempatan. Fenomena ini memberi kesan negatif kepada proses pendidikan yang dijalankan.[64] Bagi penyelidik, Jepun gagal mempelajari budaya dan adat resam masyarakat Melayu sebelum mereka menjalankan dakyah mempengaruhi rakyat. Berdasarkan pengalaman British, masyarakat Melayu lebih mudah dipengaruhi dengan cara diplomasi dan pendekatan berlembut berbanding dengan cara yang kasar.

Guru juga bertugas dalam keadaan yang tertekan di bawah pentadbiran Jepun. Mereka diperingatkan tentang tugas pengajaran yakni menjadi alat propaganda Jepun. Tugas mereka telah ditentukan bagi mencapai matlamat Jepun (Lihat Lampiran 1). Pada peringkat permulaan, kebanyakan guru hanya mempunyai pengetahuan bahasa Jepun yang baik sedikit sahaja daripada murid yang diajarnya. Ini berlaku kerana mereka dilatih dan diberi kursus bahasa tersebut secara tergesa-gesa dan dalam tempoh yang singkat. Walau bagaimanapun kerana patuh kepada arahan pihak berkuasa mereka terpaksa juga menjalankan tugas. Suasana peperangan yang masih berlarutan turut memberi kesan kepada pembukaan semula sekolah dan unjuran kemasukan pelajar. Bagi ketiga-tiga jenis sekolah vernakular yang telah beroperasi sebelum zaman perang, kadar pembukaan semula adalah menurun.[65]

---

[64] Lihat Mohd. Yusof Hassan, "Implikasi Pemerintahan Jepun" *Buku Cenderamata Minggu Sejarah Kedah*, Alor Setar 250 tahun (1735-1985) (Alor Setar: Kerajaan Kedah,1990).

[65] Lihat Lampiran 1 berjudul : Statistik Pembukaan Semula Sekolah Rendah Pada Bulan Jun 1943. Sumber: *Directives Concerning the Appellation of Primary Schools and Subjects*, July 27, 1943. Malay Kan Bo. 234.

Pada bulan Jun 1943, sekolah Melayu (Sekolah Awam) yang dibuka semula di Tanah Melayu dan Singapura berjumlah 905 berbanding 1206 buah sekolah sebelumnya. Sekolah Melayu persendirian pula berjumlah 43 sebelum perang tetapi jumlah ini berkurangan kepada 34. Keseluruhannya kedua-dua jenis sekolah ini berjumlah 1249 pada masa sebelum perang tetapi pembukaan semula hanya melibatkan 939 buah iaitu pengurangan sebanyak 25%. Sekolah Cina pula (sekolah awam) berjumlah 8 buah sebelum perang dan meningkat kepada 174 buah semasa pemerintahan Jepun. Peningkatan ini adalah disebabkan dasar Jepun yang hanya membenarkan sekolah Cina beroperasi sebagai sekolah awam.

Sekolah Cina persendirian sebelum perang berjumlah 1566 tetapi pembukaan semula sekolah jenis ini mengalami penurunan yang besar. Semasa pentadbiran Jepun jumlahnya hanya tinggal 34 yakni pengurangan sebanyak 98%. Keseluruhannya semasa pentadbiran Jepun, hanya 208 buah sekolah China yang beroperasi. Pengurangan bilangan sekolah Cina yang dibuka semasa pentadbiran Jepun ini adalah disebabkan dasar Jepun yang mengharamkan pembukaan dan penggunaan bahasa Cina khususnya di sekolah persendirian. Sekolah Tamil turut terjejas walaupun mengalami kemerosotan yang tidak begitu besar. Sekolah Tamil (awam dan persendirian) sebelum perang berjumlah 932 dan jumlah yang dibuka semula 680 buah yakni pengurangan sebanyak 27 %.

Sekolah Inggeris pula menerima kesan paling buruk. Semasa pentadbiran Jepun tiada langsung sekolah Inggeris yang dibuka berikutan dasar Jepun yang amat keras terhadap sekolah dan bahasa Inggeris. Sebelum perang jumlah sekolah Inggeris 275 yang terdiri daripada 49 buah sekolah awam dan 226 sekolah persendirian. Sekolah Jepun pula

---

From Samubucho (Chief of General Affairs department) to mayor and Governors).Statistic 1A, Appendix dalam Yoji Akashi,"Education and Indoctrination Policy".

mengalami pertambahan yang ketara. Sebelum perang hanya terdapat sebuah sekolah awam Jepun tetapi bilangannya meningkat secara mendadak kepada 226. Jumlah sekolah persendirian Jepun pula tidak mengalami perubahan, terdapat 2 buah sebelum perang dan jumlah itu kekal selepasnya. Keseluruhannya jumlah sekolah Jepun telah meningkat daripada 3 buah semasa sebelum perang kepada 228 buah selepas itu.

Pengurangan jumlah sekolah yang dibuka memberikan kesan kepada kemasukan pelajar. Angka yang diperolehi daripada beberapa negeri menunjukkan secara jelas kadar pengurangan dalam kemasukan pelajar ke sekolah. (Lampiran 11). Walaupun terdapat juga peningkatan jumlah pelajar bagi negeri tertentu tetapi secara keseluruhannya jumlahnya merosot. Jumlah pelajar sekolah Melayu bagi Singapura, Johor, Negeri Sembilan,Selangor, Perak dan Pulau Pinang sebelum perang adalah seramai 100,950 orang. Angka ini merosot kepada 73,198 pada tahun 1943 dan meningkat sedikit kepada 75,732 bagi tahun berikutnya 1944. Kemerosotan lebih ketara berlaku di sekolah Cina. Bagi negeri yang sama , jumlah pelajar Cina sebelum perang adalah seramai 126,936 orang. Jumlah ini telah merosot dengan teruknya kepada 32,482 orang pada tahun 1944. Sekolah Tamil juga mengalami keadaan yang sama. Jumlah penuntut bagi negeri yang sama kecuali Selangor sebelum perang seramai 22,916 orang. Jumlah ini telah berkurangan kepada 13,227 pada tahun 1944. Pengurangan jumlah pelajar di sekolah-sekolah ini memberi kesan kepada kemajuan pendidikan semasa dan jelas menunjukkan bahawa pendidikan bukanlah merupakan keutamaan yang penting bagi masyarakat ketika itu.

Pendidikan menengah dan teknikal

Dasar Jepun terhadap pendidikan menengah berbeza dengan amalan sebelumnya kerana penekanan yang diberikan kepada pendidikan teknik dan kemahiran bagi melahirkan

tenaga mahir untuk memenuhi keperluan sektor pekerjaan. Semasa pemerintahan British, sekolah menengah merupakan sekolah Inggeris yang jumlahnya amat terhad dan menerima pelajar dari kalangan yang terpilih sahaja.[66] Jepun menukar sekolah ini menjadi sekolah teknik dan vokasional yang menyediakan latihan kemahiran. Sekolah seumpamanya juga diwujudkan oleh pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri.[67] Jepun berpendapat pendidikan teknik dan kemahiran berkait rapat dengan kemajuan ekonomi. Dr.Kozo Ando semasa berucap mewakili Gabenor Shonan merasmikan pembukaan Sekolah Pertukangan yang pertama di Singapura mengucapkan tahniah kepada 50 orang pelatih yang terpilih mengikuti kursus dan menyatakan bahawa:

> "Buruh adalah kerja yang mulia. Bidang teknik adalah penting kepada kemajuan negara. Semasa Inggeris memerintah, mereka tidak menggalakkan pendidikan teknik kerana mereka yang membekalkan tenaga mahir dan barangan siap. Keadaan ini telah memberi kesan buruk kepada penduduk Tanah Melayu. Mereka kekurangan kemahiran teknikal dan gagal menceburi bidang industri. Kini Jepun memberi peluang kepada mereka mendapatkan latihan kemahiran bagi menyumbang kepada pembinaan kawasan kemakmuran bersama Asia Timur".[68]

Semua rakyat berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat ini tanpa mengira latar belakang sosial mereka. Menurut Halinah Bamadhaj, sistem Jepun lebih baik berbanding British yang hanya memberi peluang kepada golongan bangsawan melanjutkan pelajaran pada peringkat menengah.[69] Sungguhpun begitu dari segi perancangan tiada suatu proses kesinambungan yang teratur dari peringkat sekolah rendah ke menengah. Hal ini disedari

---

[66] Hanya sebilangan kecil penuntut Melayu yang tamat Sekolah Melayu akan diberi peluang melanjutkan pelajaran di Government English School atau sekolah persendirian. Pemilihannya amat ketat. Pelajar berpeluang belajar sehingga peringkat Junior Cambridge dan Senior Cambridge. Dengan kelulusan ini mereka boleh memohon berkhidmat dengan kerajaan.

[67] Directives Concerning Education, Appendix: Yoji Akashi, "Education and Indoctrination Policy".

[68] *The Syonan Sinbun*, 3 Februari 1943.

[69] Halinah Bamadhaj, "Japanese Occupation of Malaya".

oleh Tunku Abdul Rahman Putera, Penguasa Pelajaran Kedah dan beliau mengesyorkan kepada Jepun supaya menubuhkan Sekolah Tinggi Melayu supaya bekas pelajar sekolah Melayu tidak kehilangan arah tujuan dan dapat menyambung pengajian mereka. Tunku mencadangkan sekolah ini mengajar pelajaran bahasa Melayu, Siam, Ilmu Alam dan Ilmu Hisab.[70] Cadangan Tunku ditolak kerana bertentangan dengan dasar Jepun. Tujuan sebenar Jepun menggalakkan pendidikan teknik dan kemahiran ialah bagi menampung keperluan tenaga mahir yang diperlukannya dalam menghadapi peperangan bukannya hendak memikirkan nasib lepasan sekolah Melayu. Di Kepala Batas Alor Setar pusat latihan membaiki badan dan enjin kapal terbang telah dibuka bagi melatih aperantis membaiki kapal terbang kerana Jepun tidak boleh semata-mata mengharapkan tenaga askarnya.[71]

Bagi menyediakan pendidikan teknik dan kemahiran seperti yang dirancang sejumlah sekolah atau pusat latihan yang berkaitan didirikan. Singapura yang mendapat perhatian Jepun semasa pentadbirannya mempunyai tidak kurang daripada 6 buah sekolah teknik yang menyediakan latihan bagi melahirkan juruteknik, mekanik, juruelektrik, jurutera mekanikal dan mekanik penerbangan.[72] Antaranya ialah sekolah Latihan Nautikal yang dibuka pada Februari 1943.[73] Pada 1 April 1943 *Syonan Kogyo Gakko* (Sekolah Teknik Syonan) telah dibuka dengan mengambil 100 orang pelajar dan menyediakan kursus selama 4 tahun. Pengambilan dibuat melalui peperiksaan yang diadakan meliputi

[70] Lihat surat Tunku Abdul Rahman kepada Setiausaha Kerajaan Kedah Secretary./138/86 bertarikh 23 November 2486.
[71] Temubual dengan Tan Sri Azahari Taib
[72] Lapuran yang dipetik daripada *The Syonan Sinbun*, 22 Mac, 1943.
[73] Sekolah ini telah mengambil seramai 200 orang pelatih bagi pengambilannya yang pertama. Separuh daripada jumlah tersebut akan mengikuti kursus mekanikal manakalan sebahagian lagi bagi kursus dek kapal. Ia disertai oleh kumpulan belia yang berumur di antara 18-27 tahun dan dijangka mengambil masa selama 4 bulan. Apabila tamat mereka berpeluang bekerja dalam bidang perkapalan. Lihat *The Syonan Sinbun*, 3 Februari, 1943. Sementara itu, *The Syonan Sinbun* bertarikh 27 Mac 1943 melaporkan bahawa seramai 121 orang pelatih dari Selangor telah dihantar bagi mengikuti latihan di sini. Sebelum dipilih calon-calon telah diuji dari segi kecergasan dan sikap. Majoriti yang terpilih adalah orang Melayu dan India. Apabila tamat menjalani latihan, mereka dijangkakan dapat bekerja dengan angkatan laut.

pelajaran matematik, bahasa Jepun dan ujian kecergasan.[74] Bertempat di Queen Street, sebuah sekolah pertukangan *Nippon Go Kyushu-jo* telah didirikan untuk menyediakan latihan kemahiran dan bahasa Jepun kepada pelajar-pelajar yang berumur 14 tahun ke atas. Pegawai yang bertanggungjawab dalam pentadbiran sekolah ini ialah Tsugiyoshi Torii, seorang pegawai bahagian pendidikan di Pejabat Pentadbiran Tentera Jepun. Beliau menyatakan kehadiran di sekolah pertukangan adalah baik walaupun menghadapi masalah kekurangan buku teks teknikal dan peralatan yang bersesuaian. Bagi mengatasi masalah pertama, beliau telah menulis 2 buah buku yang berkaitan untuk digunakan. Peralatan serta tenaga pengajar pula diperolehi daripada pihak tentera. Sebahagian besar daripada pelatih sekolah ini telah mendapat pekerjaan sebagai kakitangan awam dengan pihak tentera darat, laut dan udara.[75]

Bekas taman hiburan *Happy World Park* juga diubahsuai menjadi sekolah latihan kapal terbang bagi melatih juruteknik kapalterbang. Menjelang 1 April 1943, kumpulan kedua seramai 250 orang memasuki sekolah ini. Latihan di sekolah ini menggabungkan pelajaran teknik, latihan jasmani dan bahasa Jepun. Pelajar-pelajar dijanjikan peluang menyambung pengajian mereka ke Jepun jika berjaya menunjukkan kecemerlangan.[76] *Syonan Shinbun* bertarikh 17 Februari 1943 melaporkan bahawa sebuah sekolah aperantis telah didirikan di Pengkalan Tentera Laut Seletar yang bertujuan melatih aperantis untuk berkhidmat dengan perkhidmatan ketenteraan dan awam yang amat diperlukan oleh Jepun. Pada peringkat permulaan seramai 240 orang belia yang berumur di antara 14 hingga 18 tahun dipilih menyertai latihan ini. Selain mempelajari bidang kemahiran secara khusus,

[74] *The Syonan Sinbun*, 17 Mac, 1943.
[75] Harold E. Wilson, *Educational Policy and Performance in Singapore*, 1942-1945, Occasional Paper No. 16, Institute of Southeast Asian Studies, 1973, m.s. 20.
[76] *The Syonan Shinbun*, 22 Mac 1943.

pelatih juga diajar bahasa Jepun, matematik dan latihan kawad. Bidang telekomunikasi juga mendapat perhatian pihak Jepun. Sebuah sekolah latihan dalam bidang ini dibuka pada Disember 1943.[77]. Skim aperantis bagi tujuan menampung tenaga kerja tentera Jepun ini juga diwujudkan di Alor Setar, Kedah yang melibatkan 300 belia yang dilatih sebagai mekanik kapal terbang di lapangan terbang Kepala Batas, Alor Setar. Salah seorang belia yang menyertai skim ini ialah Azahari Taib. Mereka dilatih memperbaiki badan dan enjin kapalterbang selain mempelajari bahasa Jepun dan menjalani latihan fizikal. Daripada semua pelatih seramai 15 orang telah terpilih untuk menjalani latihan lanjutan sebagai pegawai di Kelab Kedah termasuk Azahari. Setelah lulus beliau dilantik sebagai *Tai Cho* dan berkhidmat dengan Jepun di Jitra. Beliau menerima elaun tambahan sebanyak $15 sebulan kerana menguasai bahasa Jepun dengan baik. [78]

Sekolah latihan teknik dalam beberapa bidang juga diwujudkan. *Railway Training School* dibuka pada bulan Jun 1943 di Sentul, Kuala Lumpur. Sekolah ini menyediakan latihan 3 dan 5 bulan dalam bidang kejuruteraan keretapi.[79] Di Pulau Pinang, sebuah sekolah teknik yang menyediakan kursus dalam bidang elektrik telah ditubuhkan pada bulan Mei 1942 yang menyediakan kursus selama 2 tahun dalam bidang berkaitan. Sekolah Tinggi Teknik *(Higher Technical School)* telah diwujudkan di Kuala Lumpur pada

[77] Laporan *Malai Sinpo* bertarikh 5 November 1943 mengatakan bahawa sekolah ini akan mengambil seramai 70 orang pelatih. Mereka perlu menjalani latihan setahun dalam bidang *Tusinka* (kursus operasi) dan *Gizyuka* (kursus kejuruteraan). Semua perbelanjaan mengikuti latihan ini akan ditanggung dan pelatih diberi elaun pada kadar tertentu. Pelatih-Pelatih yang tamat mengikuti latihan dijanjikan berkhidmat dengan Jabatan Telekom dengan gaji bulanan tidak kurang daripada $40. Mereka juga berpeluang menyambung latihan ke sekolah tinggi atau pergi belajar ke Jepun.

[78] Temubual dengan Tan Sri Azahari Taib

[79] Sekolah Latihan Keretapi ini menyediakan latihan kepada para belia yang berumur di antara 14-35 tahun selama 2-6 bulan. Semua perbelanjaan latihan ditanggung dan pelatih akan dibayar elaun harian sebanyak 70 sen. Apabila tamat latihan mereka akan dipertimbangkan bekerja dengan Jabatan Keretapi dengan gaji di antara $ 1 ke $ 1.50 sehari. Pelatih yang lulus dengan baik akan ditawarkan peluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. *Malai Sinpo*, 21 Jun 1944.

pertengahan tahun 1942, menyediakan latihan teknikal pada peringkat tinggi selama 3 tahun.[80]

Bagi melaksanakan dasar menambah keluaran makanan atau *grow more food*, pihak Jepun juga membuka beberapa buah sekolah atau pusat latihan dalam bidang pertanian selain mengekalkan Sekolah Pertanian Serdang yang telah beroperasi sejak zaman pentadbiran British. Sekolah ini bertujuan melatih pelajar atau belia dalam bidang pertanian dan penternakan. Di negeri Perak terdapat 2 buah pusat latihan pertanian yang bertujuan memberi latihan kepada anak-anak pesawah tentang teknologi tanaman padi ditubuhkan di Kerian dan di utara Perak. Pusat latihan ini menyediakan latihan selama 4 bulan dalam bidang berkaitan. Pegawai pertanian di setiap daerah di Perak diarah mengenalpasti dan mencadangkan calon yang bersesuaian bagi mengikuti latihan tersebut.[81] Di Kedah sebuah pusat latihan pertanian diwujudkan di Telok Chengai bagi memberi latihan kepada para pesawah padi. Penubuhan pusat latihan ini selaras dengan hasrat Jepun untuk meningkatkan pengeluaran padi di negeri tersebut. Tan Sri Mohamad Jamil yang bersara sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia pernah menjadi Timbalan Pengarah Pusat Latihan Pertanian ini.[82] Di pusat latihan ini Mohamad Jamil berkhidmat di bawah pegawai Jepun yang bernama Ijima, beliau mengajar pelatih tentang tanaman padi dan latihan berkawad. Tujuan Jepun mewujudkan pusat latihan ini ialah untuk memperkenalkan teknik baru tanaman padi bagi meningkatkan hasilnya memandangkan Kedah merupakan negeri pengeluar padi yang utama. Mohamad Jamil

---

[80] Yoji Akashi, "Education and Indoctrination Policy", Document 11- A List of School Operated by the Japanese.

[81] Lihat fail Pejabat Tanah Batu Gajah, Perak bil. 111/03. Farm School No. 1 S.A.O. Pk 49/03. Fail ini mengandungi pemberitahuan dan arahan daripada *Sangyobu-Nomu-Ka* Perak kepada Pegawai Pertanian Kinta yang memberitahu tentang cadangan mewujudkan 2 buah pusat latihan pertanian kepada anak-anak pesawah padi. Pegawai Pertanian diminta untuk mencalonkan pelatih yang sesuai ke pusat ini.

[82] Temubual dengan Tan Sri Dato' Mohamad Jamil pada 27 September 2005 di rumahnya No. 6 Jalan Damai 7, Ampang, Kuala Lumpur .

berpendapat rancangan Jepun melatih petani dalam bidang pertanian adalah baik tetapi sukar dilaksanakan kerana berbagai masalah dan tiada berkesudahan. Secara peribadi beliau mendapat pengalaman menarik berkhidmat sebagai pegawai tanaman dan mata-mata padi.[83]

Di Selangor, terdapat 2 buah sekolah pertanian didirikan iaitu Sekolah Latihan Tanam-Tanaman di Jalan Swettenham, Kuala Lumpur manakala sebuah lagi ialah Sekolah Latihan Pertanian (*Selangor Nomin Kunrensho*) di Jalan Ipoh. Sekolah latihan tanam-tanaman menyediakan latihan selama 6 bulan untuk belia yang berumur 16-25 tahun. Hanya 50 pelatih diambil mengikuti kursus di sini dan latihan bermula pada awal bulan Oktober 1944. Pelatih-Pelatih yang menamatkan latihan di sini akan dilantik sebagai ketua kampong.[84] Sekolah latihan pertanian pula yang terletak 5 batu dari Kuala Lumpur dirasmikan pada 18 November 1944 oleh Gabenor Selangor Lt. General Shotaro Katayama. Dalam ucapannya beliau mengharapkan para pelatih akan belajar bersungguh-sungguh bagi membantu Selangor menambah pengeluaran makanannya. Menurutnya lagi pada zaman British tumpuan lebih diberikan kepada tanaman getah tetapi Jepun memberi penekanan kepada tanaman makanan. Sekolah pertanian ini mempunyai beberapa kemudahan latihan seperti ladang seluas 200 ekar dan kandang ternakan. [85]

Hasrat Jepun memberi pendidikan teknik dan kemahiran kepada rakyat adalah baik berbanding British namun matlamat menyediakan mereka dengan kemahiran untuk bekerja dalam sektor industri gagal dicapai kerana tiadanya perancangan yang teratur. Bagi

---

[83] Temubual dengan Tan Sri Mohamad Jamil. Beliau mendapat pendidikan agama, sekolah Melayu, Inggeris dan Jepun. Setelah lulus Senior Cambridge di Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar beliau berkhidmat sebagai kerani Jabatan Pertanian Kedah pada 1939. Semasa Jepun beliau berpeluang menjalani latihan di Shonan *Koa Kunrenjo* dan kembali bertugas sebagai Timbalan Pengarah Pusat Latihan Pertanian di Teluk Cengai selama dua tahun. Pada tahun 1950 menyambung pengajian dalam bidang pertanian di Trinidad peringkat Diploma dan memperolehi ijazah dari Universiti Montreal Kanada dalam bidang Sains Pertanian pada tahun 1953. Beliau berkhidmat sehingga bersara di Jabatan Pertanian Malaysia.

[84] *Perubahan Baharu*, 11 September 1944.

[85] *Malai Sinpo*, 19 November, 1944.

mendapatkan pendidikan peringkat menengah, pelajar perlu menghabiskan persekolahan peringkat rendah dengan sempurna sebagaimana amalan pada zaman British yang hanya memilih kalangan yang layak untuk menyambung pengajiannya. Jepun sebaliknya memberi peluang yang lebih terbuka dan mudah kepada seseorang untuk menyambung pengajian ke peringkat menengah kerana tujuannya ialah mendapatkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir dan bukannya untuk berkhidmat sebagai pegawai dalam pentadbiran negeri seperti yang dilakukan British. Walau bagaimanapun tahap keyakinan rakyat terhadap kemudahan pendidikan dan latihan yang disediakan Jepun adalah rendah memandangkan peluang yang terhad dan berbagai kekurangan yang ada.

Latihan guru

Pendidikan guru dianggap penting kerana peranan yang dimainkan oleh golongan ini untuk mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Jepun. Sebaik sahaja Jepun memerintah, arahan dikeluarkan supaya semua guru yang berkhidmat sebelumnya mendaftar untuk dilantik semula ke jawatan asal setelah Jepun berpuashati dengan guru berkenaan. Jepun mengeluarkan arahan supaya pihak berkuasa negeri dan tempatan mengadakan kursus khas perguruan kepada guru berkenaan dengan tumpuan kepada pembelajaran bahasa Jepun. Kursus normal yang dijalankan ini ditujukan kepada 2 golongan sasaran iaitu kepada guru dan bakal guru. Pihak berkuasa negeri dan tempatan mengambil inisiatif mewujudkan pusat latihan ini. Di Johor dan Negeri Sembilan kursus normal melatih semula guru memakan masa 3 bulan. Di Melaka, Kedah dan Pulau Pinang pula latihan ini hanya diberikan kepada guru-guru yang baru bertugas mengambil masa selama 3 bulan kecuali di Melaka, selama 2 bulan. Di Perak pula, kelas normal dibahagi kepada 2 bahagian iaitu kursus 3 bulan untuk guru yang telah lama mengajar manakala guru baru dikehendaki mengikutinya selama 6

bulan. Peluang menyertai latihan guru ini terbuka kepada mereka yang berumur di antara 18-50 tahun. Satu ujian pemilihan yang dihadiri oleh hampir 400 orang diadakan di bekas Sekolah Convent Ipoh. Mereka yang berjaya dalam ujian ini ditawarkan memasuki *Perak Nippon Go Kyoin Yosei-Jo.*[86] Salah seorang yang pernah berkhidmat di Pusat Latihan Guru Perak ini ialah Tun Hamdan Sheikh Tahir. Sekembali daripada menjalani latihan di *Syonan Koa Kunrenjo*, beliau dihantar bertugas di sini sebagai Guru Penolong Kanan kepada Pengetuanya S. Banno.[87] Di Singapura pusat latihan guru hanya ditubuhkan pada Oktober 1943 sementara di Selangor, Sekolah Latihan Guru diadakan di Sekolah Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Menjelang bulan November 1944, sebanyak 4 kumpulan guru berjaya menamatkan latihan di sini.[88]

Pada April 1943, *Gunseikambu* mengeluarkan arahan yang lebih jelas berkaitan dasar dan rancangan latihan guru.[89] Latihan normal kelas dipertanggungjawabkan kepada pihak berkuasa negeri dan tempatan. Kursus-kursus yang disediakan dibahagi kepada 3 kategori iaitu *regular, training dan seminar.* [90] Kursus yang diberi perhatian adalah pada peringkat *training* bagi melatih guru di sekolah rendah. Kursus yang memakan masa 3-6 bulan ini mengandungi pelajaran seperti bahasa Jepun, kesenian (nyanyian, lakonan dan tarian Jepun), geografi, sejarah ringkas Jepun dan Asia Timur Raya. *Seishin* juga

---

[86] *The Perak Times*, 6 September, 2602 (1942).

[87] Mohd. Nor Long, *Tun Hamdan Guru Sepanjang Hayat* (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., 1999) m.s.49-51. Terdapat juga 2 orang tokoh terkenal tanah air yang pernah mengikuti kursus di sini. Mereka ialah Aminuddin Baki (bekas Ketua Penasihat Pelajaran) dan Abdullah Ayob (bekas Ketua Setiausaha Negara) .

[88] Pada 10 November 1944, kumpulan keempat pelatih yang terdiri daripada seramai 78 orang guru telah menamatkan latihan mereka di sini. Daripada jumlah tersebut, 40 orang adalah pelatih lelaki dan selebihnya seramai 38 orang wanita. Hadir pada hari penyampaian sijil ialah Gabenor Selangor Shotaro Katayama.

[89] *Matter Relating to State (City) Normal Schools*, April 7, 1943, Sho Kan Nai No. 50. To governors and mayor. Appendix: Yoji Akashi,"Education and Indoctrination Policy", Document 5 .

[90] Kursus pada peringkat *regular* seperti yang dicadangkan akan memakan masa selama setahun dan setakat ini belum dijalankan lagi. Kursus yang diberi tumpuan ialah kursus *training* yang memakan masa 3 bulan. Kursus ini bertujuan melatih guru-guru sekolah rendah dalam bidang bahasa Jepun dan *Seishin.* Kursus bertaraf seminar dijalankan dalam masa yang lebih singkat, sebulan untuk melatih guru supaya mahir dalam bidang-bidang tertentu seperti kerja tangan, ekonomi rumah tangga dan jahitan.

ditekankan dalam kursus ini selain latihan jasmani, kawad, latihan *kendo* dan adat istiadat Jepun.[91] Objektif kelas normal ini ialah menanamkan pengetahuan dan nilai-nilai budaya Jepun kepada peserta dengan harapan mereka menyebarkannya kepada pelajar apabila kembali mengajar .

Pada bulan Jun 1943, pihak *Gunseikambu* mengeluarkan satu lagi arahan untuk mewujudkan Kelas Normal Melayu Peringkat Tinggi (*Malay Higher Normal School*).[92] Penubuhan pusat latihan guru peringkat tinggi ini adalah bagi membolehkan mereka mendapatkan pengetahuan bahasa Jepun yang lebih mendalam serta meningkatkan penghayatan *seishin.* Pada 1 Ogos, Sekolah Tinggi Normal dibuka di Singapura dengan penyertaan seramai 270 pelatih daripada seluruh Malaya. Kursus yang dijalankan memakan masa 6 bulan dengan penekanan kepada pembelajaran bahasa Jepun peringkat tinggi.[93] Dua bulan kemudiannya sekolah ini dipindahkan ke Kajang, Selangor. Pada bulan November 1944, kumpulan kedua pelatih yang memasuki sekolah ini menamatkan latihan mereka. Seramai 59 orang guru dari seluruh Malaya lulus dalam kursus yang diikuti.[94] Di Kuala Lumpur, Kelas Normal Peringkat Tinggi diadakan di Sekolah Bukit Nanas dan mula beroperasi pada 15 Oktober 1943. Kursus perguruan selama 6 bulan diadakan untuk guru

---

[91] Lihat keterangan Shaharom Husain, *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia). Shaharom Husain merupakan seorang guru lepasan *Sultan Idris Training College* dan mengikuti kursus normal kelas selama 3 bulan bertempat di Maktab Perguruan Singapura di Bangunan Sekolah Saint Joseph, Beras Basah Road. Tamat berkursus beliau mengajar bahasa Jepun di beberapa buah jabatan kerajaan di Johor.Sebagai guru, setiap bulan mereka dikehendaki hadir di Dewan Besar Bangunan panggung *Daitoa Cathay* untuk mendengar syarahan pegawai tentera Jepun. Bagi Shaharom walaupun syarahan-syarahan yang disampaikan ini merupakan propaganda Jepun namun ia dapat menjadi panduan dan perbandingan bagi anak negeri.

[92] *Decree Concerning the Establishment of the Malay Higher Normal School*, June 30, 1943. Nan Sokanrei No. 10. Nampogun Gunsei Sokambu (Superintendent- General's Office of Military Administration, Southern Expeditionary Forces) Appendix : Yoji Akashi, "Education and Indoctrination Policy", Document 6.

[93] *Malai Sinpo*, 22 Julai 1943.

[94] Daripada pelatih seramai 59 orang tersebut, 39 orang terdiri daripada Melayu, 11 China, 8 India dan seorang bangsa lain. 9 orang daripada mereka datangnya dari Selangor, 8 Syonan, 6 Johor, 7 Negeri Sembilan, 10 Perak, 8 Pulau Pinang dan 4 orang dari Pahang. Seramai 29 orang pula lulus dalam bidang ekonomi dan 30 orang dalam bidang ilmu tanaman. Antara pelatih tersebut, 3 orang daripadanya adalah merupakan bekas guru besar sementara yang lain adalah guru biasa. Lihat laporan *Perubahan Baharu*, 28-11-2604.

yang berumur di antara 20-25 tahun. Seramai 46 orang guru dipilih daripada seluruh Selangor untuk mengikuti kursus sesi pertama. Pelajaran yang diajar termasuk bahasa Jepun, geografi, sejarah, bacaan, karangan, tata bahasa dan pemahaman serta latihan fizikal. Pengetua sekolah ini ialah Y. Fushini, Pengarah Pelajaran Selangor dengan dibantu Arimoto. Terdapat 3 orang jurulatih Jepun di sekolah ini iaitu Puan Yuzawa, Shimizu dan N. Amamoto. [95]

Tumpuan melatih guru-guru tempatan dalam pengajian bahasa dan budaya Jepun bertujuan meningkatkan kemahiran mereka dalam penguasaan bahasa tersebut dengan harapan mereka berupaya menjalankan tugas mengajar dengan lebih berkesan. Terdapat juga segelintir guru yang mengambil inisiatif mempelajari bahasa Jepun secara persendirian memandangkan keperluannya. Mereka memulakannya dengan belajar bertutur secara mudah dengan rakan-rakan dan menulis huruf *katakana*. Kaedah ini sedikit sebanyak meninggalkan kesan kepada proses pembelajaran yang dilalui. Lama kelamaan penguasaan bahasa Jepun mereka menjadi bertambah baik.[96]

Latihan kepemimpinan

Dalam perancangannya untuk melaksanakan idea mewujudkan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur dan konsep persaudaraan sejagat pihak berkuasa Jepun mengambil inisiatif menubuhkan Institut Latihan Pemimpin-Pemimpin Muda (*Koa*

[95] *Malai Sinpo*, 14 Oktober, 1943.

[96] Temubual dengan Haji Radzi Ahmad pada 15 Mac 2005 di rumahnya No. 64, Taman Halban, Jitra, Kedah. Semasa pemerintahan Jepun Hj. Radzi mengajar di Sekolah Suka Menanti, Alor Setar. Disebabkan terpaksa mengajar bahasa Jepun, beliau mempelajarinya secara bersendirian dengan bantuan beberapa temannya. Jepun mengiktiraf kebolehannya dengan melantiknya sebagai jurubahasa apabila pegawai Jepun datang memberikan syarahan sebulan sekali di sekolahnya. Satu pengalaman lucu Hj. Radzi ialah apabila ia sekadar menterjemahkan ucapan pegawai Jepun mengikut citarasanya kerana ia beranggapan Jepun tidak memahaminya. Apabila pegawai Jepun menyebut, *" ware ware- wak, beliau mengatakan pisang abu, pisang awak"*.

Kunrenjo). Idea penubuhan institut ini dikemukakan Kolonel Watanabe Wataru, arkitek yang memainkan peranan penting dalam pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu buat beberapa ketika (1942-43). Sasaran pusat latihan ini adalah golongan belia berumur 17 - 25 tahun yang berpotensi untuk dilantik memegang jawatan pentadbiran dengan Jepun. Matlamat utama latihan yang dirancang adalah bagi melatih dan menanamkan semangat memperjuangkan cita-cita politik Jepun.[97] Hasrat Watanabe adalah supaya para kadet yang menerima latihan di sini akan tinggal bersama dengan mengenepikan sebarang perbezaan bangsa dan agama. Mereka dilatih fizikal dan mental tanpa mengambil kira latar belakang masing-masing.[98] Dengan menjalani latihan ini, mereka diharap menjadi pemimpin masa depan berjuang bersama-sama Jepun. Berikutan dengan itu 3 buah institut berkenaan telah diwujudkan di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang. Sepertimana British yang menubuhkan sekolah elit seperti Maktab Melayu Kuala Kangsar bertujuan melatih pegawai-pegawai tempatan dalam pentadbirannya, Jepun juga mempunyai hasrat yang sama cuma sistem dan kaedah latihan yang disediakan berbeza. Penubuhan sekolah elit oleh British lebih bersistem dan pengajian di sana mengambil masa lebih panjang berbanding *Koa Kunrenjo* yang lebih merupakan pusat latihan membina semangat. Sungguhpun begitu pada asasnya matlamat kedua-dua pihak adalah sama iaitu menyediakan pegawai yang mendukung cita-cita mereka.

Pemilihan dilakukan secara teliti dengan pelatih dicalonkan oleh pihak berkuasa setiap negeri.[99] Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang memohon untuk

---

[97] Lihat Yoji Akashi , "The Koa Kunrenjo, 1942-1945. A Case Study Of Cultural Propagation and Conflict Under The Japanese Occupation of Malaya" ,*Conference of Southeast Asian Studies*, 22-26 November 1977, Kota Kinabalu Sabah.

[98] Yoji Akashi, Koa Kunrenjo, m.s. 4.

[99] Di Selangor misalnya peperiksaan khas diadakan oleh Jabatan Pelajaran bagi memilih calon-calon yang akan dihantar berkursus ke Koa Kunrenjo. Kumpulan ke 2 dari negeri ini dihantar ke *Koa Kunrenjo* Melaka pada 22 Mei 1943. Mereka terdiri daripada Buyong Yasin (18), Y. Ezaki (19), Abdul Hadi Md. Noor (18),

menyertainya kerana minat dan tertarik dengan bentuk latihan yang disediakan.[100] Majoriti peserta adalah Melayu walaupun penyertaan juga terbuka kepada bangsa lain seperti Cina dan India. Sebahagian besar daripada mereka mendapat pendidikan yang baik (sekolah Inggeris) semasa sebelum perang.[101] Ramai juga yang berkhidmat dengan pentadbiran Jepun sebelum memasuki *Koa Kunrenjo*.[102] Latar belakang pendidikan Inggeris serta pengalaman berkhidmat dengan Jepun ini merupakan satu kelebihan bagi mereka semasa dipertimbangkan menyertai institut ini.

Shonan Koa Kunrenjo dibuka pada 15 Mei 1942 dan terletak di Upper Seranggon Road berhampiran bekas kubur askar Jepun. Pusat ini mengambil pelatihnya yang pertama seramai 82 orang (48 Melayu, 19 India, 15 Cina dan 2 Serani) pada 18 Mei 1942. Mereka dipilih daripada setiap negeri di Malaya dan Singapura dan dilatih selama 3 bulan secara

---

Aziz Baba (18), Baharom Abdul Basar (20), Jaafar Shamsudin (18), Basir Ariffin (22) dan Abdul Manan Jasmani (19). Mereka menjalani latihan selama 6 bulan. *The Syonan Sinbun*, 25 Mei 1943. Di Kedah pula pekeliling telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan negeri kepada setiap pegawai daerah supaya mencalonkan seorang calon yang bersesuaian dari daerah masing-masing untuk dihantar ke *Koa Kunrenjo* Melaka. Antara garis panduan yang diberikan ialah calon mestilah terdiri daripada belia yang sihat dan berakal cerdik. Mereka juga mestilah dijangkakan dapat menjadi pegawai kerajaan yang baik. Pemilihan terbuka kepada semua bangsa tetapi keutamaan hendaklah diberikan kepada Melayu.Kerajaan akan menanggung semua perbelanjaan dan memberi elaun bulanan sebanyak $ 20. Lihat fail kerajaan Kedah 93/02 . Nombor 71/93 / 2602 bertarikh 20-4-2603. Dari Pulau Pinang pula seramai 17 orang pelatih akan dihantar ke Melaka dan Singapura. Mereka terpilih daripada seramai 30 orang calon yang ditemuduga. 5 orang akan dihantar ke Shonan manakala 12 lagi ke Melaka. Mereka dibayar elaun $ 10 sebulan. *The Syonan Sinbun*, 6 Januari 1943.

[100] Antara pelatih yang memohon untuk menghadiri latihan di *Koa Kunrenjo* ini kerana keinginan mendapatkan pengalaman serta mempelajari bahasa Jepun ialah Hamdan (Tun) Sheikh Tahir. Hamdan merupakan bekas pelajar tahun 3 Raffles College di Singapura semasa kedatangan Jepun amat berminat mempelajari bahasa Jepun kerana hasratnya ingin menjadi guru. Hasrat Hamdan ini tidak sia-sia kerana selepas menjalani latihan di sini, kebolehannya dalam bahasa Jepun dan sukan amatlah baik. Mohd. Nor Long, *Tun Hamdan Guru Sepanjang Hayat* (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.,1999) m.s. 46-47.

[101] Pelatih-Pelatih seperti Tun Razak dan Ghazali Shafie adalah bekas penuntut Kolej Melayu Kuala Kangsar sementara Tun Hamdan merupakan bekas pelajar Sekolah Clifford. Di Kedah sebahagian besar pelatih adalah terdiri daripada bekas pelajar Sultan Abdul Hamid College seperti Tan Sri Khir Johari, Tan Sri Abdul Aziz Md. Zain dan Tan Sri Mohamad Jamil . Abdullah Hussain juga mendapat pendidikan sekolah Inggeris di Sekolah St. Michael dan Anglo Chinese School, Alor Setar.

[102] Di Kedah , seramai 5 orang calon kadet yang dihantar ke *Shonan Koa Kunrenjo* adalah terdiri daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Jepun. Mereka terdiri daripada Abdul Aziz Md. Zain, Kadet di Majlis Bandaran Alor Setar, Syed Agil Syed Hassan Barakhbah, Kadet di Mahkamah Tinggi, Zainal Abidin Osman, Jabatan Kewangan, Md. Khir Johari, Jabatan Percetakan dan Ahmad Abdul Rahman. Lihat fail SUK / Kedah 96/02. Di negeri-negeri lain, pelatih-pelatih seperti Tun Razak, Tan Sri Ghazali Shafie, Abdullah Hussein dan Koh Kam Watt juga merupakan kakitangan kerajaan yang berkhidmat dengan Jepun sebelum mengikuti latihan di sini. Yoji Akashi, *Koa Kunrenjo*...m.s. 5 .

intensif dalam pengajian Jepun dan bahasa , latihan fizikal dan disiplin.[103] *Koa Kunrenjo* di Melaka kemudiannya dibuka pada Februari 1943. Sehingga pertengahan tahun 1944 kedua-dua buah pusat latihan ini telah mengeluarkan 650 pelatih.

Para pelatih tinggal bersama dalam asrama tanpa mengambikira latar belakang sosial masing-masing. Mereka dikenakan peraturan dan disiplin yang amat ketat mirip kepada kehidupan tentera. Menurut Halinah Bamadhaj cara Jepun menempatkan para pelatih dalam bilik asrama yang sama berbeza dengan British yang memisahkan mereka mengikut status sosial.[104] Pelatih daripada pelbagai latar belakang keluarga dan pendidikan dan berasal daripada berbagai tempat di Tanah Melayu dan Sumatera berpeluang berinteraksi dan menjalin hubungan intim sesama mereka. Perkara ini adalah langkah positif kearah perpaduan dan saling memahami antara pelatih. Mereka dibekalkan dengan pakaian seragam daripada kain khaki, seluar pendek, kasut putih dan topi tentera yang berlogo *Kunrenjo*. Nama setiap pelatih ditulis dalam huruf katakana dibahagian depan baju masing-masing. Ini memudahkan jurulatih mengenal setiap pelatih. Pelatih dikenakan disiplin yang ketat dan diindoktrinasi sejak mula mendaftar diri lagi. Abdullah Hussain, salah seorang pelatih di *Syonan Koa Kunrenjo* dari kumpulan kedua merakamkan peringatan Kapten Ogawa, Pengetua pusat latihan tersebut semasa hari pendaftaran:

> "Tuan-Tuan dibawa kemari bukan untuk bersenang-senang tetapi untuk belajar Seishin Jepun, belajar disiplin dan bekerja. Barang siapa yang engkar saya akan tendang keluar..... saya tidak mahu perangai Inggeris dan Amerika itu dibawa kemari. Saya juga baru pulang dari Amerika dan saya tahu bagaimana

[103] Yoji Akashi, *Koa Kunrenjo*...m.s. 4.

[104] Lihat Halinah Bamadhaj, Japanese Occupation of Malaya, m.s.33 Di sekolah elit British seperti MCKK para pelajar tinggal di asrama dengan layanan berbeza mengikut latar belakang keturunan. Golongan diraja mendapat layanan istimewa berbanding yang lain. Tentang hal ini lihat Wan Hamzah Awang (Wahba), *Biografi Pak Sako Hidup Meniti Ranjau* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), m.s. 16-18 juga Mustapha Dato' Mahmud, *Tinggal Kenangan: Memoir Dato' Sir Mahmud Mat* , Penterjemah Amilah Abdul Rahman, Nor Azmah Shehidan Zaleha Abidin (Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1999) m.s. 56-85

> malasnya orang-orang Barat, kemalasan yang telah diajarkan kepada tuan-tuan selama beratus-ratus tahun itu akan dikikis habis-habis". [105]

Seawal jam 5.30 pagi, para pelatih memulakan aktiviti harian. Apabila loceng dibunyikan, mereka bangun mengemaskan tempat tidur sambil bergegas untuk mandi. Pelatih beragama Islam menunaikan sembahyang subuh. Kemudian dengan berpakaian seragam mereka berkejar ke padang untuk perbarisan pagi. Sebarang kelewatan menyertai perbarisan boleh mengundang hukuman daripada jurulatih. Perbarisan pagi disertai dengan acara menaikkan bendera Jepun (Hinomaru) sambil tunduk hormat ke arah matahari terbit. Mereka melakukan senaman radio taisho sebelum melafazkan ikrar yang menekankan komitmen setiap pelatih untuk mematuhi disiplin, bersungguh-sungguh, bekerjasama, bersatu, adil dan tidak ketinggalan setia dan patuh kepada Maharaja Jepun. Ikrar yang khusus juga disediakan kepada pelatih *Koa Kunrenjo* di Melaka dan Pulau Pinang. (Lihat Lampiran 111) Sebelum bersarapan pada pukul 7.30 pagi, para pelatih perlu membersihkan kawasan sekitar dan berlari keliling padang sejauh 4 batu. Sesi pembelajaran bermula pada pukul 8.30 pagi. Mereka terikat dengan disiplin yang ketat ketika memulakan pelajaran. Para pelatih perlu berjalan secara berbaris menuju kelas masing-masing. Sampai di kelas, ketua kelas perlu memastikan kehadiran setiap pelatih. Jika terdapat pelatih yang tidak hadir, ia mestilah dilaporkan kepada jurulatih (*Sensei*). Komponen pelajaran yang disampaikan terdiri daripada bahasa dan pengajian Jepun. Pelatih diajar tentang *hiragana, katakana dan kanji* selain nyanyian lagu-lagu bersemangat dan memuja Jepun. Mereka turut diajar sejarah, geografi dan matematik. Bahasa Jepun digunakan sepenuhnya sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan perbualan. Pada peringkat awal menjalani program ini,

[105] Abdullah Hussain , *Terjebak* (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1977) m.s. 153.

kebanyakan pelatih mengalami kesukaran untuk memahami arahan dan apa yang diperkatakan oleh jurulatih tetapi lama kelamaan masalah ini dapat diatasi. Semakin ramai pelatih yang mula menguasai bahasa Jepun dengan baik. Di antaranya ialah Tun Ghafar Baba yang memasuki pusat latihan tersebut selama 6 bulan di Durian Daun Melaka bersama Tan Sri Ghazali Shafie dan Datuk Asri Muda. Beliau dapat menguasai bahasa Jepun dengan baik (lulus periksa) setelah 4 bulan mengikuti kursus berkenaan. Seorang lagi pelatih, Ahmad Boestamam (Datuk) menyifatkan kaedah Jepun yang mengajar dengan memaksa dan menghukum menjadikan seseorang terpaksa berusaha untuk menguasai bahasa Jepun dalam waktu yang singkat.[106]

Latihan di sini memberi perhatian kepada aspek disiplin dan *seishin*. Bagi membina kedua-dua unsur ini, pendekatan secara latihan fizikal yang intensif diambil. Pelatih dilatih secara separa tentera bagi membina ketahanan mental dan fizikal. Latihan yang benar-benar menguji ketahanan para pelatih bermula pada sesi petang melalui latihan fizikal ala tentera di tengah panas matahari seperti kawad dan berlatih menggunakan benet. Seorang pelatih menceritakan pengalamannya:

> ".pukul 2 belajar berbaris dengan komando-komando dalam bahasa Jepun. Seorang tentera telah diajar khusus untuk mengajar latihan-latihan tentera ini dan berbarislah kami di tengah panas itu pulang pergi sehingga peluh meleleh dan basah kuyup. Mula-mula dilatih sepasukan demi sepasukan dan kemudian semuanya sekali menjadi satu barisan yang panjang. Ada beberapa orang pelajar yang tidak dapat menyesuaikan langkah dengan lenggang tangannya. Mereka itu telah dikeluarkan dari barisan dan disuruh berbaris sendiri-sendiri. Mereka itu kami namai " *suicide squad*".[107]

[106] Temubual dengan bekas pelatih *koa Kunrenjo*. Tun Ghafar Baba pada 24 Jun 1994 dan dengan Ahmad Boestamam pada 17 Mac 1977 daripada koleksi sejarah lisan, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
[107] Abdullah Hussain, *Terjebak*...m.s. 158

Aktiviti bersukan pula meliputi *sumo* dan *kendo*. Walaupun aktiviti ini hanya dianggap sebagai sukan, namun ia perlu diberi perhatian yang serius oleh setiap pelatih. Salah seorang bekas pelatih di *Koa Kunrenjo* Melaka , Ahmad Boestamam yang kemudiannya menjadi seorang tokoh politik berhaluan kiri menggambarkan bagaimana beliau dan rakan-rakannya begitu tekun mengikuti acara sukan ini.[108] Latihan sesi petang tamat pada pukul 3 yang diakhiri dengan acara menurunkan bendera. Waktu selepasnya adalah masa berehat dan melakukan kerja-kerja yang perlu diselesaikan.[109] Kesempatan pada petang hari digunakan untuk bermain tenis atau bola sepak. Pada malam hari, para pelatih mengulang kaji pelajaran, berehat atau menulis surat kepada keluarga. Pada pukul 10.30 malam, lampu mesti dipadamkan dan mereka perlu tidur. Walau bagaimanapun pada malam-malam tertentu mereka dikejutkan daripada tidur sebagai satu langkah berwaspada menghadapi sebarang kemungkinan memandangkan keadaan yang belum begitu aman. Apabila loceng isyarat dibunyikan mereka mestilah berkumpul di padang dalam keadaan siap berpakaian seragam dan bersedia. Mereka hanya diperuntukkan masa selama 10 minit bagi membuat persediaan ini.

Setiap hujung minggu mereka diberi peluang keluar ke bandar bersiar-siar pada sebelah petang. Sebelum keluar, mereka perlu melakukan tugas mencuci bahagian dalam

---

[108] Rakan-Rakan baiknya ketika mengikuti latihan di sini ialah Mohd. Sharif Hj. Ibrahim dan Sujak Rahiman, kedua-duanya dari Johor, Mohamad Yasin dari Negeri Sembilan dan Abu Bakar Yeop Ahmad dari Perak. Mereka berlima mengikuti latihan gusti sumo secara bersungguh-sungguh. Rakannya Sujak, Yasin dan Bakar mempunyai bentuk badan yang kecil dan boleh memohon pengecualian daripada latihan ini tetapi kerana semangat yang tinggi mereka masih mahu mengikutinya. Sharif dan Yasin juga terpaksa menanggalkan cermin mata masing-masing untuk mengelakkan kerosakan apabila bergusti. Mereka dilatih oleh guru gusti yang berbadan besar dan tegap. Walaupun rakan-rakannya itu bertubuh kecil tetapi semangat dan keazaman mereka adalah tinggi. Setiap kali mereka dijatuhkan, mereka pasti akan bangun lagi meneruskan permainan. Disebabkan kegigihan yang ditunjukkan,kadang-kadang mereka memperolehi kemenangan juga mengalahkan peserta lain yang lebih besar badannya. Setelah tamat latihan, rakannya Sujak telah dilantik sebagai guru gusti kepada kumpulan pelatih yang berikutnya. Lihat Memoir Ahmad Boestamam, "Mengenang Kembali Kawan Selatihan", *Dewan Masyarakat*, 15 Januari 1982.

[109] Pada sebelah petang, pelatih juga menjalankan aktiviti menanam sayur , ubi kayu, keledek dan keladi di kawasan lapang yang terdapat di pusat latihan. Aktiviti ini adalah bersesuaian dengan konsep *dignity of labour* yang diperkatakan oleh Jepun. Lihat Mohd. Nor Long, *Tun Hamdan*...m.s. 49 .

dan luar bangunan tempat latihan. Para pelatih disyaratkan keluar ke bandar dengan memakai pakaian seragam dan sentiasa menjaga disiplin. Sebelum pukul 5 petang , mereka perlu kembali semula ke asrama masing-masing. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan mereka dihukum.

Sepanjang menjalani latihan di *Koa Kunrenjo*, pelatih tidak boleh mengharapkan layanan yang mesra dan lembut daripada jurulatih. Kekuatan fizikal mesti dibentuk melalui latihan yang keras dan lasak. Oleh yang demikian mereka perlu menceburi bidang sukan yang memerlukan kekuatan tenaga dan semangat seperti *sumo* dan *kendo.* Pembentukan disiplin dan penerapan *seishin* pula dilakukan melalui indoktrinasi seperti latihan fizikal dan *brain wash.* Para jurulatih mengambil pendirian yang tegas terutamanya dalam memastikan setiap pelatih ditanamkan dengan semangat dan sifat berani, cekal, tidak berputus asa, bekerjasama serta jujur. Penekanan kepada pemupukan nilai-nilai seperti yang disebutkan ini adalah bersesuaian dengan hasrat Kol. Watanabe yang menyebut bahawa :

> " Sekarang adalah masanya kamu bekerja keras dan selalu mengamalkan sifat ikhlas, berorientasikan industri, bekerjasama dan cergas. Lupakan hal-hal peribadi dan fahamilah erti dan prinsip-prinsip spiritual . Kamu mesti patuh kepada peringatan ini dan juga arahan jurulatih selain bersedia menghadapi berbagai kesukaran". [110]

Selain menjalani latihan harian para pelatih juga mengikuti beberapa program khas yang merupakan latihan tambahan kepada proses indoktrinasi dan membina semangat. Beberapa acara permainan yang dapat membina semangat perjuangan berpasukan diadakan pada hari-hari tertentu seperti *tsunahiki* (peperangan olok-olok), *botaoshi* (memukul pancang yang dilindungi oleh barisan pertahanan), *kibasen* (memanjat bahu rakan-rakan) dan berlari jarak

[110] *Syonan Times*, 22 Mei, 1942.

jauh (marathon).[111] Bagi mencapai kejayaan dalam permainan seperti ini, semangat kerjasama dan berpasukan diperlukan.

Bagi pelatih dari Melaka, mereka dibawa melawat Singapura dalam lawatan selama 4 hari. Dalam lawatan ini, mereka dibawa mengunjungi *Gunsei Somubucho* (Pengarah eksekutif pentadbiran tentera) sebagai kunjungan hormat. Mereka juga melawat kubur askar Jepun yang terkorban dalam perang (*Syonan Shrine*) dan memorial perang di Bukit Timah. Tempat lawatan yang berikutnya ialah kilang Ford di Bukit Timah tempat di mana pihak Berikat menyerah kalah kepada Jepun.[112] Lawatan ke memorial perang (*Tyureto*) diadakan bagi menghormati askar Jepun yang mati kerana berjuang merebut Singapura. Lawatan seperti ini meninggalkan kesan yang mendalam kepada pelatih seperti Abdullah Hussain.[113] Beliau melihat tawanan perang yang terdiri daripada orang Inggeris dan Australia dipaksa oleh Jepun bekerja keras membina jalan di bawah sinar matahari dalam keadaan fizikal yang begitu daif.

Hari tamat latihan amat dinantikan oleh pelatih. Mereka diraikan dalam majlis yang dihadiri oleh pegawai tinggi Jepun seperti Gabenor, Pengarah Eksekutif Pentadbiran Tentera, Pegawai-Pegawai Pentadbiran Tentera (MMA) dan Pihak Berkuasa Negeri. Sijil tamat latihan diberikan kepada setiap pelatih sementara pelatih yang mencapai kecemerlangan dalam aktiviti pengajian dan sukan seperti Hamdan Sheikh Tahir turut diberikan penghargaan. Beliau menerima anugerah kerana berkelakuan baik, cemerlang

---

[111] Sebelum latihan tamat, para pelatih diuji dengan berlari sejauh 40 batu. Larian jarak jauh (marathon) ini bertujuan menguji kecergasan serta semangat juang setiap pelatih. Bermula dari awal pagi setiap pelatih berpakaian lengkap dengan pakaian seragam mereka memulakan perjalanan mereka antara Melaka dengan Tampin pergi balik. Sebahagian kecil daripada pelatih yang tidak dapat menahan dahaga dan keletihan jatuh dan terpaksa dibantu oleh pelatih lain yang lebih bertenaga. Satu perkara yang menarik perhatian para pelatih dalam marathon ini ialah penglibatan bersama para jurulatih (Sensei) yang berjalan dan berlari bersama mereka. Mereka berlari sambil menyanyikan lagu-lagu yang bersemangat. Yoji Akashi, *Koa Kunrenjo*, m.s. 13.

[112] Yoji Akashi, *Koa Kunrenjo*...m.s. 12 dan Japanese Cultural Policy...m.s. 139.

[113] Abdullah Hussain,*Terjebak*...m.s. 165

dalam pelajaran, mendapat tempat pertama dalam pertandingan *sumo* sempena ulangtahun ketiga perang Asia Timur Raya dan tempat ke dua dalam pertandingan lumba lari jarak jauh.[114] Latihan di *Syonan Koa Kunrenjo* walaupun hanya 3 bulan (6 bulan di *Malai Koa Kunrenjo*) namun meninggalkan kesan yang mendalam di jiwa setiap pelatih. Pelatih seperti Mohamad Jamil merasakan latihan selama enam bulan adalah tidak mencukupi jika Jepun benar-benar ingin melatih mereka sebagai pegawai dalam pentadbiran negeri. Program yang diikutinya tertumpu kepada latihan fizikal dan membina semangat tanpa diikuti pengajian akademik atau kursus pentadbiran, hanya sekali sekala mereka menerima syarahan propaganda daripada pegawai Jepun. Ini merupakan antara kelemahan program latihan di *Koa Kunrenjo* berbanding dengan program melatih pegawai pentadbir Melayu yang dikendalikan British di Maktab Melayu Kuala Kangsar. [115]

Susulan daripada program melatih pemimpin muda yang berpotensi pihak Jepun merancang menghantar beberapa penuntut yang terpilih melanjutkan pelajaran ke Jepun selama 3 tahun. Ketika di sana mereka berpeluang untuk memahami cara hidup masyarakat Jepun dengan lebih dekat. Pemilihan dibuat dari kalangan pelajar Institut *Koa Kunrenjo*, Sekolah Latihan Polis Singapura, Sekolah Industri atau Normal Kelas dan Sekolah Tinggi. Pada tahun pertama di sana mereka mempelajari bahasa Jepun, diikuti dengan kursus dalam bidang tertentu seperti pendidikan, teknik industri, pertanian atau ekonomi.[116] Mereka diberi biasiswa sepanjang tempoh pengajian seperti *Nanpo Tokubetsu Ryugakusei* (program khas pelajar-pelajar seberang laut kawasan selatan) dan biasiswa Tokugawa.[117] Di bawah

[114] Md. Nor Long, *Tun Hamdan*...m.s. 52-55.
[115] Temubual dengan Tan Sri Mohamad Jamil
[116] *The Syonan Sinbun*, 13 April 1943.
[117] Program *Nanpo Tokubetsu Ryugakusei* diwujudkan pada bulan Februari 1943 oleh Kementerian Asia Timur Raya bagi memberi peluang kepada kepada pelajar kawasan selatan dilatih khususnya berkaitan dengan Seishin Jepun membolehkan mereka kelak menjadi *"useful leaders of their countries for the construction of the Daitoa Kyoeiken"*. Biasiswa Tokugawa diasaskan oleh Marquis Tokugawa Yoshichika,

program khas, seramai 12 orang pelajar dari Tanah Melayu dan Singapura terpilih melanjutkan pengajian di Jepun. Kumpulan pertama pelajar tersebut seramai 8 orang tiba pada bulan Jun tahun 1943 manakala 4 orang lagi pada tahun 1944. Pelajar-pelajar yang dipilih menyertai program ini diambil daripada berbagai latar belakang keluarga dan pendidikan. 4 orang penuntut daripada kumpulan kedua ialah Ibrahim Mahmud (Johor), Hasan Ahmad (Melaka), Abdul Razak Hamid (Selangor) dan Eusofe Abdul Kadir dari Pulau Pinang. Mereka turut disertai oleh pelajar dari Indonesia, Brunei, Filipina dan Thailand. Mereka bertolak ke Jepun dengan menaiki kapal. Di Tokyo kumpulan pelajar dari Tanah Melayu, Sumatera dan Brunei ditempatkan di Meguro-ku, Naka Meguro, Shibuya berdekatan dengan tempat mereka belajar di Institut Pelajar Antarabangsa (*Kokusai Gakuyukai).* Kumpulan penuntut ini mengalami pengalaman mengerikan kerana terlibat dengan peristiwa pengeboman Hiroshima di mana 2 orang daripada mereka Syed Omar dan Nik Yusof turut terkorban. [118]

Biasiswa Tokugawa pula menyediakan 5 tempat kepada pelajar dari Tanah Melayu dan Singapura.[119] Biasiswa ini disediakan kepada pelajar-pelajar daripada kalangan keluarga

---

seorang tokoh yang pernah berkhidmat sebagai penasihat dengan pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu. Beliau mempunyai hubungan peribadi yang baik dengan Sultan Johor. Yoji Akashi, Japanese Cultural Policy ...m.s. 141.

[118] Lihat Pengiran Hj. Mohamed Yusof Hj. Abdul Rahim, *Barat – Timur dan Bom Atom* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002).

[119] 5 penerima biasiswa Tokugawa ini terdiri daripada 3 pelajar lelaki dan 2 perempuan. Pelajar lelaki ialah Ungku A. Aziz, Ungku Mohsin dan Wan Abdul Hamid Salleh. Pelajar perempuan ialah Rosna Mahyuddin dan Saleha Hj. Bakri , kedua-dua adalah wanita Melayu pertama yang melanjutkan pelajaran ke Jepun. Ketika terpilih menyertai program ini, Rosna Mahyuddin dari Singapura baru berusia 11 tahun. Marquis Tokugawa yang secara kebetulan mengenali abangnya seorang doktor lulusan Jepun mempelawa beliau melanjutkan pengajian ke Jepun. Rosna belayar ke Jepun dengan kapal yang diiringi oleh kapal tentera. Pelayaran mengambil masa 21 hari untuk sampai ke Shimonoseki. Di Tokyo, ia tinggal di istana Yochita Tokugawa bersama Saleha Hj. Bakri. Beliau kemudiannya belajar di Sekolah Rendah Jepun sehingga kembali semula ke Tanah Melayu pada 1945. Temubual dengan Puan Rosna Mahyuddin pada 9 Februari 1990. Koleksi sejarah lisan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

ternama dan berpengaruh.[120] Pemberian biasiswa ini menyamai anugerah biasiswa Queen Elizabeth yang diberikan kepada pelajar Tanah Melayu yang terpilih melanjutkan pengajian di England semasa pentadbiran British. Sebelum bertolak ke Jepun, mereka menjalani latihan persediaan selama sebulan di *Koa Kunrenjo*. Pada peringkat awalnya, para pelajar terutamanya yang masih muda sukar menyesuaikan diri dengan suasana di Jepun tetapi lama kelamaan dapat mengatasi masalah tersebut seperti Wan Abdul Hameed Dato' Salleh dari Johor yang ketika itu berumur 10 tahun. Beliau mulanya merasa malu tetapi kemudiannya mula merasa yakin apabila menerima layanan baik daripada Jepun. Ia mula menjalani kehidupan seperti biasa dengan belajar dan beriadah. Hal yang sama turut dinyatakan oleh seorang lagi pelajar Rosnah Mahyuddin yang baru berusia 11 tahun ketika berpeluang melanjutkan pelajarannya ke Jepun. Beliau merupakan wanita pertama dari Tanah Melayu dan Singapura yang pergi ke Jepun untuk belajar. Berdasarkan pengalaman beliau, pada peringkat awal sampai di sana ia merasa takut dan segan kerana tidak dapat menguasai bahasa Jepun dengan baik. Ia merupakan satu-satunya wanita asing di dalam kelas yang didudukinya. Beliau tinggal bersama keluarga angkatnya Puan Michiko yang membantunya mempelajari bahasa Jepun. Rosnah turut belajar *painting* Jepun dan *ikebana*. Walau bagaimanapun beliau hanya belajar pada peringkat rendah memandangkan umurnya yang masih muda. [121]

---

[120] Antaranya ialah Ungku A. Aziz (Prof. Diraja) yang kemudiannya menjadi seorang tokoh ekonomi dan Naib Canselor Universiti Malaya . Ungku Aziz Ungku Hamid dilahirkan dari kalangan keluarga ternama Johor di London . Ayahnya pernah belajar di Cambridge dan mengahwini ibunya Puan Hamidah Abdullah seorang wanita berketurunan Turki. Ungku Aziz merupakan salah seorang pelajar yang terpilih ke Jepun sebagai pemegang biasiswa Tokugawa. Beliau belajar ekonomi di universiti Waseda. Ketika sampai di Jepun pada awal bulan Januari 1943, Ungku Aziz menyatakan bahawa, "orang-orang di Malaya tua dan muda tanpa mengira kedudukan masing-masing pada hari ini sedar bahawa mereka berhadapan dengan kehidupan yang lebih baik kerana bekerjasama dengan Jepun". *Lihat The Syonan Sinbun,* 9 Januari 1943 dan Aziz Zariza Ahmad, *Sebutir Permata di Menara* (Taiping: Firma Penerbitan Sdn. Bhd.,1982)m.s. 1-2.

[121] Lihat *Malai Sinpo*, 1 September, 1943 dan temubual dengan Puan Rosnah Mahyuddin pada 9 Februari1990, koleksi sejarah lisan, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Latihan peringkat awal yang dijalani para pelajar di Jepun tidak banyak berbeza dengan bentuk latihan yang dijalani di *Koa Kunrenjo*. Mereka ditempatkan di asrama Institut Pelajar Antarabangsa bagi tempoh 10 bulan untuk belajar bahasa Jepun secara intensif serta diterapkan dengan *seishin*. Pendidikan bahasa Jepun yang ditekankan ialah bagi menyediakan para pelajar untuk menerima falsafah perjuangan yang digariskan oleh kerajaan, Okamoto Senmantaro, seorang kaunselor di Pusat Pelajar Antarabangsa menyatakan :

> *... what had to be taught through Nippon Go , the lingua franca of all peoples of Daitoa for appreciating Japan's culture, was to develop the diligence and studiousness which had facilitated Japan's modernization. In addition he said that Nippon Go education should be aimed at inculcating Japanese Seishin which was the bedrock of " Nippon culture symbolized by the unbroken line of kokutai (national polit), loyalty and patriotism , and the simple but refined way of life and arts epitomized in Shintoism".* [122]

Selain mengikuti pengajian harian sepertimana yang ditetapkan, para pelajar juga dibawa melawat tempat suci seperti Keramat *Ise*, Keramat *Yasukuni dan* Keramat *Togo* selain muzium, sekolah tentera, stesen radio, kilang dan pasaraya. Menjelang Ogos, mereka dibawa melawat sambil menjalani kursus intensif bahasa Jepun dan latihan fizikal di kaki gunung Asama di Karuizawa.[123] Pada akhir tempoh sepuluh bulan, semua pelajar perlu mengikuti peperiksaan dalam mata pelajaran bahasa Jepun, sejarah Jepun, matematik dan fizik. Keputusan peperiksaan ini menjadi salah satu faktor yang dipertimbangkan bagi kemasukan ke kolej atau universiti. Salah seorang pelajar, Eusofe Abdul Kadir telah mendapat tempat di Fakulti Undang-Undang Universiti Kyoto manakala rakannya Raja

[122] Yoji Akashi, Japanese Cultural Policy ...m.s. 143.
[123] Yoji Akashi, Koa Kunrenjo...m.s. 15-16.

Nong Chik di Sekolah Tinggi Fukuoka sementara Abdul Razak Hamid di Universiti Hiroshima.[124]

Rancangan menghantar pelajar Asia Tenggara untuk melanjutkan pengajian ke Jepun merupakan satu perancangan yang baik dalam usaha meningkatkan peluang mereka mendapatkan pendidikan tinggi walaupun rancangan ini berasas kepada propaganda dan program indoktrinasi Jepun. Kebanyakan pelajar yang berpeluang mengikuti rancangan ini mengakui mereka bernasib baik dan mendapat faedah yang besar daripadanya. Walau bagaimanapun jumlah yang mendapat peluang ini amat terhad sementara pemegang biasiswa Tokugawa pula dipilih daripada kalangan keluarga bangsawan. Selepas Ogos 1945 pelatih-pelatih yang terselamat kembali ke tanah air dengan pengalaman yang begitu bermakna.

Pendidikan bahasa Jepun

Dasar Jepun adalah untuk menjadikan bahasanya sebagai pengantar dalam bidang pendidikan dan pentadbiran serta sebagai *lingua franca* untuk Lingkungan Sekemakmuran

[124] Eusofe Abdul Kadir lahir di Pulau Pinang, bapanya merupakan seorang hakim. Beliau adalah bekas pelajar Raffles College dan menyertai *Syonan Koa Kunrenjo* pada tahun 1942. Terpilih sebagai pemegang biasiswa *Nanpo Tokubetsu Ryugakusei* pada 1944 dan memasuki Fakulti Undang-Undang Universiti Kyoto. Sekembalinya ke Tanah Melayu, beliau menjadi hakim. Raja Nong Chik Raja Ishak berasal dari Selangor dan mempunyai hubungan keluarga dengan Sultan Selangor. Beliau turut terpilih menyambung pengajian ke Jepun pada 1943 dan memasuki Sekolah Tinggi Fukuoka dan Universiti Kyoto. Apabila kembali ke Singapura, Raja Nong Chik telah ditahan oleh pihak berkuasa British tetapi ia dapat melepaskan diri dan menyertai gerakan kemerdekaan Indonesia sehingga 1947. Bimbangkan tindakan Belanda, beliau pergi ke China dan belajar di Universiti Beijing dan Chungshan. Apabila pihak komunis berkuasa di Cina, beliau telah berhijrah ke Taiwan dan menamatkan pengajiannya di Universiti Taipei. Sekembalinya ke tanah air, beliau menjadi ahli perniagaan dan pernah dilantik sebagai ahli Dewan Negara (Senator). Abdul Razak Abdul Hamid lahir di Pulau Pinang pada 1927. Beliau lulus sekolah Melayu Kampong Baru, Kuala Lumpur. Menyertai kumpulan pertama *Malai Koa Kunrenjo* pada bulan Mei 1942 , di mana beliau telah menunjukkan kemajuan yang begitu baik. Berikutan dengan itu, beliau dilantik sebagai guru bahasa Jepun di Selangor. Terpilih melanjutkan pengajian ke Jepun pada Jun 1944 dan memasuki Universiti Hiroshima pada April 1945. Beliau merupakan salah seorang yang terselamat dalam tragedi pengeboman Hiroshima . Sekembalinya ke Tanah Melayu beliau berkhidmat di Maktab Perguruan Sultan Idris dan menjadi guru bahasa di Institut Teknologi Mara. Appendix 11: Yoji Akashi, "Japanese Cultural Policy in Malaya and Singapore" dan temubual dengan Dato' Razak Abdul Hamid dengan Abu Talib Ahmad dan Ramli Samat, koleksi sejarah lisan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, 28 Disember 2002.

Asia Raya.[125] Jepun berhasrat menghapuskan penggunaan bahasa Inggeris yang sebelumnya memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan dan pentadbiran. Jepun beranggapan penggunaan meluas bahasanya mencerminkan kebesaran serta keagongan mereka. Pengajaran bahasa Jepun dijalankan secara meluas meliputi sistem persekolahan, pusat latihan teknikal dan guru, kakitangan kerajaan dan masyarakat awam. Penguasaan bahasa Jepun yang baik menjanjikan berbagai peluang seperti melanjutkan pelajaran, mendapat kenaikan pangkat dan gaji serta diberi penghargaan. Sebaliknya kegagalan menguasai bahasa tersebut boleh mengundang berbagai-bagai masalah. Dalam usaha menyebarkan penggunaan bahasa ini, beberapa strategi telah dijalankan.

Jepun memberi perhatian yang serius terhadap program pengajaran bahasa Jepun di kalangan kakitangan kerajaan bagi menjadikan bahasa tersebut bahasa pentadbiran kerajaan. Penyebarannya dalam kalangan masyarakat awam pula adalah untuk mempopularkan bahasa tersebut sebagai alat komunikasi. Arahan berkaitan perkara tersebut dikeluarkan oleh jabatan kerajaan seperti Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan kepada Penguasa Pelajaran Kota Bharu supaya menjalankan kelas bahasa Jepun kepada kakitangan kerajaan. Mengikut arahan ini, kelas bahasa Jepun akan dimulakan pada 10 Ogos sehingga 30 November 1942. Kelas dijalankan pada hari Selasa, Khamis dan Sabtu mulai jam 4.30 hingga 6.30 petang bertempat di Sekolah Bahasa Jepun Padang Garong, Kota Bharu. Kelas ini dibuka khusus kepada kakitangan kerajaan dan mereka yang mendapat kebenaran khas. Pelajarnya dipilih oleh jabatan masing-masing. Pelajar yang lulus dengan baik (mendapat

[125] *Matter Relating to the Popularization of the Japanese in the Southern Region,* September 28, 1943. Adopted at cabinet meeting. Yoji Akashi,"Education and Indoctrination Policy", document 9. Dokumen ini menyatakan bahawa objektif pendidikan bahasa Jepun adalah untuk mengajar bahasa tersebut kepada penduduk tempatan supaya senang pihak berkuasa menjalankan sebarang dasar. Objektif berikutnya adalah untuk menerapkan Seishin dan budaya Jepun melalui pendidikan bahasa. Seterusnya bahasa Jepun mesti dijadikan *lingua franca* bagi menyumbang kepada kekuatan dan perpaduan kawasan selatan.

markah melebihi 80 peratus) akan diberikan sijil oleh Gabenor.[126] Arahan yang sama juga dikeluarkan di Perak. Satu pekeliling dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Batu Gajah yang memaklumkan kelas malam bahasa Jepun akan diadakan kepada kakitangan kerajaan dan orang awam di daerah tersebut. Salinan pekeliling tersebut telah dihantar kepada Jabatan Parit dan Saliran, Perlombongan, Tenaga Elektrik, Perangkaan dan Jabatan Penjara. Mereka yang berminat mengikuti kelas tersebut perlu mendaftar dengan Penoiong Pegawai Daerah Batu Gajah sebelum 10 Jun 1942.[127]

Arahan ini bersesuaian dengan rancangan pentadbiran Jepun untuk menghapuskan penggunaan bahasa Inggeris dan digantikan dengan bahasa Jepun.[128] Kelas mempelajari bahasa Jepun ini bukan hanya melibatkan kakitangan kerajaan peringkat biasa malahan turut melibatkan mereka yang berjawatan tinggi bagi memudahkan komunikasi dengan Jepun. Di Kelantan antara pegawai kerajaan yang dipilih mempelajari bahasa Jepun ini ialah Dato' Seri Setia Diraja, Timbalan Menteri Besar serta pegawai lain seperti Nik Hassan Wan Ahmad Pegawai Melayu dan Tengku Indera Petra Pengawal Makanan. Selain itu ia turut melibatkan pegawai-pegawai dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Polis dan Mahkamah seperti Ismail Mahmood Pendaftar Mahkamah Tinggi, Tengku Seri Laksamana Pesuruh Jaya Polis dan Mahmud Hashim Pendakwa Raya .[129]

Di Pulau Pinang, antara jabatan kerajaan yang terlibat dalam program pembelajaran bahasa Jepun untuk kakitangannya ialah Jabatan Ukur. Kelas bahasa Jepun diadakan di beberapa tempat di George Town dan Butterworth semasa tengahari dan pada waktu petang selepas bekerja. Di Butterworth kelas diadakan di Sekolah St. Mark pada hari Isnin, Rabu

---

[126] Lihat Fail Pejabat Pelajaran Kelantan, EOK 6/1361 bertarikh 3.8.2602.
[127] Fail Pejabat Tanah Batu Gajah, Perak 78/02 bertarikh 8 .6. 1942.
[128] Lihat fail Pejabat Pelajaran Kelantan EOK/138/02.
[129] Lihat fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, EOK 6/61 bertajuk Daftar Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang Mustahak belajar bahasa Nippon.

dan Jumaat dari pukul 6.30 hingga 7.30 petang. Kelas yang sama juga dijalankan di Sekolah Melayu Bagan Ajam 5 hari seminggu bermula dari pukul 5.30 hingga 7.30 petang. Arahan secara rasmi dikeluarkan oleh *Sokuriyo-ka* (officer in charge survey department) kepada kakitangannya supaya menghadiri kelas berkenaan. Antara kakitangan berkenaan ialah Foong Siew Pak yang bertugas di Balik Pulau, Naurata Ram, Abu Bakar, L.J. Rozella dan A.M. Oliveiro semuanya dari George Town, Yew Kim Heng dari Butterworth, Chew Choon Heng dari Bukit Mertajam dan Kung Seng Leong dari Sungai Bakap. Mereka mengikuti kelas ini di tempat dan pada waktu yang ditetapkan.[130]

Kakitangan Jabatan Ukur juga dibekalkan dengan buku berjudul "*A Six Week Course in Conversational Nipponese Grammar*". Mereka meliputi semua peringkat jawatan dari pegawai penguasa sehingga kepada kakitangan peringkat bawahan.[131] Kelas yang dijalankan dikendalikan dengan serius di mana setiap kakitangan yang hadir dikehendaki mencatatkan nama dan tandatangan masing-masing. Mereka perlu menduduki peperiksaan yang diadakan dan keputusan bagi penggal pertama didapati memuaskan dengan pencapaian pelajar diluar jangkaan. Pihak Gabenor telah mengeluarkan pekeliling yang menyebut kakitangan yang lulus peperiksaan akan diberi kenaikan gaji manakala yang gagal berkemungkinan mengalami penurunan gaji malahan dibuang kerja.[132] Pihak Jepun ternyata bersedia mengamalkan sistem ganjaran dan hukuman dalam memastikan program pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan kakitangan kerajaan mencapai matlamatnya.

Sekolah sesi petang dibuka bagi membolehkan kakitangan kerajaan dan orang awam mempelajari bahasa Jepun. Di Kuala Lumpur misalnya, beberapa buah sekolah

[130] Fail Jabatan Ukur Pulau Pinang, S.D.P. 81/2602

[131] Fail S.D.P. 81/2602 memorandum daripada Pegawai Penguasa Jabatan Ukur kepada Pegawai Penguasa Pelajaran Pulau Pinang yang menerangkan tentang pengedaran sejumlah 33 buah buku nahu bahasa Jepun kepada kakitangan Jabatan Ukur.

[132] Lihat memorandum daripada Gabenor Pulau Pinang bertarikh 12-9-2602 yang menyentuh hal tersebut dalam fail Jabatan Ukur Pulau Pinang, S.D.P. 81/ 2602.

memulakan sesi pengajian bahasa Jepun pada sebelah petang mulai jam 3 hingga 6 , 6 hari setiap minggu. Kelas ini bermula pada bulan Januari 1943 dan setiap sesi pengajian memakan masa 3 bulan.[133] Akhbar *Malai Sinpo* bertarikh 16 Julai 1944 melaporkan bahawa sekumpulan penuntut yang telah tamat belajar bahasa Jepun selama 3 bulan di Sekolah Bukit Nanas telah menganjurkan majlis jamuan makan malam meraikan guru mereka A. Abishagam. Majlis tersebut diadakan di Kosei Kai (bekas Kelab Selangor). Di Perak, kelas bahasa Jepun kepada kakitangan kerajaan dan orang awam dibuka di beberapa buah sekolah dan pejabat kerajaan pada sebelah petang. [134]

Bagi mengukur tahap pencapaian mereka yang mengikuti kelas ini, peperiksaan diadakan mengikut tahap tertentu pengajian yang diikuti. Para pelajar diuji daripada peringkat bawah hingga ke peringkat khas. Sistem ganjaran dan insentif dalam bentuk pemberian elaun disediakan bagi mereka yang lulus peperiksaan. Tahap rendah dibayar elaun $ 3, permulaan $ 10, pertengahan $ 20, tinggi $ 30 dan tahap khas $ 50.[135] Di Perak, peperiksaan kecekapan bahasa Jepun dikendalikan oleh Pejabat Pelajaran di setiap daerah mengikut jadual yang telah ditetapkan.[136]

---

[133] Antara sekolah yang terlibat ialah Kwang Seng Girls School, Sekolah Bukit Nanas, Sekolah Tamil (Jalan Brickfield) dan Sekolah Melayu Perempuan. Kelas turut diadakan di Dewan Bandaran, Kuala Lumpur. Laporan *Malai Sinpo*, 20 Januari 1943.

[134] Di Batu Gajah, kelas berkenaan telah diadakan di beberapa buah sekolah Melayu, China dan Tamil. Di sekolah Melayu Batu Gajah 3 kelas telah dibuka dan dikendalikan oleh Che Mohd. Ariff, Che Azizul Hassan dan Che Kamarudin. Di sekolah Tamil Changkat, kelas dikendalikan oleh Mr. Samuel Paul manakala kelas yang sama juga diadakan di sekolah China Batu Gajah dimana gurunya ialah Mr. Chin Chee Cheong. Semua kelas tersebut berjalan pada hari Isnin, Rabu dan Khamis selama 1 jam. Kelas yang sama turut diadakan di Hospital Batu Gajah dibawah pengendalian Mr. Toh Chin Chye . Lihat Fail Pejabat Tanah Batu Gajah No. (4) dalam B.G. 78/02 .

135 *Perubahan Baharu,* 23 Januari 1945.

[136] Fail Chief of Department of Education, Perak , 78/02 dan fail Department of General Affairs, Taiping bertarikh 1 Jun 2602.

Daerah	Tempat	Tarikh	Masa
1. Kinta	Ipoh	1.10.02	2.30-3.30 pm
2. K. Kangsar & Perak tengah	K.Kangsar	3.10.02	2.30-3.30 pm
3. Larut dan Selama	Taiping	3.10.02	6.00-7.00 pm
4. Krian & Kroh	Parit Buntar	4.10.02	2.30-3.30 pm
5. Batang Padang	Tapah	3.10.02	2.30-3.30 pm
6. Perak selatan	Telok Anson	3.10.02	6.00-7.00 pm
7. Dinding	Lumut	5.10.02	2.30-3.30 pm

Peperiksaan ini adalah wajib bagi mereka yang mengikuti kelas bahasa Jepun dan meliputi 3 bahagian iaitu ujian lisan (*katakana)*, ujian bertulis (*katakana*) dan perbualan mudah. Keputusan peperiksaan diumumkan pada penghujung bulan Oktober. Mereka yang lulus peperiksaan tersebut dibayar elaun yang terbahagi kepada 10 peringkat dengan kadar tertinggi bagi gred 1 sebanyak $100 manakala gred terendah ialah $ 2 .

Di Selangor, peperiksaan kecekapan bahasa Jepun diadakan kepada hampir 2000 kakitangan kerajaan pada 23 hingga 24 Disember 1943 dan melibatkan ujian bertulis dan lisan. Sehingga 1943 di Selangor hanya terdapat 2 orang kakitangan yang layak mendapat elaun $15 kerana lulus ujian kecekapan tersebut.[137] Pada Mei 1945 dilaporkan seramai 27 orang lulus peperiksaan tahap khas (*special grade)* yang diadakan oleh pihak *Gunseikambu* di seluruh Malaya. Mereka yang lulus terdiri daripada 3 orang dari Selangor, 12 orang dari Pulau Pinang, 6 orang dari Perak, masing-masing 2 orang dari Melaka dan Negeri Sembilan dan setiap seorang dari Pahang dan *Malai Koa Kunrenjo.*[138]

[137] *Malai Sinpo*, 16 Disember 1943.
[138] *Malai Sinpo*, 16 Mei, 1945.

Gerakan mempopularkan pembelajaran dan penggunaan bahasa Jepun turut melibatkan beberapa langkah seperti penganjuran pertandingan bahasa Jepun serta Minggu Bahasa Jepun di seluruh Malaya..[139] Acara kemuncak ialah pertandingan syarahan seluruh Malaya yang diadakan di Singapura. Pemenang pertama Ismail Sulaiman dari Singapura bersyarah atas tajuk, "tanggungjawab kita" yang menekankan komitmen bersama rakyat bagi memperjuangkan cita-cita Jepun. Tempat kedua dimenangi oleh Lim Tong Why juga dari Singapura sementara tempat ke tiga ialah Kang Beng Seng dari Pulau Pinang dengan tajuk, "masa depan Malaya yang cerah".[140]

Selain pertandingan syarahan yang diadakan bersempena minggu bahasa Jepun, pertandingan seumpamanya juga diadakan pada peringkat wilayah. Di Kedah, pertandingan ini diadakan di Alor Setar pada pertengahan tahun 1943 melibatkan penyertaan dari Taiping (ibu pejabat MMA), Pulau Pinang, Seberang Perai dan Perlis. Juara pertandingan ini disandang oleh Shafie Abdullah, seorang kakitangan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.[141] Di Kuala Lumpur, pertandingan yang sama turut diadakan melibatkan peserta-

[139] Lihat *Malai Sinpo*, 8 dan 16 November, 1943. Pihak Pentadbiran Tentera Jepun di Tanah Melayu (MMA) telah mengajurkan minggu bahasa Jepun pada 14-20 November 1943 di seluruh Malaya. Setiap negeri merancang acara-acara tertentu bagi menyambut minggu tersebut. Di Selangor acara yang dijalankan termasuklah pertandingan syarahan, menulis esei, slogan, perbincangan dan mengadakan konsert di sekolah-sekolah. Pada hari pembukaan sambutan, 14 November, satu pertandingan syarahan bahasa Jepun telah diadakan di Dewan Sekolah Bukit Nanas. 2 orang pemenang daripada pertandingan ini akan dipilih mewakili Selangor dalam pertandingan peringkat seluruh Malaya yang akan diadakan di Singapura pada 20 November. Dalam pertandingan tersebut seramai 31 orang peserta telah mengambil bahagian. Mereka terdiri daripada kakitangan kerajaan dan pelajar sekolah. Johan pertandingan tersebut telah dimenangi oleh Kanagapathy Pillai daripada Jabatan Bengkel Keretapi manakala tempat kedua dimenangi oleh Wong Siew Wai yang merupakan setiausaha kepada Pengarah Pelajaran Selangor, Y. Fushimi. Kedua-dua mereka akan mewakili Selangor kepertandingan akhir yang berlangsung di Singapura. Selain itu, pertandingan menulis esei katakana dan kanji juga dianjurkan kepada pelajar-pelajar sekolah. Esei yang dipertandingkan mestilah di antara 1,500 sehingga 2000 patah perkataan berdasarkan tajuk-tajuk seperti berikut :

1. Malai no Kensetsu
2. Warera no Zika ku
3. Watakushi Tachi no Seikatsu

[140] *Malai Sinpo*, 23 dan 26 November 1943.

[141] Temubual dengan Dato' Hj. Shafie Abdullah pada 6 Ogos 1995. Koleksi rakaman sejarah lisan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah. Dato' Hj. Shafie menamatkan perkhidmatannya dengan kerajaan sebagai

peserta kelas petang Kuala Lumpur *Nippon Go Gakko*. Seramai 15 peserta yang terdiri daripada 7 lelaki dan 8 wanita mengambil bahagian. Johan pertandingan ini disandang oleh Che Saadiah Mohamad dari Sekolah Kampung Baru. Beliau mendapat sebuah piala sumbangan *Senden Han Cho* dan wang tunai $20. Tempat kedua pula dimenangi oleh P.V. Ratnam dari Sekolah Jalan Brickfield. Pengarah Pelajaran Selangor, Y. Fushimi semasa menyampaikan hadiah melahirkan rasa puas hati dengan prestasi yang telah ditunjukkan oleh para peserta pertandingan.[142]

Pihak berkuasa tentera turut menganjurkan pertandingan menulis rencana bersempena perayaan ulangtahun ke-3 perang Asia Timur.Pertandingan ini disertai oleh 352 peserta dan dibahagikan kepada bahagian tinggi dan rendah. Setelah ditapis sebanyak 276 esei layak diadili, 182 untuk bahagian tinggi manakala 94 bahagian rendah. Tajuk esei ialah, "*way to the victory and hope of the Malayan people*" dan "*Provoking the memories of the British*". Bagi bahagian tinggi tiada pemenang yang dipilih untuk tempat pertama. Tempat kedua diberikan kepada 3 orang peserta iaitu Che Yam Dahari dari Pejabat Gunseikambu Taiping, Baidillah seorang guru dari Melaka dan Lucy Tan dari Pulau Pinang. Tempat pertama pertandingan bagi kategori bawah dimenangi oleh Bai Leong dari Pulau Pinang. Beliau mendapat wang tunai $ 200. Tempat kedua yang menawarkan hadiah wang sebanyak $100 diberikan kepada 3 orang peserta. Mereka terdiri daripada Nancy Lim,

---

seorang pegawai kanan kerajaan negeri Kedah,beliau pernah berkhidmat dengan kerajaan semasa pentadbiran Jepun. Beliau turut menyertai pertandingan syarahan yang diadakan di Panggung Empire Alor Setar. Dalam pertandingan tersebut, beliau mendapat bimbingan seorang tentera Jepun Sarjan Suzuka dan telah berjaya mendapat tempat pertama. Mengikut Dato' Shafie, beliau bukannya terlalu pandai berucap tetapi hanya menghafal teks ucapan yang disediakan oleh Suzuka. Bagaimanapun mengikut pendapatnya, syarahan dalam bahasa Jepun perlu disampaikan secara keras dengan menggunakan tekanan suara yang tinggi. Berikutan dengan kejayaannya itu, beliau ditawarkan jawatan sebagai jurubahasa kepada Gabenor Jepun di Kedah, Sukegawa.

[142] *Malai Sinpo*, 18 Julai, 1944.

Chean Ah Ng dan Chan Ho Tuck, ketiga-tiganya dari Pulau Pinang.[143] Sepertimana pertandingan syarahan, pertandingan menulis esei dalam bahasa Jepun turut memuatkan propaganda Jepun dalam kalangan penduduk memandangkan semakin banyak masalah yang timbul dalam pemerintahan mereka di sini.

Pihak media seperti akhbar juga memainkan peranan yang aktif dalam mempromosi penggunaan bahasa Jepun dengan mengadakan ruangan khas mempelajari bahasa Jepun yang mudah dalam setiap keluaran.[144] Akhbar seperti *Malai Sinpo* misalnya menyiarkan slogan seperti *"To appreciate Nippon, study its language"* pada muka depannya.[145] Pekerja turut diseru supaya mempelajari bahasa Jepun untuk meningkatkan keberkesanan mereka melalui slogan seperti ,*"Malaian Employees ? Learn Nippon Go for Efficiency ?"*[146] . Mesej Jepun kepada masyarakat ialah mempelajari dan menguasai bahasa Jepun adalah penting.[147] Bahasa Jepun dianggap lambang kebesaran,tanda kesetiaan kepada Jepun, meningkatkan kemajuan dalam kerjaya serta membantu perjuangan mewujudkan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya.

Pencapaian dan kemajuan yang ditunjukkan oleh pelajar kelas bahasa Jepun di kalangan kakitangan kerajaan dan orang awam boleh dikatakan baik. Di Kedah dan Perlis, seramai 58 orang kakitangan kerajaan lulus peperiksaan bahasa Jepun yang diadakan pada 5 Mac 1943. Daripada jumlah tersebut, 7 orang adalah dari Perlis. Daripada sejumlah 51 orang yang lulus daripada Kedah, seorang adalah dari daerah Kubang Pasu, 35 orang

---

[143] *Malai Sinpo*, 18 Julai 1944.

[144] Akhbar seperti *The Syonan Times* (Syonan Sinbun) dan *Malai Sinpo* (edisi bahasa Inggeris) mengadakan ruangan khas mempelajari bahasa Jepun dalam setiap keluarannya.Malahan akhbar *Perubahan Baharu* yang diterbitkan dalam tulisan jawi pada tahun 1942 turut mengadakan ruangan yang sama Akhbar ini diterbitkan oleh A. Rahim Kajai (1942-43), Mohd. Yunus Hamid dan Osman Abdullah.

[145] *Malai Sinpo*, 1 November, 1943.

[146] *Malai Sinpo*, 17 November, 1943.

[147] *Malai Sinpo* bertarikh 15 November misalnya menyiarkan slogan yang berbunyi, *"Hallmark of Loyalty : A Knowledge of Nippon Go"* . Berikutnya pada 18 November, slogan ini pula yang disiarkan,*"Your part in Dai Toa Kyoeiken, The Mastering of Nippon Go"* .

mewakili daerah Kota Setar, 4 orang dari Kuala Muda, 6 orang dari Kulim , 2 orang dari Bandar Bharu, seorang dari Langkawi dan 2 orang dari Baling. Mereka mewakili berbagai jabatan termasuk dari Pejabat Gabenor, Mahkamah, Hospital, Pejabat Daerah, Pejabat Kesihatan dan Mahkamah Syariah.[148]

Secara keseluruhannya program mengajar bahasa Jepun kepada kakitangan kerajaan dan masyarakat awam menampakkan sedikit kemajuan walaupun tidak menyeluruh. Tumpuan kelas berkenaan lebih di kawasan bandar yang sedia mempunyai kemudahan asas pendidikan. Usaha menggantikan bahasa Melayu dan Inggeris sebagai pengantar dalam pentadbiran awam dan persekolahan bukanlah perkara mudah. Bahasa Jepun merupakan sesuatu yang baru kepada masyarakat tempatan berbanding bahasa ibunda dan Inggeris. Dorongan mempelajarinya lebih kepada ingin mengambil hati Jepun, memudahkan tugas dan takut menerima hukuman. Semasa zaman British pembelajaran bahasa Inggeris didorong oleh keinginan menceburi perkhidmatan awam dan mencapai status sosial yang tinggi. British tiada memaksa sebaliknya Jepun didapati menggunakan paksaan dalam menyebarkan penggunaan bahasanya. Pada awal tahun 1942 arahan telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa meminta semua premis niaga, bangunan awam mempamerkan tanda nama dalam bahasa Jepun. Penggunaan bahasa Inggeris dilarang sama sekali malahan sekolah Inggeris telah ditutup. Paksaan gagal memberikan kesan yang maksimum kepada penggunaan bahasa Jepun kerana tidak melahirkan kesedaran dan rasa sayang. Golongan yang menguasai bahasa Jepun dengan baik lebih didorong oleh semangat ingin belajar dan

[148] Lihat fail SUK Kedah 123/2603, Pegawai Kerajaan yang lulus bahasa Jepun. .

menguasai bahasa asing dan bukannya kerana takut. Mereka sedar bahawa menguasai bahasa asing adalah satu kelebihan dan memberi banyak faedah.[149]

Sumbangan dan Kesan Pendidikan Zaman Jepun

Pengalaman masyarakat

Umumnya pendidikan dianggap alat penting bagi Jepun menyebarkan propaganda bagi memperkukuhkan pengaruhnya kepada masyarakat tempatan. Walaupun tempoh pemerintahan Jepun hanya 3 tahun 8 bulan namun sistem pendidikannya telah memberi sumbangan dan meninggalkan kesan tertentu kepada masyarakat tempatan. Penekanan kepada indoktrinasi dan latihan fizikal dalam sistem pendidikan meninggalkan berbagai kesan dan pengalaman pahit dan manis kepada pelajar. Mereka menghadapi proses pembelajaran baru dengan mempelajari bahasa Jepun, menyanyi lagu Jepun, bersenam dan melibatkan diri dalam kegiatan pertanian seperti menanam sayur di sekolah di samping belajar adat istiadat Jepun seperti melakukan "*saikere*" iaitu hormat cara Jepun serta tunduk hormat kepada orang Jepun. Salah seorang pelajar, Encik Shaari Saad menyifatkan pengalamannya belajar di sekolah Jepun menyeronokkan kerana gurunya baik dan sering memulakan sesi pembelajaran dengan bertanya,"*Genki desuka*" (Apa khabar ?). Shaari lahir pada tahun 1931 di Kampung Sedaka, Yan, Kedah dan berumur 11 tahun ketika Jepun menduduki Tanah Melayu. Beliau belajar di sekolah Melayu Dulang Kechil sehingga darjah 3 apabila Jepun datang. Beliau dan 9 orang rakannya diarah menyambung pelajaran di sekolah Melayu Nyak Gam di Yan di mana mereka tinggal di asrama sekolah. Bagi Shaari, pengalaman belajar di sekolah adalah menarik walaupun mereka hanya melakukan

[149] Temubual dengan Tan Sri Azahari Taib dan rakaman temubual dengan Tun Hamdan Sheikh Tahir, 13 Mei 1987, koleksi sejarah lisan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

perkara yang sama berulang kali. Gurunya terdiri daripada pegawai awam Jepun seramai 5 orang. Mereka mengajar dengan baik. Jika melakukan kesalahan memadai mereka memohon maaf dengan berkata, "*sensei, gomen kudasai*" (cikgu, maafkan saya). Semua kemudahan bersekolah disediakan Jepun meliputi makan minum dan peralatan sekolah. Selain belajar, jadual harian mereka dipenuhi aktiviti bersenam, berkawad dan menanam sayur. Setiap 8 haribulan mereka adakan acara khas hormat bendera Jepun sambil menyanyi lagu"*Kimigayo*" dan "*Miyatokai*", "*Aozora*" dan lagu-lagu bersemangat seperti "lagu naik kuda" *(Kone odet)* dan "*Katawo*". Jepun amat menekankan disiplin dan kesanggupan bekerja keras yang memberi pengajaran yang amat baik. Shaari dapat menguasai asas bahasa Jepun setelah mempelajarinya selama 10 bulan.[150] Pengalaman Shaari menunjukkan bukan semua orang Jepun berwatak bengis dan garang, kakitangan awamnya didapati lebih bersopan dalam menjalankan tugas berbanding dengan askar.

Bagi Ibrahim Ismail pula, pengalaman bersekolah Jepun mengajarnya erti disiplin mengikut budaya Jepun. Ketika Jepun masuk ke Tanah Melayu beliau berumur 16 tahun dan menjadi guru pelatih sambil belajar bahasa Jepun di Alor Setar. Di sekolah murid perlu menghormati guru dan askar bermula di pintu pagar lagi dengan menundukkan diri kepada orang yang berkenaan. Kegagalan melakukan tunduk hormat kepada guru atau pegawai Jepun boleh mengundang hukuman " tempeleng Jepun" kerana Jepun menganggap mereka yang tidak menghormatinya sebagai musuh dan ingin menentangnya.[151] Pernah berlaku satu kejadian di mana Senu Abdul Rahman (Dato') sedang berjalan kaki di hadapan Maktab Sultan Abdul Hamid Alor Setar, ketika melintasi pengawal Jepun yang sedang

[150] Temubual dengan Encik Shaari Saad di rumahnya pada 15 Februari 2005 .

[151] Temubual dengan Encik Ibrahim Ismail pada 26-9-1994. Koleksi siri wacana Arkib Negara Malaysia, Alor Setar berjudul " Gebang-Gebang Jepun".

berkawal di situ beliau tidak menundukkan kepalanya sebagai tanda hormat. Pengawal Jepun tersebut menjadi marah dan memanggil Senu untuk ditempelengnya tetapi Senu diselamatkan oleh Azahari Taib yang kebetulan berada di situ. Azahari ketika itu berkhidmat dengan Jepun dan pandai berbahasa Jepun.[152] Azahari juga merasai pengalaman pahit ketika belajar bahasa Jepun di kem tentera di Kepala Batas. Guru yang mengajarnya adalah askar Jepun yang terkenal dengan sikap yang kasar dan kurang diplomasi. Beliau ditempeleng oleh Jepun kerana sedikit kesilapan yang dilakukan ketika belajar. Beliau menangis mengenangkan sikap keras gurunya dan memohon untuk berhenti sekolah. Sebaliknya guru tersebut memberikannya peransang agar jangan mudah menangis, mesti mempunyai semangat yang kuat seperti Chandra Bose dan bersedia menerima hukuman jika bersalah. Azahari menerima nasihat tersebut dan berkat kesabarannya berjaya menjadi guru dan juru bahasa Jepun.[153]

Abdul Rahman Hj. Osman yang bertugas sebagai guru semasa pentadbiran Jepun, tidak begitu berminat untuk bertugas dengan Jepun tetapi terpaksa kerana tiada pekerjaan lain. Tugasnya hanya mengajar nyanyian dan lakonan di Sekolah Seberang Perak (lelaki). Setiap 8 haribulan, mereka melakukan *saikere* dan menyanyi lagu kebangsaan Jepun. Kehidupannya sebagai guru ketika itu susah kerana berpendapatan kecil menyebabkan beliau terpaksa melakukan pekerjaan sampingan.[154]

Nyanyian menjadi salah satu agenda penting di sekolah. Selain lagu utama seperti *Kimigayo* dan *Miyatokai* yang menjadi lagu rasmi di sekolah, lagu lain juga diajar terutamanya yang berkaitan dengan semangat mengagongkan Jepun serta memuja

[152] Temubual dengan Tan Sri Azahari Taib di rumahnya 1236, Lorong Air Puteh, Alor Setar, Kedah pada 9 Januari 2005.
[153] Temubual dengan Tan Sri Azahari .....
[154] Temubual dengan Tuan Hj. Abdul Rahman Hj. Osman pada 26 September 1994. Koleksi wacana Arkib Negara Malaysia, Kedah bertajuk "Gebang-Gebang Jepun".

keindahan negerinya. Salah sebuah lagu yang masih diingati senikatanya serta dinyanyikan oleh Shaari Saad adalah seperti berikut.[155] Lagu ini telah diterjemahkan daripada bahasa Jepun ke bahasa Melayu oleh gurunya yang bernama Cikgu Mahmud.

Lihatlah langit timur setiap hari
Matahari memancar tersangat tinggi
Semangat ku gembira didalam hati
Harapan negeri ku majulah mesti

Oh! Tuhan ku, kutanam kasih
Kemuncak gunung Fuji setiap hari
Matahari memancar tersangat tinggi
Semangat ku gembira didalam hati
Harapan negeri ku majulah mesti

Bagi pelajar belasan tahun seperti Shaari, menyanyi adalah satu perkara yang menarik dan menyeronokkan. Walaupun nyanyian ini dipenuhi unsur propaganda Jepun namun mereka melakukannya dengan penuh kerelaan dan kesukaan. Bagi seorang budak kampong seperti Shaari, propaganda Jepun belum meresap penuh di dalam jiwanya.

Pengalaman yang dilalui oleh mereka yang mengikuti sistem pendidikan Jepun hampir sama pada peringkat sekolah rendah, sekolah teknikal, kelas normal malahan di *Koa Kunrenjo* kerana agendanya hampir sama. Penekanan diberi kepada belajar bahasa Jepun, kawad, senaman *taiso*, *saikere*, *judo* dan *kendo* selain kegiatan bercucuk tanam yang bertujuan menerapkan *seishin* Jepun. Walaupun pelajaran lain diajar tetapi pengalaman menghadapi perkara-perkara di atas merupakan sesuatu yang baru dan menarik bagi kebanyakan pelajar.

Penekanan yang sama diberikan di pusat latihan seperti Pusat Latihan Guru (*Shihan Gakko*) atau *Koa Kunrenjo*. Selain mengikuti kursus dalam bidang yang telah

[155] Temubual dengan Encik Shaari Saad....

ditetapkan, jadual harian dipenuhi dengan latihan jasmani dan *Seishin* Jepun. Seorang yang berpeluang mengikuti latihan dikedua-dua tempat ini ialah Hamdan Sheikh Tahir. Walaupun menghadapi berbagai rintangan dari segi fizikal dan mental namun Hamdan yang bercita-cita tinggi untuk belajar dan menjadi guru berusaha bersungguh-sungguh mengatasi segala masalah. Para pelatih mendapat pengalaman baru melalui latihan ala tentera serta ditanamkan dengan disiplin tinggi, tabah dan rajin bekerja untuk menumpukan taat setia kepada kerajaan Jepun dan majikan di mana mereka berada.[156] Hamdan berpeluang mengikuti latihan di *Kyoin Yosei Jo* di Ipoh seterusnya menjadi tenaga pengajarnya. Kesempatan ini digunakannya untuk mendalami lagi pelajaran bahasa Jepun dan gusti sumo yang diminatinya. Beliau bergaul rapat dengan Pengarah pusat ini, S. Banno seorang pegawai Jepun lulusan dari Amerika. Hamdan bersifat terbuka dalam pergaulannya dengan para pegawai Jepun sepertimana yang dinyatakannya.

> " Saya telah banyak menimba ilmu, lebih banyak yang dapat saya timba melalui pergaulan dan perbincangan dengan pegawai-pegawai Jepun, yang kebanyakannya *cultural people* dan mempunyai minat yang mendalam dalam bidang pendidikan. Satu kaedah mempelajari bahasa asing ialah melalui pergaulan dengan mereka serta melahirkan satu keyakinan tak kenal maka tak cinta". [157]

Pandangan yang diutarakan Hamdan berbeza dengan mereka yang sering menghadapi masalah belajar dengan Jepun yang bersifat tegas dan memaksa. Berdasarkan biografinya

[156] Lihat biografi Tun Hamdan, Mohd. Nor Long, *Tun Hamdan Guru Sepanjang Hayat*, m.s. 49. Hamdan memasuki *Syonan Koa Kunrenjo* pada pertengahan tahun 1942. Di sini, beliau terdedah dengan berbagai aktiviti baru yang amat mencabar ketahanan dan kesabarannya. Selain berkawad ala tentera di tengah panas matahari, mereka juga dilatih bekerja menggunakan tulang empat kerat seperti berkebun sayur. Hamdan kerana didorong oleh kebolehan dan keazamannya telah mencapai beberapa kejayaan dalam bidang akademik dan sukan ketika di sini.

[157] Mohd. Nor Long, *Tun Hamdan*, m.s. 49

Hamdan memiliki sifat yang disenangi Jepun seperti rajin, dedikasi, cergas dan bijak yang memudahkan urusannya dengan Jepun.[158]

Latihan di *Koa Kunrenjo* amat menekankan soal disiplin dan *seishin* sebagaimana turut dirasai Abdullah Hussain yang merupakan pelatih kumpulan kedua *Syonan Koa Kunrenjo*. Abdullah mengatakan disiplin ditekankan sejak hari pertama lagi. Beliau masih ingat apabila sampai ke pusat tersebut yang terletak di bekas Sekolah Inggeris Upper Seranggoon Road, mereka terus menuju ke asrama masing-masing yang sedia teratur untuk berehat. Walau bagaimanapun hasrat mereka terbantut kerana pengarah pusat berkenaan Mr. Ogawa dengan tegas mengeluarkan arahannya.

> "Saya lihat tuan-tuan semua telah bersenang-senang di atas. Ada yang sudah tidur-tidur. Tuan-Tuan jangan fikir hal yang serupa ini akan saya benarkan berlaku di sini. Sekarang tuan-tuan naik keatas bawa semua barang-barang kepunyaan tuan-tuan itu ke bawah ini. Tempat-tempat tidur yang sudah dipasang mesti dibuka kembali. Saya beri tempoh dua puluh minit dan apabila bunyi loceng sekali lagi, tuan-tuan sudah mesti sampai ke sini.Satu orang pun jangan lewat! Pergi !".[159]

Dalam tempoh yang diberikan, mereka diarahkan supaya masuk ke asrama, membuka dan memasang semula kelengkapan yang ada. Dengan masa yang terhad mereka terpaksa bekerja keras dan bekerjasama bagi memastikan arahan pihak juru latih dilakukan dengan sempurna atau menghadapi hukuman. Menurut Abdullah lagi, terdapat rakannya yang berasal daripada keluarga Diraja seperti Raja Azman dari Perak terpaksa ditolong kerana tidak biasa melakukan kerja seperti yang diarahkan.[160] Daripada peristiwa seperti ini, beliau mula belajar menghargai dan menepati masa. Kehidupan Abdullah di pusat ini

---

[158] ibid

[159] Abdullah Hussain, *Terjebak*, m.s. 153.

[160] Temubual dengan Dato' Abdullah Hussain pada 3 Mac 2005 di rumahnya 840, jalan 22/17 Petaling Jaya, Selangor.

disifatkannya menarik kerana dapat bertemu semula dengan rakan-rakannya dari Kedah selain berkesempatan berkenalan dengan ramai kawan dari seluruh Nusantara.[161] Budaya hidup tinggal bersama di asrama yang disediakan menjadikan hubungan antara pelatih semakin akrab dan mesra. Mereka sering menghabiskan masa bersama bermain muzik dan menyanyi. Pengalaman hidup bersama mengharungi segala rintangan dan cabaran adalah pengalaman berharga bagi mereka dan secara tidak langsung telah dapat menyemai semangat persahabatan, kerjasama dan bertolak ansur.[162]

Keunikan Falsafah dan Sistem Pendidikan Jepun

Sistem pendidikan Jepun unik kerana dasar tidak mementingkan pendidikan akademik tetapi menekankan soal indoktrinasi bagi membentuk kepercayaan dan kesetiaan kepada Jepun. Melalui pendekatan ini Jepun berharap meningkatkan pengaruh mereka dalam kalangan masyarakat tempatan. Oleh yang demikian, aspek yang diberi perhatian ialah penerapan *seishin* kepada pelajar. Adalah sukar untuk memahami karektor masyarakat Jepun tanpa mengaitkannya dengan *seishin* kerana ianya merupakan budaya teras yang menjadi pegangan seluruh masyarakatnya. Tiga aspek utama yang terkandung dalam ***seishin*** ialah : [163]

1. Kesetiaan dan penghormatan yang mutlak kepada Maharaja (Tenno Heika).
2. Kesanggupan dan kesediaan berkorban kepadanya.
3. Penerapan nilai disiplin dalam diri seseorang.

---

[161] Abdullah walaupun berasal dari Kedah namun menyertai latihan di Syonan Koa Kunrenjo sebagai mewakili Acheh. Rakan-Rakannya dari Kedah yang ditemuinya di sana termasuklah Khir Johari, Aziz Zain, Mohamad Jamil, Syed Agil Barkhbah dan Ahmad Abdul Rahman. Temubual dengan Dato' Abdullah Hussain...

[162] Temubual dengan Dato' Abdullah Hussain.

[163] Lihat Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down* dan Yoji Akashi, Japanese Occupation of Malaya: Interruption or Transformation.

Kesetiaan kepada maharaja mengatasi kepentingan yang lain. *Seishin* menuntut tiada sebarang perdebatan tentang soal keagongan maharaja. Di Jepun setiap kanak-kanak diterapkan dengan semangat ini melalui sistem pendidikan. Perkara yang turut ditekankan ialah "tiada yang lebih baik selain mati untuk maharaja dan Negara." Anak-anak muda yang dilatih dengan *Seishin* bersedia mencurahkan khidmat kepada empayar Jepun secara ketenteraan atau khidmat negara.[164] Ketaatan kepada maharaja dipengaruhi oleh kepercayaan masyarakat Jepun bahawa maharaja adalah berketurunan dewi matahari dan jelmaan tuhan.[165] Konsep ini diperjelaskan oleh Chin Kee Onn :

> " *Tenno Heika is the emergence of the incarnate sovereignty of supreme God who created the universe , and so the dynasty is immortal. The crest of the dynasty of the sixteen petals of chrysanthemum is a symbol of concentration , the Hinomaru of perfect harmony and the flag of the rising sun symbolises the majestic rays absorbing the whole world*" .[166]

Bagi menjelmakan penghormatan kepada maharaja, sekolah dan institusi pendidikan melakukan beberapa istiadat seperti *saikere* di mana pelajar akan menundukkan kepala ke arah matahari terbit (negeri Jepun) dan bendera Jepun sebagai penghormatan. Upacara ini diikuti dengan menyanyi lagu kebangsaan Jepun dan membaca ikrar. Upacara *saikere* menjadi perkara penting yang perlu dilalui oleh semua peringkat persekolahan ataupun sebagai acara mingguan atau bagi menyambut perayaan tertentu seperti hari ulang tahun

---

[164] Yoji Akashi, The Japanese Occupation of Malaya.

[165] Berdasarkan cerita lagenda yang dipercayai oleh masyarakat Jepun, pembentukan bangsa dan negara Jepun bermula apabila Dewi Amateresu yang bertakhta di kayangan telah menghantar cucunda lelakinya yang bernama Ninigino Mikoto ke bumi dengan mengisytiharkan bahawa kepulauan Jepun merupakan tempat kediaman yang sesuai bagi keturunannya. Mengikut kepercayaan mereka, Maharaja Jimmu (660 S.M) yang telah berjaya menyatukan negeri Jepun adalah berketurunan daripada Dewa Ninigino Mikoto ini cucu kepada Amateresu dewi matahari. Maharaja yang berikutnya pula adalah keturunan daripada Maharaja Jimmu. Jadi mereka mempercayai bahawa semua Maharaja Jepun adalah berketurunan daripada Dewi Matahari. Sumber lagenda ini adalah daripada *Kojiki* dan *Nihon Shoki* (koleksi cerita-cerita dongeng yang bersumberkan lisan, telah ditulis dan dibukukan dalam abad ke 8) . Lihat Ishida E., *Budaya Jepun: Kajian Tentang Asal Usul dan Ciri*, Terjemahan Mokhtar Ahmad dan Rustam A. Sani (Kuala Lumpur: Pustaka Cipta, 1986) . m.s. 20-22.

[166] Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down* , m.s. 141.

kelahiran maharaja, hari ulangtahun peperangan Asia Timur Raya dan hari angkatan tentera.[167] Hakikatnya *saikere* hanyalah rutin semata-mata bagi kebanyakan penduduk Tanah Melayu dan gagal mengubah kepercayaan mereka yang tunduk ke arah matahari terbit dan bendera Jepun hanya kerana takut dan bukannya kerana membesarkan maharaja Jepun. Orang Islam sedar bahawa mereka hanya sujud ke arah kiblat di Mekah.[168]

Satu aspek *seishin* yang diberi perhatian dalam sistem pendidikan Jepun ialah pembentukan disiplin diri yang merangkumi pembentukan sikap seperti berani, jujur, tidak berputus asa, sedia berkorban, mementingkan masa dan bersedia bekerja keras di bawah panas matahari. Pelajar juga dituntut supaya menghormati guru (*sensei*) dan orang yang lebih tua. Di sekolah seseorang pelajar perlu menundukkan kepala apabila bertemu dengan gurunya. Seorang pelatih di Syonan *Koa Kunrenjo* sampai kini keberatan meletakkan punggung untuk duduk di atas meja. Meja adalah tempat yang mulia kerana diatasnya diletakkan buku dan digunakan untuk menulis. Tempat mulia sewajarnya dihormati dengan baik.[169]

Di sekolah atau institusi pendidikan yang lain, dianjurkan aktiviti-aktiviti kecergasan yang dapat membentuk disiplin pelajar seperti senaman taisho, kawad, berlari , sukan cara Jepun dan berkebun. Aktiviti ini sebahagian besarnya bercorak ala tentera dan

---

[167] Rekod-Rekod bertulis dan lisan menerangkan perkara ini. *Saikere* menjadi agenda penting yang dilaksanakan pada semua institusi pendidikan peringkat rendah atau menengah. Lihat misalnya tulisan Yoji Akashi tentang program pendidikan Jepun seperti Education dan Indoctrination Policy in Malaya and Singapore During Japanese Occupatin dan Koa Kunrenjo: Cultural Propagation and Conflict Under The Japanese Occupation of Malaya. Tulisan beliau yang menyentuh agenda pendidikan dan indoktrinasi menerangkan tentang pelaksanaan saikere di sekolah dan institusi pendidikan. Juga rakaman temubual dengan responden yang pernah mengikuti pengajian di Sekolah Jepun samada pada peringkat rendah, menengah atau *Koa Kunrenjo*. Saban hari atau minggu mereka perlu melakukan *saikere*. Daripada koleksi sejarah lisan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur , terdapat temubual dengan Hj. Hashim Gera (1987), Dato' Seri Wan Isa Shukri Wan Rosdi (1989), Tan Sri Mohamad Jamil (1987), Hj. Mohd. Jadi Lahom (1988) dan Tun Ghafar Baba (1994). Temubual juga diadakan dengan Tan Sri Azahari Taib (2005), En Shaari Saad (2005), Hj. Taha Abdul Rahman (2005) dan Hj. Osman Bakar (2005).

[168] Temubual dengan Tan Sri Mohamad Jamil

[169] Temubual denga Dato' Abdullah Hussain pada 3 Mac 2005.

menuntut tahap ketahanan yang tinggi dari segi fizikal.Latihan berkawad pada waktu tengahari misalnya memerlukan daya tahan dan kesabaran yang tinggi. Dato' Ahmad Boestamam seorang tokoh politik kiri pada zaman penjajahan Inggeris menceritakan pengalamannya semasa menjadi pelatih di Malai *Koa Kunrenjo*. Beliau menangis kerana terpaksa mencabut rumput semalu di tengah panas matahari. Tanpa berbaju, badannya basah dengan peluh sementara tangannya habis luka terkena duri. Ini adalah antara ujian ketabahan yang terpaksa dilaluinya.[170] Walaupun bentuk latihan yang diamalkan Jepun adalah keras tetapi bagi kebanyakan pelatih, ia mempunyai keunikan dan kelebihannya. *Seishin* diharap menjadikan mereka tahan lasak, tidak takut dan dapat menghadapi segala kerumitan hidup. Para juru latih sering mengatakan kepada pelatih bahawa,"Jika kamu mengamalkan *seishin*, kamu adalah lelaki sebaliknya jika kamu tidak memilikinya, kamu adalah tikus".[171]

Jepun cuba menyemaikan falsafah mengagongkan *Tenno Heika* walaupun sukar diterima. Kebanyakan pelajar Islam menganggap *saikere* bertentangan dengan ajaran Islam.[172] Lagipun penerapan *seishin* dilakukan secara paksaan menyebabkan tiada penghayatan dan ia dilakukan semata-mata kerana takut kepada hukuman Jepun.

[170] Ahmad Boestamam, "Suka Duka Dalam Khemah Latihan", *Dewan Masyarakat*, 15 November, 1981.
[171] Yoji Akashi, *Koa Kunrenjo*, m.s. 9.
[172] Murid-Murid pada peringkat sekolah rendah melakukan acara *saikere* ini tanpa menghayati secara mendalam falsafah dan pengertiannya. Mereka sekadar melakukannya kerana mendapat arahan daripada guru atau pihak atasan. Walaupun sesetengahnya (masyarakat Islam) menyedari bahawa amalan ini bertentangan dengan ajaran Islam namun kerana terpaksa mereka melakukannya juga. Pada mereka, walaupun terpaksa tunduk hormat kepada benfera Jepun dan ke arah matahari terbit namun mereka tidak pernah terniat untuk menyembah agama dan Maharaja Jepun. Temubual dengan Encik Shaari Saad pada 15 Februari 2005. Mejar Bersara Ismail Babu juga dalam memoirnya menyatakan bahawa beliau telah menukar lafaz ikrar semasa *saikere* yang menyebut taat kepada Tenno Heika, taat kepada negara Jepun, taat kepada tentera Jepun dan berjuang bersungguh-sungguh kerana bangsa Jepun kepada taat kepada Raja dan tanah air, bangsa dan berkorban kerana agama. Mejar (B) Ismail Babu, *Kisah Seorang Perajurit* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990) m.s. 114. Latihan di *Koa Kunrenjo* juga amat menekankan acara *saikere* ini. Mengikut pandangan Dato' Abdullah Hussain, mereka terpaksa melakukannya kerana arahan yang dilaksanakan secara tentera. Tetapi beliau tidak pernah meniatkan di dalam hatinya bahawa ia menyembah agama dan Maharaja Jepun kerana sedar ianya bertentangan dengan ajaran Islam. Ia lebih melihat perkara ini sebagai satu budaya masyarakat Jepun yang cuba diterapkannya kepada penduduk tempatan. Temubual dengan Dato' Abdullah Hussain pada 3 Mac 2005.

Masyarakat Melayu secara tradisinya mempunyai asas kepercayaan kepada agama Islam dan taat setia kepada Raja atau Sultan yang memerintah. Pegangan kepada Islam melarang penganutnya menyembah selain daripada Allah dan perkara ini melibatkan asas tawhid iaitu perkara pokok dalam agama Islam. Percubaan Jepun untuk menanamkan kesetiaan masyarakat Melayu khususnya kepada Tenno Heika ternyata merupakan satu pertembungan kepercayaan agama yang tidak boleh dikompromi kerana melibatkan perbezaan dalam asas kepercayaan. Secara tidak langsung Jepun telah campur tangan dalam hal ehwal agama dan adat resam orang Melayu yang mereka berjanji pada peringkat awalnya untuk tidak campur tangan. Faktor ini menyumbang kepada kegagalan Jepun untuk mempengaruhi masyarakat Tanah Melayu supaya menyembah maharajanya. Paksaan yang dikenakan Jepun terhadap penduduk Tanah Melayu juga menimbulkan lebih banyak tekanan dan rasa benci yang seterusnya menyebabkan pengaruh Jepun semakin merosot. Walau bagaimanapun aspek *seishin* yang menuntut perubahan sikap lebih positif dapat diterima secara lebih terbuka oleh masyarakat. Sepertimana dikatakan Halinah Bamadhaj, pendidikan di sekolah yang menekankan pembentukan sikap rajin, menghormati guru, bekerjasama dan menghormati kerja bertani adalah selari dengan budaya sedia ada masyarakat Melayu.[173] Walaupun mereka dipaksa melakukannya namun tidak wujud kontradiksi nilai yang besar. Aspek ini kemudiannya berjaya mempengaruhi pembentukan pemikiran dan sikap anggota masyarakat.

[173] Halinah Bamadhaj, "Japanese Occupation of Malaya", m.s. 36

Kesan Pendidikan Terhadap Pemikiran dan Sikap Masyarakat

Matlamat sistem pendidikan sebagai alat propaganda bagi mengukuhkan kuasa politik Jepun gagal dicapai sepenuhnya kerana menghadapi berbagai halangan dan masalah.[174] Sungguhpun begitu dasar dan sistem pendidikannya sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada masyarakat tempatan. Pendudukan Jepun di Tanah Melayu berlaku ketika bibit-bibit kesedaran kebangsaan mula tumbuh akibat pengaruh golongan berpendidikan agama dan Inggeris. Kesedaran tentang perlunya perubahan sikap dalam kalangan orang Melayu supaya mengubah nasib mereka mula dibincangkan oleh golongan reformis sejak tahun 1930-an lagi melalui penulisan mereka.[175] Secara kebetulan apabila Jepun meniupkan semangat Asia untuk Asia dan perlunya perubahan sikap untuk mencapai kemajuan maka matlamat Jepun adalah selari dengan perjuangan golongan reformis di Tanah Melayu. Pendekatan Jepun yang menekankan aspek pemupukan *Seishin* memberikan kesan secara tidak langsung kepada anak negeri. Semangat ingin berubah dan maju yang sedia tertanam di jiwa mereka semakin berkembang subur apabila menerima propaganda Jepun. Mereka yang berpeluang belajar pada peringkat menengah dan kolej merasakan kesan lebih besar hasil indoktrinasi Jepun.

---

[174]Lihat Zainal Abidin Wahid,"Pendudukan Jepun" dalam *Malaysia Warisan dan Perkembangan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996) dan Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945 A Social and Economic History*(Australia: Allen and Unwin,1998).Walaupun pihak Jepun merancang rancangan pendidikannya di Tanah Melayu namun ianya sukar dilaksanakan dengan berkesan kerana menghadapi berbagai masalah seperti kekurangan wang, masa yang terhad selain kekurangan guru yang mahir. Suasana peperangan juga mempengaruhi sikap masyarakat. Pendidikan bukan menjadi keutamaan kecuali bagi segelintir yang berminat mempelajari bahasa Jepun kerana kepentingan tertentu. Masyarakat lebih memberi perhatian kepada soal keselamatan jiwa dan survival. Tentera Jepun juga tidak dapat menumpukan perhatian hanya kepada bidang pendidikan kerana tugas-tugas militeri yang kian bertambah ekoran pertambahan saiz wilayah yang perlu ditadbir selain kekurangan peruntukan kewangan. Kemudahan mendapat pendidikan juga lebih tertumpu di kawasan bandar menyebabkan tiada perkembangan ke seluruh tanah air.

[175] Tentang hal ini lihat misalnya Abdullah Hussain dan Khalid M. Hussain, *Pendeta Za'ba dalam Kenangan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000). Karya ini antara lain membincangkan peranan Za'ba sebagai cendekiawan Melayu dan tulisan-tulisannya yang meniup semangat baru dan kesedaran di kalangan masyarakat Melayu.

Sistem pendidikan peringkat rendah lebih tertumpu kepada bidang kemahiran dan indoktrinasi. Kanak-kanak dan golongan remaja yang bersekolah mengalami pendedahan awal tentang aspek-aspek kenegaraan melalui nyanyian lagu-lagu bersemangat yang berkisar kepada soal kecintaan kepada bangsa dan negara. Mereka diajar bercucuk tanam di kawasan sekolah bagi mendapatkan latihan amali selain menghargai aktiviti pertanian yang dianggap mulia. Di sekolah atau pusat latihan kemahiran, mereka ditanam pula dengan *seishin* atau latihan membina semangat yang memberi kesan kepada anak muda yang sedang meningkat remaja dan berdarah panas yang berpeluang mengikuti berbagai kursus seperti di sekolah Teknikal, Maktab Latihan Guru dan *Koa Kunrenjo*. Di institusi ini, indoktrinasi *seishin* lebih diberi perhatian berbanding peringkat sekolah rendah. Keadaan ini bersesuaian dengan mereka yang memasukinya yang telah mencapai tahap umur remaja atau belia. Lagipun institusi seperti *Koa Kunrenjo* mempunyai matlamat untuk membentuk pemimpin masa depan yang akan berkhidmat dengan Jepun. Perubahan lebih mudah berlaku kerana kebanyakan pelatihnya mempunyai asas pendidikan yang baik.

Pengajaran di sekolah yang memberi keutamaan kepada aktiviti kecergasan fizikal dan pertanian sedikit sebanyak mempengaruhi sikap Shaari Saad yang bersekolah selama tiga tahun di Sekolah Melayu Yan, Kedah. Bagi Shaari penekanan yang diberikan Jepun terhadap aktiviti pertanian bukanlah luar biasa memandangkan masyarakat Melayu secara tradisinya sudah terlibat dalam ekonomi pertanian. Beliau disuntik dengan semangat bahawa "pertanian adalah pekerjaan yang mulia dan perlu dilakukan dengan penuh bangga". Membanting tulang dan bekerja mengeluarkan peluh di bawah panas matahari mampu menjadikan seseorang cergas dan sihat. Semasa di sekolah beliau selalu menjalankan aktiviti di bawah panas matahari. Jika pelajar merungut panas, guru akan berkata "Jika tidak panas, bagaimana padi akan masak". Ini bermakna cuaca panas itu

penting kepada kehidupan manusia. [176] Selepas tamat belajar sekolah rendah beliau tidak lagi menyambung pelajarannya kerana masalah ekonomi dan pengangkutan sebaliknya tinggal di kampung menjadi petani. Walaupun tidak menjawat jawatan kerajaan namun Shaari percaya kepada konsep kecergasan fizikal dan kepentingan bidang pertanian yang dipelajarinya daripada Jepun. Beliau tidak kekok untuk bekerja keras sebagai petani. Kini beliau berusia 74 tahun tetapi masih bersemangat dan cergas. Beberapa tahun yang lalu, Shaari berpeluang melawat kilang Agriculture Chemical of Malaysia (ACM) di Pulau Pinang di mana beliau berpeluang menemui beberapa orang pegawai kilang berbangsa Jepun. Pegawai-pegawai tersebut kagum dengan kebolehan Shaari berbahasa Jepun dan menghormati mereka mengikut cara Jepun. Ingatannya pada peristiwa-peristiwa yang berlaku pada tahun 1940-an masih jelas menggambarkan keberkesanan pengajaran yang diperolehinya.

Aziz Tapa mempunyai pandangan yang berbeza daripada Shaari Saad. Beliau menganggap Jepun mengambil kesempatan menggalakkan penduduk termasuk penuntut sekolah melibatkan diri dalam bidang pertanian untuk mengatasi masalah kekurangan makanan. Beliau bekerja membuat batas ubi keledek dengan Jepun di Jasin Melaka dengan pendapatan hanya 40 sen sehari. Semasa perang tiada banyak pilihan, sebarang pekerjaan perlu dilakukan bagi meneruskan kehidupan. Walau bagaimanapun pengalamannya bekerja keras membanting tulang mengajarnya erti kesusahan dan perjuangan hidup. Sampai kini beliau amat menghormati golongan yang bekerja keras bagi mencari rezeki kerana berpendapat tiada perkara yang mudah untuk dicapai dalam kehidupan tanpa usaha yang bersungguh-sungguh. Baginya satu pengajaran berguna kepada masyarakat Melayu akibat dasar Jepun ialah "mereka menjadi lebih berinisiatif dan inovatif, jika terpaksa semua

[176] Temubual dengan Encik Shaari Saad pada 15 Februari 2005.

perkara boleh dilakukan seperti pepatah Melayu menyebut,"kalau sudah terdesak, batang nibong dipanjat".[177] Pandangan Aziz hampir sama dengan pendapat Ahmad Boestamam yang pernah mengikuti latihan di *Koa Kunrenjo* Melaka. Beliau turut berkata,"orang Melayu boleh lakukan apa sahaja jika terpaksa". Jepun mahu mengikis sifat manja orang Melayu. Sebagai tokoh politik kiri, Ahmad Boestamam mengakui sifat beraninya turut dibentuk melalui latihan daripada Jepun.[178]

Pandangan yang mengaitkan sikap masyarakat Melayu yang sanggup melakukan sesuatu perkara kerana dipaksa dan takut kepada Jepun ternyata kebenarannya tetapi terdapat aspek tertentu yang dipersoalkan. Radzi Ahmad yang belajar bahasa Jepun dan menjadi guru pelatih di Suka Menanti Alor Setar menjelaskan peristiwa mereka dipaksa melakukan *saikere* dan memberi hormat kepada tentera Jepun setiap minggu. Baginya penghormatan yang dilakukan secara paksaan tidak menghasilkan perlakuan yang ikhlas. Mereka hanya melakukannya kerana takut dan bukannya hormatkan Jepun secara jujur dan ini merupakan antara sebab gagalnya propaganda Jepun. Bagi Cikgu Radzi apa yang ditekankan kepada muridnya semasa mengajar ialah kejujuran dan keikhlasan dalam menghormati guru bukannya kerana takut. Beliau tidak mahu melakukan kesilapan yang pernah dilakukan Jepun semasa mengajar. Baginya sesuai dengan ajaran Islam, murid perlu menghormati gurunya secara ikhlas bagi mendapat keberkatan dalam pelajaran.[179] Walau bagaimanapun Radzi bersetuju guru perlu bersikap tegas dan mengutamakan disiplin ketika mengajar bagi mewujudkan suasana bersungguh-sungguh ketika belajar.

---

[177] Temubual dengan Tan Sri Aziz Tapa

[178] Temubual dengan Datuk Ahmad Boestamam pada 17 Mac 1977 oleh En. Sidek Jamil , Arkib Negara Malaysia, koleksi sejarah lisan Arkib Negara, Kuala Lumpur.

[179] Temubual dengan En Radzi Ahmad pada 15 Ogos 2005 di rumahnya 64, Taman Halban, Jitra, Kedah.

Guru sekolah Melayu juga tidak terkecuali daripada merasai kesan latihan yang dijalankan Jepun. Cikgu Shaharom Hussain yang berpeluang belajar dan mengajar bahasa Jepun di beberapa tempat di Johor merasakan latihan yang dijalaninya dapat menjadi panduan dan pengajaran dalam mengharungi cabaran kehidupan . Beliau berkata:

> "Walaupun hidup pada zaman pemerintahan Jepun itu disusuli dengan berbagai peristiwa kejam yang menyayat hati, yang dilakukan oleh polis tentera dan rahsia (*kempeitai*) seperti pukul, tampar, tendang, tendang terajang dan seribu satu macam dera dan seksa tanpa peri kemanusian dan juga kepahitan dan kesengsaraan hidup kerana kekurangan dan kepicikan keperluan harian seperti makanan, pakaian, perubatan dan lain-lain tetapi daripada kekejaman dan kepahitan hidup itu, saya banyak mendapat pelajaran dan pengajaran. Segala yang baik itu boleh dijadikan teladan dan yang buruk pula dijadikan sempadan untuk ingatan dan pegangan hidup pada masa kini dan akan datang". [180]

Setiap bulan, mereka dikehendaki hadir di Dewan Besar Bangunan Panggung *Dai Toa (panggung Cathay)* Singapura untuk mendengar syarahan pegawai tentera dan cendekiawan Jepun yang hanya merupakan propaganda untuk membohongi dan mengabui mata rakyat tetapi dapat juga menjadi panduan dan perbandingan. Bagi Shaharom, penderitaan yang dialami rakyat memungkinkan timbulnya kesedaran dalam kalangan mereka. Bangsa yang boleh menahan kesusahan serta melawan dengan semangat teguh akan mendapat kemenangan akhir yang gilang gemilang.[181] Suasana kehidupan yang serba sukar mengajar erti kesabaran dalam hidup. Selagi dijajah, sesuatu bangsa itu tidak akan mendapat kemulian dan kedudukan yang tinggi. Bangsa Melayu seharusnya mengubah sikap supaya lebih berani, rajin berusaha dan bersungguh-sungguh seperti Jepun untuk mencapai kejayaan. Pemikiran Shaharom menggambarkan kesedarannya terhadap nasib

---

[180] Shaharom Husain, *Memoir Shaharom Husain : Selingkar Kenangan Abadi* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996) m.s. 227.
[181] Ibid.

bangsa Melayu tetapi bukan semua anggota masyarakat yang berfikiran seperti beliau yang dapat menyelami kebaikan di sebalik pendudukan Jepun.

Hj. Taha Abdul Rahman yang berkhidmat sebagai guru selama 33 tahun pula menjadikan pengalamannya belajar semasa pentadbiran Jepun sebagai panduan dalam kerjayanya. Beliau belajar bahasa Jepun di sebuah bangunan di Telok Wanjah Alor Setar daripada Cikgu Murad dan guru berbangsa Jepun. Gurunya amat mementingkan disiplin dan menekankan penghormatan murid kepada guru. Beliau mengakui keberkesanan mempelajari bahasa Jepun adalah kerana takut kepada guru yang tegas dan bukannya kerana minat kepada bahasa tersebut. Apabila menjadi guru kemudiannya, Cikgu Taha mempraktikkan pengajaran yang diperolehinya daripada Jepun dengan menanamkan bibit disiplin dan menghormati guru dalam kalangan pelajarnya. Beliau kesal kerana kini murid tidak lagi menghormati guru dan gejala kurang berdisiplin kian merebak dengan meluas. [182]

"Kaedah pendidikan Jepun yang keras dan lasak meninggalkan kesan terhadap pembentukan pemikiran dan sikap individu kerana latihan yang diikuti dapat membentuk sikap tegas dan berdisiplin".[183] Kenyataan ini bertepatan dengan watak Tan Sri Azahari Taib, yang merupakan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat pada tahun 1970-an. Azahari melalui berbagai ranjau dalam kehidupannya sebagai wartawan Utusan Melayu dan ahli politik yang memerlukan beliau sentiasa bersemangat dan berani. Dalam usia 80-an, beliau kelihatan masih sihat dan cergas walaupun pendengarannya kurang jelas. Cara beliau bertutur dan memberikan pendapat tentang sesuatu perkara menggambarkan ketegasannya. Bagi mereka yang kurang biasa dengannya , beliau dikatakan bersifat garang walaupun sebenarnya tidak sedemikian. Sifat tegas dan berdisiplin yang ada padanya

[182] Temubual dengan Tuan Hj. Taha Abdul Rahman

[183] Temubual dengan Tan Sri Azahari Taib di rumahnya 1236, Lorong Air Puteh, Alor Setar Kedah pada 9 Januari 2005.

adalah hasil latihan yang diterima daripada Jepun. Azahari lahir pada 25 Mac 1924 di Kuala Sala, Kedah dan mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu Sungai Korok sehingga darjah 7. Pada sebelah petang beliau menyambung pengajiannya di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar selama 1 setengah tahun. Semasa pendudukan Jepun, Azahari menjadi pelatih mekanik kapal terbang dan belajar bahasa Jepun di Kepala Batas. Sepanjang pembelajarannya, beliau menghadapi berbagai kesukaran kerana sikap keras jurulatih termasuk ditempeleng Jepun. Beliau juga tidak dapat menyembunyikan rasa tidak puas hati dan tidak setujunya dengan cara Jepun yang disifatnya bertentangan dengan budaya Melayu seperti tunduk hormat. Arahan-arahan yang disampaikan sama ada dalam bentuk paksaan dan sergahan menyebabkannya rasa tertekan. Beliau memohon berhenti tetapi dicabar Jepun supaya tidak takut kepada cabaran.

Dengan keazaman yang tinggi beliau mempelajari bahasa Jepun dengan cepat. Penguasaan bahasa Jepun yang baik membolehkannya dinaikkan pangkat menjadi jurubahasa dan kemudiannya ketua bagi menjaga sekumpulan pekerja selain menjadi guru bahasa Jepun. Apa yang membanggakannya ialah beliau dapat memakai pistol dan pedang yang biasanya hanya digunakan pegawai Jepun. Baginya ini merupakan satu penghormatan Jepun kepada anak tempatan. Semangatnya semakin membara apabila mendengar propaganda Jepun bahawa Tanah Melayu bakal diberikan kemerdekaan. Walau bagaimanapun kekalahan Jepun amat mengecewakannya tetapi mengakui pendidikan dan pengalaman yang diperolehi daripada Jepun banyak membantu dan mendorong semangat perjuangannya. Pengajaran berguna yang diperolehinya daripada latihan dengan Jepun ialah jangan mudah kecewa dan lakukanlah sesuatu kerja dengan bersungguh-sungguh. Beliau kemudiannya menyertai SABERKAS dan bersama-sama Khir Johari dan Senu Abdul Rahman menggerakkan usaha meniupkan kesedaran kebangsaan dalam kalangan orang

Melayu Kedah. Sikap tegas dan berani Azahari terpancar pada tahun 1952 apabila beliau menyertai pilihanraya Majlis Tempatan Alor Setar sebagai calon bebas. Beliau tidak bersetuju dengan formula pengagihan kerusi untuk masyarakat Melayu dan Cina pada nisbah 6 : 3 yang diatur oleh UMNO. Beliau menang pilihanraya ini dan menyertai UMNO semula bagi menjadikan kedudukan 7 : 2. Aktiviti politik Azahari lebih menonjol selepas 1952.

Pada tahun 1955, Azahari menang tanpa bertanding dalam pilihanraya bagi kawasan Baling dan berikutnya pada pilihanraya tahun 1959 beliau bertukar kawasan ke Sungai Petani selama 2 penggal. Penggal terakhirnya sebagai ahli parlimen merangkap Timbalan Yang DiPertua Dewan Rakyat ialah di kawasan Kulim Bandar Baharu. Mengulas mengenai pencapaiannya dalam lapangan politik berbanding dengan kelayakan akademik yang dimiliki, Azahari berkata, "kita perlu bersedia untuk belajar apa yang tidak kita ketahui. Tiada yang mustahil untuk dipelajari jika kita bersungguh-sungguh dan menunjukkan tanggungjawab." Apabila dilantik sebagai Timbalan Yang DiPertua Dewan Rakyat pada tahun 1976, Azahari berkata kepada Tun Razak bahawa beliau tidak mempunyai kelulusan tinggi untuk memegang jawatan tersebut, Tun Razak sebaliknya berkata bahawa beliau boleh pergi ke luar negeri melawat dan belajar daripada pengalaman orang lain. Azahari telah berkunjung ke Britain bagi mempelajari perkara ini. Pengalamannya semasa belajar bahasa Jepun dan berurusan dengan mereka mengajarnya bahawa sesuatu yang baru perlu dipelajari dengan tekun dan bersungguh-sungguh.[184] Jawatan sebagai Timbalan yang DiPertua Dewan Rakyat memerlukannya bersikap tegas semasa mengendalikan persidangan Parlimen kerana ahli Parlimen mempunyai pelbagai latar belakang dan pengalaman.

[184] Temubual dengan Tan Sri Azahari

Kini setelah lama bersara, Azahari masih mengamalkan cara hidup yang berdisiplin. Beliau membaca tidak kurang daripada 5 buah akhbar harian sehari selain memegang beberapa jawatan penting dalam organisasi sukarela. Ketika UMNO mengalami kekalahan besar dalam pilihanraya 1999, Presiden UMNO telah melantik Azahari untuk mengetuai satu jawatankuasa *post mortem* kekalahan UMNO di Kedah. Jawatankuasa ini diberi tanggung jawab mengenalpasti sebab-sebab kekalahan dan mengesyorkan langkah-langkah memperbaikinya. Azahari dilantik mempengerusikan jawatankuasa ini memandangkan sikap tegas dan kewibawaannya.[185] Sifat tegas dan disiplin tinggi yang dimilikinya telah membantu beliau terus memberikan sumbangannya kepada masyarakat.

Tempoh pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu yang berjalan selama tiga tahun lapan bulan menyebabkan kebanyakan program pendidikan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Walau bagaimanapun latihan di *Koa Kunrenjo* yang berjalan selama tiga hingga enam bulan didapati memberikan kesan positif kepada pembentukan sikap dan peribadi pelatih. Latihan yang bercorak *"spiritual indoctrination"* ini disifatkan oleh kebanyakan pelatih berjaya menimbulkan kesedaran dalam kalangan mereka dan berguna dari segi membina disiplin diri, sikap sedia berkorban, berkeyakinan dan sedia menerima tanggung jawab. Berdasarkan kajian Yoji Akashi, terdapat pelatih yang mengakui setelah mengikuti latihan tersebut, mereka berupaya meninggalkan segala tabiat buruk dan berubah menjadi lebih baik.[186]

---

[185] Temubual dengan Tuan Hj. Hashim Jaafar, Setiausaha Kerja UMNO Kedah pada 22 Februari 2005

[186] Pada tahun 1976-1977 Yoji Akashi telah menjalankan satu kajian bertajuk,"The *Koa Kunrenjo* and *Tokubetsu Ryugakusei*: A Study of Cultural Propagation and Conflict in Japanese Occupied Malaya, 1942-1945" yang melihat dan menilai kesan daripada program latihan kepada pelatih Koa Kunrenjo dan penuntut seberang laut yang dihantar belajar ke Jepun. Dapatan kajian ini telah menjelaskan bahawa kebanyakan pelatih bersetuju bahawa program yang dijalankan adalah membawa kesan yang baik kepada mereka. Lebih daripada 80% responden misalnya mengatakan bahawa latihan tersebut telah mengubah sikap mereka daripada materialistik kepada lebih spiritualistik. Latihan juga disifatkan amat berguna kerana mengajar mereka menghargai masa dan mengelakkan pembaziran. Selain itu, mereka juga bersedia bekerja kuat,

Seorang pelatih, Wong Kah Yeow menyatakan perasaan terima kasihnya kerana dapat mengikuti latihan tersebut. Dalam tempoh 6 bulan, beliau telah menukar cara berfikir dan tabiat lamanya. Beliau telah belajar sesuatu daripada semangat Jepun. Rakannya Osman Muhamad Taha pula merasakan seperti dilahirkan semula selepas tamat mengikuti latihan 6 bulan.[187] Pelatih-pelatih ini nyata berpuas hati dengan program latihan yang mereka jalani kerana berjaya mengubah pemikiran dan sikap mereka.

Walau bagaimanapun kenyataan mereka dipersoalkan pihak lain seperti Mohamad Jamil bekas pelatih *Syonan Koa Kunrenjo* yang mengatakan perubahan pemikiran dan sikap akan mengambil masa dan proses yang lebih panjang dan tidak memadai dengan latihan selama 6 bulan. Pelatih mungkin merasa amat bersemangat ketika tamat menjalani latihan tetapi semangat tersebut akan luntur mengikut perubahan masa. Kesan sebenarnya lebih banyak bergantung kepada latar belakang keluarga, pendidikan, idealisme perjuangan dan cita-cita yang dikejar seseorang individu. Beliau merumuskan bahawa latihan di *Koa Kunrenjo* bersifat "*catalyst*" atau pembakar semangat yang sedia ada.[188] Hal ini berlaku kepada pelatih seperti Ghafar Baba, seorang yang gigih dan bercita-cita tinggi walaupun hanya bersekolah Melayu. Beliau merupakan pelatih *Koa Kunrenjo* di Durian Daun Melaka mengakui Jepun berhasrat menggantikan Barat sebagai penjajah. Jepun mengamalkan cara yang kasar dan memaksa berbanding Barat yang lebih berdiplomasi. Walau bagaimanapun cara kasar yang diamalkan oleh Jepun telah menimbulkan kesedaran kepadanya untuk berjuang membebaskan tanah air daripada sebarang bentuk penjajahan. Cara Jepun

---

berikhtiar dan berusaha mengatasi sebarang masalah. Seishin juga melatih mereka menghormati kerja-kerja bertani dan bangga menjadi warga Asia. Lihat Yoji Akashi, The Japanese Occupation of Malaya: Interruption or Transformation dan *Koa Kunrenjo*, Cultural Propagation and Conflict.

[187] Ibid.

[188] Temubual dengan Tan Sri Mohamad Jamil

menjadikan seseorang itu berani dan tabah menghadapi sebarang kemungkinan.[189] Ghafar merupakan seorang tokoh yang gigih dalam perjuangan dan contoh yang baik kepada orang lain. Dengan berbekal kelayakan sebagai guru sekolah Melayu lulusan MPSI, beliau berjaya memanjat tangga kerjaya sehingga menjadi Timbalan Perdana Menteri. Beliau pernah melakukan berbagai pekerjaan termasuk menjadi *caddy* dan berniaga. Semasa menjalani latihan *di Koa Kunrenjo* Melaka selama 6 bulan, Ghafar hanya mengambil masa 4 bulan untuk lulus dalam peperiksaan bahasa Jepun dan melayakkannya menjadi guru bahasa Jepun.[190] Tidak seperti sesetengah orang lain yang belajar bahasa Jepun kerana takut, Ghafar sebaliknya belajar bersungguh-sungguh kerana berhasrat menguasai bahasa tersebut. Setelah Jepun tewas, Ghafar turut terlibat dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Melihat kepada liku-liku perjuangan politik yang beliau lalui ternyata Ghafar memiliki keistimewaan tersendiri kerana berupaya berkhidmat di bawah pentadbiran 4 orang Perdana Menteri. Perkhidmatan beliau merentasi zaman baru merdeka, darurat, konfrantasi, Dasar Ekonomi Baru dan dekad 1990-an. Hanya tokoh yang benar-benar kental dan berpengalaman akan dapat melakukannya. Pengalaman yang ditimba sepanjang pelajarannya dengan Jepun turut mempengaruhi keperibadiannya.

Seorang lagi tokoh Tun Hamdan Sheikh Tahir, bekas Ketua Pengarah Pendidikan turut berkongsi pengalaman dengan Tun Ghafar. Hamdan menyertai *Syonan Koa Kunrenjo* dan *Shihan Gakko* di Ipoh. Bagi Hamdan, pengalaman mengikuti latihan dikedua-dua institut ini amat bermakna kerana beliau berpeluang mempelajari bahasa dan budaya Jepun. Jepun telah melatihnya menjadi seorang yang praktikal dan bersemangat. Hamdan yang lahir dan dibesarkan dalam keluarga yang mementingkan disiplin dan pelajaran dapat

[189] Rakaman temubual dengan Tun Ghafar Baba pada 24 Jun 1994. Koleksi rakaman sejarah lisan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
[190] Temubual dengan Ghafar.....

mengikuti dengan baik pelajaran yang diterima daripada Jepun. Ketika bertugas sebagai pengajar di Pusat Latihan Guru di Ipoh, gajinya cuma $65 wang Jepun ditambah dengan segantang beras dan 2 karton rokok koa tetapi semangatnya untuk bertugas adalah tinggi kerana dorongan *Seishin Ippai.* Berdasarkan kesungguhan dan prestasinya, Hamdan mendapat kepercayaan Jepun. Selain diberi tugas sebagai guru di Pusat Latihan Guru di Ipoh, beliau juga diberi tugas mengurus kelas normal, menjadi jurulatih di sekolah belia dan membantu mengurus sekolah perlombongan (*kozan-gakko*). Beliau berbangga kerana sebahagian daripada pelajarnya di *Shihan Gakko* Ipoh berjaya dalam kerjaya masing-masing seperti Aminuddin Baki, Abdullah Ayob dan Raja Mohar Badiozaman. Hamdan menganggap dirinya bernasib baik kerana dapat belajar dan bekerja dengan Jepun yang memberinya peluang bergaul dengan pelbagai lapisan masyarakat. Pengalamannya bekerja dan mengurus institusi pendidikan pada zaman tersebut telah membantu kerjayanya sebagai pentadbir pendidikan negara kemudiannya.[191] Hamdan dapat mengekalkan sifat bertanggungjawab dan dedikasi hasil daripada latihan yang dijalani sepanjang kerjayanya sebagai pentadbir pendidikan. Kualiti ini telah membawa beliau menjawat jawatan penting seperti Wakil Malaysia di UNESCO dan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia.[192] Hamdan adalah tokoh yang memiliki keperibadian unggul yang menjadikan dedikasi dan kesungguhan menjalankan tanggung jawab sebagai satu keutamaan. Sifat ini telah menyumbang kepada kejayaan organisasi yang dipimpinnya.

Sasterawan Negara, Dato' Abdullah Hussain yang juga bekas pelatih *Syonan Koa Kunrenjo* turut memberi pandangan mengenai latihan yang diikuti dalam novelnya

[191] Rakaman temubual dengan Tun Hamdan Sheikh Tahir pada 13 Mei 1987 di kediamannya 63, Persiaran Gurney, Off Jalan Maktab, Kuala Lumpur. Koleksi rakaman sejarah lisan, Arkib Negara Malaysia , Kuala Lumpur.
[192] Mohd. Nor Long, *Tun Hamdan Guru Sepanjang Hayat* ...

Terjebak.[193] Abdullah berasal daripada keluarga yang mementingkan pelajaran dan kejayaan dalam hidup. Ayahnya yang berasal dari Acheh berhijrah ke Kedah bekerja keras bagi menyekolahkan anak-anaknya. Abdullah mendapat pendidikan sekolah Melayu kemudiannya sekolah Inggeris di Alor Setar. Semasa kedatangan Jepun beliau mengikut kawannya menyertai pasukan perisik Jepun Fujiwara Kikan. Mereka dihantar bertugas di Acheh dan dari sana menyertai latihan di *Syonan Koa Kunrenjo*. Beliau mengakui bahawa latihan membina semangat selama 3 bulan yang dilaluinya berjaya menanamkan sifat percaya kepada diri sendiri, berani, bersopan santun serta menghormati golongan yang lebih tua atau lebih tinggi pangkatnya. Kewibawaannya jelas diterima apabila beliau telah dilantik memegang jawatan pentadbiran yang penting di Acheh setelah tamat latihan di *Koa Kunrenjo*. Semasa menjalankan tanggung jawab yang diberikan, Abdullah memegang prinsip bersungguh-sungguh dan sabar, sifat yang amat penting dalam kerjaya seninya. Sehingga kini pada usia emas, beliau kelihatan masih mementingkan disiplin. Kediamannya di Petaling Jaya tersusun kemas dihiasi berbagai karya seni, satu persekitaran yang sesuai untuk seorang seniman. Pemikiran dan ingatannya masih kuat dan tajam hasil daripada tabiatnya yang rajin membaca dan berkarya. Beliau masih bersemangat ketika bercerita tentang perjalanan sejarah hidupnya.[194] Sampai kini beliau tidak sekali-kali duduk di atas meja kerana di Koa Kunrenjo beliau diberitahu meja adalah tempat belajar yang perlu dihormati dan mulia.

Seorang lagi pelatih *Koa Kunrenjo* di Singapura yang mencapai kedudukan tinggi dalam pentadbiran kerajaan ialah Tan Sri Mohamad Jamil. Beliau bersara sebagai

[193] Abdullah menyatakan,"di sekolah ini kami telah dilatih dengan semangat Jepun dan disiplin yang keras seperti kebanyakan asrama tentera atau polis dan dapat aku katakana bahawa dari latihan-latihan ini pulalah yang menyebabkan aku hidup berperaturan dan berdisiplin dalam hidup ku selanjutnya. Kebiasaan- kebiasaan yang aku perolehi didalam sekolah ini banyak sekali yang telah ku gunakan dalam hidup ku sehari-hari" . Abdullah Hussain,*Terjebak*, m.s. 155.

[194] Pertemuan dengan Dato' Abdullah Hussain di rumahnya pada 3 Mac 2005.

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia pada 1975 dan dianugerahi "tokoh pertanian" sempena ulangtahun seratus tahun Jabatan Pertanian pada 2005. Semasa pemerintahan Jepun, Mohamad mengikuti latihan di *Koa Kunrenjo* Singapura dan kembali bertugas dengan Jabatan Pertanian Kedah sebagai mata-mata padi dan penolong pengarah Pusat Latihan Pertanian Teluk Cengai.[195] Beliau berpendapat latihan yang dikendalikan oleh Jepun adalah bersifat indoktrinasi dan "*mental brain wash*". Latihan yang dijalaninya tidak mengutamakan pelajaran akademik tetapi memberi penekanan kepada mempelajari bahasa Jepun. Jepun mahu rakyat ikut dan tiru cara mereka bekerja dengan meninggalkan tabiat buruk dan digantikan dengan semangat baru. Mereka ditanam dengan latihan semangat dan perubahan sikap. Kaedah ini secara tidak langsung menimbulkan kesedaran kebangsaan dalam kalangan mereka. Tan Sri Mohamad merujuk rakan-rakannya yang muncul kemudiannya sebagai tokoh pejuang yang terkenal seperti Kolonel Barlian, seorang pemimpin revolusi di Sumatera Barat dan AT Rajah, peguam terkenal di Singapura yang pernah menentang Perdana Menteri Lee Kuan Yew. Baginya latihan yang mereka jalani menyumbang kepada kelahiran pemimpin politik di rantau ini.

Mohamad Jamil bersikap kritikal dalam meniru cara dan sikap masyarakat Jepun. Namun baginya kejayaan Jepun menjajah Tanah Melayu dengan menewaskan British adalah satu pengajaran berguna kepada rakyat tempatan. Kejayaan Jepun adalah hasil sifat berani, gigih, sedia berkorban dan mempunyai strategi yang baik semasa melakukan

[195] Temubual dengan Tan Sri Mohamad Jamil pada 27 September 2005 di kediamannya 6, Lorong Damai 7, Ampang, Kuala Lumpur. Mohamad berkhidmat dengan kerajaan Kedah ketika menyertai latihan di *Koa Kunrenjo* di Singapura. Beliau mendapat pendidikan agama dan Inggeris sehingga lulus Senior Cambridge di Alor Setar sebelum perang meletus. Mengikut perancangan awal, beliau akan dihantar ke England untuk menyambung pengajian dalam bidang pertanian tetapi tergendala dengan kemasukan Jepun. Selepas tamat latihan di Syonan *Koa Kunrenjo*, beliau balik berkhidmat dengan pentadbiran Jepun di Kedah dan ditempatkan di Jabatan Pertanian. Selepas kekalahan Jepun dan Inggeris kembali memerintah, beliau menyambung pengajiannya ke Trinidad dan Kanada sehingga lulus dengan ijazah dalam bidang Pembangunan Tanah.Beliau telah berkhidmat dengan beberapa agensi pertanian kerajaan dan bersara sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia.

sesuatu. Walaupun imej Jepun buruk di mata rakyat kerana perlakuan bengis dan kejam tenteranya namun kejayaan mereka sewajarnya menjadi inspirasi kepada rakyat supaya berusaha lebih gigih untuk berjaya. Beliau mengakui kejayaan mereka yang mengikuti latihan di *Koa Kunrenjo* bukanlah semata-mata kerana hasil didikan Jepun tetapi juga kerana latar belakang pendidikan dan nasib. Rata-ratanya pelatih yang terpilih adalah lepasan sekolah Inggeris dan apabila Jepun menjanjikan mereka sebagai pemimpin muda ia merupakan satu pengiktirafan Jepun kepada mereka. Hakikatnya sebelum kedatangan Jepun lagi, mereka yang berpendidikan Inggeris akan menjawat jawatan yang baik dan memiliki status sosial yang tinggi. Mohamad belajar secara tidak langsung daripada Jepun dengan mencontohi perlakuan yang positif seperti bersungguh-sungguh dan pentingkan ketepatan masa dan kebersihan. Hal ini terbukti apabila beliau menunggu tepat pada masanya untuk ditemubual walaupun kurang sihat. Persekitaran kediamannya bersih dan sejuk mata memandang. Baginya dalam aspek ini nilai yang diutamakan Jepun bersesuaian dengan tuntutan Islam. Jepun baginya lebih mementingkan amalan daripada hanya berkata-kata. Semasa berkhidmat, beliau gemar meninjau sendiri masalah yang berlaku di peringkat bawahan kerana terpengaruh dengan cara Jepun. Beliau melihat bagaimana Gabenor sendiri datang ke pusat pertanian tempatnya bertugas di Teluk Cengai dahulu bagi melihat sendiri kerja-kerja yang dilakukan sambil memberi motivasi. Jadi tidaklah hairan jika Mohamad Jamil telah menjelajah ke seluruh negara bagi menjalankan kempen menanam kelapa sawit sepanjang perkhidmatannya pada tahun 1970-an.

Rumusan

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu selama tiga tahun lapan bulan telah meninggalkan berbagai kesan positif dan negatif. Penderitaan dan kesengsaraan yang dialami menghapuskan sama sekali anggapan masyarakat bahawa kedatangan Jepun menjanjikan kehidupan yang lebih baik. Sungguhpun begitu pengkaji berpendapat tempoh pemerintahan Jepun merupakan satu kesempatan kepada masyarakat Melayu menilai niat sebenar penjajah Jepun terhadap negara ini. Jepun sebenarnya tidak jujur untuk membantu masyarakat Tanah Melayu mendapatkan kemerdekaan. Matlamat mereka tidak lain daripada mengaut segala hasil mahsul Tanah Melayu yang terdiri daripada bahan-bahan mentah yang amat bernilai. Janji yang diucapkan lebih bersifat propaganda dan strategi politik bagi memperkukuhkan kedudukan mereka; melalui sistem pendidikan, Jepun cuba menanamkan *seishin* bagi membesarkan keagongan mereka. Indoktrinasi dan propaganda melalui pendidikan dijadikan strategi untuk menguatkan pengaruh Jepun menentang kuasa Barat, namun strategi tersebut tidak diterima bulat-bulat oleh rakyat. Golongan rakyat yang berpeluang menerima pendidikan dan latihan dari Jepun memanfaatkan kesempatan yang diperolehi dengan menimba kemahiran dan pengalaman yang berguna kepada mereka. Perkara seperti merupakan kebaikan tersirat kepada mereka seperti dirumuskan oleh seorang pengkaji:

> " It is sufficient to conclude here that Japanese education policy opened out previously unheard to opportunities to semi educated Malay youth, not only to gain a specialist training but also to move out of a parochial setting into a national one. The intensity of the training experience helped to instill Japanese ideals of discipline, self sacrifice and Seishin. Their ready acceptance was facilitated by the existence of similar traditions glorifying spiritual over material power in Malay conceptions and also by the fact that the victory of semangat over akal also implied the superior worth the un-educated kampong youth over the

bureaucratic tradition into which the Malay elite had been so effectively incorporated". [196]

Rumusan Halinah Bamadhaj menggambarkan kesan positif sistem pendidikan Jepun yang menekankan nilai yang sedia diamalkan oleh masyarakat Melayu. Mereka yang terdidik dengan sistem pendidikan Jepun disemai dengan semangat seperti berani, berdisiplin dan kuat berusaha. Kecuali nilai yang bertentangan dengan ajaran agama Islam, nilai yang disebutkan tadi dapat diterima dengan baik oleh masyarakat Melayu. Hasil pengalaman dan pendedahan daripada *seishin*, segelintir individu yang bernasib baik seperti Hamdan Sheikh Tahir (Tun), Ghafar Baba (Tun), Azahari Taib (Tan Sri) dan Abdullah Hussin (Dato') telah berjaya menempa nama dan kejayaan dalam bidang masing-masing. Kejayaan mereka merupakan bukti yang menunjukkan sistem pendidikan Jepun telah menyumbang kepada pembentukan peribadi yang unggul.

Walaupun Jepun mempunyai tujuan tertentu semasa menjalankan program indoktrinasinya namun secara tidak langsung ia mempengaruhi pemikiran dan pembentukan sikap anggota masyarakat malahan turut mempengaruhi perkembangan gerakan kebangsaan. Walau bagaimanapun kesan seperti digambarkan di atas lebih tertumpu kepada mereka yang berpendidikan dan tidak menyeluruh, penyelidik berpendapat hal ini disebabkan Jepun gagal menyediakan satu sistem pendidikan yang tersusun kepada penduduk Tanah Melayu disebabkan faktor-faktor berikut:

1. Masa pemerintahan yang singkat , hanya 3 tahun 8 bulan.
2. Suasana dalam negeri dalam keadaan kurang aman kerana peperangan.
3. Pendidikan bukanlah tumpuan utama pentadbiran tentera Jepun (MMA) kerana mereka lebih mementingkan soal pertahanan dan keselamatan negeri.

[196] Halinah Bamadhaj, Japanese Occupation of Malaya, m.s. 36

4. Kekurangan peruntukan kewangan, guru terlatih dan peralatan.
5. Sikap masyarakat yang lebih mementingkan soal ekonomi dan keselamatan daripada pendidikan.

Faktor-faktor seperti dinyatakan di atas merencatkan pelaksanaan dasar dan sistem pendidikan sepanjang tempoh pendudukan 1941-45. Matlamat pendidikan memerlukan jangka masa panjang untuk dicapai selain menuntut perancangan yang teliti daripada berbagai segi. Perkara ini telah dilakukan pihak British yang ternyata mempunyai kesempatan lebih luas bagi menyebarkan budaya mereka melalui pendidikan sepanjang tempoh penjajahannya di Tanah Melayu. Sekiranya Jepun berpeluang memerintah lebih lama sudah tentu sejarah berubah; kesan pendidikannya lebih luas dan menyeluruh seperti dibayangkan Ghafar Baba, bahasa Melayu akan pupus dan masyarakat Melayu akan diJepunkan. Sungguhpun perkara ini tidak berlaku namun Jepun berjaya menyuburkan semangat kebangsaan tanah air yang merupakan rahmat tersembunyi di sebalik pendudukannya.

BAB TIGA: HUBUNGAN MALAYSIA-JEPUN SELEPAS MERDEKA (1957-1970-an)

Pengenalan

Perang Dunia Kedua telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap hubungan Jepun dengan negara-negara Asia yang pernah ditaklukinya. Bagi kebanyakan negara yang pernah dijajah Jepun, pengalaman ini sukar dilupakan. Hubungan Jepun dengan Asia Tenggara mengambil sedikit masa untuk dipulihkan kerana masalah masa lalu. Imej buruk Jepun semasa Perang Dunia Kedua sukar dikikis dalam kalangan negara yang pernah dijajahnya. Jepun terpaksa mengambil langkah diplomatik yang berhati-hati dalam memulihkan hubungannya dengan Burma, Filipina, Indonesia dan Malaysia yang merupakan blok ekonomi yang penting baginya. Tanah Melayu mengamalkan dasar luar pro-Barat selepas merdeka walaupun turut menjalin hubungan dengan negara lain. Imej Jepun masih buruk pada mata rakyat berpunca daripada ingatan mereka terhadap perlakuan kejam semasa pemerintahan tentera (1941-1945). Perasaan rakyat walau bagaimanapun tidak mempengaruhi hubungan rasmi kedua negara yang berjalan berdasarkan kepada kepentingan ekonomi. Tanah Melayu penting kerana membekalkan bahan mentah dan pasaran kepada Jepun manakala Jepun diharap membantu memajukan ekonomi Tanah Melayu. Para pengkaji berpendapat hubungan saling bergantung ini lebih menguntungkan Jepun kerana mereka mengambil kesempatan daripada dasar ekonomi yang menggalakkan pelabuiran modal asing. Sungguhpun tidak dinafikan Tanah Melayu, kemudiannya Malaysia mendapat faedah daripada bantuan Jepun namun ianya tidak seimbang dengan keuntungan yang diperolehi Jepun. Mulai tahun 1970-an kebimbangan berkaitan fenomena

dominasi ekonomi Jepun di negara ini semakin meningkat berikutan dengan bertambahnya aktiviti perdagangan dan pelaburan mereka di sini. Akibat kritikan dan rasa tidak puas hati yang diluahkan secara terbuka di kebanyakan negara Asean, Jepun memperkenalkan beberapa dasar baru bagi menangani isu yang timbul. Hakikatnya walaupun Jepun merupakan sebuah negara maju dan penyumbang bantuan luar kedua terbesar kepada Asean namun peranannya dalam membantu memajukan negara berkenaan masih dipersoalkan lantaran sikapnya yang terlalu mementingkan keuntungan.

Dasar ekonomi Jepun seperti mahu mengembalikan hagemoninya semasa Perang Dunia Kedua dahulu. Ungkapan yang menyebut Jepun datang semula dua puluh tahun selepas tewas pada tahun 1945 hampir kepada kenyataan. Penulis seperti Jon Halliday dan Gavan McCormack mengulas bahawa Jepun menggubal dasar seperti pembayaran pampasan perang, diplomasi ekonomi, penyertaan dalam badan antarabangsa serta memainkan peranan politik pada peringkat serantau bertujuan meningkatkan hubungan ekonomi dengan rantau Asia Tenggara khususnya. Melalui kelebihan yang dimilikinya seperti mempunyai modal dan teknologi, Jepun secara tidak langsung berjaya mengaut keuntungan maksima daripada kegiatan ekonominya dengan Asia Tenggara.[1] Hakikatnya Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya sememangnya masih diperjuangkan Jepun demi kepentingan ekonominya. Halliday dan McCormack berhujah semasa Perang Dunia Kedua Jepun menggunakan kuasa ketenteraan bagi mengusai sumber ekonomi sebahagian besar negara-negara di rantau Asia Timur tetapi rancangan besarnya gagal apabila tewas dalam peperangan tersebut. Walau bagaimanapun rancangan menguasai ekonomi rantau

[1] Jon Halliday and Gavan McCormack, *Japanese Imperialism Today," Co-prosperity in Greater East Asia*", (Victoria: Penguin Books Australia Ltd., 1973).

tersebut diteruskan selepas perang dengan melancarkan program perluasan ekonomi. Jepun menggunakan kekuatan kewangan dan teknologi yang dimilikinya. [2]

Pemulihan dan Pengukuhan Hubungan 1957-1970-an

Hubungan Diplomatik

Apabila Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957, dasar pro-Barat kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman mengutamakan hubungan erat dengan Britain dan negara Komanwel. Ketika ini Tanah Melayu amat bergantung kepada negara-negara tersebut khususnya dalam bidang ekonomi dan pertahanan.[3] Dasar bergantung dan berbaik-baik dengan Britain dan negara Komanwel ini walau bagaimanapun tidak menghalang Tanah Melayu daripada menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain. Jepun antara negara terawal yang mengambil langkah mengadakan hubungan diplomatik dengan Tanah Melayu.[4] Walaupun sedar imej mereka belum pulih sepenuhnya akibat pengalaman zaman pendudukan Jepun (1941-1945) namun Tokyo sedar pentingnya menjalin hubungan diplomatik dengan Kuala Lumpur dari segi politik dan ekonomi. Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan lagi Jepun telah memulakan program bayaran pampasan perang kepada negara-negara Asia yang pernah ditaklukinya.[5] Bayaran pampasan ini diharap dapat

---

[2] ibid

[3] Khusus tentang penggubalan dan amalan dasar luar Persekutuan Tanah Melayu di waktu awal kemerdekaan lihat Abdullah Ahmad (Dato'), *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy 1963-1970* (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.), 1985. Buku ini berasal daripada tesis M.A. penulis di St. John's College, Cambridge. Juga Tilman, R.O., *Malaysian Foreign Policy: The Dilemma of a Commited Neutral* (Massachusetts: Cambridge, 1967).

[4] Menjelang sambutan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Jepun menghantar satu delegasi seramai 5 orang ke Tanah Melayu sebagai wakil kerajaan. Mereka terdiri daripada anggota-anggota kanan Parti Liberal DEmokratik (LDP). Kunjungan mereka telah diterima dengan baik dengan disambut sebagai tetamu negara. Pada bulan September pula Jepun telah menubuhkan kedutaannya di Kuala Lumpur. LIhat keterangan dalam Abu Talib Ahmad,"Changing Perceptions of Malaysians Toward Japan Since World War Two", *Kajian Malaysia*, Jilid XV11, Nombor 1, Jun 1999, ms. 83.

[5] Lihat Japan's Economic Cooperation, Ministry of Foreign Affairs Japan, 1975. m.s. 1 Penerima-Penerima awal bayaran pampasan perang ini ialah Burma, Filipina dan Indonesia. 1955 Burma menerima USD 200 juta,

memulihkan hubungan yang terjejas di antara Jepun dengan negara-negara terbabit. Pada tahun 1949, Pejabat Tanah Jajahan di London merancang membuat tuntutan gantirugi perang terhadap Jepun sebanyak $475 juta pound. Tuntutan sebanyak $100 juta diperuntukkan kepada pemegang-pemegang polisi insurans manakala bakinya sebanyak $ 375 juta untuk kerosakan jiwa dan harta benda.[6] Sebelumnya pada tahun 1947, Malaya menerima bayaran berjumlah 656,400 pound sterling daripada penjualan peralatan jalan keretapi maut yang menghubungkan Segenting Kra ke Burma. Malaya melalui Britain membuat tuntutan ke atas peralatan-peralatan keretapi yang diambil oleh Jepun dan dibawa ke Siam. Malaya, Thailand dan Burma kemudiannya mengambil keputusan menjual peralatan tersebut dan membahagikan wang jualannya.[7]

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, isu bayaran pampasan perang masih merupakan salah satu agenda perundingan di antara kedua-dua pihak. Perundingan ini memakan masa beberapa lama sehingga pertengahan 1960-an. Dalam konteks pemulihan hubungannya dengan negara Asia Tenggara, Jepun menggunakan kaedah bayaran pampasan perang yang juga dikenali sebagai hutang darah untuk memulihkan semula imejnya yang tercalar selain berharap kesalahan masa lalu dimaafkan negara berkenaan. Namun begitu kaedah tersebut tidaklah merugikan Jepun kerana ia mempunyai matlamat meningkatkan hubungan perdagangan dengan negara penerima sepertimana yang

---

1956 Filipina pula menerima bayaran berjumlah USD550 juta sementara pada tahun 1958 Indonesia menerimanya sebanyak USD223 juta . Bayaran yang diterima ini adalah dalam bentuk tunai, perkhidmatan, bantuan teknikal dan pinjaman. Ia dilaksanakan dalam tempoh sehingga 20 tahun. Program bayaran pampasan ini selain memberi faedah kepada negara penerima dikatakan menjadi alat kepada perluasan aktiviti ekonomi Jepun di Asia Tenggara khususnya. Program ini telah membuka jalan kepada meningkatnya hubungan perdagangan antara Jepun dengan negara-negara berkenaan mulai tahun 1960-an. Malahan terdapat ahli ekonomi yang berpendapat bahawa ia telah mendorong kepada ekspansionisme ekonomi Jepun di rantau ini. Lihat juga M.K. Chng & R. Hirona (ed), *Asean- Japan Industrial Cooperation An Overview*, The Asean Secretariat & Japan Institute of International Affairs (Institute of Southeast Asian Studies, 1986).

[6] Laporan *Utusan Melayu* 16 Mei 1949.

[7] Peralatan tersebut antaranya ialah 2,000 buah gerabak, 20 buah enjin dan rel keretapi. Harga jualannya adalah mengikut harga semasa dengan potongan harga sebanyak 40%. Hasil jualan adalah sebanyak 1,250,000 pound. Lihat laporan *Majlis* 24 November 1947 .

terkandung dalam dasar "diplomasi ekonomi" yang dilancarkan Perdana Menteri Yoshida (1948-54).

Menurut kertas putih Kementerian Luar Jepun, pembayaran pampasan perang merupakan sebahagian daripada pendekatan dasar diplomasi ekonomi yang merupakan strategi memperluaskan aktiviti ekonomi Jepun ke negara Asia.[8] Hubungan baik Jepun dengan negara Asia Tenggara penting kerana rantau ini menjadi pembekal bahan mentah dan pasaran barangan keluaran Jepun. Dasar diplomasi ekonomi ini disifatkan seorang pengkaji sebagai "the maximization of economic profit".[9] Ia menjadi mekanisma yang digunakan bagi mencapai tujuannya yang tersirat iaitu memberi faedah ekonomi kepada Jepun. Kenyataan berikut menjelaskan keadaan yang berlaku.

> *"The sum of reparations expenditures over 20 years was relatively small , about 1 billion, but the benefits to Japan were significant. Since reparations aid usually was tied to procurement from Japan It's affect led to the introduction of Japanese financial institution and created a market for Japanese goods and spare parts in those countries. Conversely, the funds helped Southeast Asian countries to increase their absorptive capacity for import as well as to accelerate economic development".*[10]

Perkara penting yang diberi perhatian oleh kedua-dua pihak pada peringkat awal perhubungan selepas Malaya merdeka ialah menjalin hubungan diplomatik secara rasmi. Pada bulan September 1957, Jepun menubuhkan kedutaannya di Kuala Lumpur diikuti dengan lawatan Perdana Menteri Nobusuke Kishi pada bulan November. Reaksi awal Tunku berhubung lawatan ini pada mulanya berbelah bagi di antara suka dengan tidak

---

[8] *White Paper*, Ministry of Foreign Affairs Japan, 1957.
[9] Sueo Sudo, "New Dimensions in Japanese Foreign Policy", *Asian Survey*, Volume XXV111, No.5, May, 1988, m.s. 509.
[10] William L. Brooks and Robert M. Orr, Jr.,"Japan's Foreign Economic Assistance", *Asian Survey* Volume 25, No. 1-6, University of California Press, 1985,m.s. 324.

memandangkan imej Jepun ketika ini tidak begitu baik, ingatan rakyat terhadap kekejaman yang dilakukan tentera Jepun semasa pemerintahan mereka belum hilang. Hal ini digambarkan oleh Tunku Abdul Rahman :

> *" At that time, the feeling of the people towards Japan were still bitter. Resentment was strong , our thoughts severe, because of the suffering we had endured during three years of Japanese occupation. It was hard to forget that period when so many Malayans and our Allies lost their lives. Though war was ten years in the past, yet our memory of Japanese tyranny and act of atrocity had still not faded from our minds" .*[11]

Perasaan Tunku Abdul Rahman seperti dinyatakan di atas merupakan pandangan peribadi beliau namun mewakili reaksi penduduk Tanah Melayu tetapi ia tidak banyak mempengaruhi dasar rasmi Tanah Melayu dalam hubungannya dengan Jepun. Atas dasar kehendak ekonomi Tanah Melayu bersedia menjalin hubungan diplomatik dengan Jepun. Sebaliknya perasaan sebenar rakyat masih berbelah bagi sepertimana digambarkan kajian Abu Talib Ahmad. Walaupun ingatan terhadap pendudukan Jepun kini semakin pudar, secara umum rakyat Malaysia tidak semestinya mempunyai sikap yang sama terhadap Jepun seperti yang dirasai pemerintah. Kalangan yang pernah mengalami pengalaman pahit seperti masyarakat Cina dan buruh landasan keretapi maut masih mempunyai persepsi negatif terhadap Jepun.[12]

Pandangan masyarakat umum mungkin berbeza dengan pandangan rasmi kerajaan yang terpaksa menerima lawatan Kishi setelah terjalinnya hubungan diplomatik di antara kedua negara. Kishi diterima dengan baik walaupun British enggan menerima beliau

---

[11] Tunku Abdul Rahman Putra, *Looking Back, Monday Musing and Memories* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977) m.s. 143. Lawatan Kishi juga dikatakan tidak membawa sebarang bantahan dan kontroversi yang serius. Lihat keterangan dalam Abu Talib Ahmad, "Changing Perceptions of Malaysian Toward Japan Since World War Two", m.s. 83.

[12] Abu Talib Ahmad, "Changing Perceptions Of Malaysians Toward Japan Since World War Two", m.s. 70-71.

sebagai wakil negara dan hanya menganggap kunjungannya sebagai lawatan peribadi. Tunku Abdul Rahman menyambut Perdana Menteri Kishi dengan sambutan dan penghormatan negara sambil memberi komen bahawa,"perkara lepas tidak libatkan masakini dan masadepan".[13] Menurut Abu Talib Ahmad, pihak akhbar tidak melapurkan sebarang kontroversi berkaitan lawatan Kishi tetapi lebih menonjolkan perkara positif melibatkan hubungan ke dua negara. Kishi dipersembahkan dengan pertunjukan kebudayaan oleh Kasma Booty dan mengunjungi Sultan Selangor bagi memohon maaf.[14]

Seterusnya pada 1958, Tunku Abdul Rahman bersama Tan Siew Sin (Menteri Perdagangan dan Industri) mengadakan lawatan balas ke Tokyo.[15] Tujuan lawatan tersebut adalah bagi menjalin hubungan persahabatan, perdamaian dan muhibah. Pada akhir lawatannya, kedua-dua pihak mengeluarkan kenyataan bersama yang menyatakan bahawa, "lawatan ini yang menyusul selepas lawatan Perdana Menteri Kishi ke Kuala Lumpur memberikan peluang kepada kedua-dua pihak menjalin hubungan peribadi antara mereka. Hubungan ini membolehkan mereka bertukar-tukar pandangan secara lebih rapat dan dapat mempertingkatkan kerjasama antara mereka".[16] Pertukaran lawatan antara pemimpin

---

[13] Tunku Abdul Rahman, *Looking Back*, m.s.82

[14] Abu Talib Ahmad, Changing Perceptions, m.s. 83.

[15] Lihat *Sunday Gazette*, 13 April dan 25 May 1958, juga *Straits Echo* 21 dan 22 May 1958.
Lawatan Tunku bermula pada 21 sehingga 27 May 1958. Rombongannya turut disertai oleh Menteri Kewangan H.S. Lee dan Menteri Keadilan Sulaiman Dato' Abdul Rahman yang sedia berada di Tokyo menunggu ketibaan Tunku. Lain-Lain anggota rombongan terdiri daripada Menteri Perdagangan dan Industri Tan Siew Sin, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Abdul Aziz Hj. Abd. Majid dan Pegawai Protokol Kanan Mementerian Luar Negeri Jamal Abdul Latif. Lawatan ini agak sentimental bagi Tunku kerana antara mereka yang menyambut ketibaannya di Tokyo ialah K. Okamura seorang bekas askar Jepun yang mempunyai hubungan baik dengan Tunku di Tanah Melayu semasa perang Dunia Kedua. Tunku dan rombongannya diberikan sambutan rasmi dengan nyanyian lagu kebangsaan kedua negara dan tembakan meriam 19 das. Dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Kishi dan Menteri Luar Aiichiro Fujiyama , Tunku telah bangkitkan soal bantuan Jepun kepada Malaya khususnya untuk memajukan bidang pertanian, perikanan dan industri kecil. Tunku juga menyatakan bahawa pihaknya sedang merancang untuk melantik duta ke Jepun. Sempena dengan lawatan ini juga, Tunku berkesempatan menyaksikan Sukan Asia 1958 yang diadakan di Tokyo. Sebelum lawatannya berakhir Tunku dan isteri telah menemui Putera Akihito dan Puteri Chichibu.

[16] Lihat *Straits Echo*, 27 May 1958.

kedua negara merupakan langkah awal yang diambil bagi memperkukuhkan hubungan yang terjalin.

Mulai 1960-an Jepun mula memberi perhatian serius kepada Asia dalam usaha memperkembangkan ekonominya.[17] Disebabkan Jepun kekurangan bahan mentah untuk sektor industrinya maka negara-negara Asia Tenggara yang kaya dengan sumber asli amat penting kepadanya. Jepun perlu menjalin hubungan ekonomi yang baik dengan negara tersebut dan memulihkan imejnya yang tercalar kesan Perang Dunia Kedua. Dalam konteks ini Perdana Menteri Yoshida memperkenalkan dasar diplomasi ekonomi yang diharap menjadi jambatan menghubungkan Jepun dengan Asia Tenggara. Menurut sarjana Jepun Sueo Sudo, dasar diplomasi yang dilaksanakan Jepun menggunakan pendekatan berbaik-baik dengan negara Asia secara menawarkan bayaran pampasan perang selain bantuan dan kerjasama ekonomi.[18] Melalui bantuan yang dihulurkan, Jepun berharap dapat menjalin hubungan baik dengan negara berkenaan yang akhirnya akan memberi faedah kepadanya. Dalam keadaan kebanyakan negara di Asia Tenggara masih mundur dan memerlukan bantuan modal, kepakaran dan teknologi maka bantuan yang ditawarkan Jepun

---

[17] Keterangan lanjut tentang dasar luar Jepun dalam F.C. Langdon, *Japan's Foreign Policy* (Vancouver: University of British Columbia Press, 1973). Dasar Jepun selepas perang Dunia Kedua tidak lagi menjadi sebuah kuasa tentera. Dengan pemulihan dan kemajuan ekonomi yang mula dinikmatinya,dasar luar Jepun kini bertujuan menjamin kemakmuran ekonomi, keselamatan dan mengharapkan penerimaan masyarakat antarabangsa khususnya jirannya di Asia. Bagi mencapai matlamat ini, Jepun perlu mempertingkatkan peranannya dalam bidang kerjasama ekonomi dan sosial di Asia.

[18] Sueo Sudo, *The Fukuda Doctrine and ASEAN New Dimension in Japanese Foreign Policy* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1992) m.s. 2-3. Diplomasi ekonomi seperti yang dijelaskan dalam kertas putih Kementerian Luar Jepun pada tahun 1957 merujuk kepada perluasan ekonomi Jepun ke pasaran luar secara aman bagi memajukan ekonomi Jepun keseluruhannya. Pada masa yang sama pelaksanaan dasar ini terpaksa mengikut rentak dasar luar Amerika yang sedang berhadapan dengan perang dingin dengan blok komunis. Diplomasi ekonomi Jepun di Asia Tenggara adalah berdasar kepada tiga perkara asas iaitu menggunakan modal Amerika Syarikat, pengetahuan dan kemahiran teknikal Jepun dan penggunaan sumber asli Asia. Bagi memulakan pelaksanaan dasar ini, Perdana Menteri Nobusuke Kishi telah memulakan program lawatan ke negara Asia Tenggara pada tahun 1957. Lawatan ini seterusnya telah disambung oleh Hayato Ikeda pada 1961-1963. Melalui lawatan ini, Jepun cuba mengikat kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan negara terbabit melalui penawaran berbagai bentuk bantuan dan kemudahan kredit selain merundingkan bayaran pampasan perang.

sukar ditolak dan ia mewujudkan kebergantungan dalam hubungan di antara kedua pihak sepertimana disebutkan oleh seorang sarjana.[19]

Pada masa yang sama, sebagai sekutu penting Barat, Jepun turut menerima tekanan daripada Amerika agar meningkatkan peranannya membantu ekonomi negara-negara Asia Tenggara bagi membendung pengaruh komunis. Sarjana seperti Akira Iriye berpendapat Amerika yang menghadapi perang dingin menghadapi Russia, China dan berhadapan dengan perang Veitnam pada pertengahan 1960-an amat memerlukan sokongan Jepun bagi mengimbangi pengaruh Cina di Asia Tenggara.[20] Dasar-dasar Amerika di Asia Tenggara diselaraskan dengan Jepun bagi menjaga kepentingan politik-ekonomi kedua pihak. Iriye memberi komen seperti berikut:

> .....what is interesting about postwar US policy in Asia is that there was a great deal of cooperation, direct of tacit between Washington and Tokyo. Reversing the historical pattern of U.S.-Japanese antagonism in the third world, the two nation often coordinated their policies. For instance the U.S. insisted that Japan maintain diplomatic relations with Taiwan not with the People Republic of China on the mainland; encouraged Japanese-Korean rapprochement through the signing of a normalization treaty; and promoted close economic ties between Japan and South East Asia".[21]

Bagi meningkatkan peranannya sebagai sebuah kuasa ekonomi baru, Jepun menyertai beberapa pertubuhan serantau dan antarabangsa sejak tahun 1950-an lagi. Pada tahun 1952 Jepun menyertai *International Monetary Fund* (IMF) dan *United Nation Expanded Program of Technical Assistance* (EPTA). Penyertaan Jepun dalam kedua-dua badan ini menandakan bermulanya penglibatan mereka dalam organisasi pembangunan

---

[19] Lihat Johan Saravanamuthu, "The Role and Impact of Japanese Direct Investment in Malaysia". *Seminar on the Japanese Experience Lessons for Malaysia*, May 26-31-1983, Pulau Pinang.

[20] Lihat Akira Iriye, The U.S. and Japan in Asia: A Historical Perspective dalam *The U.S., Japan and Asia Challenge for U.S. Policy*, Gerald L. Curtis(ed.),(New York: W.W. Norton &Co., 1994). Penulis merupakan professor dan Pengarah Institut Kajian Jepun, Universiti Harvard.

[21] Ibid, Iriye, m.s. 46

antarabangsa. Selepas itu Jepun turut menganggotai badan seperti *International Development Association*(IDA), *Development Assistance Committee*(DAC) dan *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD). Pada tahun 1966, Jepun menyertai *Ministerial Conference for the Economic Development of Southeast Asia*[22]. Penyertaan Jepun dalam organisasi antarabangsa ini penting bagi memperlihatkan kemahuannya memainkan peranan sosio-ekonomi pada peringkat serantau dan antarabangsa selepas Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun tujuan sebenar Jepun menyertai pertubuhan berkenaan adalah bagi memperluaskan ekonominya sejajar dengan perkembangan dunia pada tahun 1960-an.

Dalam konteks hubungannya dengan Tanah Melayu, sehingga pertengahan 1960-an, Jepun berusaha menyelesaikan beberapa isu seperti bayaran pampasan perang, bantuan ekonomi dan penyelesaian masalah konfrantasi di antara Malaysia dengan Indonesia. Berbanding dengan jirannya seperti Indonesia dan Filipina, Malaysia agak terlewat dalam soal merundingkan bayaran pampasan perang dengan Jepun. Perundingan bayaran ini hanya dimulakan pada tahun 1963 dan mencapai penyelesaiannya pada tahun 1967. Jepun menawarkan beberapa bentuk bayaran dan perkhidmatan yang diberikan sebagai pampasan perang. Pada bulan Januari 1965, Kementerian Luar Negeri Malaysia mengumumkan satu persetujuan peringkat awal dicapai dengan Jepun bagi menyelesaikan masalah bayaran pampasan perang. Mengikut persetujuan ini, Jepun bersetuju membina sebuah kolej universiti di Pulau Pinang. Soal harga dan tempoh pembinaan institusi tersebut diputuskan dalam rundingan kedua pihak.[23]

---

[22] Lihat Japan's Economic Cooperation, Ministry of Foreign Affairs, Japan, 1975, m.s. 2 .
[23] *Utusan Melayu*, 6 Januari 1965.

Sementara itu pada 5 Oktober 1966 Jepun menawarkan bayaran berjumlah $50 juta ringgit kepada Malaysia di mana sebanyak $25 juta diberi secara tunai sementara bakinya dalam bentuk bekalan dan perkhidmatan. Beberapa siri rundingan diadakan di antara kedua pihak berhubung dengan isu pampasan ini bagi mengatasi masalah yang timbul. Dewan Perniagaan China Bersatu misalnya menuntut bayaran lebih tinggi iaitu sebanyak $130 juta daripada Jepun. Mereka bercadang memulaukan barangan Jepun sekiranya permintaan ini tidak dipenuhi. Walau bagaimanapun Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman tidak bersetuju dengan tuntutan ini dan lebih bersedia menimbangkan tawaran Jepun.

Pada tahun 1967, Jepun menawarkan Malaysia 2 buah kapal, perkhidmatan dan bayaran tunai sebanyak $25 juta. Pada dasarnya kerajaan bersetuju dengan pemberian ini cuma perjanjian tentangnya terpaksa ditangguhkan kerana terdapat satu syarat dalam perjanjian tersebut tidak dipersetujui oleh kabinet. Syarat tersebut menyatakan bahawa setelah bayaran pampasan yang dipersetujui diterima maka Jepun tidak akan menerima lagi sebarang tuntutan berkaitan pampasan perang. Malaysia menganggap syarat ini mengikat dan meletakkannya dalam keadaan tidak bebas.[24] Jumlah pampasan sebanyak $50 juta yang diterima Malaysia bukanlah terlalu besar berbanding jumlah yang diterima oleh negara lain tetapi pemberiannya dianggap satu kaedah penyelesaian masalah tertangguh sejak beberapa lama. Berbanding dengan jirannya Burma, Filipina,Indonesia dan Veitnam Selatan, mereka mendapat pampasan yang jauh lebih tinggi. Pada penghujung tahun 1965, negara-negara tersebut menerima pampasan seperti berikut: [25]

---

[24] *Berita Harian* 17 Ogos dan 24 September 1967.
[25] *Far Eastern Economic Review*, April 14, 1966, m.s. 58.

Penerima	Komitmen Bayaran	Jumlah diberikan (juta)
Burma	$USD 200	$USD 200 (100%)
Filipina	$USD 550	$USD 197 (36%)
Indonesia	$USD 223	$ USD 147 (66%)
Veitnam Selatan	$USD 39	$USD 39 (100%)

Terdapat dua kemungkinan mengapa pampasan yang diterima Malaysia lebih rendah berbanding jirannya. Malaysia ini dianggap telah menerima pampasan sepertimana dipersetujui melalui perjanjian damai Postdam walaupun ianya diterima oleh British kerana ketika itu Tanah Melayu belum merdeka.[26] Selain itu dasar kerajaan Tunku Abdul Rahman terhadap Jepun kelihatan lembut dan tidak menekan kerana mengharapkan bantuan dan kerjasama ekonomi Jepun. Keadaan ini kelihatan apabila kerajaan tidak bersetuju dengan permintaan Dewan Perniagaan Cina yang menuntut bayaran lebih tinggi dari Jepun.

Apabila tercetusnya konfrantasi di antara Malaysia dengan Indonesia pada tahun 1963, Jepun berusaha memainkan peranan sebagai orang tengah dalam menyelesaikan isu tersebut. Secara tidak langsung Jepun bimbang konfrantasi yang tercetus akan menjejaskan kepentingan ekonominya di rantau ini. Inisiatif Jepun dalam menyelesaikan konflik ini ialah menyediakan ruang dan kemudahan kepada pemimpin 3 negara yang bertelagah iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina bertemu dan berunding.[27] Inisiatif Jepun sebagai orang

[26] Lihat laporan *Utusan Melayu* 16 Mei 1949 dan dan *Majlis* 24 November 1947.

[27] Lihat Masashi Nishihara, *The Japanese and Sukarno's Indonesia Tokyo- Jakarta relations, 1951-1966*, Monograph of the Centre for Southeast Asian Studies, Kyoto University (Honolulu: University Press of Hawaii, 1975). Huraian tentang sebab-sebab yang mencetuskan konfrantasi disentuh dengan mendalam oleh J.A.C. Mackie, *Konfrantasi The Indonesian–Malaysia Dispute 1963-1966* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974).

tengah (mediator) menyelesaikan masalah konfrantasi termasuk menawarkan bantuan ekonomi dan kemudahan kredit kepada Indonesia adalah petanda Jepun ingin menonjolkan peranannya sebagai pemimpin Asia. Penyelesaian krisis antara 3 negara berjiran dapat membantu mewujudkan keadaan sosio-politik yang lebih setabil di rantau ini. Hasilnya hubungan Jepun dengan negara-negara berkenaan mengalami peningkatan pada dekad berikutnya.

> *" Japan's mediation role in the Malaysian- Indonesian conflict was the first of a political nature that it had played in postwar Southeast Asia. During the period from 1963-1966 Japan maintained good terms with both the disputing parties by providing economic aid. It helped keep Indonesia from going over completely to the Chinese side and finally in early May 1966 , it persuaded Malaysia of Indonesia's true desire for peace. Japan's role as mediator was effective because the disputing parties found Japan's interaction politically expedient and because America, Great Britain and United Nation Secretary General U Thant encouraged Japan's action" .* [28]

Konfrantasi yang tercetus antara Malaysia dengan Indonesia bertitik tolak daripada tindakan Indonesia khususnya Presiden Sukarno yang tidak bersetuju dengan cadangan penubuhan Malaysia. Bagi Sukarno cadangan menggabungkan Semenanjung Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura adalah satu bentuk penjajahan baru yang berpaksikan kepada Britain. Sebagai melahirkan bantahannya, Sukarno telah melancarkan tindakan ketenteraan terhadap Tanah Melayu. Konflik yang tercetus antara kedua negara semakin meruncing apabila Filipina turut campurtangan dengan mengemukakan tuntutan ke atas Sabah. Jepun turut merasa bimbang dengan perkembangan konflik ini yang akan menjejaskan rancangan ekonominya. Ketika itu , ia masih dalam peringkat rundingan dengan negara-negara terbabit dalam beberapa isu termasuk soal bayaran pampasan perang. Jepun turut bimbang rancangan ekonomi dan pasarannya di Tanah Melayu dan Indonesia akan terjejas akibat konflik tersebut. Selain itu, ia berhasrat menggunakan Selat Melaka sebagai laluan mengangkut bahan api dari Timur Tengah. Perdana Menteri Ikeda Hayato (1960-1964) telah mengambil beberapa inisiatif bagi mencari jalan penyelesaian krisis tersebut. Beliau telah menghantar Menteri Luarnya Masayoshi Ohira untuk berunding dengan Menteri Luar Indonesia Subandrio pada bulan Mei 1963 seterusnya mengatur pertemuan antara Tunku Abdul Rahman dengan Sukarno di Tokyo pada 31 Mei 1963. Pertemuan kedua pemimpin ini telah berjaya menghasilkan persidangan Menteri-Menteri Luar ketiga-tiga negara di Manila pada 30 Julai sehingga 5 Ogos 1963. Persidangan ini walaubagaimanapun hanya menghasilkan satu kejayaan sementara tanpa satu penyelesaian muktamad. Sehingga akhir penggalnya Ikeda telah menggunakan berbagai pendekatan untuk memujuk Sukarno supaya memberhentikan rancangan konfrantasinya. Beliau misalnya telah menawarkan beberapa pakej bantuan ekonomi dan kredit kepada Indonesia jika sekiranya krisis tersebut dapat diselesaikan. Pengganti Ikeda, Perdana Menteri Sato telah meneruskan usaha Jepun untuk menjadi orang tengah bagi mencari penyelesaian kepada krisis tersebut. Sato cuba mengusulkan satu cadangan iaitu mewujudkan satu suruhanjaya perundingan (mediation committee) antara 3 negara tersebut. Cadangan ini bagaimanapun sukar dilaksanakan kerana sikap Sukarno yang tidak mahu mengalah akibat dipengaruhi oleh pihak komunis (Parti Komunis Indonesia). Masalah konfrantasi hanya dapat diselesaikan apabila berlaku pertukaran pucuk pimpinan di Indonesia pada bulan Mac 1966.

[28] Nishihara,*The Japanese and Sukarno's Indonesia*, m.s. 144.

Penyelesaian beberapa isu seperti konfrantasi Malaysia-Indonesia dan bayaran pampasan perang membolehkan hubungan di antara Malaysia-Jepun dipertingkatkan lagi. Mesyuarat, perjumpaan dan pertukaran lawatan diadakan dalam kalangan pemimpin kedua negara. Pada bulan April 1966, satu persidangan Menteri-Menteri Asia yang dikenali sebagai Sidang Tokyo diadakan di Tokyo. Persidangan ini melibatkan 9 buah negara dan pertama kali diadakan selepas Perang Dunia Kedua. Ia dirasmikan oleh Perdana Menteri Sato. Malaysia diwakili Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak. Dalam rundingan yang diadakan dengan pihak Jepun, Tun Razak mengemukakan permohonan mendapatkan pinjaman berjumlah $50 juta ringgit bagi membiayai Rancangan Malaysia Pertama. Jepun bersedia menimbangkan permintaan ini. Semasa rundingan tersebut, Tun Razak ditanya tentang kemungkinan rancangan Jepun menghidupkan kembali "*Co-Prosperity Sphere*" yang gagal dilaksanakan semasa Perang Dunia Kedua. Reaksi Tun Razak ialah "walau apapun maksud Jepun, mereka tidak syak lagi adalah negara perindustrian yang terkemuka di Asia".[29] Sebagai negara Asia yang terawal mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi perindustrian, Jepun diharap membantu negara Asia yang masih mundur dalam bidang sosio-ekonomi. Prestasi ekonomi Jepun pada dekad 60-an adalah menggalakkan dengan ciri-ciri seperti kadar pertumbuhan tahunan yang tinggi, kadar tetap pelaburan yang tinggi, peningkatan dalam eksport, perubahan besar dalam struktur pengeluaran domestik dan kadar tabungan yang tinggi. Struktur ekonomi Jepun juga sedang mengalami perubahan ketara dengan peralihan daripada sektor tradisional kepada sektor moden. Sektor pengeluaran moden menggunakan teknologi tinggi, proses pengeluaran yang moden yang

[29] *Berita Harian*, 5 dan 9 April 1966.

melibatkan produktiviti dan kadar upah yang tinggi. Kegiatan ekonomi juga berubah daripada yang berpaksikan pertanian kepada perindustrian. Perubahan struktur ini memperlihatkan berlakunya pergerakan tenaga buruh daripada pertanian tradisional, sekala kecil kepada industri moden yang berasaskan intensif modal. Pertumbuhan dan kemajuan ekonomi Jepun yang pesat ini telah memberikan kesan secara langsung dan tidak langsung kepada jiran-jirannya di Asia. Perdagangan luar dan kerjasama ekonomi di antara kedua pihak telah meningkat dari semasa ke semasa.[30] Harapan Tun Razak sebenarnya mencetuskan perdebatan berpanjangan kerana konsep kemakmuran bersama bermaksud kemajuan ekonomi dapat dirasai bersama oleh Jepun dengan jirannya di Asia Tenggara tetapi apa yang berlaku ialah Jepun mengambil kesempatan dengan mengeksploitasi pihak lain bagi kepentingan dirinya. Keadaan ini tidak jauh berbeza dengan apa yang dilakukannya ketika menduduki Asia Tenggara termasuk Tanah Melayu dahulu (1941-45). Jika perkara ini berlarutan sudah tentu hubungan baik yang terjalin di antara Jepun dengan Malaysia terjejas.

Satu lagi peristiwa penting dalam hubungan diplomatik Malaysia-Jepun pada 1960-an ialah lawatan rasmi Perdana Menteri Jepun Eisaku Sato ke sini pada 22 hingga 26 September 1967. Sato bersama ahli rombongan seramai 25 orang mengatakan lawatannya bertujuan mengeratkan hubungan muhibah antara kedua-dua negara.[31] Sempena lawatannya ini, Sato menganugerahkan pingat *"First Class Order of the Rising Sun"* kepada Tunku Abdul

---

[30] Perbincangan lanjut tentang kemajuan ekonomi Jepun dan kesannya terhadap negara Asia dapat diikuti dalam Lawrence Olson, *Japan in Postwar Asia* (New York: Preager Publishers, 1970), Shibusawa Masahide, *Japan and the Asian Pacific Region Profile of Change* (London: The Royal Institute of International Affairs, 1984) m.s. 136-148 dan *Asean Japan Industrial Co-Operation An Overview*, M.K. Chng & R. Hirono (ed.), (Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1984).

[31] *Berita Harian* 23 September 1967. Dalam lawatannya ini juga, Sato mengadakan perundingan dengan beberapa orang Menteri Kabinet seperti Encik Khir Johari (Menteri Pelajaran), Dr. Lim Swee Aun (Menteri Perdagangan Antarabangsa),Tun Sardon Jubir (Menteri Pengangkutan),Encik Rahman Yaakob(Menteri Tanah dan Galian) dan Hj. Hamid Khan (Menteri Kebajikan). Dalam perundingan ini, Jepun menawarkan bantuan teknik dan pakar bagi membantu Malaysia.

Rahman. Sebagai balasannya beliau juga dikurniakan pingat Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N) oleh Yang Dipertuan Agong. Dalam kenyataan pada akhir lawatannya Sato berkata bahawa, "suatu zaman baharu telah wujud sekarang antara kedua negeri ini dengan selesainya masalah bayaran pampasan perang. Kedua negeri ini sekarang dapat bekerjasama secara lebih erat bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga dalam lapangan sosial dan budaya".[32] Pengukuhan hubungan diplomatik yang dilakukan melalui lawatan yang diadakan membolehkan Malaysia dan Jepun merancang kerjasama lebih erat dalam bidang ekonomi dan sosial .

Siri pertukaran lawatan antara pemimpin kedua negara diteruskan apabila Putera Mahkota Akihito dan Puteri Michiko mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada 19-26 Februari 1970. Lawatan Diraja ini diharap memperkukuh hubungan kedua negara yang kini menjadi semakin penting. Dalam majlis meraikan Maharaja Jepun ini, Timbalan Yang DiPertuan Agong menyatakan bahawa Malaysia merasa kagum dengan kejayaan Jepun memulihkan ekonominya yang musnah akibat Perang Dunia Kedua. Baginda berharap Malaysia mendapat faedah daripada kemajuan yang dicapai oleh Jepun.[33] Seterusnya apabila Tun Razak menjadi Perdana Menteri beliau telah mengadakan lawatan rasmi ke Jepun pada 13-17 Oktober 1970. Lawatan ini bertujuaan meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang di antara kedua-dua negara. Jepun kini merupakan antara rakan dagang Malaysia yang penting. Lapan belas peratus daripada nilai perdagangan Malaysia pada tahun 1970 adalah dengan Jepun. Jepun juga merupakan pelabur ke empat terbesar dengan nilai pelaburan berjumlah US $42 juta pada tahun 1970. Dalam kenyataannya sempena

[32] *Berita Harian* 24 September 1967.
[33] *Foreign Affairs*, Malaysia, Volume 3, 1970.

lawatan tersebut, Tun Razak menegaskan tentang peranan dan sumbangan yang sewajarnya diberikan oleh Jepun dalam meningkatkan hubungan kedua negara :

> *" Japan can make an important contribution to the peace and stability of Southeast Asia by helping us to develop and progress and thus to realize quickly our hopes and aspirations. Your achievement particularly industrial technology stand as a beacon for us the developing countries of the region. We would naturally like to emulate your success and we do not think that economic advancement and progress can be meaningful if we are to continue to serve passively as suppliers of raw materials and as markets for manufactured products. We seek a new kind of relationship, one that would be oriented more towards profit sharing and towards partnership for mutual benefit. In this way, we believe , we can achieve a sounder, a more meaningful and a mutually advantageous relationship".* [34]

Kenyataan Razak jelas menggambarkan harapan Malaysia yang tinggi terhadap Jepun bagi membantu meningkatkan ekonominya. Walau bagaimanapun terdapat nada tidak puas hati dalam kenyataannya apabila beliau berkata bahawa,"kemajuan tidak membawa makna jika Malaysia hanya berterusan berperanan sebagai pembekal bahan mentah dan menyediakan pasaran untuk barangan Jepun sebaliknya negara ini menuntut supaya kerjasama yang terjalin adalah berdasarkan prinsip perkongsian keuntungan". Komen Tun Razak ini bermaksud hubungan dagang yang terjalin selama ini antara kedua negara lebih

---

[34] Lihat koleksi ucapan Tun Razak, *Strategy for Action, The Selected Speeches of Tun Hj. Abdul Razak Dato' Hussein*, Deputy Prime Minister, J. Victor Morais (ed.),(Kuala Lumpur: Malaysian Centre for Development Studies, Prime Minister Department, 1969). Juga *Foreign Affairs*, Malaysia, Volume 3, 1970. Komen dan pandangan Tun Razak adalah berasaskan kepada corak sedia ada dalam hubungan Malaysia – Jepun. Walaupun hubungan dalam bidang perdagangan menjadi semakin penting tetapi keadaannya lebih menguntungkan Jepun yang menjadi pembeli bahan mentah penting dari Malaysia dan pada masa yang sama memasarkan barangan siapnya ke sini. Pasaran Jepun amat sukar untuk ditembusi kerana berbagai sekatan dan syarat yang dikenakan. Harapan Tun Razak ialah supaya hubungan perdagangan yang berjalan biarlah secara seimbang dengan kedua pihak mendapat faedah.Jika keadaan ini dapat diwujudkan barulah kejayaan Jepun dalam bidang ekonomi membawa keuntungan kepada negara lain. Hasrat Tun Razak ini sebenarnya telah lama disuarakannya. Semasa persidangan Menteri-Menteri Bagi Pembangunan Ekonomi yang diadakan di Tokyo pada bulan April 1966, beliau telah menyampaikan ucapan bertajuk "*The Prospect of Japan A Real Example to the People of Southeast Asia*",beliau membangkitkan soal kerjasama yang sewajarnya dijalinkan antara Malaysia dengan Jepun. Bagi mewujudkan kerjasama yang adil, Jepun tidak seharusnya bertindak mengeksploitasi sumber ekonomi negara-negara Asia sahaja.

menguntungkan Jepun dan gagal memberikan faedah bersama yang adil kepada Malaysia. Pandangan Tun Razak bertepatan dengan analisis Johan Saravanamuthu yang mengatakan pelaburan Jepun di Malaysia adalah berbentuk "resources exploitation" dan bermatlamat mendapat keistimewaan yang disediakan. [35]

Tidak dapat dinafikan bahawa faktor ekonomi menjadi pertimbangan penting dalam meningkatkan hubungan diplomatik antara Malaysia–Jepun sejak ianya terjalin. Walau bagaimanapun suasana politik serantau pada tahun 1970-an turut mempengaruhi hubungan berikutnya. Beberapa perkembangan yang berlaku di rantau Asia pada dekad ini mempengaruhi hubungan Jepun dengan Asean dan Malaysia khususnya. Perang Veitnam yang berlarutan dari tahun 1959-1975, perisytiharan ASEAN sebagai kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali pada 1971 dan krisis minyak yang tercetus pada 1973 menyebabkan Jepun terpaksa menyesuaikan dasar luarnya mengikut perkembangan semasa. Penglibatan Amerika dalam perang Vietnam memaksa Jepun terlibat secara lebih aktif dalam menjalin kerjasama ekonomi dengan negara-negara Asia Tenggara. Sebagai sekutu utama Amerika di rantau ini, Amerika mengharap peranan Jepun mengekang perluasan kuasa komunis. Teori Domino yang tersebar luas pada awal 1970-an amat dibimbangi Amerika. Peranan aktif Jepun dalam bidang ekonomi di rantau ini diharap menjadi *"soft wall"* bagi membendung kemaraan komunis seterusnya menidakkan kemungkinan berlakunya teori Domino. Selain itu Jepun juga tidak lagi boleh mengharapkan bekalan bahan mentah dari Cina, Korea dan Taiwan kerana ideologi komunis dan peperangan yang berlaku. Tekanan ini secara tidak langsung memaksa Jepun meningkatkan kerjasama ekonomi dan sosial dengan ASEAN.[36] Pada tahun 1971 Asean mengisytiharkan kawasan Aman, Bebas dan

---

[35] Lihat Johan Saravanamuthu, "The Impact of Japanese Investment",m.s. 4.
[36] Huraian lanjut tentang perkara ini, lihat Sue Sudo, *The Fukuda Doctrin and ASEAN*, m.s. 55-56.

Berkecuali atau ZOPFAN yang mengandungi hasrat mewujudkan rantau yang aman, bebas dan berkecuali daripada campurtangan mana-mana kuasa besar sama ada Amerika, Cina atau Russia. Turut terkandung dalam objektif deklarasi ini ialah usaha berterusan yang dijalankan bagi memupuk kerjasama politik, ekonomi dan sosial dalam kalangan negara anggota dan serantau.

Pendirian Asean membuka ruang kepada Jepun untuk menjalin hubungan dan kerjasama lebih baik dengan pertubuhan tersebut yang dapat digunakan bagi memperjuangkan dasar perluasan ekonominya. Mengikut Frank Langdon, Jepun menetapkan lima matlamat penting dalam hubungannya dengan Asean iaitu menggunakan hubungan dengan Asean bagi memajukan ekonominya, menyekat pengaruh komunis, mengurangkan penentangan negara serantau, menjalin hubungan ekonomi dan keselamatan yang lebih kukuh dengan Amerika dan meningkatkan pengaruh dan kuasa Jepun pada peringkat antarabangsa.[37] Matlamat ini menjelaskan hasrat Jepun yang mahu menonjolkan dirinya sebagai sebuah kuasa besar ekonomi yang berpengaruh khususnya di Asia. Dalam konteks kerjasama ekonomi, Jepun turut dilibatkan dengan persidangan Menteri-Menteri Bagi Pembangunan Ekonomi dan juga Forum Serantau Asean (ARF). Hasrat Asean yang perlukan perhatian dan sokongan Jepun tidak dapat diketepikan begitu sahaja memandangkan kedudukannya sebagai pertubuhan serantau yang semakin penting.[38]

Krisis minyak yang tercetus pada tahun 1973 turut mempengaruhi hubungan Jepun dengan Asia Tenggara. Sebagai negara yang amat bergantung kepada bekalan minyak dari Timur Tengah, tindakan negara pengeluar utama minyak Arab (OAPEC) menghadkan

---

[37] Frank Langdon, " Japanese Policy Towards SEA" in *Conflict and Stability in SEA,* ed., Mark W. Zacher and R. Stephen Milne (New York: Anchor Book, 1974).

[38] Tentang hal ini, lihat Broinowski, Alison (ed.), *Understanding ASEAN* (London: Mc Millan, 1982) m.s. 295 dan *Facts On ASEAN* , Ministry of Foreign Affairs Malaysia, m.s. 21.

pengeluaran dan eksport bahan tersebut telah memberi kesan buruk kepada sektor perindustrian Jepun. Peperangan Arab-Israel yang tercetus pada tahun 1973 memburukkan keadaan apabila minyak dijadikan senjata politik. Negara Arab pengeksport minyak telah mengurangkan pengeluaran dan hanya menjualnya kepada negara yang dianggap sebagai sahabat. Keadaan ini menyebabkan harga minyak meningkat. Ekonomi Jepun terjejas teruk akibat keadaan "oil shock" ini.[39] Berikutan dengan itu Jepun sedar dan mengakui kepentingan negara Asia Tenggara sebagai pembekal bahan mentah kepadanya. Perkembangan serantau dan antarabangsa ini telah mempengaruhi pembentukan dasar luar Jepun pada waktu tersebut. Perdana Menteri Tanaka memulakan pusingan lawatan kerjasama ke negara-negara Asean menjelang 1974. Seterusnya Fukuda memperkenalkan *"Fukuda Doctrine"* pada 1977 yang bertujuan memperbaiki hubungan Jepun dengan negara-negara Asia .

Pada tahun 1972, Jepun menjalin hubungan diplomatik dengan Cina. Pemulihan semula hubungan kedua negara yang mempunyai sejarah hitam membantu mengurangkan ketegangan di Asia Tenggara. Perdana Menteri Jepun menghantar utusan khasnya Kiichi Aichi ke Malaysia bagi menjelaskan soal hubungan diplomatik Jepun-Cina. Aichi menjelaskan bahawa tiada sebarang perjanjian sulit ditandatangani di antara negaranya dengan Cina yang boleh menimbulkan masalah kepada pihak lain.[40] Perdana Menteri Tun Abdul Razak dalam reaksinya terhadap perkara tersebut mengatakan bahawa dasar luar Malaysia adalah berdasarkan prinsip *"non-alignment"*. Malaysia percaya kepada konsep keamanan dan kebebasan di mana setiap negara bebas mengamalkan sistem politik, ekonomi dan sosial. Mereka perlu menghormati kedaulatan negara lain. Baginya tiada

---

[39] Huraian lanjut tentang krisis minyak ini dalam Shibusawa Masahide, *Japan and the Asian Pacific Region Profile of Change* (London: The Royal Institute Of International Affairs, 1984) m.s. 78-80.
[40] *Foreign Affairs Malaysia*, Volume 5, 1972.

keperluan dan bukti menunjukkan Jepun memperkuatkan semula angkatan tenteranya. Hubungan Malaysia dengan negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Russia dan Jepun adalah baik, cuma hubungan dengan Cina berjalan secara tidak rasmi. Walau bagaimanapun hubungan diplomatik dengan Cina sedang dipertimbangkan berdasarkan prinsip Asia Tenggara yang berkecuali."[41]

Dalam usaha mengukuhkan hubungannya pada peringkat antarabangsa, Jepun melancarkan siri lawatan diplomatik ke beberapa negara yang penting pada tahun 1974. Menteri Luar Ohira ditugaskan melawat Peking manakala Yasuhiro Nakasone, Menteri Perdagangan Antara Bangsa dan Industri berkunjung ke Eropah dan Asia Barat. Timbalan Perdana Menteri Takeo Miki pula ke Amerika Syarikat sementara negara-negara Asean dikunjungi sendiri oleh Perdana Menteri Kakuei Tanaka.[42] Kesediaan Perdana Menteri Tanaka mengunjungi Asean menggambarkan kepentingan rantau ini kepada ekonomi Jepun. Susulan daripada krisis minyak yang baru berlaku, Jepun sedar betapa ia tidak boleh berharap mendapatkan bekalan petroleum dari Timur Tengah semata-mata malahan perlu juga mendapatkannya dari Asia Tenggara. Kunjungan ke sini adalah misi diplomasi ekonomi yang penting bagi Jepun. Walau bagaimanapun pihak media di Jepun sendiri bersikap skeptikal terhadap misi Tanaka dengan menggelarkannya "*Abura (oil) diplomacy*" bagi menggantikan istilah "*resources diplomacy*" yang menimbulkan kecaman terhadap Jepun.[43] Hasrat sebenar Tanaka ialah menjalin kerjasama erat dengan Asean, mendapatkan bekalan minyak dan mengembangkan ekonominya bagi mengimbangi kedudukannya dalam percaturan politik-ekonomi Asia Tenggara. Lawatan Tanaka ke

---

[41] Reaksi Perdana Menteri Tun Razak dalam wawancara dengan wartawan *Keizai Shimbun* berkaitan dengan dasar luar Malaysia dalam konteks hubungan dengan Jepun dan China, 27 November 1972, *Foreign Affairs Malaysia* , Volume 5 1972.

[42] *Far Eastern Economic Review*. 28 Januari 1974.

[43] *Far Eastern Economic Review*, 28 Januari 1974.

rantau ini bermula pada 10 Januari 1974 di Manila, Bangkok, Singapura, Malaysia dan berakhir di Jakarta, ia diterima dengan baik oleh pemimpin Asean namun mencetuskan kontroversi akibat penentangan pihak tertentu khususnya golongan pelajar yang mengadakan tunjuk perasaan bagi menyatakan bantahan terhadap dasar luar Jepun.

Lawatan Tanaka ke Kuala Lumpur bermula 13 sehingga 15 Januari 1974. Tanaka dan anaknya Mikiko diberikan sambutan rasmi oleh kerajaan.[44] Walaupun tidak menerima bantahan sehebat yang berlaku di Bangkok dan Jakarta namun lawatan Tanaka ke sini tetap mengundang reaksi pelajar.[45] Satu perwakilan yang terdiri daripada wakil Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya, Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, Kelab Sosialis Universiti Malaya, Kelab Perhubungan Antara bangsa Universiti Malaya dan Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya mahu menemui Tanaka bagi menyampaikan memorandum yang menyatakan pandangan mereka terhadap dasar ekonomi Jepun. Pertemuan yang dirancang bagaimanapun gagal diadakan kerana keengganan Tanaka menemui pemimpin pelajar berkenaan. Akibatnya tunjuk perasaan anti Tanaka diadakan di Universiti Malaya yang memperlihatkan para pelajar membakar patung Tanaka. M.G.G. Pillai, wakil serantau Far Eastern Economic Review juga melaporkan sekumpulan kecil mahasiswa bertindak mencemuh Tanaka setibanya di lapangan terbang Subang. Mereka

---

[44] *Malaysian Digest*, Volume 6, No. 1, Januari , 1974. Mikiko secara kebetulan telah menyambut ulangtahun kelahirannya yang ke-30 pada 14 Januari di kediaman rasmi Perdana Menteri, Residensi. Beliau telah diraikan oleh isteri Perdana Menteri Tun Rahah dan para isteri Menteri Kabinet. Tanaka menyifatkan layanan yang diterima olehnya menggambarkan perasaan muhibah antara kedua negara.

[45] Lihat laporan *The Star* 10 Januari, 1974, *The Straits Times* 16 Januari 1974 dan Masahide, *Japan and the Asian Pacific Region*, m.s. 73-77. Di Thailand misalnya, penentangan terhadap perluasan ekonomi Jepun ini telah disuarakan sejak tahun 1972 lagi. Satu kumpulan pelajar dari Universiti Chulalongkorn yang menggelarkan diri mereka sebagai National Student Centre of Thailand (NSCT) telah menganjurkan kempen memboikot barangan Jepun selama 10 hari di Bangkok. Mereka telah menyebarkan poster ke seluruh negara bagi menjayakan kempen ini. Apabila Perdana Menteri Tanaka melakukan lawatan ke Bangkok pada 10 Januari 1974, ketibaannya di lapangan terbang Dong Maung disambut dengan demonsrasi 300 orang pelajar yang membakar bendera Jepun dan membawa slogan yang tertulis "Nippon go home" dan "Japanese take out never give". Seramai 5000 pelajar lagi berarak ke hotel tempat Tanaka menginap meneruskan demonstrasi mereka yang berkaitan dengan rasa tidak puas hati dengan dasar ekonomi Jepun. Anggota polis Thailand seramai 2000 orang terpaksa digunakan bagi mengawal keadaan.

rantau ini bermula pada 10 Januari 1974 di Manila, Bangkok, Singapura, Malaysia dan berakhir di Jakarta, ia diterima dengan baik oleh pemimpin Asean namun mencetuskan kontroversi akibat penentangan pihak tertentu khususnya golongan pelajar yang mengadakan tunjuk perasaan bagi menyatakan bantahan terhadap dasar luar Jepun.

Lawatan Tanaka ke Kuala Lumpur bermula 13 sehingga 15 Januari 1974. Tanaka dan anaknya Mikiko diberikan sambutan rasmi oleh kerajaan.[44] Walaupun tidak menerima bantahan sehebat yang berlaku di Bangkok dan Jakarta namun lawatan Tanaka ke sini tetap mengundang reaksi pelajar.[45] Satu perwakilan yang terdiri daripada wakil Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya, Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, Kelab Sosialis Universiti Malaya, Kelab Perhubungan Antara bangsa Universiti Malaya dan Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya mahu menemui Tanaka bagi menyampaikan memorandum yang menyatakan pandangan mereka terhadap dasar ekonomi Jepun. Pertemuan yang dirancang bagaimanapun gagal diadakan kerana keengganan Tanaka menemui pemimpin pelajar berkenaan. Akibatnya tunjuk perasaan anti Tanaka diadakan di Universiti Malaya yang memperlihatkan para pelajar membakar patung Tanaka. M.G.G. Pillai, wakil serantau Far Eastern Economic Review juga melaporkan sekumpulan kecil mahasiswa bertindak mencemuh Tanaka setibanya di lapangan terbang Subang. Mereka

---

[44] *Malaysian Digest*, Volume 6, No. 1, Januari , 1974. Mikiko secara kebetulan telah menyambut ulangtahun kelahirannya yang ke-30 pada 14 Januari di kediaman rasmi Perdana Menteri. Residensi. Beliau telah diraikan oleh isteri Perdana Menteri Tun Rahah dan para isteri Menteri Kabinet. Tanaka menyifatkan layanan yang diterima olehnya menggambarkan perasaan muhibah antara kedua negara.

[45] Lihat laporan *The Star* 10 Januari, 1974, *The Straits Times* 16 Januari 1974 dan Masahide, *Japan and the Asian Pacific Region*, m.s. 73-77. Di Thailand misalnya, penentangan terhadap perluasan ekonomi Jepun ini telah disuarakan sejak tahun 1972 lagi. Satu kumpulan pelajar dari Universiti Chulalongkorn yang menggelarkan diri mereka sebagai National Student Centre of Thailand (NSCT) telah menganjurkan kempen memboikot barangan Jepun selama 10 hari di Bangkok. Mereka telah menyebarkan poster ke seluruh negara bagi menjayakan kempen ini. Apabila Perdana Menteri Tanaka melakukan lawatan ke Bangkok pada 10 Januari 1974, ketibaannya di lapangan terbang Dong Maung disambut dengan demonsrasi 300 orang pelajar yang membakar bendera Jepun dan membawa slogan yang tertulis "Nippon go home" dan "Japanese take out never give". Seramai 5000 pelajar lagi berarak ke hotel tempat Tanaka menginap meneruskan demonstrasi mereka yang berkaitan dengan rasa tidak puas hati dengan dasar ekonomi Jepun. Anggota polis Thailand seramai 2000 orang terpaksa digunakan bagi mengawal keadaan.

kemudiannya membakar patungnya dan bendera Jepun.[46] Walau bagaimanapun berbanding dengan kejadian di Bangkok dan Jakarta suasana di sini adalah terkawal. Presiden Kelab Antarabangsa Universiti Malaya, Mohd. Fauzi Hj. Said berkata, "pada dasarnya lawatan Tanaka baik jika beliau jujur dan bukannya untuk cari jalan kukuhkan ekonomi Jepun sahaja". Rakannya Hamzah Zainudin, Setiausaha Persatuan Mahasiswa Islam pula berkata,"perdagangan kedua negara adalah berat sebelah dan lebih menguntungkan Jepun".[47]

Secara rasminya tujuan lawatan Tanaka adalah bagi meningkatkan hubungan dan kerjasama ekonomi. Sempena lawatannya, Tanaka berjanji meneruskan pemberian kemudahan kredit Yen ke-3 kepada Malaysia. Bagi meningkatkan kefahaman dan persefahaman rakyat negara ini khususnya generasi muda terhadap masyarakat Jepun, Tanaka mengumumkan Rancangan Kapal Belia Asia yang mengundang belia-belia dari setiap negara Asean belayar dengan kapal ke Jepun dan tinggal di sana dalam tempoh yang ditetapkan. Semasa di sana para peserta akan tinggal bersama masyarakat Jepun dan mengalami cara hidup mereka. Rancangan ini diharap dapat meningkatkan persahabatan di antara kedua buah negara. Tun Razak dalam ucapannya meraikan Tanaka mengulangi permintaannya agar Jepun menjadi rakan dagang yang bukan hanya mementingkan keuntungan malahan menyumbang kepada pembangunan Malaysia secara adil.[48]

Akhbar-akhbar utama tanah air memberikan liputan yang seimbang berkenaan lawatan Tanaka dengan melaporkan kesan positif dan negatif lawatannya. *Utusan Melayu* dalam rencana pengarangnya pada 12 Januari 1974 menyatakan hasrat Tanaka yang meminta agar sambutan kepadanya ketika tiba dan semasa berlepas pulang dibuat secara

---

[46] M.G.G. Pillai, "Malaysia: Erasing that ugly image" , *Far Eastern Economic Review*, 21 Januari 1974.
[47] Laporan *Utusan Melayu* 12, 13 Januari 1974.
[48] *Foreign Affairs Malaysia* , Volume 7 , 1974.

sederhana kerana menyedari sentimen anti Jepun yang kian memuncak.Menurut akhbar ini keadaan ini berpunca daripada tanggapan bahawa ahli perniagaan Jepun hanya mengejar keuntungan manakala kerajaan Jepun pula mengeksploitasi bantuan yang diberikannya kepada Malaysia. Jepun mensyaratkan supaya Malaysia membeli 85% barangannya daripada bantuan atau pinjaman yang diberikannya. Syarat ini adalah mengikat dan tidak adil kerana menidakkan pilihan kepada negara penerima.[49] Walaupun mengkritik dasar Tanaka *Utusan Melayu* juga memberikan komen positif berkaitan lawatannya bersesuaian dengan kedudukannya sebagai akhbar yang mewakili suara rasmi kerajaan. Rencana pengarangnya menyebut tentang lawatan Tanaka yang berjaya memperbaiki persepsi buruk rakyat negara ini terhadap Jepun. Tidak ketinggalan ia juga menyebut kelulusan pinjaman berjumlah $114 juta ringgit oleh Jepun kepada Malaysia bagi membina empangan Temengor. Sungguhpun begitu, sepertimana biasa, Jepun tidak melepaskan peluang meraih keuntungan daripada pinjaman yang diberikannya. Kontrak membina empangan tersebut diberikan kepada kontraktor Jepun iaitu Hazama Gumi Ltd. dan Mitsubishi Corporation.[50]

Lawatan Tanaka ke negara Asean berakhir di Jakarta pada 16 Januari 1974. Di Jakarta dan Bandung beliau sekali lagi menerima kritikan keras pelajar yang mengadakan demonstrasi sehingga tidak dapat dikawal oleh pihak berkuasa. Perintah berkurung terpaksa dikuatkuasakan di Jakarta akibat tindakan ganas pelajar merosakan harta benda awam, kenderaan buatan Jepun dan bertempur dengan polis. Dilaporkan seorang pelajar mati manakala 35 lagi cedera dalam kejadian tersebut. Lawatan Tanaka ke Tugu Peringatan Pahlawan terpaksa dibatalkan kerana demonstrasi tersebut. [51]

---

[49] *Utusan Melayu,* 12 Januari 1974.
[50] *The Star* 13 Januari dan Utusan Melayu 14 Januari 1974.
[51] *The Star* 16 Januari 1974.

Kontroversi lawatan Tanaka ke negara-negara Asean berpunca daripada perasaan terpendam masyarakat khususnya pelajar yang tidak berpuas hati dengan dasar kerajaan dan pendekatan ahli perniagaan negara matahari terbit ini yang hanya mementingkan keuntungan.[52] Dasar bantuan luar Jepun juga tidak jujur dan dikatakan helah terhormat bagi mengaut keuntungan. Bantuan luar Jepun mengikat negara penerima membeli barangan atau perkhidmatannya. Sejak 1958, sejumlah US$ 5,052 juta bantuan luar telah diberikan kepada negara penerima namun faedahnya lebih diperolehi firma Jepun berbanding negara penerima. Pendekatan Jepun ini dikritik sejak pentadbiran Tunku Abdul Rahman lagi yang berpendapat Jepun memberi melalui tangan kanan tetapi mengambilnya balik melalui tangan kiri.[53] Kebanyakan bantuan dari sektor swasta pula berbentuk kredit eksport dan pelaburan korporat yang bermaksud firma Jepun menguasai rakan kongsi tempatan.[54]

Kritikan terhadap Jepun di Malaysia juga datang daripada pemimpin kerajaan dan orang perseorangan. Menteri Luar Ghazali Shafie dalam ucapannya pada persidangan bertajuk "peluang-peluang perniagaan di Asia Tenggara dan Asia Pasifik" yang diadakan di Singapura pada Oktober 1973 mengkritik dasar keuntungan sebelah pihak yang diamalkan peniaga Jepun. Sambil mengakui kepentingan peranan Jepun, beliau mahu eksploitasi ekonomi dihentikan dan diganti dengan konsep perkongsian keuntungan. Kenyataan

---

[52] Di Malaysia khususnya, gerakan mahasiswa aktif memperjuangkan berbagai isu pada awal tahun 1970-an sebelum berkuatkuasanya Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang mengikat pergerakan pelajar. Ketika ini Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya misalnya memainkan peranan aktif menyuarakan pandangan yang kritikal terhadap berbagai perkembangan politik,ekonomi dan sosial sama ada yang berlaku pada peringkat tempatan dan antara bangsa.

[53] *Foreign Affairs Malaysia*, Volume 3, 1970. Semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman, beliau pernah mengkritik kaedah pemberian kemudahan kredit Yen yang diberikan oleh Jepun untuk membiayai projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Pertama. Syarat-Syarat yang dikenakan kepada pinjaman ini adalah menguntungkan Jepun kerana sebahagian besar daripada jumlah yang dipinjamkan perlu digunakan untuk membayar perkhidmatan dan bekalan yang dibuat oleh syarikat-syarikat Jepun. Jepun dikatakan mengamalkan sikap "memberi melalui tangan kanan tetapi mengambilnya semula melalui tangan kiri". Tun Razak juga pernah menyuarakan kritikan yang sama. Semasa lawatannya ke Jepun pada tahun 1970, beliau mengingatkan Jepun agar tidak hanya mementingkan keuntungan dan hanya berminat mengeksploitasi sumber asli negara ini tetapi sebaliknya perlu lebih ikhlas dalam membantu negara ini.

[54] *Far Eastern Economic Review*, 14 Januari 1974.

Kontroversi lawatan Tanaka ke negara-negara Asean berpunca daripada perasaan terpendam masyarakat khususnya pelajar yang tidak berpuas hati dengan dasar kerajaan dan pendekatan ahli perniagaan negara matahari terbit ini yang hanya mementingkan keuntungan.[52] Dasar bantuan luar Jepun juga tidak jujur dan dikatakan helah terhormat bagi mengaut keuntungan. Bantuan luar Jepun mengikat negara penerima membeli barangan atau perkhidmatannya. Sejak 1958, sejumlah US$ 5,052 juta bantuan luar telah diberikan kepada negara penerima namun faedahnya lebih diperolehi firma Jepun berbanding negara penerima. Pendekatan Jepun ini dikritik sejak pentadbiran Tunku Abdul Rahman lagi yang berpendapat Jepun memberi melalui tangan kanan tetapi mengambilnya balik melalui tangan kiri.[53] Kebanyakan bantuan dari sektor swasta pula berbentuk kredit eksport dan pelaburan korporat yang bermaksud firma Jepun menguasai rakan kongsi tempatan.[54]

Kritikan terhadap Jepun di Malaysia juga datang daripada pemimpin kerajaan dan orang perseorangan. Menteri Luar Ghazali Shafie dalam ucapannya pada persidangan bertajuk "peluang-peluang perniagaan di Asia Tenggara dan Asia Pasifik" yang diadakan di Singapura pada Oktober 1973 mengkritik dasar keuntungan sebelah pihak yang diamalkan peniaga Jepun. Sambil mengakui kepentingan peranan Jepun, beliau mahu eksploitasi ekonomi dihentikan dan diganti dengan konsep perkongsian keuntungan. Kenyataan

---

[52] Di Malaysia khususnya, gerakan mahasiswa aktif memperjuangkan berbagai isu pada awal tahun 1970-an sebelum berkuatkuasanya Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang mengikat pergerakan pelajar. Ketika ini Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya misalnya memainkan peranan aktif menyuarakan pandangan yang kritikal terhadap berbagai perkembangan politik,ekonomi dan sosial sama ada yang berlaku pada peringkat tempatan dan antara bangsa.

[53] *Foreign Affairs Malaysia*, Volume 3, 1970. Semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman, beliau pernah mengkritik kaedah pemberian kemudahan kredit Yen yang diberikan oleh Jepun untuk membiayai projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Pertama. Syarat-Syarat yang dikenakan kepada pinjaman ini adalah menguntungkan Jepun kerana sebahagian besar daripada jumlah yang dipinjamkan perlu digunakan untuk membayar perkhidmatan dan bekalan yang dibuat oleh syarikat-syarikat Jepun. Jepun dikatakan mengamalkan sikap "memberi melalui tangan kanan tetapi mengambilnya semula melalui tangan kiri". Tun Razak juga pernah menyuarakan kritikan yang sama. Semasa lawatannya ke Jepun pada tahun 1970, beliau mengingatkan Jepun agar tidak hanya mementingkan keuntungan dan hanya berminat mengeksploitasi sumber asli negara ini tetapi sebaliknya perlu lebih ikhlas dalam membantu negara ini.

[54] *Far Eastern Economic Review*, 14 Januari 1974.

Ghazali walau bagaimanapun disanggah oleh Duta Jepun Shigeru Hirota dengan mengatakan bahawa mereka mengeksploitasi secara positif dan bukannya membawa kemusnahan.[55] Pandangan duta Jepun ini jelas menggambarkan pendirian mereka yang masih mahu mempertahankan pendekatan yang digunakan dalam urusniaga dan pelaburan.

Perihal tidak ikhlasnya Jepun ini turut digambarkan sebuah penerbitan yang boleh dikatakan berpengaruh di sini. Gambar kulit *Dewan Masyarakat* keluaran Mac 1974 dihiasi dengan karikatur yang menggambarkan seorang yang berpakaian ala samurai memegang bunga di tangan kirinya sementara tangan kanannya siap menghunus pedang. Analogi ini menggambarkan kesediaan Jepun memberikan bantuan tetapi pada masa yang sama menggunakan kaedah tertentu bagi mendapatkan keuntungan berganda kepada mereka.[56] Berkaitan dengan perkara yang sama, seorang pengkritik Noor Azam mengatakan bahawa Jepun digelar "economic animal" lantaran keghairahannya mengaut kekayaan Asia. Beliau berkata Jepun mengambil kesempatan daripada sikap negara rantau ini yang menunjukkan sikap mereka amat perlukan bantuan ekonomi Jepun. Hal ini mewujudkan keadaan kebergantungan dan tiadanya kuasa tawar menawar dalam kalangan mereka.[57]

Kunjungan Tanaka walaupun bertujuan membersihkan imej buruk Jepun dan membina azam baru namun gagal membendung perasaan warga muda Asia Tenggara yang marah dan kecewa dengan sikap Jepun. Pada mereka tunjuk perasaan adalah hak yang dibenarkan oleh demokrasi dan berupaya menjadi kuasa pendesak ke arah perubahan.[58] Tanaka dalam responnya berkata beliau tidak terjejas atau tersinggung dengan tunjuk

---

[55] Lihat tulisan A.F. Yassin,"Ahli Judo Ekonomi Muncul", *Dewan Masyarakat*, Mac 1974.
[56] *Dewan Masyarakat*, Jilid X11, Bil.3, 15 Mac 1974.
[57] Lihat tulisan M. Noor Azam dalam *Dewan Masyarakat*,Bil. 3, 15 Mac 1974.
[58] Lidah Pengarang *Utusan Melayu*, 17 Januari 1974.

perasaan anti Jepun yang diadakan pelajar. Di Bangkok dan Jakarta, Tanaka mengambil pendekatan diplomasi dengan berkata beliau sedia menimbangkan pendapat dan permintaan yang disuarakan pelajar dalam demonstrasi mereka. Keyakinan Tanaka mungkin terbit daripada persepsinya yang melihat pengaruh Jepun semakin kukuh di Asia Tenggara. Noor Azam mengulas perkara ini dengan berkata,"Jepun kelihatan cukup yakin betapa benci pun belia-belia Asia kepadanya, dengan *check book diplomacy* ia pasti akan terus bertapak juga. Cita-cita yang tidak dicapainya menerusi Perang Dunia Kedua dulu, sekarang akan dapat dicapai menerusi apa yang dinamakan kerjasama ekonomi. Ia cukup sedar pemimpin Asia Timur yang sedang merangkak untuk membangun memerlukan Jepun untuk terus berlari".[59]

Sungguhpun begitu pengajaran daripada lawatan Tanaka ialah wujudnya rasa tidak puas hati warga negara ini terhadap dasar Jepun. Perasaan ini terpendam sehinggalah diluahkan semasa lawatan beliau. Hubungan baik yang terjalin selama ini lebih kepada hubungan rasmi kerajaan dengan kerajaan. Seperti yang diperkatakan Abu Talib Ahmad, perubahan persepsi dalam kalangan rakyat terhadap Jepun berlaku setelah mengambil masa yang panjang.[60] Walaupun dendam Perang Dunia Kedua semakin luput namun kritikan terhadap Tanaka adalah manifestasi rasa tidak puas hati terhadap dasar dan amalan perniagaan Jepun di Malaysia. Jepun mesti bersedia mengkaji semula dasar luarnya agar tidak hanya memberi perhatian kepada soal faedah ekonomi tetapi mencakupi skop yang lebih luas meliputi aspek politik, sosial dan budaya. Sepertimana dinyatakan oleh wartawan Koji Nakamura, Jepun perlu menerima hakikat bahawa ia lebih memerlukan bahan mentah

[59] M. Noor Azam, *Dewan Masyarakat*, Bil. 3, 15 Mac 1974.
[60] Abu Talib Ahmad, "Changing Perceptions of Malaysians Towards Japan Since World War Two".

Asia Tenggara daripada Asia Tenggara memerlukan wang dan barangannya.[61] Walaupun Tanaka berjanji Jepun bersedia melakukan perubahan dan menegur sikap ahli perniagaannya supaya lebih sensitif dengan keperluan tempatan, mereka perlu jujur melaksanakannya. Jika perubahan yang dijanjikan tidak berlaku maka suasana hubungan berat sebelah dan tidak adil akan terus terjalin.

Protes terhadap lawatan Tanaka dan dasarnya menyedarkan Jepun tentang imejnya yang sebenar di rantau Asia Tenggara. Sepanjang pertemuannya dengan pemimpin Malaysia, beberapa isu penting dibincangkan. Malaysia mengemukakan permintaan bagi mendapatkan bantuan kewangan Jepun bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua dan ancaman getah tiruan Jepun terhadap pengeluaran getah asli negara ini. Isu getah tiruan yang dibangkitkan Malaysia mendapat reaksi segera daripada Jepun. Satu forum yang bertajuk,"*Asean - Japan Forum on Synthatic Rubber*" diadakan di Kuala Lumpur pada 19 hingga 21 Februari 1974. Forum ini memberi peluang kepada Malaysia dan rakan-rakan Aseannya berbincang dengan Jepun berkaitan masalah yang dihadapi oleh pengeluar getah asli yang menghadapi saingan daripada getah tiruan. Forum ini dibuka oleh Tan Sri Zaiton Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri.[62] Bagi menangani persolan ekonomi dan perdagangan Forum Asean Jepun (JAF) juga dianjurkan sebagai saluran rasmi perbincangan di antara kedua pihak. [63]

---

[61] *Far Eastern Economic Review*, Tanaka's Tour : Forgive and get, 14 Januari 1974.

[62] . *Foreign Affairs Malaysia*, Volume 7, 1974. Forum ini dianggap penting dalam membantu memperkukuhkan kerjasama antara Malaysia dengan Jepun khasnya dan dengan Asean amnya. Getah asli merupakan antara hasil keluaran utama negara-negara Asean kecuali Singapura. Peningkatan dalam permintaan dan harga komoditi tersebut memberi kesan yang baik kepada ekonomi negara pengeluarnya. Pada masa yang sama peningkatan aktiviti dan pengeluaran getah tiruan Jepun telah memberi ancaman kepada harga dan permintaan getah asli. Pihak Jepun diharapkan memahami keadaan ini dan perlu mencari jalan membantu Asean. Perkara ini telahpun dibincangkan sebelumnya termasuk dalam Persidangan Menteri-Menteri Luar Asean dengan Menteri Luar Jepun di Tokyo.

[63] Sueo Sudo, From Fukuda to Takeshita: A Decade of Japan-Asean Relations, *Contemporary Southeast Asia*, Volume 10, Number 2, September 1988, m.s. 126-127. Pada bulan Mac 1977, Forum Jepun Asean (JAF) telah diadakan lanjutan daripada lawatan Fukuda ke rantau ini. Dua mesyuarat pertama forum ini adalah bagi

Menjelang penghujung tahun 1970-an (1977-1980) tiada perubahan ketara dalam dasar luar Malaysia dan Jepun walaupun berlaku pertukaran pucuk pimpinan di kedua-dua buah negara. Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri menggantikan Allahyarham Tun Razak pada tahun 1976 manakala Jepun dipimpin oleh Takeo Fukuda setelah Tanaka berundur akibat skandal Look Heed. Malaysia masih menganggap Jepun sebagai rakan dagang yang penting dan memainkan peranan yang semakin mustahak dalam bidang pelaburan dan kerjasama ekonomi. Beberapa perubahan yang berlaku di Asia Tenggara telah mempengaruhi tindakan Jepun dalam hubungannya dengan Asean dan Malaysia khususnya. Penarikan balik tentera Amerika dari Indo-Cina mengakibatkan wujudnya lompang dalam persaingan kuasa di rantau ini yang memberikan peluang kepada Jepun meningkatkan peranan serantaunya. Asean pula yang mencapai usia satu dekad (1967-1977) mula berfungsi sebagai sebuah pertubuhan serantau yang semakin berkesan. Desakan dan permintaan Asean tidak dapat diketepikan begitu sahaja oleh Jepun memandangkan kepentingan rantau ini kepada ekonomi Jepun. Dengan matlamat menjalin hubungan lebih rapat dengan Asean dan meningkatkan peranan Jepun di peringkat serantau Perdana Menteri Fukuda memperkenalkan "Doktrin Fukuda" pada 1977. Doktrin ini memperjelaskan peranan Jepun di rantau Asia dengan menekankan kepada tiga perkara iaitu: [64]

1. Jepun menolak peranan sebagai kuasa tentera
2. Jepun akan menjalin hubungan yang rapat (dari hati ke hati) dengan Asean
3. Kerjasama Jepun dengan Asean akan dijalankan secara samarata.

---

menentukan asas perbincangan kerjasama Jepun–Asean dalam bidang ekonomi dan budaya. Forum kedua JAF diadakan di Tokyo 17-18 November 1977 membincangkan dengan lebih terperinci 3 aspek hubungan iaitu perdagangan, ekonomi dan budaya. Dalam forum ini kedua-dua pihak telah bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang-bidang berkenaan.

[64] Sueo Sudo, *The Fukuda Doctrine and ASEAN* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies,1992) m.s. 4.

Doktrin ini menjelaskan hasrat Jepun untuk memainkan peranan politik dan mendapat pengiktirafan khususnya dari ASEAN. Jepun menolak kemungkinan menjadi sebuah kuasa tentera seperti yang dibimbangi jirannya tetapi dengan kekuasaan ekonomi yang dimilikinya mereka menuntut peranan politik dalam menangani masalah serantau dan antarabangsa. Jepun mengharapkan dengan wujudnya jalinan hubungan politik dan budaya yang lebih rapat dengan Asean maka keyakinan negara-negara rantau ini kepadanya akan dapat ditingkatkan. Sebenarnya matlamat dasar luar Jepun dalam konteks hubungannya dengan Asia Tenggara masih berorientasikan kepentingan ekonomi cuma pendekatan yang diambil berbeza mengikut perkembangan semasa. Pada umumnya dasar luar Jepun dalam konteks hubungannya dengan Asia Tenggara dapat dibahagikan kepada 3 peringkat. Peringkat pertama melibatkan dasar diplomasi ekonomi (1952-1964) yang dimulakan Perdana Menteri Yoshida. Dasar ini melibatkan program pembayaran pampasan perang kepada beberapa negara Asia Tenggara. Pembayaran ini dianggap sebagai sebahagian daripada program bantuan luar Jepun bagi menjalin kerjasama ekonomi dengan negara tersebut. Peringkat kedua dasar luarnya melibatkan penyertaan Jepun dalam pembangunan serantau (1965-1975). Pada tahap ini Jepun mula aktif menyertai badan-badan serantau dan antarabangsa seperti Bank Pembangunan Asia , *Asian-Pacific Council (ASPAC) dan Ministerial Conference for the Economic Development of Southeast Asia.* Penyertaan aktif Jepun dalam pertubuhan ini memberi peluang kepadanya menjalin dan meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan khususnya dengan negara-negara di Asia Tenggara. Pengenalan Doktrin Fukuda pada tahun 1977 pula menandakan fasa ke-3 dalam pelaksanaan dasar luar Jepun. Pada tahap ini, Jepun memberi perhatian serius kepada hubungan dan kerjasama dengan Asean. Memandangkan pada ketika ini Asean telah

berusia 10 tahun dan mula bergerak sebagai sebuah badan serantau yang penting dari segi politik dan ekonomi maka Jepun merasakan bahawa hubungan baik dengannya amat perlu. Walaupun didapati terdapatnya perubahan-perubahan dalam pendekatan pelaksanaan dasar luar Jepun namun secara keseluruhannya matlamat akhir mereka adalah sama iaitu memaksimakan faedah ekonomi daripada hubungannya dengan Asean. Ini bermakna bahawa dasar diplomasi ekonomi yang berpaksikan "*the peaceful economic expansion to the region*" masih menjadi teras kepada dasar luarnya.[65] Mengikut pandangan Sueo Sudo lagi, dasar luar Jepun banyak dipengaruhi pemimpin kanan parti pemerintah Liberal Democratic Party (LDP) yang menguasai proses membuat dasar dan keputusan dengan setiap pemimpin memiliki cara dan pendekatan tersendiri dalam menggubal dasar luar. Perdana Menteri terdahulu seperti Yoshida, Hayato Ikeda dan Eisaku Sato mementingkan hubungan Jepun–Amerika sementara Perdana Menteri Takeo Miki dan Fukuda lebih pentingkan peranan dan kerjasama Jepun dengan Asean.[66] Bagi menjayakan dasar yang ditetapkan, Perdana Menteri Fukuda mengatur siri lawatan bertemu ketua kerajaan negara-negara Asean. Pada 7 Ogos 1977, satu mesyuarat telah diadakan di antara pemimpin-pemimpin Asean, Jepun dan Australia di Kuala Lumpur. Dalam perjumpaan ini, Asean telah memohon Jepun mewujudkan STABEX *(stabilization of exports earnings)*.[67]

---

[65]Lihat Sueo Sudo, Japan-Asean Relations, New Dimensions in Japanese Foreign Policy, *Asian Survey*, Volume XXV111, No. 5, May, 1988 , m.s. 509-511.

[66] Sueo Sudo, Fukuda Doctrine and Asean, m.s. 14

[67] *Foreign Affairs Malaysia* , Volume 10, 1977. Sebelum lawatan Fukuda, beliau telah menghantar Timbalan Menteri Luarnya, Keisuke Arita melawat Malaysia. Dalam lawatan ini, Arita telah bertemu Tun Hussein Onn bagi menerangkan hasil perbincangan antara Jepun-Amerika Syarikat di Washington pada bulan Mac. Mereka turut berbincang tentang kerjasama Jepun-Asean.Berikutnya pada 27 Jun 1977, Pengarah Kerjasama Teknikal, Kementerian Luar Jepun, S. Kowata mengetuai rombongan seramai 3 orang ke Malaysia bagi mengkaji keperluan-keperluan bantuan teknikal kepada Malaysia. Pasukan ini telah menemui berbagai jabatan kerajaan dalam menjalankan tugas mereka. Kunjungan pra lawatan rasmi Fukuda ini mencerminkan dasar Jepun untuk terus menjalin hubungan dan kerjasama dengan negara ini.

Membalas lawatan Fukuda, Tun Hussein Onn melawat Tokyo pada 18-23 September 1977. Dalam pertemuannya dengan Fukuda, Hussein membincangkan soal peranan dan sumbangan Jepun dalam meningkatkan pelaburan dan bantuan ekonomi kepada Malaysia. Beliau juga meminta lebih banyak syarikat daripada sektor swasta melabur di Malaysia. Kerajaan sedar sektor swasta dapat membantu menyebarkan pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran pengurusan bagi membantu sektor awam.[68] Bagi meningkatkan kerjasama di antara kedua pihak, Malaysia dan Jepun juga bersetuju menubuhkan Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun yang dianggotai oleh sektor swasta kedua-dua pihak dan berperanan meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi. Pengerusi bersama pertubuhan ini ialah Raja Tan Sri Mohar Badiozaman dari Malaysia dan Mr.Shigeo Nagano, Presiden Dewan Perniagaan Jepun.[69]

Secara umumnya hubungan diplomatik yang terjalin di antara Malaysia dengan Jepun sejak merdeka sehingga penghujung dekad 1970-an berjalan baik dan lancar walaupun turut diselubungi beberapa kontroversi. Jepun menganggap Malaysia penting sebagai pembekal bahan mentah dan menyediakan pasaran barangannya. Mereka mengambil kesempatan mengeksploitasi sepenuhnya dasar ekonomi terbuka yang menggalakkan perdagangan dan pelaburan asing sehingga menimbulkan kritikan pada pertengahan tahun 1970-an. Hubungan perdagangan berat sebelah menyebabkan kebergantungan Malaysia kepada Jepun semakin meningkat. Dari masa kesemasa Malaysia cuba meningkatkan "bargaining power" melalui perundingan dan mekanisme Asean bagi memperolehi lebih banyak bantuan Jepun. Kegiatan seumpama ini meningkat dengan

[68] *Foreign Affairs Malaysia*, Volume 10, 1977.
[69] *Foreign Affairs Malaysia*, Volume 10,1977.

ketara apabila Dasar Pandang Ke Timur dilancarkan oleh Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri ke- 4 pada tahun 1981.

Perdagangan dan Pelaburan

Hubungan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dengan Jepun sejak awal kemerdekaan lagi bersifat saling bergantung. Dasar diplomasi ekonomi yang dilancarkan Jepun pada pertengahan 1950-an sehingga ke pertengahan 1960-an bertujuan mengembangkan kegiatan perdagangan Jepun di rantau ini. Sebagai negara industri yang kekurangan bahan mentah, Jepun bergantung kepada bahan mentah yang diimport dan pasaran eksport kepada barangan siap yang dikeluarkan. Pada tahun 1968 misalnya, Jepun mengimport sejumlah 73.4 % daripada keperluan tembaganya, aluminium 100%, arang batu 71.9%, kayu 46.7% dan bahan api petroleum sebanyak 99.5 %.[70] Import utama Jepun dari negara ini ialah bahan-bahan mentah sementara eksport pula terdiri daripada barangan pembuatan dan jentera. Jadual berikut menunjukkan nilai import dan eksport Tanah Melayu ke Jepun mengikut jenis barang pada tahun 1961 dan 1962.[71]

[70] Jon Halliday and Gavan McCormack, *Japanese Imprealism Today: Co-Prosperity Sphere in Greater East Asia* (London : Penguin , 1973) m.s. 18-19.
[71] Federation of Malaya, *Monthly Statistics of External Trade*, Januari 1962, Department of Statistics, Federation of Malaya, Kuala Lumpur.

Jadual 3.1: Eksport Persekutuan Tanah Melayu ke Jepun Januari 1961,1962 mengikut barang.

Bahan	Jumlah terkumpul Januari $ juta (Malaya) 1961	Jumlah terkumpul Januari $ juta (Malaya) 1962
Minyak mentah	0.1	0.3
Getah asli	7.8	9.1
Bijih besi	6.6	8.8
Bijih dan buangan besi	0.1	0.1
Jongkong timah	7.4	8.8
Lain-lain komoditi	0.8	1.3
Jumlah	22.8	28.4

Sumber :Federation of Malaya, *Monthly Statistics of External Trade*, Januari 1962, Department of Statistics, Federation of Malaya, Kuala Lumpur.

Jadual 3.2 : Import Persekutuan Tanah Melayu dari Jepun Januari 1961, 1962 mengikut barang.

Bahan	Jumlah terkumpul Januari 1961 $ juta (Malaya) 1961	Jumlah terkumpul Januari 1962 $ juta (Malaya) 1962
Bahan fabrik	2.0	2.5
Logam dan besi	0.6	0.6
Keluaran logam	0.4	0.7
Jentera industri	0.7	0.8
Peralatan elektrik	1.0	1.0
Kain	0.6	0.3
Lain-lain	10.1	10.9
Jumlah	15.4	16.8

Sumber :Federation of Malaya, *Monthly Statistics of External Trade*, Januari 1962, Department of Statistics, Federation of Malaya, Kuala Lumpur.

Eksport utama Persekutuan Tanah Melayu ke Jepun berupa bahan mentah seperti getah asli, bijih besi dan bijih timah. Bahan-bahan ini merupakan keperluan penting sektor perusahaan Jepun. Import dari Jepun pula terdiri daripada bahan-bahan keperluan industri dan alat jentera.

Perjanjian perdagangan di antara Malaysia dengan Jepun diadakan pada tahun 1960 dan bertujuan meningkatkan hubungan ekonomi antara kedua negara. Sebelum itu perundingan di antara kedua pihak telah diadakan yang dirasmikan oleh Menteri Perdagangan dan Industri, Encik Khir Johari dan turut disertai oleh duta Jepun ke sini Encik Kaoru Hayashi.[72] Perjanjian yang ditandatangani ini meletakkan asas kerjasama yang diharap bagi meningkatkan hubungan perdagangan di antara kedua negara. Peningkatan dalam jumlah perdagangan di antara kedua negara didorong oleh beberapa perkara termasuk meningkatnya keperluan membeli dan menjual kedua-dua belah pihak akibat perubahan dan kemajuan ekonomi, peningkatan ini turut dibantu oleh dasar-dasar perdagangan yang diamalkan. Pengukuhan hubungan diplomatik antara kerajaan juga secara tidak langsung membantu merapatkan hubungan sektor swasta kedua pihak. Kemajuan ekonomi yang pesat dialami Jepun pada 1960-an menyebabkan meningkatnya keperluan mendapatkan bahan mentah termasuk dari Malaysia. Jepun tidak boleh

---

[72]Laporan *The Straits Echo*, 9 Februari 1960. Perjanjian ini ditandatangani pada 8 Februari 1960 dan diperbaharui di Tokyo pada 17 Ogos 1960. Antara perkara yang terkandung di dalamnya ialah tarif import, prosedur import dan eksport, pelepasan kastam dan perkapalan. Dalam perundingan yang diadakan perwakilan Tanah Melayu seramai 6 orang terdiri daripada Raja Mohar Raja Badiozaman, Pengawal Bahagian Perdagangan di Kementerian Perdagangan dan Industri, Encik Sujak Rahiman timbalannya, En. Hashim Sultan dari Kementerian Luar Negeri, En Rahman Hamidon dari Kementerian Pertanian, En. Ishak Pateh Akhir dari Kementerian Pengangkutan dan En. Nor Zainal dari Perbendaharaan. Wakil Jepun seramai 5 orang pula terdiri daripada Duta Jepun ke Bangkok T. Ushiroku, I. Hirai, Setiausaha Pertama Kedutaan Jepun di Malaya, N. Dosho, Setiausaha Menteri Kewangan Jepun, K. Akiyama,Konsul Jepun di Singapura dan M. Takeda, Setiausaha Kedua Kedutaan Jepun di Malaya .Antara persetujuan yang dicapai melalui perjanjian ini ialah Tanah Melayu diberi kebenaran mengeksport nenas tin dan kayu ke Jepun.

mendapatkan bekalan dari Cina atau Korea kerana masalah politik. Korea terlibat dalam perang saudara sehingga pertengahan tahun 1950-an manakala Cina pula merupakan negara komunis. Jepun hanya menjalin hubungan diplomatik dengan Cina pada awal tahun 1972. Tumpuan utama Jepun bagi mendapatkan bahan mentah adalah dari Asia Tenggara dan Timur Tengah. Peningkatan aktiviti dan jumlah perdagangan antara Malaysia–Jepun juga didorong oleh dasar dan pendekatan negara ini yang mula memberi perhatian serius kepada Jepun. Kedudukan Jepun sebagai sebuah negara maju mempunyai pengaruhnya yang tersendiri dalam pembangunan rantau ini. Keupayaan Jepun untuk membantu kegiatan ekonomi mula dirasakan. Tun Abdul Razak Timbalan Perdana Menteri ketika berucap di persidangan Menteri-Menteri Pembangunan Ekonomi di Tokyo pada 1966 menyatakan bahawa :

> "Kami amat menghormati keupayaan Jepun memajukan ekonominya untuk mengatasi masalah sosial. Masalah ekonomi dan sosial ini turut dihadapi oleh negara-negara Asia. Kejayaan Jepun memajukan ekonominya patut dicontohi oleh negara Asia yang lain. Kami di Malaysia juga sedang berusaha melaksanakan rancangan pembangunan yang dapat membawa keharmonian kepada rakyat. Kami memerlukan kerjasama dan sokongan negara seperti Jepun. Tiada negara yang dapat hidup secara terasing, saya berharap kita dapat menjalin kerjasama bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga dalam bidang lain". [73]

Hubungan perdagangan yang terjalin mengalami perubahan dan kemajuan dari semasa ke semasa. Hasil berbagai usaha dan galakan yang diambil oleh kedua pihak bagi mempertingkatkan perdagangan dua hala berlaku peningkatan ketara dalam kuantiti import dan eksport kedua negara. Beberapa pendekatan digunakan untuk meningkatkan

---

[73] Ucapan Tun Razak bertajuk,"The Progress of Japan A Real Examples of The People of Southeast Asia di Persidangan Menteri-Menteri Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan pada 12 April 1966. Lihat *Strategy for Action, The Selected Speeches of Tun Abdul Razak Dato' Hussein,* Deputy Prime Minister, J. Victor Morais (ed.), (Kuala Lumpur: Malaysian Center for Development Studies, Prime Minister's Department, 1969)

perdagangan di antara Malaysia-Jepun. Pihak Jepun misalnya menganjurkan pameran perdagangan bagi mempromosi barangan keluaran mereka. Pada 14 Januari 1960 Tunku Abdul Rahman telah merasmikan satu pameran perdagangan Jepun yang diadakan di Auditorium Chin Woo. Pameran ini mempamerkan barangan bernilai 1 juta dengan penyertaan daripada sejumlah 135 buah syarikat. Ia ditaja oleh JETRO dan berakhir pada 28 Februari. Salah satu jentera yang dipamerkan ialah sebuah jentolak buatan Komatsu seberat 28 tan berharga $60,000 ringgit.[74]

Menurut Mehmet Sami Denker, tempoh 1960-70 merupakan fasa pertumbuhan tinggi ekonomi Jepun yang memberi kesan kepada hubungan dagangnya dengan Malaysia. Permintaan terhadap bahan mentah seperti bijih timah dan getah adalah tinggi sementara eksport barangan siap Jepun juga meningkat dengan ketara.[75] Jadual berikutnya menunjukkan jumlah eksport dan import Malaysia dengan Jepun antara tahun 1960-1970.[76]

Jadual 3.3 : Jumlah perdagangan import-eksport Malaysia - Jepun,1960-1970 (juta US $)

Eksport

Tahun :	1960	1965	1966	1967	1968	1969	1970
Nilai :	32	75	89	88	104	133	166

Import

Tahun :	1960	1965	1966	1967	1968	1969	1970
Nilai :	224	263	307	334	343	407	419

[74] *Straits Echo*, 21 Januari 1960.

[75] Mehmet Sami Denker,"Continuity and Change in Japanese Malaysian Relations Before and After Second World War", tesis MA Universiti Sains Malaysia 1985, m.s.61.

[76] Angka diperolehi daripada Japan: Ministry of International Trade and Industry (MITI), (White Paper on International Trade Various issue dalam Kunio Yoshihara, *Japan's Economic Relations With Southeast Asia*, Centre for Southeast Asia Studies, Kyoto University, 1985, m.s. 58

Dalam tempoh sepuluh tahun, jumlah eksport Tanah Melayu ke Jepun meningkat daripada US$32 juta pada tahun 1960 kepada US$166 juta pada tahun 1970. Peningkatan ini melebihi 5 kali ganda. Import dari Jepun juga secara relatifnya meningkat hampir sekali ganda bagi tempoh yang sama. Nilai import Tanah Melayu dari Jepun pada tahun 1960 berjumlah US$??4 juta dan meningkat kepada US$419 juta sepuluh tahun kemudiannya. Pada tahun 1970, Jepun menjadi antara rakan dagang utama Malaysia di mana eksportnya ke sini adalah 17 % daripada keseluruhan nilai eksport dengan negara sedang membangun. Importnya pula adalah sebanyak 18 % daripada nilai keseluruhan import bagi tahun yang sama.[77] Dari semasa ke semasa tidak dapat dinafikan bahawa jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Jepun meningkat dengan ketara. Bagaimanapun Malaysia menerima kesan buruk daripada peningkatan jumlah dagangan ini. Statistik perdagangan di antara Malaysia–Jepun menggambarkan keadaan defisit atau tidak seimbang. Imbangan dagangan menunjukkan keadaan berat sebelah iaitu jumlah import daripada Jepun jauh lebih tinggi daripada eksport ke Jepun; bermakna Jepun lebih banyak menjual daripada membeli dari Malaysia. Pada 1970 misalnya import dari Jepun bernilai US$ 419 juta berbanding eksport ke sana berjumlah US $166 juta, perbezaan sebanyak US $ 253 juta. Keadaan perdagangan tidak seimbang ini kemudiannya menjadi isu hangat dan punca tidak puashati dalam hubungan kedua negara pada tahun 1970-an.

Kajian Mohamed Aslam dan Mohd. Haflah Piei mengenalpasti antara faktor yang mencetuskan defisit perdagangan ini ialah dasar perlindungan yang diamalkan Jepun bagi menyekat import dari negara luar. Syarat ketat yang dikenakan terhadap barangan Malaysia

[77] Yoshihara, Japan's Economic Relations With Southeast Asia, m.s. 65.

menyukarkan peniaga negara ini menjual barangan mereka ke Jepun.[78] Perkara ini merupakan satu keadaan tidak adil memandangkan Malaysia menyediakan berbagai-bagai kemudahan dan galakan kepada pengeksport dari Jepun. Hal ini turut mengundang kritikan daripada pemimpin Malaysia seperti Tun Razak yang menuntut Jepun supaya lebih jujur dalam urusan perdagangannya.[79] Fenomena tidak adil dan dominasi ekonomi Jepun ini akhirnya mencetuskan kritikan dan bantahan golongan pelajar semasa lawatan Perdana Menteri Jepun, Kakuei Tanaka ke Kuala Lumpur pada Januari 1974.

Aktiviti perdagangan Jepun turut disertai pelaburan asing langsung (FDI) yang memperlihatkan pelaburan modal sektor swasta dalam pelbagai projek di Malaysia. Aktiviti ini walau bagaimanapun agak perlahan pada 1960-an dan hanya meningkat dengan ketara pada dekad 70-an. Dalam tempoh 1960-1970 terdapat 21 buah syarikat usahasama di antara pelabur tempatan dengan Jepun. Antara yang melibatkan pelaburan melebihi 10 juta ringgit ialah Textile Corporation (M) Bhd. yang mula beroperasi pada bulan April 1964. Syarikat ini mempunyai modal RM14.85 juta dan melibatkan usahasama di antara Unitika Mitsui & Co. dengan pelabur tempatan dan pelabur Hong Kong yang memegang 75.3% saham. Pan Malaysian Cement Work Bhd. pula memulakan operasi pada Oktober 1964 merupakan usahasama di antara Marubeni Corporation dengan pelabur tempatan. Modal berbayarnya ialah RM21.93 juta dan ia beroperasi di Kuala Lumpur. Berikutnya ialah Ajinomoto (M) Bhd. yang melabur RM10.89 juta dan mula beroperasi pada bulan Mei 1965. Pelabur tempatan memegang 40% saham dalam syarikat pengeluar bahan perasa makanan ini. Syarikat lain ialah Matsushita Electric Co.(M) Bhd. yang memulakan operasi pada

---

[78] Mohamed Aslam dan Mohd. Haflah Piei," Malaysia-Japan: Unequal Trade Partners" dalam *Japan and Malaysian Development in the Shadow of the Rising Sun*, Jomo K.S. (ed.) (London: Routledge, 1994) m.s. 39.
[79] *Foreign Affairs Malaysia*, Volume 3 1970. Dalam lawatannya ke Jepun pada 13-17 Oktober 1970 Tun Razak membangkitkan isu ketidakadilan dalam hubungan perdagangan Malaysia Jepun. Beliau memohon Jepun agar bersikap lebih jujur dan adil bagi melahirkan suasana hubungan yang lebih mesra.

September 1965 dengan modal RM10.5 juta. Syarikat ini melibatkan usahasama di antara Matsushita Elektrik Industries dengan Hagemayer yang memegang 4.8% saham dan pelabur tempatan lain memegang 52.1% kepentingan. Syarikat ini beroperasi di Selangor.[80]

Satu-satunya syarikat yang dianggap sebagai mercu tanda dan pelaburan tertinggi Jepun di Malaysia pada 1960-an ialah Malayawata Steel (M)Bhd. Idea penubuhan syarikat besi keluli ini dikemukakan kerajaan Tunku Abdul Rahman pada tahun 1961 tetapi hanya dapat dilaksanakan sepenuhnya apabila ia beroperasi di Perai, Pulau Pinang pada Jun 1965. Modal permulaan syarikat ini berjumlah RM38.8 juta merupakan satu jumlah pelaburan yang besar ketika itu. Syarikat ini merupakan usahasama di antara pelabur tempatan dan Singapura (Pernas, MIDF dan pelabur Singapura menguasai 51.0%) dengan 5 buah syarikat Jepun iaitu Nippon Steel Corporation, Mitsubishi Corp., Mitsui & Co., Nittetsu Trading Co., Nittetsu Mining Co. yang menguasai 39.0% saham. Pihak IFS (International Finance Corporation) menguasai 10.0% saham syarikat ini. Pada tahun 1967 syarikat ini telah menjadi syarikat awam berhad. Menjelang tahun 1975, struktur pegangan sahamnya berubah dengan kerajaan Malaysia melalui Pernas dan MIDF dengan pelabur-pelabur Singapura menguasai 71.9% saham syarikat sementara selebihnya dikuasai oleh 5 syarikat Jepun tadi. Operasi utama Malayawata ialah mengeluarkan keluli yang diproses bagi kegunaan sektor pembinaan dan pembuatan. Pada tahun 1973 iaitu setelah operasinya berjalan melebihi 5 tahun, syarikat berjaya mengurangkan kerugian terkumpul daripada RM5,556,259 juta kepada RM1,981,017 juta. Kumpulan mencatatkan untung bersih sebanyak RM3,575,242 juta. Projek ini adalah antara langkah awal Malaysia memasuki sektor industri berat melalui usahama dengan pelabur Jepun. Kebaikannya ialah ia dapat

[80] Lihat *Japanese Overseas Investment A Complete Listing by Firms and Countries* (Tokyo: The Oriental Economist/ Toyo Keizai Shinposha, 1981)m.s. 65-74.

mensetabilkan harga besi tempatan, menjana pertumbuhan sektor pembinaan dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 2000 orang.[81]

Firma-Firma Jepun memulakan langkah memulakan pelaburan membangunkan kilang dan perniagaan terutamanya melalui projek usahasama dengan pelabur tempatan. Mereka mengambil peluang yang disediakan kerajaan dalam berbagai bentuk. Dalam tempoh ini, dasar ekonomi Malaysia mengalami perubahan untuk disesuaikan dengan perkembangan semasa. Walaupun sektor pertanian masih menjadi asas ekonomi Malaysia dengan pergantungan kepada eksport komoditi utama namun secara beransur-ansur perhatian mula diberikan untuk memajukan sektor industri. Berhubung dasar industrialisasi melalui galakan terhadap pelaburan asing ini, Akta Galakan Perindustrian digubal pada tahun 1968 yang memperuntukkan berbagai kemudahan kepada pelabur asing seperti taraf perintis, insentif khas kepada keluaran eksport, kredit cukai pelaburan dan insentif eksport. Kemudahan taraf perintis yang ditawarkan memberikan keuntungan yang amat besar kepada pelabur dengan mengecualikan mereka daripada membayar cukai keuntungan sebanyak 40% dan cukai kemajuan pada kadar 25%.[82] Pelabur yang bercadang membina industri yang 80-100% keluarannya untuk dieksport juga diberikan pelepasan cukai import mesin, komponen dan bahan mentah. Mereka juga akan menikmati pelepasan cukai eksport bagi keluarannya.[83]

---

[81] Lihat Chee Peng Lim dan Lee Poh Ping, *The Role of Japanese Direct Investment in Malaysia* , Occasional Paper No. 60, Institute of Southeast Asian Studies, 1979. Khusus tentang pemegang saham rujuk m.s. 51. Kertas ini menyediakan satu kajian mendalam tentang operasi Malayawata. Syarikat ini menjadi kes studi kepada pelaburan asing langsung Jepun di Malaysia. Ia turut menyentuh saiz pelaburan, jenis keluaran, pemasaran, pengurusan dan untung rugi selain membincangkan aspek pekerjaan, latihan, sub kontrak dan pemindahan teknologi. Lihat juga Malayawata Steel Bhd.. *Director Report and Statements of Account for Year to 31st March, 1973.*

[82] Chee Peng Lim dan Lee Poh Ping. *The Role of Japanese Direct Investment in Malaysia*. Occasional Paper No. 60, Institute of Southeast Asian Studies, 1979 . m.s. 8

[83] Kenyataan Ketua Unit Promosi Pelaburan FIDA dalam *Asean Review*, Asean Trade and Industry, A New Approach From Japan, No. 35, March 1977.

Kawasan perindustrian khas yang dikenali sebagai Zon Perdagangan Bebas disediakan bagi kemudahan para pelabur mendirikan industri mereka. Menjelang awal 1970-an, beberapa buah *Free Trade Zone* telah diwujudkan, 3 di Selangor, 2 di Melaka, 2 di Pulau Pinang termasuk 1 di Perai manakala 1 lagi dirancang dibina di Johor. Galakan yang disediakan kerajaan memberi peluang yang luas kepada pelaburan Jepun di sini namun sering menimbulkan kritikan kerana kecenderungan pelabur Jepun menanam modal dalam bidang yang hanya menguntungkan mereka. Seorang pengkaji, Khong Kim Hoong mengatakan pelabur Jepun hanya menumpukan perhatian kepada sektor berasaskan sumber asli yang tidak melibatkan pemindahan teknologi dan tiada nilai tambah. Sesetengah pelaburan Jepun dibuat dengan tujuan mendapatkan keistimewaan disediakan kerajaan seperti di bawah kategori taraf perintis dan galakan eksport. Beliau turut mengkritik langkah firma Jepun yang mengenakan syarat supaya firma tempatan yang terlibat dalam projek usahasama membeli barangan hanya dari Jepun menyebabkan keuntungan berganda dimiliki firma Jepun. Mereka juga menguasai pengurusan syarikat dan tidak memahami aspirasi tempatan.[84] Kritikan yang sama disuarakan Johan Saravanamuthu,"Foreign capital interests have been able as in import substitution to take immediate advantages of Malaysia export orientation policy, simply by exploiting Malaysia, so called comparative advantages (in term of cheap labour) in producing labour intensive industrial items such as electric product".[85] Kritikan yang disuarakan memberi gambaran bagaimana dasar galakan pelaburan yang disediakan kerajaan dapat dieksploitasi oleh pelabur Jepun bagi menggandakan keuntungan mereka.

---

[84] Lihat Khong Kim Hoong, "Malaysian- Japan Relations in Historical and Regional Perspective", m.s. 124.
[85] Johan Saravanamuthu, "The Role and Impact of Japan Investment in Malaysia", m.s. 10.

Apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan pada tahun 1970, kerajaan memberi penekanan membangunkan sektor perindustrian sebagai salah satu strategi memperbanyak peluang pekerjaan dan mempelbagaikan ekonomi. Matlamat akhirnya adalah membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.[86]Perhatian serius diberikan untuk menarik kemasukan pelaburan asing termasuk dari Jepun Mulai 1973 pentadbiran Tun Razak mula mengambil langkah-langkah perlu bagi menarik kemasukan pelabur Jepun. Malaysia turut menyertai pameran perdagangan anjuran Southeast Asia Promotion Centre for Trade and Investment dengan bantuan JETRO (*Japan External Trade Organisation*). Pameran ini bertujuan mempromosi dan menarik pelaburan Jepun ke Malaysia. Pada 11 Julai 1973 seminar pelaburan di Malaysia telah diadakan di Osaka yang mempunyai matlamat yang sama dengan pameran perdagangan sebelumnya.[87] Berikutan dengan itu pihak *Federal Industrial Development Authority* telah membuka pejabatnya di Tokyo.

Tindakan yang diambil bagi menarik pelaburan asing ini mula menampakkan hasil apabila pada 1975 terdapat 200 buah syarikat Jepun beroperasi di sini dengan nilai pelaburan RM 625 juta.[88] Pelaburan Jepun kebanyakannya terdiri daripada pelaburan terus atau melalui usahasama. Biasanya pelabur Jepun lebih cenderung melaksanakan projek usahasama kerana beberapa faedah yang diperolehi daripadanya. Pelaburan melalui projek

---

[86] Kajian Semula *Rancangan Malaysia Kedua* 1971-1975 (Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan Semenanjung Malaysia, 1973) m.s. 165-166. Perusahaan pembuatan ialah satu sektor yang penting dalam perkembangan ekonomi Malaysia. Ia diberi peranan penting untuk mencapai tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru dari segi menambah jumlah pekerjaan, meningkatkan pendapatan dan menyusun semula masyarakat. Dalam tahun 1971-1973, sektor pembuatan menyediakan sebanyak 100,000 ribu pekerjaan baru yang merupakan kadar perkembangan purata tahunan sebanyak 9.5%. Syarikat-syarikat perintis telah menyediakan 41% daripada jumlah pekerjaan ini. Tambahan jumlah pekerjaan yang pesat ini adalah disebabkan oleh penubuhan perusahaan berorientasikan penggunaan buruh dan perusahaan untuk barangan eksport seperti kain, elektronik dan kayu.

[87] *Straits Times*, 12 Julai, 1973.

[88] Mehmet Sami Denker, "Continuity and Change in Malaysia Japan's Relation", m.s. 145.

usahasama memberi keuntungan dari beberapa aspek. Menurut Kunio Yoshihara, syarikat tempatan yang menjadi rakan kongsi biasanya lebih biasa dan memahami dasar dan amalan perniagaan yang diamalkan di negara ini. Lagipun antara syarat yang ditetapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru bagi membolehkan pelabur asing mendapat keistimewaaan yang disediakan ialah penyertaan pelabur tempatan pada kadar sekurang-kurangnya 30%. Firma kecil Jepun juga kekurangan modal dan menggunakan kaedah usahasama bagi menjana sumber kewangan mereka. Dengan melakukan usahasama, firma-firma Jepun membuat keuntungan berganda dengan menjual barangan dan kepakaran mereka kepada syarikat tempatan.

Selain keuntungan bersama dalam pelaburan, syarikat Jepun juga menerima royalti dan yuran perundingan bagi kerja-kerja tertentu.[89] Bagi tempoh 10 tahun antara 1970-1980, antara pelaburan besar yang melibatkan usahasama syarikat Jepun dengan pelabur tempatan termasuklah Federal Cables, Wires & Metal Mfg. Bhd. yang ditubuhkan pada Ogos 1970. Syarikat ini adalah usahasama antara Fujikura Cable Works dengan Pacific Cable Group. Modal permulaan syarikat ini ialah RM14.41 juta. Satu pelaburan besar dalam industri perbankan juga telah dibuat oleh Industrial Bank of Japan dan kerajaan Malaysia dengan penubuhan Malaysian Industrial Finance Bhd. (MIDF) pada 1974 . Modal institusi kewangan ini berjumlah RM79.61 juta dan terlibat menyediakan pinjaman jangka sederhana dan panjang. Sebuah perusahaan benang dan kain yang dikenali sebagai Kanebo Malaysia Spinning Mills Sdn Bhd. telah didirikan di Pulau Pinang. Syarikat ini merupakan usahasama di antara Kanebo Mitsui & Co. dengan Penang Development Corporation

[89] Lihat Kunio Yoshihara, *Japan's Economic Relations With Southeast Asia*, Centre for Southeast Asian Studies, Kyoto University, Tokyo, m.s 75 .

memulakan operasinya pada Jun 1975. Modal syarikat ini berjumlah RM70.75 juta. Sebuah syarikat usahasama di antara Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan (FELDA) dengan Mitsui & Co. juga telah ditubuhkan pada Oktober 1977. Aktiviti syarikat ini adalah memproses minyak kelapa sawit dengan modal permulaan sebanyak RM14 juta. Tan Chong Motor Holdings Bhd. telah ditubuhkan pada Oktober 1972 melibatkan pelaburan modal sebanyak RM36 juta, usahasama di antara Nissan Motor dengan Tan Motor. Satu lagi pelaburan besar ialah penubuhan Perlis Plantation Bhd. yang mempunyai modal permulaan RM74.16 juta. Syarikat perladangan tebu ini memulakan operasi pada Julai 1976 mempunyai seramai 3100 orang pekerja. Perlis Plantation adalah usahasama di antara Nissan Sugar Mfg., Mitsui & Co. dan Kuok Brothers Sdn Bhd. Sebuah kilang kain yang didirikan di Perai, Pulau Pinang juga melibatkan pelaburan RM80 juta, Penfabric Sdn Bhd. Ditubuhkan pada 1975 merupakan usahasama antara Toray Industries dengan pelabur tempatan. Syarikat ini mempunyai pekerja seramai 1400 orang. Dalam bidang perkhidmatan, sebuah syarikat insuran usahasama di antara Tokio Marine & Fire Insurance dengan pelabur tempatan telah ditubuhkan, Jerneh Insurance Co. Sdn.Bhd. pada 1970. Modal syarikat ini berjumlah RM150 juta.

Syarikat-syarikat usahasama yang disebutkan di sini merupakan sebahagian daripada pelaburan Jepun di malaysia yang mempunyai kapasiti modal dan pengeluaran yang besar.[90] Kajian Chee Peng Lim dan Lee Poh Ping menunjukkan usahasama merupakan bentuk pelaburan Jepun yang sangat popular di negara ini. Pada tahun 1975 daripada sejumlah 163 firma Jepun di sini hanya 12.3% dimiliki sepenuhnya oleh pelabur Jepun sementara bakinya dimiliki secara usahasama. Walaupun usahasama merupakan

[90] Senarai syarikat-syarikat ini diperolehi daripada *Japanese Overseas Investment A Complete Listing By Firms and Countries*, The Oriental Economist (Toyo Keizai Shinposha), Tokyo, 1981, m..s. 65-74.

kaedah yang menguntungkan pelabur Jepun dan dapat mengatasi masalah pada peringkat tempatan namun ia juga mencetuskan beberapa masalah seperti jurang komunikasi, perbezaan budaya dan kecekapan. Kebanyakan pekerja Jepun yang bertugas di Malaysia tidak dapat berkomunikasi dengan pekerja tempatan kerana tidak menguasai bahasa Inggeris sementara pekerja tempatan pula tidak menguasai bahasa Jepun menyebabkan wujudnya jurang komunikasi di antara mereka. Perbezaan budaya sering menimbulkan masalah kepada kedua pihak. Pekerja tempatan mendakwa pekerja Jepun sukar bercampur dan tidak mempercayai mereka selain amat pentingkan bangsa sendiri dan bersikap terlalu nasionalistik.Mereka mendahulukan orang Jepun dalam semua urusan perniagaan. Pekerja tempatan juga tidak terlepas daripada kritikan pengurusan Jepun. Mereka didakwa kurang cekap, lambat bertindak dan kurang kemahiran teknikal.[91] Masalah yang disebutkan ini merupakan sebahagian daripada halangan kepada kejayaan projek usahasama Malaysia Jepun di negara ini.

Peningkatan aktiviti perdagangan dan pelaburan Jepun di Malaysia didorong oleh faktor tarikan dan tolakan. Dasar yang mengandungi galakan dan penyediaan berbagai kemudahan oleh kerajaan kepada pelabur asing merupakan faktor yang menarik mereka ke sini. Antara yang terpenting dalam kategori ini ialah penawaran bahan mentah dan tenaga buruh murah bagi industri berintensif buruh dan pengeluaran barangan berasaskan bahan asli tempatan. Bagi bahan yang diimport pula, kerajaan mengecualikan cukai kepada industri yang memenuhi syarat yang tertentu. Misalnya bagi industri yang mengeksport 80-100% keluarannya, ia dikecualikan cukai import bagi bahan dan mesin yang dibawa masuk dari luar. Lebih menguntungkan pelabur ialah taraf perintis di bawah Akta Galakan

---

[91] Chee Peng Lim dan Lee Poh Ping,"Japanese Joint Ventures in Malaysia" dalam *The Sun Also Sets Lessons in Looking East*, (ed.) Jomo K.S., (Kuala Lumpur: INSAN, 1985), m.s. 271&276.

Pelaburan (1968) yang memberi pengecualian cukai keuntungan dan kemajuan bagi tempoh antara 2- 5 tahun.[92] (cukai keuntungan 40% dan cukai kemajuan 5%). Daripada sejumlah 154 syarikat yang disenaraikan JETRO pada 1980, 49 daripadanya atau 31.8% mendapat taraf perintis.[93]

Pengenalan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 dan usaha kerajaan memulakan dasar perindustrian eksport menyediakan banyak kemudahan kepada pelabur asing. Faktor tolakan pula berkisar kepada dasar dan suasana perindustrian di Jepun yang secara langsung dan tidak langsung menggalakkan mereka berpindah ke luar. Kepesatan sektor perindustrian Jepun yang bermula pada tahun 1960-an menyebabkan mereka menyemak semula dasar berkaitan pada tahun 1970-an. Jepun perlu mempelbagaikan sumber bahan mentah dan pasaran. Kos pengeluaran di Jepun semakin tinggi dengan peningkatan kos buruh, tanah dan bahan mentah. Secara relatifnya masalah ini boleh diatasi dengan melabur di negara lain yang menawarkan berbagai kemudahan pada kos lebih murah. Industri berasaskan intensif buruh dan memerlukan saiz tanah yang luas perlu di bawa keluar. Ini termasuk juga kilang-kilang yang membawa nilai tambahan yang rendah dan mengakibatkan pencemaran.

Pada 1972 berdasarkan plan Tanaka, Jepun menyusun semula industrinya dengan menggalakkan industri berasaskan buruh, mencemarkan alam sekitar, melibatkan saiz tanah yang luas, tidak menggunakan kemahiran tinggi seperti industri tekstil melabur di luar negara. Industri tempatan hanya diperuntukkan kepada *"clean and knowledge intensive based industry"*.[94] Plan Tanaka ini menimbulkan persoalan moral kerana Jepun bertindak

---

[92] Laporan Ekonomi 1980/81.
[93] Johan Saravanamuthu, The Role and Impact of Japanese Direct Investment in Malaysia , m.s. 13
[94] Lihat Chua Wee Meng, " the Future of the Japanese Industrial Structure and Its Bearing on Japanese Trade and Investment In Southeast Asia" *dalamThe Future Pattern of Japanese Economic and Political*

membawa keluar industri yang dikatakan memberi kesan buruk seperti pencemaran.[95] Masalah yang melanda Jepun kini dieksport bersama pelaburannya ke negara ini. Dalam melaksanakan strategi ini, Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI) Jepun menyediakan berbagai-bagai kemudahan kepada syarikat Jepun yang melabur di luar negara seperti bantuan kewangan dan jaminan bagi pelaburan di luar negara dan melonggarkan garis panduan bagi aliran keluar modal.[96] Linda Golley dalam tulisannya,"Investment Paradise: Japanese Capital in Malaysia"[97] menyenaraikan beberapa faktor yang menarik pelaburan Jepun ke negara ini. Beliau mengatakan bahawa suasana pelaburan yang terdapat di sini merupakan sesuatu yang amat menarik bagi pemodal Jepun. Pertumbuhan pesat sektor industri menjelang penghujung tahun 1970-an menjanjikan pulangan pelaburan yang tinggi di mana sumbangan sektor industri kepada keluaran negara kasar berjumlah 50%. Perhatian kerajaan untuk memajukan sektor petroleum di pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak membuka peluang pelaburan yang luas kepada pelabur Jepun. Usahasama dalam pengeluaran gas asli telah dibuat di antara PETRONAS dengan Mitsubisi dan Shell gas di Bintulu Sarawak. Berbanding jirannya seperti Indonesia dan Filipina keadaan politik dan infrastruktur Malaysia adalah lebih baik. Kejatuhan regim Shah Reza Pahlavi di Iran pada 1979 juga menyebabkan firma Jepun yang melabur di sana terpaksa mempertimbangkan untuk memindahkan operasi mereka ke Asia Tenggara.

Relationship With Southeast Asia, Institute of Southeast Asia Studies Singapore, Current Issues, Seminar Series No. 5, September 1975, m.s. 45.

[95] Lihat Sukehiro Hasegawa, *Japanese Foreign Aid Policy and Practice* (U.S.A: Praeger Publishing, 1975) m.s. 88. Pertumbuhan pesat industri memberikan kesan buruk kepada Jepun. Pencemaran sumber air dan udara amat ketara. Pembuangan sisa industri seperti sulfur oksida dan nitrogen oksida merupakan punca masalah ini. Pada 1964 penduduk di wilayah Minamato dan Niigata mendapat penyakit apabila mereka memakan ikan yang dicemari raksa metayl. Akibatnya kerajaan menggubal dasar industri baru menjelang tahun 1970-an .

[96] Lihat Anny Wong & Kuang Sheng Liao *Japan's Cultural Diplomacy and Cultivation of Asean Elites*, Hong Kong Institute of Asia Pacific Studies (Hong Kong: Chinese University of Hong Kong,, 1991) m.s. 3.

[97] Linda Golley, "Investment Paradise: Japanese Capital In Malaysia" dalam *The Sun Also Sets Lessons in Looking East*, (ed.) Jomo K.S.,(Kuala Lumpur: INSAN, 1985), m.s 266-267.

Kedudukan Jepun sebagai negara perindustrian pada 1970-an menjadi tarikan kepada negara-negara di Asia Tenggara yang sedang dalam proses mempelbagaikan ekonomi masing-masing. Umumya perniagaan dan pelaburan Jepun membawa kesan positif dan negatif. Sumbangan mereka terhadap ekonomi Malaysia yang sedang berkembang pada tahun 1970-an memang tidak dapat dinafikan tetapi pada masa yang sama wujud kritikan tentang kegiatan perdagangan dan pelaburan Jepun yang hanya membawa keuntungan sebelah pihak. Hubungan Malaysia-Jepun dari segi perdagangan dan pelaburan sememangnya penting bagi kedua negara lantaran wujudnya keadaan saling bergantung di antara kedua pihak. Jepun perlu berdagang dengan Malaysia bagi mendapatkan bahan mentah serta mengeksport keluarannya. Malaysia pula perlukan Jepun sebagai pembeli komoditi yang dihasilkannya. Dari segi pelaburan juga suasananya hampir sama; sebagai negara sedang membangun Malaysia perlukan pelaburan Jepun bagi mengembangkan sektor perusahaannya dan pada masa yang sama Jepun perlu melabur di luar negara bagi memperkembangkan ekonominya. Keadaan saling bergantung ini banyak dipengaruhi oleh kedudukan dan struktur ekonomi kedua-dua negara. Jepun merupakan negara maju yang menguasai modal, teknologi dan pasaran manakala Malaysia merupakan negara sedang membangun yang hanya memiliki bahan asli dan tenaga buruh. Pengkaji seperti Mehmet Sami Denker dan Jacinta Chin Vee Lin merumuskan bahawa hubungan Malaysia-Jepun selepas Perang Dunia Kedua masih berteraskan kepada kehendak ekonomi iaitu mendapatkan sumber asli, pasaran dan buruh murah. Pada zaman Tun Razak dan Hussein Onn hubungan kedua negara menjadi semakin penting akibat dorongan Dasar Ekonomi Baru. Walau bagaimanapun ia lebih menguntungkan pelabur Jepun daripada pelabur tempatan.[98]

[98] Mehmet Sami Denker,"Continuity and Change in Japan-Malaysia Relations Before and After Second

Dalam hubungan ini, negara maju lebih beruntung dalam urusan ekc dengan negara sedang membangun kerana mereka menguasai modal, teknologi dan kepakaran. Dengan kelebihan yang dimiliki, mereka dengan mudah menguasai ekonomi negara sedang membangun. Perkara ini sering menimbulkan perbincangan dan kritikan. Jepun kerap mengambil kesempatan daripada kedudukannya untuk memaksimakan keuntungan daripada perdagangan dan pelaburan yang dilakukan. Seorang pengkritik dengan terus terang mengatakan ,

> "Malangnya Asia yang miskin dan membangun ini kelaparan modal, alat dan pengetahuan teknologi. Maka para pemimpin Asia menerima modal dari usahawan Jepun, kecil tapak tangan nyiru ditadahkan, sehingga bagi kebanyakan orang Jepun orang Asia adalah adik-adik yang perlukan penjagaannya sebagai "big brother". Orang-orang Asia yang sedang memasuki kehidupan moden terpaksa berhutang bergolok untuk memiliki barangan Jepun yang diimport atau dipasang dalam negeri. Pemuda dan gadis Asia yang laparkan pekerjaan tanpa kekuatan tawar menawar memperhambakan diri di kilang-kilang milik Jepun atau milik bersama – suatu bentuk kerjasama ekonomi yang sangat popular di negara membangun yang sehingga kini nampaknya lebih menguntungkan "big brother" dan segelintir adik beradiknya sahaja". [99]

Kritikan ini berasaskan realiti yang wujud dalam hubungan di antara Jepun dengan negara sedang membangun. Kedudukan negara sedang membangun yang lemah dalam berbagai aspek merupakan satu kelebihan bagi Jepun. Keadaan ini mendorong syarikat-syarikat Jepun memberi tumpuan kepada industri berasaskan sumber asli yang diperolehi dengan mudah dan murah tanpa melibatkan pemindahan teknologi maju. Mereka lebih menumpukan perhatian bagi mendapatkan kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti taraf perintis, pengecualian cukai keuntungan, pengurangan tarif import dan eksport selain

---

World War",tesis MA, Universiti Sains Malaysia 1985 dan Jacinta Chin Vee Lin,"Japanese Capital Investment and Foreign Aid to Malaysia", latihan ilmiah Universiti Malaya 1970/71.

[99] Mohd. Noor Azam, *Dewan Masyarakat* Jilid X11, Bil.3, 15 Mac 1974.

tenaga buruh murah tanpa benar-benar membantu kemajuan industri tempatan. Bagi sesetengah pihak, situasi yang wujud ini adalah satu bentuk penjajahan ekonomi terhadap negara sedang membangun. Jika hal ini dibiarkan berterusan dan tidak dibendung, negara sedang membangun akan menjadi mangsa eksploitasi firma-firma multinasional Jepun.[100] Hal seperti ini disedari oleh kerajaan tetapi mereka sendiri tidak berkuasa mengubah keadaan kerana negara maju seperti Jepun lebih berkuasa dalam hal perdagangan dan pelaburan. Menteri Luar Malaysia Tan Sri Ghazali Shafie semasa berucap dalam satu seminar Parti Perikatan pada 19 Februari 1971 berkaitan dengan *Malaysian Foreign Policy* menyebut tentang rasa tidak puas hati kerajaan terhadap amalan perdagangan Jepun yang berat sebelah. Beliau menuntut Jepun bersikap lebih ikhlas dalam memberi bantuan kepada negara ini.[101]

Ahli akademik seperti Johan Saravanamuthu menyifatkan pelaburan langsung Jepun di Malaysia adalah satu bentuk eksploitasi modal bagi pembangunan yang melibatkan dua buah negara maju dan membangun :

> *"the actual impact of JDI through the activity of Japanese transnational companies in Malaysia shows that JDI does contributed to uneven and unequal growth in Malaysia , as evidenced by the pre ponderent location of Japanese companies in developed areas and major towns. Their pre ponderence in labour intensive industries like textile & electronics and their concentration on resources based industries also point toward the reinforcement of an inequitable global division of labour. Japanese companies have also not hesitated to take advantage of various fiscal and physical facilities accorded by Malaysia but again apparently with less than satisfactory reciprocal benefits to the host country. The employment record of the Japanese*

[100] Perbincangan lebih meluas berkaitan isu ini terdapat dalam Khong Kim Hoong,"Malaysia- Japan Relations in Historical and Regional Perspective in Trilaterism in Asia" dalam K..S. Nathan & M. Pathmanathan (ed.), *Problem and Prospect in Japan- Asean Relations,*(Kuala Lumpur: Antara Book Co., 1986, m.s. 122-124.

[101] Mohd. Ghazali Shafie, *Malaysia International Relations Selected Speeches* (Kuala Lumpur: Creative Enterprise, 1982), m.s. 168-169.

companies, for example fall far short of expectations. Furthermore technological control rather than technology transfer seems to be exacted through Japanese participation in joint venture, management contracts, licencing agreement, turnkey operation and the like". [102]

Beliau mengenengahkan beberapa kesan negatif pelaburan Jepun seperti lokasi industri yang tidak seimbang, tumpuan kepada industri berasaskan buruh serta kuranganya program pemindahan teknologi seperti yang diharapkan. Pelabur Jepun lebih tertumpu kepada kawasan perdagangan bebas yang mempunyai berbagai kemudahan asas. Kawasan ini terletak di bandar utama dan jauh dari luar bandar. Pelabur juga mengambil kesempatan daripada penawaran buruh murah yang digunakan dalam sektor elektronik dan tekstil yang tidak melibatkan penggunaan kemahiran dan teknologi tinggi. Keadaan ini merugikan negara dalam jangka masa panjang kerana keupayaan tenaga buruh untuk meningkatkan taraf kemahiran mereka amat sedikit. Kesan buruk lain ialah kurangnya pemindahan teknologi dan usahasama yang menguntungkan sebelah pihak.[103]

Tidak dapat dinafikan bahawa dasar dan amalan perdagangan Jepun telah menimbulkan rasa tidak puas hati Malaysia. Syarikat-syarikat besar (*Sogoshosha*) Jepun cenderung mengambil kesempatan dan mengaut keuntungan maksima daripada kegiatan mereka di sini. Inilah satu bentuk *neo kolonialisme* yang sedang melanda negara sedang

---

[102] Johan Saravanamuthu,"The Role and Impact of Japanese Direct Investment in Malaysia", *Seminar on the Japanese Experience Lessons for Malaysia* , 26-31 May 1983 , Pulau Pinang, m.s. 26 .

[103] Pandangan Johan berasaskan kajiannya terhadap peranan dan kesan pelaburan langsung Jepun di Malaysia sehingga awal tahun 80-an. Pada asasnya pandangan beliau menggambarkan keadaan yang berlaku dalam ekonomi kapitalis di mana para pemodal cuba memaksimumkan keuntungan dengan mengambil segala peluang yang disediakan. Secara praktisnya mereka memilih tempat tertentu yang mempunyai banyak kelebihan dari segi infrastruktur untuk menjalankan perusahaan mereka. Bagi pihak negara membangun (seperti Malaysia) yang amat mengharap kepada modal dan teknologi asing bagi membangunkan sektor perusahaannya , tiada banyak pilihan bagi menarik kemasukan modal asing selain menyediakan kemudahan-kemudahan kepada mereka. Objektif-objektif yang diharapkan daripada JDI (Japan Direct Investment) seperti menyediakan peluang pekerjaan, pemindahan teknologi, pemberian sub kontrak dan peluang latihan sukar dipenuhi sepenuhnya. Ia banyak bergantung kepada sikap dan pendekatan kedua-dua pihak bagi mengatasi masalah yang timbul supaya wujud "win and win situation" .

membangun seperti Malaysia. Walau bagaimanapun kritikan keras yang ditujukan kepada Jepun berkaitan perkara ini pada pertengahan tahun 1970-an sedikit sebanyak membantu mengubah dasar dan pendekatan mereka. Pengenalan Doktrin Fukuda misalnya merupakan komitmen Jepun untuk mempertingkatkan hubungan sosio-ekonominya dengan Malaysia. Bagi melindungi kepentingannya,Jepun melaksanakan program kerjasama dan bantuan ekonomi di bawah program bantuan seberang laut Jepun (Overseas Development Assistant). Sungguhpun begitu, pengkaji berpendapat kecenderungan ahli-ahli perniagaan Jepun adalah sama iaitu mendapatkan peluang dan keuntungan semaksima mungkin walaupun kerajaan Jepun melaksanakan beberapa perubahan pada dasar luarnya. Keadaan ini berpunca daripada dasar mengalu-alukan perdagangan dan pelaburan asing yang diamalkan Malaysia selain mereka menyedari tentang kelebihan yang dimiliki.

Kerjasama Ekonomi dan Bantuan Luar

Strategi Jepun sepertimana terkandung dalam dasar "diplomasi ekonomi"nya ialah menjalin kerjasama ekonomi dengan menyediakan bantuan luar kepada negara seperti Malaysia. Kerjasama ini termasuklah kerjasama teknikal, pemberian geran, pinjaman kerajaan, kredit eksport dan pelaburan langsung asing. Bantuan luar atau ODA Jepun terbahagi kepada 3 kategori. Pertama ialah sumbangan kepada negara penerima, kedua pinjaman jangka sederhana dan jangka panjang, ketiga sumbangan kepada organisasi antarabangsa. Sumbangan kepada negara penerima dibahagikan kepada pembiayaan projek pertanian dan perikanan dan menambah pengeluaran makanan. Termasuk juga dalam kategori sumbangan ini ialah kerjasama teknikal yang meliputi program menyediakan latihan kepada pelatih dari negara membangun, menghantar pakar ke luar negara,

menghantar pakar penyelidikan, memberikan sumbangan peralatan dan menghantar sukarelawan berkhidmat di luar negara. Program ini dikendalikan oleh Kementerian Luar Negeri dan Japan International Cooperation Agency (JICA). Pemberian pinjaman pula dikendalikan oleh Japan Bank for International Cooperation(JBIC).[104] Bantuan dan kerjasama ini dilakukan oleh pihak kerajaan dan swasta. Kerajaan menyediakan bantuan seperti pemberian geran dua hala, bantuan teknikal, pinjaman kerajaan dan lain-lain bantuan multilateral. Sumbangan pihak swasta merupakan pelaburan langsung asing dan kredit eksport. Sebelum penubuhan JICA (Japan International Cooperation Agency) pada tahun 1974, bantuan luar ini dikendalikan oleh beberapa agensi seperti Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Agensi Perancangan Ekonomi.[105] Pinjaman kewangan disediakan oleh 2 buah institusi kewangan iaitu Import-Eksport Bank of Japan (Exim-Bank) dan Overseas Economic Cooperation Fund(OECF). Bantuan teknikal pula dikendalikan oleh Overseas Technical Cooperation Agency (OTCA). Sebagai tambahan kepada program ini, Jepun menubuhkan pasukan sukarelawan (Peace Corps.) untuk dihantar berkhidmat ke luar negara. Program bantuan luar yang disediakan Jepun dilaksanakan mengikut 4 peringkat berdasarkan perkembangan politik-ekonomi semasa iaitu :

1. Pampasan perang 1950-an-1965
2. Promosi eksport 1950-an – 1970-an
3. Pergantungan ekonomi
4. Kerjasama ekonomi dan sosio-budaya, pendidikan dan latihan .

---

[104] Lihat laporan *ODA dan JICA*, File A-1, Overview, JICA, Kuala Lumpur dan Kunio Yoshihara, Japan's Economic Relations With Southeast Asia, m.s. 68.
[105] Ministry of Foreign Affairs, Japan, *Japan's Foreign Aid* (Tokyo, 1972) m.s. 8

Pada awal tahun 1950-an imej buruk Jepun akibat Perang Dunia Kedua belum pulih sepenuhnya. Jepun perlu memulihkan semula hubungannya dengan negara-negara Asia Tenggara bagi menjaga kepentingan politik dan ekonomi. Salah satu strategi yang digunakan Jepun untuk berbaik-baik semula dengan negara Asia yang pernah dijajahnya ialah dengan membayar pampasan perang atau membayar hutang darah. Pembayaran pampasan perang ini dianggap sebahagian daripada bantuan ekonomi kepada negara terbabit seperti Indonesia, Filipina, Burma dan Malaysia. Walau bagaimanapun peningkatan jumlah bantuan ekonomi yang diberikan dari semasa ke semasa mempunyai maksudnya yang tersendiri. Menjelang pertengahan tahun 1960-an apabila ekonomi Jepun mula berkembang pesat, bantuan ekonomi dijadikan alat untuk meningkatkan eksport Jepun ke negara penerima. Misalnya pemberian kredit Yen pertama kepada Malaysia bagi membiayai Rancangan Malaysia Pertama terpaksa digunakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan dari Jepun.

Mengikut laporan Kementerian Luar Jepun, mereka merancang meningkatkan pendapatan negara sebanyak 2 kali ganda dalam tempoh 10 tahun (1961-1970) melalui peningkatan eksport. Jepun amat bergantung kepada import daripada negara sedang membangun. Ia mengharapkan 10% daripada keluaran negara kasarnya disumbang oleh perdagangan dengan Asia Tenggara. Jadi bantuan luar yang diberikan perlulah diselaraskan matlamatnya dengan perancangan ekonomi.[106] Hubungan perdagangan dan pelaburan Jepun dengan Malaysia pada tahun 1970-an seterusnya mewujudkan keadaan kebergantungan yang menguntungkan Jepun. Bantuan ekonomi yang diberi selari dengan peningkatan perdagangan dan pelaburan asing Jepun ke negara ini bermakna Jepun hanya mengambil sedikit keuntungan daripada kegiatan perdagangannya untuk memberi bantuan.

[106] Japan, Ministry of Foreign Affairs, *Some Features of Japan's Development Assistance*, Tokyo, 1961 .

Sehingga penghujung tahun 1970-an dibawah pentadbiran Perdana Menteri Fukuda, barulah Jepun memberi komitmen yang lebih besar untuk menjalin hubungan dan kerjasama dengan Malaysia dalam bidang sosial.

Setiap peringkat bantuan Jepun mempunyai objektif dan kepentingan yang tersendiri mengikut keadaan. Pada tahap pertama awal tahun 1960 an, bantuan ekonomi diberikan bertujuan memulihkan hubungan yang terjejas akibat perang selain membantu negara penerima membeli lebih banyak barangan Jepun. Pada tahap kedua, pertengahan tahun 1960-an, bantuan ini diberikan bagi membantu kemajuan ekonomi negara penerima kerana kemajuan mereka penting kepada keamanan serantau. Peringkat berikutnya pada tahun 1970-an, bantuar luar dikaitkan pula dengan komitmen Jepun menyumbang kepada masyarakat antarabangsa.[107] Pertimbangan penting dalam memberikan bantuan ekonomi ialah perkembangan politik dan keuntungan yang diperolehi Jepun. Asia Tenggara merupakan rantau yang penting kepada Jepun. Bagi mengimbangi pengaruh komunis di Cina dan pergolakan di Indochina pada tahun 1960-an, Jepun menjadi sekutu utama Amerika di rantau ini serta menjalin kerjasama erat dengan Asia Tenggara. Tanpa keupayaan menjadi sebuah kuasa tentera, Jepun boleh mempengaruhi rantau ini melalui bantuan ekonomi. Oleh yang demikian mulai pertengahan tahun 1960-an, Jepun mula menyalurkan bantuan yang meliputi bayaran pampasan perang dan pinjaman kredit Yen kepada Malaysia. Pada tahun 1966, Jepun menyediakan kemudahan kredit Yen berjumlah RM150 juta(18 billion yen)untuk kegunaan Rancangan Malaysia Pertama.[108] Soal bayaran

---

[107] Sukehiro Hasegawa, *Japanese Foreign Aid Policy and Practice* (New York: Praeger Publishers, 1975) m.s. 16.

[108] Lihat Japanese *White Paper On Economic Cooperation*, MITI, Tokyo, 1982 dan *Foreign Affairs Malaysia*, Vol. 1- No. 4&5, April 1967. Perjanjian kredit ini ditandatangani pada 22 November 1966. Sejumlah 100 juta ringgit dibiayai oleh EXIM Bank of Japan sementara bakinya sebanyak 50 juta oleh OECF. Bayaran faedah yang dikenakan EXIM Bank adalah sebanyak 5.75 % bagi tempoh 15 tahun. OECF pula mengenakan faedah pada kadar 4.5% setahun bagi tempoh bayaran balik selama 20 tahun. Mengikut sumber kerajaan, pinjaman

pampasan perang juga diberi perhatian oleh pihak Jepun. Berbanding dengan negara jirannya yang lain seperti Indonesia dan Filipina, Malaysia tidak mengemukakan tuntutan yang tertentu kepada pihak Jepun cuma mengharapkan tawaran daripada pihak Jepun. Mengikut sumber Kementerian Luar Negeri, pada awal tahun 1965 satu persetujuan peringkat awal telah dicapai antara kedua pihak bagi menyelesaikan masalah pampasan perang. Pihak Jepun bersetuju untuk membina sebuah kolej universiti di Pulau Pinang sebagai sebahagian daripada pakej bayaran. [109] Pada 5 Oktober 1966, Jepun mengumumkan persetujuan membayar gantirugi perang sebanyak $50 juta ringgit kepada Malaysia dengan $25 juta dibayar tunai manakala bakinya dalam bentuk perkhidmatan dan bantuan teknikal.[110] Antara pemberian yang terkandung dalam pakej gantirugi ini termasuk pemberian 2 buah kapal kepada MISC (Malaysian International Shipping Cooperation) diserahkan pada tahun 1971.

Bagi tempoh 10 tahun (1961-1970) kerjasama ekonomi dan bantuan luar Jepun kepada Malaysia diberikan dalam beberapa bentuk selain daripada yang dinyatakan. Kemudahan kredit Yen diberikan sebagai sambungan kepada sejumlah pinjaman yang disediakan di bawah kemudahan kredit yang pertama.[111] Walau bagaimanapun syarat yang dikenakan tetap memberi keuntungan kepada Jepun. Mengikut laporan Foreign Affairs

---

ini akan digunakan untuk membayar perkhidmatan dan bekalan yang telah dilakukan oleh kontraktor Jepun dalam Rancangan Malaysia Pertama.

[109] *Utusan Melayu* 6 Januari 1965.

[110] Mohd. Bin Shamsuddin, Perhubungan Awal Malaysia- Jepun 1957-1967, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 23, 1995.

[111] *Foreign Affairs Malaysia*, Volume 7, 1974 dan *Foreign Affairs Malaysia*, Volume 5, 1972. Pada 29 Mac 1972 pertukaran nota kemudahan kredit kedua Yen bernilai 36 billion Yen ditandatangani di antara Malaysia dengan Jepun. Malaysia diwakili Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin manakala Jepun diwakili dutanya Shigeru Hirota. Kemudahan kredit ini akan digunakan bagi membiayai perbelanjaan Rancangan Malaysia Kedua. Pada 11 Oktober, perjanjian ditandatangani di antara Import Eksport Bank of Japan dengan Malaysia di Tokyo di mana jumlah 18 billion Yen (163.5 juta) telah diluluskan. Seterusnya dalam lawatan Perdana Menteri Tanaka ke Malaysia pada tahun 1974, beliau berjanji untuk terus memberikan kemudahan kredit Yen ke tiga. Butir-butir lanjut kemudahan tersebut dirundingkan oleh pegawai-pegawai kedua belah pihak.

Malaysia, Jepun menetapkan syarat 50% daripada jumlah pinjaman kredit Yen kedua perlu digunakan untuk membeli barang dan perkhidmatan dari firma Jepun. Strategi ini digunakan bagi menggalakkan Malaysia mengimport barangan Jepun.[112] Sehingga tahun 1979, Jepun telah menyediakan 6 kemudahan seumpama ini berjumlah 153 billion Yen. Tempoh bayaran balik adalah dari 15 ke-20 tahun dengan kadar faedah yang berbeza di antara 3.25% ke 5.75% setahun. Penyedia sumber kewangan bagi kemudahan kredit Yen ini terdiri daripada *EXIM Bank* dan *OECF (Overseas Economic and Cooperation Fund).*[113] Pinjaman di bawah skim ini digunakan untuk membiayai pelbagai projek di bawah rancangan pembangunan Malaysia. Kemudahan pinjaman kewangan bagi membina beberapa projek infrastruktur juga disediakan. Di bawah program kerjasama ekonomi, Jepun menghantar pasukan pakar bagi melakukan kerja-kerja kajian kemungkinan projek. Pada tahun 1966, syarikat Jepun terlibat dalam projek membina empangan Muda di sempadan Kedah-Thailand bagi membekalkan air kepada petani di Kedah dan Perlis. Pembinaan 2 buah empangan serta sistem saliran ini membolehkan 260,000 orang petani menanam padi 2 kali setahun. Projek ini dibiayai oleh Bank Dunia dengan kos RM70 juta.[114] Menjelang 1968, 4 kumpulan pakar telah dihantar ke Malaysia, 2 daripada sektor kerajaan sementara 2 lagi daripada swasta.[115] Pada tahun 1968 juga, pihak Jepun telah

[112] *Foreign Affairs Malaysia*, Volume 5 1972.
[113] Japanese *White Paper On Economic Cooperation*, Ministry of International Trade and Industry, Tokyo , 1980.
[114] Lawrence Olson, *Japan in Postwar Asia* (London: Praeger Publishers, 1970) m.s. 207.
[115] Foreign Affairs Malaysia, Volume 3, 1970 . 2 kumpulan pakar terlibat dalam kerja-kerja perundingan projek pelabuhan perikanan di Kuching Sarawak sementara 2 kumpulan lagi menjalankan kajian berkaitan projek tebusguna tanah dan sistem saliran Sungai Perai di Pulau Pinang. Pada 4 Julai 1970 Malaysia dan Jepun juga telah menandatangani memorandum persefahaman kali kedua berkaitan dengan kajian hidrografik di Selat Melaka. Jepun akan membekalkan tenaga pakar bagi menjalankan kajian ini. Tujuannya adalah untuk keselamatan pelayaran di selat ini.

meluluskan pinjaman jangka panjang kepada Malaysia bagi melaksanakan projek seperti tertera dalam jadual berikut :[116]

Jadual 3.4 : Pinjaman projek jangka panjang Jepun kepada Malaysia - 1968

Projek	Nilai (juta USD)
1. Pembinaan jalan keretapi	1,430,000
2. Kenderaan	580,000
3. Jentera	4,982,000
4. Peralatan elektrik	68,000
Jumlah	7,060,000

Sumber: Syed Waseem Ahmad,"Malaysian–Japanese Economic Relations",*Proceding of the Conference University of Malaya,* Japanese Economic Influence in Southeast Asia, 12-14 May, 1970, m.s. 125.

Berikutnya pada Ogos 1969, Jepun turut menyediakan pinjaman bagi membiayai projek-projek seperti yang disenaraikan jadual di bawah :

Jadual 3.5 : Pinjaman projek jangka panjang Jepun kepada Malaysia – 1969

Projek	Nilai (juta USD)
1. Micro- wave project (Kuala Lumpur – Kuantan)	643,000
2. Johor Bharu Middle Wave Despatch Office	292,000
3. Malaysian TV Broadcast Centre	495,000
4. Rimban Telephone Office	145,000
5. Tuaran Telephone Office	156,000
6. Setapak Telephone Office	215,000
7. Rural Telephone Network	645,000
8. Malaysian Exchange Extension	3,750,000
9. Microwave (Kuantan – Kota Bharu)	810,000
10. Satellite Office	2,120,000
11. Public Utilities	1,921,000
Jumlah	11,192,000

Sumber: Syed Waseem Ahmad, "Malaysian – Japanese Economic Relations", m.s. 125.

[116] Syed Waseem Ahmad,"Malaysian–Japanese Economic Relations",*Proceding of the Conference University of Malaya,* Japanese Economic Influence in Southeast Asia, 12-14 May, 1970, m.s. 125.

Pada tahun-tahun 1970-an (1971-1980) Jepun terpaksa meningkatkan kerjasama ekonomi dan bantuan luarnya berikutan perkembangan dan perubahan suasana pada peringkat serantau dan antarabangsa. Ketika ini Jepun menggunakan bantuan luarnya untuk meningkatkan kerjasama dengan Asean berikutan krisis minyak pada tahun 1973-1974 yang menjadikan Asia Tenggara semakin penting kepada Jepun sebagai pembekal bahan mentah. Malaysia adalah antara pengeluar petroleum di rantau ini dan menguasai laluan di Selat Melaka menjadikannya amat strategik bagi Jepun. Selain itu, demonstrasi anti Jepun yang berlaku semasa lawatan Kakuei Tanaka ke Asia Tenggara pada 1974 memberikan isyarat tentang wujudnya penentangan terhadap dominasi ekonomi Jepun di rantau ini. Jepun perlu lebih sensitif dan menjaga hubungan baiknya dengan Asean. Asean juga mahukan Jepun memainkan peranan lebih aktif selepas tamatnya perang Vietnam pada 1975.[117] Walaupun bantuan Jepun kepada Malaysia meningkat dari semasa ke semasa namun keikhlasannya dipertikaikan kerana sikap mengambil keuntungan daripada bantuan yang disalurkan. Jepun mengambil balik bantuan yang diberikannya dengan meletakkan syarat projek yang dilaksanakan menggunakan perkhidmatan firma Jepun atau membeli barangan atau perkhidmatan mereka. Perkara ini dikritik Tunku Abdul Rahman semasa ekspo di Tokyo pada 1970 dengan berkata,"although Japan furnish loan, its took back with its other hand as if by magic, almost twice the amount that it provides". Perkara ini dijelaskan oleh Halliday & Mc. Gormack dengan mengatakan sebahagian besar daripada nilai pinjaman yang diberikan Jepun perlu digunakan bagi membeli barangan Jepun pada kadar 90% (hampir 80% bagi pinjaman rasmi dua hala). Perkara ini berlaku sejak bermulanya bantuan Jepun kepada negara ini. Pada November 1966, Jepun bersetuju

[117] Lihat Ming Wan, *Japan Between Asia and The West, Economic Power and Strategic balance* (USA: An East Gate Book, 2001), m.s. 79.

memberikan pinjaman berjumlah USD 50 juta bagi membiayai Rancangan Malaysia Pertama tetapi seperti ulasan Tunku Abdul Rahman, sebahagian besar daripada jumlah tersebut merupakan bayaran kepada pembekal dan kontraktor Jepun. [118] Kecenderungan negara maju untuk mengambil kesempatan daripada bantuan yang diberikan sukar dielakkan negara sedang membangun seperti Malaysia kerana negara ini terpaksa menerima syarat-syarat yang ditetapkan jika ingin mendapatkan bantuan mereka. Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga memberikan pandangannya dengan berkata tindakan Jepun mengaut keuntungan daripada bantuan yang disampaikannya tidak jauh berbeza dengan amalan yang pernah dibuat oleh Amerika yang turut mengambil kesempatan mendapatkan faedah daripada Marshal Plan yang dilancarkannya. Negara tersebut mensyaratkan negara penerima bantuan di bawah pelan berkenaan membeli barangan dan perkhidmatannya. Mahathir berhujah selagi negara mundur dan sedang membangun tidak dapat berdikari dengan memajukan ekonominya maka selagi itulah mereka akan menjadi mangsa negara maju.[119]

Penubuhan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan desakan daripada pertubuhan antarabangsa supaya Jepun meningkatkan bantuannya menyebabkan Jepun menyemak semula dasar luarnya pada tahun 1970-an dengan berjanji lebih komited membantu negara sedang membangun.[120] Dasar ini menekankan beberapa perkara termasuk

---

[118] Jon Halliday and Gavan Mc. Gormack, *Japanese Imperialism Today: Co-prosperity in Greater East Asia,* m.s. 25, 30-31.

[119] Temubual dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 29 Ogos 2006.

[120] Lihat Facts On ASEAN, Ministry of Foreign Affairs Malaysia, 1977. Pada tahun 1967, ASEAN telah ditubuhkan sebagai sebuah pertubuhan serantau yang mengandungi 5 anggota pengasas. Tujuan penting pertubuhan ini ditubuhkan ialah untuk menggalakkan kerjasama serantau dalam bidang sosio-ekonomi. Asean juga menjadi wakil Negara-negara anggota dalam merundingkan kepentingan bersama dengan Negara maju seperti Jepun. Misalnya Jepun telah dipelawa menyertai mesyuarat dan forum dengan menteri-menteri luar Asean yang diadakan dari masa ke semasa. Dalam persidangan-persidangan ini, Asean sering mendesak Jepun meningkatkan peranan dan sumbangannya bagi kemajuan ekonomi serantau. Sebelumnya pada tahun 1965, dalam mesyuarat UNCTAD (United Nation Conference on Trade and Development) Jepun telah

janji Jepun bagi memastikan matlamat membelanjakan 1% daripada keluaran negara kasarnya sebagai ODA akan dicapai menjelang 1975. Buat masa ini Jepun meningkatkan perbelanjaan ODAnya kepada 0.7% daripada pendapatannya. Jepun juga menyatakan komitmen untuk menyediakan bantuan kepada badan-badan antarabangsa. Pada masa yang sama mereka juga menggalakkan pelaburan sektor swasta untuk memajukan industri negara sedang membangun selain berjanji mematuhi pelan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyediakan tabung khas kepada negara-negara sedang membangun.[121] Pada tahun 1971, Jepun menjadi penyumbang ODA(*Overseas Development Assistance*) yang terbesar kepada Malaysia berbanding dengan negara OECD yang lain. Berikutan dengan penyemakan semula dasarnya pada tahun 1970-an, kadar bantuan luar (ODA) Jepun kepada Malaysia secara relatifnya meningkat dari setahun ke setahun. Jadual berikut menunjukkan sumbangan ODA Jepun bagi tempoh 10 tahun.

Jadual 3.6: Bantuan luar Jepun kepada Malaysia 1971-1980 (US $ juta)

Tahun	Bantuan luar
1971	12
1972	13
1973	15
1974	36
1975	63
1976	34
1977	29
1978	48
1979	74
1980	65

Sumber: Ministry of Foreign Affair, Waga Gaiko No Kinkyo, 1968-1990 dalam Sue Sudo, *The Fukuda Doctrin and Asean*, Appendix 5, m.s. 254 .

---

dikritik kerana dasar bantuan luarnya yang hanya mementingkan keuntungan kepadanya. Persidangan ini juga mendesak Jepun agar meningkatkan bantuan luarnya pada kadar 1% daripada keluaran negara kasarnya.

[121] Japan Ministry of Foreign Affairs, *Japan and Asia Development*, Tokyo, 1972, m.s. 7-15.

Dalam tempoh tersebut, kadar bantuan luar Jepun didapati meningkat pada setiap tahun kecuali bagi tahun 1976 dan 1977. Pada tahun 1976, bantuan yang diberikan berjumlah 34 juta berbanding dengan 63 juta yang diberikan pada tahun sebelumnya. Berikutnya pemberian tersebut juga berkurangan kepada 29 juta pada tahun 1977 tetapi meningkat semula kepada 48 juta pada tahun 1978.

Tidak dapat dinafikan bahawa bantuan luar Jepun meningkat dari semasa ke semasa. Sungguhpun begitu secara perbandingan, jumlah bantuan yang diperolehi oleh Malaysia masih rendah jika dibandingkan dengan negara Asean yang lain.

Jadual 3.7 : Bantuan luar Jepun – Asean 1971-1980 (US $ juta)

	Malaysia	Indonesia	Filipina	Thailand	Singapura
1971	12	112	30	16	16
1972	13	103	104	16	16
1973	15	148	142	18	18
1974	36	221	73	17	17
1975	63	198	70	41	41
1976	34	201	76	43	43
1977	29	148	30	51	51
1978	48	227	66	103	103
1979	74	226	89	179	179
1980	65	350	94	189	189
Jumlah	389	1934	774	673	673

Sumber: Ministry of Foreign Affair, Waga Gaiko No Kinkyo, 1968-1990 dalam Sue Sudo, The Fukuda Doctrin and Asean , Appendix 5, m.s. 254 .

Berbanding dengan 4 negara anggota Asean yang lain, Malaysia adalah penerima ODA Jepun yang terendah. Dalam tempoh 10 tahun (1971-1980) negara ini menerima bantuan berjumlah 389 juta manakala Indonesia penerima terbanyak dengan 1.93 billion diikuti oleh

Filipina 774 juta. Thailand dan Singapura menerima jumlah yang sama 673 juta. Jika status ekonomi yang menjadi ukuran dalam pemberian ODA ini, Singapura merupakan negara anggota Asean yang mempunyai taraf ekonomi yang lebih baik daripada jiran-jirannya tetapi menerima bantuan lebih banyak dari Malaysia. Perkara ini menimbulkan isu adakah negara ini tidak begitu penting kepada Jepun atau kurangnya pendekatan untuk menarik perhatian Jepun. Seorang pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya berpendapat bantuan luar (ODA) Jepun diberikan kepada negara Asean berdasarkan kepada faktor seperti saiz negara, jumlah penduduk serta nilai kepentingan Jepun yang terdapat di sana. Dalam hal Singapura, beliau menjelaskan negara tersebut mendapat lebih banyak bantuan Jepun berbanding Malaysia walaupun saiz dan jumlah penduduknya lebih kecil kerana statusnya sebagai negar industri dan pelabuhan yang penting bagi Jepun.[122] Walau bagaimanapun penyelidik berpendapat perkara ini turut berpunca daripada kurangnya tekanan yang dikenakan terhadap Jepun bagi meningkatkan bantuannya kerana dasar luar Malaysia sejak merdeka adalah berasaskan pendekatan berlembut dan diplomasi. Lawatan Tanaka ke negara-negara Asean pada tahun 1974 misalnya menerima bantahan dan protes besar-besaran di Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura berbanding dengan hanya sedikit protes golongan pelajar di Kuala Lumpur. Suasana ini memberi gambaran sikap tolak ansur dan lembut Malaysia yang mengakibatkan kurangnya kuasa tawar menawar negara ini berbanding dengan rakan Aseannya yang lain. Pimpinan Malaysia yang bertukar tangan daripada Tun Abdul Razak kepada Tun Hussein Onn pada 1976 juga kurang mononjol di arena antarabangsa bagi meningkatkan kuasa tawar menawar Malaysia. Menjelang awal tahun 1980-an Malaysia mengambil langkah lebih aktif menarik perhatian

[122] Temubual dengan Azhar Aros, pensyarah Asia Timur di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya pada 17 April 2007.

Jepun apabila Perdana Menteri Dr. Mahathir memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur mengikuti langkah Singapura yang lebih dahulu melancarkan dasar "learn from Japan".

Pendidikan dan Latihan

Kerjasama di bidang pendidikan dan latihan merupakan sebahagian daripada program bantuan luar Jepun kepada Malaysia sejak ia mula dilaksanakan. Jepun mula menyertai program bantuan luar antarabangsa apabila menyertai Rancangan Colombo pada tahun 1954. Sebagai negara yang mengalami kemajuan ekonomi pada tahun 1960-an, Jepun memulakan aktiviti bantuan antarabangsa dalam bidang pendidikan dan latihan kepada negara-negara sedang membangun dan mundur. Pada tahun 1961 Jepun menerima kumpulan pelatih pertama dari negara membangun. Overseas Technical Cooperation Agency (OTCA) atau Agensi Kerjasama Teknikal Seberang Laut ditubuhkan pada tahun 1962. Agensi ini menjadi badan penting yang melaksanakan program-program bantuan luar Jepun.[123] Latihan diberikan kepada kumpulan dan individu. Bagi latihan secara berkumpulan, OTCA menyediakan program latihan tertentu berdasarkan keperluan mereka. Bagi orang perseorangan mereka ditempatkan di agensi kerajaan yang tertentu, institut teknikal dan universiti. OTCA mempunyai 5 buah pusat latihan pada tahun 1971 terletak di Tokyo, Nagoya, Osaka, Uchihara dan Misaki.[124] Pada tahun 1963 sistem latihan juruteknik muda diperkenalkan diikuti dengan pelancaran JOVC (Japan's Overseas Cooperation

[123] Antara fungsi penting agensi ini ialah menerima pelatih dari luar negeri bagi menjalani latihan di Jepun dalam beberapa bidang yang telah ditetapkan. Mereka juga menghantar pakar ke luar negeri bagi melakukan kajian kemungkinan projek. Bantuan peralatan juga diberikan kepada negara penerima. Program seterusnya yang dilaksanakan oleh OTCA ialah membantu menubuhkan pusat latihan teknikal dan menghantar sukarelawan ke luar negara.

[124] Sukehiro Hasegawa, *Japanese Foreign Aid Policy and Practice* (U.S.A: Praeger Publishers, 1975), m.s. 123.

Volunteer) pada tahun 1965.[125] Pada tahun 1966, Jepun menghantar seramai 48 sukarelawan di bawah *Peace Corps*. untuk berkhidmat di Malaysia. Kebanyakannya adalah pakar dalam bidang pertanian. Antara sumbangan mereka ialah kejayaan menghasilkan varieti baru padi yang dikenali sebagai padi "Malinja dan Mahsuri" yang merupakan kacukan padi Jepun dengan India. Padi ini mampu mengeluarkan hasil lebih tinggi selain mempunyai daya tahan yang tinggi daripada serangan penyakit. Sebahagian sukarelawan yang lain berkhidmat sebagai guru bahasa Jepun di Universiti Malaya, Sekolah Vokasional dan Institut Latihan Perindustrian. Empat orang lagi merupakan jurulatih judo bertugas di Pulau Pinang, Ipoh, Kota Bharu, Kucing dan di Pusat Latihan Polis di Kuala Lumpur.[126]

Bagi program latihan teknikal, antara tahun 1954-1968 Jepun telah menerima seramai 436 orang pelatih Malaysia dalam berbagai bidang. Senarai mereka adalah seperti jadual berikut :

---

[125] *Far Eastern Economic Review*, April 1966,m.s 56-57. JOVC atau lebih dikenali sebagai Japan Peace Corps. ditubuhkan dengan matlamat menghantar sukarelawan ke luar negara bagi mendedahkan mereka dengan budaya dan cara hidup berbagai bangsa di dunia. Selain itu ia merupakan sebahagian daripada program bantuan luar Jepun kepada negara sedang membangun dan mundur. Jepun sepertimana diketahui telah memencilkan diri daripada dunia luar sehingga pembaharuan yang dilakukan oleh Meiji. Selepas Perang Dunia Kedua barulah mereka terdedah dengan lebih luas kepada masyarakat antarabangsa. Peace Corps. yang ditubuhkan mendapat sambutan menggalakkan daripada warga Jepun khususnya golongan belia dan terpelajar. Sejak dimulakan ia menerima ribuan permohonan bagi menyertainya saban tahun. Peperiksaan diadakan bagi memilih mereka yang layak . Mereka yang terpilih akan menjalani latihan di Pusat Latihan di Yokohama selama 2 bulan. Mereka belajar bahasa, moral dan menjalani latihan fizikal. Sebahagian besar yang terpilih merupakan lulusan universiti dan bujang , mereka memiliki berbagai kemahiran seperti dalam bidang sukan judo, renang dan gimnastik. Selain itu, terdapat juga lulusan dalam bidang perubatan, perikanan, mekanik dan pengurusan ladang. Program ini diselaraskan oleh Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama kedutaan Jepun di luar negara. Peserta-peserta biasanya diberikan kontrak selama 2 tahun dan dibayar ealaun bulanan US$150 sebulan. Elaun sebanyak 15,000 Yen sebulan juga akan dibayar apabila mereka menamatkan perkhidmatan dan kembali ke Jepun. Program Peace Corps. ini telah memberikan peluang kepada generasi muda Jepun untuk berinteraksi dengan masyarakat di seluruh dunia.

[126] Jacinta Chin Vee Lin, "Japanese Capital , Investment and Foreign Aid to Malaysia", m.s. 66.

Jadual 3.8: Pelatih Malaysia ke Jepun mengikut bidang (1954 – 1968)

Bidang latihan	Jumlah pelatih Malaysia
Pertanian	118
Perikanan	18
Pembinaan	24
Industri berat	5
Industri ringan	14
Perhubungan	4
Perhubungan awam	10
Kimia	1
Pengangkutan	43
Pos	49
Kesihatan	15
Tenaga atom	2
Pengurusan	14
Pendidikan	23
Pentadbiran	68
Lain-lain	28
Jumlah	436

Sumber: Jacinta Chin,"Japanese Capital, Investment and Foreign Aid to Malaysia" m.s. 64.

Daripada senarai bidang kursus yang dihadiri oleh pelatih Malaysia, bidang pertanian mendapat keutamaan dengan seramai 118 peserta diikuti oleh bidang pentadbiran seramai 68 orang, pos 49 orang dan pengangkutan 43 orang. Keutamaan yang diberikan kepada bidang pertanian adalah kerana pada ketika itu pertanian masih menjadi sektor penting di

Malaysia. Usaha giat sedang dilakukan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga untuk memajukan sektor pertanian terutama melibatkan tanaman makanan dan komoditi eksport.[127] Menjelang tahun 1970-an, program bantuan pendidikan dan latihan berjalan dengan lebih lancar apabila kerajaan Jepun menubuhkan Japan International Cooperation Agency (JICA). JICA ditubuhkan pada 1 Ogos 1974 sebagai badan pelaksana dan penyelaras kepada bantuan luar (ODA) Jepun.[128] Secara lebih khusus, peranan JICA di Malaysia adalah bagi mengukuhkan daya saing ekonomi, pembangunan sumber manusia, pembangunan alam sekitar berterusan dan menggalakkan kerjasama selatan-selatan. [129] Bagi menggalakkan persefahaman dan pertukaran budaya dalam kalangan warga Asean dengan Jepun, Perdana Menteri Tanaka melancarkan program "kapal belia Asia" atau "Ship for Southeast Asia Youth Program (SSEAYP)".[130] Pengumuman ini dibuatnya semasa lawatan ke Kuala Lumpur.[131] Matlamat penting program ini ialah mewujudkan rasa persahabatan dan persefahaman dalam kalangan belia-belia dari Malaysia, Indonesia,

---

[127] Kajian Semula *Rancangan Malaysia Kedua* 1971-1975 (Kuala Lumpur: Percetakan Semenanjung Malaysia , 1973) .

[128] Alan Rix, *Japan's Economic Aid, Policy Making and Politics* (London: Croom Helm Ltd., 1980) m.s. 49. JICA menggabungkan beberapa badan yang mengendalikan program ODA. Antaranya ia telah menyerap peranan *Overseas Technical Cooperation Agency* (OTCA) yang berperanan menyediakan latihan teknikal kepada pelatih. JICA juga menyelaraskan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertanian dan Agensi Perancang Ekonomi.

[129] Lihat laporan aktiviti JICA di Malaysia, Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Pejabat Malaysia), Menara Citibank, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Bagi membantu mencapai matlamat yang ditetapkan bagi setiap bidang, JICA telah menggariskan strategi tertentu untuk dilaksanakan. Bagi mengukuhkan daya saing ekonomi misalnya, mereka akan membantu membangunkan keberkesanan industri pembuatan, menyediakan sokongan bagi sektor teknologi maklumat, menggalakkan penggunaan sumber asli Malaysia serta memperbaiki infra struktur sokongan bagi pembangunan ekonomi.Dalam bidang pembangunan sumber manusia pula, JICA berperanan membangunkan sumber manusia dengan pengetahuan dan kemahiran terkini melalui latihan yang disediakan. Pembangunan alam sekitar juga menjadi tumpuan JICA melalui program membantu memulihara alam semulajadi. Program penggalakan kerjasama selatan-selatan dijalankan di mana Malaysia menyediakan tempat latihan kepada peserta-peserta dari Negara jiran. JICA akan menyediakan bantuan kewangan dan teknikal bagi menjalankan program ini.

[130] Sejarah program ini bermula pada tahun 1959 apabila pejabat kabinet Jepun telah melaksanakan "*Japanese Youth Goodwill Mission Program*"sempena meraikan ulang tahun kelahiran putera Mahkota Jepun. Lawatan muhibah menggunakan pelayaran kapal ini melibatkan kunjunagn ke China dan Korea. Bagi program yang melibatkan Jepun- Asean , ia bermula pada tahun 1974. youth

[131] *Foreign Affairs Malaysia,* Volume 7, 1974,m.s 34 .

Filipina, Thailand, Singapura dan Jepun. Melalui program ini, mereka belayar dan tinggal bersama dalam tempoh antara 2-3 bulan.[132] Tanaka mahu menunjukkan bahawa Jepun kini memberi perhatian kepada program sosial dan budaya bagi meningkatkan hubungan dua hala. Program Kapal Belia Asia ini dibiayai oleh kerajaan Jepun. Setiap negara ASEAN dan Jepun menghantar peserta seramai 35 orang yang terdiri daripada belia yang berumur di bawah 30 tahun. Mereka belayar menggunakan kapal "Nippon Maru" dan singgah di setiap negara anggota Asean. Di Jepun mereka tinggal selama seminggu dengan keluarga angkat masing-masing. Sepanjang pelayaran dengan kapal ini, berbagai aktiviti sosial dan kebudayaan diadakan oleh peserta yang mewakili negara masing-masing. Mereka misalnya membuat persembahan kebudayaan dan menyertai kelas bahasa yang dianjurkan. Keseluruhan program pelayaran ini mengambil masa lebih kurang 2 bulan. Program pertukaran budaya melalui pelayaran ini banyak meninggalkan pengalaman menarik kepada para peserta tetapi kurang berkesan kerana masa yang singkat dan peluang penyertaan yang terhad. Banyak aktiviti pula hanya tertumpu kepada aspek kebudayaan. Kebanyakan peserta menganggap program ini merupakan peluang baik bagi mereka bercuti ke luar negara. Bekas-bekas peserta dari Malaysia juga telah menubuhkan alumni bagi meneruskan aktiviti yang bersesuaian selepas tamatnya program ini.[133]

Sepanjang tahun 1970-an walaupun terjalin hubungan dalam bidang pendidikan dan latihan di antara Malaysia dengan Jepun namun tumpuan lebih diberikan kepada program latihan jangka pendek Program yang dijalankan lebih bercorak latihan teknikal

---

[132] *Foreign Affairs Malaysia*, Volume 7 1974.

[133] Temubual dengan Encik Baharudin Ahmad pada 20 April 2005. Beliau adalah pegawai Pos (M) Bhd. yang pernah menyertai program ini .

dan kemahiran dalam bidang yang tertentu.[134] Sebelum tahun 1980-an, program pendidikan yang berbentuk pengajian akademik pada peringkat universiti amat kurang dijalankan. Pengajian Jepun hanya diajar sebagai satu subjek di Universiti Malaya pada tahun 1967/68. Pada awal tahun 1967, kerajaan Jepun bersetuju membantu Universiti Malaya memperkenalkan pengajian Jepun. Mereka menghantar 3 orang kakitangan akademik daripada universiti Jepun sebagai pensyarah pelawat berdasarkan kontrak 1-2 tahun. Kursus yang diperkenalkan ialah bahasa Jepun yang dikendalikan di bawah Jabatan Pengajian Cina, Fakulti Sastera. Kursus lain ialah sejarah ekonomi Jepun yang dikenali dengan "*Modernization of Japan*" yang ditawarkan di bawah Fakulti Sastera. Pada sesi pengajian 1969/70, sebanyak 5 peringkat pengajian bahasa Jepun dikendalikan. 2 kursus asas, 2 kursus pertengahan dan kursus peringkat tinggi. Kursus ini terbuka kepada pelajar di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran. Sepanjang sesi tersebut seramai 150 orang pelajar mengikuti kursus bahasa tersebut pada semua peringkat.

Bermula pada sesi 1969/70 juga Prof. R. Shimazu, Prof. pelawat di Fakulti Sastera diundang menyampaikan kuliah berkaitan pemodenan Jepun bagi memenuhi sebahagian daripada kursus Ekonomi Pembangunan II. Perkara ini dilakukan dengan harapan pada masa depan, kursus ekonomi Jepun moden akan menjadi satu subjek berasingan. Halangan utama yang dihadapi Universiti Malaya bagi memperkembangkan kursus ini ialah kekurangan tenaga pengajar dalam bidang berkaitan. Mereka hanya bergantung kepada tenaga pengajar Jepun yang berkhidmat secara kontrak. Jika Universiti Malaya benar-benar

[134]Japan International Cooperation Agency, *Annual Report 1982* (Tokyo: JICA, 1982) m.s. 16-17.Latihan teknikal yang diberikan menjurus kepada matlamat memindahkan teknologi, pengetahuan dan kemahiran kepada negara penerima.Dengan ini adalah diharapkan negara berkenaan akan dapat meningkatkan penggunaan teknologi dalam berbagai bidang. Pada dasarnya kerjasama teknikal yang dijalankan melibatkan penghantaran pelatih dari negara sedang membangun ke Jepun untuk menerima latihan. Selain itu pakar-pakar Jepun juga dihantar ke negara-negara berkenaan bagi bekerjasama dengan mereka untuk merancang dan membangunkan sesuatu projek. Peralatan yang perlu juga diberikan bagi menjayakan projek berkenaan.

mahu mengadakan Jabatan Pengajian Jepun maka perancangan dari segi tenaga pengajar, peralatan dan bahan-bahan pengajaran adalah perlu.[135]

Pengajian tinggi di Jepun ketika itu belum popular dalam kalangan rakyat tempatan disebabkan tumpuan masih kepada pengajian di Barat. Beberapa sebab dikenalpasti sebagai punca kepada kurangnya program pengajian akademik yang melibatkan pelajar Malaysia di Jepun. Antara sebabnya ialah kurangnya galakan daripada kerajaan Jepun dan Malaysia untuk pelajar-pelajar melanjutkan pengajian mereka di sana. Biasiswa yang diberikan juga terhad. Sehingga awal 1980-an, pihak Mombusho (Kementerian Pelajaran Jepun) hanya memberikan biasiswa kepada 127 orang penuntut Malaysia bagi pengajian peringkat ijazah pertama, 98 orang untuk penyelidikan pasca siswazah, 19 orang untuk guru dalam perkhidmatan dan 4 orang pelajar untuk kolej teknik. Masalah juga timbul apabila pihak berkuasa Malaysia tidak mengiktiraf kelayakan akademik daripada institusi pengajian tinggi Jepun.[136] Hanya pada tahun 1980-an apabila Dr. Mahathir memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur maka lebih banyak program berkaitan dengan pendidikan dan latihan dilaksanakan.

Rumusan

Hubungan Malaysia-Jepun dalam bidang diplomatik, perdagangan, kerjasama ekonomi, pelaburan dan bantuan luar dalam tempoh 1957 hingga 1980 melalui beberapa tahap perkembangan. Hubungan sebelum tahun 1970 kurang bermakna kerana berjalan dalam suasana berbelah bagi akibat luka zaman perang yang belum pulih sepenuhnya. Satu-

[135] Lihat Yit Yat Hoong, "Facilities for Japanese Studies At The University of Malaya: A Note, *Procedings of The Conference University of Malaya*,"Japanese Economic Influence in Southeast Asia" 12-14 May, 1970, m.s. 213-215.

[136] Lihat M. Rajendran, Japanese Studies in Malaysia, *Japanese Studies in Southeast Asia, Directory Series XI* (Tokyo: Japan Foundation, 1987)m.s. 195.

satunya pelaburan besar Jepun ketika itu ialah kilang besi Malayawata Steel yang beroperasi di Perai, Pulau Pinang. Dasar luar Tanah Melayu ketika itu adalah pro-Barat dan banyak bergantung kepada Britain dan negara-negara Komanwel. Sungguhpun begitu Jepun secara beransur-ansur mula melancarkan program perluasan ekonominya melalui pembayaran pampasan perang dan hubungan perdagangan dengan negara ini. Proses pengembangan ekonominya memerlukan input dan sokongan negara-negara rantau ini. Hubungannya dengan Malaysia pada tahun 1960-an adalah bercorak "*resource exploitation*" namun berjalan lancar atas dasar kepentingan bersama. Jepun menggunakan sepenuhnya kedudukan Malaysia sebagai pembekal bahan mentah dan pasaran barangan keluarannya. Dasar perindustrian Malaysia pada tahun 1960-an pula yang menekankan industri gantian import (*import substitution*) menawarkan berbagai insentif kepada pelabur Jepun.

Hubungan semakin erat terjalin pada tahun 1970-an. Perubahan dasar ekonomi di bawah pimpinan Tun Razak dan Hussein Onn yang memberi penekanan kepada ekonomi berasaskan perindustrian memberi peluang lebih luas kepada Jepun mempertingkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan. Hubungannya dengan Malaysia dipertingkatkan berdasarkan kepentingan politik dan ekonomi. Jepun berhasrat menjadi "kuasa ekonomi" dunia setelah gagal menjadi kuasa tentera. Pada dekad 70-an, suasana politik dan ekonomi Malaysia berubah, Tun Abdul Razak Hussein yang menggantikan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri pada tahun 1970 memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru sebagai satu perancangan mengatasi masalah sosio-ekonomi. Antara pendekatan di bawah dasar ini ialah memajukan sektor perindustrian bagi mempelbagaikan punca pendapatan dan menambah peluang pekerjaan. Dalam konteks ini hubungan dengan Jepun dipertingkatkan melalui berbagai galakan yang diberikan kepada pelaburan asing langsung (FDI). Ketika ini

dasar perindustrian negara berorientasikan keluaran eksports. Lebih banyak kemudahan dan galakan diberikan kepada pelabur bagi memesatkan pertumbuhan sektor ini. Peningkatan ketara juga dapat dilihat dalam aktiviti perdagangan dan kerjasama ekonomi antara kedua negara pada dekad 70-an.

Peningkatan hubungan ekonomi antara Malaysia-Jepun membawa kesan positif dan negatif. Umumnya kesan positif aktiviti perdagangan dan pelaburan Jepun melibatkan kenaikan dalam jumlah import dan eksport, menyediakan peluang pekerjaan dan mempelbagaikan ekonomi. Namun kesan negatifnya juga ketara apabila perdagangan lebih menguntungkan Jepun apabila mereka lebih banyak menjual daripada membeli. Import Jepun dari Malaysia pula terdiri daripada bahan mentah yang disebut pengkritik sebagai "resources exploitation". Pelaburan Jepun pula dilakukan bagi mendapatkan berbagai kemudahan dan keistimewaan yang disediakan kerajaan selain membawa keluar industri yang bermasalah di sana. Malaysia disifatkan syurga pelaburan Jepun kerana menawarkan bahan mentah, buruh murah, galakan cukai, kemudahan asas dan pasaran berpotensi. Pelabur Jepun lebih memberi perhatian kepada industri berasas buruh dan bukannya industri berasas modal dan teknologi, jadi walaupun kilang-kilang Jepun di sini menawarkan peluang pekerjaan namun pekerja sukar meningkatkan kedudukan mereka kerana mereka dianggap pekerja tanpa kemahiran.

Bantuan luar Jepun kepada negara ini turut mengundang kontroversi kerana tidak ikhlas. Perkara ini timbul apabila Jepun mensyaratkan sebahagian besar daripada bantuan tersebut perlu digunakan untuk membeli barangan atau perkhidmatan dari firma mereka. Kesannya bantuan tersebut merupakan bantuan terikat yang menjadikan negara penerima tidak mempunyai pilihan dalam melaksanakan perbelanjaannya. Kesan negatif seperti yang ditimbulkan sering dikritik berbagai pihak dalam usaha memperbaiki hubungan Malaysia-

Jepun. Kerajaan melalui berbagai mekanisma seperti mesyuarat atau persidangan sering membangkitkan perkara tidak adil yang perlu dibetulkan oleh Jepun. Kepincangan yang berlaku juga didedahkan kajian ahli-ahli akademik yang melihat isu-isu ketidak adilan dan keuntungan berat sebelah secara lebih terperinci. Penentangan secara fizikal juga dilakukan golongan pelajar melalui demonstarsi yang diadakan semasa lawatan Perdana Menteri Kakuei Tanaka ke Kuala Lumpur pada Januari 1974. Mereka juga tidak berpuas hati dengan dasar ekonomi Jepun. Isu-isu yang dibangkitkan berlarutan sehingga penghujung tahun 1970-an dan pendekatan mengatasinya mengalami perubahan apabila Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur pada tahun 1981.

BAB EMPAT: HUBUNGAN MALAYSIA-JEPUN 1980-1990-an: PENGENALAN DASAR PANDANG KE TIMUR DAN KESANNYA

Pengenalan

Dr. Mahathir Mohamad yang menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat mulai 1981 merupakan arkitek penting dasar luar Malaysia. Intipati penting dasar luar Malaysia datang dari pemikirannya sendiri menjadikan Mahathir berbeza dengan Perdana Menteri sebelumnya. Semasa pentadbiran Tun Razak dan Hussein Onn tokoh lain seperti Tan Sri Ghazali Shafie lebih menonjol dalam mengendalikan hubungan luar namun Mahathir mempunyai caranya yang tersendiri.[1] Saya berpendapat keupayaan Mahathir mencetuskan idea baru dalam berbagai aspek pentadbiran negara tidak boleh dipandang ringan memandangkan kebolehannya memperkenalkan beberapa dasar baru. Pengkaji seperti Khadijah Md.Khalid berpendapat Mahathir bukan sekadar mencetuskan dasar seperti DPT tetapi merupakan faktor penting yang berperanan meningkatkan hubungan Malaysia-Jepun pada dekad 1980-1990-an.[2] Perkara ini dapat diterima jika dilihat kepada perhatian serius yang diberikan Dr. Mahathir terhadap berbagai langkah yang diambil bagi meningkatkan hubungan dengan Jepun. Beliau mencetuskan kelainan dalam dasar luar negara termasuk memperkenalkan dasar "buy British last"[3] dan Dasar Pandang Ke Timur bertujuan mencontohi kejayaan Jepun dan Korea dalam bidang ekonomi. Hubungan baik yang

---

[1] Tentang dasar luar Mahathir ini,lihat huraian lanjut Hoo Boon Tat,"Peranan Dr. Mahathir dan Kesannya Terhadap Dasar Luar Malaysia 1981-1997", Tesis Sarjana (Sains Sosial) Universiti Sains Malaysia, 2000 dan Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism, An Intelectual Biography of Mahathir Mohamad* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995) .

[2] Lihat Khadijah Md. Khalid dan Lee Poh Ping,*Whither The Look East Policy*(Bangi:Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003) m.s. 95-96.

[3] Dasar ini disifatkan sebagai tindakan membalas dendam kepada Britain yang mengambil tindakan menaikkan yuran pelajar luar serta mengubah peraturan London Metal Exchange yang menyebabkan kerugian kepada Malaysia.

terjalin di antara Malaysia dengan Britain khususnya dikejutkan dengan tindakan Mahathir yang tidak lagi mahu bergantung semata-mata kepada negara bekas penjajah tersebut.

Dasar Pandang Ke Timur (DPT) yang diperkenalkannya mengundang berbagai pandangan pro dan kontra daripada berbagai-bagai kalangan. Mahathir tegas dengan keputusannya menjadikan Jepun sebagai model pembangunan bagi Malaysia walaupun Jepun pernah menjajah Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua. Mahathir yakin kemajuan Jepun boleh ditiru dengan mencontohi aspek-aspek tertentu sistem pengurusannya selain menggalakkan rakyat negara ini mencontohi sikap rakyatnya. Walau bagaimanapun keyakinan Perdana Menteri ini disanggah pihak tertentu seperti ahli akademik yang mempersoalkan langkah meniru Jepun. Mereka mempersoalkan kewajaran menjadikan Jepun sebagai model dan menyifatkan langkah tersebut bukanlah suatu perkara yang mudah dilakukan kerana terdapat banyak masalah dan halangan. Pandangan pengkritik dalam beberapa aspek tidak boleh diketepikan begitu sahaja memandangkan kritikan mereka adalah berdasarkan hujah dan fakta tertentu. Saya berpendapat DPT merupakan satu dasar yang baik namun bukanlah satu dasar atau program yang serba lengkap bagi mengubah budaya masyarakat. Pelaksanaan DPT tidak terlepas daripada menghadapi berbagai-bagai halangan dan masalah. Walau bagaimanapun kerajaan merancang dan melaksanakan pelbagai program bagi mengisi Dasar Pandang Ke Timur. Kebanyakan program yang dijalankan adalah berkaitan dengan inovasi sistem pengurusan dan pembangunan latihan sumber manusia. Kini dasar berkenaan telah berjalan selama lebih daripada dua puluh tahun dan amat sesuai untuk dinilai bagi melihat kejayaan atau kegagalannya.

Latar belakang dan Objektif Dasar Pandang Ke Timur (DPT)

Dr. Mahathir mengumumkan DPT ketika berucap pada Persidangan Tahunan Persatuan Ekonomi Malaysia Jepun (MAJECA) di Kuala Lumpur pada 8 Februari 1982.[4]. Dr. Mahathir berpendapat kejayaan Jepun memajukan ekonominya amat menarik dan wajar dicontohi.[5] Masyarakat Jepun dan Korea dikagumi kerana memiliki sifat seperti rajin, berdisiplin, patuh dan taat kepada ketua, mementingkan kumpulan daripada individu serta sanggup berkorban bagi mencapai sesuatu matlamat. Sistem pengurusannya unik kerana berbeza dengan amalan Barat dengan memberi penekanan kepada unsur-unsur kemanusiaan seperti hubungan baik majikan dengan pekerja. Firma-firma besar Jepun menekankan kebajikan pekerja, perkongsian syarikat-pekerja, keputusan dari bawah ke atas (bottom-up decision), kesatuan dalaman dan melaksanakan sistem kerja seumur hidup. Etika kerja dan sistem pengurusan ini menyumbang kepada kemajuan yang dicapai oleh Jepun selepas Perang Dunia Kedua seperti dikatakan Ezra Vogel dalam tulisannya yang provokatif,"*Japan As Number One Lessons For America*".[6]

---

[4] *Foreign Affairs Malaysia* , Mac 1982.

[5] Lihat ulasan *Asiaweek*, 5 November 1982 dan Lee Poh Ping, "The Fifth Column", *Far Eastern Economic Review*, 27 Ogos 1982. Idea untuk mencontohi Jepun bukanlah merupakan sesuatu yang terlalu asing dan baru di Asia Tenggara. Sebelum Dr. Mahathir melancarkan Dasar Pandang Ke Timur (DPT), Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew memulakan rancangan belajar dari Jepun "*learn from Japan's* " pada tahun 1978. Walaupun Lee pernah merasai pengalaman pahit berada di bawah pemerintahan tentera Jepun semasa perang Dunia Kedua namun beliau tertarik dengan beberapa perkara yang mendorong pencapaian ekonomi Jepun. Melalui dasar belajar dari Jepun, kerajaan Singapura mengambil langkah tertentu menggalakkan syarikat Singapura supaya mengamalkan ciri-ciri pengurusan Jepun. Mereka misalnya menggalakkan hubungan dan kerjasama baik di antara pengurusan dengan pekerja, kumpulan kawalan mutu dan amalan yang menjaga kebajikan pekerja. Pada peringkat pengeluaran, pekerja digalakkan bekerja secara berkumpulan bagi meningkatkan pengeluaran. Dasar ini walau bagaimanapun menerima banyak kritikan dan kurang diberi sambutan oleh masyarakat Singapura menyebabkan ia diketepikan. Kecenderungan yang sama turut berlaku di Thailand. Masyarakat perniagaan menunjukkan minat meniru organisasi perniagaan seperti Sogoshosha. Apabila Dr. Mahathir memegang teraju pentadbiran pada tahun 1981, beliau memperkenal dan melaksanakan dasar pandang ke timur yang bertujuan meniru etika kerja dan sistem pengurusan Jepun.

[6] Lihat Ezra F. Vogel, *Japan As Number One Lessons For America* (Massachusette: Harvard University Press,1979).

Memang tidak dapat dinafikan kejayaan Jepun selepas Perang Dunia Kedua menarik perhatian banyak pihak. Jepun yang ditewaskan pihak Berikat dalam perang Dunia Kedua dan diperintah oleh Amerika selama 7 tahun (1945-1952) mengambil masa hanya lebih kurang 2 dekad untuk membangunkan semula ekonominya yang runtuh akibat peperangan. Menjelang awal 1970-an Jepun berjaya menempatkan dirinya sebagai kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat. Pada tahun 1980, keluaran negara kasar Jepun adalah yang ketiga terbesar di dunia dengan nilai eksport tahunan US $75 billion.[7] Berbanding dengan negara Asia yang lain, pencapaian ekonomi Jepun amat jauh ke hadapan. Pendapatan perkapita rakyat Jepun berjumlah US $9,000 berbanding Cina US$100, Indonesia US$500, Filipina dan Thailand US$700 dan Malaysia US$1,800. Ekonomi Jepun adalah yang kedua besarnya di dunia selepas Amerika Syarikat.[8]

Kejayaan yang dicapai Jepun menarik perhatian banyak pihak di seluruh dunia Para pengkaji memberikan berbagai alasan berhubung dengan kejayaan tersebut. Ezra Vogel cenderung melihat kejayaan Jepun dari sudut dalaman apabila mengaitkannya dengan keunikan sifat masyarakat dan sistem pengurusannya.[9] Vogel melihat kejayaan Jepun hasil

---

[7] Lihat Richard Tanner Pascale and Anthony G. Athos, *The Art of Japanese Management* (London: Allen Lane.1982) m.s. 20-21. Saiz Jepun hanyalah sebesar Montana di Amerika Syarikat dengan penduduk seramai 115 juta orang (1980). Disebalik banyak kekurangan yang dimilikinya, Jepun mencatat banyak kelebihan sebagai negara industri.Dalam beberapa industri, Jepun mendahului negara-negara industri Barat dalam aspek teknologi dan penguasaan pasaran. Dalam industri motosikal misalnya Jepun telah mendahului Britain, mendahului German dan Amerika Syarikat dalam industri otomobil, menyaingi German dan Swiss dalam pengeluaran jam, kamera dan peralatan optikal. Mereka juga menyaingi Amerika Syarikat dalam industri seperti besi, perkapalan, piano dan pengeluaran barangan elektrik pengguna. Pengeluaran dan daya saing syarikat-syarikat Jepun adalah tinggi. Semasa krisis minyak pada tahun 1974, kebanyakan negara industri utama dunia mengalami peningkatan inflasi dan susutan pengeluaran akibat kenaikan kos minyak. Sebaliknya Jepun yang mengimport keseluruhan keperluan minyaknya berjaya mengekang peningkatan inflasi, meningkatkan pengeluaran dan mengekalkan daya saing yang tinggi. Ini adalah diantara gambaran pencapaian Jepun pada tahun 70-an.

[8] Yoshihara Kunio,"Why did Japan Succeed in Industrialisation?", *Seminar On The Japanese Experience Lessons for Malaysia*, 28-31 Mei 1983, Pulau Pinang, m.s. 1.

[9] Ezra F. Vogel, *Japan As Number One: Lessons for America*,Vogel menghuraikan kejayaan Jepun dengan mengaitkannya dengan sifat yang mereka miliki seperti belajar dengan cepat dan inovatif. Beliau memberikan contoh tentang bagaimana pintarnya pelajar-pelajar Jepun dalam pelajaran matematik dan sains. Mereka juga belajar dengan cepat termasuk dalam sukan bola tampar yang popular di Amerika Syarikat. Sistem

hubungan baik yang terjalin di antara pengurusan dengan pekerja dalam memajukan industri. Kedua-dua golongan bekerja secara berpasukan memperjuangkan matlamat yang sama berbeza dengan amalan di Barat yang menonjolkan perjuangan yang berbeza di antara majikan dengan pekerja.[10] Tulisan Vogel mengundang banyak persoalan dan rasa ingin tahu dalam kalangan masyarakat umum kerana meletakkan Jepun di hadapan mentornya iaitu Amerika. Adakah Jepun benar-benar berjaya, dan jika benar apakah sebab-sebabnya. Perkara inilah yang menarik perhatian pengkaji.

Terdapat pula pengkaji yang melihat kemajuan Jepun secara lebih menyeluruh. Banyak faktor menyumbang kepada kemajuan mereka. Sarjana Jepun Yoshihara Kunio dalam bukunya yang menarik, *"Japanese Economic Development"* membincangkan faktor-faktor yang mendorong kemajuan ekonomi Jepun secara lebih meluas dengan mengambilkira latar belakang sejarah masyarakatnya.[11] Tulisan beliau secara jelas memberi gambaran tentang kemajuan Jepun secara kronologis sejak era pemulihan Meiji. Tulisan Kunio menjawab berbagai persoalan yang timbul dalam kalangan masyarakat antarabangsa berhubung dengan kemajuan Jepun. Sarjana yang sama turut memberikan pandangan yang lebih khusus tentang kemajuan sektor perindustrian Jepun dan pengajarannya kepada negara ini. Beliau melihat kemajuan Jepun sebagai hasil daripada keunikan beberapa ciri yang dimilikinya. Jepun misalnya tidak dijajah dalam jangkamasa panjang, mengalami pemodenan pada zaman Meiji selain memiliki sistem dan nilai etika yang tersendiri.[12]

---

pengurusan Jepun dikatakan mengutamakan keputusan konsensus dan kumpulan. Suatu seni yang membantu peningkatan produktiviti perusahaan.Vogel menumpukan huraiannya terhadap aspek-aspek dalaman masyarakat Jepun. Huraiannya adalah bersesuaian bagi menerangkan fenomena kejayaan ekonomi yang dinikmati oleh Jepun pada tahun-tahun 60-an dan 70-an.

[10] Vogel, ibid, m.s. 134.

[11] Yoshihara Kunio, *Japanese Economic Development*, Third Edition (New York: Oxford University Press, 1994).

[12] Huraian dan pandangan yang menarik tentang kemajuan Jepun oleh Yoshihara Kunio terdapat dalam tulisannya,"Why Did Japan Succeed in Industrialization" yang dibentangkan di *Seminar On The Japanese*

Besar kemungkinan apabila Kunio mengatakan kejayaan Jepun adalah hasil daripada satu proses sejarah, ia berupa peringatan kepada negara lain bahawa mencontohi kejayaan Jepun bukanlah suatu perkara mudah. Pandangan Vogel dan Kunio adalah menarik. Vogel sebagai sarjana Barat menganalisis kejayaan Jepun dengan melihat kepada faktor keunikan masyarakatnya. Kelemahan analisisnya adalah kerana tidak berupaya melihat kemajuan sebuah negara sebagai satu proses yang menyeluruh dan melibatkan berbagai aspek. Pandangan Kunio lebih menyeluruh dan realistik kerana mengambil kira berbagai faktor yang mendorong kejayaan Jepun.

Faktor keunikan budaya Jepun sering menarik perhatian masyarakat luar kerana ia menimbulkan kecenderungan mereka untuk meniru. Dr. Mahathir tertarik dengan perkara ini dan berhujah bahawa salah satu faktor penting yang mendorong kejayaan Jepun adalah budaya kerja rakyatnya yang positif. Sikap seperti rajin, dedikasi, berdisiplin, mementingkan kumpulan dan patuh kepada ketua menyumbang kepada produktiviti tinggi dalam ekonomi. Jadi dengan mencontohi etika kerja masyarakat Jepun, Malaysia berhasrat untuk berjaya sebagai sebuah negara perindustrian. Dengan memandang Ke Timur Dr. Mahathir mahu menjadikan Jepun sebagai model bagi merancang kemajuan Malaysia.

Experience Lessons For Malaysia, 28-31 Mei 1983, Pulau Pinang. Dr. Kunio, sarjana ekonomi di Pusat Pengajian Asia, Universiti Kyoto memberikan satu huraian yang mendalam tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan Jepun. Baginya Jepun memiliki ciri-cirinya yang tersendiri dan unik. Mereka merupakan masyarakat homogen yang mengamalkan satu kepercayaan dan cara hidup. Faktor ini membantu mengikat mereka dalam sentimen kebangsaan yang kuat. Jepun juga tidak dijajah, ekonominya tidak dikuasai oleh orang luar. Berbeza dengan Thailand yang juga tidak dijajah, Jepun sebaliknya meniru Barat memodenkan negaranya semasa Meiji. Pemulihan Meiji yang menjadi permulaan kepada Jepun moden, gerakan ini dikatakan telah mengambil pendekatan meniru Barat dalam membentuk institusi moden tetapi pada masa yang sama mengekalkan nilai tradisi yang baik dalam masyarakat.

Idea asas DPT lahir daripada pandangan Dr. Mahathir sendiri. Menurutnya beliau tertarik dengan kemajuan Jepun semasa pertama kali mengunjungi negara tersebut pada tahun 1961 dalam satu lawatan persendirian ketika beliau masih bertugas sebagai pegawai perubatan. Jepun ketika itu sedang memulakan usaha membangunkan negaranya dalam pelbagai sektor. Mahathir menyatakan kekagumannya melihat sikap positif masyarakat Jepun seperti rajin dan berdisiplin selain memiliki sistem pengangkutan yang cekap. Baginya Jepun boleh menjadi contoh yang baik kepada negara Asia yang lain.[13] Jepun juga bagi Mahathir mengambil tindakan yang praktikal apabila meniru dan mengubah suai teknologi Barat dan mencipta barangan yang lebih murah bagai menawan pasaran. Mereka membeli bahan mentah lalu memprosesnya menjadi barangan siap walaupun dengan kualiti rendah pada peringkat permulaan, pembaikan dilakukan dari semasa ke semasa.

Apabila Dr. Mahathir memegang tampuk pemerintahan pada 1981, beliau bersikap skeptikal terhadap Barat kerana beberapa faktor. Latar belakang sejarah dan pendidikan Dr. Mahathir menjadikan beliau tidak segan silu mengambil tindakan yang keras terhadap Britain. Tidak seperti Perdana Menteri sebelumnya yang mendapat pendidikan di England beliau belajar di Universiti Malaya di Singapura. Tulisan-tulisan awal beliau dalam akhbar *Straits Times* dan bukunya *"The Malay Dilemma"* turut mengandungi kritikan-kritikan terhadap Britain.[14] Berbeza dengan 3 orang Perdana Menteri sebelumnya, Mahathir bersikap lebih kritikal dan keras terhadap Barat khususnya Britain kerana beliau bukan dari golongan aristokrat Melayu yang mendapat naungan British. Dasar luar yang diamalkannya berbeza dengan kepemimpinan sebelumnya.

---

[13] Temubual dengan Dr. Mahathir Mohamad pada 29 Ogos 2006 di pejabat penasihat PETRONAS, tingkat 86, Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur City Centre, Kuala Lumpur.

[14] Tulisan awal Mahathir ini boleh diikuti dalam *The Early Years 1947-1972* (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. , 1995).

Hubungan sentimental yang terjalin di antara negara ini dengan Britain selama ini mula mengalami perubahan apabila Mahathir menjadi Perdana Menteri. Beliau misalnya melancarkan dasar *"buy British last"* sebagai reaksi kepada beberapa tindakan Britain yang tidak digemarinya. Selepas itu berlaku pula tindakan membeli saham-saham perladangan syarikat British Guthrie oleh badan pelaburan kerajaan Malaysia, satu tindakan yang disifatkan sebagai mengembalikan semula hak milik ekonomi yang dikuasai oleh kepentingan asing kepada Malaysia. Mahathir juga secara terbuka mengkritik Barat yang sering disifatkannya sebagai bukan lagi ikutan dan contoh yang baik. Beliau tidak merasa terhutang budi kepada mereka. Walau bagaimanapun perlu juga difahami walaupun Mahathir mengambil pendekatan yang agak keras dalam hubungannya dengan Barat namun pada hakikatnya pergantungan Malaysia kepada negara tersebut masih tidak dapat dielakkan. Negara-negara seperti Britain dan Amerika masih menjadi tumpuan Malaysia dalam bidang ekonomi dan sosial. Tindakan yang diambil Mahathir menjadikan beliau popular tetapi pada masa yang sama menjadi sasaran kritikan mereka yang tidak bersetuju dengannya. Apabila beliau mengemukakan Dasar Pandang Ke Timur dengan hasrat mencontohi kejayaan Jepun dan Korea, perkara ini dilihat sebagai cermin kepada personaliti Dr. Mahathir sebagai ahli politik yang kontroversi.

Dasar Pandang Ke Timur mencetuskan berbagai polemik dalam kalangan ahli politik dan para sarjana namun Dr. Mahathir tetap mempertahankan pendiriannya dengan membesar-besarkan kelebihan Jepun dan Korea berbanding dengan kelemahan-kelemahan Barat. Beliau berpendapat masyarakat Melayu perlu berubah dengan sanggup mengamalkan nilai hidup yang positif serta bekerja bersungguh-sungguh bagi meneroka peluang ekonomi. Mereka tidak boleh semata-mata mengharapkan pertolongan dan perlindungan kerajaan tetapi perlu memiliki kemahiran dan kebolehan yang setanding

dengan orang lain. Perkara seperti ini boleh dipelajari daripada masyarakat Jepun atau Korea yang memang terkenal memiliki sifat dan budaya kerja yang positif.[15] Beliau bersikap sinis terhadap Barat walaupun saban tahun Malaysia masih menghantar ribuan pelajar melanjutkan pengajian di sana, beliau berkata,"*You know what would happen to our people if they was sent to the British factories ? They'll only learn to write placard*" [16].

Mahathir cuba memecahkan ikatan hubungan tradisi Malaysia khususnya dengan Britain. Sejak mencapai kemerdekaan, negara ini telah menjalin hubungan politik, ekonomi dan sosial yang rapat dengan Britain sebagai anggota negara Komanwel. Pengenalan DPT merupakan antara jalan keluar yang diusahakan Dr. Mahathir bagi mengurangkan pergantungan tradisi kepada Britain. Mahathir terus terang menyebut bahawa kemajuan Barat bukan lagi model yang selamanya sesuai bagi Asia khasnya Malaysia yang telah sekian lama menjadikan Barat sebagai model dan rujukan tetapi mereka tidak selamanya sesuai untuk dicontohi. Barat mahu terus menikmati kemakmuran dan kemewahan ekonomi tetapi gagal mengikuti perubahan semasa . Dr. Mahathir menyebut bahawa :

> *"They have lost their drive. They still want the good life but are not prepared to face the realities of a world market, which they can no longer dominate. Consequently if we emulate them, we will land ourselves in the quagmire they are in without ever passing through the golden period that they went through. Japan may be classified as developed but is still developing vigorously. As such it is a much better example for developing Malaysia"* [17]

Jika terdapat negara lain di Asia yang berjaya menyamai kemajuan ekonomi Barat, mengapa kejayaan tersebut tidak diikuti. Bagi Dr. Mahathir asas penting bagi kejayaan Jepun ialah komitmen dan kesediaan bekerja keras. Tanpa sumber alam dan kekayaan bumi

---

[15] Temubual dengan Tun Mahathir pada 29 Ogos 2006
[16] *Asiaweek*, 5 November 1982, m.s 31.
[17] *Foreign Affairs Malaysia* , Mac 1982, m.s. 39 .

yang banyak, Jepun lebih bergantung kepada tenaga manusia bagi menjana aktiviti ekonomi. Jadi apabila DPT dicadangkan, Malaysia berhasrat mencontohi banyak perkara positif daripada Jepun. Kerajaan merancang melatih pelajar dan pekerja Malaysia khususnya dalam bidang perindustrian dan teknologi di Jepun. Rancangan diatur bagi membolehkan Malaysia menghantar para pelajar dan pelatih ke sana. Dengan menghantar pelajar dan pelatih ke sana, mereka diharap belajar dan mengamalkan etika kerja Jepun. Selain itu kerajaan juga berhasrat memperkenalkan beberapa ciri pengurusan Jepun dalam pentadbirannya.

Pada peringkat permulaan pengenalan DPT terdapat dakwaan yang mengatakan Malaysia mula melancarkan dasar anti-Barat. Sesetengah pihak mendakwa rakyat Malaysia akan *diJepunkan* atau ditanam dengan budaya negara matahari terbit. Lahir juga kebimbangan dalam kalangan para peniaga bahawa hanya peniaga Jepun yang akan diberikan peluang mendapatkan projek kerajaan.[18] Menjelaskan perkembangan ini, Dr. Mahathir beberapa kali menyatakan bahawa dasar tersebut tidaklah membawa erti Malaysia anti-Barat. Malaysia akan meneruskan hubungan sedia ada dengan negara-negara Barat dalam semua aspek politik, ekonomi dan sosial. Dr. Mahathir menjelaskan bahawa pandang ke timur bererti kita perlu melihat sumber lain selain Barat untuk dijadikan rujukan. Ia juga bukan bermakna kita menolak sepenuhnya Barat. Dasar ini cuma ingin mewujudkan satu keseimbangan dalam merujuk nilai Barat dan Timur yang perlu dicontohi. Menjelaskan perkara ini Dr. Mahathir berkata :

[18] Kebimbangan ini berasaskan kepada tindakan kerajaan memberikan 2 kontrak besar kepada firma Jepun dan Korea. Firma Jepun telah diberikan kontrak bernilai lebih RM 300 juta bagi membina Kompleks Dayabumi manakala syarikat Hyundai dari Korea mendapat kontrak membina jambatan Pulau Pinang. Kedua-dua projek ini berjalan semasa peringkat awal pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur.

"Looking east does not mean total Japanization or a complete break with the west. We will continue with our traditional trading partners as long as it pays to do so. In fact it will mean a much more equitable policy, in which the best of the East and West will guide the development of Malaysia" [19].

Mahathir berkata, Malaysia akan terus mencontohi apa juga aspek yang baik dari Barat. Walau bagaimanapun dalam hal etika, nilai dan sistem yang ternyata lebih baik di Asia, mengapa tidak boleh untuk kita mencontohi mereka (Jepun).[20] Sekali lagi Dr. Mahathir menegaskan apa yang ingin dicontohi dari Jepun hanyalah etika kerja, sikap dan sistem pengurusan yang tidak syak lagi menyumbang kepada kemajuan mereka. Tidak sepatutnya timbul soal menjadikan rakyat Malaysia seperti warga Jepun dengan memutuskan segala hubungan dengan Barat.

Dr. Mahathir berhujah Malaysia perlu mencari keseimbangan dalam melihat nilai-nilai yang baik untuk diikuti. Jurang di antara negara ini dengan jiran-jirannya di Asia perlu dirapatkan kerana selama ini tumpuan lebih banyak kepada Barat.[21] Nilai-nilai yang baik dari Barat akan tetap diterima tetapi pada masa yang sama budaya dan etika kerja Jepun akan diterapkan kerana membantu proses pembangunan ekonomi negara. Barat sendiri dalam banyak aspek gagal menunjukkan contoh yang baik untuk diikuti. Masyarakat Barat menurut Dr.Mahathir bersikap individualistik, hanya mementingkan keselesaan dan kemewahan hidup tanpa mahu berusaha keras bagi meningkatkan daya pengeluaran. Akibatnya daya saing mereka di pasaran dunia menjadi semakin rendah . Sebaliknya Jepun

---

[19] Ucapan Dr. Mahathir pada Simposium ke 5 Asean Jepun di Kuala Lumpur pada 24 Ogos 1982. *Foreign Affairs Malaysia*, Ogos 1982, m.s. 228.

[20] Kenyataan Dr. Mahathir dalam *The New Straits Times*, 16 Jun 1982 .

[21] *Business Times*, 2 Oktober 1982.Dr. Mahathir menegaskan dasar ini bertujuan merapatkan jurang yang wujud antara Malaysia dengan jiran-jirannya di Asia . Pada masa lalu tumpuan terlalu diberikan kepada Barat. Ramai pelajar-pelajar dihantar melanjutkan pengajian ke Barat. Daripada seramai 49,000 orang yang belajar di luar negara hanya 200 orang yang ke Jepun. Angka ini perlu ditingkatkan bagi mewujudkan keseimbangan.

walaupun asalnya juga meniru Barat tetapi kini berjaya menghasilkan teknologinya sendiri hasil daripada sikap inovasi dan kerajinan mereka mempelajari sesuatu perkara. Kemampuan mereka meneroka teknologi baru membolehkan Jepun menceburi sektor perindustrian moden seperti komputer, automotif dan barangan elektrik yang dahulunya dikuasai oleh Barat. Masyarakat dunia mula memberi perhatian kepada barangan Jepun yang amat kompetitif di pasaran. Selain menguasai teknologi, Jepun juga mengamalkan beberapa ciri pengurusan yang sesuai diamalkan oleh negara-negara Asia. Pekerja mereka misalnya lebih mementingkan semangat berkumpulan daripada individu. Falsafah meletakkan kepentingan kumpulan melebihi individu ini amat baik jika diamalkan kerana mendorong semua peringkat pekerja atasan dan bawahan bekerja secara berkumpulan bagi mencapai matlamat syarikat. [22]

Noordin Sopiee seorang sarjana tempatan berkongsi pendirian yang sama dengan Dr. Mahathir dalam menjelaskan objektif DPT. Beliau berkata DPT bukan bermakna Malaysia akan hanya berdagang dengan Jepun dan para peniaga mereka boleh melakukan apa sahaja yang disukai di negara ini. Beliau berhujah bahawa Malaysia tidak berhasrat tunduk ke Jepun kerana kaabah bukan terletak di sana. Dasar ini adalah satu proses untuk mempelajari sesuatu yang baik daripada orang lain. Sama ada dari Barat atau Timur, proses ini merupakan satu "*mental de-colonization*" yang bertujuan melihat dari aspek dalaman sifat-sifat baik yang terdapat pada bangsa Asia.[23] Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam juga mempertahankan dasar dan pendirian Dr. Mahathir. Dalam kenyataannya beliau berkata dasar ini bukanlah anti-Barat atau Timur tetapi dasar pro-Malaysia. Negara ini tidak akan menjadi jajahan Jepun bagi kali kedua kerana perkara yang ingin dicontohi hanyalah

[22] Temubual Rosemary Nuek dengan Dr. Mahathir Mohamad, *The New Straits Times* 28 Jun 1982.
[23] Lihat Noordin Sopiee dalam ruangan Personality Speaking, *The New Straits Times*, 9 Februari 1983.

budaya kerja yang positif. Malaysia berminat mempelajari tabiat dan cara bekerja masyarakat Jepun.[24] Sokongan kuat Musa Hitam kepada dasar yang diperkenalkan Dr. Mahathir bersesuaian dengan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan hubungan erat mereka sehingga pimpinan mereka digelar "pentadbiran 2 M" sebelum Musa Hitam meletak jawatan pada 1986.

Mencontohi Etika Kerja dan Sistem Pengurusan Jepun

Sememangnya kejayaan pihak tertentu dalam sesuatu bidang akan menjadi inspirasi dan sumber rujukan pihak lain yang berhasrat mencapai kejayaan yang sama . Kebanyakan negara Asia yang mencapai kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua mengambil Barat sebagai model untuk dicontohi. Perkara ini sukar dielakkan kerana penjajah meninggalkan berbagai bentuk institusi dan nilai untuk diikuti negara bekas tanah jajahannya. Malaysia juga tidak dapat mengelakkan hal seperti ini daripada berlaku. Sistem politik, ekonomi dan sosial hampir keseluruhannya mengikut acuan Barat terutamanya Britain. Usaha untuk keluar daripada lingkungan pengaruh Barat bukanlah suatu perkara yang mudah. Masyarakat telah dibiasakan dengan sistem dan nilai yang berjalan sejak lama. Demikian juga untuk meniru budaya dan etika masyarakat lain, ia juga tidak mudah dilakukan. Budaya yang berjaya diamalkan di sesuatu tempat tidak semestinya berjaya di tempat lain tetapi kemungkinan untuk budaya tersebut diserap, diubahsuai dan diamalkan di sana tetap ada.

Mengikut pendekatan sosiologi/antropologi proses peniruan budaya dikenali dengan istilah difusi. Unsur baru dalam sesuatu budaya berkemungkinan datang daripada masyarakat lain. Difusi biasanya berlaku daripada budaya tinggi kepada budaya yang lebih

[24] *Berita Harian*, 22 Mei 1983.

rendah. Peminjaman idea atau cara membolehkan sesuatu masyarakat memperbaiki kesilapan masa lalu dan mencari yang lebih baik. Difusi berlaku kerana dorongan memperbaiki kelemahan dengan menggunakan idea baru. Walau bagaimanapun ia bukanlah merupakan proses yang berlaku sewenang-wenangnya kerana tidak semua ciri budaya dapat ditiru dan disebarkan dengan mudah. Proses ini biasanya dipengaruhi banyak faktor dalaman dan luaran.[25] Jadi apabila Dr. Mahathir mengusulkan rakyat Malaysia mencontohi budaya dan etika kerja Jepun ia adalah satu eksperimen yang perlu dilihat daripada berbagai segi. Keberanian Dr. Mahathir mencuba idea baru bagi mengubah budaya masyarakat Melayu wajar diberi perhatian namun begitu sebagai satu percubaan, beberapa persoalan timbul seperti apakah rasional di sebalik pengenalan dasar ini, apakah pula ciri etika dan sistem pengurusan yang sesuai untuk ditiru. Timbul juga persoalan tentang halangan-halangan yang muncul dalam usaha tersebut .

Kerajaan memberi alasan meniru Jepun kerana melihat etika kerja dan sistem pengurusannya yang berkesan. Jepun memiliki teknologi yang setanding dengan Barat dan pada masa yang sama mengamalkan etika kerja dan sistem pengurusan yang tersendiri.[26] Perkara ini adalah penting bagi pembangunan Malaysia. Selama ini kerajaan lebih merujuk kepada pengetahuan dan sistem Barat bagi merancang pembangunan negara. Menurut Dr. Mahathir, Barat kini bukanlah contoh yang terbaik lagi. Kerajaan yakin dengan kejayaan Jepun dan berusaha mendapat kerjasama mereka menyediakan kemudahan secukupnya

---

[25] Lihat Abdullah Taib, *Asas-asas antropolgi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1985) m.s. 236.

[26] Beberapa penulis Barat sendiri membesar-besarkan soal budaya dan sistem pengurusan yang menyumbang kepada kemajuan ekonomi Jepun. Mereka berkata kejayaan Jepun adalah kerana memiliki sifat-sifat semulajadi yang dipengaruhi oleh budaya silam. Sifat seperti rajin, dedikasi,taat setia dan mementingkan kumpulan adalah warisan budaya tradisi mereka. Kelebihan Jepun adalah kerana dapat mengekalkan sifat-sifat ini sehingga ke zaman moden. Walaupun pada zaman Meiji, rakyat Jepun telah dihantar untuk belajar di Barat namun sifat-sifat tradisi ini masih kekal diamalkan. Lihat misalnya Edwin O. Reschauer and Albert M. Craig, *Japan: Tradition and Transformation* (Boston: Houghton Mifflin Co., 1973) ms. 145-146 .

bagi melatih pelajar dan tenaga kerja Malaysia.[27] Dr. Mahathir sebagai arkitek DPT menyatakan bahawa jika Jepun sebuah negara Asia berjaya memajukan sektor industrinya setanding dengan pencapaian negara-negara Eropah maka tidak mustahil negara lain seperti Malaysia turut melakukannya. Sekali lagi beliau memberi penekanan kepada pentingnya rakyat diterapkan dengan ciri-ciri positif yang menjadi elemen penting dalam budaya kerja Jepun. Kesungguhan Dr. Mahathir melaksanakan DPT mungkin juga dipengaruhi oleh suasana perkembangan ekonomi dunia sekitar awal tahun 1980-an. Dekad ini memperlihatkan kemunculan rantau Asia sebagai satu kawasan pembangunan ekonomi yang semakin penting dan pesat membangun. Selain Jepun, negara seperti Korea, Taiwan, Cina , Hongkong dan Singapura mula mengorak langkah menjadi negara industri baru. Negara-negara ini kecuali Hong Kong dan Singapura pada asalnya adalah negara pertanian tetapi kini mula menjadi kuasa perindustrian yang berpengaruh. Kejayaan mereka turut dikaitkan dengan kebangkitan semula rantau Asia Timur sebagai pusat pertumbuhan baru ekonomi dunia. Secara kebetulannya negara-negara ini adalah pengamal ajaran Konfucian yang menekankan budaya hidup positif seperti rajin bekerja, berdisiplin dan mementingkan ketaatan kepada organisasi. Negara-negara ini menggunakan sepenuhnya manfaat yang diperolehi daripada teknologi Barat yang mereka pelajari. Faktor-faktor seperti ini membawa perubahan yang besar kepada rantau ini. Malahan terdapat pengkaji yang menggelarkan dekad 80-an adalah dekad Asia yang membawa konotasi rantau ini khususnya rantau Asia Timur sedang mengalami perubahan besar merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial. Aliran mega sedang bergerak di rantau ini.[28] Mahathir kurang

---

[27] Ucapan Dr. Mahathir Mohamad di Persidangan Tahunan Ke Lima, MAJECA di Kuala Lumpur, *The New Straits Times* 9 Februari 1982.

[28] Lihat misalnya tulisan John Naisbitt, *Megatrends Asia* (Simon & Schuster Inc.,1996).Karya Naisbitt mengupas 8 faktor yang menggerakkan Asia menuju perubahan pesat dalam ekonomi. Perubahan ekonomi

bersetuju dengan konsep dominasi ekonomi berdasarkan rantau tertentu seperti Barat atau Asia namun beliau mengakui perkembangan dan potensi kemajuan rantau Asia Timur. Beliau turut menekankan konsep kerjasama ekonomi dan keadilan sejagat dalam hubungan antarabangsa. Baginya negara maju seperti Barat atau Jepun perlu jujur membantu negara membangun memajukan negara mereka.[29]

Latar belakang perkembangan ekonomi Asia pada dekad 80-an ini mempengaruhi pandangan Dr. Mahathir. Secara lateralnya beliau berhujah jika Jepun berjaya, mengapa tidak diikuti sahaja kejayaan tersebut. Kejayaan Jepun dan Korea muncul sebagai negara maju dan negara industri baru adalah dorongan semangat dan kerja keras rakyatnya. Pada masa yang sama negara-negara perindustrian utama Barat mengalami kemerosotan kerana gagal bersaing akibat amalan negatif rakyatnya seperti malas dan hanya mahu bersenang-senang. Mengikut pandangan Mahathir, apa yang ingin dicontohi oleh Malaysia dari Jepun ialah etika kerja yang positif dan sistem pengurusannya. Mahathir menolak dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan budaya dan kemahiran tertentu adalah milik eksklusif bangsa tertentu. Beliau memberi contoh bagaimana Jepun sendiri berjaya mempelajari dan

---

Asia ini meninggalkan kesan yang mendalam terhadap berbagai ragam hidup dan budaya tradisi masyarakat. Cuma tulisan beliau tidak memberikan perhatian kepada aspek kelemahan-kelemahan yang wujud dalam masyarakat Asia yang berupaya menyekat kemajuan masa depannya. Terdapat juga beberapa karya lain yang memperkatakan topik yang sama, kemajuan dan masa depan Asia. Antaranya lihat, Anwar Ibrahim, *Gelombang Kebangkitan Asia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1997), Abibullah Hj. Samsudin et.al. , *Asia Timur Pusat Pertumbuhan Baru Ekonomi Dunia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), Fong Wai Fong, *The New Asian Way* (Kuala Lumpur: Pelanduk Publication,1999) dan Gerald Tan, *Asian Development* (Singapore: Times Academic Press, 2000).Karya Anwar, mantan ahli politik ternama, lebih bersifat falsafah. Beliau cuba menyoroti ideal kemunculan semula rantau Asia sebagai suatu tamadun baru yang bangun daripada keruntuhan silamnya. Tidak hanya berfokuskan kepada kemajuan ekonomi, Anwar melihat kebangkitan semula Asia secara lebih menyeluruh dengan turut memperkatakan soal-soal kemajuan spiritual dan moral.Mungkin terpengaruh dengan kedudukannya sebagai ahli politik ternama, penulis cenderung mengemukakan gagasan yang berbau politik. Idea beliau seperti yang bersabit dengan masyarakat madani dan demokrasi, keadilan dan ekonomi manusiawi menarik untuk diperhalusi tetapi lebih merupakan ideal seorang karyawan.Karya yang lain masih membincangkan persoalan kemajuan Asia dengan tumpuan kepada potensi ekonomi. Secara ringkasnya mereka turut memberi perhatian dan ulasan tentang kedudukan dan peranan Jepun yang menjadi semakin penting lantaran statusnya sebagai negara nombor 1 di Asia.

[29] Temubual dengan Dr. Mahathir,29 Ogos 2006

meniru ilmu sains dan teknologi Barat tanpa kehilangan jati diri mereka.[30] Dalam temubual dengannya, Mahathir menyatakan pendapatnya bahawa budaya dan sistem pengurusan merupakan perkara yang boleh dipelajari dan ditiru. Baginya tidak mustahil bagi masyarakat negara ini mempelajari dan meniru aspek-aspek positif budaya negara lain seperti Jepun.[31] Berdasarkan contoh ini, beliau yakin Malaysia berupaya belajar dan meniru etika kerja seperti rajin, dedikasi, mementingkan kumpulan, taat kepada ketua, sayangkan organisasi tempat bekerja dan kesanggupan berkorban untuk syarikat. Sifat-sifat inilah yang menjadi teras kepada etika kerja orang Jepun. Secara langsung dan tidak ia menyumbang kepada kemajuan syarikat dan negara. Bagi membolehkan penerapan nilai serta etika ini berlaku dalam kalangan rakyat negara ini maka kerajaan bertindak menyusun langkah-langkah tertentu bagi menghantar pelajar dan pelatih ke Jepun. Di Jepun mereka diharap mempelajari, menyemai dan mengamalkan sikap seperti yang dihasratkan oleh kerajaan.[32]

Seperkara lagi aspek yang ingin dicontohi ialah sistem pengurusan. Umumnya prinsip-prinsip asas pengurusan samada dari Barat atau Timur mengandungi aspek strategi, struktur, sistem, gaya, perjawatan, kepakaran dan nilai serta sikap. Dalam aspek seperti strategi, sistem dan struktur biasanya tiada perbezaan besar di antara firma Barat dengan Jepun. Perbezaan yang wujud lebih merujuk kepada gaya, perjawatan, kepakaran dan nilai dan sikap. Dalam aspek gaya pengurusan misalnya, pengurus-pengurus di Jepun lebih menekankan hubungan baik dan harmoni antara kakitangan atasan dan bawahan. Pendekatan menyeluruh dan kolektif digunakan dalam menangani masalah yang timbul. Keunikan aspek perjawatan di Jepun pula berkaitan dengan amalan kerja seumur hidup.

---

[30] *Lihat Politik, Demokrasi dan Asia Baru,* Hashim Makarudin(ed.), Ucapan Pilihan Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia(Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara, 2003), m.s. 72.

[31] Temubual dengan Dr. Mahathir

[32] Program penghantaran pelajar dan pelatih ke Jepun akan dibincangkan dalam bab berikutnya.

Seseorang yang diterima bekerja di sesebuah firma yang kukuh biasanya mendapat jaminan bekerja sehingga bersara. Kebajikan dan latihan kepada kakitangan amat diberi perhatian. Seterusnya aspek yang dititikberatkan dalam sistem pengurusan Jepun adalah nilai dan sikap. Nilai dan sikap masyarakat Jepun adalah berasaskan budaya dan warisan tradisi yang diamalkan. Sifat seperti rajin, dedikasi dan mementingkan kumpulan amat diberi perhatian dalam organisasi. Seiring dengan penggunaan teknologi, nilai-nilai seperti bekerjasama, menghormati arahan ketua dan sayangkan syarikat menjadi satu tuntutan untuk diamalkan.[33]Amalan yang lebih khusus dalam sistem pengurusan mereka sepertimana sering digembar gemburkan adalah seperti berikut :[34]

1. Kenaikan pangkat berdasarkan kekananan (senioriti)
2. Kesatuan sekerja dalaman
3. Penilaian berdasarkan kebolehan (ability performance)
4. Majikan tunggal
5. Pusingan kerja (job rotation)
6. Pembangunan dan latihan kakitangan
7. Kumpulan kawalan mutu
8. Penilaian menyeluruh kakitangan

---

[33] Lihat Barjoyai Bardai dan Aziz Abd. Hamid,"Apa Yang Boleh Kita Pelajari Dari Sistem Pengurusan Jepun", *Dewan Masyarakat*, Jun 1982, m.s 34-35. Keterangan lanjut tentang system pengurusan Jepun juga boleh diikuti dalam Richard Tanner Pascale & Anthony G. Athos, *The Art of Japanese Management* (London: Allen Lane, 1982).Terdapat juga karya Keitaro Hasegawa, *Japanese Style Management An Insider Analysis*(U.S.A: Kodansha International, 1986). Karya ini menarik kerana memperincikan beberapa ciri tertentu yang terdapat dalam system pengurusan Jepun. Antaranya ia menyentuh tentang pengurusan berasaskan kemanusiaan, proses membuat keputusan, pemimpin peringkat atasan dan pertengahan, pengurusan personal, inovasi teknologi, sistem pemasaran dan sistem pengurusan Jepun sebagai suatu model. Sebuah lagi karya pengurusan yang memuatkan pandangan lebih kritikal terhadap ciri dan sistem pengurusan Jepun ialah karya Jon Woronoff, *The Japanese Management Mystique, The Reality Behind the Myth* (U.S.A: Probus Publishing Co., 1994).Karya ini mendedahkan kelemahan-kelemahan yang terdapat pada sistem pengurusan Jepun, juga menyentuh tentang apa yang sewajarnya dicontohi dan sebaliknya.

[34] Matsuba Masafumi, *The Contemporary Japanese Economy Beetween Civil Society and Corporation Centered Society* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2001).

9. Sistem *ringi* (bottom-up decision)

10. Kenaikan pangkat secara dalaman

11. Hubungan rapat kerajaan-swasta

Jika diperhatikan amalan pengurusan seperti di atas lebih merupakan amalan yang khusus di Jepun. Adalah sukar melaksanakan kesemuanya di Malaysia kerana kedua-dua buah negara mempunyai banyak perbezaan asas. Sehingga kini hanya sebahagian kecil daripadanya diberi perhatian untuk dilaksanakan. Dr. Mahathir lebih memberi tumpuan kepada konsep kerjasama erat di antara kerajaan dengan swasta. Beliau melancarkan dasar persyarikatan Malaysia (Malaysia Incorporated) berdasarkan model *Japan Incorporated* . Melalui konsep ini kerajaan cuba meningkatkan hubungan dan kerjasama sektor awam dengan swasta. Mahathir berkata :

> "sikap dahulu kita mendapati seolah-olah ada konfrantasi antara kerajaan dengan swasta, seolah-olah pegawai kerajaan ingin *frustrate* pihak swasta dan pihak swasta pula ingin menjalankan kerja yang mengganggu atau membebankan pegawai dengan tidak mengambil kira masalah dan tanggungjawab yang dipikul oleh pegawai. Ini adalah pendapat dahulu tetapi sekarang kita berpendapat bahawa memang menjadi tugas kerajaan menjadi sebuah *service agency* yang berkhidmat untuk semua pihak, termasuk pihak swasta. Kita ingin supaya pegawai kerajaan menganggap bahawa swasta merupakan punca kehidupan mereka. Kejayaan swasta adalah kejayaan mereka sendiri kerana sudah tentu kita maklum apabila swasta mendapat kejayaan , pihak kerajaan juga dapat menumpang di atas kejayaan itu" . [35]

Kerajaan mengakui kerjasama erat sewajarnya wujud di antara pihak pentadbiran awam dengan swasta. Amalan kerjasama antara kedua pihak seperti yang dilakukan di Jepun

[35] Institut Pentadbiran Awam Negara, *Dasar- Dasar Pembangunan Malaysia* (Kuala Lumpur: INTAN, 1994) m.s. 50.

berjaya membantu menjayakan projek-projek swasta. Walaupun konsep ini diperkenalkan kerajaan, namun kejayaannya masih sukar diukur kerana pada asasnya matlamat kedua-dua sektor awam dan swasta di Malaysia adalah berbeza. Agensi awam lebih selesa bertindak sebagai badan pelaksana dasar dan penguatkuasa manakala pihak swasta lebih pentingkan pertimbangan untung rugi. Hal ini berbeza dengan amalan di Jepun di mana hubungan di antara kedua-dua sektor mempunyai sejarahnya yang panjang dan tersendiri. Walaupun berbeza mereka berkongsi matlamat nasional yang satu. Faktor seperti inilah yang menjadi alasan kepada pengkritik yang ragu-ragu dengan kejayaan dasar seperti persyarikatan Malaysia. Berjaya atau gagalnya program mencontohi etika kerja dan sistem pengurusan Jepun bergantung kepada banyak perkara. Satu daripadanya ialah masa. Jangka masa panjang diperlukan bagi menilai kejayaan sesuatu program apalagi yang melibatkan perubahan sikap rakyat. Oleh yang demikian, setiap program yang dilaksanakan perlu diteliti baik dan buruknya terlebih dahulu.

Sambutan Awal dan Kritikan Terhadap Dasar Pandang Ke Timur

Dasar Pandang Ke Timur (DPT) yang diperkenalkan Dr. Mahathir merupakan percubaan beliau untuk melakukan perubahan dalam merancang pembangunan negara. Tidak dapat tidak dasar ini mencetuskan polemik pro dan kontra dari kalangan ahli-ahli politik, ahli perniagaan, ahli akademik dan penganalisis dari dalam dan luar negara. Personaliti dan latar belakang Dr. Mahathir sendiri sebelum menjadi Perdana Menteri turut mempengaruhi sentimen awam terhadap dasar yang beliau perkenalkan. Sebelum menjadi Perdana Menteri Dr. Mahathir dilabelkan dengan berbagai gelaran termasuk *"ultra Malay"*

atau Melayu radikal. Sejarah awal politik Dr.Mahathir agak bergelombang.[36] Banyak penganalisis berpandangan Dr. Mahathir seorang yang bijak dan berani dalam memperkatakan sesuatu isu terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan bangsa Melayu. Sikap ini diteruskannya apabila beliau aktif dalam UMNO. Selepas tewas dalam pilihan raya pada tahun 1969, Dr. Mahathir mengambil keputusan berani menghantar surat terbuka mengkritik cara dan dasar kepemimpinan Tunku Abdul Rahman. Akibatnya beliau dipecat daripada UMNO.

Semasa pemecatannya beliau menulis sebuah karya kontroversi "*Malay Dilemma*" yang diharamkan oleh kerajaan. Karya ini mengupas kedudukan dan masalah yang menimpa masyarakat Melayu dalam sebuah negara majmuk seperti Malaysia.[37] Mahathir mengkritik banyak pihak yang menjadi punca kelemahan orang Melayu. Penjajah Inggeris, kerajaan Perikatan, pemimpin Melayu malahan orang-orang Melayu sendiri tidak terlepas daripada pandangan tajam beliau. Berdasarkan latar belakang beliau yang kritikal dan terbuka, perhatian umum tertumpu kepada pendekatan yang digunakannya dalam mentadbir negara. Adakah benar beliau anti-Barat dan mahu menukar arah haluan dasar luar negara. Terdapat sarjana yang berpendapat Mahathir bukanlah anti Barat sepenuhnya cuma tidak konsisten dalam melaksanakan dasarnya. Ia lebih bercorak pragmatik, memberi keutamaan kepada hubungan yang membawa faedah ekonomi. Imej Dr. Mahathir dipenuhi "paradoks dan inkonsistensi".[38] Beliau mengutuk Barat tetapi pada masa yang sama menjalin hubungan ekonomi dengan mereka. Beliau pernah mengenepikan syarikat British daripada mendapatkan projek kerajaan tetapi lama kelamaan berbaik semula. Mahathir juga

---

[36] Maklumat berkaitan Mahathir diperolehi daripada temubual dengan rakan seangkatan dengannya Dato' Abdullah Efendi Hj. Ismail, bekas tokoh politik Kedah pada 12 Mei 2004.
[37] Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma* (Singapore: Times Books International,1970).
[38] Tentang hal ini lihat Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism, An Intelectual Biography of Mahathir Mohamad* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995)m.s. 6.

memprotes British dengan tidak menghadiri sidang Komanwel pada tahun 1981 dan 1983. Tidak hairan jika beliau juga digelar penentang tradisi (iconoclast) dan bersifat pragmatik.[39] Mahathir juga mementingkan aspek perubahan minda dan sikap masyarakat Melayu dalam merancang dasar pentadbirannya. Bekas diplomat yang mempunyai hubungan rapat dengannya, Khatib Abdul Hamid mengatakan, Mahathir sentiasa mencari jalan bagi mengubah minda Melayu yang masih ketinggalan berbanding bangsa lain. Beliau berpendapat Dr. Mahathir cuba membawa masyarakat Melayu mempelajari sesuatu yang baik daripada masyarakat lain seperti Jepun bagi mengubah pemikiran mereka.[40]

DPT yang beliau perkenalkan turut mengundang pandangan pro dan kontra. Secara umumnya terdapat pihak yang menyokong DPT dan merasa yakin dengan pencapaian matlamatnya. Sokongan ini khususnya daripada pemimpin-pemimpin kerajaan, sektor perniagaan yang pro dasar kerajaan dan pihak-pihak tertentu daripada sektor awam dan swasta Jepun. Mereka biasanya mempunyai kaitan dan hubungan rasmi dengan kerajaan. Pihak kedua adalah golongan yang bersikap skeptikal terhadap dasar ini. Sebahagiannya terdiri daripada ahli akademik, para pemimpin parti politik, pertubuhan bukan kerajaan dan para penganalisis. Walaupun dalam kalangan mereka, tiada yang menyebut mereka menentang dasar ini sepenuhnya tetapi daripada pandangan yang diberikan mereka mempersoalkan kewajaran dan kejayaan dasar ini. Hujah golongan ini tidak dapat diketepikan begitu sahaja kerana ianya dibuat berdasarkan kajian dan pemerhatian yang mendalam. Terdapat pula golongan ketiga yang memberi pendapat yang seimbang terhadap

---

[39] Johan Saravanamuthu, "Malaysia Foreign Policy in the Mahathir Period 1981-1995: An Iconoclast Come To Rule", *Asian Jurnal of Political Science* , Volume 4 No. 1, 1996.

[40] Temubual dengan Tan Sri Khatib Abdul Hamid pada 9 Ogos 2006 di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur. Khatib lahir di Batu Gajah, Perak pada tahun 1938 dan belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar seterusnya memasuki Universiti Malaya pada 1959.Beliau menyertai perkhidmatan tadbir dan diplomatik dan pernah menjadi duta Malaysia ke Jepun selama sepuluh tahun (1989-1999). Selepas bersara, beliau dilantik sebagai duta khas Perdana Menteri ke Timur Tengah selama dua tahun. Beliau merupakan Pengerusi Institut Jantung Negara Malaysia serta Ahli Lembaga Pengarah UMW Toyota.

dasar ini. Mereka bersetuju dengan pelaksanaan dasar ini tetapi pada masa yang sama mengesyorkan berbagai pengubahsuaian bagi mengatasi kelemahan yang ada. Golongan ini juga terdiri sebahagiannya daripada ahli akademik, tokoh perniagaan dan mereka yang berpengalaman menjalin hubungan secara langsung dengan negara Jepun.

Sambutan awal terhadap DPT dalam kalangan pihak yang berkaitan dengan kerajaan umumya adalah positif. Selepas dasar ini dilancarkan perhatian mula diberikan untuk mempromosi berbagai-bagai aspek budaya masyarakat Jepun kepada rakyat Malaysia. Akhbar *The New Straits Times* misalnya menyiarkan sisipan khas yang khusus membincangkan DPT, relevansi dan kepentingannya kepada negara ini. Ciri-ciri tertentu budaya masyarakat Jepun mula dibincangkan untuk tatapan pembaca. Stesen televisyen tempatan juga menyiarkan rancangan-rancangan alih bahasa Jepun. Salah satu drama keluarga yang popular dalam kalangan masyarakat negara ini ialah *"Oshin"* yang menceritakan tentang kegigihan seorang wanita Jepun berusaha mengatasi berbagai cabaran membangunkan sebuah perniagaan yang berjaya. Sebenarnya negara dan masyarakat Jepun bukanlah terlalu asing bagi rakyat negara ini. Beberapa langkah mempromosi Jepun telah dijalankan di sini seperti pengajaran subjek sejarah dan geografi Jepun pada peringkat sekolah menengah.[41] Syarikat-syarikat Jepun juga mula beroperasi di sini sejak tahun 1960-an lagi.

Pelaksanaan DPT juga menarik perhatian badan-badan kerajaan, firma swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pengajian tinggi. Badan-badan ini menganjurkan seminar dan persidangan bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan DPT. Terdapat seminar yang khusus membincangkan soal etika kerja dan ciri pengurusan

---

[41] Lihat tulisan Abu Talib Ahmad,"Aspects of Malaysia-Japan Cultural Relations", *prosiding 6th International Conference on Japanese Studies 1999*, Japan Southesat Asia Relations, Department of Japanese Studies, National University of Singapore, 1-2 October 1999. m.s 185-198.

Jepun serta kesesuaiannya dilaksanakan di Malaysia.[42] Perbadanan Produktiviti Negara, sebuah agensi kerajaan menganjurkan seminar dan bengkel yang khusus membincangkan soal produktiviti. Produktiviti diberi perhatian kerana ianya satu perkara yang menjadi keutamaan dalam mencontohi Jepun.[43] Pandangan yang lebih kritikal terhadap DPT pula disuarakan dalam Debat Perdana yang diadakan di Universiti Malaya pada bulan Oktober 1982 yang menampilkan pembicara seperti Prof. Jomo Kwame Sundaram dan Hj. Mustapha Ali, Naib Presiden Parti Islam Malaysia (PAS) dengan tema "Dasar Pandang Ke Timur: Antara Slogan Politik dan Realiti". Debat ini lebih merupakan satu medan untuk mengkritik DPT. Para peserta seminar kebanyakannya melahirkan pandangan tidak bersetuju dengan tindakan kerajaan meniru Jepun yang dianggap tidak sesuai dan mempunyai masalahnya yang tersendiri. Seterusnya satu lagi seminar antarabangsa yang membincangkan DPT secara lebih menyeluruh diadakan pada bulan Ogos 1983. Seminar ini dianjurkan Institut Analisa Sosial (INSAN), Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, Persatuan Sains Sosial Malaysia dan Institut Penyelidikan dan

---

[42] Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia menganjurkan seminar bertajuk *Seminar Pengurusan Timur dan Barat* pada bulan Ogos 1982. Seminar ini khusus membincangkan perbandingan antara ciri pengurusan Barat dengan Jepun. Satu lagi seminar yang berkaitan dengan model Jepun telah diadakan di Pulau Pinang pada 28-31 Mei 1983 anjuran Persatuan Ekonomi Malaysia (cawangan utara), Persatuan Jepun- Malaysia dan Persatuan Jepun–Pulau Pinang. Seminar ini berjudul *Japanese Experience: Lessons for Malaysia.* Antara kertas kerja yang menarik dalam seminar ini ialah tulisan Kunio Yoshihara ,"Why did Japan succeed in industrialization". Beliau telah mengupas secara terperinci faktor-faktor yang telah mendorong kejayaan Jepun dalam bidang ekonomi. Penjelasan yang diberikan oleh Kunio mampu memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat luar tentang rahsia di sebalik kejayaan Jepun. Ia juga memberi panduan kepada negara seperti Malaysia yang ingin menjadikan Jepun sebagai model pembangunannya bahawa terdapatnya perbezaan asas di antara kedua-dua negara. Lihat Yoshihara Kunio, "Why did Japan succeed in industrialization ?", *Seminar On The japanese Experience Lessons For Malaysia,* Rasa Sayang Hotel, Pulau Pinang, 28-31 Mei 1983.

[43] *Seminar Kebangsaan Produktiviti* telah diadakan pada bulan April 1982. Sepuluh kertas kerja yang menyentuh produktiviti telah dibentangkan oleh personaliti daripada sektor awam dan swasta. Ucap utama berjudul "The impact of productivity on national development" telah disampaikan oleh Perdana Menteri. Seterusnya Bengkel Kebangsaan mengenai produktiviti juga telah diadakan pada bulan Jun 1982. Laporan Tahunan Perbadanan Produktiviti Negara, 1982.

Pembangunan Asia Pasifik Tokyo.[44] Reaksi yang diberikan ahli-ahli akademik dan profesional melalui seminar dan persidangan yang diadakan menggambarkan perhatian serius kalangan ini terhadap pelaksanaan DPT. Melalui kajian akademik yang dilakukan mereka memberikan pendapat termasuk dari sudut yang terlindung pada pandangan masyarakat umum.

Bagi individu yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran mendalam tentang Jepun, pandangan mereka sewajarnya diberi perhatian. M. Rajendran, seorang ahli akademik yang mengkhusus dalam sejarah Jepun, misalnya memberikan pandangan yang menarik semasa membincangkan tentang sejarah dan perkembangan ekonomi Jepun dengan mengatakan bahawa salah satu sifat penting yang terdapat pada masyarakat Jepun ialah semangat kebangsaan yang kuat. Mereka amat nasionalistik termasuk dalam bidang ekonomi. Faktor sejarah dan latar belakang masyarakatnya yang bersifat homogen mendorong kebangkitan nasionalisme ini. Secara perbandingan beliau cuba membangkitkan persoalan tentang mampukah masyarakat Malaysia yang majmuk ini memiliki semangat seumpamanya kerana semangat seperti itu penting dalam mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi.[45] Jika kita gagal mempamerkan nasionalisme dalam bentuk yang begitu maknanya kita perlu mengakui terdapatnya perbezaan sifat di antara rakyat Jepun dengan Malaysia yang disebabkan perbezaan latar belakang sejarah. Perkara ini adalah salah satu daripada kesukaran yang dihadapi dalam melaksanakan DPT. Bekas Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman turut menyuarakan pandangannya tentang

---

[44] Seminar ini menumpukan perbincangan kepada 4 topik penting iaitu hubungan Malaysia- Jepun, hubungan sektor awam dengan sektor swasta, perhubungan buruh dan perusahaan dan pandang ke timur untuk pembangunan yang seimbang. Lihat *International Seminar" Learning from Japan: Lessons for Malaysia"* , Institut Analisa Sosial (INSAN), Kuala Lumpur, Ogos 1983.

[45] Lihat M. Rajendran, "Kebangkitan kepimpinan dalam perniagaan Jepun : Sumbangan tradisi peradaban Jepun terhadap pertumbuhan ekonomi", *Simposium Pandang Ke Timur Peringkat Kebangsaan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Februari 1983.

DPT. Dengan nada sinis Tunku berkata,"idea DPT bukanlah sesuatu yang baru kerana kami (kerajaan Tunku) mengadakan perjanjian dengan Jepun pada 10 Mei 1960 di mana Menteri Perdagangan dan Industri Encik Khir Johari telah menandatangani perjanjian perdagangan dengan rakannya dari Jepun. Sejak itu kegiatan perdagangan dan pelaburan Jepun di negara ini berkembang dengan pesat sehingga kini ..."[46]. Sepertimana dimaklumi hubungan Dr. Mahathir dengan Tunku Abdul Rahman sejak zaman awal kegiatan politiknya adalah kurang mesra kerana tindakan Mahathir mengkritik Tunku pada tahun1960-an.

Dalam kalangan mereka yang terlibat secara langsung dengan program latihan di bawah DPT, reaksi kebanyakannya adalah positif. Sebilangan pekerja tempatan yang terlibat bekerja dengan firma binaan Jepun yang membina bangunan Dayabumi menyifatkan budaya kerja Jepun adalah baik untuk dicontohi dan diamalkan. Mereka yakin dapat melakukannya jika bersabar mengikut disiplin yang ketat. Mohd. Sobri Abu Hassan, seorang pelukis plan dengan syarikat Bintai Kindenko menyifatkan pekerja-pekerja Jepun amat cergas semasa bekerja. Semua pekerja perlu mematuhi disiplin kerja yang ketat. Pekerja tempatan yang tidak dapat menyesuaikan diri tidak dapat bekerja di sini. Soal seperti pakaian antara pihak atasan dengan bawahan tidak diberi perhatian, kedua-duanya hampir sama. Sobri adalah satu-satunya pekerja Melayu dalam kalangan 60 orang pekerja dan ditempatkan di bahagian elektrik. Seorang lagi pekerja di syarikat yang sama, Subramaniam berusia 26 tahun berkata,"tiada masalah bekerja dengan Jepun yang rajin dan tegas jika kita mengikut semua arahan yang diberikan". Mohd. Yunus Mohd. Arifin seorang pemandu menceritakan pengalamannya bekerja dengan mengatakan bahawa tiada

[46] Tunku Abdul Rahman,*Contemporary Issues in Malaysian politics* (Kuala Lumpur: Pelandok Publications, 1984), m.s. 385-386.

kesempatan langsung untuk mencuri tulang kerana semua peringkat pekerja bekerja keras.[47] Sekumpulan pelatih yang dihantar menjalani latihan di Jepun selama 6 bulan juga menyatakan faedah yang mereka perolehi daripada latihan tersebut. Latihan yang mereka jalani adalah sebahagian daripada program latihan di bawah DPT. Mereka ditempatkan di syarikat-syarikat Jepun bagi menjalani latihan teknikal dan tapak dalam jurusan tertentu .

Salah seorang daripada mereka ialah Jasni Mohd. Salleh yang menjalani latihan dalam bidang senibina. Sepanjang di sana beliau belajar banyak perkara tentang etika kerja masyarakat Jepun. Mereka amat pentingkan produktiviti, kerja berkumpulan dan merasa bangga dengan tugas yang dilakukan. Masyarakat Jepun memandang tinggi kerja kolar biru yang disifatkan lebih menarik, mencabar dan memuaskan. Robin Justin dari Sabah pula merasa lebih yakin dan bangga dengan kerjanya sekembalinya daripada menjalani latihan tersebut. Beliau menjalani latihan di Yanmar Engine Company. Justin juga yakin bahawa kerjaya kolar biru adalah menarik dan menjanjikan prospek yang lebih baik.[48]

Pandangan yang dinyatakan pelatih di atas mungkin benar tetapi kesan jangka panjangnya dipersoalkan. Mereka hanya bersemangat tinggi semasa di Jepun dan semasa baru pulang ke tanah air atau semasa mula menjalani latihan tetapi lama kelamaan semangat ini semakin merosot. Seorang bekas pelatih dalam bidang kejuruteraan lapangan terbang, Hairun Mahfouz dari Jabatan Kerja Raya yang berkunjung ke Jepun pada tahun 1987 mengakui latihan di sana memberi banyak faedah kepadanya. Beliau mempelajari kaedah mereka bentuk lapangan terbang di kawasan pesisir pantai selain mempelajari etika kerja dan budaya masyarakat Jepun. Semasa di Jepun Hairun berpeluang melawat dan melihat rekabentuk kejuruteraan lapangan terbang di Narita, Haneda dan Kansai.

---

[47] *Berita Harian*, 25 Januari 1983.
[48] *The New Straits Times*, 9 Mac 1983

Walau bagaimanapun setelah lama kembali ke tanah air, Hairun berpendapat moral dan komitmen bekerja bekas pelatih di Jepun semakin menurun dari masa ke semasa lantaran pengaruh suasana tempatan yang berbeza dengan Jepun. Beliau memberi contoh pekerja di Jepun merasa malu mengambil cuti kerana semua orang berlumba-lumba bekerja bagi mengumpul mata bagi mendapat kenaikan gaji dan pangkat tetapi sikap pekerja Malaysia berbeza di mana kebanyakan pekerja amat ghairah mengambil cuti. Beliau juga berkata tidak timbul soal meniru jika seseorang bekerja dengan firma Jepun kerana sistem dan etika terbabit sedia diamalkan, masalahnya ialah apabila bekerja di negara ini yang mempunyai sistem dan etika yang berbeza. Hairun merumuskan bahawa latihan yang dijalani pekerja Malaysia di Jepun lebih memberikan faedah dan pengalaman peribadi tetapi sukar bagi mereka melakukan perubahan kepada organisasi.[49]

Pandangan Hairun mempunyai sedikit persamaan dengan kenyataan Dato' Razak Hamid, seorang yang dianggap pelopor dalam pengajian di Jepun kerana seawal tahun 1944 beliau sudah berada di sana menyambung pengajiannya. Beliau berpendapat program pengajian dan latihan di Jepun di bawah DPT kurang berkesan kerana jumlah yang terlibat tidak ramai, apabila pulang ke Malaysia mereka mudah dipengaruhi oleh golongan majoriti. Sebahagiannya pula mempunyai niat yang tidak betul pergi ke Jepun, mereka ingin melancong bukannya belajar. Bagi Cikgu Razak, tujuan seseorang ke Jepun mestilah betul iaitu untuk mencari pengetahuan dan belajar bersungguh-sungguh.[50] Pandangan seorang tokoh berpengalaman seperti beliau tentunya begitu bermakna dalam menilai keberkesanan program di bawah DPT.

---

[49] Temubual dengan Hairun Mahfouz di Kuala Lumpur pada 21 mac 2006. Hairun bertugas di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Kuala Lumpur sebagai pelukis plan kanan. Beliau mengikuti program latihan sambil bekerja dengan Kementerian Pengangkutan Jepun dari bulan Mei hingga November 1987. Sebelum ke Jepun beliau mengikuti kursus bahasa Jepun di Institut Teknologi Mara selama 6 bulan.

[50] Temubual Dato' Razak dengan Abu Talib Ahmad dan Ramli Samad pada 28 Disember 2002, Koleksi Sejarah Lisan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Pertubuhan Ekonomi Malaysia Jepun (MAJECA) juga menyambut baik Dasar Pandang Ke Timur. Naib Presidennya Datuk Azman Hashim menyatakan dasar tersebut membolehkan rakyat Malaysia mencontohi budaya Jepun yang positif. Pada masa yang sama beliau juga menggesa Jepun agar menyokong dan memberi kerjasama menjayakan dasar tersebut kerana Malaysia kini memasuki fasa baru industri dengan tumpuan kepada industri berat. Bagi memajukan sektor ini, teknologi dan kemahiran tenaga manusia amatlah penting. Dalam hal inilah kerjasama Jepun amat diharapkan. [51] Pertubuhan alumni Persatuan Siswazah Jepun Malaysia (JAGAM) juga memberikan reaksi positif terhadap DPT. Naib Presiden JAGAM , Oii Seah Lin menyatakan bahawa,"kita bukan sahaja boleh pelajari teknologi mereka tetapi juga semangat bekerja. Mereka penuh disiplin, rajin dan bertanggungjawab". Hubungan mesra sesama mereka juga wajar dicontohi, hormat menghormati tanpa mengira umur, pangkat dan kedudukan. Oii yang belajar di Universiti Kyoto dari tahun 1968-72 dan lulus dengan ijazah kejuruteraan kimia berkata bahasa mungkin masalah utama untuk berurusan dengan masyarakat Jepun. Orang luar perlu mahir berbahasa Jepun untuk membolehkan mereka mempelajari sesuatu di sana. Walaubagaimanapun menurutnya masalah bahasa ini lama kelamaan dapat diatasi melalui pembelajaran dan pergaulan. [52]

Dalam pada itu pengenalan DPT mencetuskan beberapa perkembangan baru dalam hubungan kedua buah negara. Duta Jepun ke Malaysia berkata negaranya kini mula memberi perhatian kepada Malaysia dan DPT membantu mengubah sikap tertutup

[51] Ucapan Datuk Azman Hashim di Persidangan Tahunan ke 6 MAJECA-JAMECA di Tokyo . *The New Straits Times* 23 Mac 1983.
[52] *Berita Harian*, 13 Mac 1983.

rakyatnya terhadap negara ini dengan mula memandang ke selatan .[53] Beberapa pihak di Jepun juga menyambut baik langkah Malaysia memperkenalkan DPT. Jepun kini memberi perhatian serius terhadap sebarang perkembangan di Malaysia memandangkan kepentingan ekonominya yang semakin meningkat. Dalam reaksi awalnya terhadap dasar tersebut, Perdana Menteri Nakasone berharap dasar tersebut dapat mempertingkatkan hubungan kedua negara khususnya dalam bidang perindustrian dan latihan tenaga manusia. Nakasone juga berjanji Jepun akan mempelawa lebih ramai pelajar Malaysia datang melanjutkan pengajian ke sini. Beliau memberi komitmen Jepun bersedia menambah bantuan kewangan untuk membina Pusat Bahasa Jepun di Universiti Malaya.[54]

Dr. Mahathir menyambut baik reaksi dan komitmen Nakasone. Baginya pusingan pertama untuk memenangi hati Jepun telah hampir berjaya.[55] Dalam lawatannya ke Jepun pada 27-30 Januari 1983, Dr. Mahathir melawat pelatih-pelatih Malaysia yang sedang menjalani latihan di sana. Dr. Mahathir berpuashati dengan layanan yang diberikan syarikat-syarikat Jepun kepada pelatih Malaysia. Mereka dilayan seperti pekerja Jepun sendiri. Para pelatih menunjukkan komitmen dan kesungguhan belajar yang tinggi. Mereka dilatih di syarikat Yamaha dan Kobe Steel.[56] Seorang pengurus di Syarikat Hino Motor , Koichi Nakajima memuji pelatih-pelatih Malaysia yang menjalani latihan dengan syarikatnya. Mereka belajar dengan cepat, mahir dan cekap.Pada pandangannya adalah lebih baik membawa pelatih ke Jepun daripada menghantar pakar untuk melatih mereka di

---

[53] Pandangan Takeo Arita, Duta Besar Jepun di Malaysia. Beliau berkata selama ini Malaysia lebih dikenali oleh golongan peniaga daripada rakyat biasa. Rakyat Jepun lebih mengenali Singapura, Thailand dan Indopnesia berbanding dengan Malaysia. Kini Jepun lebih sedar kepentingan hubungannya dengan Malaysia. Ia tidak boleh hanya menumpukan perhatian kepada Barat dan Amerika Syarikat. *Berita Harian*, 12 Februari 1983.

[54] Lim Hua Sing, *Japan's role in Asia* (Singapore: Times Academic Press, 2001) m.s. 5 .

[55] *Berita Harian*, 31 Januari 1983.

[56] *Berita Harian* ,31 Januari 1983.

Malaysia. Dengan berada di Jepun mereka dapat merasai suasana sebenar di sini.[57] Menteri Pelajaran Jepun Heiji Ogawa memberitahu Duta Malaysia ke Jepun Datuk Jamaludin Abu Bakar, mereka akan menyediakan tempat yang sewajarnya kepada pelajar Malaysia yang berhasrat melanjutkan pengajian di sana. Walaubagaimanapun pelajar-pelajar berkenaan perlu mengikuti kursus bahasa Jepun dan lulus ujian kemasukan yang diadakan. [58]

Bekas Perdana Menteri Jepun Takeo Fukuda juga menyambut baik dasar ini. Walaubagaimanapun beliau berkata kejayaan atau kegagalannya hanya dapat diketahui dalam jangka masa panjang. Proses peniruan budaya adalah satu proses jangka panjang.[59] Setiausaha akhbar Kedutaan Jepun di Kuala Lumpur, Encik Watanabe menyatakan pihak Jepun bersedia membantu Malaysia menjayakan DPT. Sungguhpun begitu Malaysia perlu menyatakan keperluannya secara terperinci. Agensi yang terlibat dalam menguruskan latihan teknikal kepada pelatih luar negara iaitu JICA (Japan International Cooperation Agency) pula memberikan komitmen untuk membantu melatih rakyat negara ini. Pada tahun 1982 hampir 200 orang dihantar ke Jepun bagi menjalani latihan berkenaan.[60] Kumpulan pertama seramai 136 orang sampai di Jepun pada awal bulan September 1982 setelah selesai menjalani kursus bahasa Jepun selama 6 bulan di Institut Teknologi Mara. Mereka menjalani latihan industri dengan 19 buah syarikat termasuk Toyota, Mitsubishi dan Matsushita. Menurut laporan JICA, para pelatih amat bersemangat dan belajar bersungguh-sungguh. [61]

---

[57] *Berita Harian*, 10 Januari 1983.
[58] *The New Straits Times*, 20 Mac 1982.
[59] Komen Fukuda pada *Simposium Asean Jepun* ke 5 di Kuala Lumpur pada Ogos 1982.
[60] *The New Straits Times*, 20 Januari 1982.
[61] Reaksi daripada syarikat di mana para pelatih menjalani latihan juga adalah positif. Tadao Muhakota, pengurus kakitangan bahagian VCR Matsushita memberikan komennya," *the trainees are highly motivated and are shaping the right attitude*". Mereka menunjukkan sifat rajin semasa menjalani latihan. Di loji INI di Yokohama 4 orang pelatih yang ditempatkan di sana telah menunjukkan reputasi yang baik. Pengurus loji

Benarkah pengenalan DPT berjaya mempopularkan Malaysia dalam kalangan rakyat Jepun atau hanya dalam kalangan ahli politik dan tokoh perniagaan yang berminat mendapatkan peluang perniagaan. Persoalan ini diberi perhatian pengkaji seperti Lim Hua Sing, professor di Institut Pengajian Asia Pasifik Universiti Waseda Jepun. Hasil kajiannya mendapati DPT lebih mendapat perhatian daripada pemimpin kerajaan dan ahli perniagaan. Golongan ini mempunyai kepentingan secara langsung di Malaysia. Nakasone semasa pertemuannya dengan Mahathir dua bulan selepas pelancaran DPT menyatakan komitmen Jepun membantu Malaysia dengan berjanji memberikan lebih banyak peluang melanjutkan pelajaran dan menjalani latihan kepada rakyat negara ini. Beliau juga berjanji menambah bantuan kepada program persediaan pengajian Jepun di Universiti Malaya, menyediakan kemudahan pinjaman sehingga 21 billion Yen kepada projek janakuasa elektrik di Paka Terengganu dan projek gas Sabah serta memberikan pinjaman untuk projek janakuasa pelabuhan Kelang berjumlah 40 billion Yen.[62] Ahli perniagaan Jepun semestinya menyambut DPT dengan baik memandangkan dasar ini menyediakan lebih banyak insentif kepada mereka menjalankan perniagaan di Malaysia. Mengikut Lim, DPT berjaya meningkatkan penglibatan sektor perniagaan Jepun di Malaysia dengan ketara. Menjelang Jun 1983, terdapat 25 buah syarikat pembinaan dan 12 buah bank Jepun di sini. Dasar penswastaan yang kemudiannya dilancarkan Mahathir memberikan peluang yang lebih kepada peniaga Jepun. Malahan kontrak pembinaan bangunan Dayabumi diberikan kepada firma Jepun walaupun harga tendernya 70 billion Yen lebih tinggi daripada firma tempatan. Kerajaan memberikan alasan firma Jepun dapat menyiapkan kerja dengan lebih

---

berkenaan Hiroshi Watanabe berkata pelatih Malaysia telah menunjukkan tahap disiplin yang tinggi serta mementingkan kualiti. *Business Times*, 4 November 1982.

[62] Lihat Lim Hua Sing, "Japanese Perspectives on Malaysia's " Look East" Policy" dalam Lim Hua Sing, *Japan's Role in Asia*, 3rd edition, (Singapore: Times Academic Press, 2001), m.s. 1-23.

cepat. Walaupun ternyata dasar ini menguntungkan ahli perniagaan Jepun namun mereka bersikap berhati-hati menggunakan sepenuhnya peluang kerana bimbang sentimen anti Jepun muncul lagi dan bimbang jika dasar ini dilaksanakan hanya semasa pentadbiran Mahathir.

Golongan lain di Jepun yang meliputi ahli akademik, media dan pelajar didapati hanya memiliki sedikit maklumat atau langsung tidak mengetahui tentang DPT. Hal ini berpunca daripada kedudukan mereka yang tidak mempunyai kepentingan secara langsung dengan negara ini atau kerana kekurangan maklumat berkaitan yang disebarkan. Dalam kalangan ahli akademik hanya segelintir yang mengkhusus dalam pengajian berkaitan Malaysia. Lim menyatakan dalam tempoh 1982-1983 hanya terdapat 3 penyelidikan dilakukan ahli akademik dalam bidang yang berkaitan dengan DPT. Jumlah ini adalah kecil berbanding kepentingan hubungan Malaysia Jepun dalam pelbagai bidang.

Reaksi media berkaitan dengan Malaysia khususnya DPT pula banyak bergantung kepada peristiwa-peristiwa penting semasa yang berlaku. Sebelum pelaksanaan DPT, terdapat akhbar Jepun seperti *Asahi Shimbun*, *Mainichi Shimbun* dan *Nihon Keizai Shimbun* membuat liputan dan menyiarkan berita berkaitan Asia Tenggara. Akhbar-akhbar ini menempatkan wakil mereka di Singapura bagi membuat liputan tentang Malaysia. Tumpuan berita tentang negara ini hanya diberikan jika terdapatnya peristiwa tertentu seperti lawatan pemimpin Jepun ke sini. Keadaan ini menyukarkan penyebaran berita berkaitan negara ini yang lebih meluas di Jepun. Akibatnya rakyat Jepun kurang mengetahui berita tentang Malaysia berbanding negara lain seperti Singapura. Kajian Lim mengenai tahap pengetahuan pelajar Jepun terhadap DPT dapat menjelaskan hakikat ini.

Dua kumpulan pelajar terlibat dalam kajian ini, 20 orang dari Universiti Seijo manakala 72 orang dari Institut Bahasa Asia Afrika. Dalam kalangan pelajar universiti

Seijo, 25% daripada mereka langsung tidak pernah mendengar tentang DPT, 50% hanya mendengar secara sepintas lalu tanpa mengetahui butir-butir terperinci manakala 20% lagi hanya mengetahui aspek tertentu DPT. Penemuan berikutnya pula adalah dalam kalangan pelajar Institut Bahasa Asia Afrika. 33.3% daripadanya langsung tidak pernah mendengar tentang DPT, 38.9% hanya mendengar secara sepintas lalu tanpa mengetahui butir-butir terperinci manakala 27.8% hanya mengetahui aspek tertentu DPT.[63] Kesimpulannya ialah golongan pelajar Jepun boleh dikatakan tidak mempunyai pengetahuan mendalam tentang DPT. Kajian Lim menunjukkan pelaksanaan DPT lebih menarik perhatian kalangan pemimpin kerajaan dan sektor perniagaan berbanding rakyat Jepun yang lain. Dasar ini lebih bersifat "kerajaan dengan kerajaan" walaupun turut melibatkan pihak swasta dan rakyat kedua negara. Bagaimanapun dari dimensi lain, dasar ini telah mempopularkan Perdana Menteri Dr. Mahathir dalam kalangan pemimpin kerajaan dan sektor korporat Jepun. Terdapat penganalisis yang melihat keberanian Mahathir mengkritik Barat dan menggubal dasar yang mengiktiraf kemajuan negara Asia seperti Jepun menonjolkan kemampuannya bukan sekadar sebagai pemimpin Malaysia malahan sebagai mewakili suara Asia.[64]

Dalam kalangan rakyat tempatan, DPT juga menarik perhatian mereka untuk lebih memahami masyarakat dan budaya Jepun. Keadaan ini tidaklah menghairankan kerana ia turut dipengaruhi peningkatan aktiviti ekonomi syarikat-syarikat Jepun di sini. Bagi rakyat tempatan yang bekerja dengan firma Jepun, kesedaran semakin meningkat dalam kalangan mereka untuk mempelajari dan menggunakan bahasa Jepun. Sambutan terhadap kelas-kelas

---

[63] Penulis merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Prof. Lim Hua Sing kerana memetik semula kajiannya.

[64] Lihat misalnya tulisan Khadijah Md. Khalid,"Malaysia-Japan Relations under Mahathir:"Turning Japanese"?", *Reflections of the Mahathir years*,Bridget Welsh(ed.), Southeast Asia Studies Program, John Hopkin University (Washington DC, 2000), m.s. 330-331.

bahasa Jepun yang dianjurkan oleh beberapa pihak meningkat sejak pengenalan DPT. Di antara pihak swasta yang mengendalikan kursus mempelajari bahasa Jepun ini ialah Centre of Language Communication (CCL) di Petaling Jaya dan Centre of Modern Language (CML). Kelas-kelas berkenaan juga dikendalikan Yayasan Jepun di Kuala Lumpur.[65]

Individu yang pernah belajar di Jepun juga memberikan ulasan terhadap DPT. Umumnya mereka bersetuju dengan dasar berkenaan tetapi merasa ragu-ragu dengan pencapaian matlamatnya. Seorang daripadanya ialah S. Vivik berusia 56 tahun dan pernah belajar dan bekerja di Jepun. Baginya orang Jepun amat kuat bekerja malahan kerja keras merupakan cara hidup mereka. Malaysia boleh meniru Jepun kerana lambat laun tabiat kerja keras akan dapat diterapkan juga. Jeremy Chong, pengarah syarikat agro-kimia pernah belajar dan bekerja di Jepun selama 7 tahun berpendapat faktor masa adalah penting dalam menjayakan matlamat DPT. Seseorang memerlukan masa beberapa tahun untuk memahami dan menghayati etika masyarakat Jepun. Terdapat juga ciri-ciri masyarakat Jepun yang sukar ditiru oleh masyarakat luar. Mereka misalnya amat nasionalistik dan menganggap maharajanya seperti tuhan.

Seorang lagi bekas pelajar di Jepun merasa ragu-ragu dengan kejayaan DPT. Teoh Kok Hoon, seorang pengurus perdagangan dan pernah belajar di Jepun selama 5 tahun dengan biasiswa kerajaan Jepun, mempersoalkan samada rakyat Malaysia dapat menerapkan cara Jepun berdasarkan kepada wujudnya perbezaan antara kedua buah negara. Banyak sifat-sifat dan karektor masyarakat Jepun diwarisi oleh mereka daripada generasi

---

[65]*Berita Harian*, 5 Februari 1983.Kelas mempelajari bahasa Jepun ini dihadiri berbagai golongan dengan matlamat tertentu. Mereka terdiri daripada kalangan pelajar, kakitangan kerajaan dan swasta. Encik Khairudin Abu Hassan, Penolong Pengurus di Syarikat Matsushita Electronic Component belajar kerana berhasrat menggunakan bahasa Jepun untuk tujuan komunikasi ketika bekerja. Azizah Wahzan, pekerja pengiklanan belajar kerana ingin menyambung pengajiannya di Jepun dalam bidang rekaan fesyen. Ng. Chuan Foo pula belajar bahasa Jepun kerana ingin menggunakannya semula setelah lama meninggalkannya.

terdahulu. Jika berjaya diterapkan sekalipun ianya akan memakan masa yang lama. [66] Kalangan yang pernah mendapat pendidikan dan tinggal beberapa tahun di Jepun tentunya memberikan pandangan berdasarkan pengalaman mereka.Pandangan mereka mungkin selari dengan hasrat Dr. Mahathir namun mereka juga melihat kepada halangan-halangan yang wujud dalam merealisasikan DPT.

Hasrat Dr. Mahathir untuk melihat negara ini mencapai kemajuan ekonomi sepertimana kejayaan Jepun adalah suatu aspirasi yang baik. Menjadikan kejayaan negara lain sebagai sumber untuk dicontohi juga bukanlah merupakan suatu kesalahan. Walaubagaimanapun program untuk mencontohi budaya masyarakat lain perlu dikaji secara mendalam bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya. Dalam hal mencontohi etika kerja dan sistem pengurusan Jepun ini, satu persoalan penting timbul. Bolehkah amalan dan sistem yang diamalkan masyarakat Jepun diterapkan oleh masyarakat lain, sedangkan kedua-duanya mempunyai latar belakang sosio-budaya, agama dan politik yang berbeza. Sifat-sifat unik dan tersendiri yang terdapat pada masyarakat Jepun adalah hasil daripada warisan tradisi mereka dan bersifat eksklusif. Sifat rajin dan dedikasi mereka misalnya merupakan warisan sebuah masyarakat agrarian yang bermula sejak zaman pra-moden lagi. Sifat ini dipengaruhi tuntutan kehidupan kepulauan dan etika Konfucian yang masuk ke Jepun dari China. Tambahan pula Jepun hidup dalam pemencilan berabad-abad lamanya sehinggalah pemulihan Meiji. Pemencilan dan kedudukan geografinya turut membentuk ikatan kerjasama yang kuat dalam kalangan masyarakatnya yang homogen. Masyarakat homogen Jepun memiliki sifat nasionalistik yang amat kuat yang didorong oleh cabaran persekitaran yang dihadapi. Nilai tradisi yang meletakkan kepentingan keluarga melebihi

[66] *The New Straits Times,* 20 Januari 1982. Ruangan khas laporan oleh Fifi Lim yang meninjau pandangan individu tertentu berkaitan dengan Dasar Pandang Ke Timur.

kepentingan diri seterusnya membentuk semangat berkumpulan (groupisme) dalam kalangan mereka. Struktur politik yang wujud juga memperlihatkan taat setia yang tinggi kepada elit pemerintah seperti maharaja, golongan bangsawan (*Daimyo*) dan golongan pahlawan (*Samurai*).[67]

Nilai-nilai yang diamalkan pada zaman feudal ini tidak luntur dan diwarisi dari satu generasi kepada generasi berikutnya. Sifat rajin dan berkumpulan yang dahulunya diamalkan dalam kelompok agraria tradisional kini terus diamalkan dalam sektor perusahaan moden. Maknanya nilai-nilai positif yang dirujuk oleh Dr. Mahathir itu sebenarnya adalah nilai tradisi masyarakat Jepun. Persoalannya Malaysia jauh berbeza dengan Jepun dalam banyak aspek seperti komposisi penduduk dan budaya. Malaysia mempunyai masyarakat majmuk yang terdiri daripada 3 kaum utama yakni bumiputera, Cina dan India dengan setiap kaum dibezakan pula oleh fahaman agama, adat resam dan kecenderungan yang berbeza. Jurang ekonomi dan sosial wujud di antara ketiga-tiga kaum ini. Masyarakat Cina menguasai ekonomi domestik sementara orang Melayu terlibat dalam sektor perkhidmatan awam dan aktiviti pertanian. Orang India dan kaum-kaum yang lain terlibat dalam aktiviti-aktiviti pertanian, perburuhan dan sektor hiliran yang lain. Dasar "pecah dan perintah" penjajah British yang diamalkan selama ratusan tahun melebarkan lagi jurang perbezaan antara ketiga-tiga kaum tersebut. Sehingga negara mencapai kemerdekaan, masalah mencari dan mewujudkan satu identiti nasional belum dapat diselesaikan secara sempurna.

---

[67] Tentang hal pengaruh persekitaran terhadap budaya masyarakat Jepun ini, lihat huraian lanjut dalam Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,2005) m.s. 84-85 dan Hamzah Sendut,John Madsen dan Thong Tin Sin, *Managing in a plural society* (Singapore: Longman Publishers, 1989).

Setiap kaum masih tebal dengan ciri-ciri perkauman yang diperjuangkan mereka. Ini terlihat jelas dalam struktur pengagihan kuasa memerintah negara sejak merdeka. Walaupun wujud apa yang dikatakan politik muafakat tetapi setiap kaum diwakili oleh parti yang memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing. Akibatnya sehingga kini pembinaan sebuah negara bangsa yang melewati sempadan kaum dan budaya belum dapat disempurnakan sepenuhnya. Dalam keadaan seperti ini adalah sukar bagi rakyat Malaysia melahirkan semangat kebangsaan yang tinggi sepertimana di Jepun. Setiap kaum lebih cenderung menumpukan ketaatannya kepada kaumnya terlebih dahulu daripada negara. Di Jepun sebaliknya maharaja dan negara adalah segala-galanya bagi mereka. Demikian juga dengan pemupukan semangat berkumpulan atau *groupisme*. Setiap kaum yang berbeza lebih cenderung untuk mementingkan kumpulannya berdasarkan persamaan etnik, agama dan budaya bukannya berasaskan persamaan matlamat yang ingin dicapai. Tidak dapat dinafikan masyarakat Melayu yang merupakan majoriti penduduk di negara ini turut memiliki sifat positif seperti tolong menolong dan bekerjasama tetapi akibat penjajahan serta kekurangan pengetahuan dan kemahiran mereka gagal memanfaatkan sifat ini dalam era moden. Lagipun masyarakat Melayu tidak menguasai sektor moden ekonomi negara. Berbanding dengan Jepun keadaan Malaysia lebih kompleks. Usaha bagi mewujudkan satu ragam budaya yang selaras di antara kaum-kaum yang berbeza menghadapi banyak rintangan. Dalam konteks ini, usaha Dr. Mahathir untuk menerapkan etika kerja Jepun dalam kalangan rakyat adalah sesuatu yang sukar dilakukan. Kritikan terhadap dasar ini juga dilihat dalam aspek-aspek yang lain. Kebimbangan para pengkritik adalah berasaskan kepada kemungkinan gagalnya dasar ini adalah tinggi.

Seorang sarjana tempatan mempersoalkan langkah Dr. Mahathir untuk mencontohi etika kerja Jepun yang dikatakan menyumbang kepada kemajuan negara. Dr. Chandra

Muzaffar dalam tulisannya, "Hard Work The Cure All ?", mempersoalkan kewajaran idea Dr. Mahathir yang menekankan faktor kerajinan sebagai pemangkin utama kemajuan negara. Chandra berhujah kejayaan Jepun bukanlah semata-mata kerana sifat rajin rakyatnya tetapi juga kerana faktor sejarah, kepemimpinan dan kebolehannya menyerap teknologi Barat. Beliau lebih cenderung meletakkan faktor sejarah dan kepemimpinan sebagai dorongan utama yang membawa kejayaan kepada Jepun. Jepun menurutnya tidak dijajah oleh Barat dan berbeza dengan negara lain yang tidak dijajah, mereka berupaya menggunakan segala kemahiran ekonomi tradisional bagi memulakan pemodenan. Perkara ini walau bagaimanapun boleh dipersoalkan kerana penyelidik berpendapat Jepun sebenarnya dijajah cuma tidak secara menyeluruh namun melibatkan campurtangan Barat terhadap hal ehwal dalaman negaranya. Chandra seterusnya berhujah Jepun mempunyai warisan budaya yang kukuh yang menjadi asas kepada gerakan perindustrian. Faktor lain yang tidak kurang pentingnya ialah semangat nasionalisme yang tinggi dalam kalangan rakyatnya. Nasionalisme ini diperkukuhkan dengan rakyatnya yang bersifat homogeneous, mengamalkan Shintoisme dan taatkan maharaja. Peranan yang dimainkan oleh gerakan Pemulihan Meiji juga penting dalam membawa Jepun menuju pemodenan. Maharaja dan kelas elit yang memerintah telah mengambil inisiatif bagi mendapatkan pengetahuan dan teknologi Barat. Mereka meniru model Barat dalam bidang ketenteraan, pendidikan, ekonomi dan undang-undang. Dalam konteks ini, Chandra menekankan peranan pemimpin sebagai pendorong utama kemajuan Jepun. [68] Beliau menyatakan :

> *"but hard work is not everything. Neither is discipline, nor is efficiency. It is wrong to suggest that hard work is cure all , a panacea , for all our ills. No nation will be able to resolve all it economic problems through hard work and discipline*

[68] Lihat Chandra Muzaffar, "Hard Work-The Cure All ?" , *The Sun Also Sets Lesson in Looking East,* Jomo (ed.), (Kuala Lumpur: INSAN, 1985) m.s. 337-338

alone. This is why it is fallacious to argue that Japan's economic prosperity is due entirely to the hard work and discipline of its people. Its follows that by emulating Japanese work ethics , we will not be able to guarantee the success of our nation" .

Hujah Chandra menolak pandangan Dr. Mahathir yang mengaitkan faktor sikap seperti rajin dan berdisiplin sebagai ubat kepada kejayaan ekonomi. Beliau tidak bersetuju sikap tersebut sebagai satu-satunya faktor yang dominan tanpa melihat kepada aspek yang lain. Baginya dengan semata-mata mencontohi Jepun tidak semestinya menjadikan negara ini maju. Hujah Chandra menarik kerana beliau menyifatkan pemimpin Malaysia menekankan faktor sikap rakyat Jepun yang ingin dicontohi bagi mengelakkan perbincangan terbuka tentang peranan mereka. Baginya peranan pemimpin adalah penting dalam proses pembangunan. Pemimpin sewajarnya merancang dengan baik pembangunan negara, bersikap telus serta menjalankan tugas dengan amanah.

Chandra turut tidak setuju dengan salah satu ciri pengurusan Jepun yang ingin dicontohi iaitu kesatuan sekerja dalaman (in-house union). Kesatuan sekerja dalaman bermaksud para pekerja dalam sektor industri hanya boleh berpersatuan di tempat kerja mereka sahaja. Mereka tidak dibenarkan bergabung dengan rakan-rakan lain dalam industri yang sama. Alasannya ialah untuk mewujudkan keharmonian dalam hubungan majikan-pekerja. Hujah Dr. Mahathir ialah sistem ini yang diamalkan di Jepun berjaya mewujudkan suasana harmoni antara majikan-pekerja dan mengelakkan tindakan perusahaan. Keadaan ini membantu meningkatkan produktiviti pekerja. Sebaliknya Chandra berhujah sistem kesatuan dalaman ini melemahkan gerakan kesatuan sekerja kerana tanpa gabungan antara kesatuan sekerja dalam industri yang sama boleh menyebabkan kuasa kolektif mereka berkurangan. Majikan boleh mengambil kesempatan daripada gerakan kesatuan sekerja

yang lemah bagi menafikan hak-hak pekerja yang sepatutnya. Beliau seterusnya menjelaskan di Jepun wujud keadaan di mana para pekerja khususnya golongan wanita menerima layanan tidak adil seperti dibuang kerja akibat kelemahan kesatuan sekerja ini. Beliau seterusnya berpendapat jika amalan ini diamalkan di Malaysia maka para pekerja akan kehilangan kekuatan untuk memperjuangkan nasib mereka.[69]

Kesan pelaksanaan DPT turut ditinjau dari aspek sosio-budaya. Wendy A. Smith dalam tulisannya,"Japanese Culturai Images in Malaysia Implication of the Look East Policy"[70] memberikan pandangan yang menarik tentang matlamat dan kesan budaya yang timbul akibat dasar tersebut. Beliau mempersoalkan kejayaan dasar tersebut mencapai matlamatnya yang sebenar kerana apa yang sebenarnya berlaku ialah pertambahan aktiviti perniagaan dan sosial masyarakat Jepun di sini. Smith memberi contoh bertambahnya kelab golf, pasar raya, restoran, bar dan karaoke yang tumbuh dengan pesatnya di bandar seperti Kuala Lumpur untuk menampung keperluan masyarakat pedagang Jepun yang semakin ramai berkunjung ke sini. Budaya karaoke pula berkembang sehingga mempengaruhi masyarakat tempatan sehingga ada di antaranya sanggup berbelanja ribuan ringgit bagi membeli peralatan karaoke di rumah. Merujuk kepada perkembangan inilah, Smith melihat bagaimana matlamat sebenar DPT untuk meniru budaya kerja masyarakat Jepun telah tergelincir kerana ia lebih menjurus kepada penyebaran budaya popular. Kesan DPT lebih menjurus kepada bidang yang kurang penting dan bukannya kepada bidang seperti yang ditekankan dalam falsafahnya. Amat sukar bagi mengamalkan elemen pengurusan Jepun seperti sistem pusingan kerja, keputusan bersama, menekankan kepentingan kumpulan dan

---

[69] Chandra Muzaffar,"Overkill ?: In-House Unions For Malaysia", *The Sun Also Sets Lessons in Looking East* , Jomo (ed.) (Kuala Lumpur: INSAN, 1985) m.s. 346-349

[70] Wendy A. Smith, "Japanese Cultural Images in Malaysia Implication of the Look East Policy", dalam Jomo K.S. (ed.), *Japan and Malaysian Development in The Shadow of the Rising Sun* (London: Routledge, 1994), m.s. 342-349.

peningkatan produktiviti kerana wujudnya perbezaan besar antara Malaysia dengan Jepun dari segi budaya kerja, undang-undang buruh dan stratifikasi sosial masyarakat. Beliau seterusnya mengatakan adalah lebih mudah mencontohi aspek teknikal daripada melakukan perubahan psikologi dan budaya. Oleh yang demikian unsur yang dapat dicontohi hanyalah aspek luaran seperti memakai pakaian seragam, perjumpaan waktu pagi, slogan kempen dan menubuhkan kumpulan kawalan mutu. Dakwaan Smith ini ternyata kebenarannya kerana elemen beginilah yang banyak diamalkan oleh jabatan-jabatan kerajaan sebagai menyahut seruan DPT.

Satu lagi konsep pengurusan ekonomi ala Jepun yang mahu diketengahkan Dr. Mahathir ialah persyarikatan Malaysia. Konsep persyarikatan ini adalah berasaskan kerjasama erat yang terjalin di antara pihak kerajaan dengan swasta. Amalan ini ternyata berjaya diamalkan dengan berkesan di Jepun. Kerjasama dan sokongan yang diberikan kerajaan mendorong kejayaan pihak swasta menggerakkan perusahaan dan perniagaan mereka. Mahathir berhujah pihak kerajaan tidak sewajarnya mengambil langkah berkonfrantasi dengan swasta malahan perlu membantu mereka menjalankan perniagaan dengan lancar. Baginya jika pihak swasta mendapat keuntungan daripada aktivitinya. kerajaan juga beroleh faedah seperti dapat memungut cukai dan peluang pekerjaan yang diwujudkan.[71]

Kenyataan Mahathir mungkin benar namun pelaksanaan dasar ini turut menerima reaksi positif dan negatif. Pihak yang kurang yakin dengan konsep ini berhujah bahawa perbezaan asas yang wujud antara sektor awam dengan swasta di kedua-dua negara menjadi penghalang kepada kejayaannya. Lee Poh Ping yang menulis tentang kerelevanan *"Japan Incorporated"* yang mahu dicontohi Dr. Mahathir menggariskan beberapa amalan dan dasar

[71] Temubual dengan Tun Mahathir

ekonomi yang berbeza antara Jepun dengan Malaysia.[72] Beliau berpendapat tahap kerjasama dan saling meyakini antara sektor kerajaan dengan swasta di Jepun adalah tinggi. Dalam sektor bank misalnya, Bank Pusat tidak keberatan menjamin pinjaman bank perdagangan kepada syarikat. Jaminan Bank Pusat ini semestinya bukan mengikut asas perundangan namun ianya dibuat berdasarkan persefahaman tidak rasmi yang wujud di antara bank pusat dengan bank perdagangan. Amalan ini membolehkan syarikat-syarikat Jepun mendapatkan pembiayaan yang tinggi bagi menjalankan sesuatu projek. Hal ini lebih mudah berlaku jika kedua-dua firma adalah dari kumpulan yang sama.Misalnya pinjaman daripada Bank Mitsui kepada Mitsui Bussan (Sogoshosha Mitsui). Beliau bertanya bolehkah amalan seperti ini diamalkan di Malaysia. Jika boleh sekalipun ianya akan mengambil masa yang lama kerana keadaan yang lebih kompleks. Kerajaan (Bank Pusat) bukanlah sebuah agensi perniagaan dan sebahagian bank perdagangan pula turut dimiliki oleh entiti asing. Contoh yang diberikan ini memberi gambaran tentang kesukaran mempraktikkan amalan kerjasama erat sektor kerajaan dengan swasta seperti yang dijalankan Jepun di Malaysia.

Perbezaan juga wujud dalam beberapa aspek lain di antara Jepun dengan Malaysia. Di Jepun penduduknya sangat homogen dan tidak timbul masalah penguasaan ekonomi oleh mana-mana satu kaum yang tertentu atau oleh warga asing. Sebaliknya di Malaysia warga asing masih menguasai beberapa sektor ekonomi yang penting. Terdapat juga dikotomi dalam aktiviti pentadbiran awam dengan swasta. Pada umumnya sektor pentadbiran awam dimonopoli oleh bumiputera manakala sektor swasta dan perniagaan dikuasai oleh kaum Cina dan warga asing. Penguasaan dua bidang oleh kaum yang berbeza

---

[72] Lee Poh Ping, "Japan Incorporated and It's Relevance To Malaysia", *The Sun Also Sets Lessons in Looking East*, Jomo (ed.) (Kuala Lumpur: INSAN ,1985) m.s. 350-352.

latar belakang sosio budaya dan pendidikan ini boleh mengganggu kelancaran hubungan baik kedua-dua sektor. Di Jepun kakitangan awam dan swasta datang daripada latar belakang kaum dan sistem sosial yang sama. Malahan pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan pemimpin sektor swasta biasanya adalah daripada institusi pengajian tinggi yang sama. Graduan dari universiti Tokyo biasanya menduduki jawatan penting dalam sektor kerajaan dan swasta. Keadaan ini membolehkan perhubungan peribadi wujud di antara mereka (*gakubatsu*) dan memudahkan urusan rasmi yang dijalankan. Jika Malaysia benar-benar berhasrat mencontohi amalan persyarikatan seperti diamalkan di Jepun maka segala masalah dan kekurangan yang wujud perlu diatasi terlebih dahulu.

Kritikan terhadap DPT juga dikaitkan dengan sikap buruk yang terdapat pada sesetengah amalan dalam masyarakat Jepun. Masyarakat Jepun disifatkan terlalu mementingkan keuntungan material di mana mereka sanggup melakukan apa juga tindakan jika perkara tersebut boleh membawa keuntungan. Amalan ini merupakan satu budaya buruk dan sepatutnya tidak mempengaruhi masyarakat Malaysia. Suatu forum diberitahu Jepun tidak bersikap jujur dalam hubungannya dengan Asia.[73] Prof. Jomo Sundram dari

[73] Debat Perdana ke 12 yang diadakan di Universiti Malaya yang disertai oleh ahli-ahli akademik dan tokoh politik tanah air. Tema debat ini ialah "Dasar Pandang Ke Timur: Antara Slogan Politik dan Pertimbangan Rasional". Lihat *The Star*, 8 Oktober 1982.

Universiti Malaya mendakwa Jepun tidak ikhlas untuk memindahkan teknologinya. Mereka hanya memindahkan teknologi yang sudah ketinggalan zaman dan tidak diperlukan lagi. Mereka memindahkan masalah yang wujud di sana ke negara lain. Beliau memberi contoh tentang bagaimana Jepun membangunkan kilang di Cindering Mindanao Filipina. Penduduk tempatan terpaksa menerima akibat buruk daripada pencemaran yang berlaku. Kes yang sama berlaku di sini jika dirujuk pembinaan kilang Penfibre dan Penfabric di Kawasan Perusahaan Bebas Prai, Pulau Pinang yang menempatkan industri tekstil yang besar. Perusahaan ini didirikan dengan mengambil berbagai kemudahan dan insentif yang disediakan selain penawaran buruh murah tanpa menawarkan pemindahan teknologi yang berfaedah kepada negara ini. Keadaan ini mengundang kritikan seperti disuarakan Chua Wee Meng yang berkata :

> " in 1972, Japanese investment was relocated according to the Tanaka Plan. This plan encouraged rejected categories of industries to invest abroad and they were basically land,labour, pollution-intensive industries and these were industries with low skill, like textiles. While they were encouraged to go overseas, Japan encouraged the growth of the high technology industries at home". [74]

Kenyataan di atas merupakan gambaran sikap buruk Jepun yang sewajarnya memberi peringatan kepada masyarakat di negara lain. Jomo menjelaskan Malaysia tidak perlu memandang ke Barat atau Timur dalam merancang pembangunannya sebaliknya perlu melihat kepada nilai-nilai tempatan sebagai sumber rujukan.

---

[74] Lihat Chua Wee Meng, "the future of the Japanese Industrial Structure and Its Bearing on Japanese Trade and Investment in Southeast Asia" ,dalam *The Future Pattern of Japanese Economic and Political Relations with Southeast Asia* (Singapore: Institute of Southeast Asia Studies, Current Issues, Seminar Series No. 5), September 1975, m.s. 45.

Seorang lagi ahli panel, Haji Mustapha Ali yang mewakili parti PAS juga tidak bersetuju dengan DPT. Beliau berhujah sama ada Jepun atau Barat, kedua-duanya adalah pengamal dasar kapitalis yang hanya tamakkan keuntungan material. Mereka bukanlah contoh yang terbaik untuk diikuti. Hj. Mustapha mengesyorkan supaya Malaysia merujuk kepada nilai-nilai Islam yang disifatkannya cukup sempurna. Pandangan beliau mungkin bersesuaian dengan kedudukannya sebagai seorang tokoh parti pembangkang yang memperjuangkan politik Islam.

Usahawan bumiputera tempatan juga menegur sikap sebahagian daripada peniaga khususnya kontraktor Jepun di negara ini yang hanya mengambil rakan kongsi tempatan bagi memenuhi syarat yang dikenakan oleh pihak kerajaan bagi membolehkan mereka mendapat projek kerajaan. Setiausaha Agong Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia mendakwa kontraktor tempatan tidak diberikan peranan yang sewajarnya dalam menjayakan sesuatu projek. Apabila telah mendapat projek yang dikehendaki, mereka diketepikan.[75] Rungutan yang sama turut disuarakan Dewan Perdagangan dan Perindustrian Melayu tentang kesukaran mendapatkan kerja-kerja sub-kontrak dengan syarikat-syarikat Jepun. Dua buah pertubuhan lagi iaitu Persatuan Pemaju Perumahan dan Persatuan Ahli Binaan Malaysia (Master Builders Association Malaysia atau MBAM) juga melahirkan rasa tidak puas hati dengan sikap kerajaan yang menyerahkan banyak kontrak binaan kepada kontraktor Jepun dan Korea. MBAM mengangarkan sejumlah RM 4.6 billion nilai projek dikendalikan oleh kontraktor asing sejak 1981.[76] Dakwaan yang mengatakan ahli perniagaan Jepun lebih gemar menjalin hubungan perniagaan sesama mereka adalah

---

[75] Pathmanathan Kuppusamy, "Kerjasama Malaysia- Jepun DiTinjau Pada Dasar Pandang Ke Timur", Latihan Akademik Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaya 1985/1986, m.s. 67.

[76] Lihat Chang Yii Tan, "Condong Ke Timur: Masalah Perusahaan Pembinaan" dalam *Dasar-Dasar Ekonomi Mahathir*, Jomo (ed.), (Kuala Lumpur: INSAN, 1989) m.s. 39

berasas kerana orang luar begitu sukar untuk memecah masuk pasaran yang dikuasai mereka. Syarikat Jepun dan Korea yang beroperasi di sini lebih cenderung menjalankan urusniaga dengan anak syarikat yang ditubuhkan bagi memaksimumkan keuntungan yang diperolehi. Syarikat Hyundai misalnya yang membina jambatan Pulau Pinang mengimport hampir 30% daripada peralatan jentera dari tempat asalnya.[77]

Dalam pada itu, kajian yang dilakukan seorang ahli sains politik mendapati DPT merupakan suatu dasar yang ganjil kerana membantu meningkatkan perniagaan Jepun di negara ini tetapi matlamat sosialnya sukar dicapai. Johan Saravanamuthu yang pernah menggelarkan Dr. Mahathir sebagai "penentang tradisi" berkata,"dasar-dasar yang mungkin diidam-idamkan kerajaan seperti kebajikan syarikat, jaminan pekerjaan sepanjang usia, kemudahan syarikat seperti pencen, perubatan, persekolahan bagi kanak-kanak dan lain-lain tidak akan dilaksanakan syarikat Jepun di Malaysia".[78] Dakwaan beliau adalah berdasarkan kajian seperti yang dilakukan Wendy Smith yang menunjukkan amalan syarikat Jepun di negara ini yang kurang memberi perhatian kepada kebajikan pekerja malahan mengambil kesempatan terhadap penawaran buruh murah yang disediakan.[79]

Kritikan yang lebih keras terhadap DPT turut disuarakan Persatuan Pengguna Pulau Pinang melalui Martin Khor, pegawai penyelidiknya yang membangkitkan persoalan tentang keburukan yang kini menghantui masyarakat Jepun. Beliau mendakwa di sebalik kejayaan Jepun yang dikenali di seluruh dunia mereka juga diserang "penyakit perusahaan" yang serius. Kadar membunuh diri khususnya dalam kalangan remaja semakin meningkat, kekurangan perumahan dan kawasan rekreasi, tekanan melampau terhadap prestasi

---

[77] ibid.

[78] Lihat Johan Saravanamuthu, " Serangan Kedua? : Dasar Pandang Ke Timur dan Penyerapan Ekonomi Malaysia oleh Jepun" dalam *Dasar-Dasar Ekonomi Mahathir*, Jomo (ed.), (Kuala Lumpur: INSAN, 1989) m.s. 20-21.

[79] Wendy A. Smith, " Japanese Factory, Malaysian Workers" dalam *The Sun Also Sets: Lessons in Looking East*, m.s. 250-275.

penuntut sekolah dan masalah pencemaran alam sekitar. Beliau bertanya perlukah Malaysia menjadikan sebuah negara yang sedang berhadapan dengan masalah-masalah di atas sebagai model pembangunan.[80] Kegawatan sosial yang melanda masyarakat Jepun khususnya golongan remaja turut membimbangkan sesetengah golongan. Mereka melihat fenomena remaja Jepun kini semakin terpengaruh dengan cara hidup Barat yang mengamalkan pergaulan bebas, bersikap individualistik dan kehilangan jati diri. Hairun Mahfouz dan Zakaria Ahmad yang pernah mengunjungi Jepun mendakwa keruntuhan moral remaja Jepun ini mencacatkan usaha murni Malaysia untuk meniru budaya dan nilai hidup mereka yang positif.[81] Apabila persoalan ini diajukan kepada Dr. Mahathir beliau mengakuinya tetapi menjelaskan masalah sosial remaja Jepun meningkat kerana kecenderungan yang tinggi untuk mengikut cara hidup Barat dan mengenepikan nilai tradisi. Beliau seterusnya berkata, "Malaysia bukan hanya mahu belajar daripada kejayaan Jepun malahan mahu mempelajari kegagalannya". Maksud beliau Malaysia janganlah mengulangi kesilapan sama yang dilakukan Jepun.[82]

Sungguhpun beberapa pihak menyuarakan bantahan dan kritikan terhadap DPT namun terdapat pihak lain yang memberikan pandangan yang lebih seimbang terhadap dasar ini. Kalangan ini berpendapat tiada salahnya mencontohi etika kerja dan sistem pengurusan Jepun kerana sememangnya terdapat unsur-unsur positif di dalamnya. Etika kerja dan sistem pengurusan tidak dinafikan telah memberikan sumbangan bermakna kepada kemajuan yang dicapai Jepun. Walau bagaimanapun pada masa yang sama , mereka turut mengingatkan tentang masalah dan halangan yang dihadapi dalam melaksanakan

---

[80] Martin Khor, "Meniru Jepun" ? , *Seminar On The Japanese Experience Lessons For Malaysia*, 28-31 Mei 1983, Pulau Pinang.
[81] Temubual dengan Hairun Mahfouz dan Zakaria Ahmad.
[82] Temubual dengan Dr. Mahathir Mohamad, 29 Ogos, 2006

rancangan tersebut. Mencontohi bentuk budaya dan sistem yang diamalkan negara lain yang mempunyai pelbagai perbezaan dengan masyarakat Malaysia bukanlah suatu perkara yang mudah kerana terdapat perkara yang dapat dicontohi dan sebaliknya. Satu perkara yang sering diperkatakan ialah etika kerja dan sistem pengurusan Jepun lahir daripada warisan budaya tradisi mereka.[83] Seorang tokoh perniagaan Jepun, Akira Yokai yang bertugas sebagai Timbalan Pengurus Besar Toyota bagi rantau Asia-Oceania berkata kepada Dr. Mahathir,"anda boleh pindahkan budaya Jepun ke Malaysia tetapi sistem dan disiplin kerja Jepun punya kaitan rapat dengan budaya mereka. Saya berpandangan Malaysia perlu lakukan ubah suai sebelum melaksanakannya".[84] Tradisi mereka jauh berbeza dengan amalan masyarakat negara ini dalam aspek agama, sosial dan politik. Jadi kita tidak boleh mengharapkan peniruan tersebut berlaku secara "menyalinnya bulat-bulat". Proses mencontohi perlukan pengubahsuaian dan pembaikan. Satu perkara lagi ialah walaupun bertaraf negara maju, Jepun juga tidak dapat menghindarkan diri daripada dilanda berbagai masalah.

Kalangan yang menyokong pelaksanaan DPT tetapi turut mengkritik beberapa perkara berkaitan sebenarnya bimbang dengan suasana yang berlaku di Jepun. Johan Jaafar, ketua pengarang sebuah akhbar terkemuka bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri bahawa antara rahsia kejayaan Jepun ialah kerana memiliki rakyat yang bersikap rajin dan berdisiplin dalam pekerjaan. Selain itu mereka juga bersikap setiakawan, mementingkan

[83]Lihat A.F. Yassin, "Melihat Ke Timur: Perspektif Lain Dari Satu Kejayaan", *Dewan Masyarakat*, Julai 1982, m.s. 18-19. Terdapat juga sarjana yang kurang bersetuju dengan kenyataan seumpama ini. Bukan semua ciri pengurusan yang diamalkan di Jepun merupakan warisan tradisi. Wendy Smith yang mengkaji tentang pelaburan Jepun di Malaysia misalnya menyebut bahawa sistem kerja seumur hidup bukanlah merupakan warisan tradisi masyarakat Jepun. Sistem ini adalah akibat langsung dari sejarah perkembangan kapitalisme Jepun. Keresahan pekerja yang berlaku pada tahun-tahun 1920-an telah menyebabkan berlakunya kekurangan tenaga buruh. Keadaan ini menjejaskan perkembangan industri Jepun pada peringkat awalnya. Para majikan tidak mempunyai pilihan melainkan mewujudkan sistem bekerja seumur hidup bagi menjamin mereka akan terus mendapatkan bekalan tenaga buruh.

[84] Laporan *Asiaweek*, 17 September 1982.

kumpulan dan bersemangat kolektif. Walau bagaimanapun bagi Johan, bukan aspek yang baik sahaja perlu dilihat, tetapi perlu juga melihat yang disebaliknya. Beliau berhujah :

> "Jepun bukan semestinya negara yang berhujankan emas. Setelah sekian lama menikmati keunggulan dalam bidang ekonomi, Jepun kini menghadapi zaman yang tidak kurang sulitnya.Tekanan antarabangsa menjejaskan prestasi eksportnya. Matawang Yen berada di paras paling rendah sejak 1977. Kekecohan politik menyebabkan Perdana Menteri Zenko Suzuki terpaksa mengundurkan diri. Hubungan Jepun dengan jiran-jiran Asianya terutama China dan Korea menjadi runcing apabila Kementerian Pelajarannya menulis semula buku teks sejarahnya. [85]

Peringatan yang diberikan Johan menunjukkan Jepun juga bermasalah baik dalam soal politik, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Maknanya negara lain janganlah terlalu taksub dengan kejayaan mereka.

Satu lagi perkara menarik yang dikemukakan Johan ialah tentang perubahan persepsi dalam kalangan dua generasi Jepun terhadap pekerjaan dan kehidupan mereka. Generasi lama Jepun yang sering dikaitkan dengan kerajinan dan hanya mengutamakan kerja lahir dalam suasana yang sukar dan latar belakang yang amat nasionalistik. Mereka sanggup berkorban apa sahaja demi kerja dan syarikat. Golongan inilah yang mengepalai usaha birokrasi dan perusahaan memacu pertumbuhan pesat ekonomi Jepun selepas perang. Keadaan kini jauh berubah di mana generasi muda pada tahun 1980-an selain cuba menuruti jejak langkah bekerja kuat ibu bapanya mula berfikir untuk hidup secara mudah. Kepentingan peribadi mula diberikan perhatian. Mereka mengutamakan keluarga kemudian barulah syarikat. Soal individualisme dan kebebasan peribadi mula diperkatakan. Mereka mewakili generasi baru yang semakin terhakis dengan nilai-nilai tradisional yang dibanggakan selama ini. Johan memetik satu kajian yang dilakukan ke atas 500 orang

[85] Johan Jaafar, "Berhati-hati Meniru Jepun", *Dewan Masyarakat*, Disember 1982, m.s. 24.

pekerja muda di beberapa buah syarikat terkemuka pada tahun 1977. Penemuan kajian ini menunjukkan beberapa hal yang memeranjatkan. Apabila ditanya tentang rancangan mereka pada masa depan (tahun 2000) hanya 25% sahaja yang mahu bekerja makan gaji. 37% daripada mereka mula berfikir untuk bertukar kerja manakala hanya 1.4% yang mahu bekerja kuat untuk mendapatkan kenaikan pangkat. Keputusan lain menunjukkan hanya 4% berpendapat hidup ini untuk bekerja, 17% lagi mahu mengutamakan keluarga dan 29% mengambil sikap mudah. Perangkaan yang dikemukakan jelas menunjukkan masyarakat Jepun sebenarnya sedang berubah. Amalan generasi dahulu yang dibanggakan seperti keutamaan kepada kerja, majikan tunggal dan bekerja kuat kini mula terhakis. Generasi tahun 80-an kini mula memikirkan perkara-perkara lain yang sebelumnya tidak diberi perhatian dalam masyarakat.[86]

Pandangan yang disuarakan Johan senada dengan pendapat Dr. Sakamoto Morioshu, bekas professor kejuruteraan Tokyo Metropolitan University yang kini mengetuai kumpulan guru Jepun mengajar di Ambang Asuhan Jepun Universiti Malaya. Sebagai mewakili generasi lama, Sakamoto yang kini berusia 70 tahun bersetuju generasi muda Jepun kini bermasalah dan tidak sehebat generasinya. Mereka tidak pernah melalui zaman sukar dan mengalami penderitaan hidup. Nilai-nilai positif yang menjadi tunggak kekuatan generasi lama kini semakin terpinggir digantikan dengan nilai baru. Generasi kini hidup lebih mewah dan selesa dan semakin kurang mengamalkan nilai-nilai positif yang

[86] Johan Jaafar berada di Jepun melebihi sebulan bagi melihat daripada dekat perkembangan yang berlaku di negara industri terkenal itu. Selain mengamati perubahan budaya yang melanda generasi muda di negara tersebut, beliau juga melihat bagaimana Jepun sedang berhadapan dengan beberapa masalah lain. Gejala-gejala buruk sedang melanda mereka. Kadar bunuh diri, jenayah dan penggunaan dadah di kalangan remaja semakin meningkat.Mengikut laporan kertas putih polis yang dikeluarkan pada tahun 1979, sejumlah 136,801 orang remaja didakwa kerana kesalahan jenayah dan 58,375 dilaporkan lari meninggalkan rumah. The *Japan Times* pada 20 Oktober 1982 juga melaporkan bahawa kegiatan jenayah di Jepun telah meningkat 7.8 peratus daripada tahun sebelumnya. Ini merupakan kadar yang tertinggi bagi tempoh 32 tahun. Sebelumnya Jepun adalah terkenal sebagai Negara yang amat rendah kejadian jenayahnya di kalangan negara industri utama dunia. Johan Jaafar, "Berhati-hati Meniru Jepun", 24-25.

menjadi tunggak kekuatan masyarakat. Sakamoto mengingatkan supaya Malaysia bersikap berhati-hati dan mengambil pengajaran daripada pengalaman Jepun.[87] Pandangan beliau memperkukuhkan hujah Johan yang mengingatkan orang Malaysia tentang bahaya meniru secara membabi buta. Ini bermakna Jepun boleh dicontohi tetapi hanya dalam sesetengah perkara sahaja.

Peringatan agar Malaysia tidak hanya melihat kepada kejayaan tetapi juga kegagalan Jepun turut dinyatakan beberapa pihak yang lain. Jaafar Muhammad pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia memberitahu satu persidangan bahawa tujuan melihat kegagalan Jepun dalam sesetengah aspek adalah bagi menjadikannya satu pengajaran . Matlamat DPT akan tercapai jika seluruh anggota masyarakat memahaminya secara jelas.[88] Pensyarah sejarah , Prof. Zainal Abidin Wahid juga menyuarakan pandangan yang hampir sama. Beliau berpendapat Malaysia seharusnya mencontohi Jepun dengan memilih contoh yang baik dan sesuai dengan masyarakat negara ini. Etika kerja yang positif jika dapat dicontohi akan membantu negara ini mencapai kejayaan. Pihak berkenaan perlu menjalankan kajian bagi menentukan aspek yang baik untuk dicontohi. [89]

Sebenarnya jika diperhatikan beberapa kenyataan Dr. Mahathir, beliau sendiri bukanlah terlalu taksub untuk meniru Jepun. Beliau sedar bahawa bukanlah semua aspek etika kerja dan sistem pengurusan mereka yang sesuai untuk dicontohi. Hakikatnya Jepun dan Malaysia berbeza dari segi budaya, persekitaran dan matlamat. Jika hasrat untuk meniru hendak diteruskan maka pengubahsuaian perlu dilakukan. Dr. Mahathir berkata :

---

[87] Temubual dengan Dr. Sakamoto Morioshi, Ketua Pengajar Jepun di Ambang Asuhan Jepun Universiti Malaya pada 9 Mac 2006.

[88] Jaafar membentangkan kertas kerja di *Simposium Dasar Pandang Ke Timur* di Universiti Kebangsaan Malaysia . Tema simposium ini ialah "Character-The Pillar of The Development". *The New Straits Times,* 12 Februari 1983.

[89] *Asiaweek*, 19 Mac 1982, m.s. 26.

" While we cannot imitate the Japanese life long employment system, it is prudent for companies to adopt a responsible attitude towards their employees. More effort should be made to increase the employee's involvement with the company. Management must therefore strive not only for efficiency but also a sense of participation among the work force". [90]

Kenyataan di atas menjelaskan hakikat bahawa Dr. Mahathir mengakui terdapat ciri pengurusan seperti konsep kerja seumur hidup yang sukar dilaksanakan di sini namun begitu perlu ada pengubahsuaian terhadapnya. Pihak pengurusan perlu mengambil daya usaha bagi meningkatkan penglibatan dan rasa tanggungjawab pekerja terhadap syarikat. Penekanan tidak seharusnya hanya diberikan untuk meningkatkan produktiviti tetapi juga meningkatkan penyertaan pekerja dalam aktiviti syarikat. Dr. Mahathir juga ditanya tentang sistem Jepun yang tidak dapat dicontohi seperti kenaikan pangkat mengikut senioriti dan bukannya mengikut merit. Beliau menyatakan memang terdapat perkara-perkara yang sukar dicontohi kerana perbezaan asas dan kaedah. Walau bagaimanapun Malaysia perlu melihat kepada aspek positif dan negatif dan bagaimana ia dapat memberi faedah kepadanya. Seorang pekerja muda yang berpelajaran tinggi misalnya akan menghormati dan menuruti arahan ketuanya yang lebih senior walaupun berkelulusan lebih rendah. Perkara ini dianggap satu proses pembelajaran baginya. [91]

Di sebalik berbagai pandangan yang bersetuju atau sebaliknya dengan DPT, idea Dr. Mahathir harus dilihat secara positif. Pengkaji berpendapat, semua pihak tidak wajar mengkritik idea tersebut secara membuta tuli tetapi memberi pandangan secara membina

---

[90] *The New Straits Times*, 7 April 1982.
[91] *The New Straits Times*, 16 Julai 1982.

bagi memperbaiki kelemahan yang ada. Sebarang dasar baru yang diperkenalkan pemimpin memerlukan pemahaman dan sokongan rakyat untuk berjaya mencapai matlamatnya. Tidak dapat dinafikan setiap pihak yang bersetuju atau sebaliknya dengan kejayaan DPT mempunyai alasan yang tersendiri namun mereka perlu melihat perkara ini secara rasional dalam konteks negara Malaysia yang berbilang bangsa dan agama. Sememangnya wujud perbezaan sejarah dan budaya di antara Malaysia dengan Jepun namun perkara asas seperti komposisi kaum yang berbilang bangsa dan agama tidak sewajarnya dijadikan penghalang dalam melakukan sesuatu perubahan ke arah kebaikan negara.

Program Pendidikan dan Latihan di Bawah Dasar Pandang Ke Timur

Salah satu program penting yang dilaksanakan kerajaan untuk mencapai matlamat DPT ialah program pendidikan dan latihan. Ia melibatkan rancangan jangka pendek dan jangka panjang yang memberi tumpuan kepada pembangunan sumber manusia. Melalui program pendidikan dan latihan, pihak kerajaan mengharapkan dapat mencontohi kejayaan Jepun. Rancangan berkenaan dijalankan oleh pihak kerajaan dan swasta dengan kerjasama organisasi kerajaan dan swasta di Jepun. Tujuan utama program pendidikan dan latihan di Jepun ini selain mempelajari ilmu dan teknologi ialah bagi membolehkan para pelajar atau peserta mempelajari dan mengamalkan etika kerja mereka. Mereka diharap menerapkan sifat-sifat seperti rajin, berdisiplin, setia kepada organisasi dan negara, mementingkan kumpulan, mementingkan produktiviti dan mutu pengeluaran, meningkatkan keberkesanan dan merapatkan hubungan di antara para pekerja. Matlamat ini sukar dicapai melalui pembelajaran dalam kelas atau pembacaan. Ia memerlukan kesedaran yang diikuti dengan amalan yang berterusan. Jadi antara tujuan menghantar pelajar ke Jepun ialah bagi

membolehkan mereka melihat dan menghayati dari dekat budaya kerja yang diamalkan oleh masyarakatnya.

Bagi merancang dan melaksanakan program-program pendidikan dan latihan ini, kerajaan menubuhkan bahagian khas (Bahagian Dasar Pandang Ke Timur) di bawah Bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Bahagian ini bertanggungjawab membiayai, melaksana dan menyelaraskan semua program pendidikan dan latihan di bawah DPT. Bahagian ini bertanggungjawab kepada jawatankuasa DPT peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Program-program utama yang dijalankan oleh bahagian ini adalah seperti berikut : [92]

1. Pengajian akademik peringkat ijazah (termasuk latihan kepada bakal guru bahasa Jepun).
2. Pengajian teknikal peringkat diploma
3. Latihan teknikal dan industri
4. Latihan eksekutif
5. Latihan pengurusan perniagaan dan petempatan eksekutif di syarikat Jepun.
6. Program-program lain yang dijalankan dari masa kesemasa seperti program persahabatan dan lawatan sambil belajar.

Program pengajian akademik bertujuan mendapatkan ijazah daripada universiti di Jepun merupakan satu rancangan khas yang dirancang oleh Jabatan Perkhidmatan Awam(JPA) dengan pihak Universiti Malaya. Universiti Malaya dengan kerjasama kerajaan Jepun telah menubuhkan Ambang Asuhan Jepun (AAJ) sebagai pusat pengajian persediaan kepada

[92] Mohd. Ismail Yahaya, Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, *International Conference on Models of Development : The Role of Japanese Studies* 18-19 January 1995, Petaling Jaya.

penuntut-penuntut yang terpilih melanjutkan pengajian ke sana. Menurut Pengarah Pusat Asasi Sains yang merupakan pelopor penubuhan AAJ pada tahun 1983 Mohd. Said Kadis, Ambang Asuhan Jepun merupakan satu-satunya pusat pengajian persediaan di dunia yang diwujudkan bagi menyediakan pelajar melanjutkan pengajian ke Jepun. Kerajaan Jepun memberikan bantuan kewangan berjumlah RM4.3 juta bagi membina sebuah bangunan kuliah, bangunan pentadbiran dan perpustakaan untuk kegunaan AAJ selain menyediakan bantuan sokongan berupa guru, peralatan mengajar dan buku.[93] Baginya program menghantar pelajar ke Jepun penting kerana mereka dilatih bagi menceburi sektor swasta sebagai teknokrat dan profesional. Beliau bersama-sama Naib Canselor Universiti Malaya ketika itu Prof. Diraja Ungku Aziz terlibat secara langsung dalam merancang dan melaksanakan program pengajian di AAJ. [94]Antara masalah awal yang dihadapi semasa merancang kurikulum ialah penguasaan bahasa Jepun. Bagi mengatasinya Mohd. Said mendapatkan nasihat dan pandangan dari kedutaan Jepun. Pihak AAJ juga melantik Prof. Gondo Yoshio dari Universiti Fukuoka sebagai penasihat pertama program ini.

Berbanding program-program lain, pengajian peringkat ijazah adalah penting dalam konteks kejayaan DPT. Selaku pengarah Pusat Asasi Sains yang bertanggungjawab ke atas AAJ, Mohd. Said memikul cabaran besar pada peringkat permulaan operasi AAJ memandangkan timbulnya beberapa masalah. Pengajian di Jepun ketika itu belum popular seperti di Barat, pelajar yang terpilih mengikutinya masih ragu-ragu dan kurang yakin dengan potensinya. Timbul juga persoalan sama ada ijazah yang bakal diperolehi diiktiraf atau sebaliknya dan jaminan mendapat pekerjaan yang bersesuaian. Di sebalik berbagai

[93] Laporan *Berita Harian*, 3 Mac 1983.

[94] Temubual dengan Mohd. Said Kadis di Universiti Malaya pada 9 Mac 2006. Mohd. Said memiliki sarjana dalam bidang fizik dari Universiti Indiana, Amerika Syarikat dan merupakan pensyarah di Jabatan Fizik, Fakulti Sains Universiti Malaya. Beliau memegang jawatan Pengarah Pusat Asasi Sains Universiti Malaya dari 1981 hingga 1990 dan pada 1997-2002.

keraguan yang timbul kumpulan pertama pelajar AAJ bagi sesi 1983/84 seramai 20 orang lulus dalam peperiksaan memasuki universiti Jepun. Salah seorang daripada mereka Abdullah Daud berjaya memasuki universiti Tokyo yang berprestij itu. Mohd. Said menganggap kejayaan sulung ini amat penting bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap program berkenaan. Tempoh belajar di Jepun selama 4-5 tahun merupakan satu kesempatan kepada mereka untuk menerapkan budaya positif masyarakat Jepun supaya mereka dapat mengamalkannya apabila pulang ke Malaysia. Selepas menamatkan pengajian, mereka diharapkan menjadi teknokrat dan profesional. Kebolehan golongan ini menyesuaikan diri seterusnya belajar di negara Jepun menjadi kayu pengukur kepada kejayaan Dasar Pandang Ke Timur.

Program berikutnya yang dikendalikan JPA ialah program pengajian teknikal pada peringkat diploma. Pelajar yang dipilih mengikuti program ini merupakan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan juga mereka yang memiliki kelayakan vokasional dan teknikal. Bakal pelajar perlu mengikuti kursus persediaan bahasa Jepun dan subjek tertentu di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Mereka juga menjalani peperiksaan kemasukan yang dikendalikan oleh pihak Kementerian Pelajaran Jepun (*Monbusho*). Selepas lulus, mereka akan menyambung pengajian di National College of Technology (NCT) di Jepun dalam bidang kejuruteraan. Tempoh pengajian bagi peringkat diploma adalah selama 3 tahun. Pelajar-pelajar yang lulus dengan cemerlang akan ditawarkan untuk menyambung pengajian pada peringkat ijazah. Program ini berjalan dengan lancar. Sejak dimulakan pada tahun 1983 sehingga 1994 seramai 483 orang pelajar telah terpilih mengikutinya. Jumlah ini termasuk 78 orang pelajar yang dibiayai oleh PETRONAS yang mula menghantar

pelajarnya pada tahun 1990.[95] Program ini disifatkan begitu berjaya dari segi menyediakan peluang pekerjaan kepada pelajarnya khususnya dengan firma-firma Jepun di sini. Selain menguasai bahasa Jepun pelajar juga mempelajari bidang kemahiran teknikal yang diperlukan oleh sektor industri. Seorang bekas pelajar program ini ialah Muhamad Noor Abdullah yang belajar di Kolej Wakayama dalam bidang elektrik kuasa antara tahun 1992 hingga 1994. Menurut Muhamad Noor peluang mendapatkan pekerjaan terbuka luas sejak mereka masih belajar di tahun akhir lagi. Terdapat syarikat Jepun yang beroperasi di Malaysia mengadakan temuduga di tempat mereka belajar bagi mendapatkan pekerja. Keghairahan untuk bekerja menyebabkan beliau tidak sempat menyambung pengajiannya ke peringkat ijazah apabila menerima tawaran bekerja dengan syarikat JVC di Ipoh. Muhamad Noor walau bagaimanapun telah meninggalkan jawatannya beberapa tahun kemudian untuk menjalankan perniagaan sendiri. Beliau kini merupakan seorang kontraktor yang berjaya.[96]

Program khas juga disediakan bagi melatih guru-guru bahasa Jepun bagi mengajar bahasa tersebut di Malaysia. Mereka mengikuti kursus persediaan selama 6 bulan di Institut Teknologi Mara (ITM) sebelum menyertai Institut Pelajaran Antarabangsa Jepun. Selepas lulus daripada institut ini, mereka meneruskan pengajian selama 4 tahun dalam bidang bahasa Jepun. Sejak program ini dimulakan (1990-1994), seramai 67 orang guru telah mengikutinya. Kumpulan pertama seramai 10 orang lulus pada tahun 1995,(Lihat lampiran 1V). Mereka kini ditempatkan mengajar bahasa Jepun di Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia dan Institut Teknologi Mara. Salah seorang lulusan program ini ialah

---

[95] Mohd. Ismail Yahaya, Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Lihat juga Hashim Mohamed, Preparatory Education For The Technical Study Programme Of The Look East Policy: An Overview, *International Conference on Malaysia's Look East Policy: Challenges and Contribution* on 22-23 April 2002, Nikko Hotel, Kuala Lumpur.

[96] Temubual dengan Muhamad Noor Abdullah pada 12 Januari 2006.

Jaafar Jambi bekas guru dari Johor Baharu. Beliau belajar selama 5 tahun di Jepun, setahun di Pusat Pelajar Antarabangsa Jepun dan selama 4 tahun di Universiti Bunkyo dengan pengkhususan dalam bidang bahasa dan sastera Jepun. Jaafar kini mengajar bahasa Jepun di Ambang Asuhan Jepun Universiti Malaya.[97] Jaafar kelihatan komited dengan tugasnya mengajar bahasa Jepun kepada pelajar-pelajar Ambang Asuhan Jepun. Seawal jam 7.30 pagi beliau sampai di pejabat membuat persediaan bagi tugas mengajar yang biasanya bermula pada jam 9 pagi. Beliau sedar cabaran besar baginya ialah membantu pelajar menguasai bahasa Jepun dengan baik bagi membolehkan mereka diterima belajar di sana. Pengalamannya sendiri mempelajari bahasa Jepun menunjukkan bahasa tersebut tidaklah mudah untuk dikuasai dalam masa yang singkat apalagi dalam persekitaran tempatan.

Di Jepun, Jaafar terpaksa mendapatkan bantuan pelajar senior (*sempai*) bagi meningkatkan penguasaan bahasa Jepunnya. Masalah yang perlu dihadapi setiap pelajar ialah mengingati tidak kurang daripada 2000 lambang kanji sebagaimana disyaratkan oleh pihak berkuasa Jepun selain dapat membezakan sebutan dan bunyi setiap perkataan. Masalah ini kelihatan lebih ketara dalam kalangan masyarakat bukan lingkungan budaya Cina, Korea dan Jepun termasuk masyarakat Melayu. Berdepan dengan masalah seperti ini, Jaafar dan rakan setugasnya menggunakan berbagai pendekatan termasuk mengadakan kuiz setiap hari bertujuan menguji ingatan pelajar, tulisan dan bacaan. Setakat ini beliau berpuas hati dengan prestasi pelajarnya khusus dalam penguasaan bahasa Jepun.

Latihan teknikal dan industri dijalankan oleh JPA dengan kerjasama Japan International Cooperation Agency (JICA). Program ini melibatkan petempatan peserta di kalangan profesional, peringkat penyeliaan, jurulatih dan kakitangan khususnya dalam bidang teknikal di loji atau agensi yang berkaitan di Jepun. Mereka terdiri daripada

[97] Temubual dengan Encik Jaafar Jambi, di Pusat Asasi Sains Universiti Malaya pada 8 Mac 2006.

kakitangan perkhidmatan awam, badan-badan berkanun dan syarikat kerajaan. Dalam tempoh 1982-1994, sebanyak 14 kumpulan yang melibatkan 2508 peserta telah mengikuti program ini. Peserta-peserta program ini perlu menjalani kursus intensif bahasa Jepun selama 6 bulan di Institut Teknologi Mara. Semasa di Jepun mereka ditempatkan di institusi yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing bagi tempoh di antara 4 hingga 6 bulan. Keutamaan yang diberikan semasa program ini mula dilancarkan ialah bagi melatih tenaga mahir dan separuh mahir dalam sektor industri berat. Sebahagian besar peserta mewakili syarikat-syarikat yang mempelopori industri berat seperti HICOM, PROTON dan PERWAJA. Bidang-bidang latihan yang diikuti termasuk kejuruteraan mekanikal, elektrikal, kejuruteraan awam dan pembinaan, prosesan logam, kejuruteraan otomobil, industri berat dan lain-lain bidang. Dalam melaksanakan program ini, pihak kerajaan Malaysia mendapat kerjasama daripada JICA dan Association for Overseas Technical Scholarship (AOTS). Kedua-dua agensi ini bertindak sebagai badan yang melaksana dan menyelaraskan aktiviti yang dijalankan. Terdapat lebih daripada 100 syarikat di Jepun yang terlibat melaksanakan program ini.

Berdasarkan pemerhatian dan penilaian yang dibuat oleh JPA dan JICA program ini didapati berjaya mencapai matlamatnya. Sebahagian besar peserta mengakui mereka mendapat kemahiran yang diperlukan selain dapat menerapkan nilai etika kerja Jepun. Mereka dilihat lebih berdisiplin, berkesan, menepati masa, mementingkan kualiti, taat kepada organisasi serta mementingkan kerja berkumpulan. Sungguhpun pihak JPA dan kerajaan menganggap program ini berjaya mencapai matlamatnya namun ia juga terpaksa menghadapi beberapa masalah. Jumlah peserta program ini terpaksa dikurangkan apabila berlakunya kemelesetan ekonomi pada awal tahun 1990-an. Daripada hampir 200 orang peserta semasa peringkat awal pelaksanaannya, jumlah tersebut telah menurun kepada

hanya 107 orang pada tahun 1994. Kemelesetan ekonomi menyukarkan syarikat menerima dan melatih para peserta. Kos latihan juga semakin meningkat. Selain itu timbul juga masalah berkaitan dengan kesesuaian bidang latihan yang diberikan. Pihak yang menerima pelatih di Jepun enggan memberikan latihan dalam sesetengah bidang seperti *ceramics and wood based industry* dan juga *furniture making*. Pihak JPA telah mencadangkan supaya silibus untuk program latihan ini ditetapkan terlebih dahulu dan lebih banyak penyelarasan perlu dibuat oleh kedua-dua pihak.

Program pembangunan eksekutif dimulakan pada tahun 1982. Peserta-peserta program ini adalah kumpulan eksekutif peringkat atasan dan pertengahan daripada sektor awam dan badan-badan separuh kerajaan. Kursus ini dijalankan dengan kerjasama JICA. Sepanjang program selama 1-3 bulan, para peserta menghadiri kursus tertentu mengikut bidang pengkhususan di Jepun. Kursus yang dihadiri biasanya berkaitan dengan bidang pengurusan dan pentadbiran. Kursus ini dijalankan dalam bahasa Inggeris dan tiada keperluan kepada peserta untuk mahir berbahasa Jepun. Dalam tempoh 1982-1994 seramai 151 orang peserta telah berpeluang mengkuti program ini.

Satu lagi program latihan yang dilaksanakan di bawah DPT ialah Latihan Pengurusan Perniagaan dan Petempatan Pegawai di Syarikat-syarikat Jepun. Program ini hanya dimulakan pada tahun 1993 susulan kepada pengenalan konsep persyarikatan Malaysia yang bertujuan meningkatkan kerjasama sektor awam dengan swasta. Program yang berjalan selama 2 bulan ini bertujuan memberikan peluang kepada pegawai-pegawai awam untuk bertukar pengalaman dengan sektor swasta. Mereka juga diharapkan dapat melihat operasi dan kehendak sektor swasta dengan lebih jelas. Sekembalinya para peserta program ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan, mereka diharap lebih

sensitif dalam memenuhi kehendak sektor swasta mempertingkatkan aktiviti perniagaan masing-masing. Program ini meliputi perkara seperti berikut :

1. Orientasi dan pengenalan kepada teori pengurusan Jepun di INTAN - 1 minggu
2. Latihan amali di firma Jepun di Malaysia - 2 minggu
3. Latihan pengurusan di Nomura School of Advance Management Tokyo- 2 minggu
4. Petempatan di ibu pejabat firma Jepun - 2 minggu
5. Laporan akhir - 1 minggu

Pada tahun 1993, seramai 12 orang peserta mengikuti program ini manakala pada tahun berikutnya seramai 14 orang lagi mengikutinya. Bagi membolehkan program ini berjalan dengan lebih lancar, pihak JPA mengharapkan lebih banyak penyertaan dan komitmen daripada firma-firma Jepun .

Selain daripada program-program pendidikan dan latihan seperti dibincangkan di atas, kerajaan Jepun juga menganjurkan program khas yang dikenali sebagai "*The Freindship programme for the 21st century*" . Program ini dilancarkan oleh Perdana Menteri Nakasone semasa lawatannya ke negara-negara ASEAN pada bulan Mei 1983. Melalui program ini, para peserta dari negara-negara Asean dibawa melawat Jepun selama sebulan bagi membolehkan mereka mengenali kehidupan masyarakat Jepun secara lebih dekat. Semua perbelanjaan mengendalikan program ini dibiayai oleh kerajaan Jepun. JICA mengendalikan program ini bagi pihak kerajaan Jepun. Bagi peserta-peserta Malaysia, program ini bermula dengan orientasi di Kuala Lumpur. Sekumpulan peserta seramai 25 orang yang mewakili Kementerian Pelajaran Malaysia menyertai program ini mulai 13 Oktober-17 November 1987. Walaupun program ini memakan masa hanya sebulan tetapi ia berjalan secara intensif. Acara-acara yang disusun adalah ketat dan memerlukan

penglibatan para peserta. Peserta terlibat dalam seminar, lawatan, tinggal bersama keluarga angkat, membuat persembahan kebudayaan dan penilaian program.[98] Selain dapat melihat cara hidup masyarakat , mereka juga dapat menilai kebenaran kenyataan-kenyataan yang sering disuarakan oleh masyarakat luar terhadap masyarakat Jepun selama ini.

Para peserta mengakui bahawa Jepun telah mencapai satu kejayaan yang tinggi dalam bidang ekonomi dan perindustrian. Masyarakatnya memiliki budaya yang positif dan baik untuk dicontohi. Peserta menyebut beberapa contoh seperti masyarakat Jepun memberi perhatian yang tinggi kepada tempat-tempat bersejarah, mereka memeliharanya dengan baik untuk dijadikan warisan kebanggaan negara. Mereka menghormati tetamu dan memberikan buah tangan kepada pelawat asing. Sistem pendidikan Jepun mencapai tahap yang tinggi di mana 100% kanak-kanak memasuki sekolah rendah manakala 94% daripada mereka ke sekolah menengah. Persaingan bagi mendapatkan tempat belajar di institusi pengajian tinggi terkemuka amatlah sengit. Dari segi ekonomi pula, para peserta mendapati bahawa kemajuan ekonomi Jepun banyak bergantung kepada sikap mereka yang inovatif. Mereka cepat mempelajari dan mengubahsuai sesuatu perkara yang boleh dikomersilkan. Kerajaan mempunyai jalinan hubungan yang erat dengan pihak swasta dalam menjalankan sesuatu projek. Dalam aspek budaya dan sikap mereka begitu rajin dan berdedikasi semasa bekerja. Di kilang-kilang membuat kereta misalnya para pekerja bekerja dengan cepat dan

---

[98] Lihat laporan bertajuk "The Friendship programme for the 21st Century" – 13 Okt.-17 November 1987, Kumpulan Guru-guru Malaysia-Persahabatan Melalui Pendidikan, Jumali Hj. Sidek dan Dzulkifli Abd. Razak (penyunting), Disember 1987, m.s. 9-10. Sejurus tiba di Tokyo pada minggu pertama lawatan, para peserta menyertai seminar tentang berbagai aspek sejarah, ekonomi, kebudayaan dan bahasa Jepun. Pembentangan kertas kerja dibuat oleh pensyarah universiti Waseda. Pada minggu kedua para peserta dibawa melawat Kementerian Pelajaran (Mombusho), universiti Waseda, pusat kebudayaan Jepun, Pusat Sains dan Tokyo Metropolitan Institute for Educational. Minggu berikutnya para peserta dibawa ke Hiroshima untuk tinggal bersama keluarga angkat. Selama tinggal di Hiroshima mereka juga dibawa melawat beberapa buah institusi pendidikan dan muzium peringatan bom atom. Minggu seterusnya adalah acara lawatan ke bandaraya Tokyo, Kobe dan Himeji.Pada akhir lawatan para peserta dikehendaki membuat penilaian tentang keberkesanan perjalanan program serta memberikan cadangan-cadangan bagi memperbaikinya.

cekap seakan-akan robot yang sedang mencantumkan bahagian-bahagian kereta. Kerja mesti diselesaikan mengikut masa yang ditetapkan. Jadi mereka amat pentingkan ketepatan masa. Budaya positif masyarakat Jepun juga dijelmakan melalui sikap mementingkan masa dan menjaga kebersihan. Menjaga kebersihan menjadi keutamaan di semua tempat. Budaya dan aktiviti-aktiviti seni juga diberi perhatian oleh masyarakat. Mereka amat menghargai persembahan seni tradisi seperti drama, seni mempertahankan diri dan gubahan bunga dalam kalangan wanita. Secara umumnya bolehlah dikatakan bahawa masyarakat Jepun adalah sebuah masyarakat yang istimewa dan unik walaupun mereka juga tidak dapat mengelakkan diri daripada menghadapi berbagai masalah pada kurun ini.[99]

Seorang lagi peserta berpendapat Jepun ingin mempromosikan kebaikan masyarakatnya melalui program ini. Zakaria Ahmad seorang pegawai badan berkanun yang bertugas di Kedah percaya Jepun mahu rakyat Asia melupakan pengalaman buruk semasa peperangan Dunia Kedua dan menilai Jepun dengan persepsi baru. Jepun mahu dikenali sebagai masyarakat maju yang baik, bersopan dan menghargai keamanan. Zakaria berusia 35 tahun ketika mengunjungi Jepun bersama peserta lain seramai 25 orang pada bulan Mei 1999. Mereka ditempatkan di Osaka dan berpeluang tinggal bersama keluarga angkat di sebuah kawasan pertanian tanaman padi di Akita. Sepanjang pengamatannya, Zakaria mengakui masyarakat Jepun mengamalkan sikap positif seperti menepati masa, rajin dan penggunaan teknologi yang meluas dalam berbagai bidang. Petani Jepun menggunakan teknologi tinggi dalam tanaman padi dan buah-buahan seperti tembikai. Pengeluaran padinya adalah tinggi dan hasil penyelidikan mereka dapat menghasilkan beras bermutu tinggi yang kurang kandungan kanjinya. Masalahnya menurut Zakaria tidak semua amalan baik yang diamalkan di Jepun dapat dicontohi masyarakat negara ini. Para petani Malaysia

[99] Laporan " The Friendship programme for the 21st century 13 Okt.-17 November 1987", m.s. 15-20.

misalnya amat mengharapkan subsidi kerajaan dan bekerja sambil lewa kerana menganggap pertanian adalah bidang tradisi yang kurang menguntungkan. Berbanding di Jepun, petaninya mengusahakan setiap inci tanah kerana faktor saiz tanah yang terhad dan survival. Beliau berpendapat perlunya kesedaran untuk berubah dalam jangka masa panjang bagi mencapai kemajuan khususnya dalam bidang pertanian seperti dicapai oleh Jepun.[100]

Program Persahabatan Abad Ke-21 ini merupakan satu rancangan bagi mempromosikan Jepun kepada masyarakat Asean. Sebagaimana disebut oleh Yasuhiro Nakasone dalam lawatannya ke Kuala Lumpur pada 1983, ia bertujuan meningkatkan persahabatan , muhibah dan saling mengenali antara masyarakat Asean dengan Jepun. Bagaimanapun kerana program ini hanya mengambil masa yang singkat, matlamatnya sukar dicapai. Hasrat untuk menyelami hakikat sebenar keunikan budaya dan sikap masyarakat Jepun tentulah sukar dilakukan dalam tempoh hanya sebulan. Lagipun pihak JICA dan kerajaan Jepun yang membiayai program ini tentunya hanya akan menonjolkan aspek-aspek yang positif tentang negara mereka. Hal yang sedemikian akan menyebabkan para peserta gagal mendapatkan gambaran yang sebenarnya tentang apa yang berlaku di sana. Bagi memantapkan lagi program ini, jangkamasa sebulan seharusnya dipanjangkan kepada 3 bulan. Masa yang lebih panjang akan dapat mendedahkan para peserta kepada lebih banyak acara. Peserta juga sewajarnya diminta melakukan tugasan tertentu seperti memperincikan beberapa aspek yang positif dan negatif daripada pengamatan mereka terhadap masyarakat Jepun. Dengan berbuat demikian lebih banyak input dan pengajaran boleh diperolehi daripada program berkenaan.

Di sebalik dakwaan pihak penganjur seperti JPA dan JICA yang berpuashati dengan pencapaian peserta program anjuran mereka, terdapat juga pihak lain yang turut

[100] Temubual dengan Zakaria Ahmad, pegawai MADA pada 11 Mac 2006.

memberi perhatian kepada isu keadaan dan kualiti latihan yang diterima peserta Malaysia di Jepun. Stephen Leong, Pengarah Pusat Kajian Jepun di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia dalam satu kertas kerjanya,"Human Resources Development in Malaysia: The Japanese Contribution"[101] mengenalpasti beberapa masalah dan kelemahan dalam program latihan yang dijalankan di Jepun kepada peserta Malaysia. Antara masalah yang dinyatakannya ialah kegagalan menguasai bahasa Jepun dengan baik terutamanya bagi peserta kursus jangka pendek. Ketidakupayaan mengusai bahasa Jepun dengan baik menyebabkan peserta tidak dapat mengikuti latihan atau kursus dengan sempurna. Pelatih kursus jangka pendek juga berhadapan dengan masalah kesukaran mendapatkan pengetahuan atau kemahiran yang bersesuaian dan diperlukan semasa menjalani latihan. Perkara ini timbul kerana kandungan program yang disediakan terlalu tinggi atau terlalu rendah kepada kumpulan sasaran. Kandungan latihan seperti ini tidak memberi banyak faedah kepada peserta sekembalinya mereka ke tanah air. Sebilangan kecil peserta juga didapati menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan cara hidup di Jepun yang sedikit sebanyak mempengaruhi prestasi mereka sepanjang berada di sana. Pandangan Dr. Leong yang lebih merujuk kepada program jangka pendek sewajarnya menjadi panduan kepada pihak yang terlibat dalam penganjuran latihan atau kursus di Jepun.

[101] Stephen Leong, "Human Resources Development in Malaysia: The Japanese Contribution", Kertas Kerja *Persidangan Bersama Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun* (MAJECA) yang ke 17, 25-27 Julai 1994,Genting Highland. Pusat Kajian Jepun di ISIS Malaysia ditubuhkan pada 1991 bertujuan menjalankan kajian tertentu dalam hubungan berkaitan hubungan Malaysia-Jepun. Badan think thank kerajaan ini dibiayai oleh Japan Federation of Economic Organisation sebanyak 60% manakala bakinya 40% lagi oleh ISIS.


Pengajian Akademik Peringkat Ijazah di Jepun

Pengajian akademik peringkat ijazah di Jepun merupakan salah satu daripada program pendidikan di bawah DPT. Sebelum pengenalan DPT pada tahun 1982, terdapat juga pelajar-pelajar Malaysia yang melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah di Jepun dengan pembiayaan pihak tertentu tetapi pihak kerajaan tidak menyediakan program khas untuk tujuan tersebut. Pengajian di Jepun juga tidak menarik dan popular ketika itu kerana beberapa sebab.[102] Apabila DPT dilancarkan, kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam merancang dan melaksanakan program pengajian akademik yang lebih tersusun di institusi pengajian tinggi di Jepun. Tujuan utama menghantar pelajar melanjutkan pengajian tinggi ke Jepun adalah bagi membolehkan mereka mempelajari teknologi dan etika kerja masyarakat Jepun. Di samping itu program tersebut juga adalah bagi mengimbangi jumlah pelajar Malaysia yang belajar di negara-negara Barat seperti Britain dan Amerika Syarikat. Dalam konteks DPT, program pengajian akademik adalah penting kerana kejayaan program ini menjadi salah satu penanda kepada kejayaan dasar tersebut. Berbanding dengan program pendidikan dan latihan yang lain, program ini dirancang dan dilaksanakan secara lebih tersusun oleh JPA kerana ia melibatkan pengajian peringkat ijazah dan pelajar-pelajar yang cemerlang. Masyarakat ingin mengetahui sejauh mana kejayaan program ini khususnya dalam konteks penerapan etika kerja Jepun dalam kalangan pelajarnya.

---

[102]Lihat M. Rajendran, *Japanese Studies in Malaysia, Japanese Studies in South East Asia, Directory Series XI (*Tokyo: The Japan Foundation, 1987), m.s. 195. Sehingga tahun 1980-an tiada tumpuan serius diberikan kepada pengajian di Jepun. Tumpuan lebih diberikan kepada negara-negara Barat. Beberapa sebab dikenalpasti sebagai penyebabnya. Antaranya ialah tiada pengiktirafan bagi kebanyakan ijazah dari universiti di Jepun oleh pihak berkuasa negara ini. Selain itu tiadanya galakan dan insentif daripada kedua-dua kerajaan Malaysia dan Jepun. Pelajar-pelajar juga menghadapi masalah mendapatkan biasiswa. Walaupun pihak Kementerian Pelajaran Jepun *(Monbusho)* menawarkan biasiswa tetapi ianya adalah terhad. Sehingga tahun 1983, Monbusho hanya memberikan 127 biasiswa kepada pelajar ijazah pertama, 98 untuk penyelidikan lepas ijazah, 19 tempat untuk latihan dalam perkhidmatan kepada guru dan 4 kepada pengajian di kolej teknikal. Keadaan ini menjejaskan prospek pengajian di sana.

Program pengajian akademik peringkat ijazah di Jepun merupakan satu program tajaan kerajaaan kepada pelajar yang terpilih yang biasanya lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kelulusan mereka adalah setara dengan pelajar-pelajar yang terpilih melanjutkan pengajian ke negara lain seperti Britain, Amerika Syarikat, Australia atau New Zealand. Pelajar yang terpilih menyertai program ini perlu mengikuti pengajian persediaan di Ambang Asuhan Jepun (AAJ) Universiti Malaya selama 20 bulan. AAJ dirangka khusus bagi menyediakan pelajar dengan kemahiran berbahasa Jepun dan mempelajari beberapa subjek tertentu. Ia terletak di bawah pentadbiran Pusat Asasi Sains yang bertanggungjawab menyediakan pengajian matrikulasi dalam bidang sains. Struktur pentadbirannya adalah seperti berikut :[103]



[103] Pejabat Pengarah Pusat Asasi Sains Universiti Malaya.

Pada masa ini AAJ mempunyai seramai 40 orang guru dari Jepun, 5 orang guru tempatan dan 3 orang kakitangan pengurusan. Ketua guru Jepun yang bertugas kini ialah Dr. Sakamoto Morioshu. Pengajian di AAJ memberi penekanan kepada mempelajari bahasa Jepun selain pelajaran sains. Jadual berikut menunjukkan jadual pengajian pelajar dalam tempoh berkenaan. [104]

Jadual 4.1. : Jadual Pengajian Mingguan Ambang Asuhan Jepun

Mata Pelajaran	Tahun Pertama / Jam	Tahun Kedua / Jam
Bahasa Jepun	20	11
Matematik	6	7
Fizik	7	7
Kimia	8	7
Bahasa Inggeris	2	1
Pengajian Jepun	1	1
Jumlah	44	34

Sumber : Pejabat Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains Universiti Malaya

Walaupun penekanan diberi kepada bahasa Jepun namun ia masih merupakan satu pelajaran yang sukar dikuasai dalam masa yang singkat. Beberapa orang pelajar yang ditemui menyifatkan bahasa Jepun sebagai asing bagi mereka dan mempelajarinya memerlukan daya ingatan yang kuat. Mereka juga mendakwa berbanding bahasa Inggeris yang telah dipelajari selama bertahun-tahun, bahasa Jepun adalah sesuatu yang baru.

[104] *Buku Panduan Pusat Asasi Sains* Universiti Malaya.

Masalah timbul jika mereka gagal menguasai asas bahasa tersebut dengan baik pada tahun pertama kerana pada tahun ke dua mereka belajar pelajaran sains dan matematik menggunakan bahasa Jepun.

Pandangan pelajar ini dipersetujui Dr. Sakamoto yang mengakui terdapatnya cabaran bagi mempelajari bahasa Jepun khususnya di kalangan pelajar Melayu. Beliau berpendapat pada keseluruhannya prestasi pelajar AAJ masih pada tahap sederhana Menurutnya halangan utama ialah sikap pelajar yang cenderung bergaul sesama mereka dan tidak mempraktikkan penggunaan bahasa Jepun. Masalah ini berlarutan sehingga mereka melanjutkan pengajian di Jepun. Pergaulan dengan masyarakat tempatan belum begitu meluas kerana masalah rentas budaya. Bagi membantu mengatasi masalah ini, Sakamoto mencadangkan supaya program pengajian persediaan tahun kedua diadakan di Jepun bagi memberi peluang kepada pelajar mempelajari bahasa Jepun dalam persekitaran sebenar. Walau bagaimanapun cadangan ini belum dapat dilaksanakan kerana melibatkan implikasi dasar dan kewangan. [105]

Tumpuan pengajian di sini ialah kepada bidang sains seperti kejuruteraan, perubatan, farmasi dan pergigian dengan nisbah sains dengan sains sosial 75 : 25. Pada akhir pengajian, mereka menduduki peperiksaan yang dikendalikan oleh pihak *Monbusho* yang juga bertanggungjawab menempatkan mereka di Jepun. Ini bermakna mereka dikecualikan daripada mengambil peperiksaan kemasukan yang diwajibkan kepada semua pelajar asing. Keistimewaan ini turut dinikmati oleh pelajar yang mengikuti pengajian persediaan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). *Monbusho* juga menawarkan 10 biasiswa kepada pelajar-pelajar terbaik AAJ manakalan bakinya akan mendapat pembiayaan JPA. Di samping itu Majlis Amanah Rakyat (MARA) melalui institusi

[105] Temubual dengan Dr. Sakamoto Morioshu.

pendidikannya iaitu Kolej MARA turut menaja pelajar melanjutkan pengajian ke Jepun pada pada peringkat ijazah. Pelajar-pelajar tajaan Mara perlu mengikuti pengajian persediaan selama dua tahun di Kolej MARA Bangi sebelum meneruskan pengajian mereka di Jepun sepertimana yang dilalui pelajar Ambang Asuhan Jepun. Walau bagaimanapun disebabkan batasan kajian maka program tajaan MARA tidak dibincangkan di sini.

Kumpulan pertama penuntut AAJ seramai 20 orang memulakan pengajian pada tahun 1982. Program perintis ini menghadapi beberapa masalah. Para pelajar dan ibu bapa merasa tidak yakin dengan program baru pengajian di Jepun. Selepas 2 minggu kelas bahasa Jepun bermula, hampir separuh daripada pelajar telah meninggalkan kelas. Pihak universiti terpaksa menggantikan mereka dengan pelajar lain. Sepanjang pengajian di AAJ, para pelajar perlu sentiasa diberikan motivasi bagi meningkatkan keyakinan mereka. [106] Sehingga kini dalam tempoh 10 tahun (1984-1994) seramai 928 orang pelajar telah dihantar ke Jepun bagi mengikuti program berkenaan di mana 14 orang daripadanya adalah pelajar perubatan. Dalam tempoh tersebut juga seramai 424 orang lulus daripada universiti-universiti Jepun .[107] Senarai pelajar berkenaan adalah seperti di lampiran V.

Pihak JPA dan kerajaan berminat untuk memperbanyakkan lagi pengambilan pelajar bagi mengikuti program ini. Walau bagaimanapun rancangan tersebut berhadapan dengan beberapa masalah logistik. Pengambilan pelajar misalnya tertakluk kepada kemampuan AAJ untuk menerima pelajar bagi mengikuti pengajian persediaan. Masalah kekurangan guru bahasa Jepun juga terpaksa dihadapi oleh AAJ. Berikutan dengan itu,

---

[106] Mohd. Said Mohd. Kadis, "A Reflection of the Academic Program Under the Look East Policy 1982-2002", *International Conference on Malaysia's Look East Policy: Challenges and Contribution* on 22-23 April 2002, Nikko Hotel, Kuala Lumpur. Mohd. Said Mohd. Kadis adalah pengarah pertama Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya.

[107] Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

mulai tahun 1990 kerajaan menghantar guru untuk dilatih di Jepun sebagai guru bahasa. Masalah mendapatkan keyakinan daripada pelajar untuk melanjutkan pengajian di Jepun kini dapat diatasi setelah program ini berjalan lebih dari 2 dekad. Kejayaan yang dicapai oleh bekas-bekas pelajar AAJ apabila lulus daripada universiti di Jepun seterusnya mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka menjadi motivasi kepada pelajar yang lain. Bekas-bekas pelajar yang lulus dari Jepun ini didapati tidak mempunyai masalah besar mendapatkan pekerjaan dengan firma Jepun di Malaysia. Kajian Dr. Yoshio Gondo, Pengarah Pusat Pengajian Asia Pasifik, Universiti Kyushu pada tahun 1989 mengenai bekas pelajar Malaysia di Jepun menunjukkan mereka tidak menghadapi masalah mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan yang diperolehi. Daripada 215 orang responden didapati 80% bekerja dengan firma Jepun di mana 55% daripadanya dalam sektor elektronik.[108]

Pelaksanaan program latihan dan pendidikan di bawah DPT kini telah berjalan melampaui tempoh dua dekad. Program yang dijalankan mengambil tempoh masa dan matlamat yang berbeza. Program jangka pendek seperti latihan industri, petempatan eksekutif, latihan pengurusan perniagaan atau program muhibah lebih berbentuk pendedahan awal kepada budaya dan sistem pengurusan Jepun. Jangka masa program yang pendek (kurang dari 6 bulan) mengurangkan keberkesanan program ini. Jadi tumpuan lebih diberikan kepada program pengajian akademik peringkat ijazah dan diploma dalam konteks melihat keberkesanan DPT dalam bidang pendidikan. Program ini mengambil masa yang lebih lama di antara 3-4 tahun. Walaupun pada keseluruhannya jumlah pelajar yang dipilih mengikuti program ini adalah kecil berbanding dengan mereka yang belajar di negara lain

[108] Lihat Yoshio Gondo, Symposium 1: An Overview of Look East Policy, *International Conference on Malaysia's Look East Polic : Callenges and Contribution* on 22-23 April 2002, Nikko Hotel, Kuala Lumpur.

namun mereka tetap mendapat perhatian . Pelajar-pelajar yang tamat belajar di sana dan kini bekerja di Malaysia diperhatikan reputasi mereka. Sikap dan cara mereka bekerja dapat menjawab beberapa persoalan penting tentang DPT. Dalam aspek mendapatkan pekerjaan, mereka besar kemungkinan tidak menghadapi banyak masalah kerana boleh diterima oleh firma-firma Jepun atau tempatan. Persoalan yang lebih penting ialah kemampuan golongan ini mengamalkan etika kerja masyarakat Jepun dalam persekitaran yang berbeza di Malaysia. Perkara ini memerlukan pemerhatian dan kajian yang lebih mendalam.

Rumusan

Tidak syak lagi Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan Dr. Mahathir pada tahun 1982 merupakan percubaan berani bagi mengalih tumpuan negara daripada Barat ke negara Asia seperti Jepun dan Korea. Kejayaan yang dicapai Jepun dalam bidang ekonomi menarik perhatian Mahathir sehingga mengorak langkah mencontohi sistem pengurusan dan amalan budaya rakyat negara matahari terbit tersebut. Dasar ini mencetuskan pandangan pro dan kontra selain mengundang perbincangan meluas pelbagai kalangan. Pengkritik beranggapan dasar ini sukar mencapai matlamatnya kerana wujud banyak halangan untuk mencontohi budaya Jepun akibat terdapatnya perbezaan asas di antara kedua masyarakat. Golongan ini berpendapat rakyat Malaysia khususnya masyarakat Melayu telah sebati dengan budaya tradisi mereka dan memerlukan masa yang panjang untuk berubah. Selain itu pengkaji berpendapat, pihak kerajaan kurang memberi penekanan terhadap rancangan untuk menyebarkan budaya dan etika kerja Jepun di Malaysia melalui kaedah lain selain daripada program menghantar pelajar ke sana. Sewajarnya inisiatif yang lebih menyeluruh melibatkan lebih ramai anggota masyarakat dijalankan bagi meningkatkan amalan budaya kerja positif dalam kalangan rakyat Malaysia. Walau

bagaimanapun Mahathir yakin dengan keputusannya dan mengorak langkah menyusun program pengajian dan latihan di Jepun dalam rangka membangunkan sumber tenaga manusia yang diharap menyerap etika kerja Jepun. Golongan yang dilatih di Jepun umumnya mengakui faedah yang diperolehi hasil latihan di sana namun merasa sukar melakukan perubahan dalam organisasi tempatan kerana wujudnya berbagai-bagai halangan. Rancangan Mahathir adalah baik namun bagi saya ia bukanlah merupakan suatu dasar yang serba lengkap dan sempurna, ia memerlukan pemahaman dan penyertaan seluruh rakyat. Kajian lebih terperinci terhadap bekas pelajar yang mengikuti program pengajian akademik di sana dapat menjelaskan lagi persoalan pengaruh budaya Jepun terhadap kehidupan mereka sekembalinya ke Malaysia sepertimana dibuat dalam bab berikutnya. Perkara ini penting kerana ia melibatkan kejayaan atau kegagalan Dasar Pandang Ke Timur.

BAB LIMA : PENGAJIAN DI JEPUN DI BAWAH DASAR PANDANG KE TIMUR: PENGALAMAN PELAJAR MALAYSIA

Pengenalan:Latar Belakang Program Pengajian di Jepun

Ketika program menghantar pelajar melanjutkan pengajian di Jepun dimulakan pada awal 1980-an, sambutan yang diterima tidaklah begitu menggalakkan. Ibu bapa dan pelajar yang terpilih menerima latihan persediaan di Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya merasa ragu dan bimbang dengan kejayaan program tersebut yang merupakan projek baru Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Universiti Malaya yang dijalankan bagi memenuhi perancangan Dasar Pandang Ke Timur. Mengikut perancangannya, pelajar ditaja ke Jepun bagi mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan, perubatan,pergigian, farmasi dan sains sosial. Keutamaan pengajian diberi kepada bidang kejuruteraan memandangkan perkembangan pesat bidang ini selaras dengan kemajuan sektor perindustrian. Selari dengan matlamat Dasar Pandang Ke Timur, tujuan pelajar dihantar ke Jepun adalah bagi mencapai hasrat berikut :[1]

1. mencontohi dan menerapkan etika kerja dan nilai-nilai positif masyarakat Jepun
2. meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknologi
3. mempelajari sistem pengurusan dan organisasi Jepun bagi meningkatkan produktiviti negara.

Persoalan penting yang menarik perhatian berkaitan dengan program di atas ialah sejauh manakah para pelajar berkenaan dapat menghayati seterusnya mengamalkan budaya dan

[1] Unit Dasar Pandang Ke Timur, Bahagian Latihan, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Putra jaya.

etika kerja masyarakat Jepun sekembalinya mereka ke Malaysia. Isu penerapan budaya ini telah diperkatakan berbagai pihak yang membincangkan soal DPT sebelum ini. Pengkaji berpendapat, pengalaman pelajar Malaysia di Jepun adalah menarik diperhatikan dalam membuat penilaian terhadap kejayaan atau kegagalan DPT.

Sebelum program ini dijalankan, pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dihantar melanjutkan pengajian ke negara Barat seperti Britain dan Amerika Syarikat. Walaupun negara Barat dan Amerika mempunyai perbezaan budaya dengan Malaysia namun bagi kebanyakan pelajar, peluang menyambung pengajian ke sana merupakan satu kejayaan dan kebanggaan. Sebaliknya apabila ditawarkan ke Jepun bagi tujuan yang sama, mereka mempersoalkan pelbagai perkara seperti prospek pengajian, pengiktirafan kerajaan, cara hidup di sana selain peluang pekerjaan setelah tamat pengajian. Pihak Ambang Asuhan Jepun yang bertanggungjawab menyediakan kursus persediaan kepada pelajar yang terpilih menjangka masalah ini timbul memandangkan ia adalah satu perkara baru. Masalah perbezaan budaya seperti adat resam, bahasa dan cara pergaulan pasti tidak dapat dielakkan selain masalah sistem pengajian yang diamalkan pusat pengajian tinggi Jepun.

Pengarah Pusat Asasi Sains Universiti Malaya ketika itu, Mohd. Said Kadis yang bertanggungjawab mengendalikan program ini mengakui pihaknya terpaksa mengadakan program motivasi bagi meyakinkan pelajar yang terpilih ke Jepun supaya merasa yakin dengan program pengajian yang bakal mereka ikuti.[2] Semasa mengikuti pengajian peringkat persediaan, pelajar didedahkan dengan pengetahuan tentang sejarah dan budaya sebagai asas mempelajari latar belakang dan cara hidup masyarakat Jepun. Pelajar juga diyakinkan dengan program pengajian yang mereka ikuti memandangkan Jepun memiliki

[2] Temubual dengan Mohd. Said Kadis di Universiti Malaya pada 9 Mac 2006.

taraf pengetahuan dan teknologi yang setaraf dengan negara maju di Barat. Pelajar perlu menguasai bahasa Jepun dengan baik kerana ia adalah bahasa pengantar di universiti dan kolej di sana. Sekiranya masalah penguasaan bahasa dapat diatasi sudah pasti proses pembelajaran berjalan dengan lancar. Pelajar juga dianggap sebagai duta yang memainkan peranan memperkenalkan Malaysia kepada masyarakat Jepun. Mereka diharap dapat memainkan peranan memperkenalkan cara hidup masyarakat Malaysia yang tidak kurang uniknya kepada masyarakat Jepun memandangkan terdapatnya dakwaan yang mengatakan orang Jepun lebih mengenali Singapura dari negara ini.

Kebimbangan peringkat awal para pelajar tentang potensi mereka mendapatkan pekerjaan setelah tamat pengajian ternyata meleset kerana prospek pekerjaan pada tahun 1990-an adalah baik memandangkan terdapat banyak syarikat Jepun yang beroperasi di Malaysia dan bersedia menawarkan pekerjaan kepada graduan lepasan institusi pengajian tinggi Jepun. Semasa kemelesetan ekonomi pada pertengahan 1980-an terdapat pelajar yang tamat pengajian mengambil kesempatan bekerja di Jepun bagi mendapatkan pengalaman. Amalan syarikat-syarikat Jepun yang sedia menawarkan pekerjaan kepada lulusan universiti di sana memudahkan mereka mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian. Perkembangan pesat sektor perindustrian negara melibatkan bidang seperti pembinaan dan automotif membuka banyak peluang pekerjaan terutamanya sebagai jurutera dan teknokrat. Para lepasan institusi pengajian tinggi di Jepun memiliki kelebihan kerana mengusai bahasa dan memahami budaya kerja orang Jepun. Secara tidak langsung, syarikat-syarikat Jepun mendapat faedah daripada program pengajian di Jepun kerana membekalkan mereka dengan tenaga mahir dan profesional bagi sektor industri dan perniagaan. Graduan daripada golongan ini mampu menjadi perantara di antara anak syarikat di Malaysia dengan ibu pejabatnya di Jepun. Setelah bekerja timbul pula soal sama ada bekas pelajar di Jepun ini

mengamalkan budaya kerja Jepun dan menyebarkannya kepada orang lain. Perkara ini akan dibincangkan dalam bahagian berikutnya.

Penerapan Budaya Daripada Perspektif konseptual

Penerapan budaya daripada satu masyarakat kepada masyarakat yang lain perlu ditinjau daripada konteks yang luas kerana ia merupakan satu proses yang panjang, kompleks dan melibatkan banyak elemen. Bagi mengenalpasti sejauhmana terdapatnya kemungkinan sesuatu budaya itu dicontohi dan diamalkan masyarakat lain maka konsep dan ciri-ciri asas budaya perlu diperjelaskan. Ahli sosiologi antropologi menyifatkan budaya sebagai sesuatu yang kompleks melibatkan keseluruhan cara hidup manusia. Ahli sosiologi British yang terkenal, A.B. Taylor dalam karya klasiknya *Primitive Culture* (1871) memberikan takrif budaya sebagai suatu kompleks yang terkandung di dalamnya pengetahuan, kepercayaan, seni, moral,undang-undang, adat dan apa-apa juga kebolehan dan kebiasaan yang dimiliki oleh manusia sebagai anggota masyarakat.[3] Takrif yang diberikan Taylor hampir sama dengan definisi budaya Kamus Dewan yang mengatakannya sebagai keseluruhan cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat.[4] Budaya disifatkan sebagai kompleks lantaran terkandung di dalamnya pemikiran dan perlakuan manusia yang dapat mencetuskan berbagai kesan bukan hanya kepada masyarakat tersebut malahan kepada orang lain. Budaya turut dikaitkan dengan kehidupan berkelompok manusia malahan ahli antropologi budaya seperti Ruth Benedict

[3] Dipetik daripada Conrad Philip Kottak, *Cultural Antropology* (New York: Mc Graw Hill,2004) m.s.84.
[4] *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1998) m.s. 180.

menyatakan bahawa kebudayaan tidak terlepas daripada kehidupan berkelompok iaitu kebudayaan merupakan unsur pengorganisasian di antara individu dan membentuknya menjadi satu kelompok yang berkebudayaan.[5]

Seorang sarjana pengurusan mengaitkan budaya dengan sifat-sifat lumrah yang mempengaruhi manusia bertindak balas dengan alam sekitar. Hofstede mengatakan,"It is the cummulative deposit of knowledge, experience, meanings, beliefs, values, attitudes, religious, concept of self, the universe, time, rule of expectation and spatial relations acquired by large group of people in order to adopt to the environment".[6] Kebudayaan diamal dan dikongsi bersama anggota masyarakat menjadikannya suatu identiti bagi mereka. Terdapat juga kecenderungan sesetengah masyarakat yang beranggapan budaya mereka lebih tinggi daripada orang lain yang dikenali sebagai etnosentrisme. Keadaan ini mewujudkan perbezaan di antara satu kebudayaan dengan kebudayaan yang lain. Secara umumnya terdapat perbezaan yang nyata di antara kebudayaan Barat dengan Timur atau antara kebudayaan Islam dengan bukan Islam.[7] Amalan budaya di rantau yang sama juga saling memaparkan perbezaan yang melibatkan falsafah hidup, budaya kerja, adat resam dan fahaman agama. Budaya Jepun, Cina dan Korea misalnya mempunyai sedikit persamaan dalam aspek tertentu namun berbeza dengan budaya masyarakat Melayu di kepulauan Asia Tenggara.[8]

---

[5] Lihat Ruth Benedict, *The Sword and Chrysanthemum* (Tokyo: Charles E. Tuttle Co., 1978).

[6] Dipetik daripada Asma Abdullah (ed.), *Understanding the Malaysian Workforce-Guidelines for Managers* (Kuala Lumpur: Institute of Management, 1992) m.s. 3.

[7] Satu bacaan menarik berkaitan Barat den Timur ini terdapat dalam karya klasik Rene Guenon, *East and West* (London: Luzac & Co.Ltd., 1941).

[8] Negara-negara seperti Cina, Jepun dan Korea mempunyai sejarah hubungan sejak sekian lama. Hubungan yang terjalin di antara mereka membolehkan berlakunya penerapan budaya dalam kalangan masyarakatnya. Jepun misalnya menerima ajaran Konfucian dan meniru sistem tulisan Cina pada peringkat awal tamadunnya. Sehingga kini wujud kawasan yang dirujuk sebagai rantau pengaruh Konfucian meliputi sebahagian besar negara-negara Asia Timur lantaran masyarakatnya mengamalkan budaya yang hampir sama. Bagi sebahagian besar masyarakat Melayu di Nusantara pula, kebudayaan mereka lebih berasaskan kepada adat resam tradisional dan ajaran Islam. Bagi kedua-dua masyarakat tersebut terdapat jurang budaya yang luas di antara

Budaya terbahagi kepada kebendaan dan bukan kebendaan. Budaya kebendaan merupakan objek fizikal yang merupakan ciptaan manusia seperti peralatan teknologi, hasil kerja tangan, tulisan dan binaan bangunan. Budaya bukan kebendaan merupakan amalan sesebuah masyarakat berbentuk ilmu pengetahuan, falsafah, kepercayaan, sistem kekeluargaan, undang-undang, peraturan moral, adat resam. Aspek budaya bukan kebendaan ini lebih banyak dipengaruhi unsur-unsur kualiti pemikiran, agama dan persekitaran hidup sesebuah masyarakat. Kemajuan kedua-dua aspek kebudayaan amat berkait rapat. Pencapaian yang tinggi dalam bentuk pemikiran dan ilmu pengetahuan mampu mendorong kemajuan pesat dalam aspek budaya kebendaaan seperti penciptaan alat teknologi dan monumen seni yang bernilai tinggi. Hal seperti ini jelas berlaku kepada tamadun Islam dan Barat. Ketika Islam berada pada puncak kegemilangannya di Andalusia, berlaku perkembangan pesat dalam bidang pemikiran dan ilmu pengetahuan dengan lahirnya ramai sarjana dan cendekiawan. Golongan cerdik pandai ini telah merintis berbagai-bagai penemuan baru dalam bidang sains dan teknologi yang meletakkan umat Islam sebagai peneraju kemajuan ketika itu.[9] Perkara hampir sama berlaku kepada tamadun Barat yang memulakan zaman perindustrian setelah mereka keluar daripada kegelapan dan memasuki era pencerahan (enlightment). Perkembangan ilmu pengetahuan berteraskan sains setelah keruntuhan tamadun Islam berjaya membangunkan masyarakat Barat dalam bidang sains dan teknologi seterusnya mempengaruhi kemajuan mereka dalam bidang ekonomi dan ketenteraan.

---

mereka walaupun mereka tinggal di rantau geografi yang sama.Rujukan lanjut lihat Edward L Farmer et.al., *Comparative History of Civilizations in Asia* (New York: Addison Wesley Publishing Co., 1977) m.s. 659-713.

[9] Lihat Mahayudin Hj. Yahaya, *Islam di Sepanyol dan Sicily*(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1990). Tentang sumbangan Islam terhadap bidang sains dan teknologi, lihat Shaharir Mohamad Zain (penyunting), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Sains Dan Teknologi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994).

Selain dikelasifikasikan mengikut bentuknya, budaya turut dilihat dalam konteks tarafnya, budaya yang maju disifatkan sebagai budaya tinggi manakala budaya yang lebih mundur diberi taraf rendah. Budaya tinggi dicerminkan pencapaian yang cemerlang dalam kedua-dua aspek kebendaan dan bukan kebendaan selain mempunyai pengaruh yang besar terhadap budaya rendah di mana terdapatnya kemungkinan unsur-unsur budaya tinggi dipindahkan kepada budaya rendah melalui proses tertentu. Melalui penjajahan misalnya, budaya Barat seperti bahasa, sistem undang-undang dan sistem pendidikan disebarkan secara meluas di tanah jajahannya sehingga meninggalkan kesan yang mendalam kepada masyarakat tempatan.

Umumnya budaya sebagai produk pemikiran dan kerja tangan manusia mempunyai ciri-ciri berikut :[10]

1. Budaya tidak diwarisi tetapi dipelajari daripada satu generasi kepada generasi berikutnya. Proses penerusan budaya ini dikenali sebagai enkulturasi.
2. Budaya sesebuah masyarakat disesuaikan mengikut keadaan sekeliling dan kehendak masyarakat.
3. Sesuatu budaya boleh mempengaruhi atau dipindahkan kepada masyarakat lain melalui proses difusi dan akulturasi.
4. Budaya bersifat dinamik, sentiasa berkembang dan berubah mengikut perubahan zaman dan suasana.

[10] Kecuali dinyatakan secara khusus, perbincangan dalam perkara ini adalah merujuk kepada Conrad Philip Kottak, *Cultural Antropology* (New York: Mc Graw Hill,2004) dan Abdullah Taib, *Asas-asas antropologi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985).

Aspek-aspek kebudayaan dipelajari dan tidak diwarisi oleh seseorang. Setiap anggota masyarakat mempelajari kebudayaannya melalui agen-agen sosialisasi seperti ibu bapa, rakan dan anggota masyarakat. Ibu bapa misalnya memberi penekanan kepada amalan adat resam dalam kalangan anak mereka bagi memastikan penerusan proses berbudaya atau enkulturasi. Kegagalan meneruskan proses enkulturasi ini boleh mengakibatkan terhapusnya budaya tersebut. Budaya juga perlu disesuaikan dengan keadaan alam sekitar dan masyarakat melalui proses yang dikenali sebagai adaptasi. Masyarakat petani di Asia Tenggara misalnya mengusahakan tanaman padi berdasarkan keadaan tempat tinggal mereka. Golongan yang tinggal di kawasan tanah tinggi mengusahakan tanaman padi bukit manakala petani di kawasan tanah rendah mengusahakan tanaman padi sawah. Pengaruh alam sekitar dan aktiviti pertanian ini jelas kelihatan dalam masyarakat petani tradisional Jepun yang mengamalkan budaya dan sistem sosial yang tersendiri akibat daripada budaya tanaman padi yang diamalkan.[11] Dr. Mahathir dalam tulisannya yang pernah diharamkan oleh kerajaan, *The Malay Dilemma* turut mengupas bagaimana pengaruh aktiviti pertanian dan alam sekitar mempengaruhi budaya kerja masyarakat Melayu. [12]

Proses mempelajari budaya yang dikenali juga sebagai sosialisasi berlaku pada beberapa peringkat dan dipengaruhi faktor-faktor seperti keluarga dan persekitaran. Pada peringkat awal perkembangan kanak-kanak, faktor yang begitu mempengaruhi proses sosialisasi ialah keluarga yang terdiri daripada ibu bapa, sanak saudara dan saudara mara.[13] Berdasarkan keadaan inilah maka terdapatnya kecenderungan bagi kanak-kanak untuk mencontohi atau meniru perlakuan ibu bapanya. Peringkat berikutnya ialah zaman

---

[11] Tentang pengaruh pertanian padi terhadap budaya Jepun ini, huraian lanjut dalam Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005) m.s. 84-85.

[12] Lihat Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma* (Singapore: Times Books International,1970) m.s. 20-23.

[13] Asma Abdullah (ed.), *Understanding the Malaysian Workforce-Guidelines for Managers*, m.s. 7. Lihat juga Noran Fauziah Yaakub, *Pengantar Sosiologi* (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1987) m.s. 19-20.

persekolahan di mana kanak-kanak terdedah kepada pengaruh rakan sebaya, guru dan sekolah yang diikutinya. Sekolah mengikut kaum yang wujud di negara ini misalnya sejak zaman penjajah lagi telah memisahkan kanak-kanak berbilang bangsa daripada bercampur gaul yang mengakibatkan wujudnya polarisasi dan suasana saling tidak memahami di antara mereka. Setiap kanak-kanak yang terdiri daripada berlainan bangsa belajar dan bersosial hanya dalam kalangan mereka dengan mempelajari dan mengembangkan budaya masing-masing. Akibatnya sehingga dewasa, mereka kekal mengamalkan budaya masing-masing dan sukar menerima budaya bangsa lain.

Tahap berikutnya dalam proses sosialisasi ialah apabila seseorang itu mencapai peringkat matang. Pergaulan di peringkat lebih tinggi seperti di universiti, tempat kerja, hubungan sosial seperti perkahwinan mempengaruhi individu membentuk sikapnya sendiri. Memandangkan proses mempelajari dan menerapkan budaya melibatkan beberapa peringkat usia maka sebarang usaha melakukan perubahan budaya perlu mengambil kira perkara ini. Dalam hal yang demikian, sarjana pendidikan seperti Profesor Isahak Haron berpendapat sekolah merupakan institusi penting yang memainkan peranan menerapkan sesuatu ciri budaya kepada pelajar. Perkara ini dilakukan British ketika menjajah Tanah Melayu melalui sistem pendidikannya. Mereka menyebarkan unsur budaya Inggeris seperti bahasa, pakaian, makanan, muzik dan adat resamnya melalui sistem persekolahan. Akibatnya didapati sebilangan besar daripada mereka yang mendapat pendidikan Inggeris lebih selesa mengamalkan budaya Barat dalam kehidupan mereka.[14]

Peniruan atau peminjaman cara dan idea merupakan satu proses biasa dalam perkembangan budaya dan dikenali sebagai difusi. Idea atau perkara baru dalam sesebuah

[14] Temubual dengan Prof. Datuk Dr. Isahak Haron di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim pada 12 Mei 2005. Prof. Isahak merupakan bekas Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya dan kini bertugas sebagai profesor pendidikan di Fakulti Sains Kognitif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

masyarakat mungkin berasal dari tempat lain. Difusi memberi peluang kepada masyarakat mencuba sesuatu yang baru dan memperbaiki kesilapan yang dilakukan masyarakat terdahulu. Dengan amalan budaya yang baru, mereka mengharapkan hasil yang lebih baik. Antara contoh yang diberikan ahli sosiologi ialah bagaimana Jerman berjaya membaiki rancangan industrinya pada kurun ke-19 dengan mengatasi kelemahan Britain dan Belgium. Jepun melakukan hal yang sama dengan meniru idea perindustrian Barat sehingga kemudiannya berjaya mendahului Barat dalam sesetengah lapangan.[15]

Pendekatan yang sama boleh juga dikaitkan dengan idea Dr. Mahathir yang mahu mencontohi budaya kerja dan teknologi Jepun bagi membangunkan Malaysia. Beliau berhujah budaya bukanlah milik eksklusif sesuatu bangsa tetapi dapat dipelajari dan dipindahkan. Bangsa yang ingin maju perlu sanggup mempelajari budaya masyarakat lain yang telah maju.[16] Pandangan Mahathir berasas dalam perkara ini namun ahli sosiologi berpendapat difusi tidak berlaku dengan sewenang-wenangnya kerana bukan semua ciri budaya boleh dipinjam dengan mudah; ia merupakan satu pilihan. Sebelum sesebuah masyarakat menerima ciri kebudayaan asing, mereka terpaksa menyesuaikannya dengan keperluan tertentu dalam tradisi kebudayaannya. Masyarakat Melayu misalnya walaupun dijajah British selama ratusan tahun namun hanya menerima sebahagian aspek tertentu budaya mereka tetapi menolak sebahagian lagi kerana tidak sesuai dengan adat resam dan agama yang dianuti.[17] Demikian juga dengan masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka yang telah menerima dan mengamalkan budaya Melayu namun kebanyakannya masih berpegang kepada ajaran agama yang asal.

---

[15] Abdullah Taib, A*sas-asas antropologi*, m.s. 236.
[16] Temubual dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad.
[17] Abdullah Taib, A*sas-asas antropologi.*

Proses pemindahan budaya yang berikutnya berlaku melalui proses yang dikenali sebagai akulturasi yang merupakan proses peminjaman unsur kebudayaan daripada budaya yang lebih berpengaruh. Berbanding dengan difusi, akulturasi berlaku kerana dorongan atau tekanan seperti peperangan atau penjajahan. Pihak penjajah biasanya cenderung untuk menyebarkan budaya mereka kepada bangsa yang dijajah. British semasa era kegemilangannya berusaha bersungguh-sungguh menyebarkan bahasa, agama Kristian dan sistem perundangan di tanah jajahannya di seluruh dunia. Sungguh pun begitu seperti difusi, akulturasi juga merupakan proses terpilih dan berlaku dalam jangka masa panjang. Pemerintahan Jepun di Tanah Melayu yang berjalan dalam masa yang singkat gagal mencapai matlamat untuk menyebarkan budayanya kepada masyarakat tempatan walaupun terdapat paksaan dan tekanan daripada pemerintah ketika itu kerana tempoh pemerintahan yang singkat selain terdapatnya unsur-unsur budaya Jepun yang jauh berbeza dengan adat resam dan agama masyarakat tempatan.

Satu perkara yang tidak dapat dinafikan berlaku ketika membincangkan proses pemindahan budaya melalui difusi dan akulturasi ialah budaya berbentuk kebendaan lebih mudah ditiru atau dipindahkan berbanding budaya bukan kebendaan. Walaupun pemindahan kedua-dua aspek budaya ini saling berkaitan namun budaya kebendaan seperti teknologi, sistem binaan atau seni rupa lebih bersifat fizikal dan memenuhi kehendak kehidupan seharian. Budaya bukan kebendaan sebaliknya bersifat kompleks kerana ia meliputi pemikiran, falsafah, ideologi, agama dan adat resam. Memindahkan atau meniru aspek sebegini biasanya menghadapi banyak masalah dan rintangan. Ketika Barat menjajah Asia misalnya, masyarakat tempatan menerima secara lebih selesa ciri budaya kebendaan dari Barat seperti teknologi pengangkutan, makanan, alat hiburan seperti radio berbanding dengan aspek bukan kebendaan seperti falsafah hidup dan agama. Setelah negara mencapai

kemerdekaan sekalipun, kecenderungan masyarakat masih sama, misalnya kumpulan petani dan peladang di negara ini lebih senang menggunakan teknologi dan alat pertanian dari Jepun atau Taiwan tetapi mereka sukar mengikuti budaya kerja masyarakat negara berkenaan. Sikap petani yang lambat menerima perubahan dan gagal mengubah budaya kerja ini merupakan salah satu sebab produktiviti sektor pertanian di negara ini masih rendah berbanding negara seperti Jepun, Taiwan atau Korea. Jepun dalam usaha pemodenannya mengambil langkah yang tepat apabila hanya meniru Barat dalam aspek teknologi tetapi mengekalkan etika dan budaya masyarakatnya (*wahkon yohsei*) kerana menyedari keunikan mereka. Dalam hal yang sama, Dr. Mahathir sebaliknya mahu meniru kedua-dua aspek sekaligus, perkara yang menjadi isu seperti dibincangkan.

Perubahan dan pemindahan budaya walaupun merupakan satu proses jangka panjang namun ia turut dipengaruhi berbagai halangan. Halangan ini berupaya melambatkan proses pemindahan tersebut atau menggagalkannya. Ahli sosiologi memberikan beberapa faktor yang merupakan halangan kepada perubahan atau pemindahan budaya.[18]

1. Kebiasaan atau adat resam masyarakat yang menjadikan mereka selesa dengan perlakuan yang menjadi amalan harian.
2. Masyarakat takutkan perpecahan akibat pengenalan tret baru budaya yang mungkin merosakkan keseimbangan.
3. Tradisionalisme, masyarakat bukan sahaja lebih kenal dengan cara biasa tetapi mengagongkannya kerana hubungan mereka dengan masa lalu.

[18] Lihat misalnya pandangan Joseph S. Roucek & Roland L. Warren, *Sosiologi Suatu Pengenalan*, Mohammad Haji Yusuf (penterjemah) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979) m.s. 198-200.

4. Kepentingan tertentu seperti fahaman feudal di mana terdapatnya golongan yang berada di hieraki atas merasa terancam dengan perubahan yang berlaku.

Dalam mana-mana masyarakat, perubahan yang bakal dibuat terpaksa menghadapi rintangan seperti disebut di atas. Dalam konteks masyarakat Melayu, isu berkaitan perubahan budaya mula dibincangkan sejak negara belum mencapai kemerdekaan lagi. Sejak awal kurun ke-20 muncul golongan reformis yang mendapat pendidikan Inggeris dan Arab yang memulakan usaha meniupkan kesedaran kepada masyarakat Melayu agar berubah terutamanya dalam bidang ekonomi dan sosial yang kemudiannya diikuti dalam lapangan politik.[19] Golongan ini sedar sesetengah aspek dalam adat resam dan nilai tradisional Melayu terdapatnya unsur negatif yang menghalang kemajuan bangsa. Sikap seperti malas, membuang masa, tidak mementingkan pelajaran dan bersuku-suku merupakan amalan yang bersifat negatif dan perlu diubah. Pemikir dan pengkritik seperti Za'ba dan Aminudin Baki banyak menulis perkara seperti ini.[20] Sungguhpun begitu disebabkan proses perubahan budaya sentiasa berhadapan dengan halangan seperti yang diperkatakan, perkara tersebut berlarutan sehinggalah ditimbulkan semula oleh Dr. Mahathir melalui karyanya, *The Malay Dilemma*.

Apabila kerajaan melancarkan dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 untuk mengatasi masalah sosio-ekonomi masyarakat bumiputera, isu perubahan budaya terus mendapat perhatian lantaran bumiputera didakwa masih tidak berubah daripada budaya

[19] Gerakan golongan reformis ini antaranya dibincangkan oleh Radin Soenarno, "Malay Nationalism, 1896-1941", *Journal Southeast Asian Studies*, March 1960, m.s. 1-28.

[20] Pendeta Za'ba misalnya telah menulis dengan pandangan amat tajam tentang masalah dan punca kemiskinan masyarakat Melayu pada awal abad ke-20. Beliau menulis dalam akhbar seperti *Malay Mail* dan *Al Ikhwan*. Perjuangan Za'ba melalui mata penanya bertujuan tidak lain tidak bukan selain membangkitkan kesedaran masyarakat Melayu supaya berubah dan mengejar kemajuan. Petikan tulisannya terdapat dalam Abdullah Hussain dan Khalid M. Hussain, *Pendeta Za'ba dalam Kenangan*(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000) m.s. 209-223.

lama yang menyebabkan mereka terus ketinggalan.[21] Budaya merasa selesa dengan keadaan semasa yang diwarisi daripada kehidupan tradisi pada zaman agraria masih membelenggu masyarakat bumiputera. Keadaan ini bukan hanya melibatkan rakyat biasa malahan golongan atasan yang masih berfahaman feudal yang sukar menerima perubahan. Mereka bimbang perubahan yang berlaku mengancam kedudukan dan keistimewaan yang sedia dinikmati. Perubahan dalam struktur atau fungsi organisasi mungkin turut mengubah status-quo dan kedudukan mereka. Dalam aspek pengurusan contohnya, amalan Jepun yang mengadakan sistem pengurusan terbuka tanpa ruangan khusus kepada pengurusan atasan mungkin sukar diterina mereka yang sudah biasa dilayan secara eksklusif sebagai pemimpin organisasi.

Dalam konteks penghantaran pelajar ke Jepun di bawah DPT, soal penerapan budaya atau etika kerja Jepun perlu diberi perhatian serius. Dalam aspek akademik, masalah serius tidak timbul kerana pelajar-pelajar yang terpilih mengikuti program pengajian di Jepun terdiri daripada mereka yang mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan berkaitan tambahan pula mereka melalui program pengajian persediaan selama dua tahun di Ambang Asuhan Jepun. Pencapaian akademik pelajar dapat diukur melalui peperiksaan tetapi soal penerapan budaya Jepun merupakan perkara subjektif dan tidak dapat diukur melalui peperiksaan. Penilaian terhadap perkara ini hanya dapat dilakukan dengan melihat sikap dan budaya kerja mereka setelah tamat belajar. Dalam konteks ini, terdapat pendapat yang menyokong idea Dr. Mahathir yang berhujah budaya Jepun boleh dipelajari dan dicontohi seterusnya diamalkan rakyat negara ini. Beliau memperkuatkan

[21] Mahathir dalam hujahnya berkata masyarakat bumiputera enggan berusaha sendiri bagi memajukan perniagaaan berikutan dengan banyak peluang yang disediakan kerajaan tetapi mereka lebih senamg mengambil jalan singkat dan mudah dengan menjual projek kepada pihak lain atau menjadi "Ali-Baba". Temubual dengan Tun Mahathir pada 29 Ogos 2006.

hujahnya dengan mengatakan Jepun sendiri berjaya meniru budaya Cina dan kemudiannya Barat sebelum mencapai kemajuan seperti hari ini.[22] Sebaliknya terdapat pandangan yang menentang idea ini daripada pengkritik dasar berkenaan sejak ianya mula dilancarkan lagi. Pengkritik-pengkritik idea Dr. Mahathir tidak yakin matlamat mencontohi dan menyebarkan budaya Jepun dapat dicapai dengan mudah memandangkan proses perubahan budaya merupakan satu proses yang panjang dan dipengaruhi banyak faktor dalaman dan luaran. Kedua-dua pihak mempunyai hujah bagi menyokong kenyataan masing-masing tetapi pada akhirnya pandangan yang tepat hanya boleh dilihat dengan meneliti kesan sebenar yang dialami para pelajar program pengajian di Jepun.

Kajian Terhadap Bekas Pelajar di Jepun di Bawah Program Dasar Pandang Ke Timur

Kini setelah dua dekad program menghantar pelajar melanjutkan pengajian di Jepun berjalan, keberkesanannya mula dirasakan. Kebanyakan pelajar yang lulus daripada pengajian dan pulang bekerja di tanah air menyifatkan pengalaman mereka belajar di Jepun selama empat hingga lima tahun adalah menarik walaupun dipenuhi masalah dan cabaran. Bekas pelajar mengakui, Jepun walaupun merupakan negara Asia namun memiliki keunikan kerana sifat eksklusif budaya dan cara hidup masyarakatnya. Bagi para pelajar, budaya Jepun jauh berbeza dengan amalan masyarakat Melayu walaupun tidak dapat dinafikan terdapat persamaan dalam aspek tertentu. Sikap positif seperti rajin, menepati masa dan menjaga kebersihan yang diamalkan masyarakat Jepun adalah selari dengan ajaran Islam yang menuntut umatnya mengamalkan perkara yang sama. Pelajar tidak menghadapi sebarang konflik nilai berhadapan dengan amalan sepertinya. Sungguhpun

[22] Temubual dengan Tun Mahathir pada 29 Ogos 2006.

begitu terdapat bekas pelajar yang mempunyai pandangan berbeza berkaitan keunikan budaya Jepun ini. Azrina Hussin yang menghabiskan hampir sepuluh tahun di Jepun tidak merasa sangat keunikan budaya Jepun lantaran wujudnya persamaan dengan budaya Melayu. Beliau berpendapat keunikan budaya Jepun seperti yang sering diperkatakan adalah berasaskan perspektif Barat yang sememangnya mempunyai perbezaan budaya yang ketara dengan Timur.[23] Namun begitu dalam aspek tertentu, beliau bersetuju amalan masyarakat Jepun adalah jauh bertentangan dengan ajaran Islam dan budaya Melayu. Mereka memegang falsafah sekular yang hanya mementingkan kehidupan dunia, jadi tidaklah menghairankan jika mereka sanggup bekerja seharian dan mencari hiburan di luar pada malam hari. Orang Jepun juga sanggup melakukan perbuatan seperti membunuh diri kerana mengambil tanggungjawab di atas kegagalannya melakukan sesuatu tugas yang penting kerana perbuatan ini dianggap mulia di sisi agama Shinto. Berhadapan dengan situasi seperti ini, pelajar perlu pandai menyesuaikan diri kerana terdapat budaya yang harus dicontohi dan dijauhi. Jika mereka gagal memilih yang baik dan meniru semuanya maka hasrat menghantar mereka ke sana untuk mempelajari etika kerja yang positif pasti gagal.

Cabaran utama pelajar Malaysia yang kembali dari Jepun ialah sejauh mana kemampuan mereka mengamalkan budaya kerja Jepun dalam suasana yang berbeza di negara ini. Jika di Jepun sikap seperti rajin, bersungguh-sungguh dan menepati masa telah menjadi amalan biasa tetapi di negara ini perkara tersebut belum diberi perhatian sewajarnya. Salah seorang bekas pelajar di Jepun, Jaafar Jambi menyatakan soal meniru etika kerja tidak timbul jika seseorang bekerja di syarikat Jepun kerana sikap sedemikian

[23] Azrina Hussin mendapat Ijazah Doktor Falsafah dari universiti Tohuku Jepun pada 1999. Beliau kini merupakan pensyarah sosiologi di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Temubual dengan Dr. Azrina Hussin di USM pada 8 Februari 2007.

telah menjadi budaya mereka. Masalah dan cabaran timbul jika bekerja di syarikat lain atau sektor awam kerana budaya yang diamalkan adalah berbeza. Pekerja yang terdiri daripada bekas pelajar di Jepun pasti menghadapi masalah untuk melakukan perubahan kerana bilangan mereka yang kecil yang sukar mempengaruhi pekerja lain yang ramai. Perubahan budaya kerja pula dipengaruhi oleh berbagai faktor dan memerlukan masa yang panjang. Bagaimanapun mereka perlu bersikap positif dan optimis, walaupun sukar melakukan perubahan namun mereka perlu memulakannya serta menunjukkan teladan yang baik. Pandangan ini disuarakan Tan Sri Khatib Abdul Hamid yang merupakan bekas duta Malaysia ke Jepun selama sepuluh tahun (1989-1999).[24] Bekas Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad yang mengilhamkan dasar ini juga memberikan pandangan hampir sama. Beliau berkata, "masyarakat bumiputera perlu mengubah budaya kerja supaya menjadi lebih produktif dan berkesan bagi menyaingi masyarakat lain yang maju. Perubahan mesti dilakukan dengan meniru bangsa yang maju seperti Jepun. Jika kita tidak berubah, maka sukar untuk Malaysia mencapai kemajuan".[25] Harapan tinggi diletakkan kepada bekas pelajar di Jepun agar mereka mampu mencetuskan perubahan bagi memulakan satu budaya kerja yang baru di negara ini. Mereka diharap menunjukkan contoh terbaik daripada pengalaman di Jepun supaya matlamat pengajian mereka di sana tercapai. Perubahan budaya kerja golongan ini menentukan kejayaan atau kegagalan program pengajian di Jepun yang menjadi pakej penting Dasar Pandang Ke Timur.

Bagi mendapat gambaran lebih jelas tentang pengalaman dan kesan pengajian di Jepun, penyelidik menjalankan satu kajian bertajuk,"Pengajian di Jepun di bawah Dasar

[24] Temubual dengan Tan Sri Khatib Abdul Hamid diadakan di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur pada 9 Ogos 2006 jam 3 petang.
[25] Pandangan Mahathir ketika temubual pada 29 Ogos 2006 di pejabat penasihat PETRONAS, tingkat 86, Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur.

Pandang Ke Timur: Pengalaman dan Kesan Kepada Pelajar Malaysia". Sebanyak dua ratus soal selidik dihantar kepada bekas pelajar dengan kerjasama pertubuhan alumni bekas pelajar Malaysia di Jepun atau Alumni of Look East Policy Society (ALEPS). Daripada jumlah tersebut seramai 52 orang bekas pelajar atau 26 peratus daripada mereka yang kini bekerja dalam berbagai bidang di Malaysia mengembalikan soal selidik yang diberikan. Penyelidik menghadapi sedikit masalah bagi mendapatkan lebih banyak respon berdasarkan peratus soal selidik yang dikembalikan. Bagaimanapun sebelum ini terdapat kajian yang hampir sama dibuat oleh Pusat Kajian Jepun di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia berkaitan dengan perkara hampir sama .[26] Dalam kajian tersebut, sebanyak 443 soal selidik dihantar yang mendapat respon daripada 107 orang atau 24 peratus daripada responden.[27] Bagi menampung kekurangan yang terdapat, pengkaji membuat temubual lisan dengan bekas-bekas pelajar yang dikenal pasti bagi mendapatkan maklumat tambahan. Kajian pengkaji hanya menumpukan perhatian kepada bekas pelajar program diploma dan ijazah di bawah DPT bertujuan mendapatkan maklumat asas bekas pelajar seperti bidang pengajian yang diikuti,tahap pengajian dan pekerjaan mereka di tanah air. Kajian ini turut meninjau pandangan mereka dalam empat aspek iaitu:

1. Pengalaman hidup di Jepun
2. Pandangan terhadap budaya dan sikap masyarakat Jepun
3. Penilaian pelajar terhadap usaha meniru Jepun
4. Kesan pengajian terhadap budaya dan sikap bekas pelajar setelah bekerja

Keempat-empat aspek ini merupakan perkara penting yang menentukan keberkesanan program pengajian di Jepun dalam konteks perubahan budaya. Dua kaedah digunakan bagi

---

[26] Lihat Chilly Chew et.al., *Human Resource Development in Malaysia Japan's Contribution Since 1980* (Kuala Lumpur: Centre For Japan Studies, ISIS, 1993).
[27] Ibid, m.s. 75.

mengumpul data iaitu melalui soalan berstruktur yang disediakan jawapannya serta soalan subjektif yang memerlukan jawapan bertulis. Bagi aspek pertama iaitu pengalaman hidup di Jepun, sepuluh soalan disediakan, aspek kedua tentang pandangan mereka terhadap budaya dan sikap masyarakat Jepun terdapat lima belas soalan sementara aspek berikutnya berkaitan penilaian terhadap Jepun dan Dasar Pandang Ke Timur (DPT), sebanyak sepuluh soalan disediakan. Aspek berikutnya berkaitan perubahan sikap mereka, sebanyak lima belas soalan disediakan. Keseluruhannya dalam keempat-empat aspek berkenaan, bekas pelajar dikehendaki menjawab lima puluh soalan. Selain soalan berstruktur, terdapat juga soalan subjektif yang memerlukan bekas pelajar menjawab secara bertulis enam soalan seperti berikut :

1. Kebaikan masyarakat Jepun
2. Kelemahan masyarakat Jepun
3. Bolehkah etika kerja Jepun ditiru oleh rakyat negara ini
4. Halangan-halangan dalam meniru etika kerja Jepun
5. Keyakinan terhadap Jepun sebagai model pembangunan
6. Kesan pengajian di Jepun terhadap sikap dan budaya.

Soalan subjektif ini bertujuan mengimbangi jawapan berstruktur yang disediakan di samping memberi peluang kepada mereka menjawab secara lebih bebas dan terbuka. Melalui cara ini, penyelidik boleh mendapat jawapan yang lebih tepat dan menyeluruh. Bagi mendapatkan maklumat tambahan, penyelidik turut mengadakan temubual dengan bekas pelajar, majikan, ahli politik, pegawai kerajaan dan ahli akademik. Pandangan golongan ini memberi input tambahan yang berfaedah kepada kajian ini.

Berikut adalah profil atau maklumat asas bekas pelajar (responden) kajian seramai 52 orang :

Jadual 5. 1: Maklumat asas bekas pelajar di Jepun di bawah DPT

Jantina

Jantina	Jumlah	Peratus
Lelaki	29	55.8
Perempuan	23	44.2
Jumlah	52	100

Julat umur

Julat umur	Jumlah	Peratus
26 -30	12	23.1
31 -35	17	32.7
36 -40	16	30.8
41 -45	5	9.6
45 -50	2	3.8
Jumlah	52	100

Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah	Peratus
Teknik/Sains	34	65.4
Ekonomi/Perdagangan	12	23.1
Perubatan	2	3.8
Pendidikan	2	3.8
Lain-lain	2	3.8
Jumlah	52	100

Tahap pengajian

Tahap pengajian	Jumlah	Peratus
Diploma	6	11.5
Ijazah pertama	38	73.1
Ijazah lanjutan (MA)	8	15.4
Jumlah	52	100

Tahun menamatkan pengajian

Tahun menamatkan pengajian	Jumlah graduan
1986	1
1987	-
1988	2
1989	1
1990	6
1991	5
1992	-
1993	3
1994	6
1995	2
1996	4
1997	1
1998	3
1999	5
2000	4
2001	1
2002	1
2003	3
2004	2
Tiada maklumat	2
Jumlah	52

Penganjur

Penganjur	Jumlah	Peratus
Jab. Perkhidmatan Awam	45	86.6
Monbusho	5	9.6
Petronas	2	3.8
Jumlah	52	100

Pekerjaan

Pekerjaan	Jumlah	Peratus
Jurutera	9	17.3
Pentadbir/pengurus	26	50.0
Akauntan/ ekonomis	5	9.6
Pensyarah	6	11.5
Doktor	2	3.8
Ahli perniagaan	3	5.8
Pelajar PhD	1	2.0
Jumlah	52	100

Majikan

Majikan	Jumlah	Peratus
Kerajaan	7	13.5
Swasta	41	78.8
Kerja sendiri	4	7.7
Jumlah	52	100

Maklumat asas yang diperolehi daripada bekas pelajar menjelaskan beberapa perkara seperti tahap dan bidang pengajian yang diikuti di Jepun. Maklumat tentang jenis pekerjaan dan majikan mereka di Malaysia juga diperolehi. Bidang teknikal dan kejuruteraan menjadi pilihan utama pelajar dengan 34 orang mengikutinya, diikuti 12 orang dalam bidang ekonomi atau perdagangan, 2 orang perubatan, 2 orang pendidikan dan 2 orang pelajar dalam lain-lain bidang. Majoriti bekas pelajar ini belajar pada peringkat ijazah pertama iaitu seramai 38 orang, peringkat diploma 6 orang manakala pelajar yang menyambung pengajian pada peringkat ijazah sarjana seramai 8 orang. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merupakan penaja utama pengajian dengan menaja 45 orang. Selebihnya 2 orang ditaja oleh Petronas manakala 5 orang lagi oleh Monbusho. Mengikut sumber Ambang Asuhan Jepun, tajaan Monbusho diberikan kepada pelajar yang mendapat keputusan terbaik dalam peperiksaan pengajian persediaan mereka di mana pada setiap tahun sepuluh orang pelajar terbaik akan dibiayai oleh Monbusho.

Bersesuaian dengan bidang kejuruteraan yang diberi keutamaan dalam pengajian mereka, ramai bekas pelajar bekerja sebagai jurutera di syarikat swasta sekembali mereka ke Malaysia. Statistik yang diperolehi menunjukkan seramai 9 daripada 52 orang atau 17.3% bekerja sebagai jurutera. Jumlah ini sebenarnya jauh lebih besar jika diambilkira mereka yang mempunyai latar belakang pengajian kejuruteraan tetapi kini menyandang jawatan pengurusan sebagai pengurus atau pengarah urusan. Buktinya daripada 26 oarng yang menjawat jawatan pengurusan, seramai 18 orang memiliki kelulusan dalam bidang kejuruteraan. Menurut seorang bekas pelajar yang kini merupakan jurutera kanan di syarikatnya, sektor swasta lebih cenderung melantik pekerja yang mempunyai kelulusan dan pengalaman dalam bidang teknikal bagi menjawat jawatan pengurusan. Alasan yang diberikan ialah pekerja yang mempunyai kemahiran teknik dapat memahami dengan jelas

operasi perkilangan atau perkhidmatan yang disediakan dan berupaya mengatasi masalah yang timbul dengan pantas.[28] Setakat ini majikan utama yang memberikan peluang pekerjaan kepada alumni pengajian di Jepun ialah sektor swasta termasuk syarikat yang dimiliki pelabur Jepun. Daripada 52 orang hanya 7 orang bekerja dengan sektor kerajaan manakala bakinya seramai 41 orang di sektor swasta, 3 orang bekerja sendiri dan seorang melanjutkan pengajian peringkat ijazah Doktor Falsafah di Universiti Malaya. Kajian yang dijalankan oleh Pertubuhan Alumni Penuntut Malaysia di Jepun (ALEPS) pada tahun 2000 menunjukkan sebahagian besar alumni bekerja di syarikat swasta di mana 74.8% daripada mereka bekerja dengan syarikat Jepun yang beroperasi di Malaysia sementara 16.5% bekerja dengan syarikat tempatan. Bakinya 4 peratus lagi bekerja dengan syarikat multi nasional asing, hanya 2.5% menjawat jawatan di sektor awam dan selebihnya 2.2% menjadi pensyarah universiti.[29]

Potensi dan keupayaan bekas pelajar dari Jepun mendapatkan pekerjaan amat baik dan memuaskan. Mereka biasanya tidak mempunyai masalah mendapatkan pekerjaan terutamanya dengan syarikat Jepun. Kebolehan menguasai bahasa Jepun serta memahami budaya mereka menjadi satu kelebihan dalam mendapatkan pekerjaan. Firma Jepun yang beroperasi di negara ini lebih mudah berurusan dengan kakitangannya yang dapat berbahasa Jepun selain memahami cara kerja mereka. Kajian yang dijalankan Pusat Kajian Jepun di ISIS Malaysia menunjukkan 87% daripada bekas pelajar (jumlah yang menjawab soal selidik seramai 107 orang) mendapati pelajaran dan pengalaman yang mereka pelajari

[28] Temubual dengan En. Rozmadi Abd. Hamid, jurutera kanan di syarikat Dell Computer, Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 10 Julai 2006. Rozmadi berusia 35 tahun adalah bekas pelajar Yamagata Universiti (1990-1995) mengambil jurusan kejuruteraan informasi

[29] Sumber daripada Unit Dasar Pandang Ke Timur, Bahagian Latihan, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Awam, Putra Jaya.

di Jepun amat membantu proses mendapatkan pekerjaan setelah tamat belajar.[30] Syarikat-syarikat Jepun juga mengambil pekerja baru dengan cara mengadakan temuduga di universiti atau kolej dengan memberikan peluang kepada pelajar tahun akhir. Pihak lain seperti Persatuan Pelajar Malaysia di Jepun juga menganjurkan program temuduga terbuka dengan kerjasama kedutaan Malaysia serta syarikat-syarikat Jepun bagi membantu pelajar yang bakal menamatkan pengajian mendapatkan pekerjaan.

Menurut Hj. Zainol Abu Kassim, Presiden Malaysian Students Association of Japan (MSAJ) pada tahun 1994, program temuduga terbuka yang diadakan merupakan peluang terbaik bagi pelajar mendapatkan pekerjaan sama ada di Jepun atau di Malaysia. Mereka seharusnya menggunakan kebolehan berbahasa Jepun dan kelulusan yang dimiliki bagi mendapatkan jawatan dengan syarikat-syarikat Jepun.[31] Syarikat Jepun tidak mementingkan pengkhususan dalam pengajian kerana latihan penyesuaian kerja selama enam bulan diberikan kepada calon yang terpilih. Menurut Rozmadi Abdul Hamid yang pernah bekerja di syarikat Emoji Engineering di Prai, Pulau Pinang pada 1998 hingga 2000, gaji permulaan yang ditawarkan syarikat Jepun tidaklah terlalu tinggi hanya sekitar RM 1500 sebulan bagi jawatan jurutera. Daripada pengalamannya, beliau mendapati syarikat Jepun begitu mengutamakan kebolehan dan reputasi kerja sebelum menawarkan gaji dan kedudukan lebih baik kepada pekerjanya. [32] Jika seseorang berhasrat mencapai kedudukan yang tinggi dalam syarikat Jepun, mereka perlu memahami dan dapat mengikuti cara bekerja orang Jepun yang disifatkannya amat agresif dan berorientasikan produktiviti yang

---

[30] Chilly Chew et.al., *Human Resource Development in Malaysia Japan's Contribution Since 1980*,m.s. 78.
[31] Hj. Zainol merupakan bekas pelajar bidang bahasa dan sastera Jepun di Universiti of Kyorin, Hachioji, Tokyo dan merupakan Presiden Persatuan Pelajar Malaysia di Jepun bagi penggal 1994. Beliau yang berasal dari Beseri Perlis kini merupakan pensyarah Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya. Temubual dengan Hj. Zainol di Universiti Malaya pada 13 Julai 2006.
[32] Temubual dengan Rozmadi Abd. Hamid.

tinggi. Walaupun berkelulusan dari Jepun namun beliau sendiri tidak lama berkhidmat dengan syarikat Jepun sebaliknya memilih syarikat multi nasional lain untuk bekerja.

Sebenarnya syarikat-syarikat Jepun mengamalkan polisi sumber manusia yang memberi keuntungan maksima kepada mereka. Amalan pengurusan Jepun yang dikaitkan dengan gaji dan bonus yang tinggi, kenaikan pangkat mengikut senioriti serta hubungan erat majikan pekerja tidak sewenang-wenangnya dilaksanakan syarikat Jepun di seberang laut. Kajian Wendy Smith menunjukkan kecenderungan majikan Jepun yang lebih bermatlamat mendapatkan sumber buruh murah dari negara ini daripada menawarkan mereka dengan berbagai kemudahan seperti dinikmati pekerja syarikat induk.[33] Kakitangan syarikat induk yang bertugas dengan anak syarikatnya di Malaysia mendapat gaji lebih tinggi serta berbagai kemudahan berbanding pekerja tempatan. Kajian lapangan yang dibuat terhadap 69 buah syarikat Jepun di Malaysia oleh Raduan Che Ros, pensyarah pengurusan sumber manusia Universiti Putra Malaysia mendapati firma Jepun menyediakan kemudahan dan membayar gaji yang setara dengan tawaran syarikat lain berasaskan suasana pasaran buruh tempatan. Jika mereka menawarkan insentif yang lebih baik, tujuannya adalah bagi menarik pekerja baru yang berpotensi atau mengekalkan pekerja yang diperlukan. [34]

Pengalaman Pelajar

Umumnya pelajar Malaysia khususnya pelajar Melayu yang berpeluang belajar di Jepun merasai pengalaman yang menarik. Walaupun Jepun terletak di rantau Asia Timur

---

[33] Lihat Wendy A. Smith, " A Japanese Factory in Malaysia Ethnicity as a management ideology", Paper presented at the *Asian Studies Association of Australia Malaysia Society's Third Cooloqium*, 22-24 August, 1981, University of Adelaide, Australia.m.s. 157.

[34] Lihat Raduan Che Ros, *Japanese-style management abroad: The case of Malaysian subsidiaries* (Petaling Jaya : Prantice Hall, 2002) m.s. 222-223.

namun terdapat banyak perbezaan di antara negara tersebut dengan Malaysia terutamanya dari segi ekonomi dan sosio budaya. Jepun telah mencapai taraf negara maju sejak penghujung 1960-an. Ekonominya dijana dengan pesat oleh sektor perindustrian dan perkhidmatan tetapi sektor lain seperti pertanian dan perikanan juga tidak diketepikan. Pada 1954 apabila proses pemulihan daripada kesan Perang Dunia Kedua hampir tamat, Jepun masih bergantung kepada sektor pertama (pertanian, perikanan dan perlombongan) namun menjelang 1970 kepentingan sektor ini diambil alih sektor perindustrian dan perkhidmatan. Sumbangan sektor perindustrian kepada keluaran negara kasar berjumlah 30.2% dan 27% gunatenaga. Dalam tempoh 1953-1970 pertumbuhan ekonomi Jepun begitu tinggi dan di luar jangkaan dengan kadar purata 8 % setahun dan mencapai kadar pertumbuhan sehingga 10.6% setahun pada 1960-an. Menjelang 1968 Jepun mengatasi Jerman sebagai kuasa ekonomi kedua terbesar dunia selepas Amerika Syarikat. Selari dengan pertumbuhan ekonominya, pertumbuhan perbandaran begitu pesat. Dalam tempoh 1950-1970 dianggarkan jumlah penduduk Jepun yang tinggal di bandar meningkat dari 38 ke 72%.[35] Kejayaan luar biasa Jepun menarik perhatian banyak negara lain termasuk negara ini yang mahu menjadikan Jepun sebagai model pembangunan. Pelajar Malaysia yang dihantar ke Jepun di bawah Dasar Pandang Ke Timur menggalas cabaran dan harapan bagi memenuhi cita-cita menjayakan dasar mencontohi Jepun. Pengalaman, pengetahuan dan kesedaran yang mereka perolehi sepanjang kehidupan di negara matahari terbit akan menjadi pengukur kepada kejayaan program ini.

Sebahagian daripada pengalaman pelajar di Jepun dinyatakan melalui kajian penyelidik yang mendapat respon 52 orang bekas pelajar seperti terdapat dalam jadual di bawah.

---

[35] Lihat *Japan Profile of a Nation (* Tokyo: Kodansha International Ltd., 1995) m.s. 108.

Jadual 5. 2 : Pengalaman pelajar di Jepun

Pengalaman pelajar	Ya (peratus)	Tidak (peratus)
Merasa gembira tinggal di Jepun	100	0
Diterima dengan baik oleh masyarakat Jepun	96.2	3.8
Menguasai bahasa Jepun dengan baik	90.1	9.9
Menjalin persahabatan dengan orang Jepun	96.2	3.8
Mempelajari cara hidup mereka	98.1	1.9
Masyarakat Jepun unik	98.1	1.9
Terpengaruh dengan cara hidup Jepun	50.0	50.0
Etika kerja Jepun boleh ditiru	90.1	9.9
Jepun sesuai sebagai model pembangunan	80.8	19.2
Pengalaman belajar di Jepun menarik	100	0

Berdasarkan maklum balas yang diterima, semua bekas pelajar Malaysia (52 orang) yang tinggal dan belajar di Jepun merasa gembira dengan kehidupan mereka di sana walaupun menghadapi pelbagai masalah dan cabaran pada peringkat permulaan. 96.2% mendapati mereka diterima baik oleh masyarakat Jepun. Dari segi keselamatan dan ketenteraman awam misalnya, Jepun merupakan di antara negara yang paling selamat di dunia. Mengikut Jaafar Jambi, kehidupannya di Jepun berjalan lancar tanpa masalah yang besar walaupun menghadapi sedikit tekanan menghadapi pelajaran. Baginya Jepun

merupakan sebuah negara maju yang menyediakan berbagai-bagai kemudahan moden kepada penduduknya. Kemudahan awam seperti sistem pengangkutan, komunikasi dan pasar raya yang terdapat di sana adalah setanding dengan kemudahan yang terdapat di negara Barat. Perkara yang merisaukannya hanyalah kos hidup yang tinggi terutama di bandar besar menyebabkan pelajar sepertinya tidak mampu hidup secara mewah dan terpaksa berjimat cermat.

Selain itu masalah besar Jepun ialah kekurangan tanah bagi memenuhi keperluan perumahan dan industri menyebabkan penduduknya terpaksa tinggal di pangsapuri yang bersaiz kecil. Kadar sewa rumah adalah tinggi terutama di bandar besar dan kawasan strategik. Rakyat Jepun memiliki beberapa sifat istimewa seperti rajin, menjaga kebersihan, menghargai alam sekitar selain menghormati tetamu walaupun mereka sebenarnya lebih menghormati orang Barat daripada orang Asia. Mengikut pandangan Jaafar, masyarakat Jepun masih mempunyai mentaliti yang menganggap Barat sebagai bangsa *superior* berbanding bangsa Asia berdasarkan pencapaian teknologi dan ekonominya. Sanjungan mereka kepada Barat digambarkan melalui keghairahan masyarakatnya menyambut perayaan Krismas yang dirayakan secara meriah walaupun majoriti masyarakat Jepun merupakan penganut Shinto dan Budha. Walau bagaimanapun kekaguman Jepun kepada Barat tidak membawa kepada diskriminasi ras seperti di Barat; masyarakat Asia seperti warga Malaysia yang tinggal di Jepun tidak dihina atau dipinggirkan. Jaafar yang belajar di Universiti Bunkyo tinggal bersama dengan pelajar Korea dan Jepun di pangsapuri berdekatan dengan tempat beliau belajar. Beliau mengakui mendapat banyak faedah

daripada pergaulannya dengan pelajar asing yang membantunya menguasai bahasa Jepun dan memahami kuliah yang disampaikan. [36]

Bagi pelajar asing yang belajar di Jepun, menguasai bahasanya merupakan satu kemahiran yang penting. Bahasa Jepun digunakan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di pusat pengajian tinggi. Jepun tidak bertolak ansur dalam soal penggunaan bahasanya. Semua pelajar asing yang melanjutkan pengajian di Jepun perlu mempelajari dan mengusai bahasanya. Dasar Jepun terhadap penggunaan bahasanya tidak berubah sejak Perang Dunia Kedua lagi. Semasa Jepun menduduki negara-negara Asia Tenggara, mereka menjalankan dasar menggunakan bahasanya dalam sistem persekolahan bertujuan menjadikan bahasa tersebut *lingua franca* di rantau ini. Walaupun matlamat ini gagal dicapai berikutan kekalahannya dalam Perang Dunia Kedua namun Jepun kini masih berpeluang menyebarkan penggunaan bahasanya kepada warga asing dengan menjadikannya bahasa pengantar utama di institusi pengajian tinggi negaranya. Hal ini berbeza dengan amalan di kebanyakan negara lain yang masih menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pengajian kepada penuntut asing. Sungguhpun begitu akibat globalisasi dan bagi menarik pelajar asing, kebanyakan universiti di Jepun kini menjalankan program pasca siswazah dengan membenarkan penggunaan bahasa Inggeris selain bahasa Jepun. Hal ini diakui Abdul Rahman Omar bekas pelajar Malaysia yang mengakui terdapatnya kelonggaran menggunakan bahasa Inggeris dalam kerja kursus yang diikutinya dalam bidang kejuruteraan struktur di universiti Iwate.[37] Bahasa Inggeris turut diajar di sekolah dan pusat pengajian tinggi di Jepun namun penekanan yang diberikan

[36] Temubual dengan Jaafar Jambi pada 8 Mac 2006 di Universiti Malaya. Jaafar adalah bekas guru sebelum melanjutkan pengajian ke Jepun dan kini bertugas sebagai guru bahasa Jepun di Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya.

[37] Temubual dengan Abdul Rahman Omar pada 8 Ogos 2006.

lebih kepada aspek pembacaan dan penulisan bertujuan membolehkan masyarakat Jepun memahami bahan bacaan dalam bahasa tersebut.

Keperluan mengusai bahasa Jepun ini diakui oleh hampir kesemua bekas pelajar Malaysia yang ditemui. Pengalaman mereka menunjukkan bahawa orang asing yang tidak menguasai bahasa Jepun akan merasa terasing kerana penggunaan bahasa tersebut yang meluas dalam semua aspek kehidupan. Masyarakat Jepun juga memberikan perhatian dan layanan lebih baik kepada warga asing yang dapat bertutur menggunakan bahasanya. Dalam kalangan bekas pelajar Malaysia, daripada 52 orang yang memberikan maklum balas, seramai 47 orang atau 90.1% menguasai bahasa Jepun dengan baik. Kadar penguasaan bahasa Jepun yang tinggi ini dicatatkan mungkin kerana hanya terdapat dua kategori jawapan yang disediakan iaitu baik dan tidak baik. Seorang bekas pelajar menyifatkan kursus persediaan yang diikutinya selama dua tahun di Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya banyak membantunya menguasai bahasa Jepun. Walaupun sukar kerana bahasa Jepun merupakan pelajaran baru yang belum pernah dipelajarinya namun melalui kaedah pembelajaran intensif, Jamaludin Karim lulus dengan cemerlang dan mendapat biasiswa Monbusho bagi melanjutkan pengajiannya di Universiti Hiroshima dalam bidang kejuruteraan mekanikal. Selepas menamatkan pengajiannya pada tahun 1989, Jamaludin bekerja sebagai aperantis selama dua tahun di Jepun yang memberikannya peluang bergaul dengan lebih luas dengan masyarakat Jepun. Pergaulan meluas ini membantu beliau menguasai bahasa Jepun dengan lebih baik. Jamaludin kini menetap di Seremban dan mengusahakan syarikatnya sendiri Seri Mukali Sdn Bhd.[38] Dr. Azrina Hussin, bekas pelajar universiti Tohuku yang kini bertugas sebagai pensyarah sosiologi di Universiti Sains Malaysia pula mengakui pengusaan bahasa Jepunnya baik ketika belajar di

[38] Temubual dengan Jamaludin Karim pada 5 Julai 2006.

sana tetapi kemahiran komunikasi semakin berkurangan apabila kembali ke Malaysia kerana kurang berbual dalam bahasa berkenaan.[39]

Pensyarah bahasa Jepun di Ambang Asuhan Jepun, Hj. Zainol Abu Kassim mengakui prestasi keseluruhan pelajarnya adalah memuaskan walaupun terdapat juga sebilangan kecil daripada mereka lemah dalam bahasa Jepun. Berdasarkan pengalamannya belajar di Universiti Kyorin (1992-1996), beliau mengaitkan kebolehan menguasai bahasa Jepun dengan sikap dan pendekatan seseorang ketika belajar. Kemahiran berkomunikasi misalnya diperolehi melalui pergaulan secara informal. Orang asing tidak perlu merasa malu atau segan untuk bertutur dalam bahasa Jepun ketika di sana. Pengalamannya tinggal bersama masyarakat Jepun di Hachioji selama empat tahun memberikannya kelebihan mempelajari bahasa tersebut dengan lebih mendalam. Mengikut pandangannya pelajar Malaysia tidak sepatutnya tinggal dan hanya bergaul sesama mereka.[40] Pandangannya turut dipersetujui Ketua Guru Bahasa Jepun, Ambang Asuhan Jepun Dr. Sakamoto yang menasihatkan pelajar supaya tidak segan meluaskan pergaulan mereka dengan tinggal bersama masyarakat Jepun. Beliau sendiri mempelajari bahasa Malaysia melalui pergaulan dengan rakan setugasnya di sini.[41]

Pandangan Hj. Zainol dan Dr. Sakamoto mungkin diterima dengan baik oleh para pelajar Malaysia di Jepun. Daripada maklum balas yang diperolehi menyatakan 96.2% daripada pelajar bersahabat dengan orang Jepun, hanya sebilangan kecil sekitar 3.8% tidak berbuat demikian. Hal ini juga bergantung kepada lokasi di mana seseorang itu belajar, jika terdapat ramai pelajar senegara yang ditempatkan di sesebuah institusi pengajian, pelajar cenderung bergaul hanya dalam kalangan mereka. Sebaliknya jika mereka bersendirian

[39] Temubual dengan Dr. Azrina Hussin.
[40] Temubual dengan Hj. Zainol Abu Kassim di Universiti Malaya pada 13 Julai 2006
[41] Temubual dengan Dr. S. Sakamoto pada 9 Mac 2006 di Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya.

seperti Jaafar Jambi atau Jamaludin Karim, mereka tiada pilihan selain terpaksa bergaul dengan masyarakat asing. Mengenai pandangan sesetengah pelajar yang mengatakan mereka sukar tinggal bersama masyarakat Jepun kerana halangan budaya, Hj. Zainol menyangkal dakwaan tersebut berdasarkan pengalamannya. Beliau tinggal bersama 7 orang penuntut Jepun tetapi bebas mengamalkan apa juga tuntutan agama dan amalan budaya malahan rakan-rakan menghormatinya dengan tidak melakukan sesuatu perkara yang boleh menyentuh perasaan dan sensitiviti keagamaannya. Bagi Hj. Zainol sikap dan pendekatan yang diambil oleh pelajar dalam menjalin hubungan dengan masyarakat tempatan adalah penting. Mereka perlu menerangkan sesuatu isu yang kurang difahami oleh masyarakat Jepun secara jelas agar mereka dapat memahami dan menerimanya dengan baik.[42]

Antara tujuan pelajar Malaysia dihantar ke Jepun ialah bagi membolehkan mereka mempelajari cara hidup masyarakatnya. Sikap positif seperti rajin, menepati masa dan berdisiplin yang menjadi amalan orang Jepun dan sering diperkatakan masyarakat luar perlu dipelajari dan dihayati bagi mencapai matlamat pengajian mereka. Secara keseluruhannya pelajar Malaysia mengambil kesempatan melalui berbagai cara untuk mempelajari budaya masyarakat Jepun yang tidak hanya terbatas melalui pengajian di universiti. Sebahagian daripada mereka mengambil peluang bekerja sambil belajar atau semasa cuti bagi menambah sumber kewangan selain mendapat pengalaman amali. Satu cara yang amat baik mempelajari cara bekerja orang Jepun ialah dengan bekerja di syarikat mereka terlebih dahulu sebelum kembali ke Malaysia. Pendedahan awal yang diperolehi dengan cara bekerja di syarikat Jepun adalah penting kerana mempengaruhi pembentukan sikap dan budaya kerja seseorang. Menurut Jamaludin Karim yang pernah

[42] Temubual dengan Hj. Zainol Abu Kassim di Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya pada 13 Julai 2006. Hj. Zainol berasal dari Perlis dan merupakan bekas guru sebelum melanjutkan pengajian ijazahnya di Jepun. Beliau terpilih di bawah skim latihan guru bahasa Jepun tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam.

bekerja sebagai pelatih kejuruteraan selama dua tahun di Jepun, cara ini dapat mendedahkan pelajar kepada budaya kerja orang Jepun. Pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi amat berguna untuk mengembangkan kerjaya pada masa depan.[43] Peratusan pelajar yang mengakui mempelajari cara hidup masyarakat Jepun adalah tinggi iaitu 98.1%.

Peluang bagi pelajar Malaysia mempelajari budaya dan cara hidup masyarakat Jepun sebenarnya terbuka luas, walau bagaimanapun ia bergantung kepada sikap mereka sendiri. Jika sekiranya mereka sanggup meluaskan pergaulan, menyertai badan-badan ko-kurikulum di universiti serta aktif di tempat kediaman, banyak perkara baru dapat dipelajari. Pendapat ini disuarakan Hj. Zainol Abu Kassim yang pernah menjadi Presiden Persatuan Penuntut Malaysia di Jepun pada tahun 1994.[44] Lagipun jika terus bekerja di syarikat Jepun di seberang laut atau di syarikat usaha sama di sini, amalan pengurusannya tidaklah seperti syarikat induknya di Jepun. Pengurusan syarikat Jepun di seberang laut biasanya disesuaikan dengan strategi perniagaan antarabangsa syarikat yang diadunkan bersama ciri-ciri tempatan. Pergaulan dengan pekerja Jepun pula lebih tertumpu kepada pengurusan atasan dan pertengahan.[45] Sebaliknya jika bekerja di Jepun seseorang berpeluang belajar lebih banyak perkara hasil pergaulan dengan berbagai-bagai lapisan masyarakat Jepun.

Bekas duta besar Malaysia ke Jepun selama sepuluh tahun (1989-1999) Tan Sri Mohamad Khatib Abdul Hamid memainkan peranan yang tersendiri dalam menentukan pelajar negara ini bergaul dan mempelajari cara hidup masyarakat Jepun. Beliau yang mempunyai hubungan baik dengan pemimpin kerajaan dan sektor perniagaan Jepun

---

[43] Temubual dengan Jamaludin Karim pada 5 Julai 2006.
[44] Temubual dengan Hj. Zainol Abu Kassim
[45] Lihat kajian Hideki Imaoka, "Japanese Management in Malaysia", *Southeast Asian Studies*, Volume 22, No. 4, March 185, m.s. 9-26.

menggalakkan pelajar menjalin hubungan informal bukan sahaja dengan pelajar Jepun malahan dengan kalangan ahli perniagaan dan pekerja industri. Mengikut pendapatnya, pelajar perlu meluaskan pergaulan bagi mencari pengalaman dan mewujudkan rangkaian hubungan dengan masyarakat antarabangsa untuk kepentingan masa depan mereka. Hubungan baik yang terjalin di antara pelajar Malaysia dengan Jepun memberi faedah kepada mereka apabila menceburi bidang pekerjaan kelak. Jika mereka berminat menceburi bidang perniagaan misalnya, hubungan dan rangkaian pada peringkat antarabangsa amat penting.[46] Beliau memberi contoh sikap pelajar Cina yang mengambil kesempatan menjalin hubungan dengan rakan sebangsa dari Cina, Korea dan Jepun bagi meraih manafaat mewujudkan *networking* pada peringkat antarabangsa.

Bagi menggalakkan pelajar bumiputera menjalin hubungan dengan masyarakat Jepun, Khatib sebagai duta Malaysia meminta setiap pelajar yang tamat pengajian dan mahu pulang ke Malaysia mengisi borang yang menyenaraikan kenalan mereka daripada kalangan sosial atau perniagaan yang bertujuan menggalakkan pelajar membina rangkaian perhubungan selepas tamat belajar. Beliau turut mencuba beberapa pendekatan bagi memecahkan tradisi pelajar Melayu yang cenderung bergaul sesama mereka semasa belajar di negara lain. Tindakannya termasuklah mensyaratkan supaya jawatan Presiden Persatuan Pelajar Malaysia di Jepun (MJSA) digilirkan setiap tahun di antara pelajar Melayu dengan Cina. Perhubungan yang baik di antara pelajar Melayu dengan Cina adalah penting bagi menonjolkan imej hubungan kaum yang harmoni dalam kalangan masyarakat Malaysia. Melalui pengalamannya Tan Sri Khatib melihat terdapat tanggapan dalam kalangan sektor kerajaan dan swasta di Jepun yang menganggap Malaysia mengamalkan diskriminasi

[46] Temubual dengan Tan Sri Khatib Abdul Hamid di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur pada 9-Ogos 2006. Beliau merupakan Pengerusi Institut Jantung Negara Malaysia.

terhadap pelajar bumiputera dengan bukan bumiputera. Anggapan ini timbul berikutan langkah kerajaan menyediakan biasiswa kepada sebahagian besar pelajar bumiputera yang melanjutkan pengajian di sana sementara pelajar bukan bumiputera belajar dengan perbelanjaan sendiri. Keadaan ini menurutnya membolehkan pelajar bukan bumiputera mendapat lebih banyak bantuan seperti biasiswa dan tempat belajar daripada Jepun. Beliau juga melihat terdapat jurang dalam hubungan antara bumiputera dengan bukan bumipucra dalam kehidupan mereka di Jepun. Baginya masalah ini perlu diatasi untuk kepentingan negara.

Satu lagi pengalaman menarik pelajar Malaysia yang belajar di Jepun ialah kesempatan melihat dari dekat keunikan masyarakat Jepun yang melibatkan aspek seperti pemikiran, sikap, adat resam dan sistem nilai yang sering dikaitkan dengan kejayaan mereka dalam bidang ekonomi. Walau bagaimanapun bagi kebanyakan pelajar Malaysia sesetengah daripada budaya dan amalan masyarakat Jepun amat luar biasa selain unik. Daripada maklum balas yang diterima, 98.1% daripada bekas pelajar bersetuju dengan kenyataan masyarakat Jepun adalah unik. Salah satu amalan yang memberikan kesan kejutan budaya kepada pelajar Malaysia pada peringkat awal kehidupan mereka di Jepun ialah mandi berbogel di kolam mandi awam (public bath) yang menjadi kebiasaan kepada masyarakat di sana. Jika di Barat sekalipun mandi dengan berbogel masih belum diterima sebagai satu amalan awam namun masyarakat Jepun sebaliknya mengamalkan tabiat ini sebagai budaya yang dibanggakan.

Selain itu masyarakat Jepun gemar minum *sake* sejenis arak tradisional yang dibuat daripada beras dan ikan mentah yang direndam dengan cuka. Satu amalan yang diamalkan secara meluas di sana ialah menghormati *sempai* (senior) dan menepati masa dalam sebarang urusan. Menghormati golongan yang lebih tua atau berpengalaman

merupakan tradisi masyarakat Jepun yang diamalkan di tempat kerja, pusat pengajian tinggi dan di tempat awam. Bagi pelajar Malaysia seperti Hj. Zainol, amalan ini amat baik untuk dipelajari malahan dicontohi kerana ia mempunyai persamaan dengan budaya Melayu yang menuntut penghormatan sewajarnya diberikan kepada golongan lebih tua. Jaafar Jambi menyebut pengalaman beliau ditegur pensyarahnya kerana tidak menasihati rakannya yang tidak menghormati pelajar *sempai* menunjukkan kepadanya masyarakat Jepun memberi perhatian serius dalam hal tersebut. [47]

Walau bagaimanapun dalam hal keunikan budaya ini, bekas pelajar seperti Azrina Hussin menyifatkan budaya Jepun tidaklah terlalu unik atau istimewa jika dipandang dari perspektif Timur kerana baginya hanya Barat yang bersungguh-sungguh melihat keunikan budaya Jepun. Azrina berpendapat terdapat sifat tertentu masyarakat Jepun seperti menghormati orang tua, malu, berbahasa lembut dan menghormati tetamu turut diamalkan masyarakat Melayu. Pandangan Azrina ternyata benarnya jika diteliti pendapat pakar pengurusan sumber manusia seperti Asma Abdullah yang menyebut tentang sifat yang diamalkan orang-orang Melayu seperti menghormati senior, malu, mengambil berat, jujur, berbudi bahasa, setia, berdisiplin, semangat berkumpulan, beragama, bertolak ansur, tidak agresif dan boleh dipercayai. [48] Demikian juga dengan amalan masyarakat Jepun yang amat mementingkan kumpulan atau *groupisme*, Azrina berpendapat masyarakat lain seperti Cina juga mempunyai sentimen yang sama. Beliau lebih cenderung melihat

---

[47] Temubual dengan En. Jaafar Jambi dan Hj. Zainol Abu Kassim.

[48] Lihat Asma Abdullah (ed.), *Understanding the Malaysian Workforce-Guidelines for Managers*, m.s. 8. Senarai ini hanya sebahagian daripada sifat-sifat orang Melayu yang disenaraikan penulis sebagai perbandingan dengan sifat orang Cina, India dan Barat. Melalui tulisannya penulis berharap memberikan panduan kepada para pengurus terutamanya orang asing tentang sifat atau budaya rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.

keunikan ini dalam aspek yang lain seperti sikap inovatif mereka dalam mereka teknologi baru, budaya yang menjadikan Jepun sentiasa maju dalam bidang industri.[49]

Keunikan masyarakat Jepun tidak terhad kepada adat resam sahaja malahan meliputi pemikiran mereka. Sentimen kebangsaan bangsa Jepun begitu tinggi sehingga bagi mereka terdapat konsep orang dalam (*uchi*) dan orang luar (*soto*).[50] Orang dalam terdiri daripada bangsa Jepun yang mengamalkan budaya dan agama yang sama, hubungan sebangsa di antara mereka amat rapat mengatasi perhubungan dengan orang lain. Dalam kalangan orang dalam pula terdapat kelasifikasi yang lebih mendalam seperti datang dari tempat yang sama, rakan sekerja, ahli keluarga atau rakan sepersekolahan yang menjadikan hubungan mereka lebih rapat. Orang luar atau *soto* umumnya adalah masyarakat bukan Jepun yang sukar menerima layanan dan keakraban daripada orang Jepun sebaik orang dalam. Bagi membolehkan masyarakat Jepun menerima kehadiran orang luar dengan baik, mereka perlu sekurang-kurangnya menguasai bahasa dan memahami budaya Jepun.

Pandangan ini disuarakan Abdul Rahman Omar, seorang jurutera Jabatan Kerja Raya yang menyambung pengajian pada peringkat sarjana di Universiti Iwate.[51] Pandangan Abdul Rahman mengesahkan pendapat Jamaludin Karim yang mendakwa sukar mendapatkan peluang berniaga dengan orang Jepun walaupun seseorang belajar di sana apatah lagi jika sebaliknya. Jamaludin mendakwa, ahli perniagaan Jepun begitu taksub kepada bangsa mereka sendiri. Beliau mendakwa inilah antara halangan yang terpaksa dihadapi oleh bekas pelajar Malaysia di Jepun yang berhasrat menjalankan perniagaan dan

---

[49] Pandangan Dr. Azrina Hussin .

[50] Pandangan lebih menyeluruh termasuk berkaitan masyarakat vertikal, konsep orang dalam dan orang luar dibincangkan Chie Nakane dalam karyanya, *Japanese Society* (Los Angeles: University of California Press: 1970).

[51] Temubual dengan Abdul Rahman Omar di cawangan jalan ibu pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur pada 8 Ogos 2006 jam 12 tengahari.

mendapatkan projek daripada orang Jepun.[52] Walau bagaimanapun Tan Sri Khatib memberikan pandangan lebih objektif dalam perkara ini dengan mengatakan budaya Jepun kini semakin berubah di mana mereka sudah mula menerima kehadiran orang asing dalam pengurusan syarikat atau perniagaan atas pertimbangan globalisasi dan keperluan mendapatkan tenaga kerja antarabangsa. Baginya lama kelamaan konsep kebangsaan Jepun yang terlalu rigid akan tertinggal sebagai suatu ideal. Budaya sesuatu bangsa bukannya bersifat statik tetapi terdedah kepada perubahan. Pandangan beliau hampir dan senada dengan kritikan Wendy Smith terhadap konsep *Japanese Society* yang diutarakan Nakane sebagai satu utopia.[53] Sungguhpun begitu Khatib memberi satu perbandingan menarik tentang keunikan masyarakat Jepun dengan membandingkan mereka dengan gunung berapi atau *volcano*. Jika dilihat dari jauh, gunung berapi ini amat cantik tetapi apabila tiba masanya ia mampu meletus mengeluarkan lahar yang panas. Demikianlah masyarakat Jepun diibaratkan, mereka kelihatan lembut dan bersopan tetapi pada ketika tertentu perwatakan tersebut mampu bertukar menjadi keras dan ganas.[54]

Kajian yang dijalankan turut memuatkan tiga persoalan penting kepada bekas pelajar Malaysia di Jepun iaitu pengaruh budaya Jepun terhadap mereka, kebolehan mencontohi etika kerja Jepun dan kesesuaian Jepun sebagai model pembangunan. Persoalan pertama berkaitan dengan pengaruh cara hidup Jepun terhadap mereka, 50% berkata mereka terpengaruh manakala separuh lagi menjawab tidak. Persoalan yang diajukan ini bersifat umum kerana tidak menyatakan secara khusus aspek tertentu sikap

[52] Temubual dengan Jamaludin Karim

[53] Lihat Wendy A. Smith and Hironi Hata, "Nakane's Japanese Society as Utopian Thought", *Journal of Contemporary Asia*, Volume 13, 1983, m.s. 361-385. Smith tidak bersetuju dengan idea Nakane berkaitan struktur sosial masyarakat Jepun yang berasaskan kepada hubungan vertikal dan kesan-kesannya. Beliau mendakwa idea tersebut dikemukakan bukan berdasarkan kajian ilmiah tetapi semata-mata berpandukan daya intelektual Nakane.

[54] Pandangan Tan Sri Khatib Abdul Hamid

masyarakat Jepun yang mempengaruhi pelajar Malaysia. Pengaruh budaya Jepun terhadap pelajar Malaysia sukar dielakkan memandangkan mereka terdedah kepada budaya tersebut dalam kehidupan seharian. Sepertimana pelajar yang melanjutkan pengajian di Barat dan terpengaruh dengan cara hidup di sana demikian juga pelajar di Jepun. Walau bagaimanapun pengaruh yang dimaksudkan tentulah yang baik yang dapat menjana pemikiran dan sikap positif seseorang. Berdasarkan maklum balas yang diberikan pelajar, dapat dinyatakan bahawa pengaruh budaya Jepun terhadap mereka meliputi aspek tertentu seperti sikap positif terhadap kerja, pengurusan masa dan integriti.[55] Secara perbandingan, kajian ISIS juga menunjukkan hasil yang positif berkaitan pengaruh budaya Jepun terhadap pelajar. Keputusan kajian menunjukkan mereka terpengaruh dengan budaya seperti bekerja kuat, peningkatan produktiviti, keberkesanan dan kualiti di tempat kerja, kerjasama dan hormat menghormati. Selain itu bekas pelajar turut memberi perhatian tinggi kepada elemen seperti kepatuhan masa,persaingan dan ganjaran kewangan.[56]

Pelajar mendakwa mengelakkan diri daripada terikut-ikut atau dipengaruhi budaya hidup masyarakat Jepun yang disifatkan bertentangan dengan ajaran Islam seperti berpoya-poya, minum minuman keras dan pergaulan bebas walaupun terdapat juga kes-kes terpencil yang menunjukkan mereka turut terlibat dengan cara hidup sebegini. Pelajar menyatakan mereka terpengaruh dengan cara bekerja orang Jepun seperti rajin, menepati masa, berdisiplin dan menghormati ketua. Pengaruh ini timbul akibat daripada pengalaman dan interaksi mereka dengan masyarakat tempatan dalam berbagai bentuk sama ada formal atau informal. Seorang bekas pelajar wanita di Universiti Toyama berkata,"walaupun

---

[55] Pengaruh budaya Jepun terhadap bekas pelajar akan dibincangkan secara lebih mendalam dalam bahagian berikutnya.

[56] Chilly Chew et.al., *Human Resource Development in Malaysia Japan's Contribution Since 1980,*Appendix 10, m.s 183.

sedikit sebanyak budaya Jepun mempengaruhi kehidupannya namun ia kekal berpegang kuat kepada ajaran Islam dan budaya Melayu. Beliau bahkan merasa bangga memperkenalkan agama dan budayanya di negara orang". Siti Zaharah Omar yang lulus dalam bidang kejuruteraan elektrik tetapi memilih kerjaya sebagai pegawai tadbir dan diplomatik menganggap pengaruh budaya positif masyarakat Jepun kepada pelajar adalah menguntungkan kerana ia merupakan satu rangsangan untuk mereka berubah. [57] Seorang bekas pelajar yang lain pula menyatakan beliau masih merasa seperti berada di Jepun walaupun telah lama kembali ke Malaysia akibat pengaruh budaya mereka. Beliau yang kini sedang menyambung pengajiannya pada peringkat doktor falsafah di Universiti Malaya merasa hairan apabila melihat orang lain bekerja sambil lewa dan membuang sampah di merata tempat. Baginya kerja kuat dan amalan menjaga kebersihan sewajarnya menjadi budaya hidup yang diamalkan tanpa sebarang paksaan.[58]

Pelajar memberikan harapan yang tinggi menunjukkan budaya Jepun boleh dicontohi apabila 90.1% daripada mereka bersetuju dengan kenyataan berkenaan. Walaubagaimanapun mereka menyatakan aspek yang mahu dicontohi mestilah dipilih supaya bersesuaian dengan ajaran Islam dan budaya Melayu. Menurut seorang bekas pelajar, pada asasnya budaya dan pegangan agama orang Jepun adalah berbeza dengan ajaran Islam dan budaya Melayu walaupun dalam sesetengah aspek ada persamaannya. Beliau memberikan contoh sikap rajin, bekerjasama, menepati masa, menghormati ketua dan menjaga kebersihan yang merupakan amalan orang Jepun merupakan sikap yang dituntut ajaran Islam sebaliknya amalan seperti minum minuman keras dan bergaul secara

[57] Siti Zaharah Bt. Omar bertugas sebagai pegawai latihan di Unit Dasar Pandang Ke Timur, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Putrajaya. Temubual pada 22 Disember 2005.

[58] Atas dasar kerahsiaan, nama responden tidak perlu dinyatakan dalam borang soal selidik yang dihantar kepada mereka. Identiti berkenaan hanya diperolehi melalui temubual secara langsung.

bebas adalah larangan dalam Islam. Dalam hal yang demikian beliau berkata tidak timbul lagi soal mencontohi Jepun kerana sikap tersebut sememangnya terdapat dalam ajaran Islam cuma secara kebetulan ia diamalkan secara berkesan oleh masyarakat Jepun. Pandangan pelajar adalah selari dengan pendekatan sosiologi yang menganggap peniruan budaya atau difusi adalah proses terpilih di mana hanya ciri budaya yang tidak bertentangan dengan amalan asal dapat ditiru dengan lebih mudah. Secara perbandingannya, pelajar Cina lebih mudah melakukan difusi kerana asas kebudayaan mereka mempunyai banyak persamaan dengan budaya Jepun berbanding pelajar Melayu.

Rozmadi Abdul Hamid pula menyatakan peniruan bersifat teknikal seperti pemindahan teknologi dan amalan pengurusan lebih mudah dicontohi berbanding peniruan dalam aspek pemikiran dan semangat. Dalam projek kereta nasional Proton Saga misalnya, peniruan teknologi dapat dilakukan dengan membawa pakar dari Jepun atau menghantar pelatih belajar di sana namun pengurusannya dijalankan mengikut cara Malaysia dan tidak menurut cara Jepun sepenuhnya.[59] Projek ini walaupun dikritik kerana disifatkan lebih menguntungkan Mitsubishi namun menurut Rozmadi, ia telah memberi peluang kepada warga tempatan menceburi industri otomotif dan yang berkaitan dengannya.[60] Beliau turut memberikan contoh bagaimana syarikat atau badan kerajaan boleh meniru acara "*chourei*" atau perjumpaan pagi yang diamalkan di Jepun yang bertujuan memberi semangat dan arahan kepada pekerja. Demikian juga dengan aktiviti melakukan senaman pagi atau

[59] Perkara yang dimaksudkan dengan pengurusan cara Jepun termasuklah sistem kerja seumur hidup, mobiliti kerjaya berasaskan senioriti, perkongsian untung majikan-pekerja dan sistem membuat keputusan dari bawah ke atas (bottom-up decision system).

[60] Lihat laporan Chilly Chew et.al., *Human Resource Development in Malaysia Japan's Contribution Since 1980,* m.s. 45. Sejak dilancarkan pada 1983 sehingga 1991 seramai 500 orang yang terlibat dengan projek Proton Saga telah dihantar menjalani latihan di Mitsubishi Motor Corp. Jepun. Jangka masa latihan adalah dari seminggu sehingga ke dua tahun bergantung kepada keperluan kursus yang diikuti. Secara umumnya latihan yang diberikan meliputi berbagai aspek teknikal berkaitan pengeluaran kereta. Satu-satunya masalah yang menjejaskan keupayaan pelatih untuk mengikuti latihan dengan jayanya ialah kelemahan menguasai bahasa Jepun.

"*taiso*" yang sudahpun diamalkan oleh beberapa organisasi tertentu di sini. Baginya usaha mencontohi budaya mematuhi masa melalui pengenalan sistem pencatat masa (punch card) merupakan satu inisiatif yang baik walaupun kesannya hanya terhad kepada pekerja makan gaji[61]. Pandangan Rozmadi selari dengan pendapat ahli akademik seperti Wendy Smith yang menyifatkan usaha meniru Jepun hanya dapat dilakukan dalam aspek teknikal dan bukannya melibatkan semangat dan falsafah.[62]

Ikhsan Othman dan Abdul Rahman Omar turut bersetuju budaya Jepun boleh dicontohi masyarakat Malaysia namun ia perlukan satu dasar dan perancangan jangka panjang yang turut melibatkan sistem pendidikan. Mereka berhujah peniruan budaya merupakan satu penerapan nilai baru yang semestinya mengambil masa dan berhadapan banyak rintangan. Berdasarkan pengalamannya di Jepun, Abdul Rahman menyatakan aspek pemupukan nilai murni dan disiplin amat diberi penekanan dalam sistem pendidikan asas di sana. Pandangannya senada dengan pendapat Ikhsan yang juga menyatakan penerapan nilai dan disiplin perlu dilakukan sejak kanak-kanak kerana pepatah melayu menyebut, "melentur buluh biarlah dari rebungnya".[63] Sifat seperti rajin, berdisiplin dan mematuhi masa perlu dibentuk sejak di bangku sekolah lagi dan tidak hanya ditekankan apabila seseorang memasuki alam kerjaya. Penerapan sifat-sifat ini melalui proses difusi dan akulturasi boleh dilakukan secara formal dan informal di sekolah. Masalahnya seperti disuarakan Profesor Isahak Haron, sistem persekolahan terlalu mementingkan pencapaian akademik dan mengabaikan pendidikan budaya dan nilai.[64] Jika pihak kerajaan bersungguh-sungguh mahu mencontohi Jepun maka dasar dan perancangan teliti perlu

[61] Temubual dengan Rozmadi Abdul Hamid pada 10 Julai 2006.
[62] Lihat pandangan Smith dalam tulisannya yang telah diulas dalam bab terdahulu, "Japanese Cultural Images in Malaysia" dalam Jomo K.S.(ed.), *Japan and Malaysian Development in the Shadow of the Rising Sun* (London: Routledge, 1994)
[63] Temubual dengan Ikhsan Othman dan Abdul Rahman Omar.
[64] Temubual dengan Prof. Isahak Haron.

dilakukan. Pandangan para pelajar menunjukkkan persetujuan bersyarat mereka berkaitan perkara yang diperkatakan.

Pelajar Malaysia dari Jepun juga diajukan dengan persoalan kesesuaian Jepun sebagai model pembangunan. Langkah mencontohi etika kerja dan budaya pengurusan Jepun yang diambil kerajaan melalui Dasar Pandang Ke Timur merupakan usaha menjadikan Jepun sebagai model atau ikutan negara ini. Daripada perspektif sosial, model merupakan satu rangka konsep yang bersifat ideal yang terkandung di dalamnya set idea atau prinsip dan garis panduan pelaksanaannya. Dalam konteks DPT, sarjana seperti Shamsul Amri Baharudin dan Wendy Smith berpendapat latar belakang budaya Jepun berbeza menyebabkan model kemajuannya tidak sesuai dilaksanakan sepenuhnya di negara Asia yang lain.[65] Model ini jika ingin dicontohi perlu diubahsuai berdasarkan keperluan tempatan.

Walau bagaimanapun bekas-bekas pelajar Malaysia di Jepun mempunyai pandangan mereka yang tersendiri dalam hal ini. Maklum balas daripada pelajar menunjukkan 80.8% bersetuju Jepun sesuai sebagai model pembangunan bagi Malaysia tetapi hanya dalam aspek tertentu seperti amalan sikap positif, pembangunan fizikal dan ekonomi. Sebaliknya mereka berpendapat dalam aspek pembangunan rohani dan sosial, teladan yang ditunjukkan masyarakat Jepun adalah buruk kerana mereka juga terpengaruh dengan cara hidup Barat. Jika kedudukan Jepun sebagai sebuah negara Asia yang kekurangan sumber alam dan tewas dalam Perang Dunia Kedua tetapi kemudiannya muncul sebagai sebuah kuasa ekonomi dunia mahu dijadikan contoh maka Jepun memang

---

[65] Shamsul Amri Baharudin, Profesor Sosiologi di Universiti Kebangsaan Malaysia manakala Wendy A. Smith dari Bahagian Pengajian Jepun, Universiti Monash, Australia. Lihat kertas kerja mereka,"Japanese Model of Development: Some Facts and Fallacies from a Malaysian Experience" di *Seminar Models of Development: The Role of Japanese Studies*, anjuran Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 18-19 Januari,1995, Petaling Jaya.

sesuai sebagai model dan sumber inspirasi bagi Malaysia. Sebahagian besar pelajar bersetuju kemajuan Jepun banyak dipengaruhi oleh sikap rakyatnya yang positif dalam memacu aktiviti ekonomi. Walaupun mereka mengimport bahan mentah seperti petroleum, gas dan getah tetapi mereka menjadi pengeksport yang begitu berpengaruh di dunia. Tidak dapat dinafikan bahawa kelebihan Jepun dalam lapangan perindustrian adalah kerana kebolehan mereka mempelajari dan mengubah suai teknologi Barat dan pada masa yang sama mengekalkan etika kerja masyarakatnya yang menekankan nilai-nilai positif seperti rajin, dedikasi dan setia. Sepertimana dinyatakan Profesor Shamsul Amri dan Wendy Smith:

> *"Therefore, when the whole of Japanese society and culture was undergoing almost a self- directed and self- controlled experience of modernisation, it was able not only to separate the two major conceptual components of the western derived modernisation, namely the modernity component (the materialist content such as science and technology, industrialisation, organisation of capital etc.) and the modernism component (the ideological content such as religion, culture, rituals etc.) but also modified and re combined them in a creative way to suit their historical-structural circumstances and long-term interest".* [66]

Jepun berjaya menggunakan kedudukannya yang bebas daripada penjajahan untuk memilih unsur tertentu dari Barat bagi memodenkan negaranya. Mereka bertindak mengubahsuai unsur Barat dengan cara yang kreatif dan memajukannya dalam jangka masa panjang. Kejayaan Jepun dalam aspek tertentu seperti mengggunakan bahasanya secara meluas merupakan satu contoh yang baik. Walaupun mereka mencontohi Barat namun tindakan itu lebih bersifat pemindahan pengetahuan dan bukannya bahasa, keadaan yang jauh berbeza dengan negara Asia yang lain. Ikhsan Othman memberikan contoh bagaimana

[66] Shamsul Amri Baharudin, m.s. 3

kekagumannya terhadap penggunaan bahasa Jepun apabila melihat hanya terdapat sebuah kamus Jepun–Indonesia dan akhbar Mainichi Shimbun dalam bahasa Inggeris di perpustakaan tempatnya belajar di Universiti Mie. Baginya inilah satu contoh bagaimana sebuah negara maju yang berjaya mendaulatkan penggunaan bahasanya.[67]

Seorang pelajar lain berpendapat jika Jepun berjaya mencapai kemajuan yang tinggi hasil sikap positif rakyatnya maka tiada mustahil Malaysia akan mencapai kedudukan yang sama jika pemikiran dan sikap rakyat dapat diubah. Baginya tindakan menjadikan Jepun sebagai model pembangunan adalah wajar kerana mereka telah mencapai kejayaan seperti yang diharapkan. Bekas pelajar yang kini berusia 34 tahun dan bertugas sebagai penolong pengurus di Canon Opto Sdn. Bhd. di Shah Alam menyatakan banyak perubahan telah berlaku terhadap budaya tradisi masyarakat Jepun sejak 20 tahun yang lepas akibat pengaruh Barat. Baginya kesesuaian menjadikan Jepun sebagai model perlu mengambilkira perubahan ini supaya Malaysia hanya meniru perkara yang baik dan bukannya yang buruk. Pandangannya mengandungi unsur bimbang kerana seperti yang diketahui masyarakat Jepun juga mempunyai kelemahannya yang tersendiri. Generasi muda Jepun pula sedang mengalami krisis nilai akibat pengaruh Barat dan tumpuan berlebihan terhadap pelajaran dan kerjaya. Seorang penulis Jepun, Ryu Murakami mengatakan, remaja yang gagal dalam pelajaran dan mendapat kerjaya yang diidamkan melepaskan perasaan dengan melibatkan diri dengan permainan video, muzik, fesyen Hollywood, seks, dadah dan kultus. Mereka dikatakan mahu membalas dendam kepada masyarakat.[68] Hal seperti ini diakui oleh seorang bekas pelajar perempuan lulusan bidang sains pertanian di Universiti Hiroshima (1984-1988) yang mengakui wujudnya masalah sosial dalam kalangan generasi muda

[67] Ikhsan Othman

[68] Ryu Murakami dan Bertrand Desprez, "Remaja Jepun Menghadapi Cabaran", *Kurier UNESCO*, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Bil. 3, 2000, ,m.s. 3-5.

Jepun. Baginya masalah ini mempunyai kaitan dengan sikap masyarakat Jepun yang terlalu pentingkan kerja, mencari hiburan di luar dan kekurangan masa kepada keluarga. Beliau berpendapat sebagai komuniti Asia, institusi keluarga adalah warisan penting yang perlu dipertahankan kerana memainkan peranan penting dalam pembinaan negara tetapi jika ianya diabaikan kesan jangka panjangnya adalah buruk sekali. Oleh yang demikian dalam aspek ini Jepun tidak sesuai sebagai model pembangunan. Jika Malaysia mahu menjadikan Jepun sebagai model pembangunan maka aspek yang sesuai dicontohi hanyalah sikap positif rakyatnya selain pembangunan fizikal dan bukannya aspek moral.

Kesimpulan daripada pengalaman pelajar Malaysia yang berpeluang belajar di Jepun adalah menarik. Seratus peratus bekas pelajar yang diajukan persoalan ini menyatakan pengalaman mereka adalah menarik kerana terdedah kepada banyak perkara baru. Selain belajar dalam bidang tertentu mereka juga berpeluang mempelajari budaya masyarakat Jepun yang unik itu. Pandangan pelajar terhadap berbagai aspek budaya Jepun yang mahu dicontohi boleh disimpulkan dengan ungkapan,"yang baik adalah teladan, yang buruk menjadi sempadan", yang membawa pengertian jika mahu mencontohi Jepun contohilah hanya yang baik agar hasilnya juga adalah kebaikan.

Persepsi Pelajar Terhadap Budaya Masyarakat Jepun

Dalam tempoh belajar di negara matahari terbit, pelajar Malaysia berkesempatan melihat dari dekat sifat dan sikap masyarakat Jepun yang unik. Daripada sudut pandangan orang luar, masyarakat Jepun mempunyai kualiti tertentu yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Kualiti ini merujuk kepada sikap positif seperti rajin, menepati masa dan menjaga kebersihan. Kualiti masyarakat Jepun penting untuk dibincangkan memandangkan ia merupakan faktor yang menyumbang kepada kemajuan negara mereka

sepertimana yang dakwaan sesetengah tokoh politik dan ahli akademik. Walaupun terdapat pandangan yang menyanggah pendapat ini namun tokoh seperti Vogel atau Mahathir Mohamad begitu yakin dengan kepentingan kualiti budaya ini dalam memacu pertumbuhan ekonomi. Dalam tulisannya, *Japan As Number One Lesson for America*,[69] Vogel memuji masyarakat Jepun yang berjaya mempelajari ilmu pengetahuan serta teknologi Barat dalam tempoh yang singkat kerana dorongan semangat untuk maju. Pandangan Vogel mewakili segelintir masyarakat Barat yang pada asasnya mempunyai perbezaan budaya dengan Jepun tetapi di Asia, pemimpin seperti Lee Kuan Yew dan Mahathir Mohamad turut kagum dengan budaya masyarakat Jepun. Dr. Mahathir yang melancarkan Dasar Pandang Ke Timur pada awal pentadbirannya bertujuan mencontohi Jepun menegaskan pembangunan sumber manusia adalah penting bagi menjana pertumbuhan ekonomi.[70] Beliau kagum dengan keupayaan Jepun menggunakan tenaga manusia bagi menggantikan sumber alam sehingga berjaya muncul sebagai gergasi ekonomi. Jadi adalah penting bagi rakyat Malaysia melihat dan menilai budaya kerja yang diamalkan masyarakat Jepun bagi membolehkan mereka menirunya. Jika demikian harapan pemimpin, bagaimana pula dengan persepsi bekas pelajar Malaysia terhadap budaya masyarakat Jepun.

Jadual berikut memberi gambaran secara menyeluruh pandangan bekas pelajar Malaysia terhadap lima belas ciri atau sikap masyarakat Jepun.

---

[69] Vogel Ezra F., *Japan As Number One Lessons For America* (Massachusette: Harvard University Press,1979).

[70] Tokoh-tokoh seperti di atas sering mengaitkan kemajuan Jepun moden dengan sikap positif rakyatnya namun dari perspektif sejarah satu perkara yang tidak dapat dinafikan menyumbang kepada kemajuan Jepun ialah warisan kemajuan yang ditinggalkan regim Tokugawa. Sejarawan tempatan Abu Talib Ahmad dalam bukunya *Tamadun Jepun* mengupas legasi Tokugawa ini dengan menyebut kemajuan yang berlaku ketika itu termasuk kemajuan ekonomi, pertumbuhan pesat penduduk, perkembangan pesat sektor pertanian, pertumbuahn pesat bandar dan corak pemerintahan autokrasi yang berjaya mententeramkan negara. Kemajuan yang digerakkan Tokugawa ini meletakkan asas kukuh bagi pemulihan Meiji yang memulakan modenisasi Jepun. Lihat huraian Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

Jadual 5. 3 : Pandangan pelajar Malaysia terhadap ciri-ciri dan sikap masyarakat Jepun

Ciri-ciri/ sikap masyarakat Jepun	Setuju (peratus)	Tidak setuju(peratus)
Rajin	90.2	9.8
Bersungguh-sungguh	100	0
Menepati masa	100	0
inovatif	86.3	13.7
Sedia berkorban untuk negara	62.7	37.3
Pentingkan matlamat kumpulan	94.1	5.9
Pentingkan produktiviti	98.0	2.0
Pentingkan pendidikan	92.0	8.0
Rajin membaca	98.0	2.0
Menjaga kebersihan	98.0	2.0
Menghormati ketua dan golongan tua	88.2	11.8
Berdisiplin	92.8	7.8
Mengambil berat amalan agama	17.6	82.4
Pentingkan kerja daripada perkara lain	96.1	3.9
Nasionalistik	62.0	38.0

Secara keseluruhannya pelajar-pelajar Malaysia mengakui kualiti masyarakat Jepun yang mengamalkan sikap positif dalam kehidupan seharian mereka. Daripada 15 kenyataan seperti terdapat dalam jadual di atas, mereka bersetuju dengan 14 kenyataan berkaitan. Seramai 90.2% daripada mereka bersetuju masyarakat Jepun rajin bekerja manakala 100% bersetuju mereka bersungguh-sungguh dan menepati masa. Dalam kedua-dua aspek ini, kesungguhan dan menepati masa tiada sebarang keraguan timbul apabila

kesemua bekas pelajar seramai 52 responden kajian menyatakan pandangan yang sama. Sikap rajin dan bersungguh-sungguh adalah berkait rapat dan biasanya diamalkan serentak. Kerajinan dan kesungguhan menjadi tradisi yang diamalkan segenap lapisan masyarakat Jepun. Sikap ini mendorong kadar pengeluaran yang tinggi dalam sektor perindustrian yang menjadikan barangan Jepun amat kompetitif di pasaran antarabangsa malahan Jepun walaupun mempunyai keluasan tanah yang terhad untuk sektor pertanian namun kadar pengeluaran beberapa tanaman utamanya adalah tinggi berbanding negara lain. Sungguhpun tidak dapat dinafikan kadar pengeluaran tinggi ini turut disumbangkan faktor lain seperti penggunaan teknologi namun sikap rajin dan bersungguh-sungguh masih memainkan peranan yang penting. Seorang bekas pelajar Universiti Tsukuba dalam jurusan kejuruteraan mekanikal yang kini melanjutkan pengajiannya pada peringkat PhD di Universiti Malaya berkata,"suami malu pada isterinya jika pulang bekerja awal. Mereka berlumba-lumba untuk pulang lewat". Walau bagaimanapun pandangannya disambut secara sinis oleh seorang bekas pelajar yang berkata, "memang suami tersebut pulang lewat ke rumah kerana beliau mengunjungi kelab malam mencari hiburan". Perkara ini merupakan amalan biasa di Jepun. [71]

Bekas duta Malaysia ke Jepun, Tan Sri Khatib Abdul Hamid juga mengakui masyarakat Jepun amat gilakan kerja (*workaholic*). Beliau memberikan contoh pekerja bangsa Jepun yang bekerja di kedutaan begitu rajin dan bersungguh-sungguh ketika bekerja. Selepas bersara dan menjadi ahli lembaga pengarah UMW Toyota sebuah syarikat usahasama tempatan dengan Jepun, beliau sekali lagi melihat kerajinan dan kesungguhan merupakan amalan penting pekerja Jepun. Dalam hal ini, pihak UMW mengamalkan polisi menyerahkan bahagian pengeluaran kepada pekerja Jepun sementara mereka menerajui

[71] Temubual dengan Jaafar Lambi .

bahagian pengurusan dan pemasaran. Perkara ini tidak dapat dielakkan memandangkan pekerja Jepun memiliki kesungguhan dan menguasai teknologi yang diperlukan.[72] Walau bagaimanapun dalam hal pengurusan syarikat subsidiari atau usaha samanya di seberang laut, syarikat multi nasional Jepun biasanya mempunyai dasar pengurusannya yang tersendiri. Kajian yang dijalankan Mitsuhide Shiraki dari Universiti Waseda menunjukkan syarikat Jepun di seberang laut mengawal operasi syarikat melalui beberapa pendekatan seperti menghantar ekspatriat Jepun mengetuai pengurusan, memanggil pengurusan hadir mesyuarat di Jepun, melakukan pemindahan kuasa, urusan kewangan dijalankan oleh ibu pejabat dan mengedarkan pekeliling berkaitan falsafah dan matlamat syarikat kepada pekerja.[73] Perkara ini dilakukan bagi menjamin operasi syarikat subsidiari atau usaha sama sentiasa mengikut panduan syarikat induk.

Amalan berikutnya yang diamalkan secara meluas di Jepun ialah menepati masa. Masyarakat Jepun mengambil berat soal ketepatan masa sama ada bagi pertemuan rasmi atau sebaliknya. Mengikut pandangan pelajar Malaysia, kebanyakan acara atau program yang dijalankan berjalan tepat pada masa yang dijadualkan. Jika berlaku kelewatan sekalipun ia hanya mengambil masa di sekitar lima hingga sepuluh minit. Keputusan kajian menunjukkan seratus peratus bekas pelajar bersetuju dengan kenyataan masyarakat Jepun amat menepati masa. Hj. Zainol Abu Kassim menceritakan pengalamannya melihat bagaimana sikap menepati dan menghargai masa yang diamalkan di sana. Dalam sesuatu temujanji, seseorang biasanya akan menunggu sepuluh minit lebih awal daripada waktu yang ditetapkan namun jika pihak yang mahu ditemuinya tidak datang tepat pada

[72] Temubual dengan Tan Sri Khatib Abdul Hamid pada 9 Ogos 2006.

[73] Lihat Mitsuhide Shiraki,"Western multi nationals management of human resources in Asean and its implications for Japanese multi nationals", *Prooceding 6th International Conference on Japanese Studies 1999, Japan-Southeast Asia Relations*, Department of Japanese Studies, National University of Singapore, 1-2 Oct. 1999, m.s. 147-156.

waktunya, beliau hanya akan menunggu selama sepuluh minit lagi dan beredar pergi. Walau bagaimanapun menjadi kebiasaan di Jepun seseorang itu akan menulis nota di papan kenyataan yang disediakan di kebanyakan tempat awam seperti stesen bas atau keretapi menyatakan kehadirannya menunaikan janji. Perkara ini dilakukan bagi kemudahan pihak yang berjanji bertemu dengannya jika berlaku sebarang masalah seperti kelewatan yang tidak disengajakan. Dalam sesuatu majlis yang memerlukan kehadiran seseorang tokoh tertentu, penganjur biasanya mempersembahkan penonton dengan apa-apa acara yang bersesuaian bagi mengisi masa lapang sebelum ketibaan tokoh berkenaan. Acara sampingan ini dapat mengelakkan masa terbuang begitu sahaja.[74]

Tan Sri Khatib turut memberikan komen tentang sikap menepati janji masyarakat Jepun ini. Beliau berpendapat sikap ini begitu penting kepada masyarakat perniagaan yang memiliki masa terbatas bagi menjalankan sesuatu urusan. Kebaikan sikap ini ialah dapat menjimatkan masa dan meningkatkan produktiviti. Berdasarkan pengalamannya yang pernah bertugas di Mesir, amalan menggunakan masa di Jepun amat berbeza dengan di negara Timur Tengah, masyarakatnya sukar menepati masa dan selalu menangguhkan temu janji. Dalam hal ini beliau berkata secara sinis situasi terbalik berlaku apabila sikap menepati masa yang amat dituntut ajaran Islam diamalkan oleh masyarakat bukan Islam sebaliknya di negara majoriti umat Islam, sikap seperti ini tidak diamalkan secara meluas.

Amalan menepati masa yang diamalkan di Jepun didorong oleh beberapa faktor. Menurut Rozmadi Abdul Hamid bekas pelajar yang kini jurutera kanan di syarikat komputer Dell, sikap menepati masa yang diamalkan di Jepun didorong oleh dua perkara iaitu budaya dan sistem yang diamalkan. Amalan ini merupakan budaya masyarakat Jepun kerana ia menjadi kebiasaan dan diamalkan secara meluas dalam semua aktiviti meliputi

[74] Temubual dengan Hj. Zainol Abu Kasim

sektor kerajaan, swasta dan hubungan informal. Kakitangan kerajaan dan swasta datang bertugas tepat pada waktunya dan jarang terdapat mereka yang mencuri tulang semasa bekerja. Seseorang yang datang lewat bertugas atau menghadiri perjumpaan dilihat secara sinis oleh rakan-rakannya menyebabkan ia merasa bersalah. Orang Jepun biasanya akan menghubungi pihak yang mahu ditemuinya terlebih dahulu melalui telefon misalnya jika beliau tidak dapat hadir pada waktu yang ditetapkan kerana sesuatu masalah. Tindakan ini mencerminkan sikap prihatin dan mengambil berat terhadap janji yang dibuat.[75]

Rozmadi juga berpendapat sikap menepati masa yang diamalkan di Jepun turut dipengaruhi oleh faktor seperti kecekapan sistem yang digunakan. Beliau memberi contoh tentang kecekapan sistem pengangkutan awam seperti bas dan keretapi di sana. Ketibaan dan perjalanan bas dan keretapi berjalan tepat pada masanya membolehkan seseorang itu merancang perjalanan dengan tepat dan berkesan. Kecekapan sistem pengangkutan awam menjadikan ia popular dan dapat mengurangkan kenderaan persendirian, situasi ini membantu mengurangkan kesesakan lalulintas terutamanya di bandar besar. Hal yang sebaliknya berlaku di Malaysia di mana sistem pengangkutan awamnya masih mempunyai banyak kelemahan, kesesakan ketara di kawasan bandar dan kesukaran merancang perjalanan dengan tepat. Perkara seperti ini merupakan satu halangan bagi seseorang merancang penggunaan masa yang sewajarnya.

Aspek berikutnya yang dilihat mencerminkan kualiti masyarakat Jepun ialah bersikap inovatif, sedia berkorban untuk negara, mementingkan matlamat kumpulan daripada individu di samping mementingkan produktiviti dan keberkesanan. Berdasarkan maklum balas yang diterima, pada keseluruhannya responden bersetuju sikap yang dinyatakan di atas terdapat pada masyarakat Jepun. 86.3% daripada mereka bersetuju

[75] Temubual dengan Rozmadi Abdul Hamid

masyarakat Jepun bersikap inovatif, 62.7% berkata mereka bersedia berkorban untuk negara, 94.1% mementingkan matlamat kumpulan daripada individu dan 98% lagi bersetuju masyarakat Jepun pentingkan produktiviti dan keberkesanan. Penilaian ini dibuat secara umum meliputi pelbagai sektor berdasarkan pemerhatian dan pengalaman pelajar Malaysia di Jepun. Daripada empat perkara yang dinilai hanya aspek sedia berkorban untuk negara memperolehi skor di bawah lapan puluh peratus iaitu 62.7%. Aspek ini mungkin lebih bersifat subjektif dan berubah-ubah mengikut kepentingan semasa. Walau bagaimanapun pendapat Dr. S. Sakamoto, Ketua Pengajar Jepun di Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya mungkin relevan dalam perkara ini; beliau berkata generasi muda Jepun masa kini (generasi selepas perang) tidak lagi mempunyai semangat juang dan sedia berkorban seperti generasi terdahulu yang sanggup melakukan segala-galanya untuk negara.[76]

Salah seorang bekas penuntut Malaysia dari Universiti Okayama dalam jurusan kejuruteraan kimia pada tahun 1986-1990 berpendapat asas kepada kejayaan Jepun dalam bidang perindustrian ialah kerana adanya pengetahuan, bersikap inovatif dan kreatif. Sikap ini membolehkan Jepun melakukan transformasi ekonomi dengan jayanya apabila dapat mengubahsuai teknologi Barat yang dipelajarinya. Keupayaan mencipta dan mengubahsuai sesuatu barangan di Jepun adalah tinggi, jadi tidaklah menghairankan jika barangan seperti kereta, komputer, kamera, set radio dan televisyen mengalami pertukaran model yang kerap. Menurut bekas pelajar ini yang kini bertugas sebagai pengurus di Cerdas Research Consulting Group, sektor industri Jepun memberi perhatian bersungguh-sungguh kepada bidang penyelidikan dan pembangunan(R&D) bagi menghasilkan pelbagai barangan baru yang berkualiti tinggi dengan kos yang rendah. Beliau berpendapat inilah antara rahsia

[76] Pandangan S. Sakamoto

kejayaan Jepun dapat bertanding di pasaran dunia yang mencabar iaitu dengan menghasilkan barangan baru yang berkualiti dan berharga rendah walaupun mereka sebenarnya hanya mengubahsuai teknologi Barat.

Pandangan ini selaras dengan pendapat penulis seperti Masanori Moritani yang menyatakan pola utama pembangunan teknologi Jepun selepas Perang Dunia Kedua ialah penyerapan teknologi Eropah dan Amerika dan kemudian memperbaiki dan meningkatkan tarafnya. Walau bagaimanapun beliau berkata, "teknologi sangat kuat dipengaruhi oleh hukum permintaan dan penawaran". Jepun tiada pilihan untuk bersaing dengan Eropah dan Amerika melainkan berjaya mencipta atau mengubahsuai teknologi baru. Kini mereka memimpin dunia dalam teknologi mencegah pencemaran alam seperti proses penurunan sulfur, proses penurunan nitrogen dan kawalan ekzos kenderaan yang disebabkan adanya permintaan atau keperluan yang menyeluruh, dalam perkataan yang lain permintaan yang kuat bagi pembangunan teknologi dan kreativiti untuk mengekang keadaan pencemaran udara yang kian membahayakan di Jepun, suatu masalah yang timbul terlebih awal di Jepun berbanding dengan di negara-negara lain. Hal yang sama juga berlaku dalam teknologi penjimatan tenaga; rakyat Jepun terpaksa kreatif mencipta teknologi mengatasi masalah ini.[77]

Sikap mementingkan kumpulan, keberkesanan dan peningkatan produktiviti adalah saling berkait rapat. Mengikut pendekatan pengurusan, produktiviti tinggi merupakan matlamat yang ditetapkan dalam pengeluaran manakala amalan mementingkan kumpulan dan keberkesanan proses yang dijalankan adalah kaedah yang dipakai dalam mencapai matlamat tersebut. Perkara ini tidak dapat dinafikan diamalkan secara meluas di

[77] Lihat Masanori Moritani, *Teknologi Jepun* terjemahan daripada *Japanese Technology* oleh Mohd. Fadzil Akra (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989) m.s. 18.

Jepun. Bagi masyarakat Jepun, semangat mementingkan kumpulan ini bererti seseorang individu perlu meletakkan kepentingan kumpulan atau organisasi melebihi kepentingan dirinya sendiri. Falsafah ini berkait rapat dengan tanggapan bahawa diri individu itu sendiri adalah dimiliki atau dipunyai oleh kumpulan tertentu. Di Jepun seseorang tidak dirujuk semata-mata berdasarkan ciri-ciri peribadinya tetapi lebih kepada kedudukannya dalam bidang sosial. Penekanan diberikan lebih terhadap kumpulan berbanding dengan individu. Kumpulan yang dimaksudkan mungkin berupa tempat tinggal, tempat kerja atau tempat belajar. Apabila seseorang dianggap telah dimiliki oleh kumpulan tertentu maka individu terbabit memikul tanggungjawab mempertahankan matlamat dan reputasi kumpulannya melebihi dirinya sendiri.[78] Pengkaji seperti Ezra Vogel turut mengakui perkara seperti ini dengan menjelaskan bahawa kejayaan ekonomi Jepun adalah dorongan daripada sikap mementingkan kumpulan atau bekerja bersama yang membantu meningkatkan keluaran sektor industrinya. Menurut Vogel kekuatan Jepun bukan hanya terletak kepada kemampuannya menguasai teknologi namun turut dipengaruhi unsur dalaman seperti bekerja dan membuat keputusan secara bersama.[79]

Pandangan para sarjana ini selari dengan pendapat bekas pelajar yang melihat dari dekat bagaimana amalan mementingkan kumpulan ini diamalkan di Jepun. Bagi mereka amalan ini meninggalkan kesan positif dan negatif. Kesan positif tentunya dirasai oleh masyarakat Jepun tetapi kesan negatifnya lebih dirasai oleh golongan lain. Jamaludin Karim bekas penuntut kejuruteraan mekanikal Universiti Hiroshima tahun 1985-1989 melihat bagaimana sistem bekerja secara berkumpulan mampu menyelesaikan masalah

---

[78] Huraian lanjut tentang perkara ini, lihat T.S. Lebra , *Japanese Pattern of Behaviour* (Honolulu: University Press of Hawaii, 1976). Tentang sikap pentingkan kumpulan ini, huraian menarik terdapat juga dalam Chie Nakane, *Japanese Society* (Tokyo: Charles E. Tuttle Co. Inc., 1974).

[79] Ezra F. Vogel, *Japan;s As Number One Lessons For America*..

secara cepat dan meningkatkan pengeluaran industri kerana dorongan kerjasama yang kuat dalam kalangan pekerja sesebuah syarikat. Hubungan di antara pekerja menjadi rapat kerana mereka bernaung di bawah satu bumbung dan bekerja bersama bagi mencapai matlamat syarikat. Jika terdapat persaingan sekalipun, ia tidak lebih daripada saingan di antara kumpulan yang diwujudkan bagi berlumba-lumba meningkatkan pengeluaran masing-masing. Beliau yang pernah bekerja sebagai pelatih di Jepun selama dua tahun setelah tamat belajar menyatakan semangat bekerja secara berkumpulan atau *groupisme* ini begitu kuat di Jepun sehingga terasa sukar untuk diikuti oleh masyarakat luar. Di sini jugalah timbul kesan negatifnya apabila masyarakat Jepun terlalu mementingkan bangsanya sendiri dalam urusan pekerjaan dan perniagaan sehingga amat sukar bagi orang lain mendapat faedah daripada hubungan dengan mereka. Keadaan ini berpunca daripada sikap taksub mereka kepada kumpulan dan bangsa sendiri. Beliau bersetuju dengan pendapat yang mengatakan asas perhubungan masyarakat Jepun adalah hubungan bercorak vertikal atau menegak yang banyak mempengaruhi pembentukan sikap mereka. Salah satu ciri tersebut ialah hubungan istimewa yang wujud dalam kalangan anggota masyarakatnya yang homogen, berkongsi fahaman agama dan mengamalkan budaya yang sama. Berbeza dengan masyarakat berbilang bangsa dan agama di tempat lain, mereka lebih mudah membina hubungan dan persefahaman di antara satu sama lain.[80]

Sikap berikutnya yang diperhatikan menjadi amalan masyarakat Jepun ialah mementingkan pendidikan, rajin membaca dan menjaga kebersihan. Ketiga-tiga amalan ini merupakan sikap positif yang menjadi sebahagian budaya masyarakat Jepun yang ingin dijadikan contoh oleh negara lain termasuk Malaysia. Hakikatnya sikap masyarakat Jepun yang pentingkan pendidikan dan rajin membaca ini diakui oleh pelajar-pelajar Malaysia.

[80] Temubual dengan Jamaludin Karim pada 5 Julai 2006.

Tinjauan menunjukkan 92% daripada mereka bersetuju dengan kenyataan tersebut sementara 98% lagi bersetuju masyarakat Jepun rajin membaca

Mementingkan pendidikan dan sikap rajin membaca adalah dua perkara yang selari. Kadar celik huruf yang tinggi membolehkan rakyat terbanyak membaca sebagai saluran mendapatkan maklumat dan pengetahuan walaupun hanya sekadar membaca komik atau kartun. Perkembangan pesat pendidikan di Jepun bermula sejak zaman pemulihan Meiji yang mengambil inisiatif memajukan bidang pendidikan berasaskan idea Barat. Penasihat dan guru-guru dari Barat diambil berkhidmat di Jepun. Walau bagaimanapun pemerintah Meiji memperkenalkan falsafah pendidikannya yang tersendiri dengan mengambilkira matlamat pendidikan yang ditetapkan. Kod pendidikan yang diumumkan pada 1872 menyatakan pendidikan vokasional akan diberi keutamaan seperti di Barat tetapi asasnya pendidikan masih bertujuan memberikan peluang kepada rakyat, "...learn the cultivation of morals, the improvement of intellect and proficiency in arts, such as to enable the individual to raise himself, manage his property and prosper in his business; and it was to provide for every need from language, writing and reckoning for daily use to knowledge necessary for official, farmers, merchants and artisans".[81]

Pemodenan bidang pendidikan yang dimulakan Meiji mengalami kemajuan yang pesat dalam masa yang singkat. Menjelang tahun 1880, terdapat 28,000 buah sekolah rendah di seluruh Jepun dengan murid seramai dua juta orang. Angka ini mewakili 40% daripada jumlah kanak-kanak yang sepatutnya belajar pada peringkat rendah. Walaupun peratus kehadiran kurang memuaskan iaitu hanya 46% pada tahun 1886 tetapi kadar ini meningkat kepada 60% pada 1895 dan mencapai 90% pada 1900. Peningkatan kehadiran

[81] Dipetik daripada W.G. Beasley, *The Rise of Modern Japan Political,Economic and Social Change Since 1850,*Third Edition (London : Weidenfeld And Nicolson, 2000) m.s. 94

ke sekolah pada peringkat rendah ini membuktikan peningkatan kesedaran masyarakat untuk mendapatkan pelajaran. Dalam tempoh yang sama, persekolahan peringkat menengah juga mengalami kemajuan yang pesat walaupun tidak diwajibkan. Kerajaan menubuhkan sekolah peringkat menengah pada 1881, pada 1886 sekolah menengah tinggi (dinamakan sekolah tinggi pada 1894) dan pada 1889 sekolah tinggi perempuan telah ditubuhkan. Bagi melatih guru, sekolah latihan normal ditubuhkan pada 1872.

Kemuncak kepada perkembangan pendidikan pada penghujung kurun ke-19 ini ialah penubuhan Universiti Diraja Tokyo pada 1886 yang bertujuan melahirkan teknokrat dan ahli pengurusan. Sebelumnya dua buah universiti swasta yang terkemuka ditubuhkan iaitu Universiti Keio oleh Fukuzawa Yukichi pada tahun 1858 dan Universiti Waseda oleh Okuma Shisenabu pada tahun 1882.[82] Perkembangan pesat bidang pendidikan di Jepun menunjukkan pada penghujung abad ke-19, mereka telah mempunyai satu sistem pendidikan yang hampir lengkap pada peringkat rendah, menengah dan tinggi. Keadaan ini jauh berbeza dengan perkembangan bidang pendidikan di negara-negara Asia yang lain yang masih mundur kerana rata-ratanya masih dibelenggu penjajahan. Penyebaran pendidikan secara meluas sejak zaman pemulihan Meiji mempengaruhi kadar kemajuan Jepun sehingga selepas Perang Dunia Kedua. Walaupun mengalami kemusnahan serius Jepun mengambil tindakan pantas membangunkan semula negaranya. Rakyatnya menunjukkan minat dan memberi perhatain yang serius kepada bidang pelajaran. Persaingan bagi memasuki sekolah elit dan universiti terbaik seperti Universiti Tokyo atau Waseda amat tinggi kerana reputasi institusi berkenaan.

Seorang bekas pelajar Malaysia dalam bidang teknologi pendidikan di Universiti Mei, Ikhsan Othman melihat bagaimana minat terhadap pelajaran diterjemahkan dalam

[82]Beasley, m.s. 95

kehidupan seharian masyarakat Jepun melalui tabiat seperti rajin membaca, mencari maklumat dan sentiasa inginkan pengetahuan baru. Minat membaca di Jepun meliputi semua golongan masyarakat dan tidak terbatas kepada pelajar sahaja. Orang awam kelihatan membaca akhbar, majalah atau buku bagi mengisi masa lapang seperti ketika menunggu bas, keretapi atau berehat di tempat kerja. Walau bagaimanapun melalui pemerhatiannya, Ikhsan mendapati masyarakat Jepun lebih gemar bacaan ringan seperti kartun atau komik yang dipasarkan secara meluas di sana. Beliau berpendapat penyampaian maklumat atau mesej kepada masyarakat awam lebih mudah dilakukan melalui komik atau kartun yang menggunakan bahasa yang ringkas dan ilustrasi.[83]

Mengenai sikap menjaga kebersihan, Ikhsan berpendapat sikap tersebut telah menjadi budaya masyarakat Jepun. Beliau melihat bagaimana kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan timbul secara sukarela tanpa paksaan berbanding di sesetengah negara lain yang perlu menggunakan undang-undang bagi menjaga kebersihan. Satu peristiwa kecil yang menjadi pengalaman baginya ialah ditegur jirannya kerana membuang sisa makanan ke dalam longkang di belakang rumah, tindakan yang tidak sepatutnya dilakukan. Mengikut amalannya, sisa makanan atau sampah perlu dikumpulkan untuk dibuang pada hari yang ditetapkan. Pengurusan sisa pepejal dan sampah juga diuruskan dengan cekap menggunakan teknologi moden yang dapat mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar. [84]

Fokus kajian seterusnya ialah melihat pandangan pelajar Malaysia terhadap masyarakat Jepun dalam hal menghormati ketua dan golongan tua, berdisiplin, pentingkan kerja, nasionalistik dan mengambil berat ajaran agama. Daripada lima ciri yang

[83] Temubual dengan Ikhsan Othman pada 20 Julai 2006. Ikhsan bertugas sebagai pensyarah asas pendidikan di Fakulti Sains Kognitif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
[84] Ikhsan Othman

disenaraikan hanya empat perkara diamalkan oleh orang-orang Jepun. 88.2% daripada bekas pelajar bersetuju orang-orang Jepun menghormati ketua; 92.2% mengatakan mereka berdisiplin; 96.1% mementingkan kerja daripada perkara lain; nasionalistik 62% manakala hanya 17.6% bersetuju mereka mengambil berat ajaran agama. Pandangan terakhir ini bermakna 82.4% daripada bekas pelajar yang disoal tidak bersetuju masyarakat Jepun berpegang kuat dengan ajaran agama samada Shinto, Budha atau ajaran Konfucian.

Bekas pelajar Malaysia seterusnya memberikan maklum balas yang positif terhadap empat daripada lima perkara yang diajukan kepada mereka. Memang tidak dapat dinafikan keempat-empat ciri tersebut iaitu hormatkan ketua, berdisiplin, pentingkan kerja dan berjiwa nasionalistik merupakan budaya masyarakat Jepun. Menurut Dr. S. Sakamoto, sikap hormatkan ketua dan berdisiplin adalah budaya teras yang menjadi tradisi masyarakat Jepun. Amalan hormatkan ketua dan berdisiplin lahir daripada tradisi ajaran Konfucian dan pengaruh falsafah Bushido yang amat berpengaruh sebelum abad ke-19.[85] Masyarakat tradisi Jepun kuat berpegang kepada ajaran Konfucian yang menekankan lima prinsip asas dalam hubungan sesama manusia iaitu anak mesti menghormati ibu bapa, isteri menghormati suami, orang muda menghormati orang tua, murid menghormati guru manakala rakyat mentaati raja. Prinsip ini sepertimana dihuraikan Fukutake Tadashi merupakan asas kepada pembentukan keluarga tradisional Jepun yang dikenali sebagai *ie*. Mengikut prinsip dan amalannya, dalam keluarga tradisional Jepun seseorang bapa menduduki hierarki teratas dalam keluarga dan menerima penghormatan tidak berbelah bagi daripada anggota keluarganya. Kedudukan anak-anak dalam keluarga ditentukan oleh jantina dan umur masing-masing di mana anak lelaki sulung mendapat keutamaan sebagai

[85] Temubual dengan S. Sakamoto

bakal waris keluarga.[86] Prinsip penghormatan kepada golongan tua dan lelaki ini masih mempengaruhi masyarakat Jepun walaupun berlaku reformasi struktur feudal yang dilakukan Maharaja Meiji pada pertengahan kedua kurun ke-19.

Falsafah yang menjadi teras masyarakat tradisional kini dibawa ke zaman moden dengan mempraktikkan amalannya dalam bidang sosial dan pengurusan melalui konsep *sempai* dan *kohai* dan senioriti. Menurut Jaafar Jambi, konsep senior (*sempai*) dan junior (*kohai*) diamalkan secara meluas di Jepun. *Kohai* perlu menujukkan rasa hormat kepada *sempai* termasuk bertutur menggunakan bahasa lembut atau beradab kerana faktor usia dan senioriti dalam pengajian. Perkara yang sama diamalkan dalam bidang pengurusan yang mengutamakan senioriti dalam kenaikan pangkat. Walaupun generasi baru Jepun mula mempersoalkan sistem ini yang didakwa menghalang prospek kerjaya golongan muda namun secara umumnya kebanyakan firma Jepun masih menjadikan senioriti sebagai satu ciri penting pengurusan mereka.

Salah seorang bekas penuntut Malaysia dalam bidang kejuruteraan di Universiti Tokyo pada tahun 1984-1989, Abdullah Daud mengakui hakikat kepentingan senioriti dalam pengurusan syarikat Jepun. Beliau yang kini berjawatan pengurus kanan di firma binaan Jepun, Sato Kogyo di Shah Alam menjawat jawatannya sekarang hanya setelah bertugas lebih daripada lima belas tahun dengan syarikat berkenaan. Baginya amalan mengutamakan senioriti dalam pengurusan dapat mengurangkan kecenderungan pekerja muda yang berpotensi menukar pekerjaan secara sewenang-wenangnya.[87] Masalahnya ialah dapatkah pekerja tempatan menyesuaikan diri dengan budaya kerja Jepun dan berkhidmat dalam jangka masa panjang sebelum mendapat ganjaran tertentu. Dalam hal ini, Jaafar

[86] Lihat huraian lanjut dalam Fukutake Tadashi, *Masyarakat luar Bandar di Jepun* (terjemahan Mokhtar Ahmad), (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985), m.s. 55-74.
[87] Temubual dengan Abdullah Daud pada 17 Ogos 2006.

Jambi menyifatkan sistem pengurusan Jepun sudah mula berubah di mana senioriti bukan lagi merupakan jaminan bagi kenaikan pangkat tetapi yang jelasnya ia memberi banyak faedah kepada kakitangan Jepun yang bertugas di Universiti Malaya kerana mereka ditawarkan jawatan dan kemudahan yang menarik setelah mereka bersara daripada jawatan terdahulu di Jepun.[88] Pandangan Jaafar ternyata benarnya kerana berdasarkan kajian berkaitan pengurusan syarikat Jepun di Malaysia menunjukkan 52.1% syarikat terbabit mengamalkan sistem kenaikan pangkat berdasarkan senioriti dan merit. Hanya 8.3% daripadanya yang menekankan soal senioriti semata-mata dalam memberikan ganjaran kepada pekerjanya. [89]

Secara umumnya berdisiplin membawa pengertian mematuhi segala norma dan peraturan yang ditetapkan oleh organisasi atau masyarakat. Terdapat beberapa sikap positif yang diamalkan masyarakat Jepun dikaitkan dengan disiplin tinggi yang mereka miliki. Sesetengah pihak mengatakan disiplin yang dimiliki masyarakat Jepun merupakan warisan tradisi golongan samurai yang pernah memainkan peranan penting dalam bidang politik dan sosial di Jepun khususnya semasa era Tokugawa (1603-1867). Walau bagaimanapun warisan bukanlah satu-satunya faktor penting yang membentuk sikap berdisiplin mereka. Terdapat usaha yang tersusun dilakukan melalui pendidikan peringkat rendah bagi membentuk disiplin kanak-kanak. Kanak-kanak sekolah rendah di Jepun yang tinggal berdekatan dalam satu kawasan digalakkan berjalan kaki ke sekolah secara berkumpulan. Mereka dikumpulkan dalam kumpulan seramai di antara sepuluh hingga dua puluh orang dan dipimpin oleh seorang ketua. Murid-murid ini dilatih berjalan secara berbaris ke sekolah dengan ketua yang dilantik bertanggungjawab memastikan keselamatan dan

[88] Jaafar Jambi
[89] Hideki Imaoka, *Japanese Management in Malaysia*, m.s. 21.

kelancaran perjalanan mereka. Apabila tiba di sekolah, mereka membuka kasut dan disambut oleh guru. Semasa waktu makan, murid-murid makan bersama makanan yang disediakan pihak sekolah di mana mereka diajar cara dan disiplin semasa makan. Ini merupakan satu contoh yang baik yang menunjukkan bagaimana unsur-unsur disiplin dapat ditanamkan di jiwa kanak-kanak sejak di bangku sekolah rendah.[90] Walau bagaimanapun kaedah ini hanya boleh dijalankan jika kanak-kanak berkenaan tinggal berdekatan dalam jarak yang tidak begitu jauh dari sekolah. Masalah timbul jika mereka tinggal berjauhan dari sekolah dan perlu menggunakan pengangkutan awam.

Tan Sri Khatib Abdul Hamid pula berpendapat, disiplin yang dimiliki pekerja Jepun menjadikan mereka bertugas bersungguh-sungguh dan mematuhi segala peraturan syarikat. Pekerja misalnya hanya akan berhenti rehat, makan atau minum pada waktu yang ditetapkan. Beliau berpendapat sikap berdisiplin amat penting dalam sektor pengeluaran dan perniagaan. Disiplin akan menentukan kualiti dan produktiviti syarikat. Tanpa disiplin yang tinggi, pekerja bekerja sambil lewa dan gagal mencapai matlamat yang ditetapkan. Baginya pekerja yang berdisiplin adalah aset penting syarikat yang tidak dapat ditukar dengan mesin atau komputer. Inilah faktor yang menjadikan Jepun amat mengutamakan disiplin dalam kalangan tenaga kerjanya.[91] Sikap berdisiplin masyarakat Jepun bukan hanya ditunjukkan dalam aspek pekerjaan tetapi juga dalam amalan seharian. Masyarakat luar akan mendapati pemandu di jalan raya Jepun tidak memotong barisan, tidak membunyikan hon sewenang-wenangnya serta memberi laluan kepada pemandu yang memerlukan. Disiplin yang ditunjukkan di tempat-tempat awam ini sudah menjadi kebiasaan kepada

[90] Pandangan Rahman Omar, 45 tahun bekas pelajar sarjana dalam bidang kejuruteraan struktur Universiti Iwate pada tahun 1998. Beliau kini bertugas sebagai Penolong Pengarah kanan, Unit Jambatan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Kuala Lumpur. Pendapat Rahman adalah berdasarkan pengalamannya menyekolahkan anaknya selama dua tahun di Jepun. Temubual pada 8 Ogos 2006 di ibu pejabat JKR, Kuala Lumpur.

[91] Temubual dengan Tan Sri Khatib Abdul Hamid pada 9 Ogos 2006 di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur.

mereka, sebaliknya jika terdapat individu yang gagal mematuhi peraturan atau tidak berdisiplin seperti memotong barisan atau membuat bising di atas keretapi maka individu tersebut dianggap berkelakuan memalukan. [92]

Sikap seterusnya yang sering mendapat perhatian masyarakat luar terhadap orang Jepun ialah keutamaan kepada kerja serta memiliki semangat kebangsaan yang tinggi. Masyarakat Jepun sering dikaitkan dengan istilah "*workaholic*" yang membawa pengertian mengutamakan kerja daripada semua aktiviti lain. Pekerja Jepun biasanya sanggup bekerja sehingga lewat hari dan jika diperlukan mereka juga mengorbankan cuti hujung minggu untuk bekerja. Kepentingan mencapai matlamat yang ditetapkan syarikat menjadikan mereka sanggup mengetepikan perkara lain. Beberapa faktor dikenalpasti mendorong sikap mengutamakan kerja ini. Rozmadi Abdul Hamid yang pernah bertugas di syarikat Jepun berkata,"syarikat Jepun amat mengutamakan kesungguhan dan kesanggupan berkorban untuk syarikat. Ganjaran seperti kenaikan gaji dan pangkat diberi berdasarkan kepada senioriti, prestasi dan kesungguhan bekerja. Syarikat memberikan latihan dan motivasi bagi mewujudkan sikap bekerja tanpa mengira keadaan kepada pekerjanya". Menurutnya adalah sukar bagi pekerja Malaysia mencontohi cara Jepun kerana banyak perkara lain perlu diberi perhatian selain daripada kerja.[93]

Sebahagian responden berpendapat tekanan dan dorongan kewangan menjadi pendorong kepada sikap mengutamakan kerja dalam kalangan orang Jepun. Kos hidup yang tinggi di bandar memerlukan seseorang bekerja sepanjang masa bagi menambah pendapatan. Amalan syarikat pula yang menyediakan banyak kemudahan kepada pekerjanya menjadikan mereka sentiasa tertarik untuk bekerja. Lagipun menurut seorang

[92] Pandangan Ikhsan Othman
[93] Temubual dengan Rozmadi Abdul Hamid

bekas pelajar Malaysia, pekerja Jepun menjalani kehidupannya yang tersendiri. Institusi keluarga tidak lagi menjadi tumpuan kerana selepas bekerja, mereka akan berhibur di luar dan pulang lewat ke rumah. Kaum wanita pula kebanyakannya berhenti kerja selepas berkahwin dan menumpukan perhatian kepada rumah tangga.[94] Di sinilah timbul persoalan kesan negatif daripada tabiat mengutamakan kerja iaitu pengabaian terhadap kehidupan berkeluarga. Terdapat juga dakwaan yang mengatakan sikap mengutamakan kerja dalam kalangan orang Jepun hanya diamalkan generasi tahun 1960-1970-an dan kian berkurangan pada dekad 1990-an. Pendapat ini berdasarkan keadaan semasa di mana generasi baru pekerja Jepun mula memberi perhatian kepada perkara lain seperti hiburan, keluarga dan kegiatan rekreasi pada masa lapang. Mereka kini tidak lagi terlalu taksub dengan kerja dan tugas di syarikat malahan eksekutif-eksekutif syarikat kini mula memberi perhatian kepada aktiviti bermain golf.

Mengukur tahap semangat kebangsaan atau nasionalime masyarakat Jepun merupakan suatu perkara yang subjektif. Walau bagaimanapun semangat ini dapat dikesan daripada perhatian yang diberikan mereka terhadap institusi, bahasa, barangan, warisan budaya dan sebarang unsur yang bercirikan Jepun. Sehingga kini Jepun masih kekal menggunakan bahasanya sebagai bahasa pengantar persekolahan dan pengajian tinggi walaupun bahasa asing seperti Inggeris juga diajar di sana. Bahasa Jepun digunakan secara meluas dalam semua lapangan malahan orang luar yang tidak menguasai bahasa ini akan mendapat layanan kurang memuaskan di Jepun. Sikap nasionalistik masyarakat Jepun juga digambarkan melalui perlakuan mereka misalnya dengan menyanjung tinggi institusi beraja yang merupakan warisan tertua negara tersebut. Maharaja amat dihormati dan menjadi simbol taat setia rakyat sehingga apabila bakal raja gagal memberikan waris lelaki bagi

[94] Temubual dengan Dr. Azrina Hussin

menggantikan tahktanya, perkara tersebut telah menjadi polemik umum yang meluas. Pensyarah sejarah Asia Timur di Universiti Malaya pula merujuk sikap Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi yang saban tahun mengunjungi makam Yasukuni bagi menunjukkan semangat nasionalisnya walaupun didakwa banyak pihak sebagai mencari popularitи politik .[95]

Semangat nasionalisme orang Jepun tidak terbatas di negara mereka sahaja malahan ditunjukkan juga di tempat lain. Rozmadi Abdul Hamid menyatakan orang Jepun yang bekerja di Malaysia masih menggunakan bahasa mereka sepenuhnya, menggunakan kenderaan buatan Jepun seperti Toyota atau Nissan, membeli belah di pasaraya Jepun dan makan di restoran yang menyediakan makanan Jepun. Beliau berpendapat masyarakat Jepun begitu pentingkan identiti mereka dalam semua keadaan yang menyebabkan mereka didakwa sesetengah pihak sebagai masyarakat tertutup.[96] Dalam aspek ekonomi, nasionalisme masyarakat Jepun mempunyai persamaan dengan amalan masyarakat Cina yang mempunyai perasaan kebangsaan yang kuat dalam bidang ekonomi. Keadaan ini terbukti dengan wujudnya rangkaian perniagaan Cina di seluruh dunia yang digerakkan atas dasar kebangsaan Cina.

Satu-satunya sikap yang tidak diamalkan masyarakat Jepun menurut pandangan pelajar Malaysia ialah mengambil berat amalan agama. Daripada 52 orang yang diajukan persoalan ini hanya 17.6% bersetuju manakala 82.4% tidak bersetuju. Hakikatnya masyarakat Jepun berfahaman sekular walaupun mereka menganut agama Shinto, Budha, mengikuti ajaran Konfucian dan Kristian. Hal seperti ini tidaklah terlalu mengejutkan kerana kajian berkaitan juga menunjukkan amalan beragama masyarakat Jepun

[95] Temubual dengan Azhar Aros, pensyarah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya pada 22 Jun 2006.
[96] Rozmadi Abdul Hamid

sememangnya rendah. Kajian Profesor Jan Swyngedouw, pensyarah Institut Agama dan Budaya, Universiti Nanzan yang memetik soal selidik NHK Broadcasting Corporation pada tahun 1981 bertajuk, *The Religious Consciousness of the Japanese* menunjukkan dua pertiga daripada penduduk yang dikaji menyatakan mereka tidak mempunyai sebarang agama peribadi.[97] Penemuan berikunya menunjukkan pada tahun 1981, daripada jumlah responden hanya 33% daripada mereka mengakui beragama. Daripada kalangan ini, 27% mengamalkan Budha, Shinto 3.4%, Kristian 1.5% dan lain-lain 1.1%. Dalam kalangan mereka yang mendakwa tidak mempunyai sebarang pegangan agama, majoritinya sekitar 85.5% terdiri daripada remaja yang berusia awal dua puluhan. Dari segi jantina, didapati kaum wanita lebih ramai daripada lelaki mempunyai pegangan agama tertentu. Walau bagaimanapun dalam konteks masyarakat Jepun, soal tidak berpegang kepada mana-mana agama khusus bukan bermakna masyarakatnya menolak terus kepercayaan kepada *kami* atau melakukan upacara ritual di rumah atau di kuil. Kajian NHK menunjukkan hampir 60% daripada responden menjalankan upacara ritual yang berkaitan dengan kepercayaan kepada dewa.[98] Apa yang jelas daripada fenomena ini ialah amalan beragama dalam masyarakat Jepun lebih merujuk kepada upacara ritual yang berkaitan dengan kepercayaan kepada Dewa tetapi tidak merangkumi kod atau undang-undang moral yang mengikat perlakuan mereka. Dalam hal seperti ini tidaklah menghairankan jika penganut agama lain seperti Islam melihat banyak perlakuan masyarakat Jepun berlaku di luar batasan agama kerana konsep dan amalan beragama bagi kedua-dua masyarakat adalah berbeza.

Pelajar Malaysia berpendapat, masyarakat Jepun dilihat tidak mengambil berat ajaran agama kerana mengamalkan cara hidup yang bertentangan dengan tuntutan agama

---

[97] Jan Swyngedouw, "Religion in Contemporary Japanese Society", *The Japan Foundation Newsletter*, Vol.XIII/No.4, January 1986.m.s. 1-14.
[98] Ibid,Jan Swyngedouw

seperti berpoya-poya, minum minuman keras, bergaul secara bebas dan menduakan isteri. Sebahagian besar bekas pelajar Malaysia menganggap inilah masalah besar masyarakat Jepun yang hanya mementingkan kemajuan kebendaan tetapi mengabaikan aspek moral. Walau bagaimanapun perkara ini tidaklah menghairankan kerana tuntutan agama seperti difahami masyarakat Jepun adalah berbeza dengan falsafah ajaran Islam yang bukan sekadar satu kepercayaan malahan satu sistem perundangan yang mengikat cara hidup penganutnya.Zulkifli Abdul Malek menceritakan pengalamannya yang terpaksa menerangkan berkali-kali tentang ajaran Islam yang tidak difahami oleh rakannya yang terdiri daripada orang Jepun. Mereka hairan melihat beliau menunaikan sembahyang lima kali sehari selain mematuhi banyak peraturan yang ditetapkan agama Islam.[99] Pada dasarnya Islam tidak menerima amalan mencampuradukkan amalan yang baik dengan perbuatan yang buruk sepertimana diamalkan masyarakat Jepun. Walaupun mereka bersikap positif seperti rajin bekerja, jujur, ikhlas, menjaga kebersihan dan menepati janji namun mereka juga melakukan keburukan seperti minum minuman keras, berpoya-poya serta bergaul secara bebas terutama dalam kalangan generasi muda. Agama dianggap sebagai ritual dan hanya berfungsi memenuhi acara tradisi seperti kematian dan perkahwinan. Bagi generasi muda pula yang tertarik dengan ajaran Kristian, mereka lebih terpengaruh dengan cara hidup Barat dan cuba mengaitkan agama dengan perniagaan. Menurut Jaafar Jambi, perayaan Krismas disambut besar-besaran di Tokyo kerana mewujudkan banyak peluang perniagaan berikutan kehadiran masyarakat Barat di sana.[100]

---

[99] Zulkifli Abdul Malek merupakan presiden pertama ALEPS (Alumni of Look East Policy Society) menceritakan pengalamannya semasa sesi dialog seminar,"*Malaysia's Look East Policy: Challenge and Contribution*", anjuran Universiti Malaya dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia pada 22-23 April 2002 di Kuala Lumpur.

[100] Pandangan Jaafar Jambi

Tan Sri Khatib Abdul Hamid melihat isu agama masyarakat Jepun dengan lebih kritikal apabila cuba membandingkannya dengan umat Islam di Malaysia. Beliau berhujah, masyarakat Jepun mengamalkan banyak nilai murni yang dituntut ajaran Islam seperti menepati janji dan masa, menjaga kebersihan, menghormati tetamu, bekerja kuat, mementingkan pelajaran, rajin membaca dan sebagainya tetapi mereka juga melakukan perkara yang ditegahnya seperti berpoya-poya, minum minuman keras dan memberi rasuah yang dianggap hadiah atau "*omiyage*". Perkara sebaliknya pula terjadi kepada umat Islam, sebahagian besar daripada mereka taat kepada ajaran agama seperti bersembahyang, berpuasa dan menjaga kepentingan keluarga tetapi tidak mengamalkan nilai baik yang dituntut ajaran Islam. Secara sinis beliau berkata dengan memetik dan mengubah suai pandangan ilmuan Mesir Muhammad Abduh ketika mengunjungi Peranchis,"di negara Jepun terdapatnya ajaran Islam walaupun bilangan muslimnya kecil, tetapi di negara ini hanya terdapat muslim tanpa Islam". Rata-rata umat Islam masih mundur kerana gagal menguasai ilmu pengetahuan, tidak menepati masa dan tidak menjaga kebersihan.Sebagai pengajaran beliau berkata,"bukanlah semua yang terdapat di Jepun itu baik untuk dijadikan contoh dan umat Islam perlu mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh dan bukan hanya yang melibatkan aspek tertentu sahaja".[101]

Rumusan

Kajian terhadap bekas pelajar Malaysia yang berpeluang tinggal di Jepun menunjukkan kegembiraan dan kekaguman mereka terhadap suasana dan budaya masyarakat negara matahari terbit tersebut. Keseluruhannya responden merasa gembira dan

[101] Tan Sri Khatib Abdul Hamid

cuba menyesuaikan diri di sana walaupun mengakui masyarakat Jepun mengamalkan budaya hidup yang berbeza dengan masyarakat Malaysia. Dalam aspek-aspek tertentu, responden mengakui mengalami kejutan budaya namun lama kelamaan mereka memahami dan menerima keunikan budaya Jepun. Pengalaman mereka memberi pendedahan terhadap berbagai ciri budaya yang mempunyai kaitan secara langsung dengan matlamat mencontohi budaya dan etika kerja Jepun sepertimana terkandung dalam falsafah Dasar Pandang Ke Timur. Di dalam dua aspek yang dikaji iaitu tentang pengalaman hidup di Jepun dan pengamatan terhadap sikap dan ciri-ciri masyarakat Jepun, responden pada keseluruhannya memberi maklum balas yang positif. Peratusan responden yang menguasai bahasa Jepun dengan baik, mempelajari cara hidup masyarakat Jepun, bersahabat dengan orang Jepun, meyakini Jepun sebagai model dan menganggap pengalaman belajar di sana sebagai menarik adalah tinggi. Kecenderungan yang sama ditunjukkan responden apabila mereka diajukan dengan persoalan tentang sikap dan ciri-ciri masyarakat Jepun. Majoriti besar responden mengakui masyarakat mengamalkan sikap positif seperti rajin, bersungguh-sungguh, menepati masa, mementingkan kumpulan dan produktiviti, selain itu mereka begitu mementingkan pendidikan, rajin membaca, menjaga kebersihan, berdisiplin dan menghormati golongan tua. Hanya dalam aspek amalan beragama, pelajar-pelajar Malaysia beranggapan orang Jepun amat kurang menitik beratkan soal tersebut. Pengajarannya ialah Jepun masih ada kekurangannya walaupun bertaraf negara maju iaitu kurang penghayatan agama; suatu fenomena yang perlu dielakkan oleh masyarakat Malaysia. Agama dan nilai moral merupakan tiang sendi yang mampu mempertahankan individu dan sesebuah tamadun daripada mengalami masalah dan keruntuhan.

Jika diperhatikan reaksi responden dalam aspek-aspek seperti diperkatakan di atas dapat dinyatakan bahawa matlamat pengajian yang memerlukan mereka mempelajari

budaya kerja Jepun hampir tercapai. Pendedahan awal yang diterima adalah langkah permulaan ke arah perubahan budaya hidup yang lebih luas. Penyelidik berpendapat tugas besar dan mencabar para pelajar ini ialah mengamalkan semua budaya dan nilai positif yang mereka pelajari dan menyebarkannya apabila bekerja di tanah air nanti. Hal ini akan dibincangkan dalam bab berikutnya.

BAB ENAM: BEKAS-BEKAS PELAJAR MALAYSIA DI JEPUN: PENGARUH DAN PENERAPAN ETIKA KERJA JEPUN DI ALAM KERJAYA

Pengenalan

Kesan sebenar pengajian di Jepun kepada pelajar Malaysia hanya dapat dilihat apabila mereka kembali ke sini dan memasuki alam kerjaya. Sepertimana dinyatakan dalam matlamat pengajian mereka, pelajar-pelajar ini diharapkan mengamalkan etika kerja Jepun seperti rajin, menepati masa, berdisiplin, bekerjasama dan menghormati ketua walau di mana sekalipun mereka bekerja.[1] Persoalan yang mahu dijelaskan ialah mampukah mereka mengamalkan sikap dan cara bekerja seperti diamalkan kebanyakan pekerja di Jepun. Jika sikap begini diamalkan secara berterusan maka tercapailah salah satu daripada matlamat pengajian mereka di negara matahari terbit, demikianlah juga sebaliknya. Maklumat berikut yang dikumpul daripada kajian penyelidik memberikan gambaran tentang sikap bekas pelajar yang kini memasuki alam pekerjaan. Maklumat ini menunjukkan sejauh mana amalan mencontohi etika kerja orang Jepun diamalkan oleh mereka. Secara umumnya reaksi yang yang ditunjukkan bekas pelajar adalah positif, mereka terpengaruh dan cuba mengikuti etika kerja seperti diamalkan masyarakat Jepun. Bekas pelajar sedar tentang perlunya mengamalkan etika dan nilai positif bagi menjayakan organisasi yang disertai namun mereka mengakui terpaksa berhadapan dengan banyak halangan dan masalah kecuali bagi mereka yang berkhidmat dengan firma Jepun. Cabaran lebih besar dihadapi mereka ialah untuk mengubah kebiasaan masyarakat tempatan ke arah mengamalkan budaya kerja yang positif. Jika perkara ini dapat dilakukan dengan berkesan, sudah tentu DPT berjaya mencapai matlamatnya.

---

[1] Maklumat daripada Unit Dasar Pandang Ke Timur, Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Sikap dan Amalan Bekas Pelajar

Jadual 5.4 : Sikap dan amalan bekas pelajar setelah bekerja

Sikap/ Amalan	Ya(peratus)	Tidak(peratus)
Kebiasaan datang dan pulang tepat pada waktunya semasa bekerja	94.2	5.8
Selesaikan kerja yang sepatutnya pada hari yang sama	84.6	15.4
Sanggup lakukan kerja orang lain yang bercuti	73.1	26.9
Sanggup bekerja pada hari cuti jika diperlukan	88.1	11.9
Utamakan kepentingan kumpulan daripada individu	98.1	1.9
Bersungguh-sungguh mencapai matlamat organisasi	92.3	7.7
Memberi idea baru untuk majukan organisasi	100	0
Menjalankan arahan pihak atasan tanpa banyak karenah	90.1	9.9
Menghormati ketua yang lebih rendah kelulusannya	98.0	2.0
Merasa terhutang budi kepada syarikat/majikan	67.3	32.7
Menganggap sumbangan individu penting kpd.syarikat	98.1	1.9
Percayakan konsep perkongsian faedah pekerja-majikan	86.5	13.5
Kesungguhan bekerja kerana dorongan kewangan	71.2	28.8
Mahu dihormati dan diiktiraf sebagai pekerja yang baik	96.2	3.8
Bangga dengan kerjaya dan organisasi	96.1	3.9

Melalui kajian yang dijalankan, bekas pelajar diajukan lima belas soalan berkaitan dengan amalan dan sikap mereka di tempat kerja berdasarkan kepada budaya kerja masyarakat Jepun. Berdasarkan profil 52 orang bekas pelajar (pekerja) yang menjawab soalan, majoriti mereka bekerja dengan sektor swasta iaitu seramai 41 orang (78.8%),

sektor awam 7 orang (13.5%) dan bekerja sendiri 4 orang (7.7 %). Jadi jawapan yang diperolehi pada keseluruhannya adalah berdasarkan pengalaman pekerja sektor swasta. Persoalan yang ditanya termasuk kebiasaan datang dan pulang dari bekerja, cara dan kebiasaan bekerja serta komitmen terhadap tugas. Dalam aspek datang dan pulang tepat pada waktunya semasa bekerja, 94.2% daripada pekerja mengakui melakukannya. Walau bagaimanapun perkara ini tidak perlu dipersoalkan kerana pada masa ini semua jabatan kerajaan dan kebanyakan syarikat swasta menggunakan sistem pencatat waktu (punch card) bagi menentukan setiap pekerja datang dan pulang pada waktu yang sepatutnya. Amalan ini menjadi satu peraturan yang perlu dipatuhi dan pekerja yang gagal mematuhinya dianggap melanggar disiplin kerja. Bagi mereka yang bekerja di syarikat Jepun, amalan menghargai masa bukan hanya diukur melalui ketepatan datang dan pulang tetapi perhatian berat juga diberikan kepada masa yang digunakan untuk bekerja. Abdullah Daud yang bekerja di Sato Kogyo, sebuah firma pembinaan Jepun di Shah Alam, menyatakan syarikatnya amat pentingkan masa bekerja yang sepatutnya malahan apabila perlu mereka turut bekerja lebih masa bagi menyiapkan sesuatu projek.[2]

Azrina Hussin yang bertugas sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia pula amat mementingkan ketepatan masa ketika memulakan kuliah kepada pelajarnya. Sebolehbolehnya beliau mahu hadir sepuluh minit lebih awal daripada waktu kuliahnya bermula. Bagi Azrina, pengalamannya di Jepun menunjukkan masyarakatnya begitu mengutamakan masa dan perkara ini perlu dijadikan contoh yang diamalkan secara berterusan. Setakat ini beliau berpuas hati dengan amalannya mementingkan ketepatan masa ketika memberi

[2] Temubual dengan Abdullah Daud pada 18 Ogos 2006.

kuliah yang mendapat pujian daripada para pelajarnya melalui sistem penilaian pelajar.[3] Hj. Zainol Abu Kassim, pensyarah di Ambang Asuhan Jepun Universiti Malaya juga dilihat amat mementingkan masa. Semasa pertemuan dengan penyelidik beliau bersedia untuk ditemubual tepat pada waktunya semasa waktu rehat untuk makan tengahari. Tugasnya yang merangkumi aspek pengajaran, perundingan, penyelidikan dan pentadbiran memerlukan perancangan masa yang sistematik. Walaupun tugas berakhir pada pukul lima petang tetapi Hj. Zainol kerap kali bekerja sehingga melewati waktu tersebut. Beliau merasa puas apabila dapat menyiapkan semua kerjanya pada hari tersebut.[4] Beliau menolak andaian sesetengah daripada bekas pelajar di Jepun yang mengamalkan kebiasaan masyarakat Jepun iaitu mencari hiburan di luar setelah seharian bekerja. Baginya masyarakat Melayu masih kuat berpegang kepada ajaran agama dan mementingkan keharmonian keluarga. Jika terdapat kes yang sedemikian, ia merupakan kes terpencil. Seorang lagi bekas pelajar yang kini bertugas sebagai pegawai perubatan di Hospital Selayang mengakui beliau kini lebih mengutamakan masa dalam kehidupan seharian kerana amalan membazirkan masa adalah satu kerugian dan menjejaskan prestasi kerja.

Dalam aspek mementingkan masa bekerja ini, sedikit masalah mungkin timbul pada sesetengah kakitangan jabatan kerajaan. Walaupun kehadiran dan kepulangan mereka tepat pada waktunya kerana penggunaan kad perakam waktu namun masa bekerja sering diabaikan dengan aktiviti tertentu yang tidak berkaitan. Dua orang pegawai kerajaan, Ikhsan Othman dan Abdul Rahman Omar tidak menafikan hakikat ini berlaku. Menurut mereka budaya kerja kakitangan kerajaan masih banyak kelemahannya dan perlukan lebih banyak perubahan sikap. Terdapat segelintir kakitangan yang mengambil peluang mencuri

[3] Temubual dengan Dr. Azrina Hussin di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 8 Februari 2007.
[4] Temubual dengan Hj. Zainol Abu Kassim

tulang ketika bekerja dan mengambil kesempatan daripada kelemahan dalam sistem pemantauan organisasi kerajaan yang bersaiz besar dan mempunyai kakitangan yang ramai. Abdul Rahman berpendapat kesedaran tentang kepentingan masa tidak dapat dijana hanya melalui pendekatan peraturan tetapi memerlukan kesedaran dan perubahan sikap setiap individu dalam organisasi.[5]

Amalan berikutnya yang dilihat ialah sikap menyelesaikan sesuatu kerja yang sewajarnya pada hari yang sama iaitu ketiadaan kerja bertangguh. Amalan ini mencerminkan kesungguhan serta produktiviti tinggi seseorang pekerja. Dalam aspek ini, 84.6% daripada pekerja menjawab ya, bererti mereka tidak menangguhkan kerja. 73.1% pekerja yang disoal juga memberi maklum balas mereka sanggup menjalankan tugas pekerja lain yang bercuti agar perjalanan organisasi tidak terganggu. Rozmadi Abdul Hamid yang bertugas di syarikat komputer Dell menyatakan tugas di syarikat swasta memerlukan komitmen yang tinggi kerana syarikat menetapkan matlamat yang perlu dicapai dalam tempoh tertentu. Walaupun beliau bertugas di syarikat Amerika namun baginya menyelesaikan sesuatu tugas secepat mungkin merupakan sikap yang baik untuk kemajuan syarikat.[6] Kesanggupan bertugas pada hari cuti jika diperlukan juga mencatatkan peratusan yang tinggi dengan 88.1% sanggup melakukannya. Kesanggupan bertugas pada hari kelepasan dan menggantikan pekerja lain yang bercuti juga dikira penting kerana ia berkaitan dengan pencapaian matlamat dan produktiviti. Mereka yang berkenaan menyatakan pengurusan sektor swasta begitu mementingkan penjimatan kos dan produktiviti tinggi yang mempunyai matlamat mendapatkan keuntungan maksimum.

[5] Temubual dengan Ikhsan Otman dan Abdul Rahman Omar.
[6] Rozmadi Abdul Hamid

Syarikat Jepun terkenal dengan kaedah dan pendekatan yang agresif bagi mencapai matlamat ini.

Seorang pekerja di sebuah firma Jepun, Anwar Abdul Ghani mengakui pendedahan dan pengalamannya berkhidmat dengan syarikat Jepun mempengaruhi amalannya semasa bekerja. Anwar adalah lulusan kejuruteraan elektrik dari Universiti Mie dan pernah bekerja selama setahun dengan syarikat Hamana Machinery di Osaka yang terlibat dalam pengeluaran mesin membuat kabel elektrik. Beliau kini bertugas sebagai penolong pengurus di Sumibe Sdn. Bhd. anak syarikat Sumitomo Bakelite di Melaka. Beliau yang telah bekerja di syarikat ini melebihi lima tahun memberitahu pengalamannya berkhidmat dengan pengurusan Jepun turut mempengaruhi budaya kerjanya. Beliau tidak merasa kekok sama sekali menjalankan tugas pada hari cuti atau menggantikan rakannya yang bercuti kerana telah diterapkan dengan falsafah mengutamakan syarikat daripada kepentingan peribadi. Sejak belajar di Jepun lagi, Anwar sedar perkara ini namun kerana tertarik dengan amalan sedemikian beliau memohon kerja dengan firma Jepun walaupun mengetahui firma Amerika atau Eropah mengamalkan corak pengurusan lebih terbuka dan *flexible.*[7] Baginya dengan berkhidmat dengan firma Jepun, beliau dapat meneruskan kebiasaan bekerja yang kini menjadi sebahagian budaya hidupnya.

Pekerja yang terdiri daripada bekas penuntut di Jepun juga bersikap positif dalam beberapa aspek lain berdasarkan maklum balas yang diterima. Maklumat yang diperolehi menunjukkan 92.3% mengakui bekerja bersungguh-sungguh bagi mencapai matlamat organisasi, 98.1% mengutamakan kepentingan kumpulan daripada individu, memberikan idea baru bagi memajukan organisasi 100%; menjalankan arahan pihak atasan tanpa banyak

[7] Wawancara dengan Anwar Abdul Ghani diadakan secara bertulis. Jawapan beliau diterima pada 30 Ogos 2006.

karenah 90.1%; merasa terhutang budi kepada syarikat 67.3% sementara 98% menghormati ketua yang lebih rendah kelulusannya. Statistik tersebut mencerminkan komitmen tinggi yang ditunjukkan bekas pelajar dari Jepun terhadap tugas masing-masing. Menurut Anwar Abdul Ghani, sikap yang dinyatakan seperti bekerja bersungguh-sungguh, mengutamakan kumpulan, memberikan idea baru, menjalankan arahan pihak atasan dan menghormati ketua sememangnya menjadi amalan di syarikat Jepun. Jika seseorang gagal mengamalkan sikap tersebut, beliau tidak akan diterima bekerja atau tidak menerima sebarang faedah tambahan daripada syarikat.

Dalam aspek menyumbangkan idea baru misalnya, amalan seperti mewujudkan kumpulan kawalan mutu dapat menggalakkan interaksi di antara para pekerja yang mendorong mereka berbincang dan memberikan pendapat untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Syarikat Jepun begitu mengutamakan prestasi baik dan produktiviti tinggi pekerjanya sebelum memberi imbuhan dan kedudukan yang lebih baik kepada pekerjanya. Kini syarikat tidak lagi memberi perhatian serius kepada faktor senioriti dalam kenaikan pangkat sebaliknya lebih menilai kepada sumbangan setiap pekerja. Hal ini secara tidak langsung mendorong pembentukan sikap positif pekerja. Dalam aspek merasa terhutang budi kepada syarikat, Anwar berpendapat perkara ini banyak dipengaruhi oleh hubungan yang terjalin di antara pekerja dengan syarikat. Jika syarikat mengamalkan dasar yang menguntungkan pekerja dengan mewujudkan suasana bekerja yang selesa dan menjaga kebajikan mereka, tentulah pekerja akan merasa terhutang budi. Walau bagaimanapun menurutnya hal ini tidak dapat dibandingkan dengan suasana di Jepun kerana mereka lebih terkenal dengan amalan pekerjaan seumur hidup yang mengikat pekerja secara lebih rapat

dengan organisasi.[8] Adnan Md. Saad, 31 tahun yang bertugas sebagai eksekutif di Konica Minolta Precision Engineering Sdn. Bhd. menyatakan berdasarkan pengalamannya, syarikat Jepun mengamalkan pengurusan melalui teladan dan kerja berkumpulan. Pihak pengurusan atasan terlebih dahulu menunjukkan contoh tentang sikap positif yang seharusnya diamalkan seseorang pekerja. Dalam aspek pengeluaran atau operasi para pekerja bekerja bersama dalam kumpulan kecil yang diwujudkan bagi meningkatkan kerjasama di antara pekerja.[9]

Walaupun amalan yang menekankan peningkatan produktiviti lebih ditumpukan pihak swasta namun sikap dan amalan sedemikian diamalkan juga oleh pekerja sektor awam dan separuh kerajaan. Walaupun tidak berorientasikan keuntungan namun sektor awam juga melakukan berbagai perubahan bagi meningkatkan kecekapan serta produktiviti. Bagi Siti Zaharah Omar yang memilih bekerja di sektor awam, semangatnya begitu tinggi untuk memberi sumbangan meningkatkan kualiti perkhidmatan. Beliau sedar tentang kesukaran mendapatkan tempat terutamanya dalam perkhidmatan tadbir dan diplomatik kerana persaingan yang sengit berazam menggunakan pengetahuan dan pengalamnanya di Jepun bagi membantu jabatannya. Pada masa yang sama beliau juga sedar proses melakukan perubahan lebih sukar dilakukan di sektor awam berbanding swasta kerana struktur organisasi dan karenah birokrasi yang wujud namun beliau cuba menunjukkan sikap positif sebagai contoh kepada pekerja yang lain.[10]

Abdul Rahman Omar memberikan pandangan hampir sama dengan menyatakan pekerja sektor awam juga perlu mempertingkatkan perkhidmatan memandangkan amanah yang dipikul bagi menjalankan projek pembangunan negara.

---

[8] Anwar Abdul Ghani
[9] Adnan menjawab soalan wawancara secara bertulis, jawapannya diterima pada 13 Ogos 2005.
[10] Temubual dengan Siti Zaharah Omar pada 22 Disember 2005.

Beliau yang terlibat dengan tugas mereka bentuk dan menyelia pembinaan jambatan yang dijalankan Jabatan Kerja Raya di negeri-negeri pantai timur semenanjung menganggap tugasnya merupakan amanah yang perlu dilakukan dengan cekap dan baik bagi mengelakkan sebarang masalah pada masa depan. Bagi menghasilkan mutu kerja yang tinggi, beliau perlu komited, mengutamakan kepentingan jabatan, bekerjasama dengan kakitangannya yang lain serta mematuhi semua arahan pihak atasan. Berdasarkan pemerhatiannya, mutu binaan yang dihasilkan oleh firma Jepun adalah tinggi walaupun kosnya juga tinggi. Abdul Rahman berpegang kepada konsep kepuasan bekerja tidak hanya bergantung kepada ganjaran kewangan tetapi kepada sumbangan yang dapat diberikan kepada negara. Berdasarkan alasan begitu, beliau tidak bercadang menggunakan kedudukannya sebagai profesional untuk bertukar kerja menyertai sektor swasta yang menawarkan gaji dan kemudahan lebih menarik.[11]

Perkara berikutnya yang dikemukakan kepada responden masih melibatkan soal sikap dan tanggapan terhadap kerja. Maklum balas yang diberikan mereka menunjukkan 98.1% menganggap sumbangan individu penting kepada organisasi; 86.5% percaya kepada konsep perkongsian faedah majikan-pekerja;71.2% mengakui kesungguhan mereka bekerja adalah kerana dorongan kewangan. Seterusnya peratusan yang tinggi juga dicatatkan bagi pekerja yang mahu dihormati dan diiktiraf sebagai pekerja yang baik iaitu 96.2% dan peratusan yang sama iaitu 96.2% bagi pekerja yang bangga dengan kerjaya dan organisasi mereka.

Dalam mana-mana organisasi sama ada sektor kerajaan atau swasta, pekerja merupakan asset yang penting kepada kemajuan organisasi tersebut. Pekerja merupakan penggerak kepada operasi organisasi dan bekerja untuk mencapai matlamat yang

[11] Abdul Rahman Omar

litetapkan. Sumbangan pekerja dalam bentuk idea, kemahiran dan tenaga adalah penting agi setiap organisasi. Salah seorang pekerja terbabit ialah Jaafar Jambi yang mengajar ahasa Jepun di Ambang Asuhan Jepun Universiti Malaya menimbulkan persoalan tanpa umbangan individu kepada organisasi, organisasi berkenaan sukar berjalan dengan lancar. agi dirinya sumbangan yang diberikan bukan sekadar mengajar tetapi sentiasa mencari lan bagi memperbaiki mutu pengajarannya. Dalam waktu terdekat Jaafar berpuas hati engan sumbangan yang diberikannya berikutan keputusan peperiksaan pelajarnya adalah emuaskan. Bagi kemasukan April 2006, daripada seramai 172 orang pelajar, 163 orang lus dalam peperiksaan Monbusho dan hanya 9 orang yang gagal. Ambang Asuhan Jepun, mpat Jaafar bekerja mengamalkan sistem bermesyuarat pada setiap hari bagi embolehkan setiap pensyarah mengadakan perbincangan dan mencari jalan mengatasi asalah yang timbul. Melalui mesyuarat yang diadakan, mereka digalakkan memberikan mbangan berbentuk idea bagi mempertingkatkan lagi prestasi pusat tersebut yang telah roperasi melebihi dua puluh tahun. [12]

Penolong pengurus di syarikat Canon Opto Malaysia Sdn. Bhd. pula rpendapat sumbangan individu kepada syarikat memang diperlukan tetapi ianya engaruhi suasana kerja dan galakan yang disediakan majikan. Beliau berpendapat erja lebih selesa menyumbangkan idea dan tenaga sekiranya pengurusan atasan mpunyai hubungan yang rapat dan akrab dengan mereka. Oleh yang demikian syarikat un biasanya mengamalkan sistem "dari bawah ke atas" atau *ringi* yang memberikan uang kepada pekerja semua peringkat memberikan pendapat sebelum sesuatu keputusan uat. Cara yang diamalkan ini disifatkan sebagai galakan kepada pekerja peringkat vahan untuk bersama-sama mencari jalan memajukan syarikat.

---

emubual dengan Jaafar Jambi

ditetapkan. Sumbangan pekerja dalam bentuk idea, kemahiran dan tenaga adalah penting bagi setiap organisasi. Salah seorang pekerja terbabit ialah Jaafar Jambi yang mengajar bahasa Jepun di Ambang Asuhan Jepun Universiti Malaya menimbulkan persoalan tanpa sumbangan individu kepada organisasi, organisasi berkenaan sukar berjalan dengan lancar. Bagi dirinya sumbangan yang diberikan bukan sekadar mengajar tetapi sentiasa mencari jalan bagi memperbaiki mutu pengajarannya. Dalam waktu terdekat Jaafar berpuas hati dengan sumbangan yang diberikannya berikutan keputusan peperiksaan pelajarnya adalah memuaskan. Bagi kemasukan April 2006, daripada seramai 172 orang pelajar, 163 orang lulus dalam peperiksaan Monbusho dan hanya 9 orang yang gagal. Ambang Asuhan Jepun, tempat Jaafar bekerja mengamalkan sistem bermesyuarat pada setiap hari bagi membolehkan setiap pensyarah mengadakan perbincangan dan mencari jalan mengatasi masalah yang timbul. Melalui mesyuarat yang diadakan, mereka digalakkan memberikan sumbangan berbentuk idea bagi mempertingkatkan lagi prestasi pusat tersebut yang telah beroperasi melebihi dua puluh tahun. [12]

Penolong pengurus di syarikat Canon Opto Malaysia Sdn. Bhd. pula berpendapat sumbangan individu kepada syarikat memang diperlukan tetapi ianya dipengaruhi suasana kerja dan galakan yang disediakan majikan. Beliau berpendapat pekerja lebih selesa menyumbangkan idea dan tenaga sekiranya pengurusan atasan mempunyai hubungan yang rapat dan akrab dengan mereka. Oleh yang demikian syarikat Jepun biasanya mengamalkan sistem "dari bawah ke atas" atau *ringi* yang memberikan peluang kepada pekerja semua peringkat memberikan pendapat sebelum sesuatu keputusan dibuat. Cara yang diamalkan ini disifatkan sebagai galakan kepada pekerja peringkat bawahan untuk bersama-sama mencari jalan memajukan syarikat.

[12] Temubual dengan Jaafar Jambi

Konsep perkongsian faedah majikan – pekerja biasanya menjadi amalan sektor swasta yang mengagihkan sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi kepada pekerjanya. Amalan ini disifatkan sebagai dorongan bagi mewujudkan hubungan baik kedua pihak selain meningkatkan semangat pekerja. Walaupun konsep ini juga tidak terlepas daripada kritikan kerana terdapatnya syarikat besar dan kecil enggan melaksanakannya namun pekerja berhujah ia penting bagi menjaga kepentingan pekerja. Mereka yang berusaha sehingga syarikat mampu memperolehi keuntungan lumayan, jadi adalah tidak adil sekiranya mereka tidak mendapat faedah daripada keuntungan tersebut. Dalam hal ini, kajian menunjukkan 86.5 peratus daripada pekerja yang memberi maklum balas menyatakan persetujuan mereka kepada konsep berkenaan.[13] Anwar Abdul Ghani yang berkhidmat dengan syarikat Jepun berpendapat gaji beserta kemudahan lain yang diterimanya adalah setimpal dengan tugas dan tanggungjawab yang dipikul. Menurutnya syarikat Jepun tidaklah menawarkan gaji dan kemudahan yang terlalu baik berbanding syarikat antara bangsa yang lain, kemudahan yang diberikan biasanya adalah berdasarkan pasaran tempatan. Bonus tahunan yang biasa diberikan syarikat-syarikat Jepun kepada pekerja tempatan adalah pada kadar 1.8 bulan bagi kakitangan pengurusan dan penyeliaan dan 1.5 bulan bagi pekerja biasa, kadar sedemikian tentu sekali berbeza dengan jumlah yang diperolehi pekerja Jepun. Hal seperti ini tidak dinafikan menjadi punca kepada rasa tidak puas hati pekerja.[14]

Walau bagaimanapun Anwar berpendapat faktor yang lebih penting bagi mendapat ganjaran yang lebih ialah prestasi kerja yang ditunjukkan yang merupakan aspek penting bagi mendapatkan kepercayaan majikan Jepun terhadap pekerja khususnya

---

[13] ibid
[14] Hideki Imaoka, m.s. 21

bumiputera. Anwar seperti juga Jamaludin Karim dan Abdullah Daud berpendapat pekerja yang berhajat mendapat kenaikan gaji dan faedah tambahan seperti bonus perlu menunjukkan prestasi yang baik kepada syarikat apatah lagi syarikat Jepun lebih mempercayai bangsanya sendiri berbanding dengan orang lain. Pandangan ini disokong oleh Tan Sri Khatib yang menyatakan bekas pelajar dari Jepun perlu membuktikan kebolehan mereka yang setanding dengan bangsa lain apabila berkhidmat di syarikat antarabangsa sebelum mengharapkan kedudukan yang baik. Berdasarkan pengalamannya di Institut Jantung Negara dan United Motor Work (UMW), beliau menegaskan pihak syarikat tidak keberatan berkongsi keuntungan dengan pekerja jika pekerja menunjukkan prestasi kerja yang baik dengan membantu syarikat mencapai matlamat yang ditetapkan.[15]

Walaupun faktor kewangan seperti gaji adalah penting dalam menentukan kepuasan bekerja namun ia bukanlah satu-satunya faktor yang mempengaruhi seseorang dalam memilih pekerjaan. Data yang diperolehi menunjukkan hanya 71.2% daripada pekerja mengakui dorongan kewangan menyebabkan mereka bekerja bersungguh-sungguh. Amalan sektor swasta yang menawarkan gaji dan berbagai kemudahan lain yang menarik tidak dapat dinafikan merupakan satu tarikan kepada pekerja. Walau bagaimanapun terdapat juga faktor lain seperti pengiktirafan majikan kepada pekerja yang dianggap suatu amalan yang baik bagi memelihara hubungan baik kedua pihak. 96.2% daripada pekerja menyatakan hasrat mereka supaya diiktiraf dan dihormati majikan sebagai pekerja. Pengiktirafan dan penghormatan yang dimaksudkan merujuk kepada amalan menjaga kebajikan dan kepentingan pekerja termasuk menyediakan suasana bekerja yang selesa, menjaga kebajikan pekerja seperti menyediakan kemudahan kesihatan, sukan dan memberi

[15] Temubual dengan Anwar Abdul Ghani, Jamaludin Karim, Abdullah Daud serta Tan Sri Khatib Abdul Hamid.

peluang kepada pekerja menjalankan ajaran agama masing-masing. Dasar majikan yang mesra pekerja dapat mewujudkan hubungan perusahaan yang baik seterusnya memupuk perasaan sayangkan organisasi dalam kalangan pekerja. Peratusan yang sama iaitu 96.2% pekerja menyatakan rasa bangga mereka terhadap organisasi.

Sepertimana dinyatakan Abdul Rahman Omar, gaji yang tinggi bukan merupakan satu-satunya faktor yang memberi kepuasan bekerja. Baginya dorongan untuk berkhidmat kepada negara dan masyarakat merupakan motivasi utama berbanding perkara lain.[16] Beliau merasa bangga menggunakan kebolehannya untuk melaksanakan tugas di Jabatan Kerja Raya. Tan Sri Khatib pula melihat kepada kesempatan yang perlu direbut oleh pekerja khususnya bumiputera yang berkhidmat di sektor swasta bagi mendapatkan kemahiran pengurusan dan teknologi yang dapat memberi faedah kepada mereka. Sambil tidak menafikan kepentingan ganjaran kewangan, beliau berpendapat pekerja perlu menggunakan peluang mendapatkan pengalaman secukupnya ketika bekerja khususnya dengan syarikat-syarikat antarabangsa. Langkah ini bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan bilangan profesional bumiputera yang menerajui syarikat antarabangsa di negara ini.[17]

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 52 orang bekas pelajar program pengajian di Jepun yang kini bekerja di berbagai-bagai bidang, tidak dapat dinafikan mereka dipengaruhi budaya kerja Jepun. Daripada pengakuan mereka dapat dilihat secara jelas amalan positif dan perubahan sikap yang berlaku khususnya semasa bekerja. Pada pandangan pengkaji, pengakuan mereka merupakan satu kejayaan awal DPT dan secara tidak langsung menangkis kritikan pihak tertentu yang berhujah budaya dan etika kerja

[16] Abdul Rahman Omar
[17] Tan Sri Khatib Abdul Hamid

masyarakat Jepun sukar dicontohi bangsa lain. Perubahan sikap yang ditunjukkan merupakan suatu kemajuan yang baik dalam usaha membentuk satu budaya kerja baru yang lebih produktif namun persoalannya ialah sejauh mana perubahan ini turut melibatkan anggota masyarakat keseluruhannya. Mampukah amalan berdasarkan budaya Jepun ini dicontohi anggota masyarakat keseluruhannya. Jika perubahan ini hanya berlaku dalam kalangan mereka maka kesannya adalah tidak menyeluruh. Hal ini menjadikan usaha membentuk budaya kerja yang baru satu proses yang perlu dilakukan secara berterusan.

Penilaian Terhadap Dasar Pandang Ke Timur dan Model Jepun

Sejak mula dilancarkan, Dasar Pandang Ke Timur mengundang pelbagai pandangan daripada pelbagai pihak termasuk ahli politik, golongan akademik, penyelidik dan wartawan. Kini setelah dasar berkenaan berjalan melebihi dua puluh tahun maka satu penilaian semula terhadapnya dapat dibuat. Terdapat dua pandangan yang perlu diambilkira dalam melihat keberkesanan dasar ini mencapai matlamatnya. Bagi pihak yang menyokongnya, dasar mencontohi budaya dan etika kerja Jepun disifatkan sebagai pencetus kepada perubahan budaya kerja masyarakat Malaysia yang terkenal dengan banyak amalan negatif di tempat kerja. Bagi golongan ini, amalan meniru etika kerja Jepun seperti rajin, berdisiplin, mematuhi masa dan menghormati ketua dapat memajukan ekonomi negara ini. Mereka berhujah tidak mustahil Malaysia mampu mencapai taraf negara maju seperti Jepun jika rakyat mengamalkan budaya positif dalam kehidupan. Sebaliknya bagi golongan yang kurang bersetuju dengan dasar ini, mereka berpendirian mencontohi Jepun bukanlah suatu perkara yang mudah dilakukan kerana kedua-dua negara mempunyai perbezaan asas dalam aspek sejarah, masyarakat dan budaya. Usaha mencontohinya juga berhadapan berbagai

masalah dan tidak dapat dijalankan secara meluas. Kepada golongan ini, Malaysia tidak perlu mencontohi mana-mana negara memadai dengan berusaha membina kemajuan dengan caranya yang tersendiri.

Di sebalik pendapat yang dihujahkan kedua-dua golongan ini, mereka yang terlibat secara langsung dalam program pengajian di bawah Dasar Pandang Ke Timur turut menyuarakan pandangan. Pelajar-pelajar yang berpeluang melanjutkan pengajian mereka di negara matahari terbit kini pulang ke Malaysia dan berkhidmat dalam pelbagai bidang. Kajian yang dilakukan memberi gambaran tentang keberkesanan dasar ini khususnya dalam konteks perubahan budaya. Mereka secara keseluruhannya berpendapat program pengajian yang diikuti memberi kesan yang baik terhadap budaya kerja. Mereka dipengaruhi dan menyerapkan etika kerja Jepun untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Sungguhpun begitu, dalam beberapa aspek tertentu yang berkaitan dengan kejayaan sepenuhnya Dasar Pandang Ke Timur dan mencontohi Jepun sebagai model mereka mempunyai pandangan tersendiri. Berikut adalah maklum balas yang diterima daripada seramai 52 orang bekas pelajar yang diminta menilai keberkesanan program berkenaan.

Jadual 5.5 : Penilaian bekas pelajar terhadap Dasar Pandang Ke Timur dan model Jepun

Penilaian bekas pelajar	**Setuju(peratus)**	**Tidak setuju(peratus)**
Pengalaman belajar di Jepun mengubah sikap individu	87.2	12.8
Jepun lebih berjaya dari Malaysia dalam bidang sosio ekonomi	93.6	6.4
Jepun berjaya kerana faktor desakan dan survival	87.2	12.8
Latar belakang budaya Jepun dengan Malaysia berbeza	95.7	4.3
Malaysia perlu berhati-hati meniru Jepun	95.7	4.3
Perubahan budaya perlukan masa yang panjang	87.2	12.8
Jepun masih relevan sebagai model sehingga kini	72.3	27.7
Pengajian responden di Jepun berjaya mencapai matlamat	85.1	14.9
Dasar Pandang Ke Timur wajar diteruskan	100	0
Malaysia mampu menjadi negara maju menjelang 2020	66.0	44.0

Antara maklumat penting yang diperolehi daripada data di atas ialah pengakuan bekas pelajar yang menyatakan pengajian di Jepun mengubah budaya hidup mereka; 87.2% mengatakan sikap mereka berubah ke arah lebih baik. Pengakuan ini mengesahkan maklumat terdahulu yang memperincikan sikap dan amalan bekas pelajar di tempat kerja. Sebahagian besar daripada mereka didapati sedar tentang kepentingan bersikap positif bagi memberi sumbangan kepada organisasi yang dianggotai. Mereka mula mengamalkan sikap positif seperti menepati masa, bekerja bersungguh-sungguh, mementingkan organisasi, menghormati ketua dan menyumbangkan idea bagi memajukan syarikat. Seorang bekas pelajar yang kini bekerja sebagai jurutera berkata,"saya kini menjadi lebih teliti, bersungguh-sungguh, gunakan sumber terhad dengan terbaik, menghormati senior, bekerja

dalam kumpulan serta mematuhi arahan pihak atasan dalam menjalankan tugas seharian". Beliau mengamalkan sikap sedemikian kerana melihat kesannya yang baik terhadap organisasi sepertimana dilakukan di Jepun.[18] Bekas pelajar lain juga memberikan pandangan yang sama. Seorang jurutera yang bekerja di Kementerian Pertahanan, lulusan kejuruteraan Universiti Yamanashi tahun 1999-2003 mengatakan beliau kini amat bersemangat untuk membawa kemajuan kepada organisasi tempatnya bekerja. Sebagai pekerja yang masih muda, beliau mahu membina personaliti yang baik dan mempunyai daya saing yang tinggi bagi menjamin masa depan yang lebih baik.

Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah Jepun telah mencapai tahap kemajuan yang lebih tinggi dari Malaysia khususnya dalam aspek sosio-ekonomi. Peratusan pelajar yang bersetuju dengan kenyataan ini adalah tinggi iaitu 93.6%. Bersesuaian dengan taraf negara maju yang dimilikinya, Jepun mempunyai infra struktur berkelas dunia seperti sistem pengangkutan yang cekap dan sistematik. Ekonominya dijana dengan pesat oleh sektor perindustrian walaupun sektor lain juga tidak diabaikan. Menurut seorang bekas pelajar, kekagumannya terhadap Jepun ialah kerana keupayaan negara tersebut mengimbangi kemajuan industri dengan pemeliharaan alam sekitar dan tahap keselamatannaya yang tinggi. Beliau memberikan contoh tentang tahap pencemaran sungai dan alam sekitar yang terkawal disebalik pembangunan sektor industri yang pesat. Baginya Malaysia masih jauh tertinggal dalam bidang seperti pengangkutan awam, pengawalan alam sekitar, pendidikan teknik dan saintifik. Bekas pelajar lain pula berkata,"beliau tidak begitu menghiraukan tahap pembangunan ekonomi yang berbeza di antara Jepun dengan Malaysia tetapi lebih prihatin dengan sikap negatif rakyat negara ini yang disifatkannya

[18] Nama bekas pelajar ini tidak dinyatakan dalam borang soal selidik. Beliau mendapat tajaan Monbusho dan belajar di Tokyo Institute of Technology tahun 1995-1999 dalam bidang Enviromental Services.

boleh menghalang kemajuan sosio-ekonomi. Menurutnya kebanyakan rakyat Malaysia masih mengamalkan tabiat buruk seperti bekerja sambil lewa, tidak menepati masa, gagal menjaga kebersihan dan malas membaca. Beliau seterusnya berpendapat jika tabiat ini gagal diubah maka perancangan menjadikan Malaysia negara maju akan terjejas.

Bekas pelajar turut diajukan persoalan tentang faktor yang mendorong kejayaan Jepun. Walaupun terdapat pelbagai pendapat berkaitan dengan isu berkenaan namun salah satu sebab yang dikemukakan ialah faktor desakan hidup atau *survival*. Jepun disifatkan berada dalam situasi terdesak akibat kekurangan tanah dan bahan mentah bagi menampung keperluan penduduknya lalu menjadikan mereka lebih kreatif dan inovatif menggerakkan aktiviti ekonomi. Sejumlah 87.2% daripada bekas pelajar bersetuju dengan kenyataan ini. Persetujuan mereka dalam hal ini adalah berdasarkan kepada sikap masyarakat Jepun dalam aspek tertentu. Seorang bekas pelajar, Ikhsan Othman misalnya menyatakan rasa kagumnya melihat bagaimana orang Jepun menggunakan sepenuhnya tanah yang terhad di tengah bandar untuk ditanam padi, walaupun keluasannya terhad tetapi hasilnya adalah tinggi kerana tanaman tersebut diusahakan menggunakan teknologi.

Abdul Rahman Omar menyatakan pandangan yang sama dengan merujuk kepada keupayaan Jepun membina lapangan terbang menggunakan teknik tebus guna laut disebabkan kekurangan tanah .pamah.[19] Kos hidup yang tinggi di bandar besar akibat tumpuan penduduk menjadikan masyarakat Jepun terpaksa bekerja keras bagi menampung kehidupan mereka. Kos seperti sewa rumah, makanan dan pengangkutan adalah mahal. Mansor Ibrahim bekas pegawai di kedutaan Malaysia di Tokyo yang bertugas menjaga kebajikan pelajar memberikan contoh kadar sewa bilik di Tokyo mencecah sehingga RM 3000 sebulan manakala harga bagi sekali makan tengahari ialah sekitar 1,000 yen yang

[19] Temubual dengan Ikhsan Othman dan Abdul Rahman Omar

bersamaan dengan RM35. Beliau berpendapat faktor kos hidup yang tinggi ini mempengaruhi pemikiran dan cara hidup orang Jepun yang hanya fikirkan kerja bagi menambah pendapatan.[20] Pandangan Mansor senada dengan pendapat ahli akademik seperti Yusof Hasan, professor pengajian Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mengimbau kembali sejarah kebangkitan Jepun selepas Perang Dunia Kedua. Beliau menyatakan kemusnahan besar yang dialami Jepun semasa perang tersebut menimbulkan semangat kepada pemimpin dan rakyat Jepun untuk bangkit semula dan memajukan negara dalam bidang ekonomi. Rakyat Jepun yang terdesak mencari sumber ekonomi menjadi lebih rajin, bersungguh-sungguh, kreatif dan inovatif. [21]

Seterusnya pelajar menyatakan persetujuan mereka terhadap dua persoalan yang ditimbulkan iaitu Jepun mempunyai perbezaan budaya dengan Malaysia dan negara ini perlu berhati-hati meniru Jepun. Kedua-dua perkara tersebut dipersetujui 95.7% daripada responden. Pelajar menyifatkan latar belakang masyarakat dan budaya di antara kedua negara adalah berbeza. Masyarakat Jepun bersifat homogen dan menganut agama Shinto dan Budha sementara masyarakat Malaysia terdiri dari bangsa Melayu, Cina, India dan pelbagai kaum pribumi yang lain; setiap bangsa pula menganut agama dan mengamalkan budaya masing-masing. Perbezaan yang terdapat di antara kedua negara menyukarkan usaha mencontohi Jepun. Jamaludin Karim memberikan contoh dalam bidang pekerjaan, di Jepun tahap kepercayaan pihak pengurusan terhadap pekerja yang sebangsa dengan mereka amat tinggi. Hal ini mudah berlaku kerana mereka terdiri daripada bangsa yang sama. Beliau berpendapat amalan ini sukar dilaksanakan di Malaysia dalam keadaan pekerja yang terdiri daripada berbilang bangsa. Jika pihak pengurusan terdiri daripada bangsa Cina

[20] Temubual dengan Mansor Ibrahim di Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Putra Jaya pada 22 Disember 2005.
[21] Temubual dengan Prof. Mohd. Yusof Hassan di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 4 Ogos 2005.

misalnya, masih wujud kesangsian dan rasa ragu bagi memberi kepercayaan kepada bangsa lain, begitulah sebaliknya. Walaupun terdapat usaha pihak tertentu membendung keadaan ini namun amalannya masih sukar dihapuskan; Contohnya terdapat dakwaan orang Melayu yang mengatakan syarikat yang dipunyai orang Cina mengenakan syarat menguasai bahasa Mandarin sebelum mereka diterima bekerja dengan syarikat berkenaan. Baginya usaha bersungguh-sungguh perlu dilakukan bagi mengatasi masalah seperti sikap prejudis antara kaum.[22] Pendapat Jamaludin selari dengan tulisan ahli akademik seperti Lee Poh Ping yang mempersoalkan kejayaan dasar persyarikatan Malaysia yang disifatkan gagal meningkatkan kerjasama sektor kerajaan dengan swasta kerana kedua-duanya dimonopoli oleh dua kaum yang berbeza.[23]

Bekas pelajar juga berpendapat terdapat perbezaan ketara dalam cara hidup masyarakat Jepun dengan orang Islam akibat perbezaan fahaman agama. Masyarakat Jepun dilihat mengamalkan cara hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam. Mereka menganggap agama hanya sebagai ritual dan bukannya ajaran yang memandu manusia ke jalan yang benar. Seorang bekas pelajar menyatakan kehairanannya melihat amalan mencampuradukkan agama di mana orang Jepun berkahwin mengikut ajaran Shinto tetapi apabila mati dikebumikan mengikut ajaran Budha. Beliau juga memberikan contoh tentang amalan *hara-kiri* yang dianggap suci di dalam budaya Jepun tetapi sebaliknya perbuatan membunuh diri adalah larangan keras di dalam ajaran Islam. Cara hidup masyarakat Jepun yang mencari hiburan di luar setelah seharian bekerja juga merupakan contoh perbuatan yang dilarang ajaran Islam. Menurut pandangan Jaafar Jambi, pada prinsipnya kaum wanita

---

[22] Jamaludin Karim

[23] Lihat Lee Poh Ping, "Syarikat Malaysia Sdn. Bhd.: Pemerintah Melayan Kapitalis Swasta", dalam *Suria Terbenam Jua: Ajaran Pandang Ke Timur*, Jomo K.S. (ed.), karya asal *The Sun Also Sets: Lessons for Looking East* penterjemah Rosli Omar (Kuala Lumpur: Insititut Analisa Sosial, 1992)

atau isteri dapat menerima keadaan suaminya yang mengunjungi *geisha* bagi mencari hiburan.

Bertolak daripada hujah perbezaan budaya yang wujud di antara masyarakat kedua-dua buah negara, bekas pelajar menggesa tindakan berhati-hati diambil bagi mencontohi Jepun. Mereka menyatakan pendapat agar hanya aspek positif yang perlu dicontohi kerana tidak semua ciri-ciri budaya Jepun sesuai diamalkan masyarakat negara ini khususnya masyarakat Islam. Pandangan bekas pelajar ini selari dengan kritikan yang disuarakan berbagai pihak ketika Dasar Pandang Ke Timur mula dilancarkan dahulu. Pengalaman Jepun sendiri meniru Barat ketika proses pemodenannya baru bermula wajar menjadi pengajaran kepada negara ini. Konsep yang digunakan Jepun dalam meniru Barat ialah "*wahkon yosai*" iaitu teknologi Barat, etika timur yang bermaksud keutamaan Jepun ialah mempelajari ilmu pengetahuan dan teknologi Barat tetapi mengekalkan budaya dan etika sendiri. Hasilnya ialah kejayaan Jepun menguasai ilmu dan teknologi Barat yang membolehkan mereka memajukan sektor perindustrian moden dengan mengekalkan amalan tradisi seperti penggunaan bahasanya, etika kerja dan jati diri masyarakatnya. Perkara ini turut disentuh ahli sejarah seperti Abu Talib Ahmad yang mengatakan :

> "Sejarah tamadun Jepun mempunyai beberapa aspek penting yang dapat membantu kita menilai dengan lebih sempurna kejayaan Jepun sebagai sebuah negara Asia yang termaju yang berjaya menggabungkan unsur-unsur dalaman dan luaran dengan begitu baik,.....
> Di Jepun, peminjaman dari luar dibuat dengan mengambil kira latar belakang budaya dan sejarah negara yang menjadi model mereka. Semua ini kemudiannya diadun dengan unsur dalaman lalu menghasilkan sesuatu yang bersifat Jepun baik dalam sistem pengurusan mahupun dalam pelbagai aspek budaya".[24]

[24] Lihat Prakata buku Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005) m.s. ix-x.

Jepun sendiri menggunakan pendekatan memilih ketika meniru Barat kerana mahu mengekalkan budaya tradisi yang menjadi sumber kekuatan masyarakatnya. Malaysia juga perlu mengambil langkah yang sama dalam meniru Jepun kerana pembangunan perlu dilihat dalam skop yang luas. Pelajar berhujah bahawa kemajuan yang terlalu berfokus kepada pembangunan fizikal akan memberi kesan buruk kepada pembangunan manusia dan alam sekitar. Pengalaman Jepun yang mulai menghadapi berbagai-bagai masalah sosio-ekonomi sejak dekad 1990-an perlu diambil kira dalam menjadikan mereka sebagai model. Bekas pelajar seperti Rozmadi Abdul Hamid berpendapat generasi muda Jepun kini semakin terpengaruh dengan cara hidup Barat. Sikap positif yang berakar umbi daripada budaya tradisi mereka semakin terpinggir kerana dianggap sudah ketinggalan zaman. Kini sikap seperti individualistik, terlalu pentingkan keuntungan material dan tidak menghormati golongan tua semakin berleluasa. Perkara ini merupakan contoh yang buruk masyarakat Jepun kontemporari.[25] Selain itu terdapat juga pendapat yang mengatakan budaya baik yang mahu dipelajari dari Jepun itu sebenarnya terkandung dalam ajaran Islam dan budaya Melayu sendiri. Anwar Abdul Ghani berhujah sikap seperti rajin, menepati masa dan menjaga kebersihan memang dituntut ajaran Islam manakala semangat kerjasama melalui amalan gotong royong misalnya telah diamalkan masyarakat Melayu sejak lama dahulu. Masalahnya sekarang ialah sikap masyarakat Islam yang gagal menghayati ajaran agama yang sebenar selain kian melupai budaya tradisi sendiri. Jadi langkah sebaiknya mencontohi Jepun ialah dengan mempelajari teknologi, sistem pengurusan dan sikap yang tidak bertentangan dengan agama dan budaya tempatan.[26]

---

[25] Rozmadi Abdul Hamid
[26] Anwar Abdul Ghani

Satu perkara yang dibangkitkan oleh kebanyakan bekas pelajar yang ditemui ialah kesukaran mereka mempengaruhi masyarakat tempatan supaya mengubah budaya dan etika kerja masing-masing. Satu hakikat yang perlu diterima ialah perubahan budaya memerlukan masa yang panjang dan dipengaruhi banyak faktor; 87.2% daripada pelajar bersetuju dengan kenyataan ini. Masalahnya masyarakat Malaysia khususnya bumiputera disifatkan masih berbudaya negatif dalam banyak aspek kehidupan. Dr. Mahathir yang menjadi Perdana Menteri melebihi dua puluh tahun menyatakan sikap negatif masyarakat Melayu menyebabkan mereka tertinggal dalam bidang ekonomi. Beliau memberikan contoh tentang sikap peniaga Melayu yang tidak berusaha bersungguh-sungguh sebaliknya mencari jalan mudah dengan menjual projek yang diperolehi kepada orang lain. Mereka juga tidak mahu belajar menghasilkan keluaran bermutu yang mampu bersaing dengan barangan orang lain. Jika budaya ini tidak diubah, masyarakat Melayu akan terus ketinggalan.[27]

Inilah juga masalah yang dihadapi bekas pelajar di Jepun, mereka diharap membawa perubahan namun sukar melakukannya. Jaafar Jambi berpendapat antara halangan yang dihadapi dalam melakukan perubahan ialah sistem sedia ada yang sukar dirombak. Beliau memberi contoh tentang struktur birokrasi di organiasasi awam yang mengikut model Barat, keputusan penting dibuat oleh pihak pengurusan atasan manakala pekerja peringkat bawahan sukar menyuarakan pandangan mereka. Kebanyakan pegawai kanan perkhidmatan awam pula berpendidikan Barat dan mereka selesa dengan prosedur sedia ada yang diamalkan.[28] Seorang lagi bekas pelajar, kini pengarah urusan Venture Bright Screen Inser Sdn. Bhd., berpendapat kesukaran melakukan perubahan berpunca

[27] Temubual dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad
[28] Temubual dengan Jaafar Jambi

daripada pemikiran rakyat yang belum bersedia berubah. Rakyat telah biasa dengan amalan negatif yang diwarisi sejak turun temurun, jadi usaha melakukan perubahan perlu menggunakan pendekatan bersepadu yang menyeluruh. Pandangannya disokong rakannya dari Negeri Sembilan yang mengatakan perubahan mesti ditumpukan kepada kanak-kanak di bangku sekolah dengan memasukkan unsur pendidikan moral dan disiplin dalam pendidikan.

Ditinjau dari sudut sosiologi, perubahan budaya selain memakan masa yang panjang, turut melibatkan banyak faktor lain. Jepun sendiri mengambil masa hampir satu abad melakukan perubahan mengubah struktur masyarakat dan kegiatan ekonominya melalui pemodenan Meiji. Menurut Yaakob Harun, bekas professor sosiologi keluarga Universiti Malaya, perubahan budaya dipengaruhi elemen seperti alam sekeliling, agama dan adat resam sesuatu bangsa. Beliau menyatakan masyarakat Melayu mampu berubah jika suasana kehidupan mereka turut berubah misalnya daripada tinggal di kampong kemudian berhijrah ke bandar. Cara hidup di bandar yang lebih sibuk, mencabar dan penuh saingan secara tidak langsung akan mengubah budaya mereka. Yaakob juga berpendapat perubahan masyarakat Melayu memerlukan pemimpin menunjukkan contoh dan teladan supaya diikuti. Maksudnya jika mahukan rakyat berubah sikap seperti rajin bekerja, menjaga kebersihan dan menjaga masa maka pemimpin terlebih dahulu perlu melakukannya sebagai contoh. Hal seperti ini tidak dapat dielakkan kerana masyarakat Melayu masih dipengaruhi struktur feudal yang memerlukan perubahan dari atas ke bawah dan tabiat suka meniru cara pemimpin.[29]

---

[29] Yaakob Harun bekas professor sosiologi keluarga, Fakulti Sastera Universiti Malaya. Beliau pernah menyandang kerusi pengajian Melayu di Universiti Auckland, New Zealand dan bersara pada 2006. Temubual dengan Dr. Yaakob pada 10 Ogos 2006.

Berkaitan dengan idea menjadikan Jepun sebagai model kepada negara ini timbul juga persoalan tentang kewajarannya memandangkan kini terdapat banyak perubahan berlaku pada peringkat serantau dan dunia. Dalam bidang ekonomi misalnya, negara Asia seperti Cina dan India telah menunjukkan kemajuan yang begitu pesat dan mula menarik perhatian negara lain. Pada masa yang sama Jepun pula mula berhadapan masalah ekonomi seperti kemelesetan, skandal syarikat konglomerat dan krisis politik parti memerintah Parti Liberal Demokratik (LDP). Apabila perkara ini diajukan kepada bekas pelajar, mereka berpendapat perkara tersebut tidak menjejaskan kejayaan Jepun secara keseluruhannya walaupun memberi kesan buruk kepada imejnya. Mereka percaya Jepun masih relevan sebagai model pembangunan sekurang-kurangnya dalam bidang teknologi dan daya saing. Seramai 72.3% pelajar bersetuju dengan kenyataan ini.

Menurut Azhar Aros yang belajar di Universiti Nihon pada tahun 1990-an, Jepun masih mendahului negara Asia yang lain dalam bidang teknologi walaupun Cina, Korea dan Taiwan cuba menghasilkan teknologi yang hampir sama. Beliau memberi contoh dalam sektor automotif, Jepun masih mempunyai daya saing yang tinggi pada peringkat antarabangsa, jadi tidak timbul masalah jika Malaysia berhasrat untuk terus mencontohi Jepun dalam aspek ini.[30] Persoalan yang sama dibangkitkan kepada mantan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad sama ada Jepun masih sesuai dijadikan contoh kerana mereka juga menghadapi beberapa masalah. Kenyataan Mahathir,"Malaysia bukan hanya mahu mempelajari kejayaan Jepun malahan mahu belajar daripada kegagalannya". Beliau berhujah masalah Jepun sebahagian besarnya berpunca daripada kecenderungannya mengikut cara Barat yang disifatkannya mengalami kemelesetan. Mahathir memberikan contoh tentang sikap generasi muda Jepun yang kini terikut-ikut dengan budaya Barat yang

[30] Temubual dengan Azhar Aros

malas dan hanya pentingkan hiburan menyebabkan kadar produktiviti mereka menurun. Budaya seperti groupisme kini hampir digantikan sifat individualistik yang diperjuangkan Barat atas dorongan memperjuangkan hak asasi manusia. Baginya perkara seperti ini perlu dijadikan pengajaran dan iktibar kepada Malaysia.[31] Penyelidik berpandangan hujah Mahathir yang mengaitkan masalah generasi muda Jepun dengan pengaruh Barat menampakkan sifatnya sebagai pemimpin politik yang bijak mencari alasan bagi mempertahankan ideanya walhal generasi muda di negara ini juga tidak dapat menghindari pengaruh Barat yang kian berleluasa.

Persoalan penting yang turut diberi perhatian ialah kejayaan program pengajian di Jepun yang diikuti para pelajar serta persoalan sama ada Dasar Pandang Ke Timur wajar diteruskan. Kedua-dua perkara ini mendapat maklum balas positif apabila sejumlah 85.1% bekas pelajar mengatakan program pengajian yang diikuti berjaya mencapai matlamatnya. Mereka berpuas hati dengan program yang diikuti khususnya kerana berpeluang belajar dan menghayati kehidupan masyarakat Jepun. Pandangan bekas pelajar senada dengan penemuan kajian ISIS yang merumuskan ;[32]

> "in all three group, the majority of respondents said that overall their experience in Japan had been very rewarding. This was closely followed by those who felt that more can still be accomplished. Only two respondents from LEP(Look East Policy) students group said that their overall experience had been unrewarding and unsatisfactory, while only one out of the private students group said that the overall experience had been unsatisfactory. None of the Monbusho students found their overall experience in Japan unrewarding or unsatisfactory".

Lebih penting lagi seratus peratus bekas pelajar bersetuju sekiranya Dasar Pandang Ke Timur diteruskan. Pengakuan bekas pelajar bahawa pengajian mereka di Jepun berjaya

---

[31] Pandangan Dr. Mahathir Mohamad semasa temubual pada 29 Ogos 2006.
[32] Op.cit., *Human Resource Development in Malaysia Japan's Contribution Since 1980*, Appendix m.s. 182

mencapai matlamatnya dilihat daripada beberapa aspek seperti kemampuan mereka mendapat pekerjaan di sektor swasta khususnya di syarikat Jepun. Tidak dapat dinafikan syarikat-syarikat Jepun memberi keutamaan kepada mereka memandangkan kebolehan menguasai bahasa Jepun dan memahami cara bekerja yang diperlukan.[33] Sebahagian daripada bekas pelajar pula mendapat faedah tambahan dengan bekerja mencari pengalaman di Jepun sebaik menamatkan pengajian. Kejayaan mereka juga diukur daripada aspek perubahan budaya kerja yang diamalkan sekembalinya ke Malaysia.[34] Jika ditinjau kembali pengakuan yang diberikan berkaitan dengan amalan mereka di tempat kerja ternyata mereka mampu mengamalkan sikap dan etika kerja sepertimana diamalkan masyarakat Jepun. Perubahan sikap mereka penting kerana ia diharap menjadi pencetus perubahan kepada masyarakat umum. Sebahagian besar daripada bekas pelajar mengakui kesan penting pengajian di Jepun ialah menjadikan mereka lebih bersemangat, bersikap positif dan bercita-cita untuk berjaya dalam kerjaya. Tan Sri Khatib Abdul Hamid sebagai penasihat ALEPS walaupun mengakui sukar untuk bekas pelajar mengubah budaya rakyat dalam sekelip mata namun menyifatkan mereka berjaya kerana lulus dalam pengajian, menguasai bahasa asing dan menghayati budaya mereka. Menurutnya bekas pelajar mesti

---

[33] Kenyataan Hj. Ibrahim Zahari, Pengurus Sumber Manusia Matsushita Group of Companies semasa membentangkan kertas kerja,"Impact on Look East Policy on Human Resources and Technological Transfer: A Case of matsushita in Malaysia", *Seminar Malaysia's Look East Policy: Challenge and Contribution*, Kuala Lumpur 22-23 April 2002. Di antara pihak yang menjadi majikan kepada bekas pelajar di Jepun ialah Matsushita Group of Companies yang mengakui memberi keutamaan kepada pelajar lepasan Jepun untuk bekerja di situ. Pihak pengurusan syarikat mengakui pekerja yang terdiri daripada lepasan universiti di Jepun memiliki kelebihan tersendiri seperti mampu menjadi penghubung yang baik di antara syarikat di negara ini dengan ibu pejabatnya di Jepun.

[34] Selain pengakuan bekas pelajar tentang sikap positif mereka semasa bekerja, perkara yang sama diakui pihak lain seperti majikan.Lihat misalnya Hiroshi Nakano, Pengerusi Bahagian Penyelidikan JACTIM, "Cases of Japanese SMIs in Malaysia",*Seminar International Conference on Models of Development: The Role of Japanese Studies*, 18-19 Januari 1995, Petaling Jaya. Dalam kenyataannya Nakano menyebut tentang peranan yang dimainkan pekerja yang terdiri daripada lulusan universiti Jepun dalam aspek pengurusan syarikat kecil dan sederhana dan pemindahan teknologi yang melibatkan pelaburan Jepun di negara ini. Syarikat SMIs yang melibatkan kerjasama pelabur Jepun dengan Malaysia memerlukan graduan ini bagi melicinkan perjalanan syarikat.

bersikap optimis dengan memulakan perubahan kepada diri sendiri sebelum mempengaruhi orang lain.

Dr. Mahathir sebagai arkitek dasar ini juga yakin rancangan yang diusahakannya berjaya dan perlu diteruskan. Beliau melihat kebolehan pelajar lepasan Jepun bekerja di syarikat-syarikat antarabangsa dengan amalan kerja yang positif sebagai bukti kejayaan program ini. Berikutan dengan keyakinan pelajar tentang kejayaan program pengajian yang diikuti, mereka keseluruhannya bersetuju sekiranya Dasar Pandang Ke Timur diteruskan supaya faedahnya dapat terus dinikmati golongan lain. Seorang bekas pelajar menyatakan pendapatnya dengan menyoal,"apa ruginya menghantar pelajar ke Jepun berbanding mereka pergi ke negara lain seperti di Barat. Jika di Jepun mereka sekurang-kurang dapat mempelajari bahasa dan budayanya. Tanpa pergi ke Barat sekalipun mereka sudah menguasai bahasa Inggeris". Rakannya yang lain juga berpendapat soal meniru yang baik dan buruk bergantung kepada individu berkenaan. Jika sesuatu perkara atau budaya itu dianggap buruk dan bertentangan dengan budaya Melayu dan ajaran Islam, janganlah diikuti sebaliknya contohilah yang baik dan positif sahaja. [35]

Persoalan terakhir yang diajukan kepada bekas pelajar ialah tentang keyakinan mereka terhadap pencapaian matlamat Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Didapati 66% daripada mereka merasa yakin Malaysia mampu menjadi negara maju sepertimana dihasratkan pada tahun 2020. Keyakinan mereka berdasarkan berbagai strategi dan langkah yang telah dan sedang diambil pihak berkenaan bagi merealisasikan rancangan tersebut. Md. Noor Abdullah berpendapat tidak mustahil Malaysia mampu menjadi negara maju seperti di Barat atau Jepun jika rakyat berusaha keras memperbaiki taraf sosio-ekonomi mereka. Rancangan menjadikan negara ini maju tidak boleh

[35] Pandangan Hj. Zainol Abu Kasim

bergantung kepada tindakan kerajaan semata-mata malahan perlu melibatkan seluruh anggota masyarakat. Beliau juga menyatakan kemajuan yang bakal dinikmati perlu mengambil kira keseimbangan di antara pembangunan fizikal dan moral. Rakyat perlu mengubah sikap negatif dalam kehidupan menjadi lebih positif sesuai dengan taraf negara maju yang diidamkan. Mengambil contoh di Jepun, beliau berkata kos kehidupan di sana adalah tinggi, jadi rakyat perlu berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan taraf ekonomi bagi mengelakkan mereka menjadi miskin di negara sendiri.[36]

Ikhsan Othman pula berpendapat Malaysia mampu menjadi negara maju jika kerajaan dan rakyat memberi perhatian yang serius kepada bidang pendidikan bukannya kepada bidang ekonomi semata-mata. Baginya pendidikan merupakan satu proses menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat bagi membolehkan mereka menguasai sesuatu bidang. Berdasarkan pengalamannya di Jepun, masyarakatnya memberi perhatian berat kepada pendidikan dengan berlumba-lumba mendapatkan tempat terbaik untuk melanjutkan pengajian. Beliau berpendapat tempoh yang diperlukan untuk mencapai taraf negara maju tidaklah terlalu penting, masa yang ditetapkan pada tahun 2020 boleh diubahsuai mengikut kemampuan namun perkara yang lebih penting diberi perhatian ialah persediaan rakyat untuk menghadapi cabaran di sebuah negara maju. Berdasarkan pencapaian terkini dalam bidang ekonomi dan pendidikan, Ikhsan melahirkan kebimbangannya terhadap kedudukan bumiputera pada masa depan. Jika kaum bumiputera gagal berubah dan mencapai kemajuan ekonomi yang baik, nasib mereka dijangka menjadi lebih buruk berbanding kaum lain.[37]

---

[36] Temubual dengan Mohd. Noor Abdullah
[37] Ikhsan Othman

Terdapat juga segolongan responden yang kurang yakin dengan matlamat menjadikan negara ini sebagai negara maju pada 2020. Mereka berpendapat tempoh lebih lama diperlukan bagi mencapai taraf tersebut. Berbanding dengan negara maju seperti Jepun, Malaysia disifatkan masih ketinggalan dalam lapangan seperti ekonomi berasaskan penggunaan teknologi tinggi. Bagi mencapai taraf negara maju pula, pembangunan mestilah seimbang di antara negeri dan wilayah dan bandar dengan luar bandar. Negara ini pula mempunyai masyarakat berbilang kaum yang taraf ekonominya berbeza. Masalah-masalah ini perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum Malaysia menjadi negara maju. Dr. Mahathir sebagai pemimpin yang mencetuskan idea wawasan 2020 mengakui hakikat ini tetapi menyatakan sikap optimisnya dengan matlamat yang ditetapkan. Beliau mengatakan Malaysia kini mengalami pertumbuhan pesat ekonomi dan telah mencapai taraf dunia dalam beberapa aspek seperti kemudahan awam dan prasarana pendidikan, cuma perkara yang kurang memuaskan ialah sikap dan minda masyarakat yang disifatkannya masih di tahap dunia ketiga. Dalam soal ini, beliau menegaskan pentingnya rakyat khususnya bumiputera mengubah sikap mereka dengan meninggalkan tabiat buruk yang diamalkan. Bagi Dr. Mahathir, sehingga akhir pentadbirannya, inilah salah satu kegagalan baginya, iaitu mengubah minda dan sikap masyarakat seperti yang dihasratkannya. [18]

[18] Temubual dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 29 Ogos 2006

Kajian yang dijalankan terhadap bekas pelajar di Jepun dibawah DPT menunjukkan beberapa penemuan seperti berikut :

1. Secara keseluruhannya program pengajian di Jepun berjaya dari aspek memperolehi kerjaya dan peluang mempelajari budaya Jepun yang mempengaruhi pembentukan budaya kerja yang positif.
2. Terdapat hanya aspek tertentu budaya Jepun yang sesuai ditiru manakala sebahagian lagi kurang sesuai kerana bertentangan dengan fahaman agama dan tradisi masyarakat Melayu.
3. Pengaruh budaya kerja lebih tertumpu kepada bekas pelajar dari Jepun dalam kerjaya masing-masing tetapi terdapat masalah dan rintangan bagi menyebarkannya kepada masyarakat umum di Malaysia.

Daripada satu aspek, hujah Dr. Mahathir bahawa budaya bukanlah milik istimewa sesuatu bangsa tetapi boleh ditiru dan dipelajari ternyata benarnya berdasarkan pengalaman bekas pelajar Malaysia di Jepun. Budaya memang boleh dipelajari dengan syarat seseorang itu bersedia mempelajarinya dan melakukan perubahan apatah lagi budaya tinggi atau maju lebih mudah mempengaruhi budaya rendah. Amalan seharian masyarakat Jepun memberi peluang kepada pelajar mencontohinya kerana mereka dianggap janggal jika masih mengamalkan cara yang lama misalnya sikap berdisiplin seperti beratur ketika menaiki bas atau keretapi merupakan suatu kebiasaan bagi masyarakat Jepun. Jika orang luar gagal mengikuti amalan ini, mereka dianggap melakukan sesuatu yang memalukan kerana menentang norma masyarakat. Kepatuhan kepada norma masyarakat merupakan ciri budaya yang penting lantaran budaya merupakan amalan yang dikongsi bersama sesebuah

masyarakat. Mahathir menyarankan bidang yang lebih luas untuk dicontohi meliputi aspek seperti teknologi, sikap rajin, dedikasi, semangat berkumpulan, mementingkan masa dan sedia berkorban. Kemampuan untuk mempelajari budaya juga bergantung juga kepada pendedahan yang diterima seseorang. Penyaluran budaya baru terbatas jika hanya melibatkan sesi pengajian tetapi lebih berkesan jika melibatkan pergaulan dengan masyarakat yang ingin dicontohi, bekerja dan tinggal bersama mereka dan terlibat dalam aktiviti masyarakat tempatan. Ini bermakna pelajar Malaysia yang berpeluang tinggal bersama dengan masyarakat Jepun atau bekerja dengan mereka mempunyai peluang yang lebih besar mempelajari dan meniru budaya kerja mereka.

Sunggupun budaya Jepun boleh dicontohi namun hakikatnya tidak semua aspek sesuai untuk masyarakat Malaysia atau Melayu khususnya kerana latar belakang kedua-dua masyarakat adalah berbeza. Menurut para pelajar, budaya Jepun yang sesuai dipelajari dan diamalkan adalah yang tidak bertentangan dengan agama dan adat resam masyarakat Melayu. Dalam aspek tertentu terdapat amalan budaya Jepun yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti berpoya-poya mencari hiburan bagi meraikan pelanggan, minum minuman keras atau terlalu materialistik. Islam menganggap amalan seperti ini bertentangan dengan akhlak atau perlakuan baik yang dianjurkannya. Jadi umat Islam diminta tidak meniru perbuatan orang bukan Islam yang jelas bertentangan dengan ajarannya. Walau bagaimanapun di sebalik pertentangan yang wujud, terdapat juga budaya atau nilai Islam yang selari dengan budaya lain seperti rajin bekerja, jujur, ikhlas, menepati masa dan menghormati senior yang disifatkan sebagai nilai sejagat dalam Islam. Budaya dan nilai seperti ini lebih mudah ditiru kerana wujudnya persamaan bagi kedua-dua masyarakat. Dalam bidang pengurusan, amalan masyarakat Jepun yang sering diperkatakan

itu sebenarnya terkandung juga dalam ajaran Islam.[39] Bagi masyarakat Melayu khususnya, mencontohi budaya bangsa lain yang selari dengan ajaran Islam mampu memperkukuhkan lagi budaya positif yang sedia ada.

Persoalan mampukah budaya kerja Jepun disebarkan secara meluas kepada rakyat Malaysia meliputi aspek seperti pengurusan organisasi kerajaan, swasta dan amalan dalam kehidupan seharian rakyat menjadi satu isu yang dibincangkan pelbagai pihak termasuk ahli akademik, penganalisis sosial dan masyarakat umum. Berdasarkan pengalaman dan maklum balas bekas pelajar dari Jepun wujud banyak masalah dan rintangan bagi menyebarkan budaya kerja Jepun di negara ini walaupun tidak dapat dinafikan terdapat juga sedikit kemajuan dalam hal berkenaan. Hal seperti ini tidak dapat dielakkan kerana difusi budaya sukar berlaku pada ciri budaya yang mempunyai asas dan latar belakang berbeza. Perkara ini merupakan antara alasan utama yang dikemukakan para pengkritik yang kurang yakin dengan program mencontohi budaya kerja Jepun di negara ini. Pandangan bekas pelajar yang berkhidmat dengan sektor awam menyatakan kesukaran menerapkan budaya kerja Jepun seperti mematuhi masa, menghormati senior dan mementingkan kumpulan berpunca daripada nilai lama yang masih kuat berakar umbi dan sikap kepemimpinan organisasi yang tidak mahu berubah. Kalangan yang berkuasa enggan mencampuri golongan bawahan kerana terikat dengan protokol dan mahu menjaga imej mereka, penghormatan pula diberi berdasarkan kepada kedudukan dan jawatan dan bukannya berdasarkan umur dan senioriti. Golongan bawahan pula menganggap peranan mereka kurang penting kerana memegang jawatan peringkat rendah tetapi masalah sebenarnya ialah mereka gagal menghayati konsep kerja berpasukan bagi mencapai

[39] Lihat tulisan Syed Othman Al-Habshi, Aidit Haji Ghazali, *Islamic Values and Management* (Kuala Lumpur: IKIM, 1994).

matlamat organisasi. Amalan ini sudah sebati dalam perkhidmatan awam kerana dipengaruhi struktur birokrasi sedia wujud.

Dalam pengurusan sektor swasta yang berorientasikan keuntungan, sebahagian daripada budaya seperti pentingkan produktiviti, penjimatan kos, kepentingan kumpulan dan bekerja kuat memang menjadi amalan apatah lagi di syarikat Jepun. Walau bagaimanapun matlamat mengamalkan keseluruhan budaya kerja Jepun masih sukar dicapai lantaran kesukaran mengubah budaya kerja pekerja tempatan. Tokoh korporat seperti Tan Sri Khatib mengakui mereka sukar mengikis kebiasaan dan menghayati budaya baru dalam masa yang singkat. Perkara inilah yang menyebabkan UMW-Toyota sebuah syarikat usaha sama Perbadanan Nasional Berhad dengan Toyota meletakkan warga Jepun mengetuai pasukan pengeluaran kereta di lojinya di Malaysia.[40]

Pengalaman sebuah syarikat usaha sama Jepun India, Maruti-Suzuki pada tahun 1980-an menunjukkan bagaimana usaha memindahkan budaya kerja Jepun kepada masyarakat asing terpaksa menghadapi berbagai rintangan dan perlu dilakukan secara berterusan. Pada tahun 1982, kerajaan India mewujudkan kerjasama dengan syarikat Suzuki dari Jepun bagi menubuhkan kilang kereta yang kemudiannya dikenali sebagai Maruti-Suzuki. Suzuki dipilih berdasarkan kemampuannya menyediakan khidmat teknikal di samping menjalankan pengurusan kilang mengikut cara Jepun. Antara kaedah yang diperkenalkan pengurusan Maruti-Suzuki termasuklah sistem pejabat terbuka, uniform seragam bagi semua kakitangan, kantin bersama bagi semua peringkat pekerja, hadir awal sepuluh minit sebelum mula bekerja di samping mengadakan mesyuarat pagi sebelum memulakan operasi. Syarikat juga mengamalkan sistem kawalan kualiti menerusi Q.C.C. dan *Suggestion System*.

---

[40] Tan Sri Khatib Abdul Hamid

Walau bagaimanapun matlamat syarikat untuk melaksanakan sistem Jepun tergendala kerana berhadapan dengan berbagai-bagai masalah yang sebahagian besarnya berpunca daripada sikap negatif pekerja tempatan. Penemuan kajian menunjukkan pekerja masih tidak dapat mematuhi masa seperti digariskan. Mereka biasanya datang lewat daripada masa yang ditetapkan, tidak hadir bekerja tanpa sebab, malas (sering berhenti seketika semasa bertugas), tidak mengambil berat mutu kerja dan gagal menjalin hubungan baik sesama pekerja pada semua peringkat. Hal ini berlaku pada peringkat awal operasi Maruti yang melibatkan hampir 500 pekerja tempatan dalam berbagai bidang.

Keadaan mula berubah sedikit demi sedikit; pada tahun 1995 pekerja Maruti-Suzuki berjumlah 4840 orang dan syarikat telah muncul sebagai pengeluar kereta yang terkenal. Kajian terhadap pemindahan budaya kerja Jepun terhadap pekerja tempatan di India yang melibatkan syarikat usaha sama Maruti-Suzuki menunjukkan proses pemindahan budaya kerja melibatkan dua sistem yang berbeza akan mencetuskan konflik di mana setiap sistem cuba memahami di antara satu sama lain. Proses perubahan walaupun memakan masa dan berhadapan dengan tentangan namun berjalan mengikut proses seperti berikut; pengenalan–tentangan awal-pengajaran berterusan-penerimaan-adaptasi-asimilasi.[41] Kes yang berlaku di India ini merupakan satu contoh yang juga berlaku di Malaysia berkaitan kesukaran yang dihadapi dalam usaha melakukan pemindahan budaya kerja. Masalah utamanya ialah budaya yang berbeza, masyarakat tempatan biasanya selesa dengan amalan lama yang telah sebati dengan kehidupan mereka. Sekiranya perubahan mahu dilakukan, usaha berterusan perlu dibuat sehingga budaya baru dapat diterima dan diamalkan secara serius.

---

[41] Lihat kajian Shivani Nandi,"Transferring Corporate Japan Overseas: Suzuki in India", *Japan Review*, 10, 1998, m.s. 199-218. Kajian ini berdasarkan tesis PhD penulis berjudul,"Socio Technological Issues of Technology Transfer: A Specific Case Study of the Maruti-Suzuki Collaboration", yang dikemukakan kepada Universiti Kyoto, Jepun pada 1996.

Jika usaha melakukan perubahan budaya dalam kalangan organisasi kerajaan dan sektor swasta yang mempunyai struktur dan peraturannya terpaksa menghadapi banyak rintangan apatah lagi usaha mengubah sikap masyarakat awam yang terdiri daripada berbagai-bagai golongan dan latar belakang. Para sarjana berpendapat usaha mengubah budaya dan sikap masyarakat Melayu berhadapan dengan masalah berkaitan diri mereka sendiri. Profesor Mohd. Yusof Hassan berpendapat bukan hanya budaya Jepun yang unik tetapi budaya Melayu juga mempunyai ciri keunikannya yang tersendiri.[42] Dalam konteks sejarah, masyarakat Melayu misalnya rajin dan sabar menjalankan aktiviti ekonomi. Mereka merupakan golongan petani, nelayan dan ahli pertukangan yang gigih namun gagal mencapai kemajuan kerana faktor penjajahan dan kemunduran teknologi. Orang Melayu juga memiliki sikap positif seperti jujur, berani, bertolak ansur dan mudah berunding namun pada masa yang sama turut bersikap negatif seperti tidak menghargai masa, menyerah diri kepada nasib dan suka mencari jalan mudah ketika melakukan sesuatu. Cabaran sekarang ialah mengubah mentaliti dan sikap buruk yang ternyata merugikan itu.

Isu berkaitan disentuh dalam penulisan para pemikir dari semasa ke semasa dan di antara yang menarik ialah satu huraian tentang konsep masa dalam kalangan orang Melayu yang dikemukakan Dato' Omar Md. Hashim bekas pegawai tinggi Kementerian Pelajaran Malaysia.[43] Di sebalik kekaguman masyarakat asing terhadap sikap orang Jepun yang amat menghargai masa, konsep masa bagi orang Melayu pula berdasarkan sistemnya yang tersendiri. Mengikut Omar dari segi sejarah, masyarakat Melayu mempunyai sistem ukuran masa harian bagi mengurus kehidupan mereka secara tradisional. Sistem ini berasaskan kepada pergerakan matahari atau fenomena alam sekitar tanpa merujuk kepada

---

[42] Temubual dengan Prof. Mohd. Yusof Hassan .

[43] Lihat Omar Md. Hashim,"Nilai-nilai Melayu Dalam Pendidikan",*Jurnal Peradaban Melayu*, Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 1, 2003.

penggunaan alat yang khusus dan tepat. Waktu awal pagi atau masuknya waktu subuh dikira dengan kejadian embun menitik atau ayam berkokok. Apabila fajar menyinsing atau ayam turun dari reban menandakan awal pagi. Apabila matahari berada di tengah ubun-ubun menandakan waktu tengahari atau rembang. Ketika matahari muncul dengan ketinggian segalah dikatakan pukul 8 atau 9 pagi manakala waktu asar ditandai dengan matahari condong ke Barat. Apabila ayam masuk ke reban, dikatakan masuknya waktu sembahyang maghrib.

Bagi Omar, pembahagian masa berdasarkan pergerakan matahari dan tabiat ayam adalah mencukupi bagi masyarakat Melayu tradisional di kampung-kampung tetapi nyata tidak sesuai kerana perhitungannya longgar dan tidak tepat kerana berdasarkan perkiraan lebih kurang. Oleh yang demikian masyarakat Melayu disifatkan gagal menentukan masa secara tepat. Jemputan ke majlis tertentu seperti majlis kenduri perkahwinan dibuat secara lebih kurang misalnya mengundang tetamu datang selepas zohor, maghrib atau isyak atau selepas rembang. Keadaan ini hanya berubah apabila mereka menjalani kehidupan moden namun pengaruh penggunaan masa dalam masyarakat tradisi masih wujud. Akibat daripada sistem mengukur masa yang begitu longgar ini menjadikan masyarakat Melayu kurang menghargai masa. Wujud istilah "jam Melayu" yang menggambarkan sikap orang Melayu yang sering melengah-lengahkan masa dan tidak menepati temu janji yang dibuat. Pada masa lampau sebahagian besar masyarakat membuang masa dengan berbual kosong berkumpulan, bersantai dan berangan-angan. Amalan gagal menghargai masa ini berterusan diamalkan dari satu generasi kepada satu generasi kerana demikianlah sifat budaya yang merupakan perkara yang dipelajari oleh seorang anak daripada ibu bapanya. Hujah Omar benar jika dilihat dalam konteks sejarah dan kehidupan tradisional namun pengaruh

daripada tradisi lama itu masih membelenggu masyarakat dan memerlukan tindakan yang berkesan bagi mengubahnya.

Menyedari hakikat perubahan budaya boleh berlaku walaupun terpaksa menghadapi banyak rintangan maka usaha transformasi yang dibuat perlu menggunakan pendekatan yang lebih menyeluruh. Perubahan budaya rakyat khususnya bumiputera tidak boleh disandarkan hanya kepada program meniru Jepun seperti digariskan di bawah DPT. Tidak dapat dinafikan budaya kerja masyarakat Jepun yang positif wajar ditiru dan dicontohi tetapi perkara ini terhad kepada mereka yang berpeluang belajar atau tinggal di negara tersebut dalam tempoh yang tertentu. Masalahnya ialah bilangan mereka amat terhad dan kemampuan mereka menyebarkan budaya baru dipengaruhi banyak faktor dan rintangan. Bagi pengkaji, tindakan mengubah budaya rakyat memerlukan dasar dan tindakan yang lebih meluas dan menyeluruh meliputi segenap lapisan masyarakat dengan tumpuan diberikan kepada kanak-kanak kerana golongan ini merupakan generasi masa depan negara. Pandangan dan syor supaya pembentukan budaya dimulakan sejak di bangku sekolah melalui pendidikan nilai perlu diberi perhatian sewajarnya oleh pihak berkuasa. Dasar dan perancangan lain yang bersifat melengkapi bagi menampung kekurangan DPT perlu digubal agar matlamatnya yang baik dapat dicapai.

Masa Depan Dasar Pandang Ke Timur

Tidak dapat dinafikan faktor utama yang mempengaruhi pembentukan dasar luar kerajaan pada sesuatu masa ialah pemimpin yang berkuasa ketika itu. Sejak mencapai kemerdekaan, dasar Malaysia banyak ditentukan perdana menteri walaupun terdapat penulis seperti Ahmad Atory Hussain yang berhujah terdapat tokoh tertentu yang

mempengaruhi pembentukan dasar luar Malaysia seperti peranan penting yang pernah dimainkan Ghazali Shafie sepanjang menjadi Menteri Luar sehingga digelar arkitek dasar luar Malaysia.[44] Peranan perdana menteri sebagai perancang utama dasar luar negara lebih ketara ketika Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri keempat berikutan langkah beliau yang aktif memperkenalkan berbagai dasar baru termasuk Dasar Pandang Ke Timur.

Menurut pengkaji seperti Khadijah Md. Khalid dan Lee Poh Ping, Mahathir bertindak bersendirian memperkenalkan DPT tanpa merundingkannya dengan pihak lain terlebih dahulu termasuk dengan anggota Majlis Tertinggi UMNO yang merupakan antara badan penting yang mempengaruhi pembentukan dasar negara.[45] Walau bagaimanapun dalam pertemuan dengannya, Dr. Mahathir menyangkal pandangan beliau tidak berbincang dengan orang lain semasa memperkenalkan sesuatu perkara baru tetapi mengakui idea asalnya adalah daripada beliau.[46] Dengan memperkenalkan dasar baru ini, Mahathir cuba mencari kelainan kerana selama ini tumpuan lebih diberikan kepada hubungan dengan Barat. Mahathir disifatkan sebagai pemecah tradisi kerana keberaniannya mencuba pendekatan baru dalam hubungan luar dengan tidak terlalu bergantung kepada Barat.[47] Sepanjang tempoh pentadbiran beliau dasar ini mendapat perhatian serius kerajaan dan disifatkan mendorong hubungan lebih baik antara Malaysia-Jepun dalam pelbagai bidang.

Setelah Dr. Mahathir melepaskan kuasa timbul persoalan tentang minat dan kupayaan penggantinya Abdullah Ahmad Badawi meneruskan dasar-dasar pentadbiran

[44] Lihat Ahmad Atory Hussain, *Politik dan Dasar Awam Malaysia*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd., 1990) m.s. 154

[45] Khadijah Md. Khalid dan Lee Poh Ping, *Whither The Look East Policy*, m.s. 96.

[46] Temubual dengan Tun Mahathir pada 29 Ogos 2006.

[47] Kupasan lebih lanjut tentang peranan Mahathir dalam mencorakkan dasar luar Malaysia boleh dilihat misalnya dalam tulisan Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism, An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995) dan kajian Hoo Boon Tat,"Peranan Dr. Mahathir dan Kesannya Terhadap Dasar Luar Malaysia 1981-1997", Kajian sarjana tidak diterbitkan,Universiti Sains Malaysia, 2000.

dahulu. Sepertimana umum mengetahuinya, Perdana Menteri kini lebih memberi perhatian kepada konsep Islam Hadhari dan mula menyimpang daripada dasar perindustrian ala Mahathir. Misalnya kecenderungan Dr. Mahathir memberi perhatian kepada projek besar mula disanggah Abdullah yang membuat keputusan membatalkan beberapa projek yang dirancang pentadbiran sebelumnya. Dalam konteks ini sebenarnya tiada perkara yang aneh berlaku, ianya merupakan satu perubahan biasa apabila berlaku pertukaran pucuk pimpinan negara.

Menurut bekas diplomat Tan Sri Khatib Abdul Hamid, sememangnya dasar-dasar yang diperkenalkan Dr. Mahathir akan dinilai semula atau dikaji dengan terperinci setelah ketiadaannya bagi membolehkan pentadbiran kini membuat penilaian semula tentang kewajaran meneruskan dasar yang diperkenalkannya termasuklah Dasar Pandang Ke Timur. Walau bagaimanapun Khatib merasa yakin program menghantar pelajar melanjutkan pengajian ke Jepun akan diteruskan kerajaan walaupun pimpinan negara bertukar tangan memandangkan feadahnya kepada Malaysia. Pada masa yang sama syarikat-syarikat Jepun juga memperolehi manfaat daripada tenaga mahir yang dilatih di negara mereka. Sebagai penasihat ALEPS (Alumni of Look East Policy Society) beliau berharap dengan jumlah graduan yang semakin bertambah, mereka dapat memainkan peranan lebih berkesan mencetuskan budaya kerja baru di negara ini.[48] Pandangan Khatib hampir senada dengan pendapat Khadijah Md. Khalid dan Lee Poh Ping yang mendapati usaha berterusan dilakukan negara ini dalam menghantar pelajar dan pelatih ke Jepun sebagai memenuhi tuntutan DPT di sebalik keupayaan Jepun sebagai model mula dipersoalkan memandangkan berbagai masalah ekonomi dan politik yang dialaminya pada

[48] Temubual dengan Tan Sri Khatib Abdul Hamid

penghujung dekad 1990-an. Walau bagaimanapun satu bentuk penilaian tentang faedah dan relevannya dasar ini perlu dibuat kerana ia telah berjalan melampaui dua dekad.[49]

Berdasarkan maklumat rasmi dan pandangan ahli-ahli akademik dan sektor perniagaan, Dasar Pandang Ke Timur khususnya yang melibatkan program pengajian dan latihan akan diteruskan pada masa depan memandangkan faedah dan kepentingannya kepada Malaysia. Bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab mengendalikan program pengajian di Jepun memperakui keberkesanan dan kejayaan program berkenaan khususnya dari segi pembangunan sumber manusia dan peningkatan hubungan bilateral di antara kedua negara. Program berkenaan berjaya meningkatkan bekalan tenaga mahir yang dilatih di Jepun dan berupaya memenuhi keperluan pekerjaan di sektor industri. Jabatan Perkhidmatan Awam memang berhasrat menambah bilangan pelajar dan pelatih yang dihantar ke Jepun namun berhadapan dengan masalah seperti peruntukan kewangan dan kemampuan Ambang Asuhan Jepun menyediakan kursus persediaan kepada pelajar peringkat ijazah.[50] Sejak program ini dilaksanakan pada tahun 1982 sehingga tahun 2000 hampir dua ribu pelajar berpeluang mengikutinya. Ambang Asuhan Jepun juga sebagai pihak bertanggungjawab menyediakan kursus persediaan Rancangan Persediaan Khas Jepun (RPKJ) menyatakan komitmen tinggi bagi meningkatkan lagi kuantiti dan kualiti program berkenaan. Pengarahnya Dr. Azilah Abdul Rahman menyatakan, RPKJ adalah satu-satunya program pengajian di dunia yang diiktiraf kerajaan Jepun dalam penyediaan pelajar bagi melanjutkan pelajaran ke universiti negara

---

[49] Khadijah Md.Khalid, *Whither The Look East Policy.*

[50] Lihat Mohd. Ismail Yahaya, Bahagian Latihan JPA, kertas seminar, "The Look East Policy Programmes Of The Malaysian Government", *International Conference on Models of Development: The Role of the Japanese Studies*, Petaling Jaya, 18-19 Januari 1995.

itu. Beliau juga berkata program RPKJ berjaya memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara terutama dari segi pemindahan teknologi.

Graduan program ini membina kerjaya dalam pelbagai sektor perkhidmatan khususnya industri. Mereka membantu mencapai matlamat melahirkan lebih ramai tenaga profesional di Malaysia.[51] Kerajaan pula berhujah peruntukannya terhad bagi mengembangkan program ini seperti diminta. Bagi meningkatkan jumlah pelajar, kerajaan mengharapkan sokongan kewangan kerajaan Jepun dan pihak swasta seperti dalam bentuk pemberian biasiswa. Namun begitu biasiswa daripada kerajaan Jepun juga amat terhad, setiap tahun hanya sepuluh orang pelajar terbaik Ambang Asuhan Jepun diberikan biasiswa Monbusho. Setakat ini memang terdapat syarikat seperti Matsushita dan Panasonic yang menyediakan biasiswa kepada pelajar negara ini melanjutkan pengajian di Jepun tetapi jumlahnya juga adalah terhad. Panasonic Malaysia Sdn.Bhd. misalnya membiayai seramai 34 orang pelajar bagi mengikuti pengajian lepasan ijazah di Jepun sejak tahun 1998 sehingga kini.[52]

Jumlah pelajar yang terhad berpeluang mengikuti program ini turut mendapat perhatian ahli akademik seperti Dr. Omar Farouk, bekas pensyarah Universiti Malaya yang kini bertugas di Hiroshima City University Jepun. Beliau berpendapat jumlah sekitar dua ribu orang pelajar yang dihantar ke Jepun dalam tempoh hampir 20 tahun adalah tidak memadai jika dibandingkan dengan jumlah pelajar yang jauh lebih besar iaitu lebih kurang 20,000 yang dihantar menyambung pengajian ke negara Barat. Jumlah ini tidak termasuk pelajar persendirian yang belajar di sana. Rasional persoalan yang dibangkitkan beliau ialah jika bilangan pelajar yang belajar di Jepun tidak seberapa, maka bagaimanakah usaha

[51] Kenyataan Dr. Azilah pada majlis makan malam perpisahan Soubetsukai 2004. Lihat *Berita Harian* 30 Januari 2005.
[52] Laporan *Berita Harian* 30 September 2006.

memindahkan teknologi, pengetahuan dan budaya kerja Jepun dapat dilakukan dengan berkesan di negara ini.[53] Beliau mencadangkan supaya bilangan pelajar dan pelatih ditingkatkan pada masa depan supaya faedah yang maksima diperolehi daripada program pengajian yang berkenaan. Selain itu beliau juga mencadangkan supaya program pengajian dan latihan di Jepun dinilai semula keberkesanannya dengan melibatkan mereka yang terlibat secara langsung dengan program tersebut termasuk ALEPS. Bagi memastikan program ini sentiasa diselia dengan teratur, Omar juga mencadangkan pihak kerajaan mewujudkan mekanisme tertentu bagi memantau pelajar semasa dan selepas pengajian mereka. Beliau yakin jika program pengajian di Jepun ini diperbaiki kandungan dan pendekatannya maka faedah lebih besar akan dinikmati negara ini.

Masalah kewangan yang dihadapi kerajaan dalam mengendalikan program ini bukannya tidak pernah mendapat perhatian pihak berkuasa Jepun. Semasa kegawatan ekonomi melanda negara ini pada penghujung 1990-an, pihak kerajaan menghadapi masalah membiayai pengajian pelajar Malaysia di sana tetapi perkara ini mendapat perhatian kerajaan Jepun yang bersetuju menyediakan pinjaman mudah yang disalurkan melalui dana Overseas Economic Cooperation Fund (OECF) bagi mengatasi masalah tersebut. Bagaimanapun seperti dijangkakan Jepun masih mendapat keuntungan daripada pinjaman yang diberi kerana sebahagian besar daripada jumlah wang tersebut dibelanjakan di Jepun.[54]

Tan Sri Khatib turut mengakui mentaliti Jepun yang disifatkannya lebih mudah membantu jika bantuan tersebut memberikan keuntungan kepadanya. Perkara ini

---

[53] Lihat Omar Farouk kertas kerja bertajuk,"Look East Policy and the Continuing Applicability of the Japanese and Korean Model: An Evaluation",Seminar *International Conference on"Malaysia Look East Policy: Challenges and Contributions"*, Kuala Lumpur 22-23 April 2002.

[54] Temubual dengan Mansor Ibrahim, Ketua Unit Dasar Pandang Ke Timur, Bahagian Latihan, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Awam Putra Jaya.

ditimbulkan berikutan cadangan Dr. Mahathir mendapatkan bantuan kewangan dan kepakaran Jepun bagi menubuhkan sebuah universiti yang pada dasarnya dikenali sebagai Universiti Teknikal Malaysia–Jepun. Berikutan dengan kos perbelanjaan yang semakin meningkat bagi membiayai pelajar melanjutkan pengajian di Jepun, Dr. Mahathir mencadangkan supaya ditubuhkan universiti berkenaan di Malaysia dengan mendapat bantuan dan kerjasama Jepun. Matlamat utama penubuhan Universiti Teknikal Malaysia Jepun ini ialah untuk membolehkan lebih ramai pelajar negara ini mendapatkan pengetahuan dan teknologi selain kemahiran pengurusan Jepun. Pelajar yang dihantar ke Jepun hanya bagi tujuan pengajian peringkat lanjutan.[55]

Terdapat juga cadangan tambahan daripada Tan Sri Khatib misalnya agar universiti ini turut membuka peluang belajar kepada pelajar-pelajar rantau Asia dan negara-negara Islam di Timur Tengah. Beliau berpendapat dengan kepentingan ekonomi Jepun yang semakin meningkat di rantau ini dari masa ke semasa maka tiada sebab mengapa mereka tidak memberi kerjasama menubuhkan universiti berkenaan. Baginya penubuhan universiti menjadi lambang kerjasama erat dan hubungan baik yang terjalin di antara kedua buah negara.[56] Walau bagaimanapun sehingga kini cadangan berkaitan masih di peringkat awal dengan penubuhan jawatankuasa penaja melibatkan kedua-dua pihak. Mengikut sumber tertentu, salah satu sebab yang melambatkan pelaksanaan cadangan ini ialah sikap berhati-hati pihak Jepun selain tiadanya komitmen kewangan yang bersungguh-sungguh daripada mereka. Seorang pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam menyatakan bukanlah satu perkara mudah untuk mendapatkan bantuan kewangan Jepun yang sering mendakwa mereka tidak boleh sewenang-wenangnya membelanjakan wang pembayar cukai. Dalam

[55] Temubual dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad
[56] Khatib Abdul Hamid

kes penubuhan universiti seperti ini, Jepun mungkin menimbangkan segala aspek untung ruginya jika ia memberikan komitmen.

Jaafar Jambi dari Ambang Asuhan Jepun pula berpendapat jika Jepun gagal menyumbang bantuan dalam bentuk kewangan maka cadangan penubuhan universiti ini sukar dilaksanakan. Beliau memberikan contoh adakah pihak Jepun sanggup membiayai tenaga pengajar untuk bertugas di sini sedangkan pengajarnya yang bertugas di Universiti Malaya dibayar elaun tambahan oleh kerajaan Malaysia. Jika pihak Malaysia yang perlu mengadakan sumber kewangan dan menyediakan semua kemudahan lain maka tidak timbul lagi soal kerjasama dengan Jepun.[57] Dr. Mahathir walaupun kini tidak lagi berkuasa namun berhasrat melihat universiti yang disyorkannya ini berjaya ditubuhkan. Beliau bimbang sekiranya tiada usaha bersungguh-sungguh dilakukan oleh kerajaan bagi mempengaruhi Jepun supaya bersetuju dengan cadangan ini. Mahathir yakin jika wujud hubungan peribadi yang baik antara pemimpin negara ini dengan rakannya dari Jepun, masalah menubuhkan universiti ini dapat diatasi.

Jika diimbas kembali pandangan bekas pelajar tentang kewajaran program pengajian yang mereka ikuti diteruskan, isyaratnya amat jelas; seratus peratus bekas pelajar yang memberi maklum balas bersetuju program ini disambung pada masa depan. Sebagai golongan yang berpeluang mempelajari teknologi dan budaya hidup masyarakat Jepun mereka merasai keistimewaannya. Zainol Abu Kassim berpendapat adalah satu kerugian jika program ini dihentikan atau jumlah pelajarnya dikurangkan kerana melalui program berkenaan, pelajar dan negara memperolehi banyak faedahnya. Beliau bukan sekadar mencadangkan supaya program ini diteruskan malahan memberi beberapa cadangan bagi memantapkan lagi pengisiannya. Antara cadangannya ialah pemilihan pelajar bagi program

[57] Temubual dengan Jaafar Jambi

ini perlu mengambil kira aktiviti luar sekolah yang diikuti selain kelulusan akademik. Buat masa ini pemilihan pelajar program berkenaan dibuat berdasarkan kepada keputusan peperiksaan. Bagi Zainol, pelajar yang aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dan memiliki sahsiah yang baik lebih mudah berinteraksi dan mempelajari cara hidup masyarakat di negara asing. Beliau turut mengulangi cadangan ketuanya di Universiti Malaya Dr. S. Sakamoto agar pelajar tahun kedua program persediaan dihantar ke Jepun bagi memantapkan penguasaan bahasa Jepun mereka.[58]

Rumusan

Program pengajian dan latihan di Jepun yang menjadi komponen utama Dasar Pandang Ke Timur merupakan percubaan Dr. Mahathir untuk membawa rakyat negara ini mencontohi budaya kerja dan sistem pengurusan Jepun. Sejak dilancarkan pada 1982 sehingga penghujung tahun 1990-an hampir dua ribu pelajar berpeluang mengikuti pengajian pada peringkat ijazah pertama khususnya dalam bidang sains dan kejuruteraan. Secara keseluruhannya mereka merasa bangga dan gembira dengan kehidupan di Jepun kerana berpeluang bukan sahaja mempelajari pengetahuan dan teknologi namun kerana dapat mempelajari cara hidup masyarakatnya. Kajian yang dijalankan dalam kalangan bekas pelajar program ini menunjukkan kejayaan dalam beberapa aspek namun terdapat juga kelemahan-kelemahan yang mencacatkan pencapaian keseluruhan matlamatnya. Dalam aspek seperti kemudahan mendapat kerja memang tidak dapat dinafikan graduan dari Jepun dengan mudah diterima bekerja terutamanya dengan firma Jepun di negara ini. Kebolehan berbahasa dan memahami cara bekerja orang Jepun merupakan satu kelebihan mereka. Sebahagian besar bekas pelajar juga mengakui tertarik dan terpengaruh dengan

[58] Temubual dengan Hj. Zainol Abu Kassim

budaya dan etika kerja Jepun yang unik itu. Sekembalinya ke Malaysia, mereka menjadi lebih positif dan cuba mengamalkan etika kerja masyarakat Jepun seperti rajin, mematuhi masa, menjaga kebersihan dan menghormati golongan senior. Satu perkara penting hasil pengakuan bekas pelajar ialah program ini memberikan kesan yang baik kepada pemikiran dan budaya mereka namun masalahnya mereka menghadapi banyak rintangan ketika mahu mempengaruhi orang lain supaya turut berubah menjadi lebih positif. Hal sedemikian berpunca daripada perbezaan budaya antara rakyat kedua negara selain sistem sedia ada yang sukar menerima perubahan yang menjejaskan usaha menyebarkan etika kerja Jepun untuk diamalkan secara meluas di negara ini. Walau bagaimanapun bekas pelajar merasa yakin dalam jangka masa panjang perubahan dapat dilakukan jika kerajaan benar-benar serius mahu melaksanaknnya. Mereka berpendapat tiada salahnya mencontohi etika kerja dan sistem pengurusan Jepun yang baik namun menyatakan bukan semua amalan masyarakat Jepun sesuai ditiru atau dijadikan contoh oleh rakyat negara ini memandangkan kedua-duanya memiliki perbezaan di segi agama, budaya dan latar belakang sosial. Memandangkan perubahan budaya merupakan satu proses jangka panjang yang perlu dilakukan secara berterusan, penyelidik berpendapat kerajaan perlu menggubal dasar lain yang lebih meluas cakupannya dan dapat melengkapi DPT. Penekanan patut diberikan terhadap pendidikan nilai dan disiplin terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah. Sikap seperti rajin, mematuhi masa, menghormati golongan dewasa serta mencintai negara wajar dipupuk melalui berbagai dasar dan pendekatan yang sesuai. Institusi seperti sekolah, pusat latihan, badan bukan kerajaan dan media massa boleh memainkan peranan sebagai agen perubahan budaya dengan merancang program yang melibatkan lebih ramai anggota masyarakat.

BAB TUJUH : KESIMPULAN

Hubungan Malaysia atau dahulunya Tanah Melayu dengan Jepun sejak tercetusnya Perang Dunia Kedua sehingga kini boleh dilihat dari dua dimensi berbeza. Sepanjang tempoh 1941-1945 Tanah Melayu menjadi jajahan Jepun setelah mereka berjaya mengalahkan British yang memerintah ketika itu. Zaman selepas Perang Dunia Kedua memperlihatkan kemunculan Jepun sebagai kuasa ekonomi dunia yang baru yang memainkan peranan penting di rantau Asia Tenggara. Hubungannya dengan Tanah Melayu kemudiannya Malaysia berjalan secara rasmi berdasarkan amalan diplomasi masyarakat antarabangsa. Hubungan kedua negara semasa tempoh peperangan dan selepasnya tentu sekali berbeza dalam aspek politik, ekonomi mahupun sosial. Ketika menjajah, Jepun menggubal dasar dan memerintah mengikut kepentingannya. Jepun bercita-cita besar mahu menggantikan Barat mendominasi rantau Asia Timur. Bagi mencapai hasratnya, Jepun mengambil berbagai-bagai langkah bagi mengikis pengaruh British dan menggembeleng tenaga rakyat bagi menyokongnya di sebalik slogan *kemakmuran "bersama Asia Timur Raya"*. Sistem pendidikan yang dilaksanakan Jepun bermatlamat menghapuskan pengaruh British, menanam semangat Jepun (*seshin*) kepada masyarakat tempatan selain memberikan sedikit kemahiran kepada penduduk tempatan. Pada peringkat awalnya, dasar dan pendekatan Jepun menimbulkan kejutan budaya kepada penduduk tempatan kerana tindakan Jepun lebih berbentuk paksaan dan ugutan. Dalam usaha menyebarkan bahasa Jepun misalnya, pemerintah tentera menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa pengantar di sekolah dan pusat latihan yang dikendalikannya namun usaha tersebut gagal kerana

berhadapan berbagai-bagai masalah. Rancangan propaganda Jepun diterima rakyat secara terpaksa kerana takutkan hukuman yang keras dan kejam.

Kejayaan Jepun mengalahkan British seterusnya memerintah Tanah Melayu merupakan satu pengalaman penuh traumatik kepada penduduk Tanah Melayu. Pendekatan Jepun berbeza dengan British kerana sifat kasar mereka. Masyarakat tempatan melihat dari dekat ciri fizikal tentera Jepun yang walaupun bertubuh rendah tetapi bengis, kasar dan sering bertindak di luar batas kemanusiaan. Jepun melancarkan propaganda melalui sistem pendidikan dan media bagi menanam semangat dan mengagongkan maharajanya yang disifatkan sebagai tuhan. Perkara ini jelas menimbulkan konflik dengan masyarakat muslim kerana doktrin yang dikemukakan bertentangan dengan agama Islam dan budaya Melayu. Menyedari hakikat kegagalannya mendapatkan sokongan masyarakat tempatan menggunakan kekerasan, Jepun bertindak secara lebih lembut dengan melaksanakan indoktrinasi melalui sistem persekolahan dan latihan yang dikendalikannya. Kurikulum sekolah dipenuhi program menanamkan semangat Jepun dan membesarkan hagemoninya. Walau bagaimanapun rancangan Jepun hanya diterima separuh hati oleh masyarakat tempatan kerana mereka dihimpit masalah ekonomi yang amat mendesak.

Pemerintahan Jepun di Tanah Melayu walaupun dipenuhi kesengsaraan dan penderitaan namun masih terdapat kesan positif dalam aspek tertentu. Kejayaan Jepun sebagai bangsa Asia yang berjaya mengalahkan Barat menghapuskan tanggapan rakyat yang selama ini memikirkan kekuatan British yang tiada tandingannya. Hal yang sama secara tidak langsung meningkatkan kesedaran dan semangat kebangsaan orang-orang Melayu. Bagi sebahagian anggota masyarakat yang berpeluang belajar seterusnya berkhidmat dengan Jepun, mereka mendapat pengalaman bermakna kerana mempelajari budaya baru yang unik. Tidak dapat dinafikan seruan Jepun agar orang Melayu bersifat

berani, rajin, dedikasi, tidak membuang masa dan merasa bangga sebagai bangsa Asia merupakan pencetus semangat kepada mereka yang sejak sekian lama berada di bawah kongkongan penjajah British. Sebilangan kecil daripada golongan yang mendapat motivasi daripada Jepun ini kemudiannya muncul sebagai tokoh penting yang terlibat dalam perjuangan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu selain turut berkecimpung dalam pentadbiran negara selepas 1945 dan 1957.

Selepas Perang Dunia Kedua Jepun muncul dengan penampilan berbeza di arena antarabangsa. Hasratnya menjadi kuasa besar tentera di rantau Asia Timur musnah malahan negaranya berada di bawah kawalan Amerika selama tujuh tahun (pemerintahan SCAP 1945-1952). Perkara paling menarik tentang Jepun selepas 1945 ialah kemampuannya memulihkan kemusnahan negara seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi sehingga mencapai taraf negara maju pada pertengahan 1960-an. Masyarakat dunia mula memberi perhatian kepada Jepun yang merupakan kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat; syarikat-syarikat Jepun seperti Matsushita atau Mitsubishi kini merupakan pengeluar barangan pengguna yang menguasai pasaran dunia. Mengambil kesempatan daripada kedudukan negara-negara Asia yang mempunyai banyak sumber asli dan potensi pasaran, Jepun menggunakan sepenuhnya kelebihan modal dan teknologi yang dimilikinya bagi menguasai rantau Asia sebagai penjajah ekonomi yang baru. Hubungannya dengan Malaysia turut dipengaruhi sentimen saling bergantung berdasarkan kedudukan ekonomi kedua buah negara. Walaupun menyedari hubungan kedua negara lebih menguntungkan Jepun namun Malaysia tidak dapat mengelakkannya kerana terpaksa menerima hakikat kelebihan yang dimiliki Jepun dari segi modal, teknologi dan pengurusan.

Pada awal 1980-an, Malaysia memulakan rancangan menjadikan Jepun sebagai model pembangunan melalui Dasar Pandang Ke Timur yang diilhamkan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad. Intisari utama dasar ini ialah mencontohi budaya kerja dan sistem pengurusan Jepun yang disifatkan berjaya mendorong kejayaan ekonomi Jepun. Dasar ini walaupun menerima banyak kritikan namun berjaya meningkatkan hubungan dua hala kedua buah negara dalam bidang pendidikan dan latihan selain membantu peningkatan hubungan ekonomi dan perdagangan. Melalui dasar ini, para pelajar dan pelatih Malaysia dihantar ke Jepun bagi mempelajari teknologi dan budaya kerja masyarakat negara matahari terbit. Pengalaman mereka jelas menunjukkan keunikan masyarakat Jepun seperti sering diperkatakan masyarakat luar. Pelajar dan pelatih mendapat banyak faedah melalui program yang diikuti namun bilangan mereka terhad yang menyebabkan usaha menyebarkan budaya Jepun di Malaysia ini kurang berkesan. Tambahan pula tidak semua aspek budaya Jepun yang sesuai dicontohi masyarakat Malaysia kerana berbeza dengan pegangan agama dan adat resam masyarakat.

Dalam tempoh melebihi setengah abad, Jepun memainkan dua peranan yang berbeza dalam hubungannya dengan negara ini. Ketika memerintah pada tahun 1941-45 mereka cuba mempengaruhi rakyat supaya mengamalkan budaya mereka yang disifatkan sebagai amalan untuk membebaskan diri daripada penjajahan Barat. Tanpa perancangan dan kemudahan yang sewajarnya rancangan Jepun untuk mengubah minda dan budaya orang Melayu melalui sistem persekolahan tidak mencapai banyak kejayaan namun perjalanan masa mencetuskan sejarah yang baru. Jika dahulu Jepun yang memerintah melakukan berbagai cara menyebarkan budayanya kepada orang Melayu namun kini Malaysia pula mengambil langkah mencontohi Jepun. Percubaan Dr. Mahathir memilih Jepun sebagai model pembangunan bagi Malaysia bukanlah suatu perkara yang aneh

kerana pada asasnya setiap negara yang ingin maju akan melakukan perkara yang serupa. Sebelum ini model berkenaan adalah negara-negara Barat dan Amerika yang merupakan kuasa dunia dalam lapangan politik, ekonomi dan sosial.

Satu perkara menarik yang dapat diperhatikan ialah masyarakat Jepun pada zaman Perang Dunia Kedua dan masa kini memiliki beberapa persamaan dalam aspek mentaliti dan budaya. Walaupun watak garang tentera maharaja yang menjajah Tanah Melayu pada 1941-45 kini tidak lagi diamalkan masyarakat Jepun namun mereka dikagumi kerana masih mengamalkan budaya warisan tradisi seperti rajin, menepati masa, berdisiplin dan menghormati golongan tua. Semasa Perang Dunia Kedua, sikap seperti berani dan berdisiplin menjadi antara faktor penting yang membawa kemenangan kepada Jepun tetapi kini sifat sedemikian membolehkan mereka bersaing dalam bidang ekonomi dan teknologi pada peringkat antarabangsa. Pemodenan dan perubahan corak aktiviti ekonomi tidak mengubah keseluruhan budaya dan mentaliti masyarakat Jepun kerana generasi pasca perang masih mengamalkan nilai tradisi masyarakat walaupun tahap amalannya semakin berkurangan dari semasa ke semasa. Perkara yang hampir sama juga berlaku kepada dua generasi masyarakat Melayu yang menerima pendidikan dari Jepun. Walaupun zamannya berbeza namun pengalaman dan faedah yang diperolehi hampir sama dalam sesetengah aspek seperti penerapan nilai dan disiplin diri. Pengakuan segelintir anggota masyarakat bahawa pendidikan dan latihan yang diterima daripada Jepun semasa zaman pendudukan amat berfaedah kepada mereka membuktikan kesan positif sistem pendidikan yang diamalkan ketika itu walaupun dalam suasana serba kekurangan. Bukti ini diperkukuhkan dengan kemunculan beberapa individu yang menerima pendidikan Jepun yang kemudiannya muncul sebagai tokoh terkenal dalam bidang politik, ekonomi dan akademik. Pengalaman generasi "Dasar Pandang Ke Timur" juga mempunyai beberapa persamaan

dengan generasi zaman perang walaupun kehidupan mereka dalam suasana yang berbeza. Penekanan masih diberikan kepada aspek nilai dan disiplin dalam soal pendidikan dan pekerjaan. Sepanjang berada di Jepun, golongan ini bukan hanya berpeluang mempelajari teknologi malahan mempelajari budaya dan etika kerja masyarakat Jepun. Pengakuan golongan ini jelas membuktikan bahawa budaya dan etika kerja masyarakat Jepun mempengaruhi mentaliti dan sikap mereka di alam kerjaya. Namun begitu cabaran besar yang dihadapi mereka ialah membuktikan kemampuan untuk mencapai kejayaan sepertimana diperolehi tokoh-tokoh zaman pendudukan Jepun 1941-45.

Perubahan budaya masyarakat bumiputera yang cuba diusahakan Dr. Mahathir ternyata bukanlah suatu perkara mudah kerana terdapatnya berbagai-bagai masalah dan rintangan. Sungguhpun begitu Mahathir telah memulakan suatu rancangan yang baik untuk diteruskan penggantinya. Dasar Pandang Ke Timur yang dimulakannya bukanlah sempurna sepenuhnya kerana wujud kelemahan dalam aspek-aspek tertentu. Penambahbaikan perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengatasi masalah yang timbul. Berdasarkan pandangan pelbagai pihak, dasar ini wajar diteruskan kerana sumbangannya kepada pembangunan sumber manusia dan pemindahan teknologi. Kuantiti dan kualiti peserta yang terlibat perlu dipertingkatkan supaya mereka mampu memainkan peranan yang berkesan sebagai agen perubahan budaya kepada masyarakat tempatan. DPT juga bukannya dasar yang bersifat serba lengkap bagi menggerakkan perubahan budaya masyarakat bumiputera, ia hanya merupakan satu inisiatif awal yang memerlukan sokongan daripada dasar lain yang lebih luas dan menyeluruh. Proses mengubah budaya masyarakat bumiputera memerlukan dasar dan pendekatan holistik dengan mengambil kira latar belakang sejarah dan sosio-politik Malaysia.

BIBLIOGRAFI

Panduan Sumber di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Aliza Haji Ismail, *Katalog Wawancara Sejarah Lisan Arkib Negara Malaysia* (Arkib Negara Malaysia 1991).

Panduan Sumber-Sumber Bahan Mengenai Pendudukan Jepun di Cawangan Terengganu/Pahang disusun oleh Mohd. Nasir Ismail (Arkib Negara Malaysia, 1998).

Siri Anotasi Tesis, Bibliografi-Anatosi Hasil Penyelidikan di Arkib Negara Malaysia 1983-1984 (Arkib Negara Malaysia, 1986).

_____, *Bibliografi-Anotasi Hasil Penyelidikan di Arkib Negara Malaysia, 1958-1985* (Arkib Negara Malaysia, 1989).

_____, *Bibliografi-Anotasi Hasil Penyelidikan di Arkib Negara Malaysia 1989-1991* (Arkib Negara Malaysia, 1992).

_____, *Bibliografi-Anotasi Latihan Ilmiah di Arkib Negara Malaysia 1986-1988* (Arkib Negara Malaysia,1990).

_____, *Senarai Tesis di Perpustakaan Arkib Negara Malaysia.*

Koleksi Sejarah Lisan (Rakaman Temubual) Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Aliza Ismail dan Hasnah Daud (Arkib Negara Malaysia,1991)
Sodek Jamil (1977)

Koleksi Sejarah Lisan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Alor Setar.

Wacana Sejarah Negeri Kedah *" Gebang-Gebang Jepun"*. (1994)

Dokumen rasmi

Dokumen BMA PS / 412 , Japanese Military Administration : Educational Policy and Training

Fail Selangor *Syuseityo Kanbo* 33/2603. Annual Report of the District Office, Ulu Langat.
Fail Selangor Secretariat (*Syuseityo Kanbo*) 91/2602 , Establishment Lists Education Department Selangor- Statement of Resignation among Malai Teachers.

Fail Chief of Department of Education, Perak , 78/02 dan fail Department of General Affairs, Taiping bertarikh 1 Jun 2602.
Fail Pejabat Tanah Batu Gajah, Perak bil. 111/03. Farm School No. 1 S.A.O. Pk 49/03
Fail Pejabat Tanah Batu Gajah, Perak 78/02 bertarikh 8 .6. 1942.
Fail Pejabat Tanah Batu Gajah No. (4) dalam B.G. 78/02 .

Secretary, Kedah. (1944) 943/2487 , Annual Report On Education In Syburi For The Year 2486 .
Surat Tunku Abdul Rahman kepada Setiausaha Kerajaan Kedah Secretary./138/86 bertarikh 23 November 2486.
Fail kerajaan Kedah 93/02 . Nombor 71/93 / 2602 bertarikh 20-4-2603.
Fail SUK / Kedah 96/02
Fail SUK Kedah 123/2603, Pegawai Kerajaan yang lulus bahasa Jepun

Fail SUK 240/61, Setiausaha Kerajaan Kelantan.

Fail Pejabat Pelajaran Kelantan, EOK 6/1361 bertarikh 3.8.2602.

Fail Pejabat Pelajaran Kelantan EOK/138/02.

Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, EOK 6/61 bertajuk Daftar Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang Mustahak belajar bahasa Nippon.
Surat Penguasa Pelajaran Kelantan kepada Setiausaha Kerajaan Kelantan dalam No. (3) dalam E.O.K. 6/61 bertarikh 17 Muharram 1361.

Fail Jabatan Ukur Pulau Pinang, S.D.P. 81/2602
Memorandum daripada Gabenor Pulau Pinang bertarikh 12-9-2602 yang menyentuh hal tersebut dalam fail Jabatan Ukur Pulau Pinang, S.D.P. 81/ 2602.

Federation of Malaya , *Monthly Statistics of External Trade*, Januari 1962, Department of Statistics, Federation of Malaya, Kuala Lumpur.

Kajian Semula *Rancangan Malaysia Kedua* 1971-1975 (Kuala Lumpur : Percetakan Kerajaan Semenanjung Malaysia , 1973

Laporan Ekonomi 1980/81, Jabatan Percetakan Kerajaan Malaysia .

Laporan aktiviti JICA di Malaysia, Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Pejabat Malaysia) , Menara Citibank, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Rakaman Temubual Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur (tidak diterbitkan)

Rakaman Temubual dengan Hj. Hashim Gera, (Arkib Negara Malaysia,1987).
Rakaman Temubual dengan Dato' Seri Wan Isa Shukri Wan Rosdi, (Arkib Negara Malaysia,1989).
Rakaman Temubual dengan Tan Sri Mohamad Jamil, (Arkib Negara Malaysia,1987).
Rakaman Temubual dengan Hj. Mohd. Jadi Lahom, (Arkib Negara Malaysia,1988).
Rakaman Temubual dengan Tun Ghafar Baba, (Arkib Negara Malaysia,1994).
Rakaman Temubual dengan Dato' Ahmad Boestamam, (Arkib Negara Malaysia,1977)
Rakaman Temubual dengan Puan Rosna Mahyuddin, (Arkib Negara Malaysia, 1990)
Rakaman Temubual dengan Tun Hamdan Sheikh Tahir, (Arkib Negara Malaysia,1987)

Koleksi Sejarah Lisan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Alor Setar.
Wacana Sejarah Negari Negeri Kedah *" Gebang-Gebang Jepun".*

Rakaman Temubual dengan Hj. Ahmad Hj. Hashim (1994)
Rakaman Temubual dengan Hj. Osman Bakar (1994)
Rakaman Temubual dengan Hj. Abdul Rahman Hj. Osman (1994)
Rakaman Temubual dengan Dato' Hj. Shafie Abdullah (1995)
Rakaman Temubual dengan Encik Ibrahim Ismail (1994)

Koleksi Sejarah Lisan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Rakaman Wawancara audio-visual Abu Talib Ahmad dan Ramli Samad dengan Dato' Razak Abdul Hamid pada 28 Disember 2002

Temubual

Abdullah Ismail (Dato' Paduka Hj.) di Alor Setar, Kedah pada 12 Mei 2004.
Abdullah Hussain (Dato'), Sasterawan Negara di Petaling Jaya pada 3 Mac 2005.
Abdullah Daud (Encik) melalui telefon pada 17 Ogos 2006.
Abdul Rahman Omar (Encik) di cawangan jalan ibu pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur pada 8 Ogos 2006
Anwar Abdul Ghani (Encik) secara bertulis pada 30 Ogos 2006.
Azhar Aros (Encik) di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya pada 22 Jun 2006.

Azahari Taib (Tan Sri) di Alor Setar pada 9 Januari 2005.
Aziz Tapa (Tan Sri), bekas tokoh politik di Melaka pada 8 Jun 2004.
Azlina Hussin (Dr.) pensyarah USM pada 8 Februari 2007.
Baharudin Ahmad (Encik) di Kuala Lumpur pada 20 April 2005.
Hashim Jaafar (Tn.Hj.) di Alor Setar pada 22 Februari 2005.
Hairun Mahfouz (Encik) di Kuala Lumpur pada 21 Mac 2006.
Ikhsan Othman (Encik) di Tanjung Malim, Perak pada 20 Julai 2006
Isahak Haron (Prof. Datuk Dr.) di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 12 Mei 2005.
Jaafar Jambi (Encik), di Pusat Asasi Sains Universiti Malaya pada 8 Mac 2006.
Jamaludin Karim (Encik) melalui telefon pada 5Julai 2006.
Khatib Abdul Hamid (Tan Sri Dato') di Kuala Lumpur pada 9 Ogos 2006
Mahathir Mohamad (Tun Dr.) di Menara Berkembar Petronas pada 29 Ogos 2006.
Mansor Ibrahim (Encik) di Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Putra Jaya pada 22 Disember 2005.
Mohamad Jamil (Tan Sri Dato') di Kuala Lumpur pada 27 September 2005.
Mohd. Said Kadis (Encik) di Universiti Malaya pada 9 Mac 2006
Mohd. Yusof Hassan (Prof. Dato' Dr.) di Tanjung Malim pada 6 Januari 2006.
Muhamad Noor Abdullah (Encik) di Yan, Kedah pada 12 Januari 2006.
Radzi Ahmad (Tn.Hj.) di Alor Setar pada 15 Mac 2005.
Rozmadi Abd. Hamid (Encik) di Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 10 Julai 2006
Sakamoto Morioshi (Dr.), di Ambang Asuhan Jepun Universiti Malaya pada 9 Mac 2006.
Shaari Saad (Encik) di Kampung Sedaka, Yan Kedah pada 15 Februari 2005.
Siti Zaharah Bt. Omar (Puan) di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Putra Jaya. pada 22 Disember 2005.
Taha Abd. Rahman (Tn.Hj.) di Yan, Kedah pada 3 Oktober 2004.
Yaakob Harun (Prof.Dato' Dr.) di Tanjung Malim pada 10 Ogos 2006.
Zakaria Ahmad (Encik) di Alor Setar, Kedah pada 11 Mac 2006.
Zainol Abu Kassim (Tn.Hj.) di Universiti Malaya pada 13 Julai 2006.

Buku dan artikel

Abdullah Ahmad (Dato'), *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy 1963-1970* (Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd, 1985).

Abdullah Hussain, *Terjebak* (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1965).

_____,*Sebuah Perjalanan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984) dan Terjebak (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1965).

_____,dan Khalid M. Hussain, *Pendeta Za'ba dalam Kenangan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.

Abdullah Taib, *Asas-asas antropologi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1985)

Abdul Rahman Haji Ismail, " Nasionalisme Melayu dan Nasionalisme SeTanah Melayu : Satu Perbincangan Tentang Permulaannya", dalam Abu Talib Ahmad dan Cheah Boon Kheng (penyunting), *Isu-isu Pensejarahan: Esei Penghargaan kepada Dr. R. Suntharalingam* (Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 1995).

Abdul Samad Ahmad, *Sejambak Kenangan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1981).

Abdul Samad Ismail, *Memoir Abdul Samad Ismail di Singapura* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993).

Abu Talib Ahmad, *The Malay Muslims, Islam and The Rising Sun1941-45*, Monograph No. 34 (Kuala Lumpur : Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society ,2003).

_____, *Tamadun Jepun* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

_____,Japanese Policy Towards Islam in Malaya During the Occupation: A Reassestment" (Singapore : *Journal of Southeast Asian Studies*, Feb. 2002).

_____, "The Malay Community and Memory of the Japanese Occupation during the Japanese Occupation of Malaya, 1942-45", dalam Lim Pui Huen,P. dan Diana Wong (eds),*War and Memory in Malaysia and Singapore* (Singapore:Institute of Southeast Asian Studies, 2000).

_____,"Changing Perceptions of Malaysians Toward Japan Since World War Two" *(Kajian Malaysia,* Jilid XVII, No. 1, Jun, 1999).

_____, "Aspects of Malaysian-Japan Cultural Relations", in *Proceedings International Conference on Japanese Studies 1999: Japan Southeast Asia Relations* (Singapore : National University of Singapore Department of Japanese Studies, 2000) m.s. 185-199.

,*Kumpulan Esei Sejarah Malaysia oleh Pelajar-Pelajar U.S.M.* diselenggarakan bersama Kratoska Paul H.(Pulau Pinang : Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 1989) m.s. 91-97 .

Abdullah Zakaria Ghazali, *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terengganu, 1942-1945* (Petaling Jaya : University Malaya Press, 1996).

Abdul Aziz Zakaria, *British, Japanese and Independent Malaysia A Memoir*(Kuala Lumpur : Intan. 1989).

Abdul Rahim Hj. Awang Kechik, "Pendidikan Zaman British dan Jepun : Kes Jelutong Pulau Pinang", *Malaysia Dari Segi Sejarah*,(Journal Persatuan Sejarah Malaysia) April 1979.

Abdul Rahman Putra, *As a Matter of Interest* ,(Kuala Lumpur : Heinemann Book, 1981).

," Reminiscences of Tunku Abdul Rahman on the Japanese Occupation, 1941-1945"(Oral History Series on Japanese Occupation) (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1989). .

, *Looking Back, Monday Musing and Memories* (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1977).

,*Contemporary Issues in Malaysian politics*(Kuala Lumpur:Pelandok Publications, 1984).

Abdul Rashid Ngah, *Di Bawah Alunan Ombak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985).

Abibullah Hj. Samsudin et.al., *Asia Timur Pusat Pertumbuhan Baru Ekonomi Dunia* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002).

Ahmad Atory Hussain, *Politik dan Dasar Awam Malaysia*,(Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd., 1990).

Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Ke Puncak* (Kuala Lumpur: Mahakaya Publisher, 1983).

, *Tujuh Tahun malam Memanjang* (Kuala Lumpur : Amer Enterprise, 1976).

, "Mengenang Kembali Kawan Selatihan", *Dewan Masyarakat*, 15 Januari 1982.

, "Suka Duka Dalam Khemah Latihan", *Dewan Masyarakat*, 15 November, 1981.

A.F. Yassin, " Ahli Judo Ekonomi Muncul" , *Dewan Masyarakat*, Mac 1974.

_____. "Melihat Ke Timur : Perspektif Lain Dari Satu Kejayaan", *Dewan Masyarakat*, Julai 1982

Ahmad Meah Baba Ahmad, *Penaklukan Jepun Suka Duka di George Town* (Kuala Lumpur : Media Indah Sdn. Bhd., 1992).

Ahmad Murad Nasruddin, *Nyawa Di Hujung Pedang* (Kuala Lumpur : Pejabat Perhubungan Raya Tanah Melayu,1946).

Akashi Yoji, " Japanese Military Administration in Malaya- Its Formation and Evolution in Reference To Sultans, The Islamic Religion, And The Moslem-Malays, *1941-1945",Asian Studies* 7(1) 1969.

_____, "Japanese Cultural Policy in Malaya and Singapore 1942-1945",dalam Goodman, Grant K.(ed.), *Japanese Cultural Policies in Southeast Asia during World War Two* (London : Mc. Millan, 1991).

_____, "Bureaucracy and the Japanese Military Administration with Specific Reference to Malaya", dalam Newell, William (ed.), *Japan in Asia, 1942-1945* (Singapore : Singapore University Press, 1981).

_____, "Education and Indoctrination Policy in Malaya and Singapore under the Japanese Rule", 1942-1945*(Malaysian Journal of Education, Volume 13 Disember 1976)*.m.s. 61-89

_____, "The Japanese Occupation of Malaya : Interruption or Transformation ?", dlm. Alfred W. Mc. Coy (ed.) *Southeast Asia under Japanese Occupation* , Monograph series No. 22 (New York : Yale University Centre for Southeast Asia Studies, 1980).

_____, "The Koa Kunrenjo, 1942-1945 A Case Study Of Cultural Propagation And Conflict Under The Japanese Occupation Of Malaya", *Conference on Southeast Asian Studies*, 22-26 November 1977, Kota Kinabalu Sabah.

_____, "Japanese Policy Towards The Malayan Chinese 1941-1945", *Journal of Southeast Asian Studies* 1(2) (1970). m.s. 61-89

Akrasanee Narongchai (penyunting) *Asean- Japan Relations Trade and Development* (Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1983).

Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).

Anny Wong & Kuang Sheng Liao, *Japan's Cultural Diplomacy and Cultivation of Asean Elites,* Hong Kong Institute of Asia Pacific Studies (Hong Kong : Chinese University of Hong Kong,, 1991).

Anwar Ibrahim, *Gelombang Kebangkitan Asia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997).

Arena Wati, *Cerpen Zaman Jepun : Satu Kajian* (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1968).

Asma Abdullah (ed.), *Understanding the Malaysian Workforce-Guidelines for Managers* (Kuala Lumpur: Institute of Management, 1992).

Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980).

Aziz Zariza Ahmad, *Sebutir Permata di Menara* (Taiping: Firma Penerbitan Sdn. Bhd.,1982).

Barjoyai Bardai dan Aziz Abd. Hamid, "Apa Yang Boleh Kita Pelajari Dari Sistem Pengurusan Jepun", *Dewan Masyarakat*, Jun 1982.

Beasley W.G., *The Rise of Modern Japan Political,Economic and Social Change Since 1850,*Third Edition (London : Weidenfeld And Nicolson, 2000).

Benda, Harry, *The Crescent and the Rising Sun : Indonesian Islam Under the Japanese Occupation, 1942-1945* (The Hague : W.Van Hoeve, 1958).

Benedict Ruth, *The Sword and Chrysanthemum* (Tokyo: Charles E. Tuttle Co., 1978).

Brooks William L. and Robert M. Orr, Jr., Japan's Foreign Economic Assistance, *Asian Survey* Volume 25, No. 1-6, University of California Press, 1985,m.s. 324.

Broinowski, Alison (ed.), *Understanding ASEAN* (London : Mc Millan, 1982).

Chandra Muzaffar, Hard Work- The Cure All ? , *The Sun Also Sets Lesson in Looking East,* Jomo (ed.), (Kuala Lumpur : INSAN, 1985).

_____, "Overkill ? : In-House Unions For Malaysia" , *The Sun Also Sets Lessons in Looking East* , Jomo (ed.) (Kuala Lumpur : INSAN, 1985).

Chapman, Spencer F., *The Jungle in Neutral* (London : Triad and Panther Books, 1986).

Chang Yii Tan, "Condong Ke Timur : Masalah Perusahaan Pembinaan" dalam *Dasar-Dasar Ekonomi Mahathir*, Jomo (ed.), (Kuala Lumpur : INSAN, 1989).

Chilly Chew et.al., *Human Resource Development in Malaysia Japan's Contribution Since 1980* (kuala Lumpur: Centre For Japan Studies, ISIS, 1993).

Chua Wee Meng,"the Future of the Japanese Industrial Structure and Its Bearing on Japanese Trade and Investment In Southeast Asia" in *The Future Pattern of Japanese*

Economic and Political Relationship With Southeast Asia, Institute of Southeast Asia Studies Singapore, Current Issues, Seminar Series No. 5, September 1975.

Curtis, Gerald L., (ed.), *Japanese-American Relations in the 1970's* (Washington D.C. : Columbia Books Inc., 1970).

Chng M.K. & R. Hirona (ed), *Asean- Japan Industrial Cooperation An Overview*, The Asean Secretariat & Japan Institute of International Affairs (Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1986).

Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya : Resistance and Social Conflict During anf After the Japanese Occupation 1941-1946* (Singapore : Singapore University Press,1983).

_____, "The Japanese Occupation Of Malaya 1941-1945 : Ibrahim Yaakob and The Struggle For Indonesia Raya" *(Indonesia* 28, Oktober 1979) m.s. 85-120.

Chee Peng Lim dan Lee Poh Ping, *The Role of Japanese Direct Investment in Malaysia* , Occasional Paper No. 60 (Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1979).

_____, " Japanese Joint Ventures in Malaysia" dalam *The Sun Also Sets Lessons in Looking East*, (ed.) Jomo K.S., (Kuala Lumpur : INSAN, 1985).

Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down* (Kuala Lumpur : Federal Publication, 1976).

Cooper Bryan C., *Decade of Change Malaya and The Straits Settlements 1936-1945* (Singapore : Graham Brash,1998).

Conrad Philip Kottak, *Cultural Antropology* (New York: Mc Graw Hill,2004).

D.D. Chelliah, *A History of The Educational Policy of The Straits Settlements With Recommendations for a New System Based on Vernaculars* Kuala Lumpur : Government Press, 1947).

Facts On ASEAN, Ministry of Foreign Affairs Malaysia (Kuala Lumpur, 1977).

Farmer Edward L. et.all., *Comparative History of Civilizations in Asia* (U.S.A. : Addison Wesley Publishing Co., 1977).

Fong Wai Fong, *The New Asian Way* (Kuala Lumpur : Pelanduk Publication , 1999).

Francis H.K. Wong, *Official Report on education Straits Settlements and The Federated Malay States, 1870-1939* (Singapore : Pan Pacific Book Distributors (S) Pte. Ltd., 1980).

Fujiwara Iwaichi, *F-Kikan : Japanese Army Intelligence Operations in Southeast Asia during World War Two* translated by Akashi Yoji (Kuala Lumpur : Heinemann,1983).

Fukutake Tadashi, *Japanese Society Today*, Second edition (Tokyo : University of Tokyo Press, 1980).

_____, *Masyarakat luar Bandar di Jepun* (terjemahan Mokhtar Ahmad), (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985).

Gerald Tan , *Asian Development* (Singapore : Times Academic Press, 2000).

Ghazali Mayudin, *Johor Semasa Pendudukan Jepun 1942-1945* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia,1978).

Golley Linda, " Investment Paradise : Japanese Capital In Malaysia" dalam *The Sun Also Sets Lessons in Looking East*, (ed.) Jomo K.S., (Kuala Lumpur : INSAN, 1985)

Gondo Yoshio, Symposium 1 : "An Overview of Look East Policy", *International Conference on Malaysia's Look East Policy : Callenges and Contribution* on 22-23 April 2002, Nikko Hotel, Kuala Lumpur.

Hall, John Whitney, *Japan From Prehistory to Modern Times* (Tokyo : Charles E. Tuttle Co., 1995).

Hamzah Sendut, John Madsen and Gregory Thong Ting Sin, *Managing in a plural society* (Singapore: Longman Publishers, 1989).

Hara Fujio, " The Japanese Occupation of Malaya and the Chinese Community", in Kratoska Paul H. (ed.), *Malaya and Singapore during the Japanese Occupation* (JSEAS special publication series no. 3 (Singapore : JSEAS, 1995).

Harun Che Su, *Pandang Ke Timur Mengapa Jepun Menjadi Pilihan* (Kuala Lumpur: Moden Akademik, Institut Bena, 1982).

Hasegawa Keitaro, *Japanese Style Management An Insider Analysis* (U.S.A. : Kodansha International, 1986).

Halliday Jon and Gavan McCormack, *Japanese Imperialism Today, " Co-prosperity in Greater East Asia"*, (Victoria : Penguin Books Australia Ltd.), 1973.

Hashim Mohamed, "Preparatory Education For The Technical Study Programme Of The Look East Policy : An Overview", *International Conference on Malaysia's Look East Policy : Challenges and Contribution* on 22-23 April 2002, Nikko Hotel, Kuala Lumpur.

Hashim Makarudin(ed.), *Politik, Demokrasi dan Asia Baru,* Ucapan Pilihan Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia(Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara, 2003).

Hendry, Joy, *Understanding Japanese Society* (New York : Croom Helm, 1987).

Hiroshi Nakano, "Cases of Japanese SMIs in Malaysia", Seminar *International Conference on Models of Development: The Role of Japanese Studies*", 18-19 Januari 1995, Petaling Jaya.

Ibrahim Ismail, *Have you Met Mariam ?* (Johor Bahru : Westlight, 1984).

Ibrahim Zahari, " Impact of Look East Policy on Human Resources and Technological Transfer : A Case of Matsushita in Malaysia", Seminar *Malaysia's Look East Policy : Challenges and Contributions*, Kuala Lumpur 22-23 April 2002.

Ienaga Saburo, *The Pacific War : World War Two and the Japanese 1931-1945* tranlated by Frank Baldwin (New York : Pantheon Book, 1978).

Insun Sony Mustapha, *Mustapha Hussin Pejuang Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999).

Ishak Haji Muhammad, *Memoir Pak Sako : Putera Gunung Tahan* (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996).

Iriye Akira, "The U.S. and Japan in Asia: A Historical Perspective" dalam *The U.S., Japan and Asia Challenge for U.S. Policy*, Gerald L. Curtis(ed.), (New York: W.W. Norton &Co., 1994)

Institut Pentadbiran Awam Negara, *Dasar- Dasar Pembangunan Malaysia* (Kuala Lumpur : INTAN, 1994)

Ishida E., *Budaya Jepun : Kajian Tentang Asal Usul dan Ciri*, Terjemahan Mokhtar Ahmad dan Rustam A. Sani (Kuala Lumpur : Pustaka Cipta, 1986)

Itagaki Yoichi, "Some Aspects of the Japanese policy for Malaya Under the Occupation, with Special Reference to Nationalism", dalam K.G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History* (Singapore : University of Singapore Press, 1962)

Ismail Babu (Mejar Bersara), *Kisah Seorang Perajurit* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,1990).

Itisaka Gen, *Pintu Masuk Ke Jepun Penduduk dan Masyarakatnya*, Penterjemah Nazlifa Md. Ali. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995).

J. Victor Morais (ed.), Tun Razak, *Strategy for Action, The Selected Speeches of Tun Hj. Abdul Razak Dato' Hussein*, Deputy Prime Minister (Kuala Lumpur : Malaysian Centre for Development Studies, Prime Minister Department, 1969).

*Japan Profile of a Nation (*Tokyo : Kodansha International Ltd., 1995).

Japan's Economic Cooperation, Ministry of Foreign Affairs Japan (Tokyo, 1975).

Japan International Cooperation Agency, *Annual Report 1982* (Tokyo : JICA, 1982).

Japanese Overseas Investment A Complete Listing by Firms and Countries (Tokyo : The Oriental Economist/ Toyo Keizai Shinposha, 1981).

Japanese *White Paper On Economic Cooperation*, Ministry of International Trade and Industry (Tokyo , 1980).

Japan Ministry of Foreign Affairs, *Japan and Asia Development (* Tokyo, 197?)

Japanese White Paper On Economic Cooperation, MITI (Tokyo,1982).

Japan's International Cooperation Agency, *ODA dan JICA, File A-1, Overview*, JICA, (Kuala Lumpur,1990).

Jomo K.S. (penyunting) *Japan and Malaysian Development in the Shadow of the Rising Sun* (London : Routledge, 1994).

_____,*The Sun Also Sets : Lessons for Looking East* (Kuala Lumpur : Institut Analisa Sosial (INSAN), 1983).

Jumali Hj. Sidek dan Dzulkifli Abd. Razak(penyunting), " The Friendship programme for the 21st Century" – 13 Okt.-17 November 1987,Kumpulan Guru-guru Malaysia-Persahabatan Melalui Pendidikan (Kuala Lumpur, Disember 1987).

Jurnal Peradaban Melayu, Bil. 1, 2003, Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

Johan Jaafar, "Berhati-hati Meniru Jepun", *Dewan Masyarakat*, Disember 1982

Johan Saravanamuthu, " The Role and Impact of Japanese Direct Investment in Malaysia", *Seminar on the Japanese Experience Lessons for Malaysia*, Pulau Pinang, 26-31 Mei 1983.

_____, "Malaysia Foreign Policy in the Mahathir Period 1981-1995 : An Iconoclast Come To Rule", *Asian Jurnal of Political Science* , Volume 4 No. 1, 1996.

_____, " Serangan Kedua? : Dasar Pandang Ke Timur dan Penyerapan Ekonomi Malaysia oleh Jepun", dalam *Dasar-Dasar Ekonomi Mahathir*, Jomo (ed.), (Kuala Lumpur : INSAN, 1989).

Kamus Dewan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1998).

Karthigasu Sybil, *No Dram of Mercy* (Singapore : Oxford University Press, 1983).

Keene, Donald, *Appreciations of Japanese Culture* (Tokyo : Kodansha International Ltd., 1981).

Khadijah Md.Khalid dan Lee Poh Ping, *Whither The Look East Policy* (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003).

Khadijah Md. Khalid, "Malaysia-Japan Relations under Mahathir : " Turning Japanese" ?", *Reflections of the Mahathir years*,Bridget Welsh(ed.), Southeast Asia Studies Program (Washington DC : John Hopkin University, 2000).

Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism, An Intelectual Biography of Mahathir Mohamad* (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1995) .

Khong Kim Hoong, "Malaysia- Japan Relations in Historical and Regional Perspective in Trilaterism in Asia" dalam K..S. Nathan & M. Pathmanathan (ed.), *Problem and Prospect in Japan- Asean Relations*,(Kuala Lumpur : Antara Book Co., 1986).

Kingston, Jeffrey, *Japan in Transformation, 1952-2000* (Essex : Pearson Education Ltd., 2001).

Kunio Yoshihara, *Japan's Economic Relations With Southeast Asia* (Tokyo : Centre for Southeast Asian Studies, Kyoto University,1980)

_____, " Why did Japan Succeed in Industrialisation?" , *Seminar On The Japanese Experience Lessons for Malaysia*, 28-31 Mei 1983, Pulau Pinang

_____, *Japanese Economic Development*,Third Edition (New York : Oxford University Press, 1994) .

Kratoska, Paul H., *The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1945 : A Social and Economic History* (London : Hurst & Co. 1998)

Laporan tahunan Perbadanan Produktiviti Negara (Kuala Lumpur, 1982).

Langdon F.C., *Japan's Foreign Policy* (Vancouver : University of British Columbia Press, 1973)

_____, " Japanese Policy Towards SEA" in *Conflict and Stability in SEA*, ed., Mark W. Zacher and R. Stephen Milne (New York : Anchor Book, 1974).

Lebra T.S., *Japanese Pattern of Behaviour* (Honolulu : University Press of Hawaii, 1976).

Lee Poh Ping, "The Fifth Column", *Far Eastern Economic Review*, 27 Ogos 1982.

_____, "Japan Incorporated and It's Relevance To Malaysia", *The Sun Also Sets Lessons in Looking East*, Jomo (ed.) (Kuala Lumpur : INSAN ,1985)

_____, " Syarikat Malaysia Sdn. Bhd.: Pemerintah Melayan Kapitalis Swasta", dalam *Suria Terbenam Jua : Ajaran Pandang Ke Timur*, Jomo K.S. (ed.), karya asal *The Sun Also*

Sets : Lessons for Looking East penterjemah Rosli Omar (Kuala Lumpur : Insititut Analisa Sosial, 1992)

Lim Hua Sing, *Japan Role in Asia* 3rd. edition (Singapore : Times Academic Press, Singapura, 2001).

Mahathir Mohamad, *The Early Years 1947-1972* (Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd. , 1995).

_____, *The Malay Dilemma* (Singapore: Times Books International, 1970).

M. Rajendran, *Sejarah Jepun* (Kuala Lumpur : Arena Buku Sdn. Bhd., 1988).

_____, Japanese Studies in Malaysia, *Japanese Studies in Southeast Asia, Directory Series XI* (Tokyo : Japan Foundation, 1987)

_____, "Kebangkitan kepimpinan dalam perniagaan Jepun: Sumbangan tradisi peradaban Jepun terhadap pertumbuhan ekonomi", *Simposium Pandang Ke Timur Peringkat Kebangsaan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Februari 1983.

Malayawata Steel Bhd., *Director Report and Statements of Account for Year to 31st March, 1973.*

Marie Soderberg dan Ian Reader, *Japanese Influences and Presences in Asia* (London : Curzon Press, 2000).

Mackie J.A.C., *Konfrantasi The Indonesian Malaysia Dispute 1963-1966* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974).

Mc. Coy Alfred(ed.), *Southeast Asia Under Japanese Occupation*, Monograph No. 22 (New Heaven : Yale University, 1980).

Mahayudin Hj. Yahaya, *Islam di Sepanyol dan Sicily* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1990).

Martin Khor, "Meniru Jepun" ? , *Seminar On The Japanese Experience Lessons For Malaysia*, 28-31 Mei 1983, Pulau Pinang.

Masaki Iljima dan Thong Leng Leng, " Preliminary study of the 'karaoke culture' among youth in Singapore and Japan", *Proceeding 6th International Conference on Japanese Studies 1999, Japan-Southeast Asia Relations*, Department of Japanese Studies, National Universiti of Singapore, 1-2 Oct. 1999.m.s. 147-156.

Masafumi Matsuba, *The Contemporary Japanese Economy Beetween Civil Society and Corporation Centered Society* (Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 2001) .

Masanabu Tsuji, *Singapore, The Japanese Version* translated by Lake M.E.(Sydney : Ure Smith, 1960).

Masahide Shibusawa, *Japan and the Asian Pacific Region Profile of Change* (London : The Royal Institute of International Affairs, 1984) m.s. 136-148

Miller, Harry, *Prince and Premier : A Biography of Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj* (Kuala Lumpur : George C. Harrap,1959).

Mustapha Dato' Mahmud, *Tinggal Kenangan : Memoir Dato' Sir Mahmud Mat* , Penterjemah Amilah Abdul Rahman, Nor Azmah Shehidan Zaleha Abidin (Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka, 1999).

Mohd. Ghazali Shafie, *Malaysia International Relations Selected Speeches* (Kuala Lumpur : Creative Enterprise, 1982).

Mohd. Noor Azam, "Kuasa Ekonomi Jepun", *Dewan Masyarakat* Jilid X11, Bil.3, 15 Mac 1974.

Mohd. Rafdi Taha, "Serangan dan Pendudukan Tentera Jepun terhadap kampong Pak Amat dan Pengkalan Chepa", dalam Abu Talib Ahmad dan Kratoska Paul H.(penyunting),*Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1942-1945 : Kumpulan Esei Sejarah Malaysia oleh Pelajar USM* (Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 1989).

Mohd. Saleh Daud, *Memoir Bukan Konformis* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998).

Mohd. Said Mohd. Kadis, "A Reflection of the Academic Program Under the Look East Policy 1982-2002", *International Conference on Malaysia's Look East Policy : Challenges and Contribution* on 22-23 April 2002, Nikko Hotel, Kuala Lumpur.

Mohd. Yusof Hassan, " Implikasi Pemerintahan Jepun", *Buku Cenderamata Minggu Sejarah Kedah* , Alor Setar 250 tahun 1735-1985 (Alor Setar : Kerajaan Negeri Kedah, 1990).

Mohd. Yusoff Hj. Ahmad, *Decades of Change* (Malaysia 1910-1970s),(Kuala Lumpur : Art Printing Works Sdn. Bhd., 1983).

Mohamed Yusof Hj. Abdul Rahim, *Barat – Timur dan Bom Atom* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002).

Mohd. Bin Samsuddin, "Perhubungan Awal Malaysia- Jepun 1957-1967", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 23, 1995.

Mohd. Ismail Yahaya, Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, *International Conference on Models of Development : The Role of Japanese Studies* 18-19 Januari 1995, Petaling Jaya.

Mohd. Taib bin Osman, "The Present State Of Cultural Exchange In Malaysia : An Evaluation",*Dialogue Southeast Asia and Japan Symposium on Cultural Exchange* (Tokyo : Japan Foundation, 1977).

Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-45 (Tumpuan di Negeri Kedah)* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).

Mohamed Aslam dan Mohd. Haflah Piei, " Malaysia-Japan: Unequal Trade Partners" dalam *Japan and Malaysian Development in the Shadow of the Rising Sun*, Jomo K.S. (ed.) (London : Routledge, 1994).

Mohd. Nor Long , *Tun Hamdan Guru Sepanjang Hayat* (Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1999).

Morton, W. Scott, *Japan : Its History and Culture*, third edition (New York : Mc. Graw Hill, 1994).

Moritani Masanori, *Teknologi Jepun* terjemahan daripada *Japanese Technology* oleh Mohd. Fadzil Akra (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989).

Ming Wan, *Japan Between Asia and The West, Economic Power and Strategic balance* (USA : An East Gate Book, 2001).

Ministry of Foreign Affairs, Japan, *Japan's Foreign Aid* (Tokyo, 1972).

Ministry of Foreign Affairs, *Some Features of Japan's Development Assistance*, Tokyo, 1961 .

Murakami Ryu dan Bertrand Desprez, "Remaja Jepun Menghadapi Cabaran", *Kurier UNESCO*, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Bil. 3, 20000.

Nakane Chie, *Japanese Society* (Tokyo: Charles E. Tuttle Co. Inc., 1974).

Naisbitt John, *Megatrends Asia* (USA : Simon & Schuster Inc., 1996).

Nishihara Masashi, *The Japanese and Sukarno's Indonesia Tokyo-Jakarta Relations, 1951-1966,* Monograph of the Centre for Southeast Asian Studies, Kyoto University (Honolulu : University Press of Hawaii,1975).

Noran Fauziah Yaakub, *Pengantar Sosiologi* (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1987).

Olson Lawrance, *Japan in Postwar Asia* (New York : Preager Publishers, 1970).

Omar Farouk, " Look East Policy and the Continuing Applicability of the Japanese and Korean Model : An Evaluation", dalam *International Conference on "Malaysia Look East Policy : Challenges and Contributions*", Kuala Lumpur 22-23 April 2002.

Omar Md. Hashim, "Nilai-nilai Melayu Dalam Pendidikan", *Jurnal Peradaban Melayu*, Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 1, 2003.

Pascale Richard Tanner and Anthony G. Athos, *The Art of Japanese Management* (London : Allen Lane, 1982).

Percival A.E., *The War in Malaya* (London : Eyre and Spottiswoode, 1977).

Peter George James Dobree, *Hujan Panas Bawa Bencana* (terjemahan DBP) , (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994) dan T.P.M. Lewis , *Changi : The Lost Years* (Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1989).

Ramlah Adam, *Senator Ibrahim Abdullah Menabur Budi Menyokong Nusa* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999).

_____,*Ahmad Boestamam, Sebuah Biografi Politik* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994).

Radin Soenarno, Malay Nationalism 1896-1945, *Journal of Southeast Asian Studies History*, Mac 1960.

Raduan Che Ros, *Japanese-style management abroad : The case of Malaysian subsidiaries* (Petaling Jaya : Prentice Hall, 2002).

Rene Guenon, *East and West* (London: Luzac & Co.Ltd., 1941).

Reschauer Edwin, *Japanese Today Changes and Continuity* (Harvard University Press, 1979).

_____ and Albert M. Craig, *Japan : Tradition and Transformation* (Boston : Houghton Mifflin Co., 1973).

Roucek Joseph S. & Roland L. Warren, *Sosiologi Suatu Pengenalan*, Mohammad Haji Yusuf (penterjemah) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979).

Roff William R., *Malay Nationalism* (Kuala Lumpur : Penerbit University Malaya, 1974).

Rix Alan, *Japan's Economic Aid, Policy Making and Politics* (London : Croom Helm Ltd., 1980).

Sakaiya Taichi, *What is Japan ? Contradictions and Transformations*, translated by Steven Karpa. (USA: Kodansha International Ltd., 1993).

_____, *Bagaimana Jepun Menghadapi Zaman Sukar*.Terjemahan Arifin Bey (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya,1998).

Shaharir Mohamad Zain (penyunting), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Sains Dan Teknologi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994).

Shaharom Husain, *Memoir Shaharom Husain Selingkar Kenangan Abadi* (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996).

_____,*Di Bawah Sinar Matahari* (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia,2004).
Shaw, William, *Tun Razak : His Life and Times* (Kuala Lumpur : Longmans, 1976).

Shamsul Amri Baharudin dan Wendy A. Smith, "Japanese Model of Development: Some Facts and Fallacies from a Malaysian Experience", *Seminar Models of Development: The Role of Japanese Studies,* anjuran Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 18-19 Januari, 1995, Petaling Jaya.

Shivani Nandi, " Transferring Corporate Japan Overseas : Suzuki in India", *Japan Review*, 10, 1998, m.s. 199-218.

Sukehiro Hasegawa, *Japanese Foreign Aid Policy and Practice* (U.S.A.: Praeger Publishing, 1975)

Smith Wendy ., "Japanese Cultural Images in Malaysia Implication of the Look East Policy", dalam Jomo K.S. (ed.), *Japan and Malaysian Development in The Shadow of the Rising Sun* (London : Routledge, 1994)

_____, "Japanese Cultural Images in Malaysia", dalam Jomo K.S. (ed.), *Japan and Malaysian Development in The Shadow of The Rising Sun* (London : Routledge, 1994) .

_____, "Japanese Factory, Malaysian Workers" dalam *The Sun Also Sets : Lessons for Looking East* (Kuala Lumpur : Institut Analisa Sosial (INSAN), 1983).

Sudo Sueo, "Japan Asean Relations, New Dimensions in Japanese Foreign Policy", *Asian Survey*, Volume XXV111, No.5, May, 1988.

_____, *The Fukuda Doctrine and ASEAN New Dimension in Japanese Foreign Policy* (Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1992.

_____, "From Fukuda to Takeshita : A Decade of Japan-Asean Relations", *Contemporary Southeast Asia*, Volume 10, Number 2, September 1988.

Stephen Leong, "Human Resources Development in Malaysia: The Japanese Contribution", Kertas Kerja *Persidangan Bersama Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun* (MAJECA) yang ke 17, 25-27 Julai 1994,Genting Highland.

Syed Othman Al-Habshi, Aidit Haji Ghazali, *Islamic Values and Management* (Kuala Lumpur: IKIM, 1994).

Syed Waseem Ahmad, "Malaysian–Japanese Economic Relations", *Proceding of the Conference University of Malaya*, Japanese Economic Influence in Southeast Asia, 12-14 May, 1970.

Swyngedouw Jan, "Religion in Contemporary Japanese Society", *The Japan Foundation Newsletter*, Vol.XIII/No.4, January 1986.m.s. 1-14.

T.J. Danaraj, *Japanese Invasion of Malaya and Singapore Memoirs of a Doctor* (Kuala Lumpur : Eagle Trading Sdn. Bhd. , 1990).

Tilman, R.O., *Malaysian Foreign Policy : The Dilemma of a Commited Neutral* (Massachusetts : Cambridge, 1967).

Wan Hamzah Awang (Wahba), *Biografi Pak Sako Hidup Meniti Ranjau* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).

Wan Hashim Wan Teh, *Perang Dunia Kedua : Peranan Gerila Melayu Force 136* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993).

Wendy A. Smith," A Japanese Factory in Malaysia Ethnicity as a management ideology", *Proceeding Asian Studies Association of Australia Malaysia Society's Third Colloqium*, 22-24 August 1981, University of Adelaide, Australia.

_____," Impact on Japanese management on Malaysian female factory workers", *Seminar Wanita dan Pekerjaan anjuran APDC*, Kuala Lumpur 16-17 April 1984.

_____,"Japanese Management in Malaysia",*International Conference on Models of Development, The Role of the Japanese Studies*, Petaling Jaya, 18-19 Januari 1995.

_____, dan Hironi Hata, "Nakane's *Japanese Society* as Utopian Thought", *Journal of Contemporary Asia*, Volume 13, 1983.

_____, "Japanese Cultural Images in Malaysia Implication of the Look East Policy" dalam *Japan and Malaysian Development in the Shadow of the Rising Sun*, Jomo K.S.(penyunting) (London : Routledge, 1994) .

White Paper, Ministry of Foreign Affairs Japan, 1957.

Wilson Harold E., *Educational Policy and Performance in Singapore*, 1942-1945, Occasional Paper No. 16, Institute of Southeast Asian Studies, 1973.

Woronoff Jon, *The Japanese Management Mystique, The Reality Behind the Myth* (U.S.A. : Probus Publishing Co., 1994).

Varley, H. Paul, *Japanese Culture*, third edition (Honolulu : University of Hawaii Press, 1984).

Vogel Ezra F., *Japan As Number One Lessons For America*(Massachusette : Harvard University Press,1979).

_____, *Is Japan Still Number One* ? (Subang Jaya : Pelanduk Publications, 2000).

Volpi, Vittorio, *Japan Must Swim or Sink* (Petaling Jaya : Pelanduk Publication,2001).

Yamashita Shoichi (ed.), *Pemindahan Teknologi dan Pengurusan Jepun Ke Negara-Negara Asean,* Penterjemah Nazlifa Md. Ali (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993).

Yit Yat Hoong, "Facilities for Japanese Studies At The University of Malaya : A Note , Japanese Economic Influence in Southeast Asia", *Procedings of The Conference University Malaya*, 12-14 May, 1970.

Yuen Choy Leng, "The Japanese Community in Malaya before the Pacific War: Its Genesis and Growth", *Journal of Southeast Asian Studies 9*, 1978. m.s. 163-179

Za'ba, *Kesah Peperangan di Tanah Malai* (Singapore: Pejabat Pembangunan Melayu Baru, 1943).

Zainal Abidin Abdul Wahid, "The Japanese Occupation and Nationalism", *Glimpses of Malaysian History* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970) m.s. 93-98.

_____, Pendudukan Jepun *dalam. Malaysia Warisan dan Perkembangan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,1996) . .

Surat khabar dan Majalah

Malai Sinpo, Mac – November 1943
Malai Sinpo, Julai 1944.

The Syonan Times, Februari – Oktober 1942

The Syonan Sinbun, Januari – Jun 1943

Perubahan Baharu, Januari – November 1944.
Perubahan Baharu, Januari 1945

The Perak Times, September 1942

Sunday Gazette, April - May 1958

Straits Echo, May 1958.
Straits Echo, Januari - Februari 1960.

Majlis, November 1947

Utusan Melayu, Mei 1949
Utusan Melayu, Januari 1965.
Utusan Melayu, Januari 1974.

Berita Harian, Ogos 1965
Berita Harian, April 1966.
Berita Harian, September 1967
Berita Harian, Januari - Mei 1983.
Berita Harian, 3 Mac 1983.
Berita Harian, Januari 2005.

The Star, Januari, 1974,
The Star, Oktober 1982.
The Straits Times, Julai, 1973.
The Straits Times, Januari 1974

The New Straits Times, Januari – Julai 1982 .
The New Straits Times, Februari - Mac 1983.

Majalah

Dewan Masyarakat

Far Eastern Economic Review, April 1966
Far Eastern Economic Review, Januari 1974.

Foreign Affairs, Malaysia, Volume 1, 1967 .
Foreign Affairs, Malaysia, Volume 3, 1970.
Foreign Affairs Malaysia, Volume 5, 1972.
Foreign Affairs Malaysia , Volume 7 , 1974.
Foreign Affairs Malaysia , Volume 10, 1977
Foreign Affairs Malaysia , Mac 1982.
Foreign Affairs Malaysia , Mac 1982 .
Foreign Affairs Malaysia, Ogos 1982

Malaysian Digest, Januari , 1974.

Asean Review, Asean Trade and Industry, A New Approach From Japan, No. 35, March 1977.

Asiaweek, Mac - November 1982

Business Times, 2 Oktober 1982.
Business Times, 4 November 1982.

Laman Web

www.cao.go.jp/youth

Tesis, Mini tesis,Kajian dan Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan)

Abdullah Abdul Rahman,"Pendudukan Jepun: Satu Kenyataan Ringkas Tentang Pergolakan dan Perkembangan Kampung Sungai Choh",(Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1977).

Abd. Hamid Ghazali," Dasar-Dasar Jepun dalam Kegiatan Ekonomi di Temerloh 1942-1945", (Latihan Ilmiah Universiti Sains Malaysia, 1995).

Abdul Malik Hanafiah, "Sejarah Perjuangan Kesatuan Melayu Muda",(tesis BA (Hons.) Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974).

Angline Innasi, "Fenomena Nasionalisme Melayu Pada Zaman Pendudukan Jepun 1942-1945 : Satu Kajian Keatas majalah Fajar Asia Sebagai Saluran Membangkitkan Semangat Nasionlaisme Melayu",(Latihan Ilmiah Universiti Sains Malaysia, 1995).

Azhar Raswan Din Wan Dean, "Penguasaan Ekonomi Kedah Oleh Tentera Jepun Semasa Perang Dunia Kedua 1941-1945" , (Tesis BA(Hons) Universiti Sains Malaysia, 1984).

Chua Soo Gim, "Cerpen Zaman Jepun (1942-1945) Satu Kajian",(tesis BA (Hons.), Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987).

Dalius Lucius Lobinjang, "Sabah Semasa Pendudukan Jepun 1942-1945", (Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989).

Danker Sami Mehmet, "Continuity and Change in Japanese Malaysia Relations Before and After Second World War", (tesis MA Universiti Sains Malaysia, 1985).

Halinah Bamadhaj, "The Impact of Japanese Occupation of Malaya on Malay Society and Politics 1941-1945", (tesis MA University of Auckland, New Zealand, 1975).

Hoo Boon Tat, "Peranan Dr. Mahathir dan Kesannya Terhadap Dasar Luar Malaysia 1981-1997", (tesis Sarjana Sains Sosial Universiti Sains Malaysia, 2000).

Jacinta Chin Vee Lin, "Japanese Capital Investment and Foreign Aid to Malaysia", (Latihan akademik Universiti Malaya 1970/71).

Layton Horner, "Japanese Military Administration in Malaya and Filipina", (tesis PhD University of Arizona, 1973).

Mohd. Nasir Ismail, "Pendudukan Jepun di Terengganu", (Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1996),

Pathmanathan Kuppusamy, "Kerjasama Malaysia- Jepun DiTinjau Pada Dasar Pandang Ke Timur", (Latihan Akademik Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaya 1985/1986).

Rus'ain Abdullah, "Surat Khabar dan Majalah Melayu Di Zaman Jepun 1942-45: Satu Kajian Keatas Perkembangan dan Peranan", (Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988)

Rosnani Ibrahim, " Pendudukan Jepun di Ulu Langat, Selangor", (Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1979).

Soeda Keiko, "Japanese Racial Policy in Malaya and Singapore During the Japanese Occupation, It Impact on National Integration", (tesis MA National University of Singapore, 1996).

Teh Koon Hoo, "Pendudukan Jepun di Yan, 1941-43", Mini Tesis, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 1995).

Yuen Choy Leng , "Expansion of Japanese Interest in Malaya 1900-1941", (tesis M.A. Universiti Malaya, 1973)

Zalfan Mohd. Rashid, " Pendudukan Jepun di Melaka 1942-1945 Politik dan Pentadbiran", (tesis BA (Hons) Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973).

Sumber daripada Persidangan/Seminar

Seminar berjudul, *Malaysia's Look East Policy : Challenge and Contribution* anjuran bersama Universiti Malaya , Jabatan Perkhidmatan Awam dan Alumni Look East Policy (ALEPS), Kuala Lumpur 22-23 April 2002.

International Conference on "Models of Development : The Role of Japanese Studies", organized by the Faculty of Arts and Social Sciences, University Malaya, Petaling Jaya, 18-19 January 1995.

First Malaysia-Japan Colloquium, Institute of Strategic and International Studies Malaysia,Hilton Petaling Jaya, 27-28 August 1984.

Seminar On The Japanese Experience Lessons For Malaysia, anjuran Persatuan Ekonomi Malaysia cawangan utara dan Persatuan Jepun Pulau Pinang , Rasa Sayang Hotel, Pulau Pinang, 28-31 Mei 1983.

International Seminar " Learning from Japan : Lessons for Malaysia" , Institut Analisa Sosial (INSAN), Kuala Lumpur, Ogos 1983.

Lampiran 1

Arahan dan Panduan Kepada Guru

Translation from a Japanese book of instruments to teachers

" Ko- Min Gakko, Seikaishu" (National school in weas seas)

Section 1

All " Ko- Min school must assisted by people, the important part of the work of education in order to improve the world in the East Asia by the lead of the government of great Japan.

Methods of Training

Section 11

To train all pupils in school to do all that teachers can do as par section I above and thus should follow the instruction carefully as laid down below :

a. Teachers must teach their pupils to understand the reason why the war broke out now in Asia the Great. Chiefly to bring up the unity of all nationalities in East Asia the Great under the leadership of the Government of Japan.
b. To make known to all that Japan's situation and duties to be respected because of the great responsibility for the interests of the East Asia the Great and further for the whole world. Japan intention is to help all round to promote a higher position of East Asia the Greater by using the military faces of Japan to carry out this great struggle.
c. Japanese language therefore must be used daily for the developing of this great job and so all must be trained in this point also to learn the behavior and Japanese military drill in order that all could be ready in time to come to take part in this great struggle for better situation and with the Japanese spirit in themselves.
d. To train all pupils to understand their daily duties and how to keep themselves healthy.
e. To train them to control their ideas into one object and in one direction only.
f. In every lesson it should be given with great care and should continue to one another without a stoppage.

g. To study the most needs from every pupils and to teach pupils the very important subject the Japanese language in the form of daily conversation . To check to use only other language but Japanese in or outside school.
h. To teach children to understand physical and military drill as soon as possible in their interest for their future bright days.
i. Singing- This is to promote the courage of any child to improve both his health and learning as most Japanese are doing.
j. Drawing and handicraft must begin with something often seen by pupils. Any drawing or handicraft completed by any pupils must then be corrected by the teacher to show it should be done the best.
k. School gardening- During the war, it should be understood that more food should be planted in order to have more production from all concerned and to help the people who are in the military faces at war.
l. The timetable and syllabus for use in the lower and primary classes should be adopted.

Sumber : Lihat K.K. George, Education in Sabah, Part. 1(Kota Kinabalu : Yayasan Sabah, 1982) dalam Dalius Lucius Lobinjang, "Pendudukan Jepun di Sabah", Tesis BA (Hons.) Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988/89.

Lampiran 11

Kemasukan pelajar ke sekolah rendah tahun 1943-1944

Sekolah Melayu

		Tahun Semasa		Peratus	
Negeri	Sebelum Perang Dunia Kedua	1943	1944	1943	1944
Syonan	5,339	5,933	5,100	111.1	95.5
Johor	23,208	7,869	12,936	33.9	55.7
Negeri Sembilan	13,052	13,275	12,226	101.7	93.7
Selangor	13,543	6,708	6.708	49.5	49.5
Perak	33,808	27,546	27,672	81.5	81.6
Pulau Pinang	12,000	11,867	11,090	98.9	92.4
Jumlah	**100,950**	**73,198**	**75,732**	**72.5**	**75.0**

Kemasukan pelajar ke sekolah rendah tahun 1943-1944

Sekolah Cina

		Tahun Semasa		Peratus	
Negeri	Sebelum Perang Dunia Kedua	1943	1944	1943	1944
Syonan	37,505	6,748	6,650	18.0	17.7
Johor	16,911	3,544	3,938	21.0	23.3
Negeri Sembilan	4,800	2,638	3,102	55.0	64.6
Selangor	22,000	4,889	5,541	22.2	25.2
Perak	27,720	4,409	5,100	15.9	18.4
Pulau Pinang	18,000	8,766	8,151	48.7	45.3
Jumlah	**126,936**	**30,994**	**32,482**	**24.4**	**25.6**

Kemasukan pelajar ke sekolah rendah tahun 1943-1944

Sekolah Tamil

		Tahun Semasa		Peratus	
Negeri	Sebelum Perang Dunia Kedua	1943	1944	1943	1944
Syonan	811	868	600	107.0	74.0
Johor	4,860	406	1975	8.4	40.6
Negeri Sembilan	4,503	3,489	3,141	77.5	70.0
Perak	10,442	8,029	4,642	76.9	44.5
Pulau Pinang	2,300	3,266	2,869	142.0	124.7
Jumlah	**22,916**	**16,058**	**13,227**	**70.1**	**57.8**

Sumber: Yoji Akashi,"Education and Indoctrination Policy in Malaya and Singapore under the Japanese Rule, 1942-1945". Lampiran Statistic 1-A- Primary School Pupil Enrollment in 1943-1944.

Lampiran 111

Ikrar yang dilafazkan oleh pelatih-pelatih *Koa Kunrenjo*

Koa Kunrenjo Melaka

1 Kami akan bersifat ikhlas, mematuhi semua arahan dan belajar bersungguh-sungguh bagi menunaikan tanggungjawab.

2. Kami akan selalu melatih mental dan fizikal dan bersedia menerima latihan yang keras demi membina semangat yang kuat.

3. Kami akan menghormati mereka yang lebih tua dan berusaha kearah mewujudkan perpaduan bersama.

4. Kami akan selalu berlaku jujur dan mengamalkan kebersihan.

5. Kami akan selalu dibawah kepemimpinan Jepun dan bersedia menjadi askar yang setia bagi memperjuangkan kewujudan kawasan kemakmuran bersama Asia Timur Raya.

Koa Kunrenjo Pulau Pinang

1. Kami akan setia kepada Maharaja Jepun.
2. Kami akan menghormati mereka yang lebih tua
3. Kami akan mematuhi segala arahan tanpa berdolak dalik.
4. Kami bersedia menerima prinsip-prinsip latihan yang keras bagi meningkatkan semangat.
5. Kami tidak hanya bekerja keras dan bijaksana tetapi akan menjadi agresif dan progresif.
6. Kami akan mengamalkan semangat patriotik dan bersedia memikul tanggungjawab.
7. Kami akan berlaku adil dalam menjaga kepentingan peribadi dan awam.

Sumber : Diterjemahkan dari artikel asal berjudul "*Oaths of Allegiance and Pledges of Kunrenjo*" oleh Yoji Akashi, "Education and Indoctrination Policy in Malaya and Singapore under the Japanese Rule, 1942-1945" , *Malaysian Journal of Education*, Volume 13, Disember 1976 , Lampiran Dokumen 10.

Lampiran 1V

Senarai pelajar tajaan JPA bagi program Guru Bahasa Jepun di bawah Dasar Pandang Ke Timur.(1990-1994)

Kumpulan	**Jumlah pelajar**	**Jangka masa belajar**
Kumpulan 1	10	April 1990- Mac 1995
Kumpulan 2	10	April 1991- Mac 1996
Kumpulan 3	12	April 1992- Mac 1997
Kumpulan 4	15	April 1993- Mac 1998
Kumpulan 5	20	April 1994- Mac 1999
Jumlah	67	

Sumber: Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam

Lampiran V

Jumlah Penuntut Tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam di bawah DPT di Universiti Jepun.(1984-1994)

Kumpulan	**Jumlah pelajar**	**Jangka masa belajar**
Kumpulan 1	39	April 1984 - Mac 1988
Kumpulan 2	45	April 1985 - Mac 1989
Kumpulan 3	64	April 1986- Mac 1990
Kumpulan 4	79	April 1987 – Mac 1991
Kumpulan 5	81	April 1988 – Mac 1992
Kumpulan 6	84	April 1989 – Mac 1993
Kumpulan 7	83	April 1990 – Mac 1994
Kumpulan 8	90	April 1991 – Mac 1995
Kumpulan 9	106	April 1992 – Mac 1996
Kumpulan 10	114	April 1993 – Mac 1997
Kumpulan 11	143	April 1994 – Mac 1998
Jumlah	**928**	

Sumber : Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatab Awam Malaysia.

Lampiran V1

Soal Selidik Pengalaman Bekas Pelajar Malaysia di Jepun

Soal selidik ini bertujuan mendapatkan maklumat bagi tujuan kajian akademik semata-mata. Saya amat memerlukan kerjasama tuan/puan untuk menjawab soalan yang diberikan Kerjasama tuan/puan amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Profil Responden

1. Jantina : Lelaki / Perempuan
2. Umur : _____
3. Bidang pekerjaan : Pentadbiran / Teknikal/Perniagaan/Lain-lain_____
4. Jawatan:_____
5. Tempat bekerja:_____
6. Nama institusi semasa belajar di Jepun : _____
7. Tahun pengajian : _____
8. Peringkat pengajian : Diploma / Ijazah pertama / Ijazah lanjutan
9. Bidang pengajian : _____
10. Bidang pengkhususan : _____
11. Penganjur pengajian : _____
12. Pengajian persediaan di Malaysia :(sila tandakan)

Ambang Asuhan Jepun	
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	
Universiti Teknologi Mara (UiTM)	
Lain-lain institusi	

Sila beri pandangan anda dengan menandakan SETUJU atau TIDAK SETUJU kepada kenyataan di bawah

PENGALAMAN DI JEPUN	SETUJU	TIDAK SETUJU
Anda gembira belajar di Jepun		
Anda diterima dengan baik di Jepun		
Anda menguasai bahasa Jepun dengan baik		
Anda bersahabat dengan orang Jepun		
Anda mempelajari cara hidup mereka		
Masyarakat Jepun mempunyai kualiti tersendiri		
Anda terpengaruh dengan cara mereka		
Anda percaya bahawa etika kerja Jepun boleh ditiru		
Anda menganggap kejayaan Jepun sesuai sebagai model		
Pengalaman belajar di Jepun adalah menarik		

Berdasarkan pemerhatian , nyatakan pandangan anda tentang sikap atau ciri-ciri yang terdapat pada masyarakat Jepun

SIKAP/ CIRI-CIRI MASYARAKAT JEPUN	SETUJU	TIDAK SETUJU
Rajin		
Bersungguh-sungguh		
Menepati masa		
Inovatif		
Sedia berkorban untuk negara		
Mementingkan matlamat kumpulan daripada individu		
Mementingkan produktiviti dan keberkesanan		
Mementingkan pendidikan		
Rajin membaca		
Menjaga kebersihan		
Menghormati ketua dan golongan lebih tua		
Berdisiplin		
Ambil berat hal agama		
Pentingkan kerja daripada perkara lain		
Nasionalistik		

Nyatakan sikap/ persetujuan anda terhadap kenyataan berikut dengan menandakan YA atau TIDAK

SIKAP ANDA	YA	TIDAK
Kebiasaannya datang awal ke tempat kerja		
Selesaikan semua kerja yang sepatutnya pada hari yang sama		
Sanggup melakukan kerja orang lain yang bercuti		
Sanggup bekerja pada hari cuti jika diperlukan		
Berusaha bersungguh-sungguh mencapai matlamat organisasi		
Mengutamakan kepentingan kumpulan daripada individu		
Memberi idea-idea baru untuk memajukan organisasi		
Menjalankan arahan pihak atasan tanpa banyak karenah		
Merasa terhutang budi kepada syarikat		
Menghormati ketua yang lebih rendah kelulusannya		
Menganggap sumbangan individu penting untuk kumpulan		
Percaya kepada konsep perkongsian untung majikan – pekerja		
Kesungguhan anda bekerja kerana dorongan kewangan		
Anda mahu dihormati dan diiktiraf sebagai pekerja yang baik		
Anda bangga dengan kerjaya dan organisasi anda		

PENILAIAN ANDA	SETUJU	KURANG SETUJU
Pengalaman belajar di Jepun mengubah budaya kerja anda		
Jepun lebih berjaya dari Malaysia dalam bidang sosio ekonomi		
Jepun berjaya kerana desakan dan terpaksa survive		
Suasana dan latar belakang Jepun dengan Malaysia berbeza		
Perubahan budaya akan mengambil masa yang panjang		
Perlu berhati-hati meniru Jepun		
Kejayaan Jepun masih relevan pada masa kini		
Pengajian anda keseluruhannya berjaya mencapai matlamat		
Dasar Pandang Ke Timur wajar diteruskan		
Malaysia mampu menjadi negara maju menjelang 2020		

Beri pandangan anda tentang perkara berikut :

1. Kebaikan masyarakat Jepun .
2. Kelemahan masyarakat Jepun .
3. Kesan pengajian di Jepun kepada anda.
4. Bolehkah etika kerja Jepun ditiru oleh rakyat negara ini.
5. Halangan-halangan dalam meniru etika kerja Jepun.
6. Keyakinan anda terhadap Jepun sebagai model pembangunan .

SEKIAN. TERIMA KASIH .